



LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2015 DAN AKTIVITI KEMENTERIAN /  
JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN  
DAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI  
BAGI TAHUN 2015 SIRI 1



# **ISI KANDUNGAN**



**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015  
PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	3 - 17

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1  
SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN**

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	<b>JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Majlis Keselamatan Negara / Agensi Pengurusan Bencana Negara</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa Banjir</li> </ul> </li> </ul>	21 – 40
3	<b>JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Pertahanan Awam Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan</li> </ul> </li> </ul>	41 – 51
4	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Tindakan Guaman Sivil Terhadap Syarikat</li> </ul> </li> </ul>	52 – 63

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kawalan Gudang Berlesen Minuman Keras Dan Rokok</li> </ul> </li> </ul>	64 – 73
6	<p><b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH / JABATAN AIR NEGERI SABAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Negeri Sabah</li> </ul>	74 – 81
7	<p><b>KEMENTERIAN KERJA RAYA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Pembinaan Kampus UNIKL Malaysia Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor</li> </ul>	82 - 98
8	<p><b>KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaiktaraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)</li> </ul>	99 - 104
9	<p><b>KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek Pembinaan Semula Kuarters Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> </ul>	105 - 112
10	<p><b>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Sambungan ERL Dari KLIA Ke KLIA2</li> </ul>	113 - 123
11	<p><b>KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Perkhidmatan Pembedungan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Pembentungan Di Bawah Fasa Pembersihan Sungai Program "River Of Life"</li> </ul> </li> </ul>	124 - 134

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
12	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b> - Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik	135 - 149
13	- Pengurusan Perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta Di Hospital	150 - 160
14	<b>KEMENTERIAN KESIHATAN / KEMENTERIAN KERJA RAYA</b> - Pembinaan Hospital Tampin (Gantian), Negeri Sembilan	161 - 176
15	<b>KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN</b> • <b>Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara</b> - Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	177 - 193
16	• <b>Jabatan Perumahan Negara</b> - Pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2	194 - 210
17	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b> - Projek Jiwa Murni Di Negeri Sarawak	211 - 216
18	<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA</b> • <b>Jabatan Penjara Malaysia</b> - Pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar), Johor Bahru	217 - 224

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
19	<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jabatan Imigresen Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelaksanaan Sistem myIMMs</li> </ul> </li> </ul>	225 - 241
20	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Sekolah</li> <li>- Pengurusan Program Rancangan Makanan Tambahan</li> </ul>	242 - 257
21		258 - 270

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
23	Malaysia Convention & Exhibition Bureau	273 - 288
24	Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd	289 - 290
25	Perbadanan Kota Buku	291 - 308
26	Malaysia Agrifood Corporation Berhad	309 - 327
27	Sepang International Circuit Sdn. Bhd	328 - 341

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1**  
**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Badan Berkanun Persekutuan</b>	<b>Muka Surat</b>
2	<b>Lembaga Pelabuhan Johor</b> - Pengurusan Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat	345 – 360
3	<b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia</b> - Pengurusan Perolehan	361 – 374
4	<b>Universiti Malaysia Sabah</b> - Pengurusan Perolehan	375 – 395
5	<b>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</b> - Pengurusan Perolehan	396 – 405
6	<b>Pertubuhan Keselamatan Sosial</b> - Pengurusan Pembinaan Dan Peralatan Pusat Rehabilitasi	406 – 418
7	<b>Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan</b> - Pengurusan Sistem Maklumat Agihan Zakat	419 – 441
8	<b>LGM Properties Corporation</b> - Pengurusan Ladang Dan Bangunan LGM Oleh LGMPC	442 – 452
9	<b>Lembaga Tabung Haji</b> - Pengurusan Penginapan Dan Pengangkutan Jemaah Haji Di Tanah Suci	453 – 457

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan</b>	<b>Muka Surat</b>
11	<b>Lembaga Pembangunan Langkawi</b> - Pengurusan Syarikat LADA Eco-Tourism Sdn. Berhad	461 – 474
12	<b>Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan</b> - Pengurusan Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad	475 – 482
13	<b>Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia</b> - Pengurusan Syarikat KRAF Holdings Sdn. Berhad	483 – 493
14	<b>Universiti Teknologi MARA</b> - Pengurusan Syarikat UiTM Hospitality Management Services Sdn. Berhad	494 – 508
15	<b>Universiti Malaysia Sarawak</b> - Pengurusan Syarikat UNIMAS Holdings Sdn. Berhad	509 – 515

**PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015**

**Perenggan 2 : Prestasi Kewangan Secara Keseluruhan Bagi Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini										
2.1.3.3	<p><b>Perbelanjaan Mengurus</b></p> <p>Analisis Audit selanjutnya mendapati Kementerian Luar Negeri telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan. Peruntukan muktamad perbelanjaan mengurus tahun 2015 bagi Kementerian Luar Negeri adalah berjumlah RM750.63 juta manakala perbelanjaan keseluruhan adalah berjumlah RM808.32 juta. Dengan ini berlaku perbelanjaan melebihi peruntukan berjumlah RM57.69 juta. Kementerian Luar Negeri memaklumkan bahawa terdapat peningkatan perbelanjaan operasi Perwakilan Malaysia di luar negara iaitu bagi bayaran gaji kakitanganambilan tempatan, sewa bangunan pejabat dan kediaman, bil utiliti dan perhubungan serta bekalan pejabat yang dibayar dalam matawang asing. Walaupun secara keseluruhannya berlaku peningkatan kecil dalam perbelanjaan operasi pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 dalam matawang asing tetapi disebabkan kejatuhan nilai ringgit, ia memberi impak yang besar kepada perbelanjaan dalam Ringgit Malaysia. Selain itu, juga berlaku peningkatan perbelanjaan bagi membiayai delegasi Malaysia ke mesyuarat dan persidangan antarabangsa berikutan status Malaysia sebagai pengerusi ASEAN dan Anggota Tidak Tetap dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.</p>	<p>i) Kementerian Kewangan (MOF) mengambil maklum sebab-sebab yang telah dinyatakan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) mengenai perbelanjaan melebihi peruntukan. Susulan itu, MOF telah mengeluarkan surat amaran bertarikh 28 Mac 2016 supaya KLN mematuhi siling peruntukan dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa serta tidak mengulangi ketidakpatuhan ini.</p> <p>ii) MOF telah membentangkan tambahan perbelanjaan KLN di Parlimen melalui Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016 dan RUU tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 28 Mac 2016 dan 27 April 2016.</p>										
2.1.4.2	<p><b>Perbelanjaan Pembangunan</b></p> <p>Analisis Audit terhadap jumlah perbelanjaan keseluruhan di bawah RMKe-10 mengikut tahun mendapati ada kelemahan dalam pengurusan peruntukan pembangunan iaitu peruntukan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan peruntukan tambahan/pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Analisis selanjutnya mendapati kelemahan ini menunjukkan trend penurunan.</p>	<p>Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan Perbendaharaan Malaysia sepanjang RMKe-10 adalah melebihi 90% setiap tahun berbanding peruntukan yang disediakan. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tahun</th> <th style="text-align: center;">Peruntukan Dipinda (RM)</th> <th style="text-align: center;">Perbelanjaan (RM)</th> <th style="text-align: center;">Baki Peruntukan (RM)</th> <th style="text-align: center;">Peratus Belanja (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2011</td> <td style="text-align: right;">783,211,930.00</td> <td style="text-align: right;">775,346,409.58</td> <td style="text-align: right;">7,865,520.42</td> <td style="text-align: center;">98.99</td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Belanja (%)	2011	783,211,930.00	775,346,409.58	7,865,520.42	98.99
Tahun	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Belanja (%)								
2011	783,211,930.00	775,346,409.58	7,865,520.42	98.99								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
		2012	1,614,980,480.00	1,497,243,517.50	117,736,972.50	92.71
		2013	1,741,245,920.00	1,570,655,629.05	170,590,290.95	90.20
		2014	1,192,632,031.00	1,141,556,112.37	51,075,918.63	95.72
		2015	845,172,370.00	836,365,133.59	8,807,236.41	98.96
2.1.6.2	<p><b>Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP-WP10.2 menetapkan pembayaran di bawah AP 59 kepada kontraktor/pembekal hendaklah dibuat dengan serta-merta tidak lewat 14 hari daripada tarikh kelulusan pendahuluan diri diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 79 pembayaran di bawah AP 59 mendapati 22 (27.8%) daripadanya yang berjumlah RM17.56 juta melibatkan 5 Kementerian/Jabatan telah dibayar melebihi tempoh 14 hari. Tempoh kelewatan bayaran adalah antara 7 hingga 216 hari.</p>	<p>Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang jelas melalui 1Pekeliling Perbendaharaan berkaitan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 59 bagi memastikan proses yang berkaitan dilaksanakan dengan teratur dan pemantauan dapat dibuat secara teliti oleh kementerian/agensi yang terlibat. Garispanduan berkenaan adalah seperti berikut:-</p> <p>(i) PS5.1 iaitu Garispanduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang telah mengariskan dengan jelas tanggungjawab Pegawai Pengawal melalui JPKA dalam pengurusan bajet dan kewangan kementerian/agensi yang mewajibkan pelaporan berkaitan "Kedudukan Pembayaran Bil AP59" dibuat secara berkala iaitu pada setiap kali mesyuarat JPKA yang diadakan secara suku tahunan.</p> <p>(ii) WP10.2 berkaitan Pengurusan Pembayaran Di Bawah AP 59 perkara 7, juga jelas menyatakan bahawa Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dikehendaki menyelenggara dan mengemaskini buku daftar AP59 yang mengandungi maklumat berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujukan Fail Kementerian/Jabatan</li> <li>• Jumlah Pendahuluan Diri dan tarikh diluluskan</li> <li>• Nombor Rujukan Kelulusan Perbendaharaan</li> <li>• Nama Pegawai yang diluluskan Pendahuluan Diri</li> <li>• Tarikh pembayaran kepada pembekal/kontraktor</li> <li>• Tarikh Penubuhan Jawatankuasa Siasatan</li> <li>• Tarikh Laporan Siasatan dikemukakan kepada Perbendaharaan</li> <li>• Tarikh Kelulusan Pelarasan</li> </ul>				
2.1.6.3	<p><b>Kelewatan Mengemukakan Laporan Siasatan Kepada Perbendaharaan Malaysia</b></p> <p>Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Sembilan belas daripada 54 laporan siasatan lewat dikemukakan antara 24 hingga 355 hari.</li> <li>b. Dua belas laporan siasatan yang sepatutnya dikemukakan pada tahun 2015 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 10 Mac 2016. Kelewatan mengemukakan laporan siasatan sehingga 10 Mac 2016 bagi 12 kes tersebut adalah antara 40 hingga 319 hari.</li> </ol>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.6.4	<p><b>Pendahuluan Diri Di Bawah AP59 Tahun 2014 Dan Sebelumnya Yang Belum Diselaraskan Pada Akhir Tahun 2015</b></p> <p>Sehingga akhir tahun 2015, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM41.23 juta melibatkan 18 Kementerian/ Jabatan. Sejumlah RM22.35 juta daripada RM41.23 juta yang belum diselaraskan adalah merupakan baki yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya. Tempoh pendahuluan diri paling lama tidak diselaraskan adalah selama 16 tahun iaitu kes pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 1999. Antara punca pendahuluan diri tersebut belum diselaraskan adalah disebabkan laporan siasatan lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia atau laporan yang dikemukakan tidak lengkap.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarikh dan nombor baucar pelarasan</li> <li>• Status tindakan surcaj/tatatertib</li> </ul> <p>Pelaksanaan yang teratur dan pematuhan kepada garispaduan dan pekeling Kerajaan dapat membantu Kementerian/ agensi membuat pemantauan dan pelaporan mengenai kedudukan/status pembayaran di bawah AP59 di Kementerian/agensi masing-masing.</p> <p>Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan untuk memastikan pengurusan AP59 ini dilaksanakan dengan baik.</p>
2.2.2.2	<p><b>Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak</b></p> <p>Semakan Audit terhadap pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 545 (50.2%) daripada 1,085 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 35 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2015 meningkat sejumlah RM0.588 bilion (6.3%) menjadi RM9.954 bilion berbanding dengan RM9.366 bilion pada akhir tahun 2014. Tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tunggakan pinjaman syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM793.81 juta di mana Kerajaan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun dan dijangka selesai pada tahun 2027.</p>	<p>Kementerian Kewangan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan. Antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam bagi membincangkan mengenai penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman dan menjadual atau menstruktur semula pinjaman. Bagi pinjaman baharu, Kementerian Kewangan akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman dan memastikan kutipan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.</p>
2.2.2.3.a	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat</b></p> <p>Pada 31 Disember 2015, sebanyak 42 (40.4%) daripada 104 pinjaman yang disalurkan kepada 27 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 9 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM4.237 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.646 bilion (18.0%) berbanding RM3.591 bilion pada akhir tahun 2014. Sejumlah RM1.668 bilion (39.4%) daripada RM4.237 bilion tersebut merupakan tunggakan pinjaman yang telah tamat tempoh melibatkan 13 peminjam. Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira perkara berikut:</p> <p>i. Penukaran pinjaman Malaysian Debt Ventures Berhad berjumlah</p>	<p>Kementerian Kewangan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan. Antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam bagi membincangkan mengenai penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman dan menjadual atau menstruktur semula pinjaman. Bagi pinjaman baharu, Kementerian Kewangan akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman dan memastikan kutipan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.</p> <p><b><u>Syarikat Kerajaan</u></b></p> <p><b>Malaysian Debt Ventures Berhad (MDV)</b></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM250 juta dan pinjaman Prasarana Malaysia Berhad [sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)] berjumlah RM474.81 juta kepada ekuiti.</p> <p>ii. Hapus kira pinjaman (pokok) bagi MIMOS Berhad berjumlah RM12 juta.</p> <p>iii. Hapus kira pinjaman (pokok) bagi 2 pinjaman Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. berjumlah RM76.19 juta dan hapus kira faedah berjumlah RM9.47 juta bagi Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.</p> <p>iv. Tunggakan faedah lewat bayar (<i>default interest</i>) tahun 2015 bagi pinjaman Cyberview Sdn. Bhd., UDA Holdings Berhad, Malaysia Venture Capital Management Berhad, Perwaja Steel Sdn. Bhd., Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Equal Concept Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., Airport Limo (M) Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd. dan National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC).</p> <p>v. Pelarasan bayaran balik lebih pinjaman (<i>prepayment</i>) oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Mutimedia Development Corporation Sdn. Bhd.</p>	<p>Penukaran pinjaman kepada ekuiti berjumlah RM400 juta telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 27 November 2014. Sijil Saham telah dikemukakan kepada JANM melalui surat bertarikh 14 Julai 2015. Kementerian Kewangan pada 4 Ogos 2015 telah memaklumkan kepada JANM untuk membuat pelarasan (<i>zerorised</i>) penyata kewangan MDV.</p> <p><b>Syarikat Prasarana Negara Berhad</b></p> <p>Penukaran pinjaman kepada ekuiti berjumlah RM474.81 juta telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 27 November 2014. Sijil Saham telah dikemukakan kepada JANM melalui surat bertarikh 15 September 2015. Kementerian Kewangan pada 30 September 2015 telah memaklumkan kepada JANM untuk membuat pelarasan (<i>zerorised</i>) penyata kewangan Prasarana.</p> <p><b>MIMOS Berhad</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah meluluskan hapuskira baki pinjaman MIMOS sebanyak RM12 juta pada 29 Oktober 2015.</p> <p><b>Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. (Kedah Aquaculture)</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah meluluskan hapuskira baki pinjaman Kedah Aquaculture Sdn Bhd sebanyak RM76.19 juta pada 6 April 2015 manakala baki selebihnya sebanyak RM13.35 juta dibayar oleh Peminjam secara tunai.</p> <p><b>Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah meluluskan hapuskira faedah lewat bagi pinjaman (No. Pinjaman: 3830/2004/008) Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd berjumlah RM 9.47 juta pada 7 Jun 2015.</p> <p><b>Cyberview Sdn. Bhd. (Cyberview)</b></p> <p>Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan terma dan syarat penstrukturan semula pinjaman Cyberview yang dijangka selesai pada Disember 2016.</p> <p><b>UDA Holdings Berhad (UDA)</b></p> <p>Perjanjian Penstrukturan Semula Pinjaman di antara Kerajaan dan UDA telah dimuktamadkan. Pelarasan penyata pinjaman akan dibuat berdasarkan terma dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>syarat baharu perjanjian penstrukturan semula. Setakat 31 Mac 2016, tiada tunggakan bayaran balik pinjaman.</p> <p><b>Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)</b></p> <p>Pada 16 Mac 2016, MAVCAP telah membuat bayaran balik sebanyak RM37 juta bagi mengurangkan sebahagian baki pinjaman belum selesai berjumlah RM260.03 juta. MAVCAP dijangka akan mengemuka cadangan penyelesaian secara komposit pada Jun 2016.</p> <p><b>Perwaja Steel Sdn. Bhd. (PSSB) dan Equal Concept Sdn. Bhd. (ECSB)</b></p> <p>Perwaja Steel Sdn Bhd sedang merangka Skim Penyusunan Semula Semua Hutang termasuklah hutang PSSB dan ECSB dengan Kerajaan berjumlah RM233.50 juta setakat 31 Disember 2015. Skim tersebut masih dalam rundingan dengan semua pemiutang PSSB dan rundingan diselia oleh Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC) yang dijangka muktamad pada 31 Ogos 2016. Dokumen perjanjian tambahan penstrukturan semula hutang di antara Kerajaan dan PSSB dan ECSB dijangka muktamad pada 31 Disember 2016.</p> <p><b>Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)</b></p> <p>Perjanjian Penstrukturan Semula pinjaman sebanyak RM479.7 juta telah ditandatangani pada 23/12/2015. Kementerian Kewangan pada 18 Februari 2016 telah memaklumkan kepada JANM untuk membuat pelarasan pinjaman (PUNB) berdasarkan penstrukturan semula pinjaman.</p> <p><b>Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)</b></p> <p>KTMB dipohon untuk mengemukakan unjuran aliran tunai baharu yang lebih realistik dengan status semasa KTMB bagi tujuan penstrukturan semula pinjaman.</p> <p><b>JKP Sdn. Bhd. (JKP)</b></p> <p>Kementerian Kewangan sedang meneliti permohonan baharu JKP untuk menggunakan pinjaman sedia ada berjumlah RM15 juta untuk pembelian tanah baharu di daerah Seberang Perai Utara bagi melaksanakan pembangunan projek rumah mampu milik.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><b>SME Ordnance Sdn. Bhd. (SMEO)</b></p> <p>Kementerian Kewangan sedang menyediakan dokumen-dokumen berkaitan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas SMEO bagi baki pinjaman pokok beserta faedah lewat sebanyak RM12.9 juta.</p> <p><b>Airport Limo (M) Sdn. Bhd. (ALM)</b></p> <p>ALM telah mengemukakan 12 <i>post-dated cheque</i> yang sebanyak RM100,000.00 setiap satu bagi bayaran balik pinjaman sehingga Disember 2016. Sehingga Mac 2016, sebanyak 3 cek berjumlah RM300,000.00 telah ditunaikan bagi bayaran balik pinjaman. Perbincangan lanjut mengenai penstrukturan semula pinjaman akan diadakan bersama dengan ALM.</p> <p><b>M.Y. Ikan Sdn. Bhd. (M.Y. Ikan)</b></p> <p>Mengikut rekod Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, MY Ikan telah digulungkan oleh pihak ketiga dan perkara ini telah disahkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM). Kerajaan sedang menyediakan Proof of Debt untuk dikemukakan kepada JIM bagi menuntut hutang Kerajaan kepada MY Ikan.</p> <p><b>National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC)</b></p> <p>Kementerian Kewangan masih menunggu maklum balas daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) sama ada wang yang disita (disimpan di dalam akaun gantung Jabatan Akauntan Negara) boleh digunakan bagi bayaran balik sebahagian daripada hutang NFC kepada Kerajaan.</p> <p><b>Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd. (LSSB)</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah menerima bayaran penuh pinjaman pokok sebanyak RM45 juta. Bayaran terakhir faedah ke atas pinjaman sebanyak RM1,825,600 bagi hasil pelikuidasian LSSB telah diterima pada 22/03/2016. Manakala, baki faedah pinjaman berjumlah RM33.49 juta akan dihapus kira.</p> <p><b>PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PKPS Agro)</b></p> <p>PKPS Agro yang tidak beroperasi mulai tahun 2010 telah melaksanakan lelongan aset syarikat (pusingan pertama) pada 26.06.2015 dan 03.07.2015 dengan hasil bersih lelongan sebanyak RM19,473.23 diserahkan kepada Kerajaan sebagai bayaran sebahagian baki pinjaman. Baki pinjaman selebihnya akan diselesaikan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>termasuk melalui pengambilalihan bangunan projek.</p> <p><b>Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)</b></p> <p>Tiada tunggakan pinjaman. Pada 28.3.2016, PAAB telah membuat bayaran balik tunggakan pinjaman dan ansuran tahun 2016 sebanyak RM16.9 juta bagi pinjaman bekalan air Negeri Sembilan serta bayaran balik RM875 ribu bagi pinjaman <i>relending</i> dibuat pada 25.3.2016.</p> <p><b>White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd.</b></p> <p>Tindakan undang-undang (lelongan) ke atas tanah yang dicagarkan kepada Kerajaan sedang dalam tindakan Jabatan Peguam Negara (AGC).</p> <p><b>Agro Qas Sdn. Bhd. (Agro Qas)</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah meluluskan untuk mengambil tindakan undang-undang (lelongan) ke atas hartanah yang dicagarkan dan surat arahan kepada AGC akan dikemukakan untuk memulakan tindakan perundangan.</p> <p><b>A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd. (A Winn)</b></p> <p>Akaun ini telah dirujuk dan dikemukakan kepada AGC untuk tindakan undang-undang.</p> <p><b>Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd. (Warisan Jengka)</b></p> <p>Warisan Jengka telah membuat bayaran balik pinjaman pada bulan Januari, Februari dan Mac 2016 berjumlah RM745,045.74. Warisan Jengka telah diminta untuk mengemukakan cadangan penyelesaian baki pinjaman.</p> <p><b>Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)</b></p> <p>Penubuhan National Sewerage Company (NASCo) bagi mengambilalih IWK masih belum dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Sehubungan itu, faedah pinjaman IWK tidak akan dihapus kira sehingga pengambilalihan IWK dikuat kuasa.</p> <p><b>Yayasan Tekun Nasional (TEKUN)</b></p> <p>Kementerian Kewangan dan TEKUN sedang dalam tindakan memuktamadkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>draf perjanjian penstrukturan semula pinjaman. Pada masa yang sama, TEKUN telah menunjukkan komitmen dengan membuat bayaran balik sebanyak RM25 juta pada tahun 2015 dan RM6.25 juta bagi suku pertama tahun 2016 seperti yang dipersetujui di dalam draf perjanjian penstrukturan semula pinjaman.</p> <p><b>Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat peringatan kepada SPNB bagi menuntut bayaran balik pinjaman sebanyak RM10 juta dan senarai kos baikpulih yang terperinci beserta kelulusan ahli lembaga pengarah.</p> <p><b>Malaysia Building Society Berhad (MBSB)</b></p> <p>Bayaran balik sebahagian pinjaman Kerajaan oleh MBSB akan dibuat melalui hasil pelupusan tanah projek PAKR Indera Mahkota Pahang bernilai RM17.45 juta. Rundingan bagi penyelesaian baki pinjaman selebihnya bersama Kerajaan Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang dijangka diadakan selewat-lewatnya pada Ogos 2016.</p> <p><b>Premium Agro Products Sdn. Bhd. (Premium Agro)</b></p> <p>Premium Agro sedang dalam tindakan untuk menyempurnakan cagaran aset serta debentur dan mengemukakan cadangan penyelesaian baki pinjaman (setakat 31 Mac 2016) berjumlah RM54.79 juta.</p>
2.2.2.3.b	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri</b></p> <p>Pada akhir tahun 2015, sebanyak 426 (48.1%) daripada 885 pinjaman Kerajaan Negeri tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan di dalam jadual bayaran balik. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 21 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.193 bilion (5.1%) iaitu daripada RM3.792 bilion pada akhir tahun 2014 menjadi RM3.985 bilion pada akhir tahun 2015. Peningkatan tunggakan ini melibatkan Kerajaan Negeri Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sarawak dan Terengganu manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Kedah, Sabah dan Selangor telah menurun. Bagaimanapun, tiada perubahan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Johor dan Pulau Pinang. Sejumlah RM794.19 juta (16.9%) telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 berbanding dengan RM4.701 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan pinjaman dan anuiti tahun 2015). Pengiraan tunggakan pinjaman adalah mengambil kira</p>	<p>Kebanyakan pinjaman Kerajaan Negeri yang tidak dibuat bayaran balik adalah melibatkan projek bekalan air. Isu tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek bekalan air dijangka akan dapat diatasi setelah projek-projek yang berkaitan siap dan aset serta pinjaman diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelesaian 9 pinjaman yang belum tamat tempoh bayaran balik oleh Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM0.42 juta termasuk anuiti tahun hadapan berjumlah RM0.36 juta.</li> <li>ii. Penyelesaian tunggakan anuiti tahun sebelumnya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Selangor.</li> <li>iii. Hapus kira faedah tertunggak sehingga tahun 2015 berjumlah RM3.57 juta dan penjadualan semula pinjaman berjumlah RM21.75 juta bagi Kerajaan Negeri Sembilan.</li> <li>iv. Hapus kira bayaran balik pinjaman (pokok) bagi 9 pinjaman Kerajaan Negeri Kedah berjumlah RM326.03 juta termasuk anuiti tahun hadapan berjumlah RM78.83 juta.</li> <li>v. Lebihan bayaran balik pokok tahun 2014 bagi pinjaman luar negeri Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah RM0.45 juta.</li> </ul>	<p><b>Kerajaan Negeri Johor</b></p> <p>Perjanjian pinjaman penjadualan semula pinjaman untuk Perbadanan Johor berjumlah RM69.74 juta telah ditandatangani pada 17 Disember 2015. KN Johor telah menjelaskan anuiti tahun 2015 pada 24 Mac 2016.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Sabah</b></p> <p>Permohonan penukaran kadar faedah pinjaman kepada 0% bagi Projek Penempatan Semula Setinggai Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu tidak diluluskan pada 14 April 2015.</p> <p>Permohonan KN Sabah untuk penukaran pinjaman projek Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) kepada geran juga tidak diluluskan pada 15 Februari 2016. KKIP telah menjelaskan bayaran ansuran pinjaman mengikut Jadual Bayaran Balik.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Negeri Sembilan</b></p> <p>Perjanjian penjadualan semula pinjaman PKEN berjumlah RM25.32 juta telah ditandatangani pada 10 September 2015.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Kedah</b></p> <p>Hapus kira bekalan air luar bandar berjumlah RM336.11 juta telah diluluskan pada 13 April 2015. Pelarasan hapus kira telah dibuat oleh JANM.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Sarawak</b></p> <p>KN Sarawak mengemukakan permohonan agar pinjaman projek Pertanian Kalaka Saribas (<i>relending</i>) dari sumber luar negeri ditukar dari US Dollar (USD15.09 juta) kepada Ringgit Malaysia dan meminta JANM melaraskan bayaran kepada pokok pinjaman sahaja. Kementerian Kewangan akan mengadakan perbincangan dengan KN Sarawak mengenai permohonan penukaran matawang bagi pinjaman ini.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Pahang</b></p> <p>Hapus kira bekalan air yang telah diluluskan berjumlah RM664.93 juta masih belum diselaraskan kerana KN Pahang telah mengemukakan amaun hapus kira baharu melebihi jumlah yang diluluskan. Hapuskira ini termasuk dalam pakej</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>tawaran penstrukturan semula bekalan air Negeri Pahang. KN Pahang masih belum bersetuju dengan tawaran penstrukturan semula ini. Perbincangan lanjut mengenai perkara ini akan diadakan bersama dengan KN Pahang.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Melaka</b></p> <p>Cadangan penukaran pinjaman (bagi Membiayai Kos Pengambilan Tanah Paya Mengkuang, Alor Gajah) kepada geran berjumlah RM52.72 juta tidak diluluskan. Surat telah dikemukakan kepada KN Melaka pada 30 Julai 2015.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Perlis</b></p> <p>Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) telah mengemukakan cadangan penjadualan semula tunggakan pinjaman berjumlah RM41 juta. Mesyuarat di antara Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Perlis pada 18.6.2014 bersetuju supaya separuh hasil jualan Pejabat PKENPs dan Hotel Putra Palace (anggaran RM30 juta) digunakan untuk menjelaskan tunggakan pinjaman ini dan bakinya dijadualkan semula.</p> <p>Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Perlis melalui surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 26.6.2015 memaklumkan akan mencari aset lain sebagai cagaran kepada penjadualan semula pinjaman ini bagi menggantikan Pejabat PKENPs dan Hotel Putra Palace. Perbincangan lanjut mengenai perkara ini akan diadakan bersama dengan KN Perlis.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Perak</b></p> <p>Tunggakan pinjaman berjumlah RM11.42 juta adalah merupakan pinjaman bagi projek pembedungan di mana jumlah ini telah diluluskan untuk dihapus kira pada 17 Januari 2013. Walau bagaimanapun, hapus kira tersebut hanya akan diselaraskan setelah tanah tapak dan sistem pembedungan KN Perak diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian. 1 tanah tapak sedang dalam tindakan pewartaan manakala 6 tanah tapak lagi telah selesai diwartakan. Proses pewartaan dijangka selesai pada Disember 2016.</p> <p><b>Kerajaan Negeri Pulau Pinang</b></p> <p>Tunggakan pinjaman berjumlah RM1.49 juta adalah merupakan pinjaman bagi projek pembedungan di mana jumlah ini telah diluluskan untuk dihapus kira pada 17 Januari 2013. Walau bagaimanapun, hapus kira tersebut hanya akan diselaraskan setelah tanah tapak dan sistem pembedungan KN Pulau Pinang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Pewartaan tanah masih di peringkat proses penyerahan <i>master title</i> . Proses pewartaan dijangka selesai pada Disember 2016.
2.2.2.3.c	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun</b></p> <p>Pada akhir tahun 2015, lima Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.058 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM0.328 bilion (23.7%) berbanding RM1.386 bilion pada akhir tahun 2014. Penurunan ini disebabkan oleh hapus kira pinjaman Perbadanan Aset Keretapi berjumlah RM651.06 juta. Tunggakan pada akhir tahun 2015 adalah melibatkan 23 pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 23 tahun. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman yang tertinggi berjumlah RM637.48 juta iaitu 60.3% daripada jumlah keseluruhan tunggakan pinjaman.</p>	<p><b>Perbadanan Aset Keretapi (PAK)</b></p> <p>Kementerian Kewangan pada 27 Januari 2015 telah meluluskan hapus kira baki pinjaman PAK berjumlah 651.06 juta (No. Pinjaman 2260/1996/004).</p> <p>Bagi lain-lain pinjaman (termasuk <i>relending loan</i>), PAK diminta untuk mengemukakan cadangan penstrukturan semula pinjaman berserta dokumen sokongan untuk dikaji oleh Kementerian Kewangan.</p> <p><b>Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)</b></p> <p>Perjanjian penstrukturan semula yang mengambilkira baki pinjaman LPK seperti pada 31 Disember 2013 berjumlah RM3,810.41 juta dijangka dimuktamadkan pada Disember 2016.</p> <p><b>Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)</b></p> <p>Pinjaman bagi projek pembetulan berjumlah RM2.51 juta telah diluluskan untuk dihapus kira pada 17 Januari 2013. Walau bagaimanapun, hapus kira tersebut hanya akan diselaraskan setelah tanah tapak dan sistem pembetulan KETENGAH diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian.</p> <p>Melalui mesyuarat yang telah diadakan di Pulau Pinang pada 17.3.2016, KETENGAH masih belum mengemukakan senarai tapak tanah kepada IWK untuk proses penyerahan hak milik dan seterusnya diwartakan. IWK masih dalam proses mendapatkan senarai lengkap tapak loji yang terlibat daripada KETENGAH. Kementerian Kewangan akan mendapatkan status terkini mengenai perkara ini daripada IWK dan KETENGAH untuk tindakan selanjutnya.</p> <p><b>Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)</b></p> <p>Tunggakan bayaran balik PERDA berjumlah RM2,431,115.15 adalah bayaran balik bagi tahun 2015. PERDA memaklumkan bahawa bayaran balik bagi tahun 2015 tidak dapat dibuat kerana peruntukan tahunan bagi tahun 2015 telah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dikurangkan dan hanya mampu menampung perbelanjaan operasi PERDA sahaja. PERDA telah mengemukakan permohonan penangguhan dan sedang dalam semakan Kerajaan.</p> <p><b>Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)</b></p> <p>MTIB telah membuat bayaran balik tunggakan pinjaman bagi tahun 2015 pada Januari 2016 berjumlah RM471,593.98.</p>
2.2.2.3.d	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan</b></p> <p>Pada akhir tahun 2015, tunggakan bayaran balik pinjaman tiga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan 38 pinjaman adalah berjumlah RM436.23 juta iaitu bersamaan dengan tunggakan pada tahun 2014. Tempoh tunggakan bayaran balik adalah antara 22 hingga 28 tahun. Semakan Audit mendapati, sepanjang tahun 2015 bayaran balik pinjaman hanya dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjumlah RM8.65 juta manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak membuat sebarang bayaran balik tunggakan pinjaman.</p>	<p><b>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)</b></p> <p>22 pinjaman DBKL melibatkan projek pementasan telah dipindahkan kepada IWK dan telah mendapat kelulusan untuk dihapus kira pada 17 Januari 2013. Status pinjaman tersebut adalah seperti maklum balas di perenggan 3.1.1 c.</p> <p><b>Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)</b></p> <p>8 tanah tapak masih dalam proses penyerahan/proses penyerahan master title manakala 2 tanah tapak telah selesai diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Hapus kira pinjaman pementasan MPPP berjumlah RM28.21 juta hanya akan dibuat setelah kesemua tanah tapak dan sistem pementasan selesai diwartakan.</p> <p><b>Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)</b></p> <p>14 tanah tapak masih dalam tindakan pejabat tanah/dalam proses penyerahan/proses penyerahan <i>master title</i> manakala 9 tanah tapak telah selesai diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Hapus kira pinjaman pementasan MPSP berjumlah RM187.35 juta hanya akan dibuat setelah kesemua tanah tapak dan sistem pementasan selesai diwartakan.</p>
2.2.2.3.e	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi</b></p> <p>Semakan Audit mendapati dua agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM150.93 juta yang mana meningkat sejumlah RM53.40 juta (54.8%) berbanding pada akhir tahun 2014 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu hingga 15 tahun. Peningkatan yang ketara ini adalah disebabkan hanya sejumlah RM2 juta daripada RM55.37 juta anuiti tahun 2015 telah dibayar balik. Selain itu, faedah lewat bayar berjumlah</p>	<p><b>Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)</b></p> <p>Bahagian Undang-undang Perbendaharaan berpandangan bahawa Surat Ikat Amanah AIM boleh dipinda tertakluk kepada persetujuan Ahli Lembaga Pemegang Amanah AIM. Permohonan penstrukturan semula pinjaman AIM sedang dalam tindakan Kementerian Kewangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM0.03 juta telah dikenakan kepada pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia.	<p><b>Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL)</b></p> <p>Pada 7 Mac 2016, YASAL telah mengemukakan surat permohonan hapus kira pinjaman berjumlah RM6.8 juta. Lanjutan daripada permohonan ini, pihak YASAL telah diminta untuk mengenalpasti sumber dana bagi pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan.</p>
2.2.2.3.f	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri</b></p> <p>Semakan Audit mendapati satu pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis (PKENPs) masih mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM47.82 juta dengan tempoh tunggakan selama 13 tahun.</p>	<p><b>Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs)</b></p> <p>Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) telah mengemukakan cadangan penjadualan semula tunggakan pinjaman berjumlah RM41 juta. Mesyuarat di antara Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Perlis pada 18.6.2014 bersetuju supaya separuh hasil jualan Pejabat PKENPs dan Hotel Putra Palace (anggaran RM30 juta) digunakan untuk menjelaskan tunggakan pinjaman ini dan bakinya dijadualkan semula.</p> <p>Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Perlis melalui surat kepada Kementerian Kewangan bertarikh 26.6.2015 memaklumkan akan mencari aset lain sebagai cagaran kepada penjadualan semula pinjaman ini bagi menggantikan Pejabat PKENPs dan Hotel Putra Palace. Perbincangan lanjut mengenai perkara ini akan diadakan bersama dengan KN Perlis.</p>
2.2.2.3.g	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi</b></p> <p>Pada akhir tahun 2015, tiga koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM39.11 juta. Koperasi Belia Negara (KOBENA) dan Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP) masih belum membuat bayaran balik pinjaman walaupun ada antara pinjaman tersebut telah tertunggak selama 35 tahun. Tunggakan bagi Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDMB) adalah disebabkan pinjaman sedang dalam proses penstrukturan semula.</p>	<p><b>Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)</b></p> <p>Kementerian Kewangan akan mengeluarkan <i>Notice of Demand</i> bagi menuntut bayaran balik pinjaman berjumlah RM9.69 juta.</p> <p><b>Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP)</b></p> <p>Kementerian Kewangan mendapat keutamaan dalam penyelesaian hutang KPBNP. Penjualan aset (bangunan) KPBNP telah dibuat dan dalam proses penukaran nama di pejabat tanah. Setelah kesemuanya selesai, pelikuidasi akan menyediakan cadangan Skim Pembahagian Aset (SPA) berdasarkan kepada penyata kewangan terakhir yang telah diaudit. Keseluruhan proses dijangka selesai pada akhir tahun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
		<p><b>Koperasi Polis Diraja Malaysia</b></p> <p>Perjanjian penstrukturan semula dijangka dimuktamadkan pada Disember 2016.</p>															
2.3.2.2	<p><b>Pelaburan - Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi</b></p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2015 Kerajaan telah melupuskan pegangan saham dalam 4 syarikat seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelupusan sepenuhnya 86,200,000 unit saham biasa Bursa Malaysia Berhad dan Kerajaan menerima bayaran berjumlah RM702.53 juta.</li> <li>Pelupusan sepenuhnya 64,999,999 unit saham biasa syarikat Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) apabila Kerajaan bersetuju untuk menswastakan PNMB. Kerajaan dijangka akan menerima bayaran bagi pelupusan saham ini berjumlah RM130.50 juta pada tahun 2016 apabila semua urusan penjualan selesai dilaksanakan.</li> <li>Pengurangan 250,000,000 unit saham biasa syarikat Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad (Danaharta) apabila Danaharta diberi kelulusan untuk mengurangkan modal berbayar daripada RM1.50 bilion kepada RM1.25 bilion. Danaharta telah mengembalikan RM250 juta kepada Kerajaan sebagai pemegang saham.</li> <li>Pengurangan 22,810,270 unit saham keutamaan syarikat Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. (PTP) apabila PTP mula menebus Saham Keutamaan Boleh Tebus (<i>Redeemable Preference Shares</i>) secara ansuran mulai September 2013 hingga September 2017. Kerajaan telah menerima sejumlah RM22.81 juta bagi penebusan ini.</li> </ol>	<p><b><u>Maklum Balas Sehingga 29 April 2016</u></b></p> <p>Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) pada 29 Julai 2015 telah melupuskan keseluruhan pegangan saham dalam Bursa Malaysia Berhad kepada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP). KWAP telah membuat bayaran bagi penjualan saham tersebut sebanyak RM702.53 juta secara <i>Telegraphic Transfer</i>.</p> <p><i>Purchase Consideration</i> bagi tujuan penjualan keseluruhan ekuiti dalam PNMB adalah sebanyak RM145 juta. Kerajaan akan menerima bayaran tersebut pada <i>Completion Date</i> 30 Jun 2016.</p> <p>Danaharta telah mengembalikan wang sejumlah RM250 juta kepada pemegang saham iaitu MKD pada 11 Ogos 2015.</p> <p>Sehingga 31 Disember 2015, Kerajaan telah menerima bayaran <i>Redeemable Preference Shares</i> (RPS) sebanyak RM68.43 juta daripada PTP dengan butiran seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1229 1201 1986 1366"> <thead> <tr> <th>Penebusan RPS</th> <th>Jumlah (RM juta)</th> <th>Tarikh bayaran RPS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pertama</td> <td>22,810,270</td> <td>1.10.2013</td> </tr> <tr> <td>Kedua</td> <td>22,810,270</td> <td>25.09.2014</td> </tr> <tr> <td>Ketiga</td> <td>22,810,270</td> <td>18.09.2015</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>68,430,810</b></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Penebusan RPS	Jumlah (RM juta)	Tarikh bayaran RPS	Pertama	22,810,270	1.10.2013	Kedua	22,810,270	25.09.2014	Ketiga	22,810,270	18.09.2015	<b>Jumlah</b>	<b>68,430,810</b>	
Penebusan RPS	Jumlah (RM juta)	Tarikh bayaran RPS															
Pertama	22,810,270	1.10.2013															
Kedua	22,810,270	25.09.2014															
Ketiga	22,810,270	18.09.2015															
<b>Jumlah</b>	<b>68,430,810</b>																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Untuk makluman, baki bayaran RPS sebanyak RM45.62 juta akan diterima pada 30 September 2016 (RM22,810,270) dan 30 September 2017 (RM22,810,271).
2.4.2.2.b	<p><b>Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan di bawah Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) pada 31 Disember 2015 mendapati 4 Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan bagi 22 projek.</p>	<p>Pejabat Belanjawan Negara (NBO) telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) pada 6 April 2016 dan maklumbalas bagi projek yang telah terlebih berbelanja telah dikemukakan oleh 4 Kementerian terlibat (KDN, KPM, MOF dan MOTAC) kepada NBO, 2 minggu selepas tarikh mesyuarat.</p> <p>NBO telah mengarahkan kepada 4 Kementerian tersebut supaya membuat pelarasan siling peruntukan (notis perubahan) bagi projek-projek yang telah terlebih belanja.</p> <p>NBO juga telah mengingatkan kepada semua Kementerian untuk memastikan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.</p>
2.4.2.3.b	<p><b>Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan bagi PFI II pada 31 Disember 2015 dan Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) mendapati 2 Kementerian telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan.</p>	<p>Pejabat Belanjawan Negara (NBO) telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI II) pada 6 April 2016 dan maklumbalas bagi projek yang telah terlebih berbelanja telah dikemukakan oleh 2 Kementerian terlibat (KPM dan KPKT) kepada NBO, 2 minggu selepas tarikh mesyuarat.</p> <p>NBO telah mengarahkan kepada 2 Kementerian tersebut supaya membuat pelarasan siling peruntukan (notis perubahan) bagi projek-projek yang telah terlebih belanja.</p> <p>NBO juga telah mengingatkan kepada semua Kementerian untuk memastikan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.</p>



**AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Majlis Keselamatan Negara / Agensi Pengurusan Bencana Negara**


**Perenggan 2 : Pengurusan Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa Banjir**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.1.1.b	<p><b>Prestasi Pencapaian Projek Pembinaan RKB Dan Kerja Pembaikan Rumah Mangsa Banjir - Prestasi Fizikal Projek</b></p> <p>Antara faktor utama prestasi pembinaan RKB yang kurang memuaskan adalah disebabkan oleh prosedur pengambilan tanah dari Kerajaan Negeri yang terlibat serta status pemilikan tanah ke atas penerima bantuan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan memulakan projek adalah berpunca daripada kesukaran mendapatkan kontraktor kerja yang bersedia untuk membina RKB dengan harga kos yang telah ditetapkan.</p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Kedudukan prestasi pembinaan RKB yang rendah adalah disebabkan oleh:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Isu pemilikan tanah penerima dimana penerima bantuan tidak mempunyai hakmilik tanah yang sah/belum memperolehi hakmilik tetap dari Pejabat Tanah Jajahan;</li> </ul>
2.5.1.1.c	<p>Terdapat juga beberapa projek RKB yang terbengkalai disebabkan oleh masalah kewangan/dalaman Kontraktor. Selain itu, faktor cuaca, halangan akses ke tapak binaan, kesukaran mendapat bekalan bahan binaan dan kekurangan tenaga buruh menyebabkan RKB di bawah tanggungjawab Agensi pelaksana telah lewat disiapkan.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p><i>Terdapat beberapa isu yang telah menyumbang kepada kelewatan projek iaitu lokasi pembinaan di kawasan yang terpencil dan pedalaman. Ini mengakibatkan kesukaran untuk menghantar bahan ke tapak bina termasuk laluan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda dan lori kecil. Selain itu, faktor cuaca juga menyumbang kepada kelewatan ini di samping kekurangan bekalan binaan di pasaran. Tempoh pembinaan 75 hari adalah bagi tapak projek yang telah sedia untuk dimasuki (platform ready). Manakala tapak yang mempunyai masalah akses, infra dan keadaan masalah tanah yang memerlukan rawatan (soil treatment), tempoh masa yang lebih panjang diperlukan. Tempoh jangka siap bagi projek dalam pembinaan adalah pada Mei 2016.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Isu tapak tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri yang tidak ekonomik untuk dibangunkan seperti kedudukan bercerun atau lembah menyebabkan kos infrastruktur terlalu tinggi malahan kosnya lebih tinggi daripada kos pembinaan rumah tersebut;</li> <li>(iii) APBN terpaksa menggunakan tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang diselia oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), FELDA dan KESEDAR; dan;</li> <li>(iv) Proses pengambilan balik tanah persendirian mengambil masa yang panjang.</li> </ul> <p>Prestasi terkini sehingga 11 April 2016 (Sumber: KKR):-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																											
		<table border="1" data-bbox="1198 316 2011 531"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL. PROJEK RKB</th> <th rowspan="2">SIAP</th> <th colspan="4">SEDANG LAKSANA</th> </tr> <tr> <th>BINA</th> <th>PRA BINA</th> <th>KERJA AWALAN</th> <th>TIADA TAPAK</th> </tr> <tr> <th colspan="6">UNIT</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1118</td> <td>628</td> <td>329</td> <td>106</td> <td>25</td> <td>30</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="1198 563 2092 675">Tarikh/tempoh Jangkaan selesai (Sumber: KKR): Bagi projek dalam pembinaan dijangka akan siap pada 31 Mei 2016 manakala bagi pra pembinaan dijangka siap pada 30 Jun 2016.</p> <p data-bbox="1198 727 2092 754">Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 18/04/2016</p> <p data-bbox="1198 786 2092 1090">Bagi projek di bawah tanggungjawab JKR sahaja, seperti mana yang telah dilaporkan dalam laporan tersebut, terdapat beberapa isu yang telah menyumbang kepada kelewatan projek iaitu lokasi pembinaan di kawasan yang terpencil dan pendalaman. Ini mengakibatkan kesukaran untuk menghantar bahan ke tapak bina termasuk laluan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda dan lori kecil. Selain itu juga, faktor cuaca juga menyumbang kepada kelewatan ini disamping kekurangan bekalan binaan dipasaran. Kesemua faktor ini telah menyumbang kepada kelewatan RKB yang dibangkitkan di dalam laporan tersebut. Sebab kelewatan bagi 22 unit adalah adalah cuaca tidak menentu, kesukaran bekalan tenaga pekerja dan bekalan bahan binaan, ketiadaan sumber elektrik dan air, lokasi terpencil dan kesukaran akses ke tapak.</p> <p data-bbox="1198 1121 2092 1233">Tempoh pembinaan 75 hari adalah bagi tapak projek yang telah sedia untuk dimasuki (<i>platform ready</i>). Manakala tapak-tapak yang mempunyai masalah akses, infra dan keadaan masalah tanah yang memerlukan rawatan (<i>soil treatment</i>), tempoh masa yang lebih panjang diperlukan.</p> <p data-bbox="1198 1265 2092 1292">Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai</p> <p data-bbox="1198 1329 2092 1356">Tempoh jangka siap bagi projek-projek dalam pembinaan adalah pada Julai 2016.</p>						BIL. PROJEK RKB	SIAP	SEDANG LAKSANA				BINA	PRA BINA	KERJA AWALAN	TIADA TAPAK	UNIT						1118	628	329	106	25	30
BIL. PROJEK RKB	SIAP	SEDANG LAKSANA																											
		BINA	PRA BINA	KERJA AWALAN	TIADA TAPAK																								
UNIT																													
1118	628	329	106	25	30																								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																							
		<table border="1" data-bbox="1196 284 2033 643"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 284 1361 395">Negeri</th> <th colspan="2" data-bbox="1361 284 1653 395">Jumlah Jadual 2.4 (sehingga Januari 2016)</th> <th colspan="2" data-bbox="1653 284 2033 395">Bawah tanggungjawab JKR sahaja (Lampiran 1c-sehingga 18 April 2016)</th> </tr> <tr> <td></td> <th data-bbox="1361 395 1505 459">Bil</th> <th data-bbox="1505 395 1653 459">%</th> <th data-bbox="1653 395 1818 459">Bil</th> <th data-bbox="1818 395 2033 459">%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 459 1361 483">Kelantan</td> <td data-bbox="1361 459 1505 483">357</td> <td data-bbox="1505 459 1653 483">37</td> <td data-bbox="1653 459 1818 483">529</td> <td data-bbox="1818 459 2033 483">54</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 483 1361 539">Terengganu</td> <td data-bbox="1361 483 1505 539">16</td> <td data-bbox="1505 483 1653 539">100</td> <td data-bbox="1653 483 1818 539">16</td> <td data-bbox="1818 483 2033 539">100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 539 1361 563">Pahang</td> <td data-bbox="1361 539 1505 563">105</td> <td data-bbox="1505 539 1653 563">96</td> <td data-bbox="1653 539 1818 563">89</td> <td data-bbox="1818 539 2033 563">80</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 563 1361 603">Perak</td> <td data-bbox="1361 563 1505 603">42</td> <td data-bbox="1505 563 1653 603">100</td> <td data-bbox="1653 563 1818 603">26</td> <td data-bbox="1818 563 2033 603">100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 603 1361 643">Jumlah</td> <td data-bbox="1361 603 1505 643">520/1371</td> <td data-bbox="1505 603 1653 643">38</td> <td data-bbox="1653 603 1818 643">660/1118</td> <td data-bbox="1818 603 2033 643">59</td> </tr> </tbody> </table>					Negeri	Jumlah Jadual 2.4 (sehingga Januari 2016)		Bawah tanggungjawab JKR sahaja (Lampiran 1c-sehingga 18 April 2016)			Bil	%	Bil	%	Kelantan	357	37	529	54	Terengganu	16	100	16	100	Pahang	105	96	89	80	Perak	42	100	26	100	Jumlah	520/1371	38	660/1118	59
Negeri	Jumlah Jadual 2.4 (sehingga Januari 2016)		Bawah tanggungjawab JKR sahaja (Lampiran 1c-sehingga 18 April 2016)																																						
	Bil	%	Bil	%																																					
Kelantan	357	37	529	54																																					
Terengganu	16	100	16	100																																					
Pahang	105	96	89	80																																					
Perak	42	100	26	100																																					
Jumlah	520/1371	38	660/1118	59																																					
2.5.1.2	<p data-bbox="331 703 555 727"><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p data-bbox="331 759 1171 951">Pihak MKN telah meluluskan peruntukan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah berjumlah RM246.73 juta di bawah KWABBN kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat bagi menjalankan maksud tersebut. Segala prosedur pembayaran terhadap kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor akan di caj terus ke KWABBN. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan projek setakat 8 Januari 2016 mendapati sejumlah RM75.95 juta (30.70%) bagi kedua-dua projek telah selesai dibelanjakan.</p> <p data-bbox="331 983 1171 1118">Pada pendapat Audit, matlamat Kerajaan dalam membantu mangsa banjir untuk kembali kepada kehidupan asal dengan segera tidak dapat dicapai. Pelaksanaan projek pembinaan RKB yang kurang cekap dan berkesan adalah berpunca daripada faktor luar kawalan Agensi Pelaksana seperti proses pengambilan tanah, halangan ke tapak projek dan sebagainya.</p> <p data-bbox="331 1174 909 1198">Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p data-bbox="331 1230 1171 1334"><i>Pihak JKR memang melakukan pembayaran dari semasa ke semasa kepada pihak kontraktor yang berkenaan berdasarkan kemajuan kerja di tapak, namun pihak kontraktor lebih berminat membuat tuntutan secara pukal apabila projek siap sepenuhnya.</i></p>	<p data-bbox="1196 759 1487 783">Status Perbelanjaan RKB:-</p> <table border="1" data-bbox="1196 839 2069 1110"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 839 1375 895">Negeri</th> <th colspan="2" data-bbox="1375 839 1697 895">Januari 2016 (Jadual 2.5)</th> <th colspan="2" data-bbox="1697 839 2069 895">Februari 2016</th> </tr> <tr> <td></td> <th data-bbox="1375 895 1570 983">Perbelanjaan (Juta)</th> <th data-bbox="1570 895 1697 983">%</th> <th data-bbox="1697 895 1912 983">Perbelanjaan (Juta)</th> <th data-bbox="1912 895 2069 983">%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 983 1375 1007">Kelantan</td> <td data-bbox="1375 983 1570 1007" rowspan="4">26.03</td> <td data-bbox="1570 983 1697 1007" rowspan="4">34.30</td> <td data-bbox="1697 983 1912 1007">18.40</td> <td data-bbox="1912 983 2069 1007">30.60</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 1007 1375 1031">Terengganu</td> <td data-bbox="1697 1007 1912 1031">1.4</td> <td data-bbox="1912 1007 2069 1031">99.95</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 1031 1375 1054">Pahang</td> <td data-bbox="1697 1031 1912 1054">8.7</td> <td data-bbox="1912 1031 2069 1054">79.08</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 1054 1375 1110">Perak</td> <td data-bbox="1697 1054 1912 1110">2.4</td> <td data-bbox="1912 1054 2069 1110">100.00</td> </tr> </tbody> </table>	Negeri	Januari 2016 (Jadual 2.5)		Februari 2016			Perbelanjaan (Juta)	%	Perbelanjaan (Juta)	%	Kelantan	26.03	34.30	18.40	30.60	Terengganu	1.4	99.95	Pahang	8.7	79.08	Perak	2.4	100.00															
Negeri	Januari 2016 (Jadual 2.5)		Februari 2016																																						
	Perbelanjaan (Juta)	%	Perbelanjaan (Juta)	%																																					
Kelantan	26.03	34.30	18.40	30.60																																					
Terengganu			1.4	99.95																																					
Pahang			8.7	79.08																																					
Perak			2.4	100.00																																					


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.3.a	<p><b>Penyelenggaraan Maklumat Penerima Bantuan Dalam Sistem ePASCA BANJIR - Penerima RKB Dan Pembaikan Tidak Didaftarkan Dalam Sistem ePASCA BANJIR</b></p> <p>Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat kelayakan mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan projek pembinaan RKB atau kerja pembaikan rumah. Mengikut sistem ePASCA BANJIR setakat 18 Januari 2016, seramai 172,981 orang mangsa telah didaftarkan. Semakan Audit ke atas sampel penerima yang telah mendapat RKB di semua Agensi mendapati seramai 116 penerima bantuan tidak didaftarkan ke sistem tersebut manakala seramai 155 penerima bantuan pembaikan juga tidak didaftarkan.</p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Sistem e-Pasca Banjir merupakan inisiatif Unit Pemulihan Pasca Banjir sebagai salah satu langkah penambahbaikan dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir untuk kegunaan akan datang. Sistem ini bukanlah sistem yang boleh dijadikan sumber utama dalam mendapatkan maklumat berkenaan penyaluran bantuan kepada mangsa bencana kerana sistem ini masih dalam fasa pembangunan dan proses memuatnaik data maklumat mangsa sedang dilakukan. Penggunaan sistem ini masih dalam tempoh percubaan dan <i>reliability</i> data adalah tidak konklusif.</p> <p>Semasa penyaluran bantuan kepada mangsa bencana tahun 2014-2015, pengumpulan data dan profiling mangsa dilaksanakan secara manual oleh Pejabat Daerah di setiap negeri dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat di setiap negeri. Data ini kemudiannya di sahkan oleh Majlis Keselamatan Negara selaku <i>focal point</i> pengurusan bencana ketika itu. Data-data yang telah disahkan ini dimuatnaik ke dalam sistem secara berperingkat bagi melihat keupayaan sistem dalam mencapai objektif pembangunannya. Untuk makluman, sistem ini dibangunkan secara <i>in-house</i> oleh Pegawai Teknologi Maklumat di Unit Pemulihan Pasca Banjir ketika itu.</p> <p><u>Pembinaan Rumah Kekal Baharu (RKB)</u></p> <p>Sampel bilangan 1-11 adalah senarai di Tanah Merah yang tidak didaftarkan dalam sistem ePasca Banjir. Kesemua mereka ini tidak disenaraikan di dalam senarai <i>total loss</i> yang diperaku oleh J/kuasa Kerja Pasca Banjir yang dipengerusikan bersama Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan dan SUK Kelantan pada 18 Februari 2015. Kesemua senarai ini tidak pernah dikeluarkan oleh APBN (UPPB).</p> <p>Sampel bilangan 12-73 adalah senarai nama terkini daripada JAKOA yang diterima pada 17 Februari 2016. Semakan Audit dibuat sebelum tarikh tersebut dan sememangnya senarai ini tiada di dalam sistem ePasca Banjir pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, APBN telah memuatnaik senarai ini ke dalam sistem ePasca Banjir sebaik sahaja menerima senarai berkenaan. Pihak JAKOA juga telah mengambil tindakan membina RKB tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Sampel bilangan 74-116 ini telah disemak dan diakui tidak tersenarai di dalam sistem ePasca Banjir. Walau bagaimanapun, bilangan 79, 82-92, 94 dan 95 ada di dalam Senarai <i>Total Loss</i> Fasa 1 dan Fasa 2 Negeri Kelantan.</p> <p>Bagi sampel bilangan 74-78, 80-81, 93, 96-116, pihak APBN tidak dapat mengesan kewujudan senarai ini yang tidak terdapat dalam senarai <i>total loss</i> tersebut.</p> <p>Semakan juga mendapati terdapat kesilapan/ralat dalam memasukkan no. kad pengenalan penerima RKB oleh <i>auditor</i> seperti sampel bilangan 91 menyebabkan nama pemilik yang dinyatakan tidak <i>appear</i> dalam sistem.</p>  <p>Bagi pembaikan rumah (BPR):</p> <p>Sampel bilangan 1-16 adalah senarai di Tanah Merah yang tidak didaftarkan dalam sistem ePasca Banjir. Kesemua senarai ini tidak pernah dikeluarkan oleh APBN (UPPB).</p> <p>Sampel bilangan 17 dan 18 tiada dalam senarai JAKOA yang dikemukakan kepada APBN pada 17 Februari 2016 dan tidak berdaftar dalam sistem ePasca Banjir.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Sampel bilangan 19 dan 31 tiada dalam senarai BPR yang dilaksanakan oleh FELCRA. Senarai ini tidak didaftarkan dalam system ePasca Banjir. Sampel bilangan 25 ada dalam sistem ePasca Banjir, namun nama pemilik kad pengenalan adalah berlainan. Terdapat kesilapan semasa muatnaik data berkenaan dan sehingga audit dibuat, KKLW telah mengambil tindakan pembaikan rumah menerusi FELCRA. Semakan dengan JPN juga telah dibuat dan tindakan korektif telah dan sedang diambil dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p> <p>Sampel bilangan 33-43 tidak didaftarkan dalam sistem ePasca Banjir. Sampel bilangan 40 ada dalam system ePasca Banjir, namun nama pemilik kad pengenalan adalah berlainan. Terdapat kesilapan semasa muatnaik data berkenaan dan sehingga audit dibuat, KKLW telah mengambil tindakan pembaikan rumah menerusi KETENGAH. Semakan dengan JPN juga telah dibuat dan tindakan korektif telah dan sedang diambil dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p> <p>Sampel bilangan 44-74 telah didaftarkan dalam system ePasca Banjir. Sampel bilangan 44, 46-49, 51, 53-74 ada dalam sistem ePasca Banjir, namun nama pemilik kad pengenalan adalah berlainan. Terdapat kesilapan semasa muatnaik data berkenaan dan sehingga audit dibuat, KKLW telah mengambil tindakan pembaikan rumah menerusi KESEDAR. Semakan dengan JPN juga telah dibuat dan tindakan korektif telah dan sedang diambil dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p> <p>Sampel bilangan 75-76, 78-100, 103, 140-155 tiada dalam sistem ePasca Banjir. Sampel bilangan 77 ada dalam sistem ePasca Banjir. Sampel bilangan 101-12, 104-139 ada dalam sistem namun nama pemilik kad pengenalan adalah berlainan. Terdapat kesilapan semasa muatnaik data berkenaan dan sehingga audit dibuat, KKLW telah mengambil tindakan pembaikan rumah menerusi KESEDAR. Semakan dengan JPN juga telah dibuat dan tindakan korektif telah dan sedang diambil dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p>
2.5.2.3.b	<p><b>Penerima RKB Dan Pembaikan Tidak Dikategorikan Sebagai Penerima Bantuan Wang Ehsan RM500</b></p> <p>Semua mangsa banjir sepatutnya telah menerima bantuan wang ehsan sejumlah RM500 seorang bagi setiap Ketua Isi Rumah (KIR). Mengikut sistem ePASCAs BANJIR sehingga 9 September 2015, seramai 138,466 orang KIR yang telah disahkan oleh pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Tanah dan Jajahan/Daerah dan MKN/APBN telah menerima wang tersebut.</p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Penyaluran bantuan bencana bagi tahun 2014/2015 adalah terdiri daripada:-</p> <p>(i) Bantuan Wang Ihsan RM500 yang dilaksanakan oleh MKN;</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod sistem ePASCA BANJIR dengan sampel penerima yang dipilih di bawah tanggungjawab Agensi terlibat mendapati 164 penerima RKB dan 490 penerima bantuan kerja pembaikan rumah tidak dikategorikan sebagai penerima bantuan wang ehsan. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa penerima bantuan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah berkenaan adalah mangsa banjir yang sebenarnya. Selain itu, kesan dari ketidakseragaman penyelenggaraan maklumat ini telah menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bahawa mangsa banjir tersebut telah menerima bantuan wang ehsan atau sebaliknya.</p>	<p>(ii) Bantuan Rumah Kekal Baru (RKB) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR); dan</p> <p>(iii) Bantuan Baik Pulih Rumah (BPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).</p> <p>Proses pelaksanaan bagi ketiga-tiga penyaluran bantuan ini adalah berbeza mengikut agensi-agensi tersebut.</p> <p>Bagi proses penyaluran bantuan wang ihsan RM500, setiap MKN negeri akan mendapatkan senarai mangsa banjir daripada JKM bagi mangsa yang berpindah ke pusat pemindahan dan bagi mangsa yang tidak berpindah ke pusat pemindahan, senarai diperoleh daripada Pejabat Daerah yang berkaitan. Senarai yang telah disahkan oleh Pejabat Daerah dan JKM ini akan disemak kali pertama oleh MKN Negeri sebelum dikemukakan kepada MKN Ibu pejabat bagi tujuan penyaluran bantuan. MKN Ibu Pejabat akan membuat semakan berdasarkan senarai tersebut dimana senarai yang tidak lengkap dan diragui akan dikembalikan kepada pihak negeri untuk dilengkapi dan disahkan oleh Pejabat Daerah.</p> <p>Bagi proses RKB dan BPR pula, MKN Negeri akan mendapatkan maklumat mangsa bencana yang rumahnya mengalami kerosakan atau <i>total lost</i> untuk dipanjangkan kepada KKR dan KKLW. Agensi Pelaksana KKR dan KKLW akan membuat verifikasi di tapak bagi melihat sama ada penerima layak untuk menerima bantuan RKB dan BPR.</p> <p>Beberapa kemungkinan penerima RKB dan BPR tidak menerima bantuan wang ihsan RM500 adalah seperti berikut:-</p> <p>(i) penerima tidak hadir semasa Majlis Penyerahan Bantuan Wang Ihsan yang diadakan dan wakil adalah tidak dibenarkan untuk mengambil bantuan bagi pihak penerima yang sah;</p> <p>(ii) semasa proses kemasukan data oleh JKM/Pejabat Daerah bagi tujuan agihan bantuan wang ihsan, berlaku kesilapan memasukkan maklumat penerima dan hasil semakan oleh MKN, maklumat yang tidak lengkap akan ditolak dan dikembalikan untuk pengesahan oleh JKM/Pejabat Daerah; dan</p> <p>(iii) Jumlah keseluruhan senarai yang diterima bagi tujuan agihan bantuan wang ihsan seluruh negara adalah sebanyak 297,091 penerima. Penerima yang telah diluluskan untuk bantuan oleh MKN adalah</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>sebanyak 275,964 dan penerima yang hadir ke majlis agihan bantuan adalah sebanyak 229,155 penerima dimana sebanyak 45,018 mangsa tidak hadir ke majlis agihan tersebut.</p> <p>Sampel bilangan 1-6 adalah senarai di Tanah Merah yang tidak didaftarkan dalam sistem ePasca Banjir. Kesemua mereka ini tidak disenaraikan di dalam senarai <i>total loss</i> yang diperaku oleh J/kuasa Kerja Pasca Banjir yang dipengerusikan bersama Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan dan SUK Kelantan pada 18 Februari 2015. Kesemua senarai ini tidak pernah dikeluarkan oleh APBN (UPPB).</p> <p>Sampel bilangan 7-64 adalah senarai nama terkini daripada JAKOA yang diterima pada 17 Februari 2016. Semakan Audit dibuat sebelum tarikh tersebut dan sememangnya senarai ini tiada di dalam sistem ePasca Banjir pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, APBN telah memuatnaik senarai ini ke dalam sistem ePasca Banjir sebaik sahaja menerima senarai berkenaan. Pihak JAKOA juga telah mengambil tindakan membina RKB tersebut.</p> <p>Sampel bilangan 65-164 adalah senarai RKB yang berdaftar dalam system ePasca Banjir. Walau bagaimanapun, senarai ini tidak dikemaskini dengan maklumat penerimaan bantuan wang ihsan daripada MKN semasa pengauditan dibuat. APBN sedang melaksanakan pengemaskinian terhadap senarai ini dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p> <p>Pembaikan Rumah (BPR)</p> <p>Sampel bilangan 1-490 adalah senarai BPR yang berdaftar dalam system ePasca Banjir. Walau bagaimanapun, senarai ini tidak dikemaskini dengan maklumat penerimaan bantuan wang ihsan daripada MKN semasa pengauditan dibuat. APBN sedang melaksanakan pengemaskinian terhadap senarai ini dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p>
2.5.2.3.c	<p><b>Perbezaan Rekod Nombor Kad Pengenalan Dengan Nama Penerima</b></p> <p>Nama penerima dan nombor kad pengenalan merupakan perkara yang sangat penting dalam menentukan ketepatan maklumat. Untuk itu, sistem ePASCA BANJIR perlu sentiasa dikemas kini bagi memastikan integriti data boleh dipercayai. Semakan Audit terhadap sampel penerima yang dipilih bagi semua Agensi mendapati 5 nama penerima RKB dan 441 nama penerima bantuan pembaikan adalah berbeza dengan nombor kad pengenalan yang telah didaftarkan dalam sistem ePASCA BANJIR. Pihak Audit tidak dapat</p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Sampel bilangan 1-5 adalah senarai penerima RKB yang berdaftar dalam sistem ePasca Banjir. Walau bagaimanapun, telah berlaku kesilapan semasa memuatnaik senarai ini daripada MKN ke dalam system ePasca Banjir. APBN sedang melaksanakan pengemaskinian terhadap senarai ini dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengesahkan ketepatan maklumat bagi semua penerima berkenaan. Perbezaan ini juga menunjukkan sistem berkenaan tidak dikemas kini oleh pihak MKN/APBN.</p>	<p>Sampel bilangan 1-441 adalah senarai penerima BPR yang berdaftar dalam sistem ePasca Banjir. Walau bagaimanapun, telah berlaku kesilapan semasa memuatnaik senarai ini daripada MKN ke dalam system ePasca Banjir. APBN sedang melaksanakan pengemaskinian terhadap senarai ini dan dijangka selesai sebelum 31 Julai 2016.</p>
<p><b>2.5.2.3.d</b></p>	<p><b>Jenis Bantuan Yang Diterima Tidak Dikategorikan Dalam Sistem ePASCA BANJIR</b></p> <p>Objektif Sistem ePASCA BANJIR adalah sebagai pusat maklumat mangsa dan jenis bantuan yang diterima oleh setiap mangsa. Untuk itu semua jenis bantuan yang diterima perlu dikategorikan ke dalam sistem tersebut. Semakan Audit terhadap sampel penerima yang dipilih mendapati jenis bantuan ke atas 18 orang penerima yang menerima bantuan RKB dan 192 orang penerima bantuan pembaikan tidak dikategorikan ke dalam sistem. Ini menunjukkan objektif sistem yang ditetapkan oleh MKN/APBN sendiri tidak tercapai.</p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Sampel bilangan 1-13 adalah senarai nama terkini daripada JAKOA yang diterima pada 17 Februari 2016. Semakan Audit dibuat sebelum tarikh tersebut dan sememangnya senarai ini tiada di dalam sistem ePasca Banjir pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, APBN telah memuatnaik senarai ini ke dalam sistem ePasca Banjir sebaik sahaja menerima senarai berkenaan. Pihak JAKOA juga telah mengambil tindakan membina RKB tersebut.</p> <p>Sampel bilangan 2 telah didapati silap dan sampel bilangan 14 juga silap dicatat oleh pihak audit berbanding no sebenar yang diperolehi dari maklumat JPN.</p>  <p>The screenshot shows the 'ePASCA BANJIR - SISTEM PAS...' web application. It features a search form with fields for 'No Kadi Pengemalan KIR' (710973065375), 'Tahun Banjir' (PLH), 'Negeri' (PLH), and 'Daerah' (PLH). Below the form is a section titled 'SENARAI MANGSA BANJIR' with a sub-header 'BIL MANGSA : 0 orang' and a '+ Tambah Mangsa Baru' button. A table with columns 'BIL', 'NO.K.P', 'NAMA KIR', 'BIL AIR', 'JENIS BANTUAN', 'JUMLAH (RM)', 'NEGERI', and 'SUMBER' is displayed. The table contains several rows of data, including 'Bantuan Wang Ihsan', 'Bantuan Baik Pulih Rumah', 'Bantuan Antarabangsa', 'Lain-lain Bantuan', 'Bantuan Khas', 'Belum Diverifikasi Unsueta', and 'No KP perlu semakan'. The interface also shows a Windows taskbar at the bottom with the time 11:07 PM on 4/22/16.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.3.e	<p><b>Penerima Bantuan Yang Tidak Disahkan Oleh MKN/APBN/Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)</b></p> <p>Untuk memastikan maklumat penerima bantuan yang ada dalam sistem ePASCA BANJIR adalah betul, maklumat berkenaan perlu disahkan dengan JPN. Semakan Audit mendapati 98 orang penerima RKB tidak disahkan maklumatnya dengan JPN manakala 44 orang penerima bantuan pembaikan tidak disahkan dengan pihak JPN menyebabkan kesahihan maklumat yang ada dalam sistem diragui ketepatannya.</p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Keseluruhan penerima bantuan telah disahkan oleh MKN. APBN tidak terlibat dalam proses pengesahan tersebut.</p> <p>Berdasarkan garis panduan penyaluran bantuan bencana, pengesahan JPN bukanlah kriteria utama. Pengesahan dari JPN hanya akan dibuat di peringkat pentadbiran apabila maklumat/data senarai penerima diragui.</p>
2.5.2.4	<p>Antara faktor yang menyumbang kepada integriti data yang tidak tepat adalah tiada penyelarasan antara MKN/APBN dengan semua Agensi pelaksana dari segi kaedah dan kekerapan memasukkan serta mengemas kini data selain MKN/APBN sendiri tidak membuat pengesahan data dengan JPN dan tidak memasukkan maklumat jenis bantuan yang diterima oleh mangsa ke dalam sistem ePASCA BANJIR.</p> <p>Pada pendapat Audit, tujuan pembangunan dan penggunaan sistem ePASCA BANJIR sebagai pusat maklumat utama bagi semua mangsa banjir dan jenis bantuan yang diterima tidak tercapai.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Sistem ePASCA BANJIR merupakan sistem yang dibangunkan oleh Unit Pemulihan Pasca Banjir (UPPB), JPM dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM bermula dari April 2015 bagi mengumpul maklumat berkenaan mangsa banjir. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), KKLW serta Agensi di bawahnya, MKN, JKR serta Agensi lain diberikan kebenaran untuk mengakses sistem ini.</i></p> <p><i>Agensi pengguna bertanggungjawab untuk mengemas kini semua maklumat yang berkaitan dengan mangsa banjir dan penyaluran semua bantuan kepada mangsa berkenaan. UPPB akan memuat naik data yang diberikan oleh Agensi dan terdapat juga data yang dimasukkan terus ke dalam sistem ini oleh Agensi yang terlibat.</i></p> <p><i>Bagaimanapun, sehingga Audit dilaksanakan, pengemaskinian tidak dilakukan secara menyeluruh oleh Agensi berkenaan. Ini memberikan kesan terhadap</i></p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Sistem e-Pasca Banjir merupakan inisiatif Unit Pemulihan Pasca Banjir sebagai salah satu langkah penambahbaikan dalam menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir untuk kegunaan akan datang. Sistem ini bukanlah sistem yang boleh dijadikan sumber utama dalam mendapatkan maklumat berkenaan penyaluran bantuan kepada mangsa bencana kerana sistem ini masih dalam fasa pembangunan dan proses memuatnaik data maklumat mangsa sedang dilakukan. Penggunaan sistem ini masih dalam tempoh percubaan dan <i>reliability</i> data adalah tidak konklusif.</p> <p>Semasa penyaluran bantuan kepada mangsa bencana tahun 2014-2015, pengumpulan data dan profiling mangsa dilaksanakan secara manual oleh Pejabat Daerah di setiap negeri dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat di setiap negeri. Data ini kemudiannya di sahkan oleh Majlis Keselamatan Negara selaku <i>focal point</i> pengurusan bencana ketika itu. Data-data yang telah disahkan ini dimuatnaik ke dalam sistem secara berperingkat bagi melihat keupayaan sistem dalam mencapai objektif pembangunannya. Untuk makluman, sistem ini dibangunkan secara <i>in-house</i> oleh Pegawai Teknologi Maklumat di Unit Pemulihan Pasca Banjir ketika itu.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pengumpulan data secara keseluruhannya di mana terdapat maklumat yang tidak lengkap, tidak tepat serta mengelirukan. Pengemaskinian berkala perlu dilakukan oleh Agensi berkenaan bagi memastikan data dan maklumat yang dikemukakan adalah tepat, reliable dan komprehensif.</i></p>	
<p><b>2.5.3.1.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Pemberian Bantuan – Syarat Kelayakan Penerima - Keadaan Rumah Asal Penerima Bantuan Projek Pembinaan RKB Tidak Musnah Sepenuhnya (Total Loss)</b></p> <p>Salah satu syarat kelayakan utama untuk mendapatkan bantuan projek pembinaan RKB adalah keadaan rumah mangsa banjir yang bersifat <i>total loss</i>. Semakan dan lawatan fizikal Audit mendapati seramai 51 orang mangsa banjir telah menerima bantuan projek pembinaan RKB walaupun rumah mangsa tidak musnah sepenuhnya akibat bencana banjir.</p> <p>Semakan dan hasil temu bual Audit bersama pegawai Agensi Pelaksana mendapati penerima tersebut telah diberikan bantuan atas alasan rumah lama telah usang atau tidak ekonomi untuk dibaiki [<i>Beyond Economic Repair</i> (BER)]. Di samping itu, terdapat juga bantuan RKB diberi kepada pemilik rumah yang musnah akibat kejadian ribut. Penemuan ini adalah tidak selaras dengan pemahaman definisi sebenar <i>total loss</i> yang digariskan oleh Kerajaan bagi bantuan pasca banjir. Kesan daripada situasi ini boleh mengakibatkan mangsa yang layak di tempat lain tidak berpeluang mendapat bantuan RKB serta mendapat manfaat daripadanya.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Verifikasi dibuat berdasarkan perakuan mangsa banjir dan pengesahan mangsa banjir oleh JKKKP. Selain itu, terdapat arahan dari pihak atasan di mana elemen-elemen dan kriteria yang tidak dapat dielakkan tersebut diambil kira dalam menentukan nama penerima.</i></p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p><i>Pengesahan senarai mangsa banjir adalah di bawah tanggungjawab MKN dan APBN selaku 'the custodian' pengurusan bencana. Pemilihan mangsa dan pengesahan mangsa banjir dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah/Jajahan beserta dengan pihak MKN pada peringkat awalnya sebelum diambil alih oleh pihak APBN. Pihak JKR tidak terlibat di dalam proses</i></p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>APBN tidak terlibat dalam pemilihan mangsa yang layak. Bagi projek khas pembinaan RKB dan BPR di Tanah Merah, pemilihan mangsa di Tanah Merah dilakukan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Khas Pembinaan RKB dan BPR di Tanah Merah yang dipengerusikan oleh Setiausaha MKN di mana perkara ini selaras dengan Surat Kelulusan daripada Kementerian Kewangan.</p> <p>Pada dasarnya, Keputusan Mesyuarat Pelan Tindakan Pasca Banjir Bilangan 1/2015 yang dipengerusikan oleh YAB TPM pada 20 Januari 2015 telah memutuskan supaya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bantuan Wang Ihsan RM500 yang dilaksanakan oleh MKN;</li> <li>(ii) Bantuan Rumah Kekal Baru (RKB) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR); dan</li> <li>(iii) Bantuan Baik Pulih Rumah (BPR) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).</li> </ul> <p>Walau bagaimanapun, terdapat keadaan tertentu di mana MKN telah diarahkan untuk melaksanakan sepenuhnya proses pembinaan RKB dan BPR di Tanah Merah.</p> <p>MKN telah melaksanakan proses verifikasi senarai penerima di kawasan Tanah Merah dan juga senarai kontraktor yang boleh dipertimbangkan untuk projek tersebut. Proses semakan dan verifikasi ini dibuat dengan mendapatkan bantuan daripada oleh lima (5) agensi lain iaitu Pejabat Tanah Jajahan Tanah Merah, Pejabat Kerja Raya Tanah Jajahan Tanah Merah, JPS Tanah Merah, JPP Tanah Merah dan JKR KESEDAR Tanah Merah.</p> <p>Hasil semakan dan verifikasi yang dilaksanakan dibentangkan di dalam Mesyuarat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pemilihan ini. Proses verifikasi adalah dibuat oleh pihak Pejabat Tanah dan APBN. Pihak JKR hanya melawat tapak bagi menentukan lokasi untuk pembinaan.</i></p>	<p>Jawatankuasa Khas Pembinaan RKB dan BPR Tanah Merah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Negara. Perkara ini selaras dengan Kelulusan Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 27 April 2015.</p>
<p><b>2.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Penerima Bantuan Kerja Pembaikan Rumah Tidak Mematuhi Syarat Kelayakan</b></p> <p>Pihak Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat penting berkaitan kelayakan mangsa banjir untuk mendapatkan bantuan kerja pembaikan rumah. Selain itu, pihak KKLW juga telah menggariskan beberapa kriteria yang menerangkan tentang tahap kerosakan dan komponen rumah mangsa banjir yang perlu dibaiki.</p> <p>Semakan dan lawatan fizikal Audit yang dijalankan ke atas sampel yang dipilih mendapati 15 penerima bantuan pembaikan rumah tidak memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan walaupun kerja pembaikan telah selesai dilaksanakan. Faktor yang menyumbang kepada penemuan ini adalah disebabkan oleh mekanisme pengesahan/verifikasi penerima bantuan dan pemantauan yang kurang cekap. Kesan daripada situasi ini boleh mengakibatkan mangsa yang layak di tempat lain tidak berpeluang mendapat bantuan tersebut serta mendapat manfaat daripadanya.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Mengikut semakan yang telah dibuat seperti yang dimaklumkan dalam emel pegawai BPK, rumah penerima telah diverifikasi dan telah disyorkan untuk layak menerima bantuan. Arahan dari pihak atasan di mana elemen-elemen dan kriteria yang tidak dapat dielakkan tersebut diambil kira dalam menentukan nama penerima.</i></p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Kementerian menerima nama yang diperakukan oleh MKN dan disalurkan kepada Agensi pelaksana. Proses semakan dan verifikasi dijalankan bersama Ketua Kampung sebagai orang yang paling mengenali penduduk kampung yang terlibat. Semasa proses tersebut berlangsung Ketua Kampung telah mengesahkan penama adalah penduduk kampung dan layak untuk menerima bantuan.</i></p>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>Verifikasi dibuat berdasarkan perakuan mangsa banjir dan pengesahan mangsa banjir oleh JKKKP. Rumah yang mengalami kerosakan tetapi tidak dikategorikan sebagai <i>total lost</i> namun tidak ekonomik untuk dibaiki mendapat RKB akan terlebih dahulu diangkat untuk pertimbangan YAB PM/TPM dan diluluskan oleh Jawatankuasa Khas Pembinaan RKB dan BPR Tanah Merah di peringkat MKN yang dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Negara.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.3.1.c	<p><b>Mangsa Banjir Tidak Menerima Bantuan</b></p> <p>Kerajaan telah menetapkan kriteria ke atas mangsa banjir yang memiliki rumah berkeadaan musnah sepenuhnya (total loss) atau rosak akibat bencana banjir serta memenuhi semua syarat lain yang telah ditetapkan adalah layak untuk menerima bantuan projek pembinaan RKB atau kerja pembaikan rumah. Ini bagi memastikan semua mangsa banjir yang terjejas akibat banjir dapat kembali kepada kehidupan pasca banjir dengan segera. Semakan dan lawatan fizikal Audit di lokasi yang berkaitan mendapati beberapa perkara seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Seramai 21 Ketua Isi Rumah (KIR) mangsa banjir di Jajahan Kuala Krai dan 4 KIR mangsa banjir di Jajahan Gua Musang, Kelantan yang rumahnya telah musnah sepenuhnya akibat banjir tidak mendapat bantuan RKB. Lawatan Audit selanjutnya mendapati 4 KIR di Jajahan Kuala Krai dan 1 KIR masing-masing di Jajahan Tanah Merah dan Gua Musang yang rumahnya mengalami kerosakan akibat banjir tidak mendapat bantuan kerja pembaikan.</li> <li>ii. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kekangan bilangan pegawai Agensi Pelaksana bagi menjalankan proses pengesahan/verifikasi ke atas keseluruhan mangsa banjir di kawasan setempat. Selain itu, definisi syarat kelayakan dan prosedur bantuan yang kurang jelas/berbeza disebabkan oleh faktor kesegeraan (ad-hoc) telah mengakibatkan penyaluran bantuan oleh Agensi Pelaksana ke atas mangsa banjir tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Kesannya, masih terdapat beberapa mangsa yang tinggal di dalam khemah atau mendiami rumah transit.</li> </ol>	<p>Maklum balas tambahan APBN semasa Mesyuarat <i>Exit Conference</i> 11 April 2016</p> <p>MKN tidak menerima rekod permohonan daripada penama tersebut dan juga tiada perakuan serta pengesahan daripada Pengerusi JKKKP mahu pun Pejabat Tanah Jajahan yang berkenaan.</p>
2.5.3.2	<p>Pengurusan pemberian bantuan projek pembinaan RKB dan kerja pembaikan rumah yang kurang cekap/berkesan adalah disebabkan oleh proses kerja yang kurang jelas berkaitan pengurusan bantuan ini. Kesannya, berlaku kepelbagaian mekanisme pemilihan/pengesahan/verifikasi yang diamalkan oleh Agensi pelaksana menyebabkan ketidakseragaman rantaian arahan (value chain of command) berkaitan proses pemilihan penerima oleh pegawai atasan Agensi pelaksana kepada pihak yang bertanggungjawab (ketua kampung/penghulu/ahli jawatankuasa).</p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan dalam mekanisme penentuan kelayakan mangsa banjir ini boleh menyebabkan matlamat asal pemberian bantuan tidak dapat dicapai secara berkesan. Mangsa banjir yang layak sepatutnya</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diberikan prioriti akan berkemungkinan terlepas peluang bagi mendapatkan bantuan tersebut.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Dari semakan yang dibuat bagi penama tersebut, tiada permohonan dibuat dan diperakukan serta tiada pengesahan dari Pengerusi JKKKP.</i></p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p><i>Pengesahan senarai mangsa banjir adalah di bawah tanggungjawab MKN dan APBN selaku 'the custodian' pengurusan bencana. Pemilihan mangsa dan pengesahan mangsa banjir dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah/Jajahan beserta dengan pihak MKN pada peringkat awalnya sebelum diambil alih oleh pihak APBN. Pihak JKR tidak terlibat di dalam proses pemilihan ini. Proses verifikasi adalah dibuat oleh pihak Pejabat Tanah dan APBN. Pihak JKR hanya melawat tapak bagi menentukan lokasi untuk pembinaan.</i></p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Kementerian hanyalah Agensi pelaksana dan tidak mempunyai kuasa untuk menerima dan mengesahkan senarai nama di luar daripada senarai yang telah disahkan oleh MKN.</i></p>	
<p><b>2.5.4.3.a.i</b></p>	<p><b>Pelaksanaan Projek Pembinaan RKB Dan Kerja Pembaikan Rumah - Pembinaan RKB Tidak Mengikut Reka Bentuk Yang Diluluskan</b></p> <p>Perenggan 3.6.3. dalam Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya (Edisi Ke-3) menyatakan kepentingan untuk memastikan tugas pereka bentuk dari pelbagai disiplin diselaraskan bagi penyediaan perincian reka bentuk. Setiap aspek perincian yang ditetapkan hendaklah lengkap dan berdasarkan kepada kehendak badan-badan berkuasa perancangan, kemudahan dan tempatan sebelum pelawaan kerja dilaksanakan.</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 18/04/2016</p> <p>i) <i>Standard</i> lukisan piawai RKB telah diluluskan oleh PM dan TPM. Pihak JKR telah mematuhi garis panduan UBBL dan juga keperluan pihak PBT semasa kerja-kerja rekabentuk yang dilaksanakan mengambil kira kos yang diluluskan.</p>
<p><b>2.5.4.3.a.ii</b></p>	<p>Lawatan fizikal Audit di Jajahan Tanah Merah, Kelantan mendapati 3 RKB yang telah siap dibina tidak mematuhi spesifikasi reka bentuk yang diluluskan oleh JKR. Keadaan ini adalah berpunca daripada tindakan pemantauan dan</p>	<p>Pihak JKR telah melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa terhadap kualiti pembinaan di tapak bina dan juga lukisan pembinaan yang digunapakai mengambil kira keseluruhan maklumbalas yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengesahan akhir yang kurang berkesan oleh Agensi pelaksana terhadap prestasi kerja Kontraktor yang dilantik. Kesan daripada situasi ini boleh mengakibatkan sesuatu kerja tersebut tidak disempurnakan dengan memuaskan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak berkenaan.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Terdapat 2 pelan yang dikeluarkan oleh pihak JKR iaitu rumah bawah dan rumah jenis bertiang. Pembinaan RKB tersebut adalah mengambil kira kesesuaian tapak bina serta permohonan oleh tuan rumah dan setiap perubahan tidak melibatkan sebarang pertambahan kos. Perubahan reka bentuk tersebut juga tidak menjejaskan struktur bangunan dan pihak pengurusan berpendapat ada kewajaran dan boleh diterima.</i></p>	<p>diterima daripada pasukan projek dan pihak pengguna.</p> <p>ii) Gambar RKB dalam lawatan fizikal Audit bagi 2.24 dan 2.25 bukan di bawah JKR</p>
<p><b>2.5.4.3.b.i</b></p>	<p><b>Kelewatan Pelaksanaan Projek Pembinaan RKB</b></p> <p>Sebanyak 171 (40.52%) daripada 422 sampel RKB bagi semua Agensi pelaksana yang terlibat telah mengalami kelewatan di antara 1 hingga 3 bulan.</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 18/04/2016</p>
<p><b>2.5.4.3.b.ii</b></p>	<p>Pembinaan RKB (JKR) di Chenulang, Jajahan Kuala Krai, Kelantan masih belum dimulakan disebabkan oleh keadaan tapak projek yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kawasan berkenaan telah mempunyai banyak bebanan (encumbrances) seperti pencerobohan dan tapak tersebut bersifat cerun dan berbukit. Keadaan ini mengakibatkan pertambahan kerja infrastruktur bernilai RM3.33 juta.</p>	<p>i. Bagi projek bawah tanggungjawab JKR, seperti mana yang telah dilaporkan dalam laporan tersebut, terdapat beberapa isu yang telah menyumbang kepada kelewatan projek iaitu lokasi pembinaan di kawasan yang terpencil dan pendalaman. Ini mengakibatkan kesukaran untuk menghantar bahan ke tapak bina termasuk laluan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda dan lori kecil. Selain itu juga, faktor cuaca juga menyumbang kepada kelewatan ini disamping kekurangan bekalan binaan dipasaran. Kesemua faktor ini telah menyumbang kepada kelewatan RKB yang dibangkitkan di dalam laporan tersebut. Sebab kelewatan bagi 22 unit adalah adalah cuaca tidak menentu, kesukaran bekalan tenaga pekerja dan bekalan bahan binaan, ketiadaan sumber elektrik dan air, lokasi terpencil dan kesukaran akses ke tapak.</p>
<p><b>2.5.4.3.b.iii</b></p>	<p>Pembinaan 29 RKB (JKR) di Bertam Baru juga telah mengalami kelewatan disebabkan oleh kewujudan halangan laluan kereta api dan sungai bagi tujuan membawa bahan binaan ke tapak projek. Jarak lokasi yang jauh di antara pejabat Jurutera Jajahan dengan tapak projek serta keadaan perjalanan yang mencabar telah menyumbangkan kepada faktor <i>triple handling</i> dan peningkatan kos pengangkutan.</p>	<p>Tempoh pembinaan 75 hari adalah bagi tapak projek yang telah sedia untuk dimasuki (<i>platform ready</i>). Manakala tapak-tapak yang mempunyai masalah akses, infra dan keadaan masalah tanah yang memerlukan rawatan (<i>soil treatment</i>), tempoh masa yang lebih panjang diperlukan.</p>
<p><b>2.5.4.3.b.iv</b></p>	<p>2 Kontraktor di Daerah Temerloh, Pahang telah menolak pembinaan RKB (JKR) setelah SST baru dikeluarkan atas alasan harga kontrak terlalu rendah dan perubahan lokasi RKB baru semasa pembinaan. Manakala 2 projek pembinaan RKB di Kuala Krai, Kelantan telah terbengkalai disebabkan oleh masalah kewangan kontraktor. Keadaan ini menyebabkan penerima bantuan tersebut masih mendiami rumah transit dan rumah sementara.</p>	<p>Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai</p> <p>Tempoh jangka siap bagi projek-projek dalam pembinaan adalah pada Julai 2016</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pendapat Audit, kelewatan projek pembinaan RKB telah menyebabkan objektif Kerajaan untuk membantu mangsa banjir mendapatkan RKB dengan kadar segera tidak dapat dicapai dengan berkesan.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan S/K.KEW/PK/JPM/OE1/05 Jld.8 SK.1(SEM) (2) bertarikh 27 April 2015 telah menyatakan projek pembaikan dan pembinaan perlu disiapkan sebelum Hari Raya Aidilfitri. Oleh itu, tempoh tersebut adalah bersesuaian dengan kehendak merujuk surat MOF tersebut. Semasa pembinaan, terdapat kesukaran mendapat bahan binaan dan kekurangan aliran tunai kontraktor di mana pihak MKN dimaklumkan Cuma kontraktor tertentu dikenal pasti melaksanakan kerja-kerja tersebut secara aktif. Daripada maklumat hasil taklimat yang dilakukan jelas kontraktor-kontraktor yang nama tidak bergerak secara aktif dalam melaksanakan kerja-kerja.</i></p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p><i>Terdapat beberapa isu yang telah menyumbang kepada kelewatan projek iaitu lokasi pembinaan di kawasan yang terpencil dan pedalaman. Ini mengakibatkan kesukaran untuk menghantar bahan ke tapak bina termasuk laluan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda dan lori kecil. Selain itu juga, faktor cuaca juga menyumbang kepada kelewatan ini di samping kekurangan bekalan binaan di pasaran. Tempoh pembinaan 75 hari adalah bagi tapak projek yang telah sedia untuk dimasuki (platform ready). Manakala tapak-tapak yang mempunyai masalah akses, infra dan keadaan masalah tanah yang memerlukan rawatan (soil treatment), tempoh masa yang lebih panjang diperlukan. Tempoh jangka siap bagi projek-projek dalam pembinaan adalah pada Mei 2016.</i></p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa pembinaan RKB adalah di bawah pelaksanaan KKR. Walau bagaimanapun, sehingga April 2015, tiada kerja-kerja pembinaan RKB dimulakan. YAB Timbalan Perdana</i></p>	<p>ii) Penerima bantuan diluluskan oleh APBN dan ianya dibina di atas tanah hak milik persendirian individu tersebut. Walau bagaimanapun JKR tidak diberikan arahan memasuki tapak oleh APBN untuk pembinaan RKB bagi tanah berkelompok di Chenulang, Jajahan Kuala Krai, Kelantan.</p> <p>iii) Tepat seperti dapatan audit. Pemantauan dan penyeliaan JKR adalah mengikut situasi semasa dan kesesuaian keadaan tapak serta permintaan <i>end user</i>. Projek pembinaan RKB ini adalah projek <i>one off</i> dan memerlukan rumah dibina segera dalam situasi darurat.</p> <p>iv) Projek pembinaan RKB ini adalah projek <i>one off</i> dan memerlukan rumah dibina segera dalam situasi darurat. . Pemilihan kontraktor terhad kepada senarai yang disediakan oleh BPKU, KKR dan diluluskan oleh JKKPB terdiri daripada kontraktor G1, G2 dan G3 tempatan dengan sumber yang terhad (keuangan dan tukang).</p> <p>Rumah Che Mohd Daud Bin Setapa di Kg. Pemberian adalah merupakan RKB yang dibina dikawasan pedalaman dan hanya disambungkan dengan sebuah jambatan yang kecil, yang boleh dilalui oleh lori kecil (3 tan). Rumah tersebut mengalami kekurangan bahan di tapak semasa lawatan Audit dan tiada pekerjaan pada masa itu. Rumah ini telah disiapkan sepenuhnya.Tarikh siap 30.12.2015.</p> <p>Rumah Che Minah bt Che Ya. Pembinaan rumah ini telah dikeluarkan dari senarai JKR. Dari semakan JKR menunjukkan bahawa nama mangsa ini bertindih dengan senarai mangsa banjir di bawah peruntukan NGO/Kerajaan Negeri dan belum mempunyai milikan tanah yang sah (bergeran).</p> <p>RKB Tg Perah, Temerloh, Pahang penerima Pn Paudziah binti Setapak telah siap dibina oleh kontraktor lain dan diserahkan pada 26 Februari 2016.</p> <p>RKB Kg Tanjung Kubu Zainuddin Bin Ahmad JKR telah membina berdasarkan surat kelulusan tapak dari Pejabat Daerah rujukan surat Bil (50)d/m.PTD/PLB/SER/JLD 8 bertarikh 9hb Febuari 2015.JKR telah memberhentikan kerja pembinaan setelah menerima surat pengesahan semula tapak dari Pejabat Tanah menyatakan tanah tersebut termasuk dalam rezab sungai.</p> <p>Walaupun bagaimanapun Pejabat Tanah telah memberikan tapak baru bagi pembinaan RKB tersebut. RKB mula dibina pada 27 Oktober 2015 dan telah siap pada 10 Januari 2016. Projek ini telah diserahkan kepada pemilik pada 18 Mac</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Menteri melalui surat kelulusan bilangan UPPB:600-2/3(24) bertarikh 12 Mei 2015 telah bersetuju supaya RKB bagi komuniti Orang Asli dilaksanakan oleh JAKOA. Pada Jun 2015, JAKOA telah melantik 43 kontraktor bagi pembinaan 241 unit RKB dengan pecahan 99 unit di Kelantan, 74 unit di Pahang dan 68 unit di Perak. Sehingga 29 Februari 2016, sebanyak 128 unit telah disiapkan manakala 113 unit masih dalam pelaksanaan. Kelewatan projek adalah berpunca daripada faktor lokasi projek di pedalaman, kekurangan bahan binaan dan keadaan cuaca yang tidak menentu.</i></p>	2016.
2.5.5.1.a	<p><b>Skop Kerja Pembaikan - Kerja Pembaikan Rumah Di Luar Skop</b></p> <p>Semakan dan lawatan fizikal Audit yang dijalankan terhadap 109 sampel kediaman penerima bantuan mendapati berlaku kerja pembaikan di luar skop komponen yang diluluskan. Kerja-kerja tersebut menunjukkan proses verifikasi sebelum kerja dilaksanakan telah dijalankan dengan kurang berkesan. Kesan daripada tindakan ini boleh menyebabkan objektif peruntukan bantuan kerja pembaikan yang disalurkan berdasarkan skop kerja yang diluluskan tidak akan tercapai.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Pembaikan dibuat adalah berdasarkan kepada skop kerja asal tetapi ia juga bergantung kepada jenis kerosakan dan kerja-kerja tambahan tersebut ditanggung oleh kontraktor atau tuan rumah.</i></p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Kelapan-lapan komponen pembaikan rumah yang telah digariskan termasuk lain-lain komponen adalah dengan memberi keutamaan kepada komponen asas rumah yang utama seperti tangga, bumbung/siling, lantai rumah, dapur, tandas, pintu, tingkap, longkang, pendawaian, perpaipan dan pendawaian elektrik. Keutamaan kepada komponen-komponen ini perlu dibaiki terlebih dahulu atas faktor-faktor keselamatan, keutuhan struktur asas rumah dan bagi memastikan komponen-komponen pembaikan yang lain dapat disempurnakan dan tidak rosak.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.5.5.1.b</b></p>	<p><b>Kerja Pembaikan Bumbung Bagi Rumah Yang Tidak Ditenggelami Banjir</b></p> <p>Komponen bumbung merupakan salah satu dari 8 item yang dibenarkan untuk dibaiki/ditukar oleh Agensi pelaksana. Peruntukan ini telah disediakan khusus untuk rumah yang terjejas disebabkan oleh banjir. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 26 kerja pembaikan bumbung telah dilaksanakan ke atas rumah kediaman yang tidak ditenggelami air dan keadaan bumbungnya tidak terjejas oleh bencana banjir.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Faktor hujan lebat yang berterusan berserta angin kencang/ribut semasa kejadian banjir tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada rumah penerima tersebut. Faktor tersebut adalah wajar bagi bantuan baik pulih rumah diberikan kepada penerima. Faktor kemanusiaan juga diambil kira atas pembaikan rumah mangsa banjir tersebut.</i></p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Pembaikan bumbung bagi rumah yang tidak tenggelam dibuat kerana bumbung-bumbung berkenaan disahkan telah rosak/tercabut berdasarkan proses verifikasi yang dilaksanakan. Bencana banjir bukan hanya melibatkan aliran air sungai yang melimpah tetapi unsur-unsur alam lain yang turut mempengaruhi kerosakan rumah seperti angin/ribut. Keutamaan kepada komponen-komponen ini perlu dibaiki terlebih dahulu atas faktor-faktor keselamatan, keutuhan struktur asas rumah dan bagi memastikan komponen-komponen pembaikan yang lain disempurnakan dan tidak rosak.</i></p>	
<p><b>2.5.5.2</b></p>	<p>Selain itu, analisis Audit juga mendapati amalan pihak Agensi pelaksana untuk memaksimumkan kos pembaikan sebuah rumah kepada RM10,000 telah menyumbang kepada penemuan ini. Proses kerja yang kurang jelas berkaitan syarat kelayakan dan item yang boleh dibaiki telah menyebabkan berlaku kepelbagaian mekanisme pemilihan/pengesahan/verifikasi yang diamalkan oleh Agensi pelaksana. Kesannya, berlaku ketidakseragaman rantaian arahan (value chain of command) berkaitan proses penentuan komponen pembaikan oleh pegawai atasan Agensi pelaksana kepada pihak yang bertanggungjawab (pegawai teknikal/ketua kampung/penghulu/ahli jawatankuasa).</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja pembaikan rumah yang berada di</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>luar skop diluluskan tidak sepatutnya diberikan keutamaan.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Pembaikan dibuat adalah berdasarkan kepada skop kerja asal tetapi ia juga bergantung kepada jenis kerosakan dan kerja-kerja tambahan tersebut ditanggung oleh kontraktor atau tuan rumah.</i></p> <p>Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Pembaikan yang dibuat adalah atas binaan sedia ada dan bukannya binaan baru. Verifikasi kerosakan yang dilaksanakan adalah benar sama seperti mana yang dinyatakan dalam BQ dan kerja-kerja pembaikan yang dilakukan adalah bagi menggantikan binaan lama yang telah rosak/robah.</i></p>	
2.5.6.1.a	<p><b>Penggunaan Kemudahan RKB - Kemudahan RKB Disediakan Tidak Diduduki</b></p> <p>Matlamat penyediaan RKB kepada penerima bantuan yang diluluskan adalah sebagai insentif kepada mangsa untuk meneruskan kehidupan pasca banjir. Setiap RKB juga disediakan kemudahan yang lengkap seperti bilik, tandas, dapur dan kelengkapan elektrik. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit di kawasan sampel RKB yang terlibat mendapati sejumlah 17 RKB di 4 Negeri telah diserahkan kepada penerima/Agensi berkaitan tetapi tidak diduduki oleh penerima.</p> <p>Maklum Balas APBN/MKN Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Satu perbincangan telah diadakan dengan pihak TNB dan hasil perbincangan tersebut, rumah penerima yang terlibat telah mendapat bekalan elektrik.</i></p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p><i>JKR telah menyiapkan rumah RKB di tapak yang diluluskan oleh APBN. Urusan perpindahan mangsa banjir adalah di bawah tanggungjawab APBN.</i></p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 18/04/2016</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penyerahan rasmi telah dibuat KKR namun urusan perpindahan bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya.</li> <li>b) Penerima bantuan bukan di bawah tanggungjawab KKR. Dimasukkan dalam senarai KKR hanya untuk makluman supaya tidak dibina RKB kerana mangsa telah dimasukkan dalam senarai MKN sebagai mangsa yang akan diberikan rumah PPR Gua Musang yang telah siap bina oleh KPKT.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.6.1.b	<p><b>Penerima Bantuan Projek Pembinaan RKB Masih Belum Ditempatkan Di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Galas, Jajahan Gua Musang, Kelantan</b></p> <p>Semakan Audit di pejabat JKR Gua Musang mendapati seramai 37 orang penerima bantuan RKB telah diluluskan oleh MKN dan APBN. Pihak Audit juga telah dimaklumkan bahawa kesemua penerima tersebut akan ditempatkan di PPR Galas, Jajahan Gua Musang, Kelantan yang mana ia telah siap dibina oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Bagaimanapun, sesi lawatan fizikal Audit di lokasi berkaitan mendapati kesemua penerima berkenaan masih belum menetap di kediaman berkenaan kerana ia belum dibuka untuk tujuan penempatan orang awam walaupun telah lama disiapkan.</p>	
2.5.6.2	<p>Hasil temu bual Audit bersama para penerima bantuan mendapati antara faktor kemudahan RKB yang tidak dapat digunakan adalah disebabkan oleh kesediaan penerima untuk berpindah. Perbezaan saiz RKB dan keadaan rumah asal yang masih boleh diduduki telah menyebabkan penerima bantuan kurang bersedia untuk berpindah. Selain itu, masalah peribadi penerima bantuan dan kekangan dana yang mencukupi untuk membayar deposit utiliti juga menjadi faktor penyumbang kepada RKB tidak diduduki dengan segera.</p> <p>Pada pendapat Audit, matlamat asal projek pembinaan RKB tidak akan tercapai selagi ianya tidak dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh penerima bantuan pasca banjir.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 31 Mac 2016</p> <p><i>Pembinaan RKB sebanyak 37 orang penerima ini merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi diuruskan oleh pihak KPKT. Urusan perpindahan mangsa banjir adalah di bawah tanggungjawab APBN.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**JABATAN PERDANA MENTERI / KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Jabatan Pertahanan Awam Malaysia**

**Perenggan 3 : Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.1.b	<p><b>Pengurusan Perolehan - Perancangan Perolehan</b></p> <p>Pada 14 Julai 2014, KDN telah meluluskan permohonan cadangan perolehan peralatan operasi dan latihan berjumlah RM5 juta bagi 14 item peralatan operasi dan latihan melalui peruntukan tambahan di bawah anggaran Belanja Pembangunan kepada JPAM. Semakan Audit mendapati JPAM telah membuat penambahan kuantiti terhadap 8 daripada 14 item perolehan peralatan operasi dan latihan berjumlah RM658,135 dalam tempoh satu hingga 42 hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST). Penambahan kuantiti dalam tempoh yang singkat menunjukkan tiada perancangan yang teliti berhubung dengan perolehan sebut harga yang dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan perancangan JPAM dalam menguruskan perolehan menyebabkan pembaziran sumber dan risiko berlakunya pecah kecil perolehan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>JPAM telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM5 juta pada 14 Julai 2014 daripada KDN. Jabatan tidak pernah merancang untuk memecah kecil perolehan ini. JPAM telah membuat perancangan bagi perolehan di bawah peruntukan tambahan walaupun pada dasarnya bilangan peralatan yang diperlukan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan sebenar Jabatan di peringkat PNPA dan PDPA keseluruhannya. Perancangan tersebut telah diluluskan oleh KDN dan telah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan secara sebut harga.</i></p> <p><i>Bagaimanapun, terdapat lebih peruntukan (penjimatan berikutan harga</i></p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.2.1.b dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>yang ditawarkan pembekal lebih rendah berbanding harga anggaran) dari proses sebut harga bagi perolehan peralatan tersebut. Bagi mengelakkan peruntukan tidak dibelanjakan, Jawatankuasa Sebut Harga telah bersetuju dan memutuskan penambahan kuantiti dilakukan bagi mencapai perbelanjaan optimum. Keputusan tersebut mengambilkira faktor bahawa sesetengah peralatan yang ditambah kuantiti sememangnya diperlukan oleh Jabatan dan tidak boleh didapati di pasaran tempatan. Jabatan juga mempunyai kekangan masa bagi melaksanakan proses tender di samping terdapat keperluan bagi peralatan tambahan tersebut.</i></p> <p><i>Pihak pengurusan memandang berat teguran Audit dan telah mengarahkan perancangan yang lebih teliti dibuat. Ini termasuk kursus kepada kakitangan kewangan serta kajian pasaran yang perlu dilaksanakan sebelum perolehan dibuat.</i></p>	
<p><b>3.5.2.2.i</b></p>	<p><b>Pecah Kecil Perolehan</b></p> <p>Pembelian terus berjumlah RM62,800 telah dipecah kecilkan di PNPA Sarawak. Perolehan tersebut sepatutnya dibuat melalui sebut harga.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>PNPA Sarawak membuat tafsiran item-item yang dibeli tidak melebihi RM50,000 per item (setiap jenis item) pada ketika perolehan itu dilakukan. Peraturan ini ada dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan Perenggan 173.1. "Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50,000".</i></p> <p><i>Pihak pengurusan memandang serius teguran Audit dan telah mengeluarkan surat amaran kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) supaya memberi penekanan kepada tatacara perolehan mengikut peraturan kewangan semasa.</i></p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.2.2.i dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>
<p><b>3.5.2.2.ii</b></p>	<p>Bagi 6 perolehan melalui sebut harga berjumlah RM2,711,535 didapati JPAM telah membuat penambahan kuantiti antara satu hingga 21 hari menyebabkan nilai perolehan melebihi RM500,000 dipecah kecilkan. Perolehan tersebut sepatutnya dilaksanakan secara tender dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan.</p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.2.2.iii dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.2.iii	<p>Semakan Audit juga mendapati berlaku kes pecah kecil perolehan melalui pembekal yang sama iaitu melibatkan 6 sebut harga berjumlah RM1.87 juta. Perolehan tersebut sepatutnya dilaksanakan melalui perolehan secara tender.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan melalui pembelian terus dan sebut harga adalah kurang memuaskan kerana berlakunya kelemahan perancangan dan pecah kecil perolehan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Perancangan perolehan telah dibuat dan telah diluluskan oleh KDN. Bagaimanapun, terdapat lebih peruntukan dari proses sebut harga bagi perolehan peralatan tersebut. Bagi mengelakkan peruntukan pembangunan tidak dibelanjakan, Jawatankuasa Sebut Harga telah bersetuju dan memutuskan penambahan kuantiti dilakukan bagi mencapai perbelanjaan optimum. JPAM tidak pernah merancang untuk memecah kecilkan perolehan ini. Sebut harga ini dikeluarkan secara berasingan di atas justifikasi peralatan ini adalah berbeza fungsi.</i></p>	
3.5.3.1	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani</b></p> <p>1PP PK 4 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati 7 kontrak telah lewat ditandatangani antara 92 hingga 554 hari.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Didapati punca kelewatan bagi kontrak-kontrak tersebut tidak dapat disempurnakan dalam tempoh masa berkaitan adalah disebabkan kepada perkara yang berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Kelewatan pihak syarikat dalam mengembalikan SST pendua serta penyerahan Bon Pelaksanaan yang melebihi dari tempoh 14 hari yang ditetapkan turut menjadi faktor kelewatan penyediaan dokumen kontrak.</i></li> <li><i>ii. Penyediaan pindaan kepada dokumen kontrak yang telah disemak oleh Penasihat Undang-Undang melibatkan perbincangan semula fasal-fasal</i></li> </ul>	Maklum balas bagi perenggan 3.5.3.1 dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>yang dibuat pindaan bersama pihak Syarikat bagi memastikan persetujuan berkaitan terma-terma kontrak diputuskan sebelum kontrak ditanda tangan.</i></p> <p><i>iii. Kelewatan pihak syarikat dalam mengembalikan dokumen kontrak yang telah ditanda tangan untuk tindakan selanjutnya turut menjadi faktor kelewatan dokumen kontrak ini disempurnakan. Tindakan susulan berkaitan perkara ini dilakukan dengan menghubungi syarikat melalui panggilan telefon bagi memastikan pihak syarikat mengemukakan dokumen yang dikehendaki dengan kadar segera.</i></p> <p><i>iv. Kelewatan pihak syarikat untuk menyerahkan Bon Pelaksanaan Tambahan yang melebihi dari tempoh 14 hari yang ditetapkan turut menjadi faktor kelewatan penyediaan dokumen kontrak.</i></p> <p><i>Bagi memperkemas pentadbiran kontrak, beberapa penambahbaikan berkaitan tadbir urus telah diambil:</i></p> <p><i>i. Mengemas kini garis masa pentadbiran kontrak;</i></p> <p><i>ii. Menyediakan template deraf kontrak yang standard bagi item-item yang melibatkan bekalan, perkhidmatan, penyelenggaraan dan sewaan.</i></p> <p><i>iii. Bagi memantau pengurusan perolehan, 1 sistem telah dibangunkan secara in-house.</i></p>	
3.5.3.2.i	<p><b>Bon Pelaksanaan</b></p> <p>Semakan mendapati 16 bon pelaksanaan telah lewat dikemukakan antara 4 hingga 70 hari dari tarikh yang sepatutnya.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>JPAM telah mengambil tindakan susulan mengenai status penghantaran bon kepada pihak pembekal secara lisan melalui telefon. Bagaimanapun, tiada tindakan susulan melalui surat menyurat dibuat. Walaupun berlaku kelewatan, pihak syarikat tetap menyerahkan bon tersebut kepada pihak JPAM. Bagi melindungi kepentingan Kerajaan, Jabatan juga tidak membuat apa-apa pembayaran selagi bon tersebut tidak diterima.</i></p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.3.2.i dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pihak JPAM telah melaksanakan penambahbaikan dengan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>(i) prosedur kerja berkaitan pemantauan kontrak iaitu membuat tindakan susulan melalui surat secara berkala di samping panggilan telefon kepada syarikat bagi sebarang kelewatan penyerahan dokumen;</i></li> <li><i>(ii) memperkemaskan penguatkuasaan terhadap prosedur dan menyatakan secara jelas pelaksanaan bon semasa mengeluarkan SST kepada pembekal; dan</i></li> <li><i>(iii) mengemas kini semua maklumat kontrak melalui Sistem MyJPAM (dilancarkan Disember 2015) bagi memastikan pemantauan yang lebih sistematik dilaksanakan di peringkat Jabatan.</i></li> </ul>	
<p><b>3.5.3.2.ii</b></p>	<p>Sebanyak 13 bon pelaksanaan bernilai RM0.12 juta mempunyai tempoh jaminan kurang daripada 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak. Semakan Audit selanjutnya ke atas SST mendapati tempoh jangka masa bon tidak dinyatakan di dalam SST dan ini merupakan faktor yang telah menyebabkan pembekal gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pentadbiran kontrak adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan menandatangani perjanjian dan penyerahan bon pelaksanaan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Didapati terdapat sesetengah bank yang mengguna pakai tarikh kontrak sebagai tempoh jaminan bon. Untuk makluman, pihak Jabatan tidak akan mengeluarkan Surat Pelepasan (Letter of Discharge) kepada pembekal sehingga satu tahun selepas tarikh tamat kontrak. Selain itu, Jabatan juga telah memperkemaskan prosedur dengan menyatakan secara jelas tempoh jaminan bon semasa mengeluarkan SST kepada pembekal.</i></p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.3.2.ii dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.4.1.i	<p><b>Penerimaan Dan Pengagihan - Peralatan Tidak Mengikut Spesifikasi</b></p> <p>IPPA telah membeli sebanyak 1,010 pasang kasut getah dengan nilai RM68,680 pada tahun 2014 melalui sebut harga. Berdasarkan spesifikasi, kasut yang dibekalkan mestilah berwarna oren dan perkataan "HAK KERAJAAN" bersaiz kecil dicetak di sebelah tepi bahagian atas dalam kasut tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati kasut getah yang dibekalkan berwarna kuning dan bukannya berwarna oren serta tidak dicetak dengan perkataan "HAK KERAJAAN". Kasut getah berwarna oren memerlukan tempahan khas selaras dengan warna korporat JPAM manakala kasut getah berwarna kuning merupakan barangan sedia ada di pasaran. JPAM sepatutnya mengambil tindakan menolak pembekalan yang tidak menepati spesifikasi yang telah ditetapkan sepertimana yang dinyatakan di dalam SST. JPAM sepatutnya menuntut semula perbezaan harga yang telah dibayar dengan harga sebenar kasut getah yang dibekalkan.</p>	Maklum balas bagi perenggan 3.5.4.1.ii dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.
3.5.4.1.ii	<p>Semakan juga mendapati sebanyak 64 unit <i>surf board</i> bernilai RM371,200 dan 8 unit <i>jet ski</i> bernilai RM400,000 turut tidak mengikut spesifikasi dari segi warna yang telah ditetapkan iaitu berwarna oren JPAM.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Pihak pengurusan Jabatan telah bersetuju bahawa pembekalan kasut getah dibuat mengikut warna yang melambangkan Jabatan dan telah dipersetujui oleh pihak pembekal sebagaimana kontrak perjanjian. Bagaimanapun, pihak pembekal tidak dapat membekalkan kasut tersebut mengikut spesifikasi warna yang dikehendaki Jabatan. Berikutan keperluan mendesak Jabatan ketika bencana banjir yang berlaku pada tahun 2014, Jawatankuasa Sebut Harga JPAM bersetuju untuk menerima pembekalan kasut getah yang berwarna kuning mengambil kira faktor keselamatan anggota JPAM yang bertugas di samping memastikan operasi bantuan kecemasan kepada orang ramai tidak tergendala. Kasut getah yang telah diterima juga telah dicop dengan perkataan 'HAK KERAJAAN MALAYSIA'.</i></p> <p><i>Pihak stor IPPA telah menerima cot stretcher seperti yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Sebut Harga. Sebagaimana didalam spesifikasi sebut harga Jawatankuasa Penilaian Teknikal telah memilih "Anodized Aluminium" adalah kerana pengalaman semasa operasi menyelamatkan dan kes kecemasan di lapangan. Didapati bahawa thermoplastic tidak mempunyai daya ketahanan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>untuk menampung berat mangsa ataupun pesakit. Jawatankuasa telah bersetuju dengan pemilihan bekalan “cot stretcher anodized aluminium” adalah berdasarkan kepada kualiti yang lebih baik dan tahan lasak tanpa sebarang penambahan kos.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak mengikut spesifikasi boleh menjejaskan hasrat jabatan untuk meningkatkan imej korporat.</p>	
<p><b>3.5.4.2.a</b></p>	<p><b>Kuantiti Agihan Peralatan Tidak Bersamaan Dengan Rekod</b></p> <p>Kuantiti agihan peralatan yang diterima di setiap PNPA hendaklah sama dengan jumlah yang dibekalkan oleh Stor IPPA. Semakan Audit mendapati kuantiti item yang dibekalkan tidak bersamaan dengan kuantiti item yang direkod dan diterima oleh pihak PNPA dengan perbezaan 10 item bernilai RM1.02 juta.</p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.4.2.d dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>
<p><b>3.5.4.2.b</b></p>	<p>Pihak Audit turut membuat semakan kuantiti agihan peralatan yang dilaksanakan oleh pihak PNPA kepada PDPA dan berdasarkan pemeriksaan fizikal mendapati bakinya adalah tidak bersamaan dengan rekod PNPA sebanyak 12 item bernilai RM28,902. Manakala rekod agihan di PNPA Johor ke PDPA tidak dapat disahkan kerana rekod kuantiti agihan peralatan tidak dikemukakan untuk pengauditan.</p>	
<p><b>3.5.4.2.c</b></p>	<p>JPAM telah membuat perolehan membekal dan menghantar set pingat dan anak pingat. Pingat merupakan penghargaan terhadap pengorbanan yang telah dilakukan oleh anggota Pertahanan Awam dalam melaksanakan tugas. Kesemua pingat tersebut disimpan di stor Bahagian Pengurusan Angkatan dan hanya bahagian tersebut yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan pingat kepada pegawai yang sepatutnya menerima. Pemeriksaan Audit mendapati pingat tersebut disimpan di dalam kabinet besi yang berkunci. Bagaimanapun, didapati keadaan stor Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA tidak disenggara dengan baik. Pingat tidak disusun dengan kemas dan kad petak tidak disediakan.</p>	
<p><b>3.5.4.2.d</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati baki fizikal pingat berbeza dengan baki mengikut rekod di Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA. Penyelenggaraan rekod yang tidak lengkap dan kemas kini boleh melemahkan kawalan dan mendatangkan risiko kepada kehilangan pingat tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, urusan penerimaan dan pengeluaran stok adalah kurang memuaskan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Rekod pengagihan telah dilaksanakan melalui Sistem Pengurusan Stor (SPS). Bagaimanapun, pihak PNPA tidak mengemas kini rekod penerimaan di dalam sistem.</i></p> <p><i>Bahagian Pengurusan Angkatan mengambil makluman berkaitan teguran pihak Audit berkaitan pengurusan stor pingat. Tindakan telah diambil yang mana stor Bahagian Pengurusan Angkatan telah dikemas kini melibatkan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>(i) Stok bagi Bintang dan Pingat Pertahanan Awam adalah bersamaan dengan penerimaan dan pengeluaran semasa;</i></li> <li><i>(ii) Penyelenggaraan dan susun atur stor Bahagian Pengurusan Angkatan telah diselenggara dengan baik; dan</i></li> <li><i>(iii) Kad Petak telah dikemas kini setelah mengambil kira penerimaan dan pengeluaran semasa.</i></li> </ul>	
3.5.5.1	<p><b>Penggunaan - Aset Dibeli Tidak Digunakan</b></p> <p>Pemeriksaan Audit di PNPA Terengganu, Johor, Kedah dan Sarawak mendapati peralatan seperti <i>breathing apparatus, cot stretcher, generator set, commander signal baton, portable pump, inflatable boat, jet ski</i> dan ATV telah diterima tetapi masih belum dipasang/diujilari dan digunakan. Peralatan tersebut telah diterima oleh IPPA antara bulan Julai 2013 hingga Mei 2015 dan telah diagihkan kepada PNPA dan PDPA yang terlibat. Jangka masa kebanyakan peralatan berada dalam simpanan PNPA dan PDPA adalah melebihi 250 hari. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar peralatan tersebut diterima oleh pihak PNPA dan PDPA kerana masalah dokumen yang tidak lengkap.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak dipasang/diujilari dan digunakan boleh menyebabkan pembaziran kerana JPAM tidak dapat memanfaatkan waranti yang diberi oleh pembekal sekiranya peralatan yang rosak atau gagal berfungsi hanya dapat dikesan selepas tempoh jaminan luput.</p>	Maklum balas bagi perenggan 3.5.5.1 dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Pihak PNPA dan PDPA tidak menggunakan sepenuhnya peralatan baru yang diagihkan kerana peralatan lama masih boleh digunakan. Arahan Jabatan telah dikeluarkan supaya setiap peralatan perlu dipasang dan diuji serta digunakan. Surat Arahan dari Bahagian Khidmat Pengurusan dan salinan Standard Operation Procedure untuk menggunakan sepenuhnya peralatan dalam operasi harian serta pengujian berkala telah dikeluarkan pada 8 Januari 2016.</i></p>	
<p><b>3.5.6.1</b></p>	<p><b>Penyimpanan</b></p> <p>Berdasarkan 1PP (AM) 2.4 dan 1PP (AM) 6.4 antaranya menyatakan aset/barang-barang stor hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai bertanggungjawab dan aset/barang-barang stor yang sangat menarik atau bernilai tinggi perlu disimpan di tempat yang berasingan/mempunyai kawalan keselamatan yang lebih ketat. Aset/barang-barang stor juga hendaklah ditempatkan serta disusun dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan pemeriksaan, pengesanan dan perekodan.</p>	<p>Maklum balas bagi perenggan 3.5.6.2 dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.</p>
<p><b>3.5.6.2</b></p>	<p>Pemeriksaan ke atas stor di PDPA mendapati kebanyakan stor di PDPA adalah kecil, sempit dan tidak dapat menampung penyimpanan bekalan stok dan aset. Selain itu, di PDPA Kulim mendapati keadaan pejabat tersebut terlalu uzur dan berisiko untuk dihuni. Adalah didapati struktur bangunan telah reput, berlaku kebocoran terutamanya di kawasan stor penyimpanan peralatan dan telah berlaku runtuh siling.</p> <p>Pada pendapat Audit, stor yang kecil dan sempit menyebabkan peralatan tidak dapat disimpan dengan baik dan selamat. Di samping itu, keadaan pejabat yang uzur akan memberi kesan terhadap motivasi kakitangan dalam melaksanakan tugas serta menjejaskan imej Jabatan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Kekangan ruangan pejabat merupakan masalah yang tidak dapat dielakkan. Di samping itu, PNPA telah mengambil tindakan membaik pulih bangunan bersebelahan pejabat Kulim untuk keselamatan kakitangan dan anggota.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>PDPA Kulim telah pun beroperasi di bangunan baru mulai Disember 2015.</i>	
3.5.7.1	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>JPAM hendaklah memastikan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan dipantau secara berterusan supaya perolehan yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan. Pemantauan juga bertujuan memastikan urusan pentadbiran kontrak dilaksanakan dan syarat dalam kontrak dipatuhi serta dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.</p>	Maklum balas bagi perenggan 3.5.7.4 dikekalkan sepertimana maklum balas yang dikemukakan pada tarikh 17 Mac 2016.
3.5.7.2	Semakan Audit mendapati di peringkat IPPA dan PNPA beberapa mesyuarat telah diadakan untuk memantau aktiviti yang berkaitan dengan perolehan Jabatan antaranya seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan JPAM, Mesyuarat Pengurusan JPAM, Mesyuarat Pegawai Operasi JPAM, Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK).	
3.5.7.3	Semakan Audit terhadap maklum balas minit mesyuarat mendapati setiap isu yang dibincangkan telah diambil maklum/tindakan. Isu berbangkit yang memerlukan perhatian dan tindakan IPPA akan dipanjangkan oleh pihak PNPA melalui Pengarah Negeri semasa menghadiri mesyuarat di peringkat IPPA.	
3.5.7.4	<p>Walaupun pemantauan secara berterusan diadakan melalui pelbagai mesyuarat di semua peringkat, pihak Audit mendapati masih wujud kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Kelemahan yang masih berlaku antaranya kegagalan dalam pematuhan syarat kontrak dan pengurusan rekod berkaitan aset/stor juga kurang memuaskan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan perolehan adalah memuaskan kerana masih wujud kelemahan dalam perolehan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Dan JPAM Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Lawatan dan pemverifikasi stok dan stor ke semua PNPA telah dijalankan pada setiap hujung tahun mulai Oktober hingga Disember. Pemeriksaan bersilang oleh pegawai di IPPA dan PNPA telah dilaksanakan di semua stor</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>ibu pejabat dan pejabat-pejabat negeri.</i></p> <p><i>JPAM telah melaksanakan penambahbaikan dengan:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Kursus berkaitan pelaksanaan naziran pemeriksaan aset, pentadbiran kontrak, tatacara pengurusan stor akan terus diperkukuhkan bagi mengelakkan pemantauan yang tidak berkualiti di masa hadapan.</i></li> <li><i>ii. Didapati kekangan ruang di premis Jabatan menyebabkan tiada stor transit bagi penyimpanan peralatan yang sering digunakan. Kebanyakan peralatan disimpan semula ke dalam stor simpanan dan menyebabkan kuirri terhadap pengoperasian peralatan Jabatan. Pewujudan stor transit ini telah dirancang dan akan dilaksanakan secepat mungkin.</i></li> <li><i>iii. Jabatan juga telah mengenal pasti beberapa PNPA yang bermasalah dari segi pengurusan stor dan mendapati anggota yang ditugaskan bagi menjaga urusan stor sering bersilih ganti kerana anggota tersebut merupakan sukarelawan JPAM. Suatu perancangan khusus bagi menempatkan pegawai yang lebih accountable telah dirancang di peringkat IPPA bagi mengatasi masalah ini.</i></li> </ol> <p><i>Pihak pengurusan memandang berat teguran Audit ini dan telah mengarahkan pemantauan yang lebih teliti dibuat.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Perenggan 4 : Pengurusan Tindakan Guaman Sivil Terhadap Syarikat**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
4.5.1.a	<p><b>Pencapaian Prestasi Di Unit Undang-Undang Sivil Syarikat</b></p> <p>Jumlah penerimaan Borang X/C 18 di Cawangan Cheras dan Wangsa Maju merangkumi fail pendapatan syarikat, pendapatan selain syarikat dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Oleh itu, pengukuran prestasi khusus bagi pengurusan guaman sivil syarikat di kedua-dua cawangan tersebut sukar untuk dilakukan kerana pengasingan Borang X/C 18 tidak dibuat mengikut jenis fail. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sasaran yang ditetapkan di Cawangan Cheras tidak tercapai memandangkan jumlah saman yang didaftarkan adalah kurang daripada jumlah borang yang direkodkan walaupun cawangan telah melaksanakan satu <i>task force</i> pada akhir tahun 2014 dengan menggunakan tenaga kerja unit lain di cawangan bagi membantu Unit Undang-undang. <i>Task force</i> ini terpaksa dilakukan kerana penerimaan fail syarikat adalah melebihi kapasiti pegawai di Unit Undang-undang (syarikat). Sasaran di Cawangan Wangsa Maju pula telah mencapai sasaran kerana saman yang didaftarkan melebihi daripada jumlah penerimaan Borang X/C 18.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Mulai tahun 2015, Ibu Pejabat LHDNM telah menetapkan sasaran ke atas pengemukaan X/C18 yang diasingkan mengikut jenis fail C, OG dan SG bagi setiap cawangan. Rujukan memo LHDNM 'Penetapan Sasaran Tindakan Guaman Sivil (X/C 18) Tahun 2015' bertarikh 18.02.2015.</i></p> <p><i>Senario pemfailan saman melebihi X/C18 yang diterima boleh berlaku sekiranya cawangan mempunyai baki X/C18 dari tahun lepas dan saman difailkan dalam tahun diaudit.</i></p> <p><i>Pada asasnya Cawangan Cheras cuba untuk mematuhi sasaran yang telah</i></p>	<p>Semasa pemencaran fail dilakukan pada 01/01/2014 sebanyak 24,352 fail syarikat telah dipencarkan ke cawangan Cheras dengan kekuatan pegawai sebanyak 9 orang pegawai (sepatutnya 25 orang) diterima. Pegawai-pegawai tersebut pula adalah dikhususkan untuk ditempatkan di Unit Pungutan Syarikat dan Unit Bayaran Balik Syarikat. Tiada sebarang pertambahan pegawai untuk Unit Undang-Undang.</p> <p>Melalui <i>task force</i> yang dilakukan dalam tahun 2014 dan penempatan seramai 3 orang pegawai sambilan dalam tahun 2015 telah berjaya meningkatkan jumlah pemfailan saman di Cawangan Cheras. Arahan Operasi Bil. 1 Tahun 2015 bertarikh 23 Mac 2015 telah menetapkan sasaran untuk Unit Undang-Undang Cawangan memfailkan saman sebanyak 90% daripada X/C 18 yang diterima daripada Unit Tunggakan Hasil. Pencapaian Prestasi Pemfailan Saman Cawangan Cheras Tahun 2013-2015 adalah seperti dijadual berikut:-</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Tahun</th> <th style="text-align: center;">Sasaran X/C18</th> <th style="text-align: center;">Penfailan Saman</th> <th style="text-align: center;">Peratus Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">*2013</td> <td style="text-align: center;">2,117</td> <td style="text-align: center;">1,062</td> <td style="text-align: center;">50.70</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">*2014</td> <td style="text-align: center;">3,424</td> <td style="text-align: center;">3,121</td> <td style="text-align: center;">91.15</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">**2015</td> <td style="text-align: center;">2,956</td> <td style="text-align: center;">2,795</td> <td style="text-align: center;">94.55</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Nota : * Merangkumi semua fail Penggajian (SG), Perniagaan Tunggal (OG), Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Syarikat. ** mendapat 3 pegawai sambilan ditempatkan di unit undang-undang</p>	Tahun	Sasaran X/C18	Penfailan Saman	Peratus Pencapaian (%)	*2013	2,117	1,062	50.70	*2014	3,424	3,121	91.15	**2015	2,956	2,795	94.55
Tahun	Sasaran X/C18	Penfailan Saman	Peratus Pencapaian (%)															
*2013	2,117	1,062	50.70															
*2014	3,424	3,121	91.15															
**2015	2,956	2,795	94.55															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
	<p><i>ditetapkan. Semasa pemencaran fail dilakukan pada 01/01/2014 sebanyak 24,352 fail akan dipencarkan ke cawangan Cheras dengan kekuatan pegawai sebanyak 25 pegawai yang akan diterima. Pegawai-pegawai tersebut pula adalah dikhususkan untuk ditempatkan di Unit Pungutan Syarikat dan Unit Bayaran Balik Syarikat. Tiada sebarang pertambahan pegawai untuk Unit Undang-Undang. Namun demikian, hanya 9 pegawai sahaja yang dihantar ke Cawangan Cheras pada tarikh 01/01/2014.</i></p> <p><i>Disebabkan fail-fail yang dipencarkan ke cawangan Cheras, juga merangkumi kes-kes untuk tindakan guaman sivil, 2 orang pegawai dari Unit Pungutan Syarikat di pinjamkan untuk membantu menggerakkan kes-kes guaman sivil di Unit Undang-undang. Hasilnya, sebanyak 271 X/C 18 berjaya didaftarkan dan sebanyak 226 saman berjaya difailkan untuk kes-kes syarikat.</i></p> <p><i>Task force dan gunasama pekerja-pekerja telah dilakukan untuk membantu mencapai sasaran yang diperlukan. Namun, sasaran masih tidak dapat dicapai tanpa pertambahan pegawai. Walau bagaimanapun, pendaftaran X/C18 di cawangan Cheras menunjukkan peningkatan yang amat signifikan dari tahun ke tahun bermula dari tahun 2010 seperti yang berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="432 810 981 1070"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Sasaran X/C18</th> <th>Penfailan Saman</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2010</td> <td>65</td> <td>140</td> </tr> <tr> <td>2011</td> <td>140</td> <td>175</td> </tr> <tr> <td>2012</td> <td>554</td> <td>516</td> </tr> <tr> <td>2013</td> <td>2,117</td> <td>1,062</td> </tr> <tr> <td>2014</td> <td>3,424</td> <td>3,121</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>LHDNM telah mewujudkan sebanyak 500 perjawatan Pegawai Eksekutif Gred 41 pelbagai bidang. Dari jumlah tersebut, sebanyak 36 perjawatan PE (Perundangan) Gred 41 telah diwujudkan untuk agihan ke semua Jabatan/PPN/Cawangan. JPI telah membuat pelantikan 3 Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 41 di Cawangan Cheras berkuatkuasa 1 April 2016 bagi mengisi kekosongan perjawatan.</i></p>	Tahun	Sasaran X/C18	Penfailan Saman	2010	65	140	2011	140	175	2012	554	516	2013	2,117	1,062	2014	3,424	3,121	<p>LHDNM telah mewujudkan sebanyak 500 perjawatan Pegawai Eksekutif Gred 41 pelbagai bidang. Dari jumlah tersebut, sebanyak 36 perjawatan PE (Perundangan) Gred 41 telah diwujudkan untuk agihan ke semua Jabatan/PPN/Cawangan. Jabatan Pengurusan Insan telah membuat pelantikan 3 Pegawai Eksekutif (Perundangan) Gred 41 di Cawangan Cheras berkuatkuasa 1 April 2016 bagi mengisi kekosongan perjawatan.</p>
Tahun	Sasaran X/C18	Penfailan Saman																		
2010	65	140																		
2011	140	175																		
2012	554	516																		
2013	2,117	1,062																		
2014	3,424	3,121																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
<p><b>4.5.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati CPCB tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana hanya mendaftar saman sebanyak 1,360 berbanding 2,696 iaitu 50.45% daripada jumlah penerimaan Borang X/C 18 di CPCB pada tahun 2014.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Pihak cawangan telah berusaha untuk mencapai sasaran pencapaian saman yang ditetapkan. Namun dengan keadaan tenaga kerja yang tidak mencukupi, sasaran tersebut tidak dapat dicapai. Merujuk kepada norma kerja semasa kemampuan pegawai adalah seperti yang berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="371 619 1126 743"> <thead> <tr> <th>Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari</th> <th>Bilangan Penyedia</th> <th>Produktiviti Sehari</th> <th>Produktiviti Setahun (220 hari)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2 kes</td> <td>3</td> <td>6 kes</td> <td>1,320 kes</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Pada masa yang sama, pihak cawangan menumpukan kepada kutipan RM. Kes-kas tidak akan diteruskan saman sekiranya pembayar cukai telah hadir untuk membuat perundingan penyelesaian. Tambahan, pihak cawangan juga telah mula untuk memberi tumpuan tindakan saman bagi kes-kes di bawah seksyen 75A yang dilihat lebih berkesan untuk meningkatkan kutipan hasil. Tindakan mengambil masa yang lebih panjang untuk diselesaikan kerana semakan yang lebih terperinci melibatkan semakan peratus pegangan saham setiap pengarah syarikat yang layak.</i></p> <p><i>Penumpuan penyedia saman bukan sahaja kepada pendaftaran saman. Penyedia-penyedia saman tersebut juga perlu mengfokuskan kepada tindakan selepas pendaftaran dan di antaranya ialah tugas untuk agihan kes bagi serahan saman, mengemaskini kes semasa sebutan di mahkamah, tindakan permohonan ansuran sekiranya ada dan juga pengesahan dengan pihak audit sekiranya ada rayuan pindaan sehinggalah kes tersebut selesai atau diambil penghakiman.</i></p> <p><i>Pemantauan Unit Undang-Undang Cawangan oleh Jabatan Sivil dan Pendakwaan secara rasminya adalah bermula daripada tahun 2015. Sungguhpun begitu, Jabatan Sivil dan Pendakwaan (dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang sebelum 1 November 2015) telah 2 kali menetapkan sasaran iaitu pada tahun 2014 bagi tindakan pre judgement dan tahun 2015 bagi</i></p>	Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari	Bilangan Penyedia	Produktiviti Sehari	Produktiviti Setahun (220 hari)	2 kes	3	6 kes	1,320 kes	<p>Pihak cawangan telah berusaha untuk mencapai sasaran pencapaian saman yang ditetapkan. Namun dengan keadaan tenaga kerja yang tidak mencukupi, sasaran tersebut tidak dapat dicapai. Merujuk kepada norma kerja semasa kemampuan pegawai adalah seperti yang berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1234 395 1989 520"> <thead> <tr> <th>Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari</th> <th>Bilangan Penyedia</th> <th>Produktiviti Sehari</th> <th>Produktiviti Setahun (220 hari)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2 kes</td> <td>3</td> <td>6 kes</td> <td>1,320 kes</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cawangan juga menumpukan kepada kutipan RM. Kes-kas tidak akan diteruskan saman sekiranya pembayar cukai telah hadir untuk membuat perundingan penyelesaian. Tambahan, pihak cawangan telah mula untuk memberi tumpuan tindakan saman bagi kes-kes di bawah seksyen 75A yang dilihat lebih berkesan untuk meningkatkan kutipan hasil. Tindakan melibatkan semakan yang lebih terperinci ke atas peratus pegangan saham setiap pengarah syarikat yang layak.</p> <p>Penumpuan penyedia saman bukan sahaja kepada pendaftaran saman tetapi termasuk juga aktiviti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memfokus kepada tindakan selepas pendaftaran dan agihan kes bagi serahan saman;</li> <li>Mengemaskini kes semasa sebutan di mahkamah;</li> <li>Mengendalikan permohonan ansuran; dan</li> <li>Mendapatkan pengesahan dengan pihak audit sekiranya ada rayuan pindaan sehinggalah kes tersebut selesai atau diambil penghakiman.</li> </ol> <p>Arahan Operasi Bil. 1 Tahun 2015 bertarikh 23 Mac 2015 telah menetapkan sasaran untuk Unit Undang-Undang Cawangan memfailkan saman sebanyak 90% daripada X/C 18 yang diterima daripada Unit Tunggakan Hasil. Pencapaian Prestasi Pemfailan Saman Cawangan Pembayar Cukai Besar Tahun 2014 dan 2015 adalah seperti dijadual berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1196 1273 1962 1369"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Sasaran X/C18</th> <th>Pemfailan Saman</th> <th>Peratus Pencapaian (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2014</td> <td>2,696</td> <td>1,360</td> <td>50.45</td> </tr> </tbody> </table>	Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari	Bilangan Penyedia	Produktiviti Sehari	Produktiviti Setahun (220 hari)	2 kes	3	6 kes	1,320 kes	Tahun	Sasaran X/C18	Pemfailan Saman	Peratus Pencapaian (%)	2014	2,696	1,360	50.45
Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari	Bilangan Penyedia	Produktiviti Sehari	Produktiviti Setahun (220 hari)																							
2 kes	3	6 kes	1,320 kes																							
Kemampuan Penyediaan Kes/Sehari	Bilangan Penyedia	Produktiviti Sehari	Produktiviti Setahun (220 hari)																							
2 kes	3	6 kes	1,320 kes																							
Tahun	Sasaran X/C18	Pemfailan Saman	Peratus Pencapaian (%)																							
2014	2,696	1,360	50.45																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																													
	<p>tindakan pre serta post judgement. Dalam tempoh 2 tahun tersebut, Jabatan Sivil dan Pendakwaan melihat tempoh tersebut sebagai tempoh peralihan dalam membuat penentuan yang tepat bagi menetapkan sasaran yang realistik.</p> <p>Sepanjang 2 tahun tersebut, bilangan kes yang difailkan di mahkamah meningkat berbanding tahun sebelumnya seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="331 480 1171 635"> <thead> <tr> <th>TINDAKAN/TAHUN</th> <th>2013</th> <th>2014</th> <th>2015</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)</td> <td>23,353 kes</td> <td>32,770 kes</td> <td>35,666 kes</td> </tr> <tr> <td>Selepas Penghakiman (Post Judgement)</td> <td>4,995 kes</td> <td>6,481 kes</td> <td>7,436 kes</td> </tr> </tbody> </table> <p>Penetapan sasaran tahunan terkini telah dibuat berdasarkan kekuatan struktur Unit Undang-Undang di setiap cawangan. Penetapan sasaran tersebut telah dimaklumkan kepada Cawangan di Mesyuarat bersama Ketua Penolong Pengarah Unit Pungutan dan Unit Undang-Undang pada 27 Januari 2016. Arahan berhubung sasaran 2016 akan dikeluarkan pada bulan Mac 2016.</p>	TINDAKAN/TAHUN	2013	2014	2015	Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)	23,353 kes	32,770 kes	35,666 kes	Selepas Penghakiman (Post Judgement)	4,995 kes	6,481 kes	7,436 kes	<table border="1" data-bbox="1193 260 1962 300"> <tr> <td>2015</td> <td>834</td> <td>*788</td> <td>94.48</td> </tr> </table>	2015	834	*788	94.48	<p>*Nota : 788 adalah merangkumi 566 saman difailkan dan 222 kes diselesaikan sebelum saman difailkan.</p> <p>Penurunan sasaran X/C 18 bagi tahun 2015 adalah disebabkan pemencaran fail syarikat ke cawangan-cawangan.</p> <p>Pemantauan Unit Undang-Undang Cawangan oleh Jabatan Sivil dan Pendakwaan secara rasminya adalah bermula daripada tahun 2015. Sungguhpun begitu, Jabatan Sivil dan Pendakwaan (dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang sebelum 1 November 2015) telah 2 kali menetapkan sasaran iaitu pada tahun 2014 bagi tindakan pre judgement dan tahun 2015 bagi tindakan pre serta post judgement. Dalam tempoh 2 tahun tersebut, Jabatan Sivil dan Pendakwaan melihat tempoh tersebut sebagai tempoh peralihan dalam membuat penentuan yang tepat bagi menetapkan sasaran yang realistik.</p> <p>Sepanjang 2 tahun tersebut, bilangan kes yang difailkan di mahkamah meningkat berbanding tahun sebelumnya seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1193 826 2033 981"> <thead> <tr> <th>TINDAKAN/TAHUN</th> <th>2013</th> <th>2014</th> <th>2015</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)</td> <td>23,353 kes</td> <td>32,770 kes</td> <td>35,666 kes</td> </tr> <tr> <td>Selepas Penghakiman (Post Judgement)</td> <td>4,995 kes</td> <td>6,481 kes</td> <td>7,436 kes</td> </tr> </tbody> </table> <p>Penetapan sasaran tahunan terkini telah dibuat berdasarkan kekuatan struktur Unit Undang-Undang di setiap cawangan. Penetapan sasaran tersebut telah dimaklumkan kepada Cawangan di Mesyuarat bersama Ketua Penolong Pengarah Unit Pungutan dan Unit Undang-Undang pada 27 Januari 2016. Arahan berhubung sasaran 2016 telah dikeluarkan pada 1 Mac 2016.</p>	TINDAKAN/TAHUN	2013	2014	2015	Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)	23,353 kes	32,770 kes	35,666 kes	Selepas Penghakiman (Post Judgement)	4,995 kes	6,481 kes	7,436 kes
TINDAKAN/TAHUN	2013	2014	2015																												
Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)	23,353 kes	32,770 kes	35,666 kes																												
Selepas Penghakiman (Post Judgement)	4,995 kes	6,481 kes	7,436 kes																												
2015	834	*788	94.48																												
TINDAKAN/TAHUN	2013	2014	2015																												
Sebelum Penghakiman (Pre Judgement)	23,353 kes	32,770 kes	35,666 kes																												
Selepas Penghakiman (Post Judgement)	4,995 kes	6,481 kes	7,436 kes																												
4.5.1.c	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati data pendaftaran saman yang disediakan di ketiga-tiga cawangan berbeza dengan data yang diberikan oleh JPH.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p>Perbezaan statistik berlaku disebabkan kaedah dan kriteria mendapat statistik</p>	<p>Untuk mengatasi isu perbezaan statistik antara Cawangan dan Jabatan Pungutan Hasil (JPH), JPH telah menyenaraikan kes-kes daftarkan saman tahun semasa dan dimasukkan ke dalam server <i>File Transfer Protocol</i> (ftp) untuk rujukan dan semakan cawangan. Sekiranya terdapat perbezaan dari segi bilangan kes dan amaun, cawangan boleh merujuk kepada Bahagian Informasi Pungutan dan Bayaran, JPH untuk tindakan semakan. Memo No Rujukan LHDNM.01/45.3/214/6/2 bertarikh 27 April 2016 telah dikeluarkan ke Cawangan.</p>																													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>yang berbeza di antara JPH dan cawangan di mana JPH mengira tindakan saman difailkan oleh cawangan berdasarkan kepada maklumat yang diinput dalam sistem manakala cawangan mengambil kira tindakan saman difailkan berdasarkan buku rekod statistik cawangan untuk tujuan pemantauan walaupun terdapat saman yang belum dikemas kini dalam sistem. Terdapat juga kes yang telah dikemaskini dalam sistem tetapi tidak direkod dalam buku rekod cawangan.</i></p> <p><i>Perbezaan saman di jadual 4.6 sukar dikenal pasti kerana pangkalan data sistem tidak menyimpan rekod terdahulu. Sistem akan overwrite medan berkaitan mengikut status tindakan kemas kini yang terakhir. Terdapat juga pemindahan fail secara besar-besaran/ pemindahan secara manual antara cawangan sepanjang tahun 2015 menyebabkan berlakunya perbezaan data.</i></p> <p><i>Laporan penentuan statistik hendaklah menggunakan data yang dijana oleh sistem melalui JPH. Perkara ini adalah merujuk kepada memo-memo berkenaan yang telah dikeluarkan oleh JPH:</i></p> <p><i>a. Pencapaian Pendaftaran Saman Sehingga Jun 2013 – Tarikh 12 Julai 2013;</i></p> <p><i>b. Pengemukaan Laporan Akaun Belum Terima dan Guaman Sivil Cawangan Secara Manual Kepada Jabatan Pungutan Hasil bertarikh 19 Mei 2014. Oleh itu, statistik rekod manual cawangan adalah untuk kegunaan dan pemantauan cawangan sahaja.</i></p>	
4.5.2.1	<p><b>Pematuhan Kepada Prosedur Kerja - Pendaftaran Saman di Mahkamah</b></p> <p>Manual Prosedur Kerja Guaman Sivil Syarikat (MPKGS) yang dikeluarkan pada bulan Jun 2014 menetapkan bahawa Unit Undang-Undang perlu mendaftar saman di mahkamah dalam tempoh 30 hari dari tarikh Borang X/C 18 diterima. Semakan Audit terhadap 312 saman mendapati 140 saman (44.9%) telah lewat didaftarkan ke mahkamah antara 10 hingga 880 hari dengan tunggakan cukai berjumlah RM113.94 juta.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Kelewatan mendaftar saman yang berlaku adalah kerana bilangan pegawai yang terhad. Selain itu kelewatan juga berlaku disebabkan untuk permohonan taksiran kurangan, permohonan untuk ansuran dan penyelesaian oleh</i></p>	<p>Sebab-sebab kelewatan mendaftar saman dalam tempoh ditetapkan adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bilangan pegawai yang terhad;</li> <li>ii. Permohonan taksiran kurangan;</li> <li>iii. Permohonan untuk ansuran; dan</li> <li>iv. Penyelesaian oleh cawangan membantu.</li> </ol> <p>Walaubagaimanapun, semua saman lewat didaftar telah pun didaftarkan di mahkamah dan tindakan susulan telah diambil .</p> <p>Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah memantau Unit Undang-Undang mulai tahun 2015 iaitu selepas tempoh pelaksanaan audit ini yang meliputi saman guaman sivil</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>cawangan membantu. Norma kerja bagi penyedia saman adalah penyediaan 2 kes dalam sehari. Dengan kekuatan bilangan penyedia sedia ada, ia tidak dapat menanggung bebanan bilangan kes untuk diambil tindakan.</i></p> <p><i>Jabatan Sivil dan Pendakwaan mulai memantau Unit Undang-Undang pada tahun 2015 iaitu selepas tempoh pelaksanaan audit ini yang meliputi saman guaman sivil yang didaftarkan pada tahun 2013 dan 2014.</i></p> <p><i>Sebelum pemantauan tersebut, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah membuat lawatan berkala ke cawangan pada tahun 2014, untuk memaklumkan penetapan sasaran pemfailan saman bagi cawangan serta mendapatkan maklumbalas cawangan berkenaan sebarang masalah/ kekangan yang dihadapi. Sasaran tersebut kemudian dimaklumkan secara rasmi melalui memo bertarikh 22 Julai 2014. Laporan statistik yang diperolehi dari cawangan menunjukkan sasaran yang ditetapkan telah dicapai dengan peningkatan 40.32% iaitu 32,770 saman didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2014 berbanding 23,353 saman yang didaftarkan pada tahun 2013. Setakat 28 Mac 2016, 23 kes telah diselesaikan dan syarikat telah menjelaskan keseluruhan tuntutan.</i></p> <p><i>Sebagai langkah memastikan tindakan pendaftaran saman di Mahkamah adalah lebih sistematik, efisien dan seragam, cadangan pembangunan satu sistem MySaman (Slot Sivil) dikemukakan kepada Jabatan Teknologi Maklumat bagi kegunaan Unit Undang-Undang Cawangan. Pembangunan Sistem tersebut telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT pada 15 Disember 2015.</i></p>	<p>yang didaftarkan pada tahun 2013 dan 2014.</p> <p>Laporan statistik yang diperolehi dari cawangan menunjukkan sasaran yang ditetapkan telah dicapai dengan peningkatan 40.32% iaitu 32,770 saman didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2014 berbanding 23,353 saman yang didaftarkan pada tahun 2013.</p> <p>Sebagai langkah memastikan tindakan pendaftaran saman di Mahkamah adalah lebih sistematik, efisien dan seragam, cadangan pembangunan satu sistem MySaman (Slot Sivil) dikemukakan kepada Jabatan Teknologi Maklumat bagi kegunaan Unit Undang-Undang Cawangan. Pembangunan Sistem tersebut telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT pada 15 Disember 2015.</p>
4.5.2.2	<p><b>Penyerahan Saman Kepada Syarikat</b></p> <p>Manual Prosedur Kerja Guaman Sivil Syarikat (MPKGS) yang dikeluarkan pada bulan Jun 2014 menetapkan Penghantar Notis perlu membuat serahan saman kepada syarikat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan saman daripada mahkamah. Semakan Audit terhadap 312 laporan penyerahan saman mendapati 108 daripadanya (34.6%) telah lewat diserahkan kepada syarikat antara 2 hingga 128 hari melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM95.50 juta.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Kekurangan Penghantar Notis menyebabkan saman tidak dapat diserahkan</i></p>	<p>Sebab-sebab kelewatan serahan saman adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kekurangan Penghantar Notis menyebabkan saman tidak dapat diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pemencaran fail yang dilakukan tidak melibatkan pertambahan perjawatan Penghantar Notis;</li> <li>ii. Norma kerja bagi penghantar notis adalah sebanyak 2 percubaan serahan kes dalam sehari. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang gagal cubaan serahan kali pertama dan memerlukan beberapa kali cubaan serahan. Ini menyumbang kepada berlakunya kelewatan serahan; dan</li> <li>iii. Tugas serahan Penghantar Notis tidak terhad kepada saman sivil sahaja. Penghantar Notis juga terpaksa melakukan serahan saman jenayah, saman</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dalam tempoh yang ditetapkan. Pemencaran fail yang dilakukan tidak melibatkan pertambahan perjawatan Penghantar Notis.</i></p> <p><i>Norma kerja bagi penghantar notis adalah sebanyak 2 percubaan serahan kes dalam sehari. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang gagal cubaan serahan kali pertama dan memerlukan beberapa kali cubaan serahan. Ini menyumbang kepada berlakunya kelewatan serahan.</i></p> <p><i>Selain itu, tugas serahan Penghantar Notis adalah tidak terhad kepada saman sivil sahaja. Penghantar Notis juga terpaksa melakukan serahan saman jenayah, saman selepas penghakiman dan notis untuk kebangkrapan serta penggulungan syarikat. Penghantar notis juga perlu untuk membuat penghantaran/pengambilan dokumen di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga Jabatan Insolvency Malaysia (JIM).</i></p> <p><i>Jabatan Sivil dan Pendakwaan berusaha meningkatkan kompetensi Penghantar Notis dengan memberikan latihan sewajarnya kepada mereka melalui kursus berikut:</i></p> <p><i>a. Kursus Persediaan Saksi &amp; Penghantar Notis yang telah diadakan pada 3- 4 Julai 2013 di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi; dan</i></p> <p><i>b. Kursus Integriti &amp; Amalan Akauntabiliti pada 14 Mei 2014 di Akademi Percukaian Malaysia, Kuching.</i></p> <p><i>Jabatan Sivil dan Pendakwaan juga telah merangka Kursus Latihan Berkala bagi Penghantar Notis yang akan diadakan di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi pada bulan Mac dan Ogos tahun ini. Walaupun penyerahan tidak dilakukan dalam tempoh 14 hari, penyerahan dapat dilakukan sebelum tarikh sebutan di mahkamah.</i></p>	<p>selepas penghakiman dan notis untuk kebangkrapan serta penggulungan syarikat. Penghantar notis juga perlu untuk membuat penghantaran/pengambilan dokumen di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan juga Jabatan Insolvency Malaysia (JIM).</p> <p>Jabatan Sivil dan Pendakwaan berusaha meningkatkan kompetensi Penghantar Notis dengan memberikan latihan sewajarnya kepada mereka melalui kursus berikut:-</p> <p>a. Kursus Persediaan Saksi &amp; Penghantar Notis yang telah diadakan pada 3- 4 Julai 2013 di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi; dan</p> <p>b. Kursus Integriti &amp; Amalan Akauntabiliti pada 14 Mei 2014 di Akademi Percukaian Malaysia, Kuching.</p> <p>Jabatan Sivil dan Pendakwaan juga telah merangka Kursus Latihan Berkala bagi Penghantar Notis yang akan diadakan di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi pada bulan Mac dan Ogos tahun ini. Walaupun penyerahan tidak dilakukan dalam tempoh 14 hari, penyerahan dapat dilakukan sebelum tarikh sebutan di mahkamah.</p>
4.5.2.3	<p><b>Tindakan Selepas Penghakiman Diperoleh</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tiada tindakan menghantar Surat Tuntutan diambil oleh LHDNM terhadap syarikat setelah penghakiman diperoleh sehingga tarikh akhir pengauditan melibatkan 29 kes syarikat (tempoh sehingga 1,732 hari) dengan tuntutan berjumlah RM12.44 juta.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p>	<p>Sebab-sebab kelewatan tindakan menghantar Surat Tuntutan adalah seperti berikut:-</p> <p>i. Norma kerja serahan bagi penghantar notis adalah sebanyak 2 percubaan serahan kes dalam sehari. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang gagal cubaan serahan kali pertama dan memerlukan beberapa kali cubaan serahan. Ini menyumbang kepada berlakunya kelewatan serahan;</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																				
	<p><i>Norma kerja bagi penghantar notis adalah sebanyak 2 percubaan serahan kes dalam sehari. Walau bagaimanapun terdapat kes-kes yang gagal cubaan serahan kali pertama dan memerlukan beberapa kali cubaan serahan. Ini menyumbang kepada berlakunya kelewatan serahan.</i></p> <p><i>Selain itu, kelewatan tindakan disebabkan keadaan dimana kes telah diambil tindakan penggulungan di bawah suit yang lain, tindakan penggulungan oleh pihak ketiga, permohonan ansuran dan penyelesaian cawangan membantu.</i></p> <p><i>Untuk memastikan tindakan diambil terhadap penghakiman yang diperolehi, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penentuan Kes Untuk Penguatkuasaan Penghakiman. Perkara ini dimaklumkan kepada Cawangan melalui memo Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Dasar) bertarikh 22 September 2015.</i></p> <p><i>Pada 17 Februari 2016, Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPN Putrajaya) telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penentuan Kes untuk Penguatkuasaan Penghakiman (JKPP) Bil 1/2016 membincangkan tindakan yang bersesuaian untuk diambil terhadap kes selepas penghakiman bagi cawangan di bawah seliaan PPN Putrajaya termasuk Cheras dan Wangsa Maju.</i></p> <p><i>Cawangan Cheras dan Wangsa Maju telah masing-masing menyenaraikan 12 kes dan 10 kes yang berpotensi untuk diteruskan dengan tindakan pelaksanaan melibatkan debit tinggi. Pemantauan yang lebih terperinci akan diteruskan terhadap kes-kes tersebut dan perkembangan terkini akan dimaklumkan pada Mesyuarat JKPP akan datang.</i></p> <p><i>Jabatan Sivil dan Pendakwaan juga akan mengadakan task force pada 2 Mac 2016 ke cawangan Cheras melibatkan Peguam Hasil bagi mengenalpasti tindakan yang wajar diambil terhadap kes-kes selepas penghakiman berdebit tinggi serta memberi tunjuk ajar secara hands-on pengendalian tindakan penggulungan syarikat bagi kes-kes syarikat. Pemantauan Khas terhadap cawangan Cheras juga akan dijalankan bagi memastikan tindakan selepas penghakiman diambil dalam tempoh yang ditetapkan.</i></p> <p><i>Bagi menangani persoalan kekangan pegawai di Unit Undang Undang, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menyediakan satu kertas kajian perjawatan dan penstrukturan semula Unit Undang-Undang untuk pertimbangan pihak pengurusan atasan. Proses untuk tindakan selepas penghakiman bagi kes syarikat adalah panjang iaitu melibatkan 22 tindakan.</i></p>	<p>ii. Kes telah diambil tindakan penggulungan di bawah suit yang lain;  iii. Tindakan penggulungan oleh pihak ketiga;  iv. Permohonan ansuran; dan  v. Penyelesaian cawangan membantu.</p> <p>Status tindakan menghantar Surat Tuntutan yang telah diambil sehingga 28 April 2016 adalah seperti dijadual berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 480 2078 767"> <thead> <tr> <th>Cawangan</th> <th>Surat Tuntutan tidak diambil tindakan</th> <th>Telah Diambil Tindakan</th> <th>Baki</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cheras</td> <td>12</td> <td>12</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Wangsa Maju</td> <td>14</td> <td>14</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Cawangan Pembayar Cukai Besar</td> <td>3</td> <td>2</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>29</b></td> <td><b>28</b></td> <td><b>1</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Untuk memastikan tindakan diambil terhadap penghakiman yang diperolehi, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penentuan Kes Untuk Penguatkuasaan Penghakiman. Perkara ini dimaklumkan kepada Cawangan melalui memo Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Dasar) bertarikh 22 September 2015.</p> <p>Bagi menangani persoalan kekangan pegawai di Unit Undang Undang, Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menyediakan satu kertas kajian perjawatan dan penstrukturan semula Unit Undang-Undang untuk pertimbangan pihak pengurusan atasan.</p> <p>Jawatankuasa Perjawatan &amp; Struktur Organisasi LHDNM telah dibentuk untuk menjalankan kajian lanjut berhubung perjawatan dan struktur organisasi di seluruh Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM termasuklah menyemak dan meneliti keperluan sebenar perjawatan bagi setiap aktiviti di Cawangan.</p> <p>Penyusunan semula struktur yang bersifat lean juga dititikberatkan dalam kajian ini bagi memastikan tugas dan kefungsi sesebuah Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan lebih mantap dan fleksibel yang seterusnya meningkatkan kutipan hasil di setiap aktiviti teras yang menjadi penyumbang utama KPI LHDNM.</p>	Cawangan	Surat Tuntutan tidak diambil tindakan	Telah Diambil Tindakan	Baki	Cheras	12	12	0	Wangsa Maju	14	14	0	Cawangan Pembayar Cukai Besar	3	2	1	<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>28</b>	<b>1</b>
Cawangan	Surat Tuntutan tidak diambil tindakan	Telah Diambil Tindakan	Baki																			
Cheras	12	12	0																			
Wangsa Maju	14	14	0																			
Cawangan Pembayar Cukai Besar	3	2	1																			
<b>Jumlah</b>	<b>29</b>	<b>28</b>	<b>1</b>																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																				
		Perancangan pelaksanaan inisiatif kajian ini akan dibuat pada 1 Januari 2017 yang melibatkan semua peringkat di Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM.																				
4.5.2.4.a	<p><b>Penyerahan Notis Tuntutan Kepada Syarikat - Kelewatan Penyerahan Notis Tuntutan Kepada Syarikat</b></p> <p>Sejumlah 17 Notis Tuntutan (5.4%) lewat diserahkan kepada syarikat dengan kelewatan antara 5 hari hingga 1,361 hari melibatkan tuntutan cukai berjumlah RM79.10 juta.</p>	<p>Sebab-sebab kelewatan penyerahan Notis tuntutan kepada syarikat dalam tempoh yang ditetapkan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bilangan pegawai yang terhad;</li> <li>ii. Kes dalam rundingan;</li> <li>iii. Penyelesaian ansuran;</li> <li>iv. Rayuan ansuran;</li> <li>v. Permohonan pindaan taksiran;</li> <li>vi. Penyelesaian oleh cawangan membantu; dan</li> <li>vii. Kes dirayu ke peringkat Mahkamah lebih tinggi.</li> </ul>																				
4.5.2.4.b	<p><b>Notis Tuntutan Tidak Diserah Kepada Syarikat</b></p> <p>Sejumlah 32 Notis Tuntutan (10.3%) masih belum diserahkan sehingga tarikh akhir pengauditan dengan tempoh antara 100 hari hingga 855 hari yang melibatkan tuntutan cukai berjumlah RM5.56 juta.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Kelewatan penyerahan Notis Tuntutan dan Notis Tuntutan Tidak Diserah Kepada Syarikat adalah kerana bilangan pegawai yang terhad. Selain daripada itu, kelewatan tindakan disebabkan keadaan kes dalam rundingan, penyelesaian ansuran, rayuan ansuran, permohonan pindaan taksiran dan penyelesaian oleh cawangan membantu.</i></p> <p><i>Jawatankuasa Perjawatan &amp; Struktur Organisasi LHDNM telah dibentuk untuk menjalankan kajian lanjut berhubung perjawatan dan struktur organisasi di seluruh Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM termasuklah menyemak dan meneliti keperluan sebenar perjawatan bagi setiap aktiviti di Cawangan.</i></p> <p><i>Penyusunan semula struktur yang bersifat lean juga dititikberatkan dalam kajian ini bagi memastikan tugas dan kefungisian sesebuah Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan lebih mantap dan fleksibel yang seterusnya meningkatkan kutipan hasil di setiap aktiviti teras yang menjadi penyumbang utama KPI LHDNM.</i></p> <p><i>Perancangan pelaksanaan inisiatif kajian ini akan dibuat pada 1 Januari 2017 yang melibatkan semua peringkat di Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM.</i></p>	<p>Status penyerahan Notis Tuntutan kepada syarikat sehingga 28 April 2016 adalah seperti dijadual berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1196 842 2078 1155"> <thead> <tr> <th>Cawangan</th> <th>Jumlah notis tuntutan tidak diserahkan</th> <th>Tindakan penyerahan Notis Tuntutan</th> <th>Baki</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cheras</td> <td>9</td> <td>9</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Wangsa Maju</td> <td>19</td> <td>19</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Cawangan Pembayar Cukai Besar</td> <td>4</td> <td>4</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>32</b></td> <td><b>32</b></td> <td><b>0</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Jawatankuasa Perjawatan &amp; Struktur Organisasi LHDNM telah dibentuk untuk menjalankan kajian lanjut berhubung perjawatan dan struktur organisasi di seluruh Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM termasuklah menyemak dan meneliti keperluan sebenar perjawatan bagi setiap aktiviti di Cawangan.</p> <p>Penyusunan semula struktur yang bersifat lean juga dititikberatkan dalam kajian ini bagi memastikan tugas dan kefungisian sesebuah Jabatan/ Negeri/ Cawangan/</p>	Cawangan	Jumlah notis tuntutan tidak diserahkan	Tindakan penyerahan Notis Tuntutan	Baki	Cheras	9	9	0	Wangsa Maju	19	19	0	Cawangan Pembayar Cukai Besar	4	4	0	<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>32</b>	<b>0</b>
Cawangan	Jumlah notis tuntutan tidak diserahkan	Tindakan penyerahan Notis Tuntutan	Baki																			
Cheras	9	9	0																			
Wangsa Maju	19	19	0																			
Cawangan Pembayar Cukai Besar	4	4	0																			
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>32</b>	<b>0</b>																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																							
		<p>Cawangan Siasatan lebih mantap dan fleksibel yang seterusnya meningkatkan kutipan hasil di setiap aktiviti teras yang menjadi penyumbang utama KPI LHDNM.</p> <p>Perancangan pelaksanaan inisiatif kajian ini akan dibuat pada 1 Januari 2017 yang melibatkan semua peringkat di Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan LHDNM.</p>																							
4.5.2.5	<p><b>Pelaksanaan Tindakan Penggulangan</b></p> <p>Pekeliling Operasi Bil. 15 Tahun 2010 yang berkuat kuasa pada 8 November 2010 menerangkan penggunaan Senarai Pemantauan Guaman Sivil kes syarikat dalam ReMS agar tindakan guaman sivil terhadap syarikat tidak melampaui tempoh masa yang ditetapkan. Notis Tuntutan yang dikeluarkan kepada syarikat pula menyatakan bahawa tindakan seterusnya akan diambil sekiranya syarikat gagal menjelaskan baki tuntutan dalam tempoh 21 hari dari tarikh Notis Tuntutan dikemukakan. Selain itu, MPKGS telah menetapkan petisyen penggulangan syarikat akan dilaksanakan apabila syarikat masih gagal menjelaskan baki tuntutan selepas Notis Tuntutan dikeluarkan.</p> <p>Semakan Audit mendapati tindakan penggulangan tidak dimulakan terhadap tiga syarikat yang gagal menjelaskan baki tuntutan selepas Notis Tuntutan dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Ketiadaan tindakan penggulangan dilakukan adalah kerana bilangan pegawai yang terhad dan terdapat kes yang telah digulungan oleh pihak ketiga.</i></p> <p><i>Tindakan guaman sivil bagi fail syarikat hanya dikendalikan oleh Cawangan selain daripada Cawangan Pungutan Kuala Lumpur selepas pemencaran fail-fail Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dibuat bermula pada tahun 2013 dan disempurnakan pada tahun 2015. Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah mengambil langkah proaktif dengan memberikan latihan amali dari semasa ke semasa kepada pegawai Unit Undang-Undang Cawangan yang tiada pengalaman dari segi penyediaan kertas kausa tindakan penggulangan.</i></p> <p><i>Untuk memastikan tindakan pelaksanaan diambil terhadap penghakiman yang diperolehi (termasuk tindakan penggulangan syarikat), Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penentuan Kes Untuk Penguatkuasaan Penghakiman. Perkara ini dimaklumkan kepada Cawangan</i></p>	<p>Tindakan penggulangan tidak dimulakan adalah kerana bilangan pegawai yang terhad dan terdapat kes yang telah digulungan oleh pihak ketiga.</p> <p>Status Tindakan Penggulangan Tidak Dilaksanakan Terhadap Syarikat sehingga 28 April 2016 adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 675 2078 1042"> <thead> <tr> <th>Cawangan</th> <th>Kes</th> <th>Jumlah Tuntutan (RM)</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cheras</td> <td>1</td> <td>31,220</td> <td>Dalam Proses Penyediaan Petisyen Penggulangan Syarikat.</td> </tr> <tr> <td>Wangsa Maju</td> <td>1</td> <td>49,306</td> <td>Notis Tuntutan dikeluarkan semula pada 03.03.2016.</td> </tr> <tr> <td>Cawangan Pembayar Cukai Besar</td> <td>1</td> <td>245,525</td> <td>Dokumen Sokongan Memorandum of Association (MOA) masih belum diperolehi dari SSM untuk penyediaan petisyen penggulangan syarikat</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>3</b></td> <td><b>326,051</b></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Tindakan guaman sivil bagi fail syarikat hanya dikendalikan oleh Cawangan selain daripada Cawangan Pungutan Kuala Lumpur selepas pemencaran fail-fail Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dibuat bermula pada tahun 2013 dan disempurnakan pada tahun 2015. Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah mengambil langkah proaktif dengan memberikan latihan amali dari semasa ke semasa kepada pegawai Unit Undang-Undang Cawangan yang tiada pengalaman dari segi penyediaan kertas kausa tindakan penggulangan.</p> <p>Untuk memastikan tindakan pelaksanaan diambil terhadap penghakiman yang diperolehi (termasuk tindakan penggulangan syarikat), Jabatan Sivil dan Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penentuan Kes Untuk</p>				Cawangan	Kes	Jumlah Tuntutan (RM)	Tindakan	Cheras	1	31,220	Dalam Proses Penyediaan Petisyen Penggulangan Syarikat.	Wangsa Maju	1	49,306	Notis Tuntutan dikeluarkan semula pada 03.03.2016.	Cawangan Pembayar Cukai Besar	1	245,525	Dokumen Sokongan Memorandum of Association (MOA) masih belum diperolehi dari SSM untuk penyediaan petisyen penggulangan syarikat	<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>326,051</b>	
Cawangan	Kes	Jumlah Tuntutan (RM)	Tindakan																						
Cheras	1	31,220	Dalam Proses Penyediaan Petisyen Penggulangan Syarikat.																						
Wangsa Maju	1	49,306	Notis Tuntutan dikeluarkan semula pada 03.03.2016.																						
Cawangan Pembayar Cukai Besar	1	245,525	Dokumen Sokongan Memorandum of Association (MOA) masih belum diperolehi dari SSM untuk penyediaan petisyen penggulangan syarikat																						
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>	<b>326,051</b>																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
	<p><i>melalui memo Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Dasar) bertarikh 22 September 2015 (Lampiran D).</i></p> <p><i>Jawatankuasa ini membincangkan tindakan pelaksanaan penghakiman yang bersesuaian termasuklah tindakan penggulungan syarikat yang boleh diambil terhadap sesuatu kes yang telah memperolehi penghakiman. 1 kes telah selesai digulung dan 2 kes dalam tindakan petisyen penggulungan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan dalam mengambil tindakan penggulungan adalah disebabkan oleh kurang pemantauan daripada pihak pengurusan. Keadaan ini mengakibatkan usaha pemungutan tunggakan tidak dapat dilaksanakan dengan segera.</p>	<p>Penguatkuasaan Penghakiman. Perkara ini dimaklumkan kepada Cawangan melalui memo Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Dasar) bertarikh 22 September 2015.</p> <p>Jawatankuasa ini membincangkan tindakan pelaksanaan penghakiman yang bersesuaian termasuklah tindakan penggulungan syarikat yang boleh diambil terhadap sesuatu kes yang telah memperolehi penghakiman. 1 kes telah selesai digulung dan 2 kes dalam tindakan petisyen penggulungan.</p>																
<p><b>4.5.3.1</b></p>	<p><b>Pematuhan Syarikat Terhadap Jadual Bayaran Ansuran - Jadual Bayaran Ansuran</b></p> <p>Sejumlah 7 syarikat telah gagal mematuhi jadual bayaran ansuran yang ditetapkan dengan baki ansuran RM634,810 namun tiada tindakan yang dikenakan oleh LHDNM terhadap syarikat terbabit.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Tindakan ke atas kes yang gagal mematuhi ansuran tidak dapat dibuat dengan berkesan kerana kekangan pegawai. Pemantauan terhadap kes-kes ansuran yang dibenarkan telah dibuat secara lebih dekat.</i></p>	<p>Tindakan ke atas kes yang gagal mematuhi ansuran tidak dapat dibuat dengan berkesan kerana kekangan pegawai. Pemantauan terhadap kes-kes ansuran yang dibenarkan telah dibuat secara lebih dekat.</p> <p>Status Kegagalan Syarikat Mematuhi Bayaran Ansuran sehingga 28 April 2016 adalah seperti dijadual berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1196 895 2078 1342"> <thead> <tr> <th>Cawangan</th> <th>Kes</th> <th>Baki Jumlah Tuntutan (RM)</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">Cheras</td> <td rowspan="2">2</td> <td>6,995</td> <td>Memandangkan baki cukai adalah tidak kos efektif untuk diteruskan dengan tindakan Penggulangan, kes dalam penyediaan untuk tindakan Penyitaan.</td> </tr> <tr> <td>2,770</td> <td>Tindakan pemfailan POD sedang dijalankan.</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">Wangsa Maju</td> <td rowspan="2">3</td> <td>16,200</td> <td>Surat Tuntutan dikeluarkan pada 04.03.2016.</td> </tr> <tr> <td>2,278</td> <td>Surat Tuntutan dikeluarkan pada 04.03.2016.</td> </tr> </tbody> </table>	Cawangan	Kes	Baki Jumlah Tuntutan (RM)	Tindakan	Cheras	2	6,995	Memandangkan baki cukai adalah tidak kos efektif untuk diteruskan dengan tindakan Penggulangan, kes dalam penyediaan untuk tindakan Penyitaan.	2,770	Tindakan pemfailan POD sedang dijalankan.	Wangsa Maju	3	16,200	Surat Tuntutan dikeluarkan pada 04.03.2016.	2,278	Surat Tuntutan dikeluarkan pada 04.03.2016.
Cawangan	Kes	Baki Jumlah Tuntutan (RM)	Tindakan															
Cheras	2	6,995	Memandangkan baki cukai adalah tidak kos efektif untuk diteruskan dengan tindakan Penggulangan, kes dalam penyediaan untuk tindakan Penyitaan.															
		2,770	Tindakan pemfailan POD sedang dijalankan.															
Wangsa Maju	3	16,200	Surat Tuntutan dikeluarkan pada 04.03.2016.															
		2,278	Surat Tuntutan dikeluarkan pada 04.03.2016.															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																	
				16,795	Surat Tuntutan dikeluarkan pada 03.03.2016														
		Cawangan Pembayar Cukai Besar	2	207,772	Kes telah selesai digulung oleh pihak ketiga.														
				360,000	Dalam tindakan mendapatkan perintah bersih untuk mengeluarkan notis tuntutan.														
		<b>Jumlah</b>	<b>7</b>	<b>612,810</b>															
4.5.3.2	<p><b>Cek Tidak Laku</b></p> <p>3 syarikat bersetuju untuk membuat bayaran bagi menjelaskan tunggakan cukai secara ansuran telah mengemukakan cek tidak laku berjumlah RM941,763 kepada Cawangan CPCB. Walau bagaimanapun, tiada tindakan diambil oleh LHDNM terhadap syarikat terbabit.</p> <p>Maklum Balas LHDNM pada 28 Mac 2016</p> <p><i>Tindakan ke atas syarikat yang mengemukakan cek tidak laku tidak dapat dibuat dengan berkesan kerana kekangan pegawai. Pihak cawangan membuat semakan bayaran ansuran secara manual bagi setiap kes yang sedang di dalam bayaran ansuran. Pegawai perlu untuk membuka setiap fail dan lejer kes yang terlibat untuk membuat semakan. Buat masa ini tiada sebarang indikator yang memaklumkan kegagalan sesuatu bayaran yang diterima.</i></p> <p><i>Bagi kes-kes cek tidak laku, bayaran tersebut tidak dikemaskini secara terus kerana ia akan disahkan tidak laku setelah ia ditolak oleh pihak bank. Pihak cawangan mengambil tindakan dengan menghubungi pembayar cukai setelah dapat mengesan transaksi cek tidak laku. Tindakan saman semula sedang diambil terhadap pembayar cukai.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan mahkamah perlu diteruskan terhadap syarikat yang gagal mematuhi jadual bayaran ansuran atau membuat bayaran ansuran dengan mengemukakan cek tak laku agar kelonggaran yang diberikan oleh LHDNM tidak diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggung jawab.</p>	<p>Tindakan ke atas syarikat yang mengemukakan cek tidak laku tidak dapat dibuat dengan berkesan kerana kekangan pegawai. Pihak cawangan membuat semakan bayaran ansuran secara manual bagi setiap kes yang sedang di dalam bayaran ansuran. Pegawai perlu untuk membuka setiap fail dan lejer kes yang terlibat untuk membuat semakan. Buat masa ini tiada sebarang indikator yang memaklumkan kegagalan sesuatu bayaran yang diterima.</p> <p>Bagi kes-kes cek tidak laku, bayaran tersebut tidak dikemaskini secara terus kerana ia akan disahkan tidak laku setelah ia ditolak oleh pihak bank. Pihak cawangan mengambil tindakan dengan menghubungi pembayar cukai setelah dapat mengesan transaksi cek tidak laku. Tindakan saman semula sedang diambil terhadap pembayar cukai.</p> <p>Status Kegagalan Syarikat Mematuhi Bayaran Ansuran sehingga 28 April 2016 adalah seperti dijadual berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 1066 2078 1342"> <thead> <tr> <th>Cawangan</th> <th>Kes</th> <th>Baki Jumlah Tuntutan (RM)</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Cawangan Pembayar Cukai Besar</td> <td>1</td> <td>207,772</td> <td>Kes telah selesai digulung oleh pihak ketiga.</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>360,000</td> <td>Dalam tindakan mendapatkan perintah bersih untuk mengeluarkan notis tuntutan.</td> </tr> <tr> <td>1</td> <td>214,116</td> <td>Dalam tindakan mengeluarkan Notis Tuntutan.</td> </tr> </tbody> </table>				Cawangan	Kes	Baki Jumlah Tuntutan (RM)	Tindakan	Cawangan Pembayar Cukai Besar	1	207,772	Kes telah selesai digulung oleh pihak ketiga.	1	360,000	Dalam tindakan mendapatkan perintah bersih untuk mengeluarkan notis tuntutan.	1	214,116	Dalam tindakan mengeluarkan Notis Tuntutan.
Cawangan	Kes	Baki Jumlah Tuntutan (RM)	Tindakan																
Cawangan Pembayar Cukai Besar	1	207,772	Kes telah selesai digulung oleh pihak ketiga.																
	1	360,000	Dalam tindakan mendapatkan perintah bersih untuk mengeluarkan notis tuntutan.																
	1	214,116	Dalam tindakan mengeluarkan Notis Tuntutan.																

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**Perenggan 5 : Kawalan Gudang Berlesen Minuman Keras Dan Rokok**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.1.a	<p><b>Syarat Operasi Lesen GBA Dan GBP - Jaminan Bank</b></p> <p>PTK Bil. 53 (bertarikh 31 Disember 2013) menetapkan pemegang lesen GBA dikehendaki mengemukakan jaminan bank sebanyak 10% dari jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti/cukai yang terlibat untuk barangan yang disimpan dalam gudang. Manakala pemegang lesen GBP hendaklah mengemukakan jaminan bank dengan kadar 100% dari duti/cukai yang dikira semasa mengikut anggaran simpanan penuh gudang.</p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di para 5.5.1.1.c
5.5.1.1.b	Semakan Audit mendapati 40 (93.02%) daripada 43 GBA/GBP telah mengemukakan jaminan bank yang sah mengikut kadar duti/cukai yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebanyak 3 GBP mempunyai jaminan bank yang tidak mencukupi (100% nilai duti/cukai).	
5.5.1.1.c	<p>Perkara ini berlaku kerana JKDM Negeri berkenaan masih mengamalkan PTK Bil. 53 (Edisi Tahun 2010 yang dibatalkan pada 31 Disember 2013) di mana pemegang lesen GBP hanya perlu mengemukakan jaminan bank sebanyak 10% dari jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti/cukai yang terlibat untuk barangan yang disimpan dalam gudang.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016 Dan 4 April 2016</p> <p>a. <i>JKDM Perlis</i></p> <p><i>Bahagian Perkastaman/GST telah menghantar surat kepada pihak syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. untuk menambah nilai jaminan bank berjumlah RM13.5 juta melalui surat nombor rujukan KE.RB(05)264/01-01-8(09) bertarikh 9 Mac 2016. Syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. telah mengemukakan jaminan bank tambahan bernilai RM8.5 juta pada 31 Mac</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2016.</p> <p>b. JKDM WPKL</p> <p>i. Cawangan Penggudangan WPKL telah menghantar surat kepada pihak syarikat untuk menambah nilai jaminan bank seperti yang dikehendaki melalui surat nombor rujukan KE.WB (25)264/03/361/10 (76) bertarikh 19 Januari 2016. Surat peringatan juga telah dihantar pada 12 Februari 2016 dan syor tindakan pembatalan lesen akan dihantar ke Ibu Pejabat sekiranya pihak syarikat gagal mengemukakan jaminan bank dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat peringatan dikeluarkan.</p> <p>ii. Pihak syarikat telah memaklumkan melalui surat bertarikh 18 Februari 2016 untuk menangguhkan sementara permintaan penambahan jaminan bank sebanyak RM560,000 disebabkan pihak syarikat dalam proses perpindahan ke gudang baru. Syarikat akan menambah jaminan bank berdasarkan jumlah stok di gudang baru.</p> <p>iii. Satu sesi dialog berhubung dengan penambahan jaminan bank telah diadakan pada 22 Februari 2016 dengan pelesen-pelesen gudang berlesen persendirian.</p> <p>iv. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati syarikat Luen Heng F&amp;B Sdn. Bhd. ada mengemukakan jaminan bank berjumlah RM9.5 juta di JKDM Negeri Selangor selain daripada jaminan bank berjumlah RM1 juta di WP Kuala Lumpur. Jumlah keseluruhan jaminan bank tersebut adalah mencukupi untuk menanggung pembayaran melalui cek dan jaminan keselamatan hasil di Negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur selaras dengan surat KE.HE(44)051/05 KLT.8 (33) bertarikh 23 Mei 2013.</p>	
5.5.1.2.b	<p><b>Aktiviti Yang Dibenarkan Dalam Gudang Berlesen</b></p> <p>Lawatan Audit mendapati 26 (96.3%) daripada 27 GBA/GBP telah menjalankan aktiviti penggudangan yang dibenarkan oleh JKDM kecuali GBP Chamber Dynasty Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah dengan tempoh sah lesen pada 7 Februari 2014 hingga 6 Februari 2016.</p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di para 5.5.1.2.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.2.c	<p>Lawatan Audit pada 8 September 2015 mendapati tiada aktiviti penggudangan dijalankan oleh pelesen tersebut dan premis kedai yang dilesenkan telah dijadikan sebuah restoran makanan. Selain itu, alamat surat menyurat restoran makanan tersebut menggunakan alamat premis yang dilesenkan sebagai GBP. Sewaktu lawatan Audit, JKDM telah cuba menghubungi pihak pelesen gudang tetapi tidak berjaya.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016</p> <p><i>JKDM Sabah telah membatalkan lesen GBP Chamber Dynasty Sdn. Bhd. melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-97(6) bertarikh 16 November 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pematuhan terhadap syarat operasi lesen gudang adalah baik. Bagaimanapun, pihak JKDM tidak menetapkan nilai jaminan bank yang betul dan telah mengakibatkan sejumlah RM14.06 juta duti barangan tidak dilindungi bagi memelihara kepentingan hasil kerajaan. Namun begitu, selepas teguran Audit, jaminan bank tambahan berjumlah RM8.5 juta telah dikemukakan oleh Syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. di Perlis. Manakala bagi Syarikat Luen Heng F&amp;B Sdn. Bhd., pihak JKDM WP Kuala Lumpur hanya menyedari bahawa syarikat ini juga mempunyai jaminan bank bernilai RM9.5 juta untuk menanggung pembayaran melalui cek dan jaminan keselamatan hasil di JKDM Negeri Selangor. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung kekurangan jaminan bank untuk GBP ini di WP Kuala Lumpur.</p>	
5.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Penyimpanan Barangan Berduti - Barangan Berduti Disimpan Dalam Kawasan Dilesenkan</b></p> <p>Mengikut Seksyen 66(1) Akta Kastam 1967, semua barang-barang yang diimport apabila sampai hendaklah didepositkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen atau sesuatu gudang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam. Seksyen 66(1)(a) Akta Kastam 1967 pula menerangkan bahawa Ketua Pengarah, jika berpuas hati bahawa atas sebab berat, kuantiti atau besarnya mana-mana barang-barang itu atau kerana apa-apa sebab lain adalah tidak praktik disimpan dalam gudang kastam, boleh mengarahkan supaya barang-barang itu disimpan dalam mana-mana tempat lain di mana barang-barang sedemikian hendaklah ditafsirkan sebagai berada di bawah kawalan Kastam.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.2.1.b	Seksyen 65(4) Akta Kastam 1967 menetapkan sekiranya terdapat kekurangan kuantiti barangan berduti yang sepatutnya berada di dalam gudang berlesen itu adalah dianggap telah memindahkan barangan tersebut dan hendaklah membayar kepada JKDM duti kastam yang boleh dilevi ke atas barangan yang berkurangan itu.	
5.5.2.1.c	Semakan dan lawatan Audit ke 27 GBA/GBP mendapati barangan berduti telah disimpan di kawasan yang telah dilesenkan kecuali satu GBA/GBP di JKDM Sandakan, Sabah. Lawatan Audit pada 9 September 2015 mendapati GBA Sabah Port Sdn. Bhd. menyimpan barangan berduti kritikal iaitu rokok kepunyaan GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. yang bernilai RM1.4 juta untuk dieksport ke Filipina. Barangan berduti kritikal ini disimpan dalam kontena-kontena yang terletak dalam gudang berlesen dan juga di kawasan terbuka Pelabuhan Sandakan yang tidak dilesenkan tetapi masih berada di bawah kawalan pihak Kastam. Perkara ini berlaku disebabkan kekurangan ruang di dalam GBA Sabah Port Sdn. Bhd.	
5.5.2.1.d	Barangan berduti yang ditempatkan di kawasan terbuka Pelabuhan Sandakan boleh menyebabkan risiko kehilangan yang lebih tinggi. Semakan Audit mendapati pihak JKDM Sandakan telah mengeluarkan sebanyak 6 notis tuntutan duti import terhadap GBA Sabah Port Sdn. Bhd. berjumlah RM1.09 juta akibat daripada kehilangan barangan berduti kritikal yang disimpan di dalam kontena-kontena yang berada di kawasan terbuka. Perkara ini hanya diketahui apabila GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. melaporkan kehilangan barangan berduti tersebut kepada JKDM Sandakan.	
5.5.2.1.e	<p>Lawatan Audit selanjutnya ke GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. di Lot 6, Ka Shing Industrial Centre, Mile 7, Jalan Labuk, Sandakan yang terletak 15 km daripada Pelabuhan Sandakan mendapati gudang adalah kosong dan tidak digunakan.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016</p> <p>a. <i>JKDM Sabah telah mengarahkan Sabah Port Sdn. Bhd. untuk membuat permohonan lesen GBA di kawasan terbuka dengan mengemukakan pelan lakaran terbaru melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-89(09) bertarikh 11 Mei 2015. Selain itu, JKDM Sabah telah memaklumkan Sabah Port Sdn. Bhd. supaya hanya meletakkan semua barang kritikal dalam kawasan yang dilesenkan sahaja melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-89(10) bertarikh 10 Feb 2016.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>b. JKDM Sabah telah mengeluarkan 6 notis tuntutan duti import berjumlah RM1.09 juta kepada Sabah Port Sdn. Bhd. bertarikh 2 September 2015 akibat daripada kehilangan barangan berduti kritikal yang disimpan dalam kontena-kontena yang berada di kawasan terbuka GBA Sabah Port Sdn. Bhd.. Perkara ini masih lagi belum diselesaikan oleh pihak GBA Sabah Port Sdn. Bhd. dan tuntutan tersebut telah diserahkan kepada Cawangan ABT/ Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut.</p> <p>c. Semasa pengauditan dijalankan, didapati GBP Lautan Mas Jaya Sdn. Bhd. tidak digunakan kerana tiada aktiviti penggudangan pada masa tersebut. Bagaimanapun, lawatan mengejut oleh Bahagian Penguatkuasaan, Sandakan mendapati ada aktiviti penyimpanan barangan kritikal (rokok) di dalam gudang tersebut.</p>	<p>JKDM Sabah telah menunaikan jaminan bank sebanyak RM 25,000.00 daripada Sabah Credit Bank sebagai bayaran sebahagian daripada notis tuntutan tersebut.</p> <p>Maklumbalas adalah kekal</p>
5.5.2.2.b	<p><b>Penyimpanan Barangan Berduti Melebihi Tempoh Dua Tahun</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 8 (29.6%) daripada 27 gudang berlesen mempunyai barangan berduti yang melebihi tempoh simpanan 2 tahun. Dua daripada 8 gudang sahaja yang telah memohon dan mendapat kelulusan perlanjutan tempoh daripada PKN. Manakala bagi 6 GBP tiada permohonan lanjutan tempoh dibuat. Anggaran duti bagi barangan tersebut adalah berjumlah RM2.10 juta yang sepatutnya dibayar oleh pemegang lesen pada akhir tahun 2015.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016 Dan 4 April 2016</p> <p>a. JKDM Perlis</p> <p>i. AGM Duty Free (Utara) Sdn. Bhd. – Permohonan lanjutan tempoh penyimpanan barang di gudang telah dibuat pada 6 Julai 2015 dan diluluskan oleh Bahagian Perkastaman, JKDM Perlis pada 27 Julai 2015.</p> <p>ii. Emas Kerajang Sdn. Bhd. – Permohonan lanjutan tempoh penyimpanan barang di gudang telah dibuat pada 3 September 2015 dan diluluskan oleh pihak JKDM Perlis pada 22 September 2015.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di para 5.5.2.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. <i>Golden Diligence Sdn. Bhd. – Permohonan lanjutan tempoh penyimpanan barang di gudang telah dibuat pada 6 Ogos 2015 dan 18 September 2015 dan diluluskan oleh pihak JKDM Perlis pada 18 Ogos 2015 dan 22 September 2015.</i></p> <p>b. <i>JKDM WPKL</i></p> <p>i. <i>Cawangan Penggudangan WPKL telah menghantar surat peringatan mengenai pembayaran duti ke atas stok melebihi 24 bulan kepada Syarikat Fortier Wine &amp; Spirits Sdn. Bhd. bertarikh 30 November 2015. Syarikat ini turut membuat surat permohonan lanjutan tempoh penyimpanan dagangan melebihi 24 bulan pada 15 Februari 2016 dan telah diluluskan oleh PKN WP Kuala Lumpur pada 22 Mac 2016.</i></p> <p>ii. <i>Bagi syarikat Luen Heng F&amp;B Sdn. Bhd. pula, surat peringatan yang sama mengenai pembayaran duti ke atas stok melebihi 24 bulan telah pun dihantar pada 30 November 2015. Syarikat ini juga telah pun mengemukakan surat permohonan perlanjutan tempoh simpanan ke atas barang-barang yang disimpan melebihi 24 bulan pada 30 Disember 2015 dan telah menerima kelulusan pelanjutan dari PKN.</i></p> <p>iii. <i>Surat peringatan juga turut dihantar kepada syarikat-syarikat lain sebagai peringatan.</i></p> <p>c. <i>JKDM Johor</i></p> <p><i>Pemeriksaan 100% telah dijalankan pada 22 Februari 2016 dan mendapati barangan yang digudangkan telah tamat tempoh. Syarikat Aksi Aktif Sdn. Bhd. telah memohon untuk membuat pelupusan ke atas kesemua barangan yang terlibat pada 24 Februari 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara umumnya kawalan terhadap pengurusan penyimpanan barangan berduti di gudang berlesen adalah memuaskan. Bagaimanapun, pihak JKDM tidak memastikan pemegang lesen memohon lanjutan masa untuk penyimpanan barangan yang melebihi tempoh dua tahun tanpa bayaran duti/cukai. Sehingga akhir tahun 2015, JKDM sepatutnya boleh menuntut anggaran duti berjumlah RM2.10 juta daripada GBP yang tidak memohon lanjutan masa selewat-lewatnya 30 hari sebelum tempoh simpanan tamat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.3.2.b	<p><b>Pemindahan Barangan Kritikal Menggunakan Jalan Raya Dan Kereta Api Ke Thailand</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kesemua 4 daripada 6 pelesen GBP di Perlis iaitu syarikat Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Golden Diligence Sdn. Bhd., Emas Kerajang Sdn. Bhd. dan Gold Mine Maxim Sdn. Bhd. yang mengurus niaga dengan syarikat di Thailand telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tetapi tidak mengemukakan bukti pembayaran dan penyataimbangan bulanan kepada Stesen Kastam Padang Besar, Perlis sejak syarat tambahan dikenakan. Dengan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada rokok dan minuman keras telah sebenarnya dieksport dan dibeli oleh syarikat pengimport daripada Thailand.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016</p> <p>a. <i>Tiga dari 4 buah GBP iaitu syarikat Warisan Limpahan Sdn. Bhd., Golden Diligence Sdn. Bhd. dan Gold Mine Maxim Sdn. Bhd. memiliki kelulusan eksport daripada Ibu Pejabat JKDM Putrajaya manakala syarikat Emas Kerajang Sdn. Bhd. tidak memiliki surat kelulusan eksport (untuk jualan runcit sahaja).</i></p> <p>b. <i>Tindakan pembetulan telah dibuat dengan serta-merta dengan memaklumkan kepada pihak syarikat untuk mengikut prosedur tersebut dan menyediakan penyataimbangan bulanan melalui surat KE.RC(35)264/01 Klt.3/(01) bertarikh 10 Februari 2016.</i></p> <p>c. <i>Gold Mine Maxim Sdn. Bhd. telah mengemukakan Penyata Imbangan bagi bulan Januari 2016 pada 15 Februari 2016.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di para 5.5.3.2.b
5.5.3.3.b.i	<p><b>Bekalan Kapal Oleh Gudang Berlesen Persendirian</b></p> <p>Daripada 43 GBA/GBP hanya 4 GBP di Negeri Johor iaitu syarikat Holsten Marketing (M) Sdn. Bhd., Master Supplier Sdn. Bhd., Air Biru Ship Suppliers Sdn. Bhd. dan Popular Venture Sdn. Bhd. terlibat dalam menjalankan aktiviti pembekalan bekal kapal.</p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di para 5.5.3.3.b.iii
5.5.3.3.b.iii	<p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal telah diiringi oleh Pegawai Kastam bagi tujuan memeterai stor-stor kapal. Ini disebabkan JKDM tidak mempunyai mekanisme bagi memastikan Pegawai Kastam mengiringi barangan berduti untuk tujuan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>meterai stor-stor kapal. Sepanjang tahun 2013 hingga 2015, terdapat minuman keras dan rokok dengan duti terkorban berjumlah RM20.27 juta daripada aktiviti pembekalan bekalan kapal kepada kapal-kapal yang berlabuh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat, Johor.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>JKDM Johor telah diarahkan untuk menubuhkan satu pasukan siasatan yang diketuai oleh Bahagian Penguatkuasaan untuk menyiasat kes yang melibatkan ketidakpatuhan kepada PTK Bil. 38 termasuk memastikan Pegawai Kastam mengiringi barangan berduti untuk tujuan pemindahan barangan berduti dari pelabuhan ke kapal.</i></p>	
<p><b>5.5.3.4.b</b></p>	<p><b>Pemindahan Barangan Kritikal Ke Pulau Bebas Cukai</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pemindahan melalui laut dari gudang eksais/gudang berlesen ke Langkawi dan Tioman telah menggunakan Borang K8/E8 sehingga ke pelabuhan. Seterusnya, untuk pemindahan ke stesen import di Tanjung Lembong, Langkawi manifes digunakan dan diikrar melalui Borang K1. Manakala untuk pemindahan ke Tioman diikrar dalam Borang K2 (eksport) dan diendoskan dengan teratur.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan terhadap pemindahan barangan berduti adalah memuaskan. Bagaimanapun, ketidakpatuhan syarat tambahan oleh pelesen gudang yang mengurus niaga dengan syarikat Thailand dan kegagalan Pegawai Kastam mengiringi pemindahan barangan kritikal yang mempunyai kadar duti yang tinggi ke kapal boleh mengakibatkan penyalahgunaan kemudahan yang telah diberikan oleh JKDM dan terdedah kepada berlakunya penyeludupan dan ketirisan hasil.</p>	
<p><b>5.5.4.2.b</b></p>	<p><b>Rekod Stok Tidak Disahkan Oleh Juruaudit Bertauliah</b></p> <p>Semakan Audit mendapati hanya GBA Modern Warehouse &amp; Transport Sdn. Bhd. di Johor Bahru, Johor dan GBP Syarikat Jarum Edar Sdn. Bhd. di Miri, Sarawak daripada 43 gudang berlesen awam dan persendirian yang telah mendapatkan pengesahan Juruaudit Bertauliah sebagaimana ditetapkan oleh PTK Bil. 53.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di para 5.5.4.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Sijil audit daripada Juruaudit Bertauliah merupakan satu kos tambahan kepada syarikat. Dari segi amalan, JKDM hanya meminta pemilik syarikat untuk mengemukakan sijil audit oleh Juruaudit Bertauliah sekiranya JKDM mengesyaki berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran syarat PTK Bil. 53. Bagi syarikat yang mematuhi segala perundangan, syarikat tidak dikehendaki untuk mengemukakan sijil tersebut. PTK Bil. 53 akan dikemas kini oleh JKDM.</i></p>	
5.5.4.3.a.ii	<p><b>Pemeriksaan Fizikal Stok - Pemeriksaan Fizikal Stok Oleh JKDM</b></p> <p>Semakan Audit mendapati semua JKDM Negeri yang dilawati telah melaksanakan semakan ke atas penyata bulanan stok yang telah diserahkan oleh pelesen gudang masing-masing. Namun begitu, pemeriksaan fizikal setahun sekali secara 100% bagi tempoh 3 tahun hanya dilaksanakan sebanyak 68 (54.8%) daripada 124 kali bagi kelima-lima JKDM Negeri yang dilawati.</p>	<p>Syarikat GBP Kinabalu Eagle Import &amp; Export Sdn Bhd telah membuat permohonan remisi. Permohonan tersebut telah dihantar ke Ibu Pejabat JKDM untuk kelulusan.</p>
5.5.4.3.b.ii	<p><b>Pemeriksaan Fizikal Stok Oleh Pasukan Audit</b></p> <p>Barangan berduti yang masih baik dan boleh digunakan disimpan dalam 26 GBA/GBP kecuali satu GBP iaitu syarikat Kinabalu Eagle Import &amp; Export Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah yang mempunyai barangan berduti rosak dan telah tamat tarikh luput dengan nilai duti sejumlah RM238,433. Menurut syarat GBP di Lampiran E, PTK Bil. 53 pengurangan duti atau cukai tidak dibenarkan atas mana-mana barangan berduti yang disimpan di dalam gudang berlesen melainkan ada bukti hingga memuaskan Ketua Pengarah Kastam bahawa barangan tersebut hilang, rosak atau musnah akibat kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Jika barangan mempunyai tarikh luput, pemegang lesen hendaklah memastikan barangan tersebut dibawa keluar sebelum tarikh luput tersebut untuk mengelakkan dari kerosakan.</p> <p>Maklum Balas JKDM Yang Diterima Pada 9 Mac 2016</p> <p><i>JKDM Sabah mengakui GBP Kinabalu Eagle Import &amp; Export Sdn. Bhd. menyimpan barangan berduti yang rosak dan telah tamat tarikh luput. Cawangan Industri telah mengambil tindakan dengan memberi notis kepada syarikat untuk memohon pelupusan barangan berduti yang telah rosak dan tamat tempoh tersebut melalui surat rujukan KE.SB(83)264/01-75(37) bertarikh 15 Februari 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pemantauan terhadap gudang berlesen adalah kurang memuaskan kerana rekod stok yang disemak oleh Juruaudit Bertauliah tidak diserahkan oleh pelesen, pemeriksaan fizikal setahun sekali secara 100% bagi tempoh tiga tahun hanya dilaksanakan sebanyak 68 (54.8%) daripada 124 kali dan satu GBP mempunyai barangan berduti yang telah tamat tempoh melibatkan duti berjumlah RM238,433.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH / JABATAN AIR NEGERI SABAH**

**Perenggan 6 : Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Negeri Sabah**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.2.b	<p><b>Kajian Awal Oleh Perunding</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 12 projek terpilih mendapati Laporan Awalan bagi 11 projek telah disediakan dengan lengkap dan menyeluruh kecuali bagi Projek Bekalan Air Mukim Tulid/Lanas/Sook, Negeri Sabah. Adalah didapati Laporan Awalan yang disediakan oleh perunding bagi projek ini menyatakan reka bentuk jajaran paip meliputi 3 mukim iaitu Mukim Tulid, Lanas dan Sook yang mensasarkan sebanyak 67 buah kampung dengan 2,500 buah rumah. Semakan lanjut mendapati satu Arahan Perubahan Kerja (APK) bertarikh 21 Ogos 2013 telah diluluskan bagi tambahan jajaran kerja pemasangan paip ke Kampung Binuou Tengah, Mukim Sook yang pada awalnya tidak disenaraikan sebagai kawasan liputan dalam kajian awal perunding. Bagaimanapun, kerja pemasangan <i>meter stand</i> tidak diambil kira di dalam APK tersebut. Kesan daripada ini, penduduk kampung tersebut perlu menanggung kos pemasangan <i>meter stand</i> untuk memastikan penyambungan air ke rumah dapat dibuat.</p>	<p>Kerja-kerja penyambungan paip serta pemasangan meter <i>stand</i> ke 168 buah rumah menggunakan waran peruntukan yang disalurkan telah siap sepenuhnya pada 28 September 2015.</p> <p>Justeru, pihak KKLW berpandangan isu ini telah selesai.</p>
6.5.2.c	<p>Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Air Daerah Sook, kos anggaran penyediaan <i>meter stand</i> yang ditanggung oleh penduduk kampung yang terlibat adalah RM1,300 setiap rumah. Bagaimanapun, bilangan sebenar rumah terlibat dan kos pemasangan <i>meter stand</i> tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit memandangkan kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh pihak luar.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016</p> <p><i>Pada peringkat awal reka bentuk, Kg. Binuou Tengah tidak dimasukkan ke dalam pelaksanaan projek kerana lokasi kampung yang terletak jauh lebih kurang 60km dari Pekan Sook. Bagaimanapun, memandangkan terdapat permintaan daripada penduduk kampung tersebut, pemasangan paip telah dilaksanakan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK) pada 21 Ogos 2013.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Kementerian telah mengeluarkan waran peruntukan berjumlah RM337,132 kepada JANS pada 6 Julai 2015 bagi membiayai kos kerja-kerja penyambungan paip dan pemasangan meter stand ke 168 buah rumah termasuk Kg. Binuou Tengah. Kementerian berpendapat kajian awal oleh Perunding adalah baik. Bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum tentang perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya agar tidak berulang. Prestasi perkhidmatan Perunding bagi pelaksanaan projek juga akan dinilai sewajarnya dan dikemas kini dalam Sistem e-Perunding.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kajian awal Perunding bagi projek ini adalah tidak menyeluruh kerana Kg. Binuou Tengah adalah bersebelahan dengan Kg. Seri Mananti yang dimasukkan dalam Laporan Awal perunding. Ini telah menyebabkan penduduk Kg. Binuou Tengah menanggung bebanan kos untuk mendapatkan bekalan air bersih daripada projek yang dilaksanakan.</p>	
6.5.3.1	<p><b>Pelaksanaan Projek - Bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan</b></p> <p>a. Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan yang ditetapkan bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2011/2012 Negeri Sabah - Zon 6A(3), Kota Belud adalah selama 16 bulan iaitu bermula daripada tarikh milik tapak oleh kontraktor pada 2 September 2011 sehingga tarikh siap pada 1 Januari 2013. Lanjutan masa (Extension of Time [EOT]) sebanyak 3 kali telah diluluskan dan tarikh siap selepas mengambil kira EOT yang diluluskan adalah pada 28 Februari 2014.</p> <p>b. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyiapkan kerja selepas tamat EOT ke-3. JANS telah mengeluarkan perakuan kerja tidak siap pada 1 Mac 2014 dan kontraktor dikenakan bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan (Liquidated And Ascertained Damages [LAD]) berjumlah RM6,214 sehari mulai 1 Mac 2014. Jumlah LAD ini adalah pindaan daripada jumlah LAD asal (RM7,020 sehari) selepas mengambil kira Sijil Pendudukan Separa (Certificate of Partial Completion [CPO]) 1 yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Bayaran LAD ini kemudiannya dikurangkan kepada RM729 sehari selepas mengambil kira sebahagian baki kerja yang telah disiapkan melalui CPO2 bertarikh 1 September 2014.</p> <p>c. Semakan Audit mendapati LAD berjumlah RM851,318 telah dipotong melalui bayaran interim 23, 24 dan 25 bagi tempoh 1 Mac hingga 15 Julai 2014. Bagaimanapun, LAD bagi tempoh 16 Julai 2014 sehingga</p>	Kutipan bagi bayaran Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) adalah dibuat melalui potongan didalam Perakuan Bayaran Interim.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>15 Oktober 2015 (tarikh CPC dikeluarkan) masih belum dikutip daripada kontraktor. Berdasarkan kiraan Audit, LAD berjumlah RM584,005 belum dikenakan kepada kontraktor.</p>	
<p><b>6.5.3.2</b></p>	<p><b>Penyelarasan Projek</b></p> <p>a. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Di Kawasan Kinabatangan, Sabah Tahun 2012 mula dilaksanakan pada 16 Mei 2013 dengan tempoh siap selama 12 bulan dan harga kontrak asal berjumlah RM17.58 juta. Skop projek ini terdiri daripada 9 laluan paip yang berbeza untuk 9 kampung dalam dua kawasan utama di bawah Parlimen Kinabatangan: 4 jajaran paip terletak di Daerah Kinabatangan dan 5 jajaran di Daerah Tongod (kawasan Pinangah).</p> <p>b. Lawatan Audit ke tapak projek di kawasan Pinangah, Daerah Tongod mendapati kerja-kerja pemasangan paip telah dihentikan sementara disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf Jalan Linuyukan – Pinangah dan Jalan Tongod – Pinangah yang mula dilaksanakan pada bulan Januari 2015 di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Sabah (JKR Sabah). Kerja naik taraf jalan ini adalah projek di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah perancangan dan pemantauan Unit JALB, Bahagian Infrastruktur, KKLW. Kerja naik taraf jalan ini turut menyebabkan paip air sepanjang 5km yang telah dipasang perlu dibuka semula dan dialihkan dari tapak projek untuk disesuaikan dengan jajaran JALB yang baru. Sebahagian paip yang telah dialihkan telah mengalami kerosakan dan tidak boleh digunakan. Kerja pemasangan paip juga dihentikan bagi mengelakkan kerosakan paip.</p> <p>c. Pihak Audit mendapati, ketiadaan koordinasi antara unit di bawah KKLW telah mengakibatkan projek ini tertangguh selama 573 hari. Dengan pembinaan jajaran baru JALB, projek BALB telah diluluskan 5 lanjutan masa (Extension Of Time [EOT]). Tarikh siap selepas mengambil kira EOT adalah pada 9 Januari 2016.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016</p> <p><i>Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu pertindihan tapak projek BALB, Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan JALB. Pada masa akan datang, Kementerian akan menyelaraskan senarai projek bersama Unit-unit di Bahagian</i></p>	<p>Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu pertindihan tapak projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan JALB. Pada masa akan datang, Kementerian akan menyelaraskan senarai projek bersama Unit-unit di Bahagian Infrastruktur bagi mengelakkan perkara ini daripada berulang.</p> <p>Pihak Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah meluluskan EOT No. 6 sehingga 21 Mei 2016 (132 hari) memandangkan kerja-kerja tanah yang dilaksanakan oleh kontraktor JALB dijangka akan selesai pada bulan Mac 2016.</p> <p>Secara keseluruhannya pelaksanaan projek BALB di Negeri Sabah adalah di tahap memuaskan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Infrastruktur bagi mengelakkan perkara ini daripada berulang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek BALB di Negeri Sabah adalah di tahap memuaskan. Bagaimanapun, penambahbaikan perlu dibuat terhadap pentadbiran kontrak dan koordinasi antara unit di KKLW.</p>	
<p><b>6.5.4.2.b</b></p>	<p><b>Projek BALB-Retikulasi di Pulau Gaya Telah Siap Tetapi Belum Beroperasi Secara Optimum</b></p> <p>Semakan Audit mendapati JANS telah mengarahkan kontraktor untuk memberhentikan kerja penyambungan dan pemasangan paip ke Kampung Kasuapan, Lok Baru dan Lok Urai berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bersepadu Pulau Gaya, Kota Kinabalu Bilangan 02/2012. Mesyuarat menyatakan kampung-kampung di Pulau Gaya berstatus kampung tidak sah dan akan dipindahkan ke kawasan penempatan semula di Kampung Gusi, Kinarut. Mesyuarat turut memutuskan kemudahan air daripada projek ini hanya dibekalkan kepada pejabat Kerajaan iaitu Pejabat <i>Eastern Sabah Security Command</i> (ESSCOM), SK. Pulau Gaya dan SMK Pulau Gaya sahaja.</p>	<p>Sehingga 1 April 2016, pihak JANS memaklumkan bahawa pihak DBKK masih lagi belum menerima peruntukan daripada pihak ADUN N.17 Tanjung Aru bagi melaksanakan kerja-kerja pembekalan tangki pukal ke Kg. Lok Urai, Kg. Kasuapan, Kg. Pulau Gaya Tengah dan Kg. Pulau Gaya Asal. Pelaksanaan kerja-kerja pembekalan tangki pukal ini akan dibuat dengan kadar yang segera setelah peruntukan diterima.</p>
<p><b>6.5.4.2.c</b></p>	<p>Lawatan Audit ke lokasi projek mendapati pihak kontraktor telahpun melaksanakan skop kerja yang dipersetujui di dalam kontrak kecuali kerja pemasangan paip agihan sepanjang 2.01km ke Kampung Kasuapan, Lok Baru dan Lok Urai.</p>	
<p><b>6.5.4.2.d</b></p>	<p>Setakat bulan Ogos 2015, bekalan air telah disambungkan kepada Pejabat ESSCOM. Bagaimanapun, tiada maklumat lanjut berkenaan penyambungan meter ke SK dan SMK Pulau Gaya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016</p> <p><i>Satu mesyuarat antara pihak JANS dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah diadakan pada bulan Julai 2015 dan memutuskan kampung-kampung di Pulau Gaya (Kg. Lok Urai, Kg. Kasuapan, Kg. Pulau Gaya Tengah dan Kg. Pulau Gaya Asal) dibekalkan air bersih melalui tangki pukal yang ditempatkan di setiap kampung sementara menunggu proses penempatan semula dilaksanakan. Bagaimanapun, proses penyambungan tersebut hanya akan dibuat setelah menerima peruntukan daripada pihak ADUN N.17 Tanjung Aru dan disalurkan kepada pihak DBKK untuk tujuan pelaksanaan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.4.3.b	<p><b>Prestasi Penyambungan Bekalan Air Oleh Penduduk Yang Disasarkan</b></p> <p>Berdasarkan maklumat daripada JANS, pihak Audit mendapati prestasi penyambungan meter oleh pengguna bagi 5 projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi berada di tahap 38.4% berbanding jumlah liputan rumah yang disasarkan oleh KKLW. Lawatan Audit ke projek yang dipilih mendapati jumlah permohonan dan penyambungan bekalan air oleh penduduk adalah rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang.</p>	<p>Sehingga kini, pihak JANS masih giat melaksanakan kempen kepada penduduk kampung serta mengadakan Hari Bersama Pelanggan di setiap daerah bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan penggunaan air terawat.</p> <p>Pihak JANS memaklumkan bahawa, kebanyakan permohonan penyambungan bekalan air oleh penduduk tidak disertakan bersama deposit penyambungan. Ini menyebabkan proses penyambungan tidak dapat dibuat dan menyumbang kepada statistik yang rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang.</p>
6.5.4.3.c	<p>Lawatan fizikal Audit ke 5 projek yang telah siap, hanya pengguna di kawasan Projek BALB Daerah Sook dan Topokon, Tuaran telah membuat penyambungan meter pengguna dengan jumlah penyambungan melebihi 40% daripada jumlah unit rumah yang disasarkan.</p>	<p>Justeru, pihak KKLW berpandangan isu ini telah selesai dan memohon untuk digugurkan.</p>
6.5.4.3.d	<p>Manakala 3 projek yang lain, jumlah penyambungan meter berada di tahap kurang daripada 40%. Projek BALB Kudat mempunyai peratusan penyambungan yang paling rendah iaitu hanya 4.7% (75 penyambungan meter dibuat berbanding 1,596 rumah yang disasarkan). Pihak Jabatan Air Daerah Kudat memaklumkan, pengguna yang disasarkan belum membuat penyambungan disebabkan tidak mampu membiayai kos pembayaran deposit meter (RM100 bagi geran tanah atas nama pemohon atau RM200 bagi geran tanah rizab kampung) serta kos penyambungan paip ke rumah. Lagipun, penduduk yang disasarkan ini telah mempunyai bekalan air alternatif yang sedia ada.</p>	
6.5.4.3.e	<p>Temu bual bersama 10 orang responden di kawasan liputan projek BALB Kudat bagi mengenal pasti sebab mereka kurang berminat untuk membuat penyambungan air mendapati responden tidak berkemampuan untuk menanggung kos penyambungan air yang tinggi selain penyambungan bekalan air akan meningkatkan kos sara hidup disebabkan perlu membuat bayaran bil bulanan. Responden turut memaklumkan bekalan air daripada sistem retikulasi tersebut masih belum diperlukan memandangkan bekalan air dari sumber alternatif sedia ada seperti perigi dan bekalan air graviti yang tidak melibatkan apa-apa kos masih beroperasi dengan baik. Persepsi penduduk terhadap tekanan air yang rendah turut mendorong penduduk kampung untuk tidak membuat permohonan penyambungan air.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Kempen kepada penduduk kampung sedang giat dilaksanakan oleh JANS di peringkat daerah. Secara umumnya, penduduk yang tidak menyambung bekalan air adalah disebabkan mereka tidak berkemampuan untuk membayar kos penyambungan paip dari meter point ke rumah. Penduduk juga mempunyai sumber air alternatif yang sedia ada dan percuma seperti telaga dan sumber air graviti.</i></p> <p><i>Kementerian dan JANS mengambil maklum perkara ini dan akan mempergiatkan lagi kempen kesedaran penggunaan air terawat kepada penduduk.</i></p> <p><i>Anggaran kos penyambungan bekalan air terawat dari meter point ke rumah adalah di antara RM1,000 hingga RM1,500 termasuk pemasangan kos paip dan tangki air. Kos ini juga termasuk deposit meter berjumlah RM100 (geran tanah atas nama pemohon) atau RM200 (geran tanah rizab kampung). Jumlah bil air pula bergantung kepada penggunaan, biasanya di antara RM20 hingga RM80 bagi setiap 3 bulan.</i></p> <p><i>Kementerian mengambil maklum mengenai perkara ini dan sedang menyediakan Nota Jemaah Menteri berkenaan cadangan untuk memasukkan kos penyambungan air di dalam skop Program BALB bermula RMKe-11 yang melibatkan pembinaan paip (service pipe) sehingga ke stand pipe dalam kawasan rumah penduduk di kawasan luar bandar dan pengguna hanya perlu membiayai kos deposit meter. Bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri.</i></p>	
<p><b>6.5.4.3.f</b></p>	<p>Selain itu, kelemahan aktiviti promosi dan program kesedaran oleh JANS kepada penduduk kampung turut menjadi punca 8 (80%) daripada 10 responden yang ditemu bual tidak mengetahui prosedur penyambungan yang perlu dipatuhi sebelum penyambungan meter diluluskan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016</p> <p><i>Jabatan Air Bahagian Kudat telah memberikan maklumat berkenaan prosedur penyambungan kepada JKKK Kampung dan membuat lawatan ke kampung-kampung untuk menerangkan perkara ini kepada penduduk yang terlibat. Satu siri dialog iaitu Program Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) bersama Pengerusi JKKK kawasan N.4 Matunggong dan penduduk telah diadakan pada bulan Julai 2015 di Pejabat Daerah Matunggong yang turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah.</i></p>	<p>Pihak JANS memaklumkan bahawa kebanyakan permohonan penyambungan bekalan air oleh penduduk tidak disertakan bersama deposit penyambungan menyebabkan proses penyambungan tidak dapat dibuat sekaligus menyumbang kepada statistik penyambungan yang rendah meskipun projek telah disiapkan dan diuji boleh beroperasi seperti yang dirancang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Bagaimanapun, program promosi dan hebahan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan lebih ramai penduduk membuat permohonan penyambungan penggunaan bekalan air terawat bagi menjamin kesihatan penduduk di kawasan terbabit.</i></p> <p><i>JANS turut mengadakan Hari Bersama Pelanggan di setiap daerah bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kepentingan penggunaan air terawat seperti gambar berikut:</i></p> <p style="text-align: center;"><b>GAMBAR 6.17</b></p>  <p style="text-align: center;"><i>Hari Bertemu Pelanggan JANS</i></p> <p style="text-align: center;"><b>GAMBAR 6.18</b></p>  <p style="text-align: center;"><i>Hari Bertemu Pelanggan JANS</i></p> <p>Pada pendapat Audit, <i>outcome</i> projek BALB-Retikulasi yang telah siap dan beroperasi tidak dapat dicapai sepenuhnya memandangkan sebanyak 61.6% rumah yang disasarkan masih belum menikmati kemudahan air bersih dan terawat dan penggunaannya tidak secara optimum.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.5.b	<p><b>Pemantauan Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Unit BALB Sabah yang berpejabat di Putrajaya bertanggungjawab untuk memantau sebanyak 211 projek Program BALB di seluruh Negeri Sabah. Unit ini mempunyai 3 orang kakitangan diketuai oleh seorang KPSU gred M48 dengan dibantu oleh seorang PSU gred M44 dan seorang Pembantu Tadbir gred N17. JANS selaku agensi pelaksana dilantik sebagai Pegawai Penguasa (<i>Superintending Officer</i> [SO]) Projek. Pihak JANS di peringkat Daerah pula dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa Utama projek bagi menyelaras, memudah cara dan menguatkuasa peraturan dan keperluan agensi Pihak Berkuasa Tempatan awam atau utiliti swasta serta memastikan konsep reka bentuk dan tempoh kontrak asal pelaksanaan projek dipatuhi. Bagi mengatasi kekangan sumber manusia di KKLW dan JANS, Perunding dilantik untuk melaksanakan pemantauan secara langsung di tapak projek melalui penyeliaan harian terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.</p>	<p>Sehingga kini, Unit BALB Sabah masih mempunyai 3 orang kakitangan diketuai oleh seorang KPSU gred M48 dengan dibantu oleh seorang PSU gred M44 dan seorang Pembantu Tadbir gred N17 di mana Pembantu Tadbir ini juga digunakannya untuk projek BALB Negeri Sarawak. JANS selaku agensi pelaksana dilantik sebagai Pegawai Penguasa (<i>Superintending Officer</i> [SO]) Projek. Pihak JANS di peringkat Daerah pula dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa Utama projek bagi menyelaras, memudah cara dan menguatkuasa peraturan dan keperluan agensi Pihak Berkuasa Tempatan awam atau utiliti swasta serta memastikan konsep reka bentuk dan tempoh kontrak asal pelaksanaan projek dipatuhi. Bagi mengatasi kekangan sumber manusia di KKLW dan JANS, Perunding dilantik untuk melaksanakan pemantauan secara langsung di tapak projek melalui penyeliaan harian terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.</p>
6.5.5.c	<p>Berdasarkan 12 sampel projek yang dipilih, kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti Mesyuarat Pemantauan Projek, Mesyuarat Tapak dan Laporan Bulanan Kemajuan Projek. Manakala kekerapan pemantauan oleh setiap peringkat (KKLW/JANS/Perunding).</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Januari 2016</p> <p><i>Unit BALB Sabah di Bahagian Infrastruktur hanya mempunyai seramai 3 orang kakitangan untuk memantau sebanyak 211 projek Program BALB di Negeri Sabah iaitu seorang KPSU M48, seorang PSU M44 dan seorang Pembantu Tadbir N17. Pembantu Tadbir ini juga diguna sama untuk projek BALB Negeri Sarawak. Kementerian berharap pertambahan bilangan pegawai/kakitangan dapat dipertimbangkan bagi membantu pelaksanaan dan pemantauan Program BALB memandangkan lokasi projek yang terletak jauh di pedalaman.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan telah diadakan dan dipatuhi sepenuhnya.</p>	<p>Justeru, pihak KKLW berpandangan isu ini telah diambil tindakan dan memohon untuk digugurkan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Perenggan 7 : Projek Pembinaan Kampus UNIKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>7.5.1.1.a</b>	<p><b>Prestasi Projek - Pengurusan Nilai</b></p> <p>Berdasarkan Pekeliling UPE Bilangan 3 Tahun 2009, Pengurusan Nilai bertujuan untuk mengenal pasti, menyediakan pilihan dan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Proses ini melibatkan semua <i>stakeholder</i> dan pakar yang berkaitan dengan projek, dengan memberi tumpuan kepada fungsi, kos dan kualiti. Pengurusan Nilai perlu dilaksanakan bagi program dan projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas.</p>	
<b>7.5.1.1.b</b>	<p>Makmal Pengurusan Nilai bagi projek ini telah diadakan pada 21 hingga 28 Januari 2011 yang turut disertai oleh wakil KKLW, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, MARA, UniKL dan JKR. Hasil daripada pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai ini, pengurangan kos yang telah dicapai adalah sejumlah RM20.22 juta (10%) iaitu daripada RM200 juta kepada RM179.78 juta yang melibatkan pembinaan bangunan sejumlah RM129.78 juta dan perolehan peralatan sejumlah RM50 juta.</p>	
<b>7.5.1.1.c</b>	<p>Keputusan Makmal Pengurusan Nilai berkenaan telah dibincangkan semula pada 9 hingga 12 April 2011 berikutan pemindahan tapak pembinaan kampus UniKL MIAT Subang dari Parcel A (sebahagian Lot 1210) kepada Lot PT 40446. Skop komponen bangunan dan kos adalah sama seperti yang telah dipersetujui dalam Makmal Pengurusan Nilai yang telah diadakan pada 21 hingga 28 Januari 2011.</p>	
<b>7.5.1.1.d</b>	<p>Hasil analisis Audit mendapati antara perkara yang dipersetujui selepas analisis Makmal Pengurusan Nilai yang telah diambil tindakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek ini telah mengambil kira hasil makmal pengurusan nilai selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan setiap projek adalah mencapai tahap nilai yang optimum iaitu <i>best value for money</i>.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Namun begitu, isu laluan <i>taxiway</i> melalui dua alternatif yang dicadang masih belum diselesaikan setakat tarikh pengauditan.</p>	
<p><b>7.5.1.2</b></p>	<p><b>Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan projek ini pada 17 Februari 2015. Namun, kontraktor tersebut telah diluluskan 2 lanjutan masa/<i>Extension of Time</i> selama 304 hari iaitu sehingga 18 Disember 2015. Bagaimanapun, Perakuan Kerja Tidak Siap/ <i>Certificate Of Non-Completion</i> (CNC) telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 18 Disember 2015 kerana kontraktor ini belum memperoleh <i>Certificate of Completion and Compliance</i> (CCC) pada tarikh tersebut. Kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah 99%.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor telah gagal menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Tempoh menyiapkan projek ini sepatutnya boleh dipercepatkan sekiranya penentuan jajaran yang patut dilalui dibuat dengan lebih awal.</p> <p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Pihak kontraktor telah mendapatkan CCC pada 8 Mac 2016 manakala Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan bagi projek ini pada 8 Mac 2016.</i></p> <p><u><i>Punca EOT No.1</i></u></p> <p><i>Pembinaan jalan masuk adalah di luar skop kontrak asal projek ini. Manakala peruntukan sejumlah RM800 ribu yang diluluskan semasa peringkat Value Management adalah bagi kerja-kerja menaik taraf jalan masuk sedia ada. Laluan paip air luaran adalah berpandukan jajaran jalan asal sepertimana termaktub dalam kontrak. Jalan asal merupakan jalan sub-standard yang dijadikan sebagai jalan sementara. Ianya terletak di atas tanah pajakan MARA daripada MAHB. Sebahagian daripada jajaran jalan tersebut berada di atas tanah rizab Sungai Damansara. Manakala sebahagian kecilnya turut memasuki sempadan tanah milik Jabatan Perhutanan. Semasa Mesyuarat Tapak Bil. 4/2014 bertarikh 15 Julai 2013, JKR telah mencadangkan kepada pihak MARA agar jalan baru dibina atas faktor keselamatan kakitangan dan pelajar Kampus UniKL-MIAT, Subang. Perubahan jalan masuk turut memberi kesan kepada kerja-kerja pembinaan paip air luaran kerana laluan paip air tersebut perlu dibina selari dengan jalan masuk ke kampus. Bagi</i></p>	<p>Pihak kontraktor telah mendapatkan CCC pada 29 Februari 2016 manakala Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan bagi projek ini pada 8 Mac 2016. Penyerahan kepada pihak pelanggan dijangka 17 Mei 2016.</p>





Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>membolehkan jalan baru dibina, MARA perlu mendapatkan peruntukan sejumlah RM4.8 juta. Sementara itu, kajian serta reka bentuk awalan terhadap jajaran jalan baru turut dijalankan dalam tempoh kontrak ini. Semakan juga mendapati jajaran jalan baru telah tersedia dalam pelan pembangunan Malaysia Airports Sdn. Bhd. (MASB). Kerja-kerja pembinaan paip air luaran sepatutnya bermula pada 12 Mei 2014. Walau bagaimanapun, kerja berkenaan telah tertangguh kerana laluan paip bekalan air masih belum dimuktamadkan dan peruntukan pembinaan jalan masuk masih belum diperolehi. Keputusan telah dibuat oleh JKR berdasarkan mesyuarat bertarikh 13 Ogos 2014 dan 14 Ogos 2014 bahawa laluan paip air adalah melalui jalan asal. EOT No.1 (17 Feb 2015 - 3 Julai 2015) sebanyak 136 hari telah dikemukakan atas kelewatan memuktamadkan laluan paip air luaran.</i></p> <p><u><i>Punca EOT No. 2</i></u></p> <p><i>Arahan pembinaan jalan masuk akhirnya dikeluarkan oleh MARA kepada JKR melalui surat bertarikh 10 November 2014 setelah peruntukan disahkan. Semasa Mesyuarat Tapak Bil. 11/2014 bertarikh 24 November 2014, Pengarah Projek telah mengarahkan agar pembinaan jalan baru dilaksanakan dan laluan paip bekalan air adalah berpandukan jajaran jalan baru tersebut. Sewaktu dalam tempoh EOT No.1, pihak kontraktor hanya dapat menyiapkan 60% kerja-kerja pemasangan paip air luaran melalui jajaran jalan baru. Sementara baki 40% kerja pembinaan paip air luaran terpaksa dilaksanakan dalam fasa pembinaan jalan baru setelah mengambil kira tatacara pembinaan yang optimum dari segi masa dan kos akibat perubahan jalan terbabit. Reka bentuk jalan baru telah dilaksanakan berpandukan pelan pembangunan MASB. Beberapa siri perbincangan diadakan bagi menambah baik pelan berkenaan. Pembinaan jalan masuk turut melibatkan jajaran paip air, oleh itu jadual kerja pemasangan paip turut terjejas. EOT No. 2 (3 Julai 2015 hingga 18 Disember 2015) sebanyak 168 hari dikemukakan bagi menyiapkan baki kerja paip air luaran dan pembinaan jalan masuk utama.</i></p> <p><i>Maklum Balas Yang Diterima Daripada MARA Pada 25 Mac 2016</i></p> <p><i>MARA mengambil maklum atas kelewatan dalam menyiapkan projek ini dan sentiasa berusaha dalam memastikan perkara ini tidak berulang dengan membuat perancangan dengan lebih teliti.</i></p>	


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.3.a	<p><b>Pembinaan Taxiway</b></p> <p>Mengikut <i>Project Brief, Need Statement</i> dan <i>Schedule of Accommodation</i> yang disediakan untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Siling Projek dan Jawatankuasa Kecil Piawai dan Kos, Unit Perancang Ekonomi (JKPK UPE), UniKL MIAT yang sedia ada mempunyai bengkel dan hangar yang boleh menampung latihan penyenggaraan pesawat tetapi tidak mempunyai akses kepada pesawat hidup (<i>live aircraft</i>) kerana ia terasing dari mana-mana lapangan terbang serta tidak mempunyai landasan terbang sendiri.</p>	<p>Surat pengesahan semula telah dirujuk oleh MARA kepada Kementerian Kewangan berkenaan perantikan kontraktor Nadi Cergas memandangkan skop tapak <i>taxiway</i> telah berubah ke tapak baru.</p>
7.5.1.3.b	<p>Malaysian Industrial Group in High Technology (MiGHT) telah mengunjurkan keperluan seramai 10,000 orang tenaga kerja terlatih serta bertauliah untuk industri Aeroangkasa menjelang tahun 2015. Pelan strategik negara <i>National Aerospace Blueprint</i> bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara aeroangkasa. Sehubungan dengan itu, UniKL MIAT Subang yang asalnya dicadangkan untuk menampung seramai 3,000 orang pelajar dapat melahirkan graduan-graduan yang akan mempunyai pengalaman membuat latihan amali penyenggaraan terhadap <i>live aircraft</i>. Pengalaman ini merupakan elemen yang paling penting sekali dalam mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana ia memberi gambaran sebenar terhadap dunia penyenggaraan pesawat dan pada masa yang sama akan meningkatkan tahap profesional pelajar.</p>	
7.5.1.3.c	<p>Semakan Audit mendapati skop asal untuk pembinaan <i>taxiway</i> telah dikeluarkan dari kontrak projek ini kerana tapak untuk pembinaan <i>taxiway</i> masih belum dimuktamadkan sehingga hari ini walaupun sesi perbincangan bagi menyelesaikan isu ini telah beberapa kali diadakan sejak tahun 2011. Kos pengambilan tanah sekeliling untuk pembinaan <i>taxiway</i> adalah terlalu tinggi. Pihak MARA merancang untuk berkongsi <i>taxiway</i> dengan Hangar 4 milik pihak Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang berdekatan. Namun, persetujuan daripada pihak MAB masih belum diperoleh.</p>	
7.5.1.3.d	<p>Keadaan ini berlaku akibat daripada perpindahan tapak pembinaan. Tapak asal pembinaan adalah di Lot 1210 yang akan dipajak kecil oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Terdapat dua parcel, iaitu Parcel A yang seluas 20 ekar dan Parcel B yang seluas 30 ekar. Laluan <i>taxiway</i> berdekatan yang sedia ada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah akan dikongsi bersama untuk projek pembinaan ini. Bagaimanapun, Mesyuarat Majlis Ekonomi Bil. 7 Tahun 2011 bertarikh 14 Februari 2011 meluluskan pemindahan hak milik tanah Pangkalan Udara Kuala Lumpur, Sungai Besi yang diduduki oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis</p>	






Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Diraja Malaysia (PDRM), Tentera Darat Diraja Malaysia (TDM) dan Royal Selangor Flying Club kepada Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Mesyuarat juga memutuskan Parcel A akan diserahkan kepada PDRM dan projek UniKL-MIAT dipindahkan ke tanah milik Syarikat Sapura.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelesaian isu <i>taxiway</i> tidak ditangani dengan cekap dan berkesan oleh Kerajaan di mana setelah hampir 5 tahun mengadakan perbincangan mengenainya, tiada keputusan yang konkrit untuk penyelesaian. Sekiranya <i>taxiway</i> tidak dapat dibina, para pelajar tidak dapat pengalaman latihan amali penyenggaraan terhadap pesawat hidup (live aircraft). Fungsi Kampus UniKL MIAT Subang akan sama seperti Kampus UniKL MIAT yang sedia ada tanpa <i>added value</i>. Isu perolehan tanah untuk pembinaan <i>taxiway</i> ini adalah amat kritikal dan harus diselesaikan dengan secepat mungkin.</p> <p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Merujuk surat dari MARA bertarikh 11 Mac 2016, MARA telah mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan untuk melantik kontraktor yang sama iaitu Nadi Cergas Sdn. Bhd. secara rundingan terus dengan kaedah pelaksanaan Reka dan Bina. Pihak MARA bersetuju dengan cadangan pembinaan apron tambahan iaitu apron MIAT bersambungan dengan sempadan apron Hangar 4 milik MAB/Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan JKR dilantik bagi menguruskan pembinaan apron tambahan ini.</i></p> <p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada MARA Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Bagi mengatasi masalah dalam kemudahan taxiway ini, MARA telah mengadakan perbincangan dengan pihak Khazanah Nasional Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bagi mendapatkan kebenaran masuk dan penggunaan laluan pesawat. Mesyuarat bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang diadakan pada 8 Januari 2016 dan Mesyuarat pada 19 Januari 2016 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) telah memberi kebenaran kepada MARA untuk menggunakan taxiway sedia ada yang digunakan oleh MAB sebelum ini dan apron Hangar 4 milik MAB tersebut. Permohonan kebenaran masuk dan penggunaan laluan tersebut telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) pada 28 Januari 2016. Pihak PTP telah menyatakan tiada halangan untuk memberi kebenaran kepada MARA untuk menggunakan taxiway sedia ada. Walau</i></p>	





Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kebenaran diberikan oleh Khazanah, MAHB dan PNSB. MARA telah berusaha dalam memastikan isu perolehan tanah untuk pembinaan taxiway ini diperolehi dengan pihak berkenaan iaitu dengan menulis surat memohon kebenaran laluan kepada Khazanah, MAHB dan PNSB. Mesyuarat antara MARA bersama Khazanah dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) pada 22 Mac 2016 telah membincangkan perkara akses kepada hangar MIAT. Mesyuarat bersetuju untuk membantu MARA dalam rundingan bersama PNSB bagi mendapatkan kebenaran laluan di atas tanah milik PNSB seterusnya menyediakan akses ke Hangar MIAT tersebut. MARA telah membuat rayuan kepada MRCB dan Khazanah untuk laluan sementara taxiway melalui Hangar 4. Ini bertujuan untuk membolehkan kampus UniKL-MIAT Subang ini digunakan dengan kadar segera. Susulan yang dibuat dengan PNSB mendapati mereka sedang menyediakan opsyen kepada MARA mengenai penggunaan taxiway dan tanah PNSB. Memandangkan kemasukan pelajar dijangka pada bulan Julai 2016, pihak MARA akan membuat pelan jangka pendek dengan membenarkan pelajar menggunakan kemudahan pembelajaran live aircraft di Asia AeroTechnics Sdn. Bhd. (AAT). AAT merupakan anak syarikat milik penuh MARA.</i></p>	
<p><b>7.5.3.b</b></p>	<p><b>Pelantikan Kontraktor</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Rundingan Harga tidak dibuat dalam masa yang ditetapkan seperti yang dikehendaki oleh Surat Arahan Perbendaharaan. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 29 Jun 2007 telah bersetuju untuk melantik Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. sebagai kontraktor secara rundingan terus untuk melaksanakan projek mengikut kaedah Reka dan Bina. Namun, Surat Niat dan Surat Setuju Terima tidak dikeluarkan kerana projek ini tergendala disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak baik.</p>	<p>Sebagai penambahbaikan oleh Kementerian Kewangan, tiada lagi tempoh untuk memuktamadkan rundingan harga ditetapkan rujuk kepada 1PP PK 7.14 – Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus yang berkuatkuasa pada 3 Julai 2014.</p>
<p><b>7.5.3.c</b></p>	<p>Lanjutan daripada itu, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 12 Mei 2011 telah mengesahkan bahawa kelulusan pelantikan Syarikat Nadi Cergas Sdn. Bhd. sebagai kontraktor dikekalkan. Surat Niat telah dikeluarkan oleh JKR kepada kontraktor pada 15 Ogos 2011. Rundingan Harga telah lewat dimuktamadkan selama 229 hari, iaitu pada 27 September 2012. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 7 Februari 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses memuktamadkan rundingan harga yang kurang cekap telah melambatkan pelaksanaan projek pembinaan.</p>	







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Kelewatan rundingan harga adalah disebabkan oleh proses memuktamadkan reka bentuk dengan pihak MARA dan penutupan Non-Compliance Report (NCR) oleh Kontraktor yang memakan tempoh selama 7 bulan. Disebabkan perubahan kepada tapak projek, skop dan peruntukan oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Kementerian Kewangan bertarikh 22 April 2011, dokumen pra-bida dikemukakan kepada kontraktor iaitu pada 24 Oktober 2011 dan cadangan kontraktor dikemukakan pada 17 Januari 2012. Laporan Penilaian Teknikal oleh semua Head of Design Team (HODT) JKR dan penyerahan NCR kepada kontraktor pada 2 Februari 2012. Reka bentuk telah dipersetujui oleh MARA untuk dijadikan asas rundingan harga pada 18 Julai 2012 dan rundingan harga dimuktamadkan pada 27 September 2012.</i></p> <p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada MARA Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>MARA mengambil maklum perkara ini dan berusaha dalam memastikan perkara ini tidak berulang lagi dengan membuat perancangan dengan lebih teliti.</i></p>	
7.5.5.1	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Reka Bentuk Pembinaan Yang Kurang Sesuai - Pentadbiran Kontrak</b></p> <p>Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit ke tapak pembinaan pada 23 Oktober 2015 mendapati reka bentuk yang kurang sesuai di mana terdapat halangan tiang pada pintu masuk utama ke kaunter pertanyaan. Terdapat juga kedudukan paip air yang kurang sesuai di mana tiada saluran ke longkang disediakan yang mengakibatkan air melimpah ke lantai. Selain itu, terdapat juga bukaan pintu yang tidak sesuai di laluan kafeteria dan laluan kenderaan di mana ia menghalang laluan dan juga membahayakan pejalan kaki di laluan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Kedudukan tiang pada lokasi tersebut merupakan keperluan teknikal dengan mengambil kira amalan piawai kejuruteraan dan kriteria reka bentuk yang perlu dipatuhi. Bagaimanapun, penambahbaikan dari aspek seni bina terhadap tiang tersebut telah dilaksanakan dengan menjadikan tiang tersebut sebagai featured column. Paip air pada tiang yang tiada salur pengaliran</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di peranggan 7.5.5.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>keluar air yang sesuai telah ditanggalkan. Arah bukaan pintu direka bentuk untuk mematuhi peraturan Bomba dan Uniform Building By Law.</i></p>	
<p><b>7.5.5.2</b></p>	<p><b>Kualiti Kerja Kurang Memuaskan</b></p> <p>Lawatan Audit di tapak juga mendapati kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan seperti keretakan pada dinding dan lantai. Terdapat juga kesan resapan air pada dinding dan siling yang perlu diselesaikan oleh pihak kontraktor. Pembinaan pintu juga kurang memuaskan di mana terdapat kerangka pintu yang senget yang perlu diperbetulkan. Selain itu, lawatan Audit mendapati kedudukan penutup lurang yang tidak sekata dengan aras permukaan jalan. Ini akan mengakibatkan air bertakung.</p> <p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Semua kecacatan yang dibangkitkan telah dimasukkan dalam senarai kecacatan projek. Kerja pembaikan sedang dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh 8 Mac 2016 sehingga 8 Mac 2018.</i></p>	<p>Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut bermula pada 08-03-2016 dan akan berakhir pada 08-03-2018</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><u>Sebelum</u></p>  </div> <div style="text-align: center;"> <p><u>Selepas</u></p>  </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 10px;">   </div> <p style="text-align: center;"><i>Blok Akademik &amp; Pentadbiran</i></p> <p><i>- Kebocoran pada gutter yang mengakibatkan kesan kulat pada laluan pejalan kaki telah dibaiki</i></p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		 <p data-bbox="1435 991 1845 1050"><i>Makmal Komputer 2</i> <i>- Keretakan pada dinding telah dibaiki</i></p>







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;">  </div> <p style="text-align: center;"><i>Surau</i> - Kesan resapan air pada dinding surau telah dibaiki</p> <div style="display: grid; grid-template-columns: 1fr 1fr; gap: 10px;">     </div> <p style="text-align: center;"><i>Infra</i> - Kerja pembinaan bebendul pagar konkrit yang kurang memuaskan telah dibaiki</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; flex-wrap: wrap; justify-content: space-around;">     </div> <p style="text-align: center;"><i>Infra</i> - Penutup lurang tidak sekata dengan permukaan jalan telah diratakan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p style="text-align: center;"><i>Blok Hangar &amp; Bengkel</i> - Kesan air pada permukaan dinding telah dibaiki</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p style="text-align: center;"><i>Blok Akademik &amp; Pentadbiran</i> - Kesan resapan air pada dinding telah dibaiki</p>
7.5.5.3	<p><b>Kerja Elektrikal Yang Kurang Sempurna</b></p> <p>Kerja elektrikal adalah kerja yang antaranya melibatkan sistem voltan tinggi, sistem voltan rendah, sistem siaraya, sistem telekomunikasi dan sistem ICT. Lawatan Audit mendapati beberapa komponen peralatan elektrik yang tidak dipasang dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi seperti sistem pbumian, peralatan pendawaian dan penggunaan bahan yang tidak sesuai.</p> <p>Pada pendapat Audit, terdapat sebahagian daripada kerja pembinaan masih kurang memuaskan dari segi reka bentuk dan kualiti pembinaan. Ia boleh menyebabkan kemudahan yang dibina tidak dapat berfungsi dengan baik, menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan serta tidak menjamin keselamatan pengguna.</p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Semua kecacatan yang dibangkitkan telah dimasukkan dalam senarai kecacatan. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kesemua kecacatan dibaik pulih sepenuhnya dalam tempoh kecacatan projek. Mesyuarat Pemantauan Kecacatan Projek akan dilaksanakan secara berkala bagi memantau kemajuan kerja-kerja rektifikasi kecacatan yang direkodkan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh 8 Mac 2016 sehingga 8 Mac 2018.</i></p>	<p style="text-align: center;"><u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran</u></p> <p>- Penyambungan pada <i>earth electrode</i> telah dibaiki</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">  </div> <p style="text-align: center;"><u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran</u></p> <p>Notis BAHAYA dan DILARANG MASUK telah dilekatkan</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">  </div> <p style="text-align: center;"><u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Tangki Air)</u></p> <p>- Tanda air masuk dan keluar telah dilabelkan pada paip</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;">  </div> <p style="text-align: center;"> <u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Bilik <i>Distribution Board</i>)</u>  - <i>Junction box</i> bertutup </p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;">  </div> <p style="text-align: center;"> <u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Bilik <i>Distribution Board</i>)</u>  - <i>Junction box</i> jenis 2 way telah dipasang </p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p style="text-align: center;"> <u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Bilik <i>Distribution Board</i>)</u>  - <i>Copper bridge</i> telah dipasang pada setiap sambungan antara <i>trunking</i> </p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p style="text-align: center;"> <u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Bilik Juruteknik)</u>  - Pelapik getah telah dipasang </p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p data-bbox="1330 288 1946 341"><u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Bilik Riser Elektrik)</u> - Litar skematik telah dilekatkan di <i>distribution board</i> (DB).</p> <div data-bbox="1234 368 2045 660">  </div> <p data-bbox="1330 691 1946 743"><u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Drying Room)</u> - <i>Copper bush</i> telah dipasang di antara konduit dan soket</p> <div data-bbox="1234 770 2045 1062">  </div> <p data-bbox="1196 1093 2051 1145"><u>Blok Akademik &amp; Pentadbiran (Avionic Holding)</u> - Litar skematik telah dilekatkan di DB dan telah diwarnakan dengan warna oren.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1243 288 1637 579" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1648 288 2042 579" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1451 608 1832 635"><u>Blok Hanger (Bilik Avionic Holding)</u></p> <p data-bbox="1196 635 1966 662">- <i>Copper bridge</i> telah dipasang pada setiap sambungan antara <i>trunking</i>.</p> <div data-bbox="1225 691 1659 981" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1671 691 2056 981" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1473 1010 1809 1037"><u>Blok Hangar (Bilik Chiller Plant)</u></p> <p data-bbox="1442 1037 1841 1064">- Papan tanda nama telah diletakkan</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA / JABATAN KERJA RAYA**

**Perenggan 8 : Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban-PD-FR5 di Pasir Panjang Dan Menaiktaraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.2.c	<p><b>Pelantikan Kontraktor - Kontrak Kedua</b></p> <p>Projek ini masih gagal disiapkan selepas peluang kedua diberi kepada kontraktor HBA-JV dengan satu lanjutan masa diberikan sehingga 21 Mac 2013. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 9 Mei 2013 dengan kemajuan kerja sebanyak 69.2%. Berdasarkan draf perakuan kos penamatan yang disediakan mengikut terma-terma kontrak pertama dan kontrak kedua, Kerajaan telah menanggung kerugian sejumlah RM21.03 juta atas kegagalan kontraktor melaksanakan projek yang diberikan. Kerajaan dalam proses menuntut bayaran daripada kontraktor dan ia masih dalam proses mendapat pandangan Penasihat Undang-undang (PUU) KKR.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelantikan semula kontraktor yang sama adalah tidak wajar kerana ia tidak menepati ulasan dan keputusan oleh Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) JKR, khususnya prestasi kemajuan kerja kontraktor yang tidak memuaskan. Pelantikan kali kedua bagi kontraktor yang sama juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian iaitu sejumlah RM21.03 juta.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016 (Pinda ikut CL)</p> <p><i>Pelantikan kontraktor yang sama untuk kali kedua adalah mengikut surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia kepada Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia bertarikh 14 April 2011. Berdasarkan Rayuan kontraktor yang dikemukakan kepada Menteri Kewangan pada 19 Januari 2011. Melalui surat Kementerian Kewangan bertarikh 30 November 2010, rayuan Kontraktor melalui surat bertarikh 14 Jun 2010 untuk menyiapkan baki kerja tidak diluluskan dan pelaksanaan projek adalah secara terhad dan senarai kontraktor diputuskan oleh Jawatankuasa Projek Sakit. Terdapat 6 siri mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) bagi projek ini yang telah dipengerusikan oleh KSU, KKR. Keputusan daripada siri mesyuarat tersebut</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 8.5.1.2.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebanyak 12 kontraktor disenaraikan untuk tender terhad. Bagaimanapun keputusan JKPS untuk menyenaraikan 12 kontraktor telah dibatalkan dalam mesyuarat siri ke 6 setelah mendapat surat kelulusan MOF. Sehubungan dengan itu pihak JKR akur dengan keputusan Kementerian Kewangan dan harga kontrak ke-2 adalah berdasarkan baki kerja sebagaimana Kontrak 1 dan SST kontrak ke-2 dikeluarkan pada 10 November 2011.</p> <p>Penyata Akaun untuk Kontrak 1 telah dihantar ke PUU untuk tindakan pada 12 Oktober 2015. Maklum balas PUU adalah pihaknya sedang menunggu tarikh mahkamah bersidang oleh kerana kontraktor mengemukakan saman balas (wrongful termination) dan mahkamah telah memutuskan konsolidasi kes dibenarkan.</p>	
8.5.2.1.a	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, kontraktor pertama iaitu HBA-JV perlu menyiapkan projek ini pada 12 Ogos 2007 dan kontraktor tersebut telah diluluskan 3 lanjutan masa/<i>Extension Of Time</i> (EOT) iaitu selama 842 hari sehingga 1 Disember 2009. Kontraktor ini telah gagal menyiapkan projek walaupun JKR telah mengeluarkan sebanyak 8 surat peringatan sehingga kontrak ditamatkan pada 23 Disember 2009. Kemajuan kerja pada tarikh tersebut adalah 65.6%. Tarikh siap kerja bagi kontrak kedua pula ialah pada 21 November 2011 dan kontraktor telah diluluskan satu EOT selama 120 hari sehingga 21 Mac 2013. Bagaimanapun, kontrak ini telah ditamatkan pada 9 Mei 2013 dengan hanya 3.6% peningkatan dalam kemajuan kerja kepada 69.2%. Bagi kontrak ketiga, tarikh siap asal projek ialah pada 27 April 2015 dan telah diberi satu EOT selama 245 hari sehingga 28 Disember 2015. Perakuan Siap Kerja/<i>Certificate Practical Completion</i> (CPC) telah dikeluarkan pada tarikh siap kerja semasa iaitu 28 Disember 2015.</p>	Projek Telah siap pada 28 Disember 2015.
8.5.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati antara sebab EOT adalah kelewatan pengambilan balik tanah, kelewatan pengalihan kerja utiliti, melaksanakan kerja pembaikan Jambatan Sungai Menyala dan cuaca yang buruk.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian fizikal projek tidak memuaskan kerana kerja bagi kontrak pertama dan kedua telah gagal disiapkan menyebabkan keseluruhan projek mengambil masa yang lama untuk disiapkan sehingga melebihi tempoh 10 tahun dan berlaku peningkatan kos sejumlah RM21.03 juta.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016</p> <p><u>Punca EOT Bagi Kontrak 1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terdapat kelewatan dalam pengambilan tanah untuk projek ini termasuklah pengambilalihan tanah LOT 415 (Junction 2) dan kawasan Lot 415 diserahkan sepenuhnya kepada kontraktor pada 22 Oktober 2007. Kelewatan pengambilan tanah bermula daripada EOT No. 1 hingga EOT No. 2.</li> <li>ii. Bagi lanjutan masa yang diluluskan untuk EOT No. 3, terdapat sebahagian Lot 415 yang belum diserahkan, kelewatan pengalihan utiliti Telekom, TNB serta pengalihan paip air dan peningkatan harga bahan-bahan binaan (SPP3/2008).</li> <li>iii. Sehubungan dengan itu, pengurusan EOT adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan. EOT yang dibenarkan kepada kontraktor adalah munasabah. KPTG memaklumkan borang H akan dikeluarkan pada 18 September 2007, bagaimanapun kawasan ini hanya diserahkan sepenuhnya kepada kontraktor pada 22 Oktober 2007, Borang K-Akta Pengambilan Tanah 1960.</li> <li>iv. Pengalihan utiliti melibatkan TNB dan TM yang melewati kerja-kerja penurapan jalan (pavement works) daripada 1 Julai 2008 sehingga 1 Februari 2009 di mana ianya adalah tarikh TNB dijadualkan memulakan kerja peralihan.</li> </ul> <p><u>Punca EOT Bagi Kontrak 2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cuaca buruk (exceptionally inclement weather) - Berdasarkan kepada data hujan dalam tempoh kontrak dari 22 November 2011 hingga 14 November 2012 adalah selama 62.5 hari mengikut rekod buku harian tapak. Hasil semakan berdasarkan rekod-rekod Jabatan Meteorologi Malaysia untuk 5 tahun berturut-turut didapati purata hujan 1 tahun adalah 185.04 hari. Oleh itu, EOT selama 62 hari adalah munasabah diluluskan.</li> <li>ii. Kerosakan cerun - Kerosakan cerun di Arterial A (CH1800 – 1900) yang teruk telah menyebabkan kerja-kerja di tapak terhenti pada 20 April 2012. Kerja-kerja yang terjejas akibat kerosakan cerun tersebut adalah kerja pembinaan perparitan, pembinaan subbase dan roadbase yang tidak</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dapat dilaksanakan mengikut jadual perancangan asal (CPM). Kerja-kerja membaiki pulih cerun jalan di Pengkalan Kempas tersebut terpaksa dilakukan di luar tempoh kontrak yang tamat pada 21 November 2012 yang menyebabkan kelewatan penyediaan projek selama 58 hari.</i></p> <p><u>Punca EOT Bagi Kontrak 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Penghujung tahun 2014 iaitu bulan November dan Disember kawasan Port Dickson telah mengalami cuaca hujan lebat yang mana telah mengganggu kerja-kerja pembinaan jalan terutama sekali kerja premix. Kerja premix hanya boleh dilaksanakan apabila permukaan road base betul-betul kering.</i></li> <li><i>ii. Terdapat kerja-kerja pembinaan semula yang terpaksa dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Pembinaan semula perlu dibuat dengan membetulkan level mengikut reka bentuk sebenar dan pembinaan road base mengikut reka bentuk dan spesifikasi jalan sebenar.</i></li> <li><i>iii. Pembaikan jambatan perlu dilaksanakan kerana terdapat kegagalan yang telah ditemui semasa pemeriksaan di tapak dibuat sebelum kerja-kerja pembinaan jalan diteruskan.</i></li> </ul>	
8.5.4.5	<p><b>Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor</b></p> <p>Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya di perenggan 12.1.3, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor hendaklah dibuat sebaik sahaja kontraktor baru dilantik. Semakan Audit mendapati Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor bagi kontraktor HBA-JV masih belum dikeluarkan sehingga <i>Exit Conference</i> bersama pihak KKR dan JKR dijalankan iaitu pada 16 Februari 2016 sedangkan kontraktor penyelamat telah dilantik pada 27 Mac 2014. Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor kali pertama telah dikeluarkan pada 23 Disember 2009 dan notis yang sama bagi kali kedua pada 9 Mei 2013 kepada kontraktor yang sama.</p> <p>Pada pendapat Audit, Perakuan Muktamad Kontrak tidak disediakan dengan segera mengakibatkan tuntutan kerugian Kerajaan daripada kontraktor asal tidak boleh dituntut dengan lebih awal.</p>	<p>Perakuan Kos Penamatan Kontrak No.2 telah disediakan dan telah dikemukakan ke Bahagian Kontrak &amp; Ukur Bahan, Cawangan Jalan pada 25 April 2016 untuk tindakan selanjutnya.</p>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016</p> <p><i>Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor untuk Kontrak No. 1 telah dihantar ke PUU KKR untuk tindakan pada 12 Oktober 2015. Pihak PUU KKR sedang menunggu tarikh mahkamah bersidang oleh kerana kontraktor mengemukakan saman balas (wrongful termination) dan mahkamah telah memutuskan konsolidasi kes dibenarkan.</i></p> <p><i>Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor ke atas Kontrak No. 2 tidak boleh disediakan sehingga Senarai Kuantiti (BQ) Kontrak No. 3 bagi item kerja penyiapan baki kerja yang terbengkalai oleh Kontrak No. 2 dan kerja membaiki kerosakan ke atas kerja yang telah dilaksanakan di bawah oleh Kerja Kontrak No. 2 dimuktamadkan. Ini kerana item tersebut disediakan berdasarkan Anggaran Kuantiti Sementara (Provisional Quantities) serta terdapat kerja-kerja pembaikan kecacatan yang perlu dibuat ke atas Kontrak No. 2. Kerja-kerja kecacatan tersebut tidak dapat dipastikan semasa penyediaan Dokumen Tender bagi Kontrak No. 3. Perakuan Muktamad Kontrak No. 2 yang ditamatkan masih dalam penyediaan bersama-sama dengan Perakuan Muktamad Kontrak No. 3. Tarikh siap sebenar Kontrak No. 3 adalah pada 28 Disember 2015.</i></p> <p><i>Pekeliling Bil. 8/2013 menyatakan kontrak yang ditamatkan kerja kontraktor dikeluarkan kepada kontraktor dan jika ada tuntutan hendaklah dituntut tidak lewat daripada 9 bulan selepas kontrak ditamatkan. Akta Kontrak menetapkan tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh 6 tahun daripada tarikh tuntutan sepatutnya dibuat.</i></p>	
8.5.5.1	<p><b>Pembinaan Struktur Jambatan Tidak Mengikut Lukisan Pembinaan</b></p> <p>Reka bentuk dan kualiti pembinaan merupakan aspek penting di dalam setiap projek pembinaan yang dilaksanakan. Pihak Audit mendapati dua aspek teknikal yang menunjukkan kualiti pembinaan yang kurang memuaskan kerana pembinaan struktur jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan.</p>	<p>Projek telah siap pada 28 Disember 2015 sebagaimana yang dijadualkan selepas EOT 1 dan kini dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga 27 Disember 2016. Semua kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.</p>
8.5.5.2	<p><b>Pembinaan Jalan</b></p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati masalah <i>relocation utilities</i> yang lewat menyebabkan kerja pepadatan lapisan struktur jalan tidak dilaksanakan mengikut kehendak spesifikasi boleh menyebabkan ketahanan struktur jalan terjejas. Selain itu, kaedah penyemburan <i>prime coat</i> juga tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang boleh menyebabkan <i>prime coat</i> tersebut tidak dapat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berfungsi sebagai pelekat <i>premix</i> dan lapisan kalis air di permukaan jalan dengan sepenuhnya. Terdapat juga pembinaan persimpangan yang tidak mengikut keperluan arahan teknik jalan iaitu pembahagi jalan dan lampu isyarat tidak dibina di kawasan tersebut. Keadaan ini boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya pada masa hadapan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan struktur jambatan tidak mengikut lukisan pembinaan yang ditetapkan. Selain itu, kualiti pembinaan jalan perlu dipertingkatkan lagi serta pembinaan persimpangan perlu mematuhi arahan teknik jalan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini seperti kemalangan dan kematian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Mac 2016</p> <p><i>Pembinaan struktur jambatan telah dibuat mengikut lukisan pembinaan yang ditetapkan di mana pembaikan telah dibuat terhadap bearing pad dan penambahbaikan terhadap dowel yang tidak dipasang sebelum ini. Pengalihan utiliti telah selesai dan pembinaan jalan telah diteruskan dan disiapkan tanpa sebarang masalah. Jabatan telah mempertingkatkan kualiti pembinaan jalan dengan melaksanakan semula kerja-kerja pemyemburan prime coat sebagaimana kehendak spesifikasi pembinaan jalan dengan keputusan rate off spraying antara 0.5-1 Litre/Sqm. Keputusan di lokasi tersebut menunjukkan 0.658 Litre/Sqm. Persimpangan tersebut tiada dalam reka bentuk asal pembinaan. Bagaimanapun pihak pasukan projek telah membuat penambahbaikan di tapak dengan pembinaan fizikal island dan pemasangan lampu jalan.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**Perenggan 9 : Pengurusan Projek Pembinaan Semula Kuarters Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.5.1.1.a</b></p>	<p><b>Prestasi Projek - Prestasi Fizikal</b></p> <p>Projek pembinaan semula kuarters JKM di RSK Bedong, Kedah dan RSK Tanjung Rambutan, Perak telah dibangunkan di tapak asal kuarters sedia ada dan melibatkan kerja pra pembinaan. Kos kerja pra pembinaan di RSK Bedong adalah berjumlah RM313,000. Kerja pra pembinaan ini telah siap sepenuhnya pada 30 November 2013 dengan kelulusan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 3 kali yang melibatkan masa tambahan sebanyak 139 hari. Manakala, kos kerja pra pembinaan di RSK Tanjung Rambutan adalah berjumlah RM163,000. Kerja pra pembinaan ini telah siap sepenuhnya tanpa EOT pada 29 Julai 2013.</p>	<p style="text-align: center;">Tarikh Perasmian : 21 April 2016</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p style="text-align: center;">Majlis Perasmian Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah</p>
<p><b>9.5.1.1.b</b></p>	<p>Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong, tarikh siap asal projek adalah pada 16 Mac 2015 iaitu selama 52 minggu. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tarikh siap asal projek ini telah dilanjutkan kepada 16 Jun 2015 dengan tempoh lanjutan masa selama 91 hari. Pelanjutan tersebut telah mengambil kira tempoh kelewatan di mana kemajuan kerja kontraktor telah terjejas disebabkan perbezaan kuantiti cerucuk <i>Micro Pile</i> di Senarai Kuantiti (BQ) dengan lukisan tender oleh pihak JKR.</p>	
<p><b>9.5.1.1.c</b></p>	<p>Bagi mengatasi masalah ini, kontraktor telah mencadangkan cerucuk <i>H - Pile</i> sebagai alternatif kepada <i>Micro Pile</i>. Di samping itu, kontraktor juga mencadangkan agar skop superstruktur juga menggunakan reka bentuk yang disediakan oleh kontraktor iaitu menggunakan <i>frame system</i> yang melibatkan sistem <i>reusable formwork</i>. Kontraktor memaklumkan dengan penggunaan reka bentuk superstruktur, kerja boleh dilaksanakan dengan segera tanpa pertambahan kos ke atas harga kontrak.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.1.d	<p>Pihak <i>Head Of Design Team</i> (HODT) Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur Dan Jambatan (CKASJ) di Ibu Pejabat JKR tiada halangan terhadap pertukaran tersebut tetapi perlu memastikan beban yang ditanggung memenuhi keperluan reka bentuk seni bina. Sehubungan itu, CKASJ telah menetapkan supaya Perjanjian Tambahan ditandatangani di antara Kerajaan dan kontraktor; cadangan teknikal memenuhi keperluan teknikal jabatan sepenuhnya; kerja substruktur dan superstruktur dilaksanakan secara reka dan bina oleh kontraktor sepenuhnya di mana kontraktor mengambil tanggungjawab ke atas liabiliti reka bentuk dan penyeliaan pembinaan; tiada pertambahan kos ke atas harga kontrak asal termasuk kos reka bentuk dan penyeliaan, kerugian dan perbelanjaan serta kerja awalan; tiada Perubahan Kerja (VO) ke atas lain-lain skop kerja terutamanya kerja seni bina dan mekanikal/elektrikal dan kontraktor perlu mengemukakan Jaminan Reka Bentuk mengikut syarat dan jumlah yang ditetapkan selaras dengan Klausa 22 (<i>Design</i>) dalam Syarat-Syarat Kontrak.</p>	
9.5.1.1.e	<p>Semakan Audit terhadap kerja projek pembinaan semula kuarters ini pada 16 Ogos 2015 mendapati kemajuan kerja sebenar di tapak adalah 97% yang mana selaras dengan kemajuan kerja mengikut jadual yang diluluskan. Kemajuan kerja sebenar di tapak ini adalah dengan kelulusan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 2 kali yang menyebabkan masa tambahan selama 110 hari.</p>	
9.5.1.1.f	<p>Bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan, tarikh siap asal projek adalah pada 27 April 2015 iaitu selama 52 minggu. Semakan Audit terhadap kerja projek pembinaan semula kuarters ini pada 7 September 2015 mendapati kemajuan kerja sebenar di tapak adalah 55% selaras dengan kemajuan kerja mengikut jadual yang diluluskan. Berdasarkan Minit Mesyuarat Tapak Ke-7 pada 3 Ogos 2015, pihak Audit juga mendapati kerja tidak dapat diteruskan kerana kelewatan penghantaran komponen IBS oleh pembekal. Kemajuan kerja sebenar di tapak ini adalah dengan kelulusan EOT sebanyak 2 kali yang menyebabkan tambahan masa selama 233 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal bagi kedua-dua projek ini adalah baik di mana peratus pencapaian sehingga tarikh pengauditan adalah selari dengan jadual kemajuan kerja yang diluluskan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p>	<p>Tempoh Membaiki Kecacatan (DLP) : 28 September 2016</p> <p>Kos Kontrak Semasa : RM 18,712,461.50</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Di RSK Bedong</u></p> <p>Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 28 September 2015 dan Majlis Penyerahan kepada wakil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 26 Oktober 2015.</p> <p>Cadangan reka bentuk baharu adalah kerana terdapat perbezaan jumlah cerucuk di senarai kuantiti dengan lukisan tender iaitu 446 points bernilai RM2,950,960. Cadangan reka bentuk baharu tersebut telah memberikan penjimatan kepada Kerajaan. Sekiranya menggunakan reka bentuk baharu seperti dalam Perjanjian Tambahan harga reka bentuk baharu adalah sebanyak RM1,414,037.50. Oleh itu, penjimatan adalah sebanyak RM2,780,942.50.</p> <p><u>Di RSK Tanjung Rambutan</u></p> <p>Satu lawatan tapak ke kilang pembekal IBS di Senawang telah diadakan oleh JKR Kinta dan JKR Perak pada 14 Februari 2015. Antara komitmen yang telah diberikan oleh pembekal IBS adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menjadualkan semula penghantaran IBS mengikut komponen yang berkaitan bagi membolehkannya dipasang di tapak. Ini dibuktikan dengan penghantaran yang kerap oleh pembekal IBS. Sebanyak 13 penghantaran telah dilakukan pada bulan Januari 2016.</li> <li>ii. Kontraktor telah mengemukakan jadual penghantaran IBS yang baharu.</li> </ol> <p>Bagi EOT1 terdapat penjimatan seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Penentuan platform level dipinda berdasarkan keadaan tapak dan melibatkan penjimatan kos tambak di tapak bina.</li> <li>ii. Terdapat pertukaran spun pile ke RC Pile dengan melibatkan penjimatan sebanyak RM1,281,693.</li> </ol> <p>Bagi EOT2 terdapat perubahan reka bentuk asas substruktur dan superstruktur kuarters Kelas G.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.1.a.i	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Pentadbiran Kontrak - Perjanjian Kontrak</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Manakala Borang Perjanjian Inden Kerja (J.K.R. 58-Pin. 3/2008) menetapkan kerja hendaklah dimulakan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Inden Kerja dikeluarkan. Semakan Audit terhadap pengurusan Borang Perjanjian Inden Kerja bagi RSK Bedong dan RSK Tanjung Rambutan mendapati kontraktor telah memulakan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan dan dokumen kontrak bagi projek pembinaan semula kedua-dua kuarters berkenaan juga telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.2.1.a.ii
9.5.2.1.a.ii	<p>Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Perjanjian Tambahan di RSK Bedong telah ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan kerana pihak JKR tidak menetapkan tempoh masa khusus bagi penyediaan Perjanjian Tambahan tersebut. Ini kerana didapati Perjanjian Tambahan tersebut telah ditandatangani pada 22 Februari 2015 iaitu selama 9 bulan 5 hari dari tarikh surat daripada Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB), Ibu Pejabat JKR bertarikh 19 Mei 2014 mengenai maklum balas cadangan pertukaran sistem cerucuk alternatif oleh kontraktor. Pihak Audit mendapati kontraktor tidak dapat melantik <i>Independent Checker</i> selagi Perjanjian Tambahan tidak ditandatangani.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Perjanjian Tambahan tidak mempunyai satu tempoh tertentu yang khusus ditetapkan oleh jabatan bagi tempoh penyediaannya tetapi perlu disediakan semasa kontrak masih berjalan.</i></p> <p><i>Perjanjian Tambahan ini telah ditandatangani dalam tempoh kontrak. Sebelum Perjanjian Tambahan ini ditandatangani, HODT Struktur perlu meneliti reka bentuk yang disyorkan oleh kontraktor bagi memastikan reka bentuk yang disyorkan oleh kontraktor adalah menguntungkan Kerajaan. Persetujuan kontraktor telah juga diperolehi untuk menandatangani perjanjian ini dan Independent Checker (IC) boleh dilantik selepas perjanjian ini ditandatangani.</i></p> <p><i>Perjanjian Tambahan ini dibuat untuk memudahkan urusan kontraktual kerana terdapat cadangan reka bentuk baru oleh kontraktor. Ia melibatkan persetujuan dari aspek reka bentuk dan kerja. Memandangkan terdapat</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>perkara/isu teknikal khusus berkaitan dengan kerja reka bentuk cerucuk 2 blok bangunan kuarters ini, Laporan IC diperlukan oleh PP untuk mengesahkan kebolehterimaan cadangan reka bentuk oleh perunding tersebut.</i></p>	
<p><b>9.5.2.1.b.iii</b></p>	<p><b>Penyediaan Kerja Awalan (Preliminaries)</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Penyediaan Kerja Awalan (Preliminaries) bagi projek pembinaan semula kuarters mendapati perkara seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekalan 2 buah kenderaan bagi <i>preliminaries</i> untuk projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong dan di RSK Tanjung Rambutan telah memperoleh kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) pada 26 Julai 2013. Bagi kenderaan yang telah diluluskan, adalah didapati sebuah kenderaan di RSK Bedong dan sebuah kenderaan di RSK Tanjung Rambutan tidak ditempatkan di tapak projek.</li> </ul> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><u>Di RSK Bedong</u></p> <p><i>Penempatan kenderaan tersebut telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) pada 26 Julai 2013 selaras Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 3 Tahun 2010. Justifikasi kenderaan ditempatkan di Pejabat CKE dan CKUB adalah kerana pejabat tersebut adalah sebahagian daripada pasukan bagi projek ini. Pegawai CKE, CKUB juga perlu menghadiri lawatan tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat projek bagi tujuan pemantauan untuk melancarkan lagi pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa.</i></p> <p><i>Sebagai penambahbaikan jabatan telah mengeluarkan surat peringatan daripada KPKR bertarikh 22 Disember 2015 berhubung Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Pengangkutan dan Kemudahan Peralatan Untuk Pengurusan Projek Melalui Kontrak Kerja.</i></p> <p><i>Kedua-dua kenderaan yang di tempat di Pejabat Selia Tapak &amp; CKE telah dipulangkan kepada pihak kontraktor.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.2.1.b.iii</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Di RSK Tanjung Rambutan</u></p> <p>Penempatan kenderaan tersebut telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) pada 26 Julai 2013 selaras dengan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) Bil. 3 Tahun 2010. Justifikasi kenderaan ditempatkan di Pejabat CKE dan CKUB adalah kerana pejabat tersebut adalah sebahagian daripada pasukan projek bagi pelaksanaan projek ini. Pegawai CKE dan CKUB juga perlu menghadiri lawatan tapak, mesyuarat teknikal dan mesyuarat berkaitan projek bagi tujuan pemantauan untuk melancarkan lagi pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa.</p>	
<p>9.5.2.1.b.iii</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan Audit terhadap kenderaan yang dibekalkan oleh kontraktor yang ditempatkan di JKR Daerah Kuala Muda dan Sik, JKR Daerah Kinta dan Cawangan Kejuruteraan Ukur Bahan Ibu Pejabat JKR Menara TIMA, WPKL mendapati hanya logo JKR yang dipaparkan tetapi nama pejabat PP tidak dipaparkan di kedua-dua pintu hadapan kenderaan. Manakala kenderaan yang dibekalkan oleh kontraktor yang ditempatkan di Cawangan Kejuruteraan Elektrik Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin WPKL, logo JKR dan nama pejabat PP tidak dipaparkan di pintu hadapan kenderaan.</li> </ul> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><u>Di RSK Bedong Dan Di RSK Tanjung Rambutan</u></p> <p>Memandangkan kenderaan adalah kepunyaan kontraktor dan teguran secara lisan telah diberikan, bagaimanapun tiada tindakan yang diambil oleh kontraktor. JKR ambil maklum perkara ini dan akan dibuat penambahbaikan pada masa akan datang. Bagi kenderaan projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan tindakan penambahbaikan telah diambil di mana kenderaan telah diletakkan nama Pejabat PP.</p>	<p>Perancangan terhadap perolehan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan yang dilaksanakan oleh JKR secara keseluruhannya adalah teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu Surat Arahan KPKR Bil.3 tahun 2010 dan 1PP PK 2/2013.</p> <p>Bahagian yang menyediakan dokumen tawaran tender telah memasukkan senarai perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan yang diperlukan berdasarkan kelayakan projek. Sekiranya kelulusan JKPMK sama dengan senarai dan kuantiti dipohon, maka pihak kontraktor akan diarahkan membekalkannya. PHK akan dibuat sekiranya didapati kuantiti yang diluluskan oleh JKPMK berbeza dengan kuantiti dalam kontrak.</p> <p>Bagi kenderaan / peralatan yang tidak diluluskan oleh JKPMK atau tidak dibekalkan, pelarasan harga kontrak (PHK kurangan) telah/akan dibuat dijangka selesai April 2016.</p> <p>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sebagai penambahbaikan bagi projek akan datang, surat peringatan KPKR bertarikh 22 Disember 2015 berkaitan Teguran Berulang LKAN dan Surat Peringatan Pemantauan Terhadap Penggunaan Kemudahan Pengangkutan telah dikeluarkan untuk mendapatkan kelulusan JKPMK dahulu sebelum dimasukkan ke dalam dokumen tender. Jabatan hendaklah memastikan semua peralatan/pengangkutan yang dibekalkan oleh kontraktor mendapat kelulusan JKPMK sebelum membuat sebarang bayaran termasuk bukti penerimaan &amp; pemulangan (jika berkaitan).</li> <li>Semasa penyerahan projek daripada HOPT kepada Pegawai Penguasa, surat penyerahan projek tersebut akan disertakan kelulusan JKPMK.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Surat Peringatan KPKR telah dikeluarkan pada 22 Disember 2015.
9.5.2.1.c.iv	<p><b>Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 2 EOT telah diluluskan bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Tanjung Rambutan. EOT 1 telah diluluskan oleh Pengarah JKR Negeri Perak yang dilantik sebagai PP dan EOT 2 juga telah dipatuhi sepenuhnya yang mana diluluskan oleh Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa (JKLM).</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><u>Di RSK Bedong</u></p> <p><i>Sebut harga pra pembinaan tidak tertakluk kepada syarat-syarat dalam kontrak kerana perolehan dilaksanakan secara berasingan melalui sebut harga. Had Kuasa Sebut harga bagi RM500,000 ke bawah Pegawai Penguasa adalah Jurutera Daerah. Dengan itu, kelulusan EOT adalah Jurutera Daerah selaku Pegawai Penguasa bagi kerja sebut harga.</i></p> <p><u>Di RSK Tanjung Rambutan</u></p> <p><i>Pegawai yang terlibat di dalam projek ini telah menjalankan tanggungjawab sebaiknya. Tetapi oleh kerana beban kerja semasa dan kekurangan kakitangan menyebabkan berlakunya punca kelewatan ini.</i></p> <p><i>Bagi EOT 1, Lukisan Pembinaan keseluruhan projek telah dihantar pada 25 April 2014 kecuali Lukisan Pembinaan Kuarters Kelas G. Lukisan Pembinaan Kuarters Kelas G bagi substructure telah dihantar pada 21 Mei 2014 disebabkan terdapat perubahan pada reka bentuk superstruktur kerana reka bentuk kuarters Kelas G menggunakan kaedah Wall System dan merupakan rekabentuk IBS dalaman bagi menggantikan system Registered Industrial System Provider (RISP). Oleh itu, reka bentuk itu perlu diverifikasi di peringkat Jabatan yang melibatkan pindaan bagi membolehkan kebolehkeraan ditapak secara efektif.</i></p> <p><i>Penentuan platform level dipinda berdasarkan keadaan tapak dan melibatkan penjimatan kos tambak dari aras 95m di lukisan kepada 93.5m di tapak bina.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di peranggan 9.5.2.1.c.iv

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pindaan platform level memerlukan kajian menyeluruh terhadap kerja civil.</i></p> <p><i>Pengalihan tiang elektrik adalah di luar kawalan JKR kerana melibatkan pihak TNB.</i></p> <p><i>Terdapat penjimatan pertukaran spun pile ke RC Pile.</i></p> <p><i>Tempoh yang diambil untuk pengesahan jenis asas Kuarters Kelas D sama ada menggunakan pad footing seperti dalam lukisan kontrak atau cerucuk konkrit seperti dalam BQ. Pengesahan semula syor asas diperlukan sebelum dapat disahkan reka bentuk substruktur. Terdapat penjimatan dengan pembinaan pad footing.</i></p> <p><i>Bagi EOT2 kelewatan berpunca daripada perubahan reka bentuk asas substruktur disebabkan terdapat perubahan pada reka bentuk superstruktur kuarters Kelas G.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan pentadbiran kontrak adalah memuaskan.</p>	
9.5.2.2.a	<p><b>Reka Bentuk Pembinaan - Reka Bentuk Awam Dan Struktur</b></p> <p>Reka bentuk pembinaan perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Pemeriksaan Audit bagi projek pembinaan semula kuarters di RSK Bedong mendapati 2 reka bentuk yang tidak sesuai.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Ruang antara lantai dan railing balkoni yang dibina agak luas di kuarters kelas D aras 1 banglo telah dibuat penambahbaikan dan ketinggian railing di kuarters kelas E/G telah ditambah ke 1,200mm dari aras lantai.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.2.2.a

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**Perenggan 10 : Projek Sambungan ERL Dari KLIA ke KLIA 2**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.1	<p><b>Prestasi Pengurusan Projek - Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Berdasarkan Kontrak yang ditandatangani pada 10 Oktober 2011, kerja pembinaan adalah selama 16 bulan bermula 15 Julai 2011 hingga 31 Oktober 2012. Namun begitu, terdapat dua kali pindaan terhadap tarikh siap projek iaitu yang terakhir pada 28 September 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun terdapat gangguan yang berpunca dari kelewatan kerja pengalihan utiliti dan kelewatan penyerahan kawasan ERL oleh pihak ketiga (seperti dalam jadual), projek berjaya disiapkan mengikut jadual pindaan. Manakala sasaran asal projek telah tercapai iaitu untuk memulakan operasi ERL selari dengan bermulanya operasi klia2 iaitu pada 2 Mei 2014.</p> <p>Maklum Balas ERLSB Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Kelewatan penyediaan keseluruhan Kompleks klia2 yang mana pada asalnya dijadualkan siap pada tahun 2012. Kelewatan tersebut menyebabkan kebenaran masuk dan penyerahan kawasan ERL oleh kontraktor menjadi lewat. ERLSB terpaksa memohon lanjutan masa dan menanggung kos tambahan. Bagaimanapun, ERLSB tidak menuntut sebarang perubahan kos (variation of cost) dan projek sambungan ERL dapat disiapkan selari dengan penyediaan Kompleks Terminal klia2 dan pembukaan operasi klia2.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.1.1
10.5.1.4.a	<p><b>Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna</b></p> <p>Bagi menilai tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan dan kemudahan ERL, sebanyak 141 borang soal selidik telah diedarkan di Terminal klia2 dan KLIA. Sebanyak 102 (72.3%) borang soal selidik telah dikembalikan. Antara aspek yang dinilai adalah kadar tambang yang dikenakan; kemudahan stesen seperti ruang legar, kaunter tiket, mesin tiket</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.1.4.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	elektronik dan kerusi menunggu; kemudahan tren seperti keselesaan, tempat duduk dan penyaman udara; ketepatan jadual masa tren; kekerapan tren; kebersihan serta tahap keselamatan stesen dan tren. Secara keseluruhan, soal selidik mendapati 52% responden berpendapat perkhidmatan ERL adalah baik, 44% berpendapat memuaskan dan 4% berpendapat tidak memuaskan.	
<b>10.5.1.4.b</b>	Hasil soal selidik juga mendapati 52.9% hingga 62.8% responden memberikan maklum balas yang baik mengenai kemudahan stesen, kemudahan tren, ketepatan masa perjalanan, kekerapan tren, kebersihan dan keselamatan tren manakala 46.1% responden berpendapat kadar tambang yang dikenakan adalah sekadar memuaskan. Sebanyak 12.8% responden berpendapat kadar tambang yang ditetapkan adalah tidak memuaskan dan 6.9% responden berpendapat kekerapan tren adalah tidak memuaskan.	
<b>10.5.1.4.c</b>	<p>Maklum balas responden juga mencadangkan beberapa perkara antaranya menambah kekerapan tren ketika waktu puncak, kadar tambang yang lebih murah, meningkatkan keselesaan di ruangan menunggu tren, menyediakan kemudahan pemegang bagi penumpang yang berdiri di dalam tren, mengasingkan kaunter perkhidmatan dan kaunter tiket.</p> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan ERL adalah baik kerana secara keseluruhannya pengguna perkhidmatan ERL berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan.</p> <p>Maklum Balas ERLSB Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2015</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pihak ERLSB tidak dapat meningkatkan kekerapan keretapi pada masa ini disebabkan bilangan set keretapi yang terhad. Bagaimanapun, ERLSB sedang dalam proses pembelian set keretapi yang baru. Set keretapi baru dijangka beroperasi pada awal tahun 2017 dan kekerapan tren dapat ditingkatkan.</li> <li>b. Kadar tambang adalah kadar yang diluluskan oleh Kerajaan. Kadar tambang perjalanan sehala adalah lebih rendah sekiranya ia dibeli melalui Kad Konsesi/Kad Perjalanan/Kad Bulanan dan sebagainya.</li> <li>c. ERLSB menyediakan ruang menunggu yang dilengkapi penyaman udara di stesen terminal dan akan memasang kipas angin di stesen perantara (intermediate stations). ERLSB juga telah meningkatkan kapasiti tempat duduk di setiap stesen sebagai langkah penambahbaikan dan penyediaan</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kemudahan yang lebih baik kepada penumpang.</i></p> <p>d. <i>Kedudukan susur tangan semasa adalah bersebelahan tempat duduk. ERLSB mengkaji semula reka bentuk tersebut dan meminta pembekal keretapi yang baru untuk mengambil kira susur tangan tambahan untuk keretapi yang baru. Oleh itu, keretapi yang baru akan dilengkapi dengan lebih susur tangan.</i></p> <p>e. <i>ERLSB telah menyediakan 4 kaunter tiket dan 3 kiosk layan diri di stesen ERL klia2. Sebagai tambahan, ERLSB mempunyai 2 kaunter tiket di balai ketibaan lapangan terbang.</i></p>	
<p><b>10.5.2.1.b</b></p>	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Peringkat Awal Projek Sambungan ERL</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, pada 14 Mac 2011, EC telah meluluskan Projek Sambungan ERL mengikut opsyen 1 dengan caj tambang dikenakan sebanyak RM2 antara KLIA ke klia2 dan kos pembinaan daripada peruntukan Kerajaan berjumlah RM100 juta. EC berpendapat, tempoh tambahan 30 tahun dalam opsyen 2 adalah terlalu lama. Kerajaan juga memberi kelulusan caj tambang sejumlah RM2 bagi mengambil kira kos penyenggaraan dan operasi yang ditanggung oleh ERLSB.</p>	<p>Merujuk kepada surat ERL kepada MOT, ERL-CEO-0171716-MOTgen-Igvjv bertarikh 17 February 2016.</p> <p>Tambang RM2 ini wajar dikenakan dengan mengambil kira justifikasi berikut:-</p> <p>a. Kerajaan pada tahun 2011 telah meluluskan penyambungan perkhidmatan ERL ke klia2 dengan syarat:-</p>
<p><b>10.5.2.1.c</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati, justifikasi RM2 yang ditentukan oleh ERLSB adalah berdasarkan kadar tambang bas dari Bangunan Terminal Utama, KLIA ke LCCT iaitu RM2.50. Sehubungan itu, ERLSB mencadangkan tambang permulaan sebanyak RM2 dikenakan kepada penumpang antara KLIA ke klia2 atau sebaliknya dan akan dinaikkan setiap 5 tahun. Bagaimanapun ianya tertakluk kepada Perjanjian Konsesi Tambahan yang masih belum dimuktamadkan.</p> <p>Maklum Balas ERLSB Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Tambang RM2 ini wajar dikenakan dengan mengambil kira justifikasi berikut:</i></p> <p>f. <i>tambang ini hanya dikenakan kepada penumpang baru dari KLIA ke klia2 atau klia2 ke KLIA. Tambang dari KL Sentral ke klia2 adalah kekal sama dengan tambang dari KLIA ke klia2; dan</i></p> <p>g. <i>tambang ini diperlukan untuk menampung sebahagian kos operasi dan penyenggaraan bagi jajaran ERL antara KLIA dan klia2.</i></p>	<p>1. Tambang dari KL Sentral Ke KLIA atau klia2 adalah sama</p> <p>2. Tambang RM2.00 dikenakan antara stesen KLIA and KLIA2</p> <p>3. ERL menampung kos operasi dan penyelenggaraan diantara KLIA dan klia2</p> <p>4. MAHB menyediakan tanah dan stesen tanpa sebarang kos dikenakan kepada ERL</p> <p>b. Sebelum pembukaan KLIA2, bayaran bagi perkhidmatan bas dari KLIA ke LCCT adalah RM2.50 and mengambil masa 20 minit. Dengan pembukaan KLIA2, perkhidmatan ERL ke klia2 yang efisien, selesa dan lancar hanya mengambil masa 3 minit dengan bayaran RM2.00 yang kurang dari perkhidmatan bas.</p> <p>c. Tambang ini diperlukan untuk menampung sebahagian kos operasi dan penyenggaraan bagi jajaran ERL antara KLIA dan klia2. Kos penyelenggaraan pada tahun kewangan 2015 bagi sector KLIA ke klia2 adalah RM3.65 juta manakala pendapatan sector KLIA ke klia2 adalah RM1.97 juta. Walaupun</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Walaupun Draf Perjanjian Konsesi Tambahan masih belum dimuktamadkan, terma-terma utama perjanjian telah dipersetujui antara Kerajaan dan ERLSB. Draf perjanjian konsesi tambahan ini sedang dibincangkan dengan pihak ERLSB dengan mengambil kira perkara dasar yang telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan.</i></p>	<p>pendapatan kurang daripada kos, namun pendapatan ini dapat membantu menampung sebahagian daripada kos operasi dan penyelenggaraan.</p> <p>d. ERL juga akan menghadapi Kekangan Operasi jika sektor perkhidmatan KLIA ke klia2 diberi percuma seperti:</p> <p>a. “Joy ride” Pengguna menaiki tren dari KLIA atau klia2 ke KL Sentral dan balik tanpa keluar dari tren. Penyalahgunaan seperti ini akan mengakibatkan kehilangan pendapatan dari penjualan tiket dan kekurangan tempat duduk untuk pengguna sah.</p> <p>b. Kos setiap tiket “<i>smartcard</i>” yang dikeluarkan bernilai RM7.50. Jika perkhidmatan sektor KLIA ke KLIA2 diberi percuma, pengguna akan mengambil kesempatan untuk mendapatkan tiket lebih. Perkara sebegini akan mengakibatkan kecuaiian pengguna untuk mengabaikan atau menghilangkan tiket kerana ianya percuma. Untuk mengatasi masalah ini, ERL mungkin akan mengenakan wang pendahuluan (deposit) untuk tiket percuma. Pengguna perlu mengembalikan tiket untuk mendapatkan semula wang pendahuluan. Proses ini akan meningkatkan lagi kos operasi serta kos penyelenggaraan.</p> <p>c. Jumlah pengguna perkhidmatan ERL akan meningkat berlipat ganda dari 3,000 kepada 6,000 (terutamanya pekerja airport) atau lebih jika ERL menawarkan perkhidmatan percuma yang akan mengakibatkan ketidakcukupan tempat duduk untuk penumpang berbayar. Penambahan ini juga tidak dapat ditampung oleh platform sedia ada terutamanya pada waktu puncak. Kesesakan ini boleh mengakibatkan gangguan jadual operasi kerana penumpang menghalang laluan keluar masuk.</p> <p>d. Perkara – perkara diatas akan menyebabkan peningkatan kos kepada operasi dan penyelenggaraan kerana keperluan tambahan kepada pekerja operasi, keselamatan dan sebagainya.</p> <p>e. Pihak MAHB menyediakan perkhidmatan bas percuma diantara terminal KLIA dan terminal klia2 sebagai perkhidmatan alternatif. Oleh kerana perkhidmatan ERL yang efisien, selesa dan lancar, pengguna tidak keberatan membayar RM2.00 dan berpendapat ianya adalah “<i>value for money</i>”.</p> <p>ERL berharap penerangan terhadap perkara RM2.00 diatas adalah jelas dan teratur untuk pertimbangan tuan selanjutnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.3.i.a	<p><b>Perolehan Projek - Pelantikan Kontraktor</b></p> <p>Perolehan secara rundingan terus hanya boleh dibuat setelah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Salah satu kriteria yang boleh dipertimbangkan adalah keperluan mendesak iaitu sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera maka akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.3.i.b
10.5.2.3.i.b	<p>Semakan Audit mendapati, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 5 Julai 2011 telah meluluskan pelaksanaan Projek Sambungan ERL secara rundingan terus di mana Kementerian Pengangkutan Malaysia melantik ERLSB sebagai agensi pelaksana. Semakan Audit juga mendapati ERLSB telah melantik Konsortium Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. (SPYTL) – Seri Yakin Sdn. Bhd. sebagai Kontraktor Utama iaitu sebuah syarikat yang mempunyai pegangan saham yang sama (SPYTL) dengan ERLSB. Pelantikan secara rundingan terus dibuat dengan justifikasi projek tersebut perlu dilaksanakan secara <i>fast track</i> dan perlu disiapkan segera supaya ia dapat beroperasi selari dengan pembukaan klia2.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Projek ini perlu dilaksanakan secara fast track bagi memastikan ia dapat beroperasi selari dengan klia2. Konsortium Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. – Seri Yakin Sdn. Bhd. disyorkan untuk dilantik sebagai kontraktor utama berdasarkan kebolehan serta pengalaman kontraktor tersebut dalam melaksanakan projek yang sama pada tahun 1997. Selain itu, SPYTL-Seri Yakin merupakan sub-kontraktor bagi kerja-kerja penyenggaraan sivil dan trackwork di jajaran ERL sedia ada. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bertarikh 17 Jun 2011 telah meluluskan projek ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan Konsortium SPYTL-Seri Yakin dengan kos RM100 juta.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.3.i.b
10.5.2.3.ii.b	<p><b>Rundingan Harga</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, tiada sebarang penubuhan jawatankuasa bagi rundingan harga dibuat berkenaan perolehan tersebut. Penetapan RM100 juta adalah cadangan asal pihak ERLSB kepada Kementerian pada tahun 2009 yang berdasarkan <i>ball park figure</i> dan tidak mempunyai sebarang input elemen reka bentuk. Kos tersebut telah dijadikan asas untuk mendapatkan kelulusan EC pada 14 Mac 2011. Kertas Kerja yang dikemukakan untuk</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.3.ii.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kelulusan EC menetapkan RM100 juta adalah merangkumi kerja-kerja sivil, kerja-kerja sistem dan <i>station fit out</i>. Lanjutan dari itu juga, Ketua Setiausaha Kementerian mohon kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk melantik Kontraktor secara rundingan terus. Seterusnya pada 5 Julai 2011, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan tersebut seperti mana cadangan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Harga anggaran asal oleh Konsortium dan harga selepas Value Management adalah berjumlah RM129 juta dan RM117 juta masing-masingnya. Manakala harga diluluskan oleh EC untuk ditawarkan kepada ERLSB adalah berjumlah RM100 juta dengan sebarang pertambahan kos ditanggung oleh pihak ERLSB. Sehubungan itu, kos RM100 juta yang ditanggung oleh Kerajaan telah mencapai hasrat untuk best value for money.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan proses rundingan harga terhadap anggaran awal kos projek yang berjumlah RM100 juta boleh menyebabkan Kerajaan tidak mendapat harga yang berpatutan. Adalah wajar jika Kementerian mengkaji dan menjalankan proses rundingan harga bagi mendapatkan harga yang munasabah.</p>	
10.5.3.1.b	<p><b>Perjanjian Konsesi - Perjanjian Konsesi Tambahan Belum Dimuktamadkan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati projek penyambungan telah dicadang dan telah siap dilaksanakan. Bagaimanapun, perjanjian konsesi tambahan bagi projek sambungan tersebut masih di peringkat perbincangan dan belum dimuktamadkan walaupun operasi ERL telah bermula sejak 2 Mei 2014. Perjanjian konsesi sedia ada hanyalah untuk jajaran dari KL Sentral ke KLIA dan tidak merangkumi sambungan jajaran 2.16 km dari KLIA ke klia2.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan Perjanjian Konsesi Tambahan tidak teratur kerana belum dimuktamadkan sehingga kini dan ia boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan sekiranya berlaku pertikaian pada masa akan datang.</p> <p>Maklum Balas UKAS Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p>	<p>UKAS, JPM tidak bersetuju dengan pandangan Jabatan Audit Negara bahawa penyediaan perjanjian konsesi tambahan ini tidak teratur. Proses penyediaan perjanjian konsesi tambahan ini adalah teratur kerana telah mengikut prosedur semasa yang telah ditetapkan bagi semua projek-projek penswastaan dan projek-projek kerjasama awam swasta (<i>public private partnership – PPP</i>).</p> <p>Sungguhpun Perjanjian Konsesi Tambahan belum ditandatangani, operasi dan perkhidmatan ERL oleh ERLSB dari KLIA ke klia2 telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berdasarkan syarat-syarat tertentu sejak ia mula beroperasi pada 2 Mei 2014. Sehubungan itu, perkhidmatan ERLSB tersebut adalah teratur dari segi undang-undang. Perjanjian Konsesi Tambahan antara Kerajaan dan ERLSB hanya bertujuan untuk mengagihkan hak dan obligasi antara Kerajaan dan ERLSB secara terperinci selaras dengan perjanjian konsesi sedia ada yang telah ditandatangani sejak tahun 1997.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Kerajaan secara prinsip telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi ERLSB bagi tempoh 30 tahun. Sehubungan itu, cadangan asal untuk menandatangani Perjanjian Konsesi Tambahan bagi projek sambungan ERL dari KLIA ke klia2 ini telah dimansuhkan. Terma-terma berkaitan projek sambungan ERL dari KLIA ke klia2 akan dimasukkan dalam perjanjian pelanjutan konsesi yang dijangka akan ditandatangani pada bulan September 2016.</i></p> <p><i>Tidak dinafikan bahawa proses menggubal dan menyempurnakan perjanjian ini mengambil masa yang agak lama. Namun begitu, operasi dan perkhidmatan ERL oleh ERLSB dari KLIA ke klia2 telah dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sejak mula beroperasi pada 2 Mei 2014. Terma di dalam lesen bagi memastikan perkhidmatan ERL antara KLIA dan klia2 beroperasi dengan baik dan selamat serta dipantau dan dikawal selia oleh SPAD dari masa ke semasa.</i></p>	<p>Kerajaan juga secara prinsip telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi ERLSB selama 30 tahun lagi sekiranya ERLSB bersetuju untuk tidak menuntut pampasan kadar tambang. Perkara ini juga akan diambil kira dalam draf Perjanjian Konsesi Tambahan yang sedang dibincangkan antara Kerajaan dan ERLSB. Urusan draf perjanjian konsesi tambahan ini dijangka akan dapat diselesaikan/ditandatangani pada bulan September 2016.</p>
<p><b>10.5.3.2.b</b></p>	<p><b>Struktur Kadar Tambang</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pada 17 April 2002, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan memutuskan kadar tambang ERL Ekspres adalah RM35 sehalai bermula pada tahun 2002 manakala kadar <i>intermediate stations</i> dikekalkan seperti Perjanjian Konsesi. Keputusan Kerajaan ini telah dimaklumkan oleh EPU kepada ERLSB pada 17 Mei 2002. Semakan pada 12 Februari 2015 mendapati SPAD telah meluluskan kadar tambang baru pada 21 Januari 2015.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.3.2.c</p>
<p><b>10.5.3.2.c</b></p>	<p>Analisis Audit mendapati kadar kenaikan tambang berdasarkan konsesi berbanding dengan kadar semasa menunjukkan perbezaan sebanyak 34.5% hingga 53.1%.</p> <p>Pada pendapat Audit, kadar tambang semasa yang dikenakan adalah lebih rendah dari kadar yang dipersetujui dalam Perjanjian Konsesi. Namun begitu, perkara ini akan memberi risiko beban kewangan kepada pihak Kerajaan untuk membayar pampasan kepada ERLSB.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengambil maklum akan perkara ini. Sehubungan itu, perkara ini telah dibincangkan dengan beberapa agensi serta pihak Kerajaan pada 5 November 2015 telah bersetuju untuk</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>melanjutkan tempoh konsesi ERL selama 30 tahun sebagai penyelesaian kepada isu tuntutan pampasan oleh ERLSB.</i></p> <p><i>Selain itu, SPAD pada bulan Januari 2015 turut memberikan kebenaran untuk mengenakan tambang seperti mana yang telah ditetapkan dalam Kontrak. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia berpandangan bahawa isu berkaitan penetapan kadar tambang atau pampasan telah ditangani dan tidak lagi berbangkit.</i></p>	
<b>10.5.3.3.c</b>	<p><b>Semakan Semula Kadar Tambang, Unjuran Dan Pampasan</b></p> <p>Permohonan kenaikan tambang oleh ERLSB telah dibuat kepada Kerajaan supaya tambang dinaikkan dari RM35 kepada RM47 mengikut Perjanjian Konsesi pada 4 Ogos 2006. Selanjutnya pada 28 September 2011, ERLSB telah membuat permohonan kepada Kerajaan bagi kenaikan tambang yang kedua daripada RM47 kepada RM64. Bagaimanapun, Kerajaan tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap kedua-dua permohonan ini. Semakan lanjut mendapati ERLSB telah mengemukakan tuntutan pampasan kepada Kerajaan kerana tidak meluluskan kadar tambang seperti Perjanjian Konsesi. Sehingga 12 Februari 2016, tuntutan pampasan yang telah dikemukakan oleh ERLSB adalah berjumlah RM2.9 bilion.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.3.3.e
<b>10.5.3.3.d</b>	<p>Semakan lanjut pada 12 Februari 2016 mendapati ERLSB telah mengemukakan cadangan penyelesaian tuntutan pampasan dengan melanjutkan tempoh konsesi bagi tempoh 30 tahun. Semakan juga mendapati Jemaah Menteri/Kerajaan telah bersetuju secara prinsip terhadap cadangan penyelesaian ini. Bagaimanapun, perkara ini masih belum dimuktamadkan di dalam Perjanjian Tambahan.</p>	
<b>10.5.3.3.e</b>	<p>Semakan Audit mendapati pencapaian pendapatan sebenar hanya 11.5% hingga 13.7% bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 berbanding unjuran pendapatan yang telah dimeterai dalam perjanjian konsesi. Pencapaian ini adalah jauh lebih rendah daripada unjuran pendapatan yang dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, unjuran pendapatan di dalam Perjanjian Konsesi adalah terlalu tinggi dan Kerajaan perlu membayar kadar perbezaan unjuran pendapatan dengan pendapatan sebenar yang akhirnya akan merugikan Kerajaan. Kadar tambang yang dinyatakan di dalam Perjanjian juga adalah tinggi dan boleh menyebabkan implikasi kewangan (pampasan) kepada Kerajaan. Adalah disyorkan supaya pihak Kerajaan mempertimbangkan semula kaedah pengiraan pampasan yang boleh menguntungkan kedua-dua</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pihak dan mengkaji secara mendalam sebelum sesuatu Perjanjian Konsesi Tambahan ditandatangani.</p> <p>Maklum Balas UKAS Melalui Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Sungguhpun formula pampasan kadar tambang yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi dilihat tidak adil kepada Kerajaan, pihak Jabatan Peguam Negara telah memberi nasihat bahawa formula yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi tersebut adalah mengikat Kerajaan. Dalam hubungan ini, pindaan formula pampasan kadar tambang hanya boleh dibuat sekiranya dipersetujui oleh kedua pihak. Isu pampasan kadar tambang ini boleh dianggap selesai kerana ERLSB telah bersetuju untuk tidak menuntut pampasan kadar tambang ini sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan tempoh konsesi ERLSB selama 30 tahun (2029-2059). Pada 6 November 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip dengan cadangan penyelesaian ini dan meminta supaya perkara ini diambil kira dalam rundingan di peringkat JKAS. Formula pampasan kadar tambang yang dilihat tidak adil kepada Kerajaan juga akan dimansuh/dipinda atas persetujuan bersama dalam sesi rundingan tersebut. Rundingan perjanjian konsesi tambahan ini dijangka dapat dimuktamadkan pada September 2016.</i></p>	
<p><b>10.5.4.b</b></p>	<p><b>Pengurusan Nilai</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada 18 hingga 21 April 2011 iaitu selepas kelulusan EC pada 14 Mac 2011 bertujuan membincangkan penjimatan kos. Kos projek yang dicadangkan oleh ERLSB pada 28 Julai 2009, telah dipersetujui oleh pihak Kementerian dan dikemukakan kepada EC tanpa melalui proses Pengurusan Nilai terlebih dahulu.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.4.c</p>
<p><b>10.5.4.c</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati kos projek yang dikemukakan ke makmal Pengurusan Nilai pada 22 April 2011 tidak menyatakan secara spesifik kos bagi setiap item projek sebaliknya dikemukakan secara <i>lump sum</i>. Kos projek yang dibentangkan oleh ERLSB kepada Makmal Pengurusan Nilai adalah berjumlah RM129 juta bukannya RM100 juta yang diluluskan oleh EC. Makmal pengurusan Nilai sepatutnya membincangkan penjimatan yang boleh dikurangkan dari kos yang diluluskan tetapi perkara ini berlaku sebaliknya di mana kos yang dikemukakan melebihi sejumlah RM29 juta daripada kos asal yang telah diluluskan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, ketiadaan maklumat kos yang terperinci dan lengkap telah menjejaskan matlamat serta tujuan Pengurusan Nilai diadakan iaitu menghasilkan penjimatan daripada anggaran kos asal dengan mengeluarkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek. Selain itu, semua faktor kenaikan kos yang dinyatakan perlu diambil kira dalam makmal Pengurusan Nilai yang dilaksanakan bagi membolehkan kelulusan yang diberikan oleh EC adalah berdasarkan kos projek komprehensif yang sepatutnya mengambil kira semua faktor dan kemungkinan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Kos yang dibentangkan kepada EC masih tertakluk kepada semakan dan keputusan Makmal Pengurusan Nilai. Makmal Pengurusan Nilai seterusnya telah berjaya mengurangkan kos sejumlah RM12 juta daripada anggaran asal RM129 juta. Sehubungan itu, isu mengemukakan kos kepada Makmal Pengurusan Nilai sebelum dibentangkan kepada EC tidak timbul kerana kos akhir/siling untuk projek ini adalah tertakluk kepada kos Makmal Pengurusan Nilai manakala EC hanya memberikan keputusan dasar.</i></p>	
<p><b>10.5.8.b</b></p>	<p><b>Caj Perkhidmatan Stesen ERL Di klia2</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pihak syarikat usaha sama tersebut telah menukar kadar sewa kepada caj perkhidmatan sejumlah RM3/kps tidak termasuk kawasan platform di klia2. Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang perjanjian dimeterai di antara ERLSB dan syarikat usaha sama tersebut bagi penggunaan kawasan <i>concourse/ticketing office</i> berkaitan. Semakan terhadap Penyata Tunggakan Caj Perkhidmatan yang dikemukakan oleh syarikat usaha sama tersebut kepada ERLSB pada 30 Januari 2015 mendapati jumlah tunggakan terkumpul termasuk denda lewat bagi tempoh bulan Mei 2014 hingga Januari 2015 adalah berjumlah RM350,284.</p>	<p>Dalam satu mesyuarat pada 22 April 2016, YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan telah menjadi pemudahcara bagi penyelesaian isu caj perkhidmatan antara pemegang konsesi Klia2 iaitu Segi Astana Sdn. Bhd.</p> <p>Memandangkan kedua-dua pihak pada masa tersebut memerlukan kelulusan daripada Lembaga Pengarah masing-masing, maka mesyuarat pusingan kedua akan diadakan pada 12 Mei 2016 yang mana Kementerian Pengangkutan telah meminta supaya ERLSB mengemukakan pendirian Lembaga Pengarah ERLSB berkenaan isu ini.</p>
<p><b>10.5.8.c</b></p>	<p>Semakan dokumen di Bahagian Pembangunan, Kementerian mendapati KSU berpandangan perkara ini tidak perlu diangkat ke EC dan syarikat usaha sama tersebut tidak wajar mengenakan sebarang caj. Selain itu, ERLSB memaklumkan bahawa semasa perjumpaan antara ERLSB dan Kementerian pada 27 November 2014, pihak Kementerian bercadang untuk membincangkan dengan semua pihak yang terlibat. Bagaimanapun, sehingga bulan Januari 2016 perkara ini masih belum dimuktamadkan.</p>	<p>Sekiranya ERLSB bersetuju untuk membayar caj perkhidmatan maka perkara ini boleh dianggap selesai. Namun begitu, sekiranya ERLSB kekal dengan pendirian untuk tidak membayar, maka Kementerian Pengangkutan tiada pilihan selain memberi jalan untuk pemutusan di peringkat mahkamah sekiranya Segi Astana Sdn. Bhd berhasrat untuk membawa perkara ini ke peringkat tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.8.d	<p>ERLSB berpendapat stesen sepatutnya disediakan secara percuma kepada ERLSB dan kawasan <i>concourse/ticketing office</i> adalah merupakan kawasan berbayar yang merupakan sebahagian dari <i>railway corridor</i>. Bagaimanapun, MAHB pula berpandangan walaupun bayaran sewaan tidak dikenakan, ERLSB sewajarnya membayar caj perkhidmatan sebagaimana kaunter tiket ERL di Bangunan Terminal Utama, KLIA yang dikenakan sewaan. Selain itu, <i>ticketing office</i> ERL di klia2 terletak di kawasan komersil utama.</p>	
10.5.8.e	<p>Susulan Audit pada 16 Januari 2016 di Bahagian Udara, Kementerian mendapati mesyuarat yang dijadualkan pada bulan Disember 2015 masih belum diadakan. Pihak Audit dimaklumkan mesyuarat berkenaan akan diadakan pada bulan Mac 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak Kementerian sewajarnya mengambil tindakan penyelesaian muktamad terhadap isu ini dan mendapatkan persetujuan bersama semua pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Satu mesyuarat bagi membincangkan perkara ini telah diadakan pada 17 April 2015. Namun tiada sebarang keputusan yang diperolehi. Justeru, satu mesyuarat susulan yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian akan diadakan pada 31 Mac 2016 untuk memuktamadkan isu tersebut.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

**Jabatan Perkhidmatan Pembentukan**

**Perenggan 11 : Projek Pembentukan Di Bawah Fasa Pembersihan Sungai Program “ River Of Life”**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal Projek - ROL 1</b></p> <p>Mengikut rekod JPP, pencapaian kemajuan kerja sebenar ROL 1 lewat daripada jadual yang ditetapkan. Pakej 1 lewat 13.62% manakala Pakej 2 lewat sebanyak 22%. Bagi Pakej 1, Perakuan Lanjutan Masa (EOT 1) selama 379 hari telah diluluskan sehingga 23 Disember 2015.</p>	<p>Untuk ROL 1 Pakej 1, Kemajuan sehingga 29 April 2016 adalah 91.7%(Sebenar) vs 94.1% (Jadual). EOT No 2 berakhir 6 September 2016</p> <p>Untuk ROL Pakej 2, Kemajuan sehingga 29 April 2016 adalah 80%(S) vs 85%(J). EOT No 1 berakhir pada 12 Oktober 2016.</p>
11.5.1.1.b	<p><b>ROL 3</b></p> <p>Mengikut rekod JPP, 3 daripada 4 pakej kerja iaitu Pakej B19, Pakej B21 dan Pakej B22 telah siap sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan manakala Pakej B20 masih dalam pembinaan dengan kelewatan pencapaian kemajuan kerja sebanyak 2.5%.</p> <p>Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya 2 pakej kerja iaitu Pakej B19 dan Pakej B22 telah siap sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 bulan berdasarkan Perakuan Siap Kerja yang telah dikeluarkan. Bagi Pakej B21, JPP telah mengeluarkan Perakuan Pendudukan Separa bagi 2 daripada 4 LRK iaitu GBK144 dan GBK189, manakala Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan untuk GBK103 dan GBK109.</p>	<p>Ulasan berkenaan CPC Pakej B21:-</p> <p>CPC projek tidak dapt dikeluarkan lagi kerana masih menunggu <i>Design Guarantee Bond</i> dari pihak kontraktor. Pihak kontraktor dalam proses mendapatkan <i>Design Guarantee Bond</i> dari bank. Kesemua loji telah diserahkan kepada Unit Operasi Indah Water pada : 4.4.2016 (Isnin).</p>
11.5.1.1.c	<p><b>ROL 5</b></p> <p>Mengikut rekod JPP, peratusan kemajuan kerja sebenar bagi ROL 5 telah mencapai 96% iaitu lewat 3% dengan mengambil kira Perakuan Lanjutan Masa No. 1 yang telah diluluskan sebanyak 132 hari iaitu sehingga 5 Oktober 2015.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek adalah memuaskan</p>	<p>Projek ROL5 telah siap sepenuhnya pada 7 April 2016 (Tarikh EOT No 2) dan sedang dalam proses pengeluaran CPC (edaran).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berdasarkan penyiapan kerja di dalam tempoh kontrak dan permohonan lanjutan masa yang munasabah.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima pada 15 Januari 2016</p> <p><i>Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 untuk Pakej 2 telah dikeluarkan pada 24 November 2015 atas sebab-sebab kelewatan memiliki kebenaran memasuki LRK disebabkan isu yang dibangkitkan oleh IWK berkenaan pembinaan sludge drying bed selama 346 hari (sehingga 12 Oktober 2016).</i></p>	
11.5.1.3.ii	<p><b>Pencapaian (Outcome) Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati projek pementasan boleh mencapai objektif projek yang ditetapkan iaitu mematuhi pelepasan kualiti efluen Standard A, EQA. Namun, parameter kualiti pelepasan efluen Standard A seperti <i>Biochemical Oxygen Demand (BOD)</i>, <i>Chemical Oxygen Demand (COD)</i> dan <i>Ammoniacal Nitrogen (AMN)</i> adalah bersamaan dengan tahap kualiti air Kelas V, INWQS iaitu lebih rendah daripada kualiti yang ditetapkan dalam Program ROL iaitu Kelas IIB. Oleh itu, objektif Program ROL berkaitan kualiti air sungai sukar untuk dicapai kerana perbezaan antara kualiti efluen yang dilepaskan oleh LRK dan kualiti air sungai yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, berdasarkan sampel Audit pencapaian (<i>outcome</i>) projek dari segi Kualiti Air Sungai adalah masih tidak memuaskan kerana kualiti efluen yang dilepaskan oleh LRK ke dalam sungai lebih rendah daripada kualiti air sungai Kelas IIB yang ditetapkan untuk Program ROL.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>KeTTHA berpandangan piawaian yang digunakan bagi mengukur kualiti air sungai dan kualiti pelepasan efluen loji rawatan kumbahan (LRK) adalah berbeza. Kualiti efluen LRK tidak setinggi kualiti air sungai kerana efluen LRK merupakan sebahagian daripada sumber air ke dalam sungai. Dengan adanya faktor pencairan dalam sungai, maka akan jadi pembaziran dari segi kewangan sekiranya kualiti efluen dirawat sehingga ke tahap kualiti air sungai.</i></p> <p><i>Kualiti pelepasan efluen dari LRK pada masa kini adalah berdasarkan standard piawai yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti</i></p>	<p>Piawaian yang digunakan bagi mengukur kualiti air sungai dan kualiti pelepasan efluen loji rawatan kumbahan (LRK) adalah berbeza. Kualiti efluen LRK tidak setinggi kualiti air sungai kerana efluen LRK merupakan sebahagian daripada sumber air ke dalam sungai. Dengan adanya faktor pencairan dalam sungai, maka akan jadi pembaziran dari segi kewangan sekiranya kualiti efluen dirawat sehingga ke tahap kualiti air sungai.</p> <p>Kualiti pelepasan efluen dari LRK pada masa kini adalah berdasarkan <i>standard</i> piawai yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.</p> <p>Walau bagaimanapun, kedua-dua LRK iaitu LRK Bunus dan LRK Jinjang-Kepong yang merupakan punca efluen utama ke dalam RoL (dalam pembinaan) telah direkabentuk untuk mencapai piawaian <i>Modified A</i>. Piawaian ini lebih tinggi daripada piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan tujuan untuk menyokong objektif keseluruhan RoL untuk mencapai kualiti air sungai kelas IIB dengan mengambil kira faktor pencairan dalam sungai (<i>dilution factor</i>);</p> <p>Penetapan standard pelepasan efluen LRK yang lebih tinggi adalah berdasarkan kepada kajian bertajuk <i>Water Quality Improvement Hydrological Assessment for the Klang River</i> yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 11 Mei 2011 hingga 10 Mei 2012; dan</p> <p>KeTTHA juga ingin menegaskan bahawa pencemaran daripada kumbahan adalah berjumlah kira-kira 30 – 40 peratus manakala selebihnya datang daripada sumber-sumber lain (<i>Non-Point Source</i>) seperti bengkel haram, pasar basah, sisa industri</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.</i></p> <p><i>Walau bagaimanapun, kedua-dua LRK iaitu LRK Bunus dan LRK Jinjang-Kepong yang merupakan punca efluen utama ke dalam RoL (dalam pembinaan) telah direkabentuk untuk mencapai piawaian Modified A. Piawaian ini lebih tinggi daripada piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan tujuan untuk menyokong objektif keseluruhan RoL untuk mencapai kualiti air sungai kelas IIB dengan mengambil kira faktor pencairan dalam sungai (dillution factor);</i></p> <p><i>Penetapan standard pelepasan efluen LRK yang lebih tinggi adalah berdasarkan kepada kajian bertajuk Water Quality Improvement Hydrological Assessment for the Klang River yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada 11 Mei 2011 hingga 10 Mei 2012; dan</i></p> <p><i>KeTTHA juga ingin menegaskan bahawa pencemaran daripada kumbahan adalah berjumlah kira-kira 30 – 40 peratus manakala selebihnya datang daripada sumber-sumber lain (Non-Point Source) seperti bengkel haram, pasar basah, sisa industri dan pembuangan sampah ke dalam sungai yang mana ianya adalah di luar bidang kuasa KeTTHA.</i></p> <p><i>Bagi tujuan penambahbaikan, KeTTHA juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), JPS, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melaksanakan aktiviti pemantauan kualiti secara bulanan, program komunikasi dengan komuniti, tindakan penguatkuasaan dan Public Outreach Program.</i></p>	<p>dan pembuangan sampah ke dalam sungai yang mana ianya adalah di luar bidang kuasa KeTTHA.</p> <p>Bagi tujuan penambahbaikan, KeTTHA juga telah bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), JPS, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melaksanakan aktiviti pemantauan kualiti secara bulanan, program komunikasi dengan komuniti, tindakan penguatkuasaan dan <i>Public Outreach Program</i>.</p>
11.5.2.ii	<p><b>Status Tanah</b></p> <p>Semakan Audit ke atas 15 LRK yang dinaiktaraf mendapati 2 tanah di bawah status Tanah Kerajaan Negeri (State Land) masih belum dirizabkan mengikut Seksyen 62, KTN dan 2 tanah berstatus Tanah Milik Persendirian masih belum dipindahmilik / diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan perizaban dan pindah milik tanah untuk tujuan pembedahan oleh pihak JPP adalah tidak memuaskan. Kelewatan pewartaan tanah untuk tujuan pembedahan mempunyai implikasi perundangan yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016</p>	<p>Dua tapak tanah yang berstatus Tanah Kerajaan Negeri, masih di dalam tindakan Pihak Berkuasa Negeri untuk tujuan perizaban bagi maksud persekutuan dan dijangka dapat diselesaikan sebelum Julai 2016.</p> <p>Manakala dua (2) tapak yang berstatus Tanah Milikan Individu/Syarikat telah diserahkan melalui Borang 12A/12B kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk dirizabkan kepada maksud persekutuan.</p> <p>Isu kelewatan proses perizaban tanah pembedahan di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan urusan serahan tanah melalui Borang 12A/12B oleh pemilik tanah persendirian ini juga telah dibangkitkan semasa Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Malaysia Bil. 1/2016 pada 18 April 2016 dan Mesyuarat Pemantauan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Proses perizaban tanah-tanah pembedungan mengambil masa yang lama dan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Hasil daripada perbincangan dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan, pihak JKPTG akan menyelaraskan permohonan perizaban tanah-tanah pembedungan bersama Pihak-pihak Berkuasa Negeri bagi mempercepatkan proses perizaban tanah-tanah pembedungan sehingga pewartaan tanah untuk tujuan perkhidmatan pembedungan disempurnakan.</i></p> <p><i>Bagi tujuan penambah baikkan, Pihak Kementerian akan:-</i></p> <p>(i) <i>menubuhkan satu pasukan kerja dengan kerjasama jabatan-jabatan terlibat bagi semua tanah-tanah di bawah KeTTHA untuk menyelaraskan proses-proses berkaitan permohonan tanah sama ada bagi tujuan pembermilikan atau perizaban;</i></p> <p>(ii) <i>Bagi tanah-tanah persendirian, KeTTHA telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan bersama pemilik-pemilik tanah persendirian untuk menyerah semula tanah-tanah pembedungan kepada kerajaan untuk proses perizaban; dan</i></p> <p>(iii) <i>Dalam hal ini peruntukan undang-undang yang berkaitan akan diteliti bagi maksud tersebut.</i></p>	<p>Perizaban Tanah Pembedungan bagi Negeri Terengganu Bil. 1/2016 pada 28 April 2016.</p> <p>Maklumbalas penambahbaikan adalah seperti berikut :-</p> <p>Pihak KeTTHA telah menubuhkan satu pasukan petugas yang telah mengadakan Mesyuarat <i>Task Force</i> Pengurusan Tanah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada 31 Mac 2016 dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan.</p> <p>Mesyuarat ini bertujuan untuk mewujudkan Landbank bagi tanah di bawah tanggungjawab Kettha dan semua isu yang berkaitan akan dibangkitkan semasa mesyuarat untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik.</p> <p>i. Perbincangan bersama pemilik-pemilik tanah persendirian yang masih enggan/belum membuat serahan tapak loji untuk dirizabkan kepada maksud persekutuan akan diadakan setelah pihak Bahagian Perundangan meneliti perkara ini dari sudut undang-undang.</p> <p>ii. Bahagian Perundangan KeTTHA sedang meneliti sebarang peruntukan undang-undang yang terlibat dan akan memastikan akta yang bersesuaian digunakan didalam perkara ini.</p>
11.5.3	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Kerja Di Luar Tempoh Kontrak (<i>Time at-Large</i>)</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 5 kontrak yang telah tamat tempoh, tetapi tiada sebarang perakuan dikeluarkan menyebabkan berlaku kerja di luar tempoh kontrak (<i>Time at-Large</i>).</p> <p>Semakan Audit mendapati 5 kontrak adalah tidak sah antara 10 hingga 151 hari. Antara sebab yang menyumbang kepada <i>time at-large</i> adalah lewat meluluskan EOT dan CPC/CPO. Sekiranya CPC tidak boleh dikeluarkan semasa kontrak tamat, JPP sepatutnya mengeluarkan CNC supaya kontraktor dikenakan LAD untuk tempoh tersebut.</p> <p>Bagi CNC yang telah dikeluarkan bagi ROL 3 (Pakej B21), LAD yang dinilai sehingga tarikh semakan Audit sehingga 15 November 2015 adalah sebanyak 290 hari dengan jumlah terkumpul berjumlah RM263,697 (RM909.30/hari).</p> <p>Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan berdasarkan kontrak kerana kontrak</p>	<p>Bagi ROL 1 Pakej 2, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 untuk Pakej 2 telah dikeluarkan pada 24 November 2015 selama 346 hari (sehingga 12 Oktober 2016).</p> <p>Bagi ROL 3 Pakej B20, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 telah dikeluarkan pada 15 Disember 2015 selama 95 hari (sehingga 10 Februari 2016).</p> <p>Bagi ROL 5, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 2 telah dikeluarkan pada 23 November 2015 selama 185 hari (sehingga 7 April 2016).</p> <p>KeTTHA mengambil maklum akan kerja di luar tempoh kontrak (<i>time at-large</i>). Walau bagaimanapun, ingin dijelaskan bahawa kelewatan ini berlaku atas sebab-sebab berikut:-</p> <p>(i) Kontraktor gagal mengemukakan dokumen yang lengkap dan tepat bagi</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>telah tamat. Kerajaan juga tidak boleh mengenakan LAD kerana CNC tidak dikeluarkan. Kelewatan mengeluarkan CNC akan menyebabkan LAD lewat dikenakan dan ini akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 15 Januari 2016</p> <p><i>Bagi ROL 1 Pakej 2, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 untuk Pakej 2 telah dikeluarkan pada 24 November 2015 selama 346 hari (sehingga 12 Oktober 2016).</i></p> <p><i>Bagi ROL 3 Pakej B20, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 telah dikeluarkan pada 15 Disember 2015 selama 95 hari (sehingga 10 Februari 2016).</i></p> <p><i>Bagi ROL 5, Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 2 telah dikeluarkan pada 23 November 2015 selama 185 hari (sehingga 7 April 2016).</i></p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>KeTTHA mengambil maklum akan kerja di luar tempoh kontrak (time at-large). Walau bagaimanapun, ingin dijelaskan bahawa kelewatan ini berlaku atas sebab-sebab berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>(i) Kontraktor gagal mengemukakan dokumen yang lengkap dan tepat bagi pertimbangan kelulusan EOT di peringkat Jabatan; dan</i></li> <li><i>(ii) Kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT kepada Jabatan dan menyebabkan mesyuarat terpaksa diadakan di luar tempoh kontrak</i></li> </ul> <p><i>Pihak Jabatan akan mengukuhkan proses kerja dalaman bagi memastikan isu kerja di luar tempoh kontrak tidak berulang lagi dan surat peringatan akan dikeluarkan kepada Kontraktor 3 bulan sebelum tamat kontrak bagi tujuan permohonan dan pertimbangan EOT.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak yang kurang cekap sehingga menyebabkan berlaku kerja di luar tempoh kontrak boleh menyebabkan implikasi perundangan yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p>	<p>pertimbangan kelulusan EOT di peringkat Jabatan; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT kepada Jabatan dan menyebabkan mesyuarat terpaksa diadakan di luar tempoh kontrak</li> </ul> <p>Pihak Jabatan akan mengukuhkan proses kerja dalaman bagi memastikan isu kerja di luar tempoh kontrak tidak berulang lagi dan surat peringatan akan dikeluarkan kepada Kontraktor 3 bulan sebelum tamat kontrak bagi tujuan permohonan dan pertimbangan EOT.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.3	<p><b><i>Kualiti Efluen Tidak Mematuhi Piawaian</i></b></p> <p>Semakan Audit mendapati keperluan kontrak adalah tidak jelas dalam memenuhi kehendak Kerajaan berkaitan pematuhan efluen. Tiada mekanisme ditetapkan untuk mengukur dan menentukan pencapaian kualiti efluen di peringkat pengujian dan pentauliahan sebagai pengesahan pematuhan sebelum sebarang perakuan dikeluarkan dan penyerahan LRK.</p> <p>Semakan Audit terhadap Pakej B21 ROL 3 mendapati CPO bagi GBK144 dan GBK189 dan CNC bagi GBK103 dan GBK019 lewat dikeluarkan iaitu pada 29 Jun 2015 walaupun kontrak telah tamat pada 29 Januari 2015 dan tiada EOT dikeluarkan. Punca utama kelewatan perakuan ini adalah disebabkan oleh kegagalan LRK yang dinaiktaraf mematuhi kualiti efluen selepas kerja-kerja fizikal LRK disiapkan. CNC telah dikeluarkan ke atas GBK103 dan GBK019 akibat daripada kualiti efluen yang masih terus gagal bagi LRK ini untuk mematuhi piawaian. Sekiranya CNC berlanjutan, maka baki bayaran projek dikhuatiri tidak boleh menampung nilai LAD. Tambahan pula, kontrak ini merupakan kontrak Reka dan Bina dan perlu mendapat Design Guarantee daripada kontraktor.</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun CPO telah dikeluarkan untuk GBK144 dan GBK189, namun GBK144 masih belum diserahkan dan GBK189 lewat diserahkan disebabkan kualiti efluen tidak mematuhi piawaian. CPO ini telah dikeluarkan pada 29 Jun 2015, namun JPP telah memperakukan kerja telah siap pada 29 Januari 2015 dan telah mengambil milik dan menduduki LRK tersebut pada 30 Januari 2015.</p> <p>Ketiadaan mekanisme yang jelas untuk menentukan pencapaian kualiti efluen menyebabkan pengesahan pematuhan kualiti efluen tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Ini bermakna Kerajaan tidak boleh mendapat manfaat dari 3 LRK yang masih belum diserahkan walaupun bayaran kemajuan telah mencapai 95%.</p> <p>Pada pendapat Audit Ketiadaan mekanisme pengesahan kualiti efluen yang jelas di dalam kontrak menyebabkan tiada jaminan untuk pematuhan kualiti efluen LRK terhadap piawaian yang ditetapkan selepas tempoh pengujian dan pentauliahan.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016</p>	<p>Ingin dijelaskan bahawa anggaran masa 3 - 6 bulan perlu diperuntukkan untuk memastikan proses rawatan stabil (<i>bacteria seeding &amp; treatment process fine tuning</i>) dan seterusnya mampu menghasilkan efluen yang mencapai piawaian yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.</p> <p>Jabatan akan meningkatkan tempoh <i>endurance test/provig test</i> dan persampelan influen dan efluen dari 7 hari kepada 30 hingga 60 hari mengikut kapasiti loji yang dinaiktaraf/dibina dan menggunakan kaedah persampelan efluen yang diseragamkan.</p> <p>Selain itu, pihak Jabatan juga akan memastikan tempoh masa yang diperlukan untuk <i>bacteria seeding</i> dan <i>treatment process fine tuning</i> bagi menstabilkan proses rawatan kumbahan dimasukkan dalam terma dan syarat kontrak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Ingin dijelaskan bahawa anggaran masa 3 - 6 bulan perlu diperuntukkan untuk memastikan proses rawatan stabil (bacteria seeding &amp; treatment process fine tuning) dan seterusnya mampu menghasilkan efluen yang mencapai piawaian yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.</i></p> <p><i>Jabatan akan meningkatkan tempoh endurance test dan persampelan influen dan efluen dari 7 hari kepada 30 hingga 60 hari mengikut kapasiti loji yang dinaiktaraf/dibina dan menggunakan kaedah persampelan efluen yang diseragamkan.</i></p> <p><i>Selain itu, pihak Jabatan juga akan memastikan tempoh masa yang diperlukan untuk bacteria seeding dan treatment process fine tuning bagi menstabilkan proses rawatan kumbahan dimasukkan dalam terma dan syarat kontrak.</i></p>	
11.5.3	<p><b><i>Tempoh Tanggungan Kecacatan</i></b></p> <p>Semakan Audit terhadap rekod keputusan pensampelan efluen bagi LRK yang telah siap dinaiktaraf dan memperoleh CPC / CPO di bawah ROL 3 mendapati pensampelan dan pengujian influen dan efluen oleh kontraktor dalam tempoh DLP ini tidak dilaksanakan mengikut ketetapan kontrak. Pelaksanaan tanggungjawab penyenggaraan oleh kontraktor dalam tempoh DLP yang lemah berlaku kerana LRK telah diserahkan kepada operator selepas CPC / CPO dikeluarkan. Keadaan ini akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana tiada pengesahan terhadap keseluruhan kualiti dan prestasi LRK yang telah dinaiktaraf seperti yang telah diberikan jaminan oleh kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan pemantauan yang rapi dalam tempoh DLP menyebabkan Kerajaan tidak ada jaminan tentang kualiti dan prestasi LRK yang diserahkan.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima Pada 4 April 2016</p> <p><i>Kementerian mengambil maklum akan penemuan audit. Untuk makluman, tiada bayaran akan dibuat oleh Jabatan bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan oleh Kontraktor dalam tempoh DLP. Pada masa yang sama, LRK yang telah disempurnakan proses penyerahan kepada IWK selaku operator LRK ini juga akan melaksanakan ujian persampelan bagi memastikan LRK dalam keadaan yang baik.</i></p>	<p>Jabatan juga dalam proses melaporkan ketidakpatuhan kontraktor kepada CIDB untuk tindakan selanjutnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Bagi kontraktor yang gagal memenuhi kehendak kontrak, surat peringatan bagi pakej B21 &amp; B22 telah dikemukakan kepada kontraktor yang terbabit. Bagi projek-projek yang sedang berjalan dan akan bermula, pihak Jabatan akan mengadakan mesyuarat pemantauan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan secara berkala (4 kali setahun) berkuatkuasa serta-merta dan memastikan kontraktor mengemukakan laporan pemantauan kecacatan secara bulanan kepada Kerajaan.</i></p> <p><i>Jabatan juga mengeluarkan surat peringatan / amaran kepada kontraktor secara berterusan sehingga kerja-kerja tertangguh dilaksanakan. Untuk kontraktor yang mengingkari arahan dan enggan/gagal melaksanakan kerja-kerja persampelan dan pengujian sepanjang tempoh 52 minggu pertama dalam DLP, Jabatan tidak akan mempertimbangkan permohonan pelepasan bon pelaksanaan (5% dari nilai kontrak) oleh kontraktor dari tarikh CPC sehingga tempoh kerja-kerja persampelan tamat sebagaimana dalam kontrak. Pihak Jabatan akan menggunakan Wang Jaminan Pelaksanaan / Bon Pelaksanaan (5% dari nilai kontrak) untuk menyiapkan kerja-kerja persampelan berbaki. Selain itu, Jabatan juga dalam proses melaporkan ketidakpatuhan kontraktor kepada CIDB untuk tindakan selanjutnya.</i></p>	
11.5.3.d.a	<p><b>Pengendalian, Penyenggaraan Dan Kualiti Efluen Fasiliti Rawatan Sementara Sebelum Projek Disiapkan</b></p> <p>Syarat kontrak Klausu 7 <i>Government's Requirements</i>, menetapkan kontraktor perlu mendapatkan Lesen Pelanggaran [<i>License to Contravene</i> (LTC)] daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum pembinaan Fasiliti Rawatan Sementara [<i>Temporary Treatment Facilities</i> (TTF)] dan kerja-kerja menaiktaraf dimulakan. Semakan Audit mendapati tiada permohonan LTC dibuat oleh kontraktor untuk semua projek pembetulan di bawah ROL 3 seperti yang ditetapkan di dalam kontrak. Keperluan permohonan LTC ini didapati tidak dikuatkuasakan oleh pihak JPP malahan sejak di awal peringkat bermulanya kontrak. Ketidakpatuhan kepada keperluan kontrak ini menyebabkan pencemaran yang tidak terkawal akibat daripada kegagalan efluen dan boleh mengakibatkan kompond dikenakan kepada pemilik atau operator LRK.</p>	<p>Pada pandangan Kementerian, keperluan bagi mendapatkan <i>License to Contravene</i> (LTC) perlu dipatuhi sepenuhnya oleh pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, permohonan LTC tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya dan boleh menggalakkan pihak-pihak berkaitan memohon LTC tanpa mengambil kira keperluan untuk menjaga alam sekitar. Permohonan LTC juga perlu disokong dengan bukti kerja-kerja penyelidikan dan penambahbaikan sedang dibuat untuk mengatasi pelanggaran kualiti efluen oleh LRK; dan</p> <p>Untuk projek yang sedang berjalan dan akan datang, Jabatan akan memastikan TTF berfungsi dengan baik dan sekiranya LTC perlu dimohon akan semua keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dipatuhi; dan</p>
11.5.3.d.b	<p>Mengikut Klausu 50 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, kontraktor perlu mempunyai permit untuk menjalankan perkhidmatan penyenggaraan sistem pembetulan iaitu termasuk loji rawatan kumbahan. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi ROL 3 dan ROL 5 tidak mempunyai permit untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan sistem pembetulan seperti yang telah ditetapkan oleh keperluan perundangan tersebut.</p>	<p>Jabatan juga akan memaklumkan kepada JAS setiap bulan bagi semua projek yang melibatkan kerja-kerja TTF untuk memastikan denda ke atas ketidakpatuhan efluen (LTC) berkuat kuasa sepanjang tempoh pelanggaran</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.3.d.c	Mengikut Klausula 6 Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, pengendalian sistem pengolahan kumbahan hendaklah diawasi oleh orang yang berwibawa. Semakan Audit mendapati pengendalian TTF bagi ROL 3 dan ROL 5 tidak diawasi oleh orang yang berwibawa seperti yang telah ditetapkan oleh JAS dalam keperluan perundangan tersebut.	
11.5.3.d.d	<p>Mengikut syarat kontrak Klausula 7 <i>Government's Requirements</i>, pelepasan efluen daripada TTF perlu mencapai <i>absolute standard</i> seperti yang telah ditetapkan oleh JAS iaitu tiada kegagalan dalam mana-mana parameter. Kualiti efluen yang perlu dipatuhi oleh TTF bagi ROL 3 dan ROL 5.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. ROL 3 (kecuali GBK 215 di bawah Pakej B20) – Standard B, Kategori 3 dengan merujuk kepada item (ii), Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.</li> <li>ii. ROL 3 (GBK 215) – Standard B, Kategori 2 dengan merujuk kepada item (iii), Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.</li> <li>iii. ROL 5 – Standard A, Kategori 2 dengan merujuk kepada item (iii), Jadual Kedua (Peraturan 7), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.</li> </ul>	
11.5.3.d.e	Semakan Audit terhadap keputusan pemantauan kualiti efluen oleh kontraktor bagi projek ROL 3 mendapati 7 daripada 14 TTF iaitu di GBK143, GBK215, GBK112, GBK103, GBK019, GBK144 dan GBK189 tidak mencapai piawaian yang telah ditetapkan. TTF yang disediakan di AMA175 bagi projek ROL 5 juga menunjukkan prestasi pematuhan yang sama dan turut disahkan melalui pensampelan yang dijalankan oleh pihak JAS.	
11.5.3.d.f	Lawatan Audit pada Oktober 2015 juga mendapati TTF di LRK Bukit Antarabangsa (AMA175) di bawah ROL 5 tidak dikendali dan disenggara dengan baik menyebabkan keadaan LRK yang kotor dan berbau busuk.	
11.5.3.d.g	<p>Semakan selanjutnya mendapati tiada tindakan diambil oleh JPP terhadap kontraktor sama ada di dalam bentuk surat amaran, mengenakan denda atau keperluan mendapatkan LTC di atas kegagalan mencapai pematuhan efluen seperti yang telah ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, keperluan perundangan berkaitan permit dan orang yang berwibawa bagi tujuan pengendalian dan penyenggaraan sistem</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pembetulan perlu dinyatakan secara spesifik di dalam kontrak. Pihak JPP perlu memantau prestasi kontraktor berkaitan pengendalian dan penyenggaraan TTF bagi mengelakkan sebarang kacau ganggu kepada penduduk sekitar dan pencemaran kepada alam sekitar. Keperluan bagi mendapatkan LTC perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor bagi mengelakkan risiko denda atau pun kompaun daripada JAS dan kerugian kepada Kerajaan ke atas nilai LTC yang telah termasuk di dalam nilai keseluruhan kontrak.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima pada 4 April 2016</p> <p><i>Pada pandangan Kementerian, keperluan bagi mendapatkan License to Contravene (LTC) perlu dipatuhi sepenuhnya oleh pihak kontraktor. Walau bagaimanapun, permohonan LTC tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya dan boleh menggalakkan pihak-pihak berkaitan memohon LTC tanpa mengambil kira keperluan untuk menjaga alam sekitar. Permohonan LTC juga perlu disokong dengan bukti kerja-kerja penyelidikan dan penambahbaikan sedang dibuat untuk mengatasi pelanggaran kualiti efluen oleh LRK; dan</i></p> <p><i>Untuk projek yang sedang berjalan dan akan datang, Jabatan akan memastikan TTF berfungsi dengan baik dan sekiranya LTC perlu dimohon akan semua keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dipatuhi; dan</i></p> <p><i>Jabatan juga akan memaklumkan kepada JAS setiap bulan bagi semua projek yang melibatkan kerja-kerja TTF untuk memastikan denda ke atas ketidakpatuhan efluen (LTC) berkuat kuasa sepanjang tempoh pelanggaran.</i></p>	
11.5.3.e	<p><b>Latihan Kepada Operator</b></p> <p>Tujuan utama kerja-kerja menaik taraf LRK adalah untuk meningkatkan standard pelepasan efluen bagi mematuhi keperluan terkini JAS. Memandangkan kawasan LRK yang dinaiktaraf adalah tetap dan terhad, reka bentuk LRK dibuat secara <i>design-to-suit</i> atau <i>retrofit</i> kepada keadaan loji sedia ada. Susun atur LRK yang dibina tidak mewakili susun atur optimum sesuatu loji dan ada sebahagiannya ditukarkan kepada sistem baru yang pemakaiannya hanya sesuai ke atas LRK yang dinaiktaraf. Sehubungan itu, latihan kepada operator adalah penting. Semakan Audit mendapati latihan kepada operator tidak meliputi keperluan pengendalian dan penyenggaraan LRK secara menyeluruh.</p>	<p>Latihan kepada pihak Operator (IWK) akan dijalankan oleh pihak kontraktor sebelum penyerahan loji dibuat dan latihan dari masa ke semasa kepada pihak IWK ketika tempoh DLP berlangsung.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, latihan kepada operator yang dijalankan adalah tidak mencukupi untuk melatih operator bagi menjalankan pengendalian dan penyenggaraan LRK secara efektif dengan mengikut kehendak reka bentuk yang telah ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas KeTTHA Yang Diterima pada 21 Mac 2016</p> <p><i>Latihan kepada pihak Operator (IWK) akan dijalankan oleh pihak kontraktor sebelum penyerahan loji dibuat dan latihan dari masa ke semasa kepada pihak IWK ketika tempoh DLP berlangsung.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Perenggan 12 : Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.2	<p><b>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Untuk Menilai Kecekapan Pengurusan Aktiviti Rawatan Ortopedik</b></p> <p>Semakan Audit mendapati semua hospital yang dilawati telah mencapai KPI yang ditetapkan kecuali HTAR dan HSB. Antara faktor KPI berkenaan tidak dapat dicapai adalah seperti kekurangan Pegawai Perubatan menyebabkan pesakit menunggu lama melebihi 90 minit untuk mendapatkan rawatan dan berlaku perubahan ketara terhadap polisi aktiviti ortopedik di HTAR. Manakala di HSB pula mengalami masalah kekurangan komputer dan bilik konsultasi menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan konsultasi iaitu melebihi 90 minit. Selain itu, pertambahan bilangan pesakit yang mendadak turut mengakibatkan mereka terpaksa menunggu lebih tujuh hari bekerja untuk menjalani pembedahan tulang yang patah.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Peratus pesakit menunggu tidak melebihi masa 90 minit telah dapat dicapai melebihi 90% memandangkan berlaku pertambahan bilangan Pegawai Perubatan di Jabatan Ortopedik, HTAR dan pengisian jawatan di setiap Jabatan diisi berdasarkan beban kerja yang ditetapkan. Manakala di HSB pula, kes baru telah ditetapkan hanya pada hari Rabu sahaja. Keadaan ini menyebabkan slot temu janji pesakit baru terhad dan seterusnya KPI "Pesakit Baru Untuk Mendapatkan Rawatan Konsultasi Kali Pertama Dalam Tempoh 4 Minggu" tidak dapat dicapai pada tahun 2013. Di samping itu, pertambahan pesakit dalaman yang mengalami kepatahan tulang dan perlu menjalani pembedahan bertambah dengan mendadak pada tahun 2014. Ini kerana kes semi-emergency seperti kepatahan tulang terpaksa di masukkan ke dalam senarai kes elektif seperti Total Knee Replacement, pembedahan Spina dan pembedahan Arthroscopy. Keadaan ini menyebabkan pesakit terpaksa</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.1.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>menunggu lebih lama untuk menjalani pembedahan yang ditetapkan.</i>	
12.5.1.4.a	<p><b>Kajian Kepuasan Pelanggan - Tahap Kepuasan Kakitangan</b></p> <p>Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik seperti garis panduan/<i>Standard Operating Policy</i> yang jelas (50.8%); peralatan dan stok bernilai tinggi disimpan di tempat selamat (56.4%); ruang kerja (lokasi pemasangan alat implan dan prostesis) bebas daripada infeksi (54.8%) dan alat implan dan prostesis yang dikeluarkan daripada stor utama untuk kegunaan disimpan di tempat bersesuaian (54.8%). Bagaimanapun, analisis juga menunjukkan terdapat 84 responden (33.6%) tidak berpuas hati dengan bilik rehat kakitangan yang disediakan kerana ia masih tidak mencukupi. Bagi keperluan sumber manusia pula, 86 responden (34.4%) tidak berpuas hati dengan sumber manusia sedia ada kerana ia masih belum mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Selain itu, 102 responden (40.8%) tidak berpuas hati dengan peralatan dan mesin yang disediakan kerana bilangannya tidak mencukupi. Di samping itu, 81 responden (32.4%) tidak berpuas hati dengan peralatan dan mesin sedia ada kerana tidak sesuai dan terkini. Analisis yang dilakukan turut mendapati 9 responden (3.6%) mencadangkan perjawatan sedia ada ditambah bagi menampung keperluan semasa. Selain itu, 4 responden (2.0%) mencadangkan peralatan dan mesin ditambah supaya perkhidmatan rawatan ortopedik berjalan dengan lancar.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.1.4.b
12.5.1.4.b	<p><b>Tahap Kepuasan Orang Awam</b></p> <p>Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik seperti layanan kakitangan Jabatan Ortopedik (71.6%), kualiti perkhidmatan rawatan yang diberikan (66.8%), papan informasi rawatan ortopedik ada disediakan dan mudah difahami (64%) dan tempoh rawatan susulan (53.2%). Bagaimanapun, analisis juga menunjukkan masih terdapat beberapa responden tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan pembedahan kecemasan ortopedik (20%), tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan tidak kurang 90 minit (18.8%), ruang menunggu kondusif dan mencukupi (16.4%) serta tempoh rawatan susulan (14.4%). Bilangan dewan bedah ortopedik yang tidak mencukupi dan kekurangan Pakar Ortopedik menyebabkan tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan pembedahan kecemasan ortopedik serta perkhidmatan konsultasi terlalu lama. Analisis Audit turut mendapati seramai 11 (4.4%) responden mengesyorkan agar Wad Ortopedik dinaik taraf untuk penyelesaian pesakit.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Manakala seramai 5 (2%) responden lagi mencadangkan tempoh masa menunggu untuk mendapatkan rawatan dapat dikurangkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kakitangan dan orang awam di hospital dilawati berpuas hati dengan prestasi pengurusan aktiviti rawatan ortopedik yang disediakan. Bagaimanapun, hospital terlibat perlu mempertimbangkan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh kakitangan dan orang awam bagi meningkatkan lagi kecekapan dan kualiti perkhidmatan ortopedik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Selaras dengan keputusan Kerajaan bagi inisiatif penggunaan sumber manusia secara optimum yang berkuat kuasa 22 April 2015, urusan pengambilan kakitangan baru dan pertambahan jawatan baru dibekukan. Namun begitu, KKM melalui Bahagian Sumber Manusia bersedia untuk mengkaji permohonan perjawatan tambahan sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang. Sebarang kajian bagi pertambahan jawatan baharu akan berdasarkan kepada dasar semasa Kerajaan iaitu melalui pengoptimuman sumber manusia melalui urusan penugasan semula atau tukar ganti jawatan. Cadangan penambahbaikan responden seperti yang dinyatakan Jabatan Audit Negara adalah selari dengan usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa seperti permohonan peralatan perubatan dikemukakan setiap tahun meliputi peralatan dewan bedah, kemudahan rawatan fisioterapi, permohonan pertambahan perjawatan dibuat melalui ABM, penyediaan latihan yang berterusan berserta peluang menghadiri kursus luaran serta menyokong penuh permohonan pegawai sambung belajar ke peringkat lebih tinggi.</i></p>	
12.5.2.1	<p><b>Perjawatan Jabatan Ortopedik</b></p> <p>Struktur perjawatan di Jabatan Ortopedik terdiri daripada tiga kategori jawatan iaitu Pengurusan &amp; Professional (P&amp;P), Paramedik &amp; Auksiliari (P&amp;A) dan Pelaksana. Bilangan jawatan diluluskan di semua Jabatan Ortopedik hospital sehingga tahun 2015 adalah sebanyak 3,693. Daripada 762 perjawatan yang diluluskan untuk Pengurusan Dan Profesional pada tahun 2015, sebanyak 276 jawatan adalah terdiri daripada Pakar Ortopedik. Sehingga bulan Jun 2015, terdapat sebanyak 246 (89.1%) jawatan Pakar Ortopedik telah diisi daripada 276 jawatan yang diluluskan. Bagi jawatan P&amp;A pula untuk tempoh yang</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.2.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sama, sejumlah 1,283 (55%) jawatan yang diisi daripada keseluruhan 2,338 jawatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015</p> <p><i>Pertambahan jawatan baru bagi perkhidmatan ortopedik dipertimbangkan melalui Anggaran Belanja Mengurus tahunan Kementerian. Pertimbangan ini adalah berdasarkan faktor kemampuan kewangan dan keupayaan mengisi kekosongan jawatan sedia ada. Di samping itu selaras dengan keputusan Kerajaan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia mulai 22 April 2015, urusan pengambilan kakitangan baru dan pertambahan jawatan baru dibekukan.</i></p>	
12.5.2.2	<p><b>Bilangan Pakar Ortopedik Dan Jururawat</b></p> <p>Semakan Audit mendapati hospital yang dilawati mengalami kekurangan Pakar Ortopedik dan Jururawat. Terdapat kekosongan jawatan tidak diisi antara 11% hingga 40% bagi Pakar Ortopedik dan 7% hingga 67% bagi Jururawat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Kekurangan Pakar Ortopedik di hospital KKM adalah kerana ramai Pegawai Perubatan/Pakar yang meletakkan jawatan/bersara/pencen dan wujud pertambahan hospital dari semasa ke semasa. Selain itu, Kementerian telah melaksanakan konsep Hospital Kluster iaitu kerjasama di antara hospital dengan aktiviti sub-kepakaran dengan hospital tanpa aktiviti sub-kepakaran. Ia melibatkan perkongsian kepakaran, peralatan, kemudahan dan peruntukan di antara hospital induk dengan dua buah hospital berhampiran dengannya. Sehingga 29 Februari 2016, pengisian keseluruhan jawatan Jururawat pelbagai gred di KKM adalah sebanyak 94.2%. Unjuran keperluan jururawat telah dibuat untuk mengisi baki kekosongan tersebut iaitu dengan melantik pelatih yang dikeluarkan oleh KKM sahaja.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.2.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.3	<p><b>Taburan Pakar Ortopedik Berbanding Bilangan Penduduk</b></p> <p>Mengikut data daripada <i>National Specialist Registrar, Academy Of Medicine Malaysia</i>, didapati nisbah semasa bilangan Pakar Ortopedik yang memiliki sub-kepakaran kepada bilangan penduduk di Malaysia sehingga bulan Oktober 2015 adalah 1.6 Pakar Ortopedik bagi 100,000 orang penduduk. Sehingga bulan November 2015, terdapat 650 Pakar Ortopedik bertauliah di 55 buah hospital KKM, hospital swasta dan universiti di Malaysia. Semakan Audit mendapati nisbah bilangan Pakar Ortopedik di hospital yang dilawati kepada bilangan penduduk di daerah yang diliputi adalah berbeza-beza iaitu antara 0.4 hingga 1.6 bagi 100,000 orang penduduk. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan Pakar Ortopedik sedia ada di HTAR dan HSB tidak mencukupi bagi daerah yang diliputi memandangkan kepadatan penduduk yang tinggi di samping peningkatan kejadian kemalangan dan kebanjiran pendatang asing.</p> <p>Pada pendapat Audit, bilangan Pakar Ortopedik dan Jururawat sedia ada di hospital yang dilawati tidak mencukupi bagi menawarkan perkhidmatan aktiviti rawatan ortopedik yang cekap dan berkesan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Taburan Pakar yang tidak sekata berbanding bilangan penduduk adalah disebabkan oleh keperluan perkhidmatan rawatan ortopedik di lokasi baru semakin meningkat. Pada tahun 2010, terdapat 45 buah hospital yang mempunyai aktiviti (perkhidmatan) kepakaran ortopedik dan ianya bertambah pada tahun 2015, iaitu sebanyak 52 buah hospital dengan Pakar Ortopedik sedia ada tetapi hanya ada 22 buah hospital yang memiliki sub-kepakaran Ortopedik. Selain itu, ramai Pakar sedia ada yang meletakkan jawatan sedangkan kemasukan Pakar baru sangat terhad.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.2.3
12.5.2.4.a	<p><b>Jadual Klinik Dan Lawatan Pakar Ke Hospital Tiada Sub-Kepakaran - Jadual Klinik Ortopedik Bagi Aktiviti Sub-Kepakaran Hanya Diadakan Sekali Seminggu</b></p> <p>Klinik Ortopedik biasanya menerima pendaftaran pesakit luar sama ada ia merupakan kes baru atau kes ulangan. Kekerapan temu janji bergantung kepada bilangan Pakar Ortopedik sedia ada mengikut aktiviti sub-kepakaran, bilangan bilik konsultasi, jadual pembedahan kecemasan dan elektif, jadual</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.2.4.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>on-call, ward round</i> serta jadual lawatan Pakar Ortopedik ke hospital lain. Temu janji sesuatu aktiviti sub-kepakaran disusun secara teratur bagi mengelak aktiviti klinikal lain seperti pembedahan dan lawatan Pakar Ortopedik ke hospital lain dibuat pada waktu yang sama.</p> <p>Semakan Audit mendapati jadual Klinik Ortopedik di hospital yang dilawati telah disediakan secara sistematik dan tersusun. Semakan lanjut mendapati perkhidmatan <i>Hand</i> dan <i>Advanced Trauma</i> di HTAR hanya diadakan sekali seminggu sahaja kerana kekurangan Pakar Ortopedik. Selain itu, Pakar Ortopedik <i>Hand</i> terlibat dalam tugas membantu operasi pembedahan tangan rumit di HKL manakala Pakar Ortopedik <i>Advanced Trauma</i> juga menjalankan pembedahan <i>hip</i> dan <i>pelvis</i> di HKL, HSB serta Hospital Ampang. Selain itu di HSB pula, aktiviti sub-kepakaran <i>Spinal, Arthroplasty</i> dan <i>Scoliosis</i> juga diadakan sekali seminggu sahaja kerana kekurangan Pakar Ortopedik dalam sub-kepakaran terlibat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015</p> <p><i>Aktiviti sub-kepakaran Hand dan Advanced Trauma di HTAR hanya diadakan sekali seminggu sahaja kerana kekurangan Pakar dalam bidang berkenaan. Bagi menampung keperluan Pakar di hospital, Kementerian telah memperkenalkan kaedah parallel pathways bagi lepasan ijazah kedokteran dengan memendekkan masa yang diambil untuk menghasilkan Pakar Ortopedik. Para lepasan ijazah kedokteran boleh mendaftar dan menduduki peperiksaan Bahagian Satu semasa houseman. Sebaik sahaja Pegawai Perubatan lulus Bahagian Satu dalam bidang kepakaran Ortopedik, para lepasan ijazah kedokteran perlu menjalani rotational posting/attachment dalam bidang kepakaran/sub-kepakaran tersebut untuk mendapat pendedahan dan pengalaman yang memadai agar memiliki pengalaman secukupnya sebagai pakar.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penentuan jadual Klinik Ortopedik di hospital yang dilawati adalah teratur kecuali jadual Klinik Ortopedik bagi sub-kepakaran <i>Hand, Advanced Trauma</i> dan <i>Spinal</i> di HTAR dan HSB tidak dapat diadakan dengan kerap.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.4.b	<p><b>Tiada Pengganti Bagi Tugas Pakar Ortopedik Jika Ada Lawatan Pakar Yang Perlu Dibuat Ke Hospital Tiada Sub-Kepakaran</b></p> <p>Hospital yang tidak mempunyai Pakar Ortopedik akan menerima lawatan Pakar Ortopedik dari hospital utama negeri atau hospital daerah berhampiran. Lazimnya, Pakar Ortopedik akan memberi perkhidmatan di klinik pakar atau menjalankan pembedahan di hospital tersebut. Bagaimanapun, terdapat kes pembedahan bagi hospital tanpa pakar terpaksa dilaksanakan di hospital pakar bergantung kepada fasiliti sedia ada dan kerumitan kes.</p> <p>Semakan Audit mendapati penetapan jadual lawatan Pakar Ortopedik ke hospital berdekatan tanpa aktiviti sub-kepakaran adalah teratur. Bagaimanapun, beban tugas Pakar Ortopedik <i>Hand</i> dan <i>Advanced Trauma</i> di HTAR dan Pakar Ortopedik <i>Spinal</i> di HSB menjadi berat dengan adanya aktiviti klinikal lawatan Pakar Ortopedik ke hospital tanpa aktiviti sub-kepakaran. Keadaan ini berlaku kerana tiada pengganti bagi tugas Pakar Ortopedik berkenaan sekiranya berlaku pembedahan kecemasan, pembedahan <i>minor</i> rumit atau kes rujukan yang perlu disegerakan. Manakala di HTAR, lawatan ke Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam diadakan secara bergilir-gilir oleh Pegawai Perubatan yang sedang menjalani kursus Sarjana. Ketiadaan pengganti sekurang-kurangnya seorang Pakar Ortopedik bagi aktiviti sub-kepakaran tertentu menyebabkan kes pembedahan <i>local</i> terpaksa dibatalkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015</p> <p><i>Bagi menampung keperluan Pakar di hospital, Kementerian telah memperkenalkan kaedah parallel pathways bagi lepasan ijazah kedoktoran dengan memendekkan masa yang diambil untuk menghasilkan Pakar Ortopedik. Para lepasan ijazah kedoktoran boleh mendaftar dan menduduki peperiksaan Bahagian Satu semasa houseman. Sebaik sahaja Pegawai Perubatan lulus Bahagian Satu dalam bidang kepakaran Ortopedik, para lepasan ijazah kedoktoran perlu menjalani rotational posting/attachment dalam bidang kepakaran/sub-kepakaran tersebut untuk mendapat pendedahan dan pengalaman yang memadai agar memiliki pengalaman secukupnya sebagai pakar.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya penentuan jadual lawatan Pakar Ortopedik ke hospital yang tiada aktiviti sub-kepakaran di hospital dilawati adalah teratur. Bagaimanapun, cadangan mewujudkan hospital dengan aktiviti</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.2.4.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sub-kepakaran di daerah perlu dipertimbangkan bagi menjamin kualiti perkhidmatan kesihatan.	
12.5.3	<p><b>Peralatan Dewan Bedah Ortopedik</b></p> <p>Setiap Dewan Bedah Ortopedik mempunyai kaunter resepsi, ruang menunggu, ruang pemulihan, bilik persalinan pakaian, bilik <i>scrub</i>, bilik <i>sterile</i>, bilik utiliti kotor dan stor unit. Dalam Dewan Bedah Ortopedik, peralatan asas yang kerap digunakan adalah <i>operating table</i>, <i>traction table</i>, <i>light surgical</i>, <i>hand drill</i> dan <i>saw drill</i>.</p> <p>Semakan Audit mendapati 77 peralatan perubatan yang telah digunakan antara 5 hingga 28 tahun di dewan bedah ortopedik HTAA, HRPB dan HSBYH bernilai RM6.91 juta kerap mengalami kerosakan walaupun telah disenggara. Perkara ini boleh mengakibatkan operasi pembedahan kurang lancar dan kos penyenggaraan/pembaikan semakin meningkat.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015</p> <p><i>Memandangkan peruntukan sedia ada terhadap, penggantian/menaik taraf peralatan perubatan terpaksa dilakukan secara berperingkat berdasarkan faktor keutamaan perkhidmatan, input daripada Ketua Perkhidmatan Ortopedik dan Jabatan Kesihatan Negeri serta mengambil kira peruntukan yang perlu diagihkan bagi disiplin perubatan lain. Pada tahun 2014 dan 2015, sejumlah RM26,719,384 peruntukan telah diluluskan untuk penggantian/perolehan peralatan perubatan bagi aktiviti rawatan ortopedik di hospital. Perancangan telah pun dibuat untuk penggantian peralatan perubatan seperti <i>operating table</i> pada tahun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kebanyakan peralatan Dewan Bedah Ortopedik kecuali HTAR dan HSB memerlukan kerja penyenggaraan yang kerap dan ini mengganggu kelancaran operasi pembedahan.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.3
12.5.4.2.a	<p><b>Penggunaan Produk Implan APPL 2014 Hingga 2017</b></p> <p>Peratus pesanan produk implan APPL 2014 hingga 2017 di hospital yang dilawati adalah rendah iaitu antara 3% hingga 66% sahaja bagi tempoh 2013 hingga 2015 berbanding peratus pesanan produk implan di luar APPL. Pihak Audit dimaklumkan produk implan APPL seperti <i>plate</i> memiliki ukuran terlalu panjang yang mana ia tidak sesuai digunakan untuk merawat luka besar dan</p>	KKM mengambil maklum pandangan pihak Audit berhubung cadangan penambahbaikan kepada pihak Pharamaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB). Justeru, sebarang cadangan penambahan teknologi bagi semua produk akan dijadikan agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Khas <i>Approved Product Purchase List</i> (APPL) KKM yang turut dianggotai oleh PLSB.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	hospital terpaksa membeli instrumen baru jika ingin menggunakannya.	
<b>12.5.4.2.b</b>	Sebanyak 61 hingga 208 daripada 557 <i>subcodes</i> produk implan APPL bernilai RM0.29 juta tidak digunakan oleh HTAA, HSB, HRPB dan HSBYH. Pihak Audit dimaklumkan produk implan APPL terlibat tidak digunakan lagi kerana saiz yang terlalu panjang atau pendek, fungsi tidak seiring dengan perkembangan teknologi, latihan CME tidak disediakan, kadar kegagalan implan berfungsi adalah tinggi dan kegunaan implan hanya terhad untuk kes pembedahan/trauma biasa sahaja.	Pembelian masih dilakukan bagi Implan yang masih ada dalam senarai APPL. Pembelian dibuat hanya bagi implan yang sesuai dengan alat dan kelengkapan Dewan Bedah yang sedia ada. Pembelian tidak akan dibuat sekiranya tiada keperluan ataupun ianya tidak sesuai dengan pesakit.
<b>12.5.4.2.c</b>	<p>Pada tahun 2015, Pakar Ortopedik di hospital yang dilawati telah membuat pesanan produk implan di luar senarai APPL seperti <i>cannulated cancellous screw, interlocking nail system</i>, produk implan yang menggunakan bahan <i>titanium</i>, komponen <i>external fixator</i> dan produk implan yang memiliki ciri <i>stainless steel</i>. Berdasarkan analisis Audit terhadap 750 sampel baucar bayaran bagi tempoh 2013 hingga Ogos 2015, mendapati sebanyak 37,737 (52%) daripada 72,772 kuantiti produk implan di luar APPL mempunyai instrumen tambahan dan gabungan lebih daripada 1 jenis produk implan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Unit Sumber Perubatan, BPP semua produk implan APPL tidak <i>customized</i> mengikut kompleksiti kes pembedahan/trauma kerana tiada input diterima daripada mana-mana Pakar Ortopedik berhubung senarai produk implan terkini yang kerap diguna pakai.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Produk implan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Satu mesyuarat berhubung pembekalan produk implan APPL keluaran OSA telah diadakan pada 19 Februari 2016. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKSU(K) dan dihadiri oleh pakar - pakar ortopedik daripada Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Shah Alam, Hospital Sungai Buloh dan Hospital Serdang. Mesyuarat turut bersetuju supaya Bahagian Perkembangan Perubatan mengkaji dan mengenal pasti keperluan produk implan untuk perolehan APPL bagi tempoh 2017 hingga 2019. Selain itu, OSA melalui mesyuarat tersebut telah memaklumkan bahawa pihaknya telah merancang untuk bekerjasama dengan syarikat luar negara bagi menambahkan pengeluaran produk implan berdasarkan teknologi terkini daripada jenis titanium dan locking plate. Syarikat juga memaklumkan bahawa pihaknya ada melaksanakan CME di beberapa hospital dan sentiasa bersedia untuk menawarkannya kepada pihak fasiliti kesihatan jika diperlukan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Penggunaan implan APPL kurang digunakan di HRPB memandangkan spesifikasinya yang berbeza berbanding implan terkini dan terdapat implan yang juga sudah outdated serta tidak digunakan lagi. Selain itu, OSA tidak menyediakan set instrumen tambahan bagi membolehkan implan APPL dapat digunakan.</i></p> <p><i>HSB memaklumkan bahawa pesanan/pembelian produk di luar APPL dibuat bagi merawat kes kepatahan tulang yang rumit di mana ia tidak sesuai digunakan untuk merawat pesakit terlibat. Manakala HSBYH pula membeli alat yang murah dan berkualiti serta berteknologi terkini seperti locking implants bagi menampung bilangan pesakit yang layak memperoleh bantuan alat implan percuma. Kebanyakan Pakar Ortopedik kerap menggunakan 4.0mm cancellous screw berbanding dengan skru Malleolar Screw 4.5mm di bawah produk implan APPL. Bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum mengenai sebarang penambahbaikan produk implan keluaran syarikat OSA yang perlu dilaksanakan bagi membolehkan ia dapat memenuhi kehendak pengguna selaras dengan perkembangan teknologi terkini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya proses penyediaan Laporan Penilaian Teknikal adalah teratur. Kebanyakan produk implan APPL masih diperlukan lagi oleh Pakar Ortopedik di hospital KKM. Bagaimanapun, BP&amp;P perlu memaklumkan setiap cadangan penambahbaikan kepada PLSB supaya mereka mengetahui keputusan terkini Kementerian dan seterusnya pengeluaran produk APPL adalah memenuhi kehendak semasa pengguna selaras dengan perkembangan teknologi terkini.</p>	
12.5.5.1	<p><b>Penetapan Tempoh Bayaran Deposit Peralatan <i>External Fixator</i> Tidak Dapat Disahkan</b></p> <p>Mengikut surat Kementerian yang sama bertarikh 12 Januari 2001 menetapkan kutipan bayaran deposit peralatan <i>external fixator</i> (EF) hendaklah dibuat sebelum pesakit discaj dari hospital.</p> <p>Semakan Audit mendapati bayaran deposit peralatan EF oleh 278 pesakit di semua hospital dibuat dalam tempoh antara 10 hingga 210 hari. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada bayaran deposit tersebut diselesaikan pada, sebelum atau selepas pesakit discaj dari hospital. Ini adalah kerana hospital tidak menyediakan senarai pesakit yang meminjam peralatan berkenaan. Mengikut HTAA dan HRPB, penetapan tempoh bayaran deposit peralatan EF yang mengikut jenis kes pembedahan adalah sukar ditentukan memandangkan kompleksiti kes yang berbeza-beza.</p>	<p>Penetapan masa tidak pernah dilakukan sama ada diperingkat KKM mahupun hospital. Tempoh pembayaran bergantung kepada pesakit selagi berada di dalam wad. Kutipan bayaran akan dibuat sebelum pesakit di discaj daripada wad.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kutipan bayaran deposit peralatan EF adalah tidak memuaskan kerana tiada mekanisme khusus diwujudkan bagi mengenal pasti pesakit yang masih belum menjelaskan bayaran sebelum discaj dari hospital. Pemantauan yang longgar mengakibatkan pengurusan kutipan bayaran deposit peralatan EF tidak dapat dilaksanakan dengan cekap.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Tempoh deposit pesakit tidak dapat ditentukan kerana kompleksiti kes yang berbeza-beza. Pengutipan deposit alat EF akan dibuat dalam tempoh munasabah iaitu dari tarikh ia dipasang. Bagaimanapun, ia tertakluk kepada pengurusan sesuatu kes dari semasa ke semasa. Sekiranya ada pertambahan atau perubahan kadar deposit alat EF, tambahan kutipan deposit akan dibuat lagi. Selain itu, HRPB telah mengambil tindakan di mana Senarai Borang Pemasangan dan Surat Pengesahan Pembukaan telah diserahkan kepada Unit Hasil untuk tujuan pemantauan kutipan.</i></p>	
12.5.5.2	<p><b>Pemantauan Pemulangan Peralatan <i>External Fixator</i></b></p> <p>Sebelum pemasangan peralatan EF, pesakit perlu didaftarkan sebagai pesakit dalam wad ortopedik terlebih dahulu. Seterusnya proses pemasangan peralatan EF dijalankan di Dewan Bedah Ortopedik. Proses pembukaan peralatan EF pula dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Klinik Ortopedik. Pesakit akan membawa borang pinjaman peralatan EF dan resit pembayaran untuk disahkan oleh PPP. Selepas itu, pesakit boleh mendapatkan bayaran balik deposit daripada Unit Hasil. Secara ringkasnya, tempoh peminjaman peralatan EF bermula dari proses pemasangan alat terlibat sehingga proses pemulangannya kepada PPP setelah rawatan selesai.</p> <p>Semakan Audit mendapati maklumat tarikh pemasangan peralatan EF ada direkodkan oleh pihak Dewan Bedah Ortopedik dan maklumat tarikh pemulangannya juga direkodkan oleh PPP dalam borang peminjaman peralatan EF. Semakan lanjut mendapati tiada pemantauan untuk memastikan peralatan EF dikembalikan oleh pesakit selepas rawatan selesai. Pihak Audit dimaklumkan oleh HTAA tempoh peminjaman peralatan EF sukar ditetapkan memandangkan proses penyembuhan pesakit adalah berbeza-beza.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.5.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tiada pemantauan dan koordinasi antara Dewan Bedah dengan Klinik Ortopedik terhadap tempoh peminjaman dan pemulangan peralatan EF yang mana ia boleh menjejaskan kelancaran operasi rawatan ortopedik.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>Tempoh penggunaan alat EF oleh pesakit adalah bergantung kepada tahap kepatahan dan proses pemulihan kepatahan. Tambahan pula, terdapat pesakit yang memerlukan tempoh masa lebih lama untuk pulih daripada kepatahan berkenaan. Justeru itu, Penyelia perlu menghubungi pesakit jika tempoh penggunaan alat EF melebihi 3 bulan. Selain itu, Penolong Pegawai Perubatan diminta untuk menjadi penyelaras bagi meneliti tempoh penggunaan alat EF dan memastikan ia dipulangkan oleh pesakit. Selain itu, Jabatan Ortopedik HRPB telah mewujudkan buku rekod penghantaran EF yang telah dibuka di klinik ortopedik dan bagi setiap kes berkenaan, ia akan dihantar ke Dewan Bedah Ortopedik dengan segera. Manakala HTAR pula telah mewujudkan Borang Pemantauan Pemasangan Dan Pembukaan Serta Pemulangan EF yang diselaraskan oleh Penyelia di Klinik Ortopedik.</i></p>	
12.5.5.3	<p><b>Pemasangan Dan Pemulangan Komponen Alat <i>External Fixator</i></b></p> <p>Dewan Bedah Ortopedik biasanya merekodkan kuantiti dan jenis komponen alat <i>external fixator</i> (EF) yang dipasang dalam satu buku log khas bagi membolehkan pemantauan dibuat sama ada oleh pihak Wad atau Klinik Ortopedik. Bagi memudahkan semakan dibuat terhadap kuantiti alat EF yang dikembalikan oleh pesakit, pihak Dewan Bedah Ortopedik akan mengemukakan satu salinan rekod kuantiti dan jenis komponen alat EF kepada Wad dan Klinik Ortopedik. Semasa pesakit mengembalikan alat EF yang dipinjamkan, PPP di Klinik Ortopedik akan mengesahkan kuantiti alat EF yang dikembalikan dengan rekod yang dikemukakan oleh Dewan Bedah Ortopedik sebelum proses pembukaannya dibuat.</p> <p>Semakan Audit mendapati tiada mekanisme khusus disediakan untuk semua hospital bagi memastikan kuantiti komponen alat EF yang dipasang dan dipulangkan direkodkan dengan teratur dan kemas kini. Adalah didapati sebanyak 16 komponen alat EF bernilai RM2,104 telah dipasang kepada pesakit. Bagaimanapun, komponen peralatan tersebut tidak direkodkan ke dalam daftar pemasangan alat EF di Dewan Bedah. Manakala bagi tempoh</p>	<p>Proses penambahbaikan bagi pemasangan dan pemulangan komponen alat EF telah dilakukan dan pemantauan telah pun dibuat mulai Bulan Ogos 2015 di HTAA. Manakala itu di HRPB, Buku Rekod Penghantaran Dan Penerimaan Semula EF telah pun direkodkan semula di bin kad.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang sama, sebanyak 876 komponen alat EF bernilai RM0.24 juta yang dikembalikan melalui borang yang sama oleh pesakit tidak disahkan kuantitinya oleh PPP. Pemantauan yang longgar boleh mendatangkan risiko kerugian kepada hospital terlibat kerana terpaksa membeli semula komponen alat terlibat yang tidak mencukupi.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan pemasangan dan pemulangan komponen alat <i>external fixator</i> di hospital secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Akibatnya hospital tidak dapat menentukan sama ada kuantiti alat EF yang dipulangkan oleh pesakit adalah bersamaan dengan yang dipasang terhadap anggotanya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015 Dan 21 Mac 2016</p> <p><i>HTAA mempunyai data pemasangan produk implan bagi 3 tahun mulai 2013 hingga 2015. Bagaimanapun, data tersebut tidak dinyatakan secara terperinci. Justeru itu bagi memastikan semua pesakit yang meminjam komponen alat EF memulangkannya, satu format borang alat EF berserta carta aliran pemasangannya telah disediakan untuk kegunaan pada masa hadapan. Selain itu, HTAR telah mewujudkan Borang Pemantauan Pemasangan Dan Pembukaan Serta Pemulangan EF yang diselaraskan oleh Penyelia di Klinik Ortopedik. Manakala di HRPB pula, Buku Rekod Penghantaran Dan Penerimaan Semula EF akan direkodkan semula di bin kad.</i></p>	
12.5.6.1	<p><b>Pengesahan Permohonan Kos Rawatan Melebihi RM10,000 Di Bawah Tabung Bantuan Perubatan</b></p> <p>Tabung Bantuan Perubatan (TBP) merupakan Kumpulan Wang Amanah yang diwujudkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 bertujuan untuk membantu membiayai kos rawatan perubatan kepada golongan tidak berkemampuan dan yang memerlukan rawatan berterusan. Antara konsep utama TBP adalah ia merupakan bantuan untuk rawatan perubatan yang perlu dilaksanakan dalam negara sahaja dan diberikan sebelum rawatan dijalankan. Bantuan rawatan perubatan adalah terdiri daripada peralatan perubatan dan peralatan untuk tujuan rehabilitasi yang meliputi pemulihan asas. Selain itu, syarat utama kelayakan permohonan TBP adalah warganegara Malaysia, pesakit miskin/kurang mampu yang disokong oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP), pesakit yang dirujuk oleh hospital KKM dan pesakit yang berdaftar dengan e-Kasih di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.6.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Perdana Menteri.	
12.5.6.2	<p>Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 19 Tahun 2008 pula menetapkan bagi memastikan ketelusan pemilihan serta kesesuaian implan yang akan digunakan, Jawatankuasa Implan Dan Prostesis yang dianggotai oleh Pengarah Hospital (Pengerusi), pakar yang memohon implan/prostesis untuk pesakit, pakar daripada disiplin lain dan pegawai JKSP (Urusetia) hendaklah ditubuhkan untuk mengesahkan permohonan implan/prostesis yang berharga melebihi RM10,000.</p>	
12.5.6.3	<p>Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Implan Dan Prostesis Hospital tidak ditubuhkan di hospital yang dilawati. Semakan lanjut mendapati 91 (37.1%) daripada 245 fail permohonan bantuan TBP yang diterima melibatkan permohonan kos peralatan melebihi RM10,000 dan kesemuanya berjumlah RM1.69 juta tidak disahkan oleh Jawatankuasa Implan Dan Prostesis.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 31 Disember 2015</p> <p><i>Jawatankuasa Implan Dan Prostesis bagi kos rawatan melebihi RM10,000 tidak ditubuhkan di hospital berkenaan kerana didapati kurang praktikal disebabkan melibatkan Pengarah Hospital sebagai Pengerusi. Keadaan ini akan melambatkan proses permohonan TBP. Selepas teguran Audit dibuat, barulah semua hospital terlibat menubuhkan Jawatankuasa Implan Dan Prostesis masing-masing.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelulusan bantuan peralatan implan bernilai melebihi RM10,000 tanpa pengesahan Jawatankuasa Implan Dan Prostesis adalah tidak teratur dan tidak mematuhi pekeliling yang berkuat kuasa.</p>	
12.5.7	<p><b>Pelupusan Stok Bekalan Alat Implan</b></p> <p>1PP - KP 6.8 menetapkan pelupusan perlu dilaksanakan terhadap stok yang didapati rosak, luput tempoh penggunaan, tidak boleh digunakan, tidak diperlukan dan tidak bergerak. Semakan Audit mendapati sejumlah 2,010 stok bekalan implan yang bernilai RM328,440 di HTAA dan HSBYH yang tidak digunakan masih lagi disimpan di Stor Unit Dewan Bedah Ortopedik. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat tahun perolehan stok bekalan implan berkenaan. HTAA memaklumkan pelupusan stok bekalan <i>K-Nail Femur</i> dan <i>K-Nail Tibia</i> tidak dilaksanakan kerana kurang memahami prosedur pelupusan stok secara terperinci. Stok bekalan implan yang tidak</p>	<p>HSBYH telah melaksanakan pelupusan semua stok bernilai rendah (implan) pada 6 April 2016 dengan kaedah jualan sisa.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>digunakan jika terus dibiarkan di dalam stor boleh mengakibatkan berlakunya masalah ruang penyimpanan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap pelupusan stok bekalan implan di HTAA dan HSBYH adalah kurang cekap menyebabkan sebanyak 2,010 implan bernilai RM328,440 yang tidak digunakan lagi tidak diambil tindakan pelupusan awal.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 21 Mac 2016</p> <p><i>Jawatankuasa Aset HTAA telah melupuskan sejumlah 788 batang K-Nail Femur dan K-Nail Tibia dengan cara menjualkannya tersebut kepada syarikat Mahkota Tyre Services pada 4 Februari 2016. Manakala di HSBYH pula, pelaksanaan pelupusan ini akan diselesaikan dalam tempoh terdekat memandangkan kelewatan adalah disebabkan oleh kerumitan dan masa yang lama untuk mengasingkan sebanyak 1,112 unit implan yang berjumlah RM166,800 mengikut saiz, diameter, panjang dan jenis.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Perenggan 13 : Pengurusan Perkhidmatan Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta Di Hospital**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.1	<p><b>Pengurusan Tender Dan Perjanjian Kontrak - Percanggahan Antara Perjanjian Kontrak Dan SST</b></p> <p>Mengikut perjanjian kontrak pengawal peronda dikehendaki membuat rondaan, tinjauan dan pemerhatian serta membuat <i>clocking</i> setiap jam di tempat-tempat yang ditetapkan. Manakala dalam Lampiran 4, Jadual C kepada SST pula menetapkan peraturan pelaksanaan <i>clocking</i> atau <i>Guard Tour System</i> (GTS) dilaksanakan setiap dua jam atau sekurang-kurangnya 12 kali dalam tempoh 24 jam. Semakan Audit mendapati berlaku percanggahan terma berkaitan rondaan yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak dan SST di HM, HAG dan HTJ. Percanggahan ini menyebabkan pelaksanaan <i>clocking</i> di 3 hospital berkenaan dibuat setiap dua jam iaitu mengikut terma dalam SST.</p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak dan SST perlu diselaraskan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><i>Kerajaan yang diwakili oleh KKM dan syarikat kawalan keselamatan telah menandatangani Perjanjian Tambahan berkaitan pindaan pelaksanaan clocking atau Guard Tour System (GTS) daripada setiap satu jam kepada dua jam di HM pada 7 Januari 2016, di HAG pada 22 Disember 2015 dan di HTJ pada 8 Januari 2016.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 13.5.1.1
13.5.1.2.a	<p><b>Perkhidmatan Rondaan -0020Tiada Fasal Denda Terhadap Kegagalan Menjalankan Rondaan</b></p> <p>Perjanjian kontrak di HM, HAG, HTJ, HTAN, HSdg dan HPj telah menetapkan rondaan mengikut selang waktu di lokasi/<i>checkpoint</i> tertentu tanpa menetapkan kaedah denda terhadap kegagalan menjalankan rondaan. Manakala bagi perjanjian kontrak di PJHUS dan HRCBM tiada fasal berkaitan rondaan dan denda. Di HM, HAG, HTAN dan HSdg walaupun fasal denda</p>	KKM melalui surat rujukan KKM(S)-57/T4/30Jld.43(5) bertarikh 27 April 2016 telah mengedarkan kepada semua fasiliti KKM berkaitan penambahbaikan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan swasta melibatkan pelaksanaan penalti kegagalan menjalankan rondaan dan <i>clocking</i> . Melalui surat tersebut juga, diedarkan templat perjanjian kontrak yang baru yang telah diluluskan oleh

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tidak dinyatakan dalam perjanjian kontrak, pihak hospital telah mengambil inisiatif mengenakan denda di bawah pemotongan kualiti.</p> <p>Pada pendapat Audit, fasal denda terhadap kegagalan menjalankan rondaan perlu dinyatakan dalam perjanjian kontrak bagi menjamin kepentingan Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><i>KKM sedang dalam tindakan untuk melaksanakan semula fasal denda terhadap kegagalan menjalankan rondaan bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan yang baharu dengan mengambil kira best practices pelaksanaan oleh kementerian-kementerian lain. Di HM, kontraktor telah mempersetujui penetapan kadar terhadap kegagalan menjalankan rondaan pada sesi Mesyuarat Validasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta Bil.1/2016 pada 7 Januari 2016.</i></p>	<p>Penasihat Undang-Undang KKM dengan penambahan klausa penalti kegagalan menjalankan rondaan dan <i>clocking</i>.</p>
<p><b>13.5.2.1.a</b></p>	<p><b>Pelaksanaan Perjanjian Kontrak - Pra-syarat Lantikan Pengawal Keselamatan</b></p> <p>Di HM, daripada 135 pengawal keselamatan, seramai 35 (25.9%) berumur melebihi 55 sehingga 65 tahun tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan (2 pengawal berumur melebihi 65 tahun iaitu masing-masing berumur 67 tahun dan 70 tahun). Selain itu, semua pengawal keselamatan tidak menjalani tapisan keselamatan, ujian air kencing dan tidak mempunyai sijil CSG.</p>	<p>Di HM seramai 20 orang pengawal keselamatan telah menghadiri latihan CSG.</p> <p>Kontrak syarikat kawalan keselamatan di HTAN telah tamat pada 30 April 2016. Syarikat baru telah mengambil alih tugas kawalan keselamatan pada 1 Mei 2016. Pengurusan HTAN akan menyemak dan memastikan syarikat baru mematuhi semua syarat-syarat lantikan pengawal keselamatan.</p>
<p><b>13.5.2.1.b</b></p>	<p>Di HTAN, daripada 35 pengawal keselamatan, seramai 4 (11.4%) berumur melebihi 55 sehingga 65 tahun tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan manakala 2 (5.7%) pengawal berumur melebihi 65 tahun iaitu masing-masing berumur 66 tahun dan 67 tahun, 8 (22.9%) pengawal tidak menjalani tapisan keselamatan dan 26 (74.3%) pengawal tidak mempunyai sijil CSG.</p>	<p>Di HSdg, seramai 67 daripada 140 pengawal telah lulus tapisan keselamatan. Pengurangan ini adalah kerana seramai 13 pengawal yang telah lulus tapisan keselamatan telah berhenti daripada bekerja di hospital ini dan hospital masih menunggu keputusan tapisan keselamatan untuk baki seramai 73 orang pengawal keselamatan.</p>
<p><b>13.5.2.1.c</b></p>	<p>Di HSdg, daripada 126 pengawal keselamatan, seramai 3 (2.4%) berumur melebihi 55 sehingga 65 tahun tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan, 60 (47.6%) tiada tapisan keselamatan, 98 (77.8%) tiada ujian air kencing dan 120 (95.2%) tidak mempunyai sijil CSG.</p> <p>Pada pendapat Audit, pematuhan kepada pra-syarat lantikan pengawal</p>	<p>Manakala itu, jumlah pengawal keselamatan yang telah menghadiri kursus CSG masih seramai 24 orang kerana pihak Moza Security belum menghantar pengawal keselamatan yang lain bagi menghadiri kursus tersebut. Pihak HSdg sentiasa memantau perkara ini dan akan meminta pihak syarikat untuk menghantar baki pengawal keselamatan yang belum menghadiri kursus berkenaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>keselamatan adalah kurang memuaskan dan hendaklah dipatuhi bagi menjamin kualiti perkhidmatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><i>Di HM, semua pengawal yang berumur antara 55 hingga 65 telah menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan dan tiada lagi pengawal keselamatan melebihi had umur yang bertugas. Permohonan tapisan keselamatan telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri dan semua pengawal telah menjalani ujian air kencing pada 10, 18 Disember 2015 dan 8 Januari 2016 dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Melaka Tengah. Manakala pelaksanaan CSG akan dibuat berdasarkan surat arahan Kementerian Dalam Negeri bertarikh 1 April 2015.</i></p> <p><i>Di HTAN, kontraktor telah menamatkan perkhidmatan pengawal keselamatan yang berumur melebihi 65 tahun pada 25 Disember 2015 dan pengawal berumur melebihi 55 hingga 65 tahun yang tidak menjalani pemeriksaan kesihatan telah berhenti berkhidmat. Seramai 9 pengawal telah memperoleh sijil CSG dan selebihnya akan diusahakan secara berperingkat.</i></p> <p><i>Di HSdg, semua pengawal berumur antara 55 hingga 65 tahun telah menjalani pemeriksaan kesihatan. Sehingga Januari 2016, seramai 80 pengawal telah lulus tapisan keselamatan, baki 46 pengawal masih dalam proses dan 24 pengawal telah menjalani kursus CSG.</i></p>	
13.5.2.2	<p><b>Penyediaan Alat Dan Kelengkapan</b></p> <p>Kontraktor dikehendaki menyediakan alat dan kelengkapan yang mencukupi seperti alat perhubungan <i>walkie talkie</i>, cotar, wisel dan peralatan <i>GTS/Clocking</i>. Pemeriksaan Audit di HM, HUS dan PJHUS mendapati peralatan <i>walkie talkie</i> yang dibekalkan tidak mencukupi di mana hanya 35 (50%), 4 (9%) dan 10 (59%) unit dibekalkan berbanding 70, 44 dan 17 unit <i>walkie talkie</i> yang patut dibekalkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak. Manakala di HTAN peralatan <i>walkie talkie</i> tidak dibekalkan langsung.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan <i>walkie talkie</i> yang tidak mencukupi boleh menjejaskan keberkesanan perhubungan antara pengawal keselamatan dan pihak pengurusan hospital.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 13.5.2.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><i>HUS dan PJHUS mengambil maklum teguran Audit dan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk membekalkan peralatan walkie talkie secukupnya. Di HM, kontraktor telah menyediakan sebanyak 70 unit walkie talkie pada 16 Februari 2016 bagi mematuhi syarat kontrak.</i></p> <p><i>Di HTAN, wakie-talkie yang rosak telah diganti pada bulan November 2015. Pemantauan akan dijalankan secara berterusan untuk memastikan kontraktor membekalkan walkie talkie secukupnya.</i></p>	
13.5.2.3.a	<p><b>Keselamatan Kaunter Hasil Dan Perkhidmatan Transit Wang Tunai (CIT) - Keselamatan Kaunter Kutipan Hasil</b></p> <p>Bagi menepati ciri-ciri keselamatan kaunter kutipan hasil, pengawal keselamatan bersenjata hendaklah ditempatkan di kaunter hasil. Semakan Audit mendapati kelemahan seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Di HAG pengawal keselamatan tidak ditempatkan di kaunter hasil disebabkan tidak termasuk dalam skop <i>post/lokasi</i> yang perlu ditempatkan pengawal keselamatan dalam perjanjian kontrak KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS).</li> <li>ii. Di HM mengikut perjanjian kontrak pengawal keselamatan bersenjata perlu ditempatkan di kaunter hasil. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pengawal keselamatan tanpa senjata yang ditempatkan di kaunter hasil.</li> </ol>	<p>Di HM, KKM telah mengeluarkan Notis Meremedikan Kemungkiran dan surat bertarikh 25 April 2016 kepada syarikat Armoured Protection &amp; Investigation Services (M) Sdn. Bhd. supaya mengemukakan permohonan subkontrak yang baru dalam tempoh empat belas (14) hari. Sekiranya masih gagal mengemukakan permohonan subkontrak yang baru tersebut, tindakan mengikut perjanjian kontrak akan dilaksanakan.</p>
13.5.2.3.b	<p><b>Perkhidmatan Transit Wang Tunai</b></p> <p>Perkhidmatan transit wang tunai (CIT) ialah membawa wang tunai dari hospital ke bank diperincikan dalam kontrak dengan bilangan perkhidmatan dikehendaki sebulan dan harga <i>per run</i>. Pemeriksaan Audit mendapati di HAG, kontrak KKM(KS-A.GAJAH) 167/2011 yang dilaksanakan oleh syarikat Safe Force (M) Sdn. Bhd. berkuat kuasa mulai 3 Disember 2012 hingga 3 Disember 2014 sejumlah RM20,352 telah dinyatakan dalam harga kontrak untuk perkhidmatan CIT. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyediakan perkhidmatan CIT pada tahun 2013 dan 2014 dan tugas memasukkan wang ke bank telah dilaksanakan oleh pegawai unit hasil.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bagaimanapun, tiada bayaran dibuat kepada kontraktor bagi perkhidmatan CIT bagi tempoh berkenaan. Selain itu, perkhidmatan CIT bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa KKM-268/2014/K/ALOR GAJAH (KS) mulai 3 Disember 2014 hingga 3 Disember 2016 oleh syarikat One M Secure Force Sdn. Bhd. telah dijalankan oleh pihak ketiga iaitu SRT-EON Security tanpa kelulusan Kementerian dan ini bertentangan dengan fasal dalam perjanjian kontrak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015 Dan 14 Mac 2016</p> <p><i>Di HAG langkah-langkah yang diambil adalah seperti mengkaji keperluan menempatkan pengawal bersenjata di kaunter berdasarkan perbandingan jumlah kutipan hasil harian dengan kos bayaran menempatkan pengawal bersenjata; cadangan pengubahsuaian kaunter hasil; dan memastikan keselamatan petugas di kaunter terbuka terjamin.</i></p> <p><i>KKM juga telah bersetuju membenarkan syarikat One M Secure Force Sdn. Bhd. menggunakan pihak ketiga iaitu SRT-EON Security untuk menjalankan perkhidmatan transit wang tunai (CIT) di HAG melalui surat bertarikh 18 Disember 2015.</i></p> <p><i>Di HM, 10 pengawal keselamatan telah diluluskan lesen menggunakan senjata api oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah pada 25 Februari 2016. Manakala baki pengawal keselamatan yang masih belum mendapat kelulusan lesen, KKM memberi tempoh sehingga 1 April 2016 kepada kontraktor untuk menyelesaikannya.</i></p>	
13.5.2.4.b	<p><b>Kes Kehilangan Aset</b></p> <p>Semakan Audit juga mendapati perjanjian tersebut tidak meliputi pos kawalan keselamatan bagi bangunan hospital lama yang terletak di Jalan Paya Datuk Alor Gajah. Selepas perpindahan ke hospital baharu, hospital lama ini telah dijadikan sebagai Pusat Hemodialisis di bawah seliaan JKN Melaka dan perkhidmatan kawalan keselamatan tidak disediakan. Satu kes kecurian telah berlaku pada 27 Januari 2015 melibatkan kehilangan 17 unit kompresor pendingin hawa yang keseluruhannya bernilai RM32,000. Laporan Awal KEW.PA-28 telah disediakan pada 28 Januari 2015.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 13 .5.2.4.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.4.c	<p>Di HUS, sebanyak 13 unit kompresor pendingin hawa bernilai RM13,000 telah dilaporkan hilang. Kehilangan tersebut berlaku semasa perkhidmatan kontraktor One Mission Security Services Sdn. Bhd. (JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T(80/2013). Mengikut siasatan oleh HUS kehilangan tersebut disebabkan kecuaihan pihak kontraktor dan ganti rugi perlu dituntut daripada pihak tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, kehilangan 17 unit kompresor pendingin hawa bernilai RM32,000 di HAG adalah disebabkan kegagalan pihak hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri memastikan premis berkenaan tersenarai dalam kontrak perkhidmatan SKKS. Manakala bagi kehilangan 13 unit kompresor pendingin hawa bernilai RM13,000 di HUS adalah di bawah tanggungjawab kontraktor perkhidmatan SKKS dan HUS hendaklah menuntut ganti rugi dari pihak kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015</p> <p><i>HAG menjangkakan bangunan hospital lama tersebut akan diserahkan kepada pihak kedua semasa kontrak kawalan keselamatan bermula pada Disember 2014. Oleh itu, HAG tidak menempatkan pos pengawal di lokasi tersebut. Setelah kejadian kecurian, tindakan telah diambil berdasarkan Perjanjian Kontrak Fasal 6.3, iaitu menempatkan satu Pos di hospital lama dengan mengurangkan satu Pengawal Keselamatan di Pos A (Pos asal dua orang) tanpa melibatkan perbezaan kos dan bilangan pengawal keselamatan.</i></p> <p><i>HUS telah membuat penilaian harga semasa 13 unit kompresor penghawa dingin tersebut setelah susut nilai. HUS telah memutuskan mengenakan denda ganti rugi sejumlah RM1,000 atas kehilangan kompresor pendingin hawa tersebut. Ganti rugi tersebut telah dituntut melalui pemojangan bayaran perkhidmatan bulan Julai 2015.</i></p>	
13.5.3.1.a	<p><b>Bayaran Perkhidmatan - Penalti Dan Cukai Perkhidmatan 6% Tidak Ditolak Daripada Amaun Potongan Menyebabkan Lebihan Bayaran Berjumlah RM235,895</b></p> <p>Analisis Audit terhadap 287 baucar bayaran bernilai RM49.16 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015 di lapan hospital yang dilawati mendapati perkara seperti yang berikut:</p> <p>i. Di HAG sejumlah RM475 cukai perkhidmatan 6% tidak ditolak daripada pelarasan bayaran bagi bulan Februari dan Mac 2013;</p>	<p>HAG telah mengutip bayaran sebanyak RM475 dari syarikat kawalan keselamatan Safe Force Malaysia Sdn. Bhd melalui resit (Kew.38E) nombor 08040116001894 bertarikh 27 April 2016.</p> <p>Bagi kontrak JKNSWK-1/2012 (HUS-KW)T(33/2012, surat peringatan pertama telah dihantar kepada Syarikat SRT-EON bertarikh 24 November 2015. Peringatan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Di HTJ, HSdg dan PJHUS cukai perkhidmatan tidak ditolak daripada amaun potongan masing-masing berjumlah RM8,530, RM49,199 dan RM1,536; dan</p> <p>iii. Di HUS, cukai perkhidmatan tidak ditolak daripada amaun potongan berjumlah RM28,306 dan bayaran penuh pada bulan Mei 2015 yang tidak mengambil kira potongan berjumlah RM147,849 menyebabkan kesemua lebihan bayaran berjumlah RM176,155.</p> <p>Keseluruhan amaun terlebih bayar kepada kontraktor adalah berjumlah RM235,895. Ini bermakna setiap amaun potongan pihak kontraktor memperoleh lebihan bayaran sebanyak 6% atas amaun tersebut.</p> <p>Pihak Audit dimaklumkan oleh Unit Kewangan hospital berkenaan bahawa cukai perkhidmatan 6% tidak ditolak daripada amaun potongan sebaliknya dibayar penuh adalah disebabkan pegawai keliru terhadap cara pengiraan potongan dikenakan dan ia tidak ditegur sebelumnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran perkhidmatan adalah kurang memuaskan kerana berlaku lebihan bayaran berjumlah RM235,895.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015 Dan 14 Mac 2016</p> <p><i>HAG telah mengemukakan surat tuntutan bayaran balik kepada kontraktor bertarikh 17 November 2015.</i></p> <p><i>Di HTJ, lebihan bayaran sejumlah RM8,529.53 telah dituntut semula melalui Baucar Bayaran B5484 dan B9667 masing-masing berjumlah RM5,898.25 dan RM2,631.28.</i></p> <p><i>Di HUS, bagi kontrak JKNSWK-1/2012 (HUS-KW)T(33/2012) masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Bagi kontrak HUS/EP/110/B/K67/82/13 pula, surat tuntutan bayaran balik telah dihantar. Manakala bagi kontrak JKNSWK-22/2013(HUS-KW)T(80/2013), semua bayaran terlebih bayar berjumlah RM0.22 juta telah dikutip balik melalui bayaran bank draft dan p potongan yuran perkhidmatan bulan Disember 2014.</i></p>	<p>dan susulan seterusnya telah dibuat oleh Akauntan HUS pada 27 April 2016. Setakat ini belum menerima bayaran balik sebanyak RM33,118.85.</p> <p>Manakala itu, bagi kontrak <i>HUS/EP/110/B/K067/83/13</i>, surat peringatan pertama telah dihantar kepada Syarikat Freightweight G Patomotoh Security Services Sdn Bhd bertarikh 16 November 2015. Peringatan dan susulan seterusnya telah dibuat oleh Akauntan HUS pada 27 April 2016. Setakat ini belum menerima bayaran balik sebanyak RM 2,771.14.</p> <p>Pihak HUS sentiasa memantau perkara ini dan pihak kontraktor dijangka membuat pembayaran bagi kedua-dua kontrak tersebut selewatnya pada akhir bulan Mei 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Di PJHUS, bayaran balik telah diterima melalui Resit No. A1037805.</i></p> <p><i>Di HSdg, kontraktor telah menjelaskan tuntutan bayaran balik berjumlah RM7,738.93 melalui surat AHM/KKM (KS-Serdang) bertarikh 7 Januari 2016 dan resit pembayaran bertarikh 28 Januari 2016 telah dikeluarkan.</i></p> <p><i>Di HUS, kontraktor akan membuat bayaran balik sebelum bulan Mei 2016.</i></p>	
13.5.3.1.b	<p><b>Potongan Dan Penalti Dua Kali Ganda (1+2) Dikenakan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap bayaran bagi kontrak rujukan KKM(KS-SERDANG)83/2012 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012 hingga 1 Ogos 2014 mendapati kegagalan kontraktor menyediakan pengawal keselamatan telah dikenakan potongan manakala penalti sebanyak dua kali ganda juga dikenakan atas amaun potongan tersebut. Potongan kualiti perkhidmatan juga dikenakan pada kadar dua kali ganda. Pihak Audit telah membuat pengiraan semula (melaraskan semula potongan kegagalan menyediakan pengawal dan penalti, pelarasan di bawah Perintah Gaji Minimum 2012 dan fi perkhidmatan eP yang tidak diambil kira) mendapati sejumlah RM7,739 telah terlebih bayar kepada kontraktor.</p>	<p>KKM telah mengadakan Taklimat Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KKM pada 8 April 2015, Mesyuarat <i>Task Force</i> Perkhidmatan Kawalan Keselamatan KKM pada 11 Mei 2015 dan telah mengedarkan SOP Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan melalui surat rujukan KKM(S)-57/T4/30Jld.42(10) bertarikh 11 Jun 2015 yang memaklumkan semua PTJ hendaklah melaksanakan modul Pentadbiran Kontrak melalui Sistem ePerolehan di mana bayaran fi perkhidmatan sebanyak 0.4% akan dipotong secara automatik.</p> <p>Bagi tujuan siasatan, Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM melalui memo rujukan KKM(S)-57/T4/30Jld.43(6) bertarikh 25 April 2016 telah memohon Cawangan Audit Dalam KKM untuk membantu membuat semakan pembayaran dan pemotongan fi perkhidmatan eP bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di semua fasiliti KKM.</p>
13.5.3.1.c	<p><b>Fi Perkhidmatan eP Tidak Dikenakan</b></p> <p>Mengikut 1PP-PK 5/2013, perolehan secara elektronik yang dibuat menggunakan perkhidmatan eP hendaklah dikenakan fi perkhidmatan eP antara 0.4% hingga 0.8% dan amaun ini hendaklah dikredit ke kod 75537 untuk dibayar kepada Commerce Dot Com Sdn. Bhd. Semakan Audit mendapati fi perkhidmatan eP di HSdg bagi dua kontrak rujukan KKM(KS-SERDANG)83/2012 dan KKM-183/2014/K/SERDANG (KS) tidak dikenakan sepanjang tempoh perkhidmatan SKKS tersebut sehingga bayaran pada bulan Mei 2015 (semasa lawatan Audit pada bulan Julai 2015). Berdasarkan pengiraan Audit, sejumlah RM61,851 telah terlebih bayar kepada kontraktor kerana fi perkhidmatan eP tidak ditolak daripada tuntutan bayaran perkhidmatan bagi tempoh bulan Ogos 2012 hingga Mei 2015.</p> <p>Pada pendapat Audit, potongan dan penalti dua kali ganda (1+2) dikenakan terhadap ketidakhadiran pengawal keselamatan bertugas tidak selari dengan fasal yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak. Pembayaran kepada kontraktor tanpa ditolak fi perkhidmatan eP adalah tidak teratur dan tidak mematuhi pekeliling semasa yang berkuat kuasa serta menyebabkan lebihan bayaran kepada kontraktor. Siasatan menyeluruh hendaklah dilakukan</p>	<p>KKM juga pada 28 April 2016 telah meminta semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk membuat semakan pembayaran dan pemotongan fi perkhidmatan melalui Sistem ePerolehan bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di bawah seliaan masing-masing. Semua JKN perlu hasil semakan tersebut hendaklah dikemukakan ke Bahagian Perolehan dan Penswastaan, KKM selewat-lewatnya pada 13 Mei 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>terhadap semua kontrak memandangkan semakan Audit adalah secara persampelan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><i>Di HSdg, kontraktor telah menjelaskan tuntutan bayaran balik sebanyak RM7,738.93 melalui surat AHM/KKM (KS-Serdang) bertarikh 7 Januari 2016 dan resit pembayaran rujukan HSDG 220/2/01 Jld. 2 (24) bertarikh 28 Januari 2016 telah dikeluarkan. Bayaran balik bagi kontrak KKM (KS-SERDANG) 183/2014 berjumlah RM41,459.62 telah dipotong pada 10 Mac 2016 melalui invois tuntutan bulan Februari 2016.</i></p>	
13.5.3.2	<p><b>Kelewatan Menjelaskan Bayaran Perkhidmatan</b></p> <p>Kontraktor hendaklah mengemukakan invois lengkap bersama dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada Kerajaan bagi tujuan menuntut bayaran atas perkhidmatan yang dilaksanakan setiap bulan. Hospital dikehendaki menjelaskan tuntutan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen-dokumen berkenaan diserahkan selaras dengan Arahan Perbendaraan 103(a). Pembayaran melalui sistem eP hanya boleh dilakukan sekiranya invois telah dicipta dalam sistem dan dipadankan dengan nota minta. Penentuan kelewatan bayaran dikira berdasarkan 14 hari selepas tarikh serahan dokumen tuntutan. Semakan Audit terhadap 287 baucar bayaran bernilai RM49.16 juta bagi perkhidmatan SKKS untuk tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015 mendapati 53 (18.5%) kes kelewatan menjelaskan bayaran antara 10 hingga 207 hari di HM, HAG dan HPj melibatkan amaun berjumlah RM8.08 juta. Kelewatan ini meliputi 23 kes kelewatan antara 15 hingga 104 hari melibatkan sejumlah RM6.22 juta di HM; 23 kes kelewatan antara 10 hingga 207 hari berjumlah RM1.43 juta di HAG; dan 7 kes kelewatan antara 17 hingga 83 hari berjumlah RM0.36 juta di HPj.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketidakcekapan dalam proses bayaran menyebabkan berlakunya kelewatan bayaran perkhidmatan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Disember 2015</p> <p><i>Kelewatan HM membuat bayaran adalah berpunca kontraktor lewat mengemukakan invois dan dokumen pembayaran yang lengkap; perbezaan nilai tuntutan menyebabkan pengiraan perlu disemak semula; invois yang</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 13.5.3.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dikemukakan oleh kontraktor terlibat dalam transaksi factoring menyebabkan sebarang perubahan/pindaan amaun mengambil masa melebihi 14 hari untuk diselesaikan; kontrak rasmi lewat/belum diterima; dan permohonan AP 58(a) untuk kelulusan. HM secara pentadbiran telah meminta kontraktor untuk mengemukakan dokumen bayaran yang lengkap selewat-lewatnya dalam minggu pertama bulan berikutnya; mewujudkan Jawatankuasa Validasi Pembayaran Perkhidmatan SKKS bagi memastikan pengiraan dibuat adalah tepat dan dipersetujui bersama; dan memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari dari tempoh dokumen lengkap diterima.</p> <p>Kelewatan HAG membuat bayaran disebabkan kontraktor gagal mengemukakan dokumen lengkap untuk pengiraan bayaran dan potongan; dan pebezaan nilai invoice yang dikemukakan dengan pengiraan yang dibuat oleh HAG.</p> <p>Di HPj, 7 kes kelewatan antara 17 hingga 83 hari berjumlah RM0.36 juta adalah disebabkan kelewatan kontraktor mengemukakan invoice dan dokumen pembayaran yang lengkap. HPj sentiasa memantau status kelewatan bil pembekal melalui Laporan BV342 dan mematuhi AP 103(a).</p>	
13.5.4	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Surat Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 20 Disember 2013 menghendaki hospital mengemukakan penilaian prestasi SKKS bulanan kepada BPPs bagi tujuan pemantauan dan penilaian. Semakan Audit mendapati di peringkat Kementerian, BPPs ada membuat pemantauan melalui maklum balas Laporan Penilaian Prestasi Bulanan yang diterima daripada hospital terlibat. Selain itu, di peringkat hospital pemantauan telah diadakan melalui mesyuarat validasi secara bulanan dan secara <i>ad hoc</i> mengikut keperluan. Unit Keselamatan di hospital juga melaksanakan pemeriksaan fizikal setiap hari dan mendokumentasikan segala ketidakpatuhan kontraktor pada hari berkenaan serta kualiti perkhidmatan akan diberikan <i>rating</i>. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya HM, HTJ, HTAN dan HPj mengemukakan laporan penilaian prestasi bulanan kepada Kementerian manakala HAG, HSdg, HUS, PJHUS dan HRCBM tidak mengemukakan laporan tersebut. Pihak pengurusan hospital di HM dan HPj didapati telah mewujudkan inovasi pemantauan melalui aplikasi <i>WhatsApp</i> yang keahliannya terdiri daripada pengarah, ketua-ketua jabatan, Unit Keselamatan dan penyelia syarikat pengawal keselamatan. Sebarang ketidakpatuhan fasal dalam perjanjian kontrak akan dirakam dan dilaporkan melalui aplikasi tersebut dan seterusnya digunakan sebagai bukti semasa mesyuarat validasi untuk tindakan</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 13.5.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pemotongan bayaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan di peringkat Kementerian dan hospital adalah mencukupi. Bagaimanapun, pihak Kementerian perlu memastikan semua hospital mengemukakan Laporan Penilaian Prestasi Bulanan kepada BPPs untuk tujuan pemantauan dan penilaian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><i>Di peringkat Kementerian, pemantauan dijalankan oleh BPPS dan BKP (Unit Keselamatan) manakala di peringkat negeri oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dan di peringkat hospital dilaksanakan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan) dengan dibantu oleh Unit Pentadbiran/Keselamatan. Mesyuarat Penyelarasan TKSUP (P) dan TKSU(K) bersama SUB, Timbalan Pengarah (Pengurusan) Negeri/Hospital/Institusi Bil.1/2016 telah diadakan pada 28 hingga 31 Januari 2016 bagi menjelaskan kepentingan instrumen pemantauan SKKS di peringkat lapangan. Instrumen pemantauan telah diedarkan dan maklum balas telah diperolehi daripada PTJ yang terlibat.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KESIHATAN / KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Perenggan 14 : Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.1.3.a	<p><b>Prestasi Kewangan Projek - Pencapaian <i>Outcome</i> Projek</b></p> <p>Pembinaan Hospital Tampin baharu bertujuan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pesakit dan kakitangan. Apabila projek ini siap, lebih 90,000 penduduk di Daerah Tampin, Kuala Pilah, Rembau dan Alor Gajah dapat menikmati kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan selesa. Perkhidmatan perubatan di Daerah Tampin menjadi lebih baik dengan pertambahan jumlah fasiliti perkhidmatan kesihatan di Hospital Tampin</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.1.3.b
14.5.1.3.b	<p>Semakan Audit terhadap pencapaian <i>outcome</i> projek mendapati perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. penyiapan Hospital Tampin baharu telah memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan selesa kepada penduduk di Daerah Tampin dan sekitarnya.</li> <li>ii. kemudahan kakitangan juga telah disediakan seperti asrama jururawat dan kuarters.</li> <li>iii. kedua-dua Dewan Bedah masih tidak boleh digunakan sehingga tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (<i>Defects Liability Period - DLP</i>) pada 3 Oktober 2015 kerana masalah cat mengelupas yang berlaku berulang kali serta tahap kelembapan yang tinggi (<i>relative humidity</i>). Secara tidak langsung, Unit Rawatan Rapi dan Unit Rawatan Harian turut tidak digunakan.</li> </ul> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Kecacatan berlaku dan mula dilaporkan ke JKR bagi Operation Theatre, ICU/CCU dan Unit Rawatan Harian berdasarkan Laporan Kemajuan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pembaikan Medivest Sdn. Bhd. adalah pada 31 Disember 2013 iaitu 2 bulan selepas penyerahan dilaksanakan pada 3 Oktober 2013. Kecacatan yang dilaporkan itu juga merupakan kecacatan di Unit Rawatan Harian dan ianya hanya kecacatan minor yang tidak menjejaskan operasi ketika itu. Operation Theatre 1 sudah boleh diguna pakai sejak November 2015 manakala Operation Theatre 2 masih tidak boleh digunakan akibat dari tahap kelembapan yang tinggi (Relative Humidity) dan tidak stabil dan dijangka boleh diguna pakai pada Mei 2016. Kerja-kerja pembaikan bagi tahap kebisingan di Dewan Bedah 1 dan 2 telah dilaksanakan oleh kontraktor dan telah diterima oleh KKM.</i></p> <p>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 19 Januari 2016 dan 6 April 2016</p> <p><i>Semasa penyerahan hospital pada 3 Oktober 2013, Dewan Bedah tidak boleh digunakan disebabkan bacaan tahap kebisingan melebihi piawaian JKR. Pada 1 Julai 2014, JKR menyatakan tahap kebisingan dewan bedah adalah munasabah dan dewan bedah tersebut boleh digunakan. Namun begitu, pihak hospital mendapati beberapa kerosakan ke atas Dewan Bedah berkenaan seperti keretakan pada siling; kebocoran bumbung di Bilik Anestesiologi; cat mengelupas; air sampling di Dewan Bedah tidak mencapai piawaian; keputusan ujian microbiologi air count kali kedua yang dibuat melebihi had yang dibenarkan dan gangguan pada sistem penghawa dingin berpunca daripada Building Automation System.</i></p>	
14.5.1.4.g.i	<p><b>Pelantikan Kontraktor</b></p> <p>Pelantikan kontraktor telah dibuat secara tender terhad oleh JKR. Fajarbaru merupakan salah satu daripada 8 penender yang disenarai pendek untuk dinilai. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Penilaian Tender JKR, Fajarbaru tidak layak dipertimbangkan untuk projek ini kerana merupakan antara 5 penender yang gagal dalam penilaian teknikal dengan mendapat markah 284.91/500. Berdasarkan laporan penilaian tersebut, markah minimum adalah 300 markah dan sekiranya kurang daripada 300 markah, ia memerlukan banyak pindaan dan penambahbaikan kepada cadangan teknikal dan dianggap sangat lemah serta tidak boleh dipertimbangkan. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Fajarbaru adalah 14.36% lebih rendah daripada anggaran Jabatan dan merupakan harga yang paling rendah di kalangan penender.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.1.4.g.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.1.4.g.ii	<p>Dengan itu, Jawatankuasa Penilaian Tender telah mengesyorkan Syarikat Pembinaan Mitrajaya Sdn. Bhd. layak dipertimbangkan dan paling menguntungkan untuk dilantik.</p>	
14.5.1.4.g.iii	<p>Bagaimanapun, Lembaga Perolehan A JKR dalam mesyuarat bil. 26/2008 yang bersidang pada 5 November 2008 telah memilih Fajarbaru sebagai kontraktor bagi projek ini. Asas keputusan yang dibuat adalah kerana harga yang ditawarkan oleh Fajarbaru adalah paling rendah di kalangan penender.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 20 November 2015 dan 11 April 2016</p> <p><i>Lembaga Perolehan tidak terikat untuk memperakukan penender yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender. Sebagaimana dinyatakan dalam 1PP - PK 2, tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab mempertimbangkan dan menyetujui terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan. Keputusan Lembaga Perolehan JKR untuk mempertimbangkan petender terendah telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 15 Disember 2008.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kontraktor yang dilantik adalah kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan selama 150 hari walaupun telah diberi lanjutan masa selama 344 hari (31.4% dari tempoh asal penyiapan projek). Akibat daripada kelewatan itu, kemudahan kesihatan yang baik dan selesa turut lewat dinikmati oleh penduduk tempatan dan kakitangan. Selain itu, projek ini tidak mencapai objektif sepenuhnya kerana sehingga kini, satu daripada dua Dewan Bedah yang dibina masih tidak boleh digunakan walaupun projek telah diserahkan kepada KKM pada 3 Oktober 2013. Sehubungan dengan itu, pemilihan kontraktor yang gagal dalam penilaian teknikal adalah tidak wajar kerana projek pembinaan hospital memerlukan kepakaran khas melibatkan pembinaan bangunan dan peralatan perubatan.</p>	
14.5.2.1.c.i	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Lanjutan Masa</b></p> <p>Tarikh siap asal kontrak adalah pada 1 Mac 2012 dan EOT 1 untuk 268 hari hanya diluluskan pada 30 Mac 2012 iaitu lewat 28 hari.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.2.1.c.v

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.2.1.c.ii	Dengan kelulusan EOT 1, tarikh siap dipinda adalah pada 24 November 2012 dan EOT 2 untuk 76 hari hanya diluluskan pada 27 Jun 2013 iaitu lewat selama 207 hari.	
14.5.2.1.c.iii	Dengan kelulusan lanjutan masa sebanyak 344 hari, tarikh siap semasa kontrak adalah 8 Februari 2013.	
14.5.2.1.c.iv	Berdasarkan kriteria kelulusan EOT 1, kelewatan utama adalah berpunca daripada KKM yang lambat membuat keputusan pertukaran lampu, kemasan lantai dan <i>mock-up</i> yang sepatutnya boleh diputuskan lebih awal dengan perancangan yang teliti oleh KKM.	
14.5.2.1.c.v	<p>Bagi EOT 2, JKR tidak memainkan peranan yang sewajarnya dalam proses meluluskan permohonan lukisan oleh Fajarbaru sehingga mengambil tempoh masa yang lama dalam membuat keputusan.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Kelulusan EOT 1 di bawah had kuasa Pengarah Projek tanpa perlu merujuk kepada JKLM Peringkat KPKR/TKPKR. Bagaimanapun Pengarah CKK IPJKR telah mengambil inisiatif dengan membentuk JKLM peringkat CKK yang dipengeruskannya yang juga merupakan Pengarah Projek (PP/PD) bagi projek ini. WPP utama telah membuat permohonan EOT ini ke peringkat JKLM CKK pada 24 Februari 2012 iaitu sebelum tamat kontrak. Permohonan tersebut juga telah disemak oleh WPP Pakar Ukur Bahan Peringkat Cawangan untuk diteliti sebelum WPP utama memajukan permohonan ke JKLM peringkat PP. EOT 1 diluluskan mengikut Klausula 45.1(e) &amp; 45.1(a)(iv) dan telah melanjutkan tarikh siap asal pada 1 Mac 2012 kepada tarikh siap yang baru pada 24 November 2012 (EOT selama 268 hari) dengan alasan permintaan pelanggan.</i></p> <p><i>Bagi EOT 2, kontraktor telah membuat permohonan pada 8 November 2012 dan diterima oleh PP/WPP pada 19 November 2012. PP/WPP telah menimbang asas kelayakan dan bersetuju untuk dibawa ke JKLM peringkat CKK terlebih dahulu pada 20 Disember 2012 untuk diteliti sebelum dibawa ke JKLM Peringkat KPKR/TKPKR. JKLM Peringkat PCKK telah bersetuju pada 27 Disember 2012 untuk mengesyorkan EOT 2 ke JKLM Peringkat KPKR/TKPKR dengan mengesyorkan EOT 2 selama 192 hari pada 3 Januari 2013. JKLM Peringkat KPKR/TKPKR telah bersidang pada 18 Februari 2013 dan memutuskan untuk memohon penjelasan tambahan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebelum keputusan dibuat. PD telah mengemukakan maklumat tambahan ke Urus setia JKLM Peringkat KPKR/TKPKR pada 27 Februari 2013 hingga 20 Mei 2013. Mesyuarat JKLM bil. 8/2013 telah bersidang pada 14 Jun 2013 dan telah membuat keputusan meluluskan lanjutan masa selama 76 hari dengan telah mengambil kira prestasi semasa ditapak dan tempoh siap munasabah. Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa no. 2 telah diluluskan pada 27 Jun 2013. EOT 2 diluluskan mengikut fasal 45.1(f) dan telah melanjutkan tarikh siap pada 24 November 2012 kepada tarikh siap yang baru pada 8 Februari 2013. EOT ini diberikan adalah disebabkan oleh keperluan tempoh masa yang lebih panjang dan realistik bagi proses penghasilan lukisan Loaded dan 4 Wall Elevations semasa aktiviti Pembangunan Rekabentuk (Design Development) berbanding tempoh kontrak.</p> <p>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 11 November 2015 dan 11 April 2016</p> <p>Permohonan pertukaran lampu Dewan Bedah daripada spesifikasi halogen kepada LED adalah kerana teknologi LED merupakan teknologi terkini manakala teknologi halogen akan obsolete di masa hadapan. Pertukaran ini dibuat berdasarkan kepada kemajuan kerja pembinaan pada bulan Jun 2011 (surat Technical Specification Adherence (TSA) diterima daripada JKR) yang masih awal iaitu 55.12%. Mengambil kira kepentingan Kerajaan, KKM berpendapat bahawa urusan pertukaran lampu Dewan Bedah masih sempat dilaksanakan. Oleh itu, KKM berpendapat permohonan pihak user wajar diberi pertimbangan bagi mengelakkan hospital baharu dibekalkan dengan peralatan yang outdated. Semasa Technical Specification Adherence (TSA) diuruskan, spesifikasi sistem lampu Dewan Bedah bagi projek yang sedang dalam perancangan telah ditukar kepada spesifikasi LED. Memandangkan projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina, keperluan peralatan dengan spesifikasi terkini boleh dipertimbangkan dan penyelarasan boleh dilakukan.</p> <p>KKM telah menghadiri sesi mock-up bedhead panel pada 19 Oktober 2011 seperti tarikh yang ditetapkan oleh JKR. Laporan hasil pemerhatian mock-up telah dikemukakan kepada JKR pada 14 November 2011 dan KKM hanya memberi ulasan penilaian terhadap pemasangan mock-up tersebut. Pada ketika KKM dipanggil untuk penilaian mock-up, kerja pemasangan sebenar telah dilaksanakan oleh kontraktor secara menyeluruh. Sebagai tindakan penambahbaikan, KKM mencadangkan agar koordinasi di antara agensi pelaksana dengan Bahagian yang terlibat di KKM perlu diperkemas bagi mengelakkan perkara yang sama berulang. Dicadangkan Jawatankuasa EOT JKR perlu melibatkan wakil daripada KKM; dan penilaian mock-up dibuat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>sebelum pemasangan sebenar dilaksanakan.</i>	
14.5.2.2.b	<p><b>Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap Dan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati CNC telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2013, lewat selama 173 hari daripada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Bagaimanapun, Fajarbaru telah dikenakan LAD berjumlah RM3.84 juta (RM25,602 sehari) disebabkan kelewatan menyiapkan projek selama 150 hari dari tempoh yang ditetapkan iaitu pada 8 Februari 2013 hingga CPC dikeluarkan pada 8 Julai 2013.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Selaras dengan Klausula 45.1 Syarat-syarat Kontrak, EOT 1 dan EOT 2 diluluskan setelah PD dapat menganggarkan tempoh kelewatan. Tiada kerugian di pihak Kerajaan apabila CNC tidak dikeluarkan sebelum tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak. Implikasinya hanyalah PD tidak dapat mengenakan LAD ke atas kontraktor sehinggalah CNC dikeluarkan. Notis untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan dahulu pada 5 November 2012 iaitu sebelum tamatnya EOT 1 pada 24 November 2012. CNC dikeluarkan pada 5 Disember 2012 dan LAD dikenakan mulai 24 November 2012. CNC yang telah dikeluarkan pada 5 Disember 2012 dengan tarikh LAD berkuat kuasa pada 24 November 2012 adalah terpakai sehingga keputusan EOT 2 diluluskan pada 27 Jun 2013 dengan tempoh lanjutan masa sehingga 8 Februari 2013. Bayaran interim/penultimate telah dibuat kepada kontraktor selepas CPC dan potongan LAD berjumlah RM3.84 juta bermula 8 Februari 2013 hingga 8 Julai 2013. Oleh yang demikian CNC telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2013 dengan jelas menyatakan tarikh pihak kontraktor telah gagal menyiapkan seperti Tarikh Siap Semasa atau dalam tempoh lanjutan masa yang telah dibenarkan di bawah Klausula 45.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.2.2.b
14.5.2.3.f.i	<p><b>Sijil Perakuan Siap Kerja Dan Tempoh Tanggung Kecacatan</b></p> <p>Sungguhpun CPC telah dikeluarkan pada 8 Julai 2013, penyerahan projek kepada KKM hanya dibuat pada 3 Oktober 2013, iaitu lewat selama 3 bulan.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.2.3.f.vi
14.5.2.3.f.ii	<p>CPC telah dikeluarkan walaupun projek tersebut sebenarnya tidak siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan sepenuhnya. Adalah didapati dua Dewan Bedah masih tidak boleh berfungsi kerana mengalami masalah kelembapan suhu, cat mengelupas dan keretakan pada dinding.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.2.3.f.iii	Kedua-dua Dewan Bedah tidak boleh berfungsi serta tidak boleh digunakan sejak Hospital Tampin baharu diserahkan kepada KKM sehingga tamat DLP pada 3 Oktober 2015, iaitu selama 2 tahun.	
14.5.2.3.f.iv	Selaras dengan Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, Pengarah Projek sepatutnya mengenal pasti dan menyenaraikan kerja yang tidak sempurna atau kerja yang cacat untuk diserahkan kepada kontraktor untuk tindakan selanjutnya. Proses ini yang sepatutnya diulangi tidak diambil sehingga kriteria penyiapan praktikal dipenuhi sebelum CPC dikeluarkan.	
14.5.2.3.f.v	Untuk menyelesaikan masalah kecacatan yang wujud dan belum diperbaiki semasa CPC dikeluarkan, Pengarah Projek telah mendapat persetujuan Fajarbaru untuk melanjutkan DLP selama tiga bulan, iaitu 24 bulan selepas projek diserahkan kepada KKM pada 2 Oktober 2013 dan bukan 24 bulan selepas CPC dikeluarkan pada 8 Julai 2013. Sehubungan itu, pelanjutan DLP sehingga 3 Oktober 2015 dibuat tanpa sebarang perjanjian tambahan antara Kerajaan dengan Fajarbaru.	
14.5.2.3.f.vi	<p>Pengarah Projek tidak mengambil tindakan untuk memperakukan Pendudukan Separa dengan mengeluarkan Sijil Perakuan Pendudukan Separa (<i>Certificate of Partial Occupation</i> - CPO) dengan mengambil milik projek pembinaan Hospital Tampin baharu tanpa melibatkan dua Dewan Bedah yang tidak boleh berfungsi. Dengan kaedah ini, Fajarbaru adalah bertanggungjawab untuk memastikan Hospital Tampin baharu berfungsi sepenuhnya dalam masa terdekat kerana LAD berdasarkan nilai bahagian yang belum disiapkan secara praktikal masih boleh dikenakan sehingga dua Dewan Bedah tersebut boleh berfungsi dan digunakan secara praktikal.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Berdasarkan laporan yang telah dikemukakan PD telah berpuas hati bahawa kerja telah disiapkan pada 8 Julai 2013. Ketika hospital ini diserahkan didapati Dewan Bedah tersebut tidak digunakan oleh hospital. Kecacatan yang mula dilaporkan bagi Operation Theatre adalah pada 8 Januari 2014 yang merupakan kecacatan minor dan tidak berkaitan dengan kecacatan seperti yang dilaporkan. Kelewatan mengoperasi bagi tempoh anggaran 4 bulan dari hospital diserahkan merupakan perkara asas terjadinya kecacatan tersebut. Tiada bebanan terhadap suhu telah menyebabkan suhu di bilik Operation Theatre tiada circulation menyebabkan berlakunya kelembapan suhu dan menjadi kering serta telah menyebabkan spesifikasi cat sedia ada untuk</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Operation Theatre tidak lagi mampu mengawal suhu kering berpanjangan dan juga telah menyebabkan terjadi keretakan kepada kemasan dinding. Operation Theatre tersebut telah pun siap dibaiki dan digunakan pada November 2015. Pembaikan juga telah dilakukan berulang kali dengan mengekalkan spesifikasi sedia ada tetapi masalah tersebut masih lagi berlaku. Perkara ini telah dirujuk kepada pengeluar cat dengan mencadangkan kaedah pembaikan di bilik Operation Theatre. Akhirnya spesifikasi sedia ada telah dipertingkatkan dengan menambah bahan pelembap di dalam cat bagi mengawal keadaan kering tersebut dan ianya berkesan. Operation Theatre 1 sudah boleh diguna pakai sejak November 2015 manakala Operation Theatre 2 masih tidak boleh digunakan akibat daripada tahap kelembapan yang tinggi (Relative Humidity) dan tidak stabil dan dijangka boleh digunakan pada Mei 2016.</i></p> <p><i>Pihak hospital telah menyatakan melalui suratnya yang bertarikh 10 Januari 2014 akan memulakan operasi sepenuhnya di hospital baru pada 1 Februari 2014 dan menyatakan beberapa perkara tertentu untuk mengubahsuaikan daripada kontrak sedia ada. Antaranya adalah pengubahsuaian suhu bagi bilik-bilik di hospital. Perkara ini boleh menyebabkan sistem sedia ada yang telah berfungsi terjejas secara keseluruhan dan mungkin menyebabkan sistem-sistem lain yang berkaitan juga terganggu. Pihak hospital juga menyatakan beberapa perkara yang perlu dibaiki terlebih dahulu iaitu di Wad Pediatrik, Unit Dietetik dan Sajian, Unit Pengimejan dan Unit Patologi sahaja. Bagi OT, ICU/CCU dan Daycare tidak dibangkitkan masalah ketika itu.</i></p> <p><i>CPC dan EOT yang diberikan adalah layak sejajar dengan Syarat - syarat Kontrak dan telah mengguna pakai peraturan sedia ada yang telah ditetapkan. Pelanjutan tempoh DLP melalui Perjanjian Tambahan tidak dibuat disebabkan Penasihat Undang-undang menyatakan bahawa Kontraktor telah menyiapkan kerja dan bangunan boleh berfungsi, maka pelanjutan tempoh pembaikan selama 3 bulan tidak memerlukan perjanjian tambahan. Pihak kontraktor telah bersetuju melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dan menanggung semua kos dan perbelanjaan kerja kecacatan tersebut sepertimana Perakuan Serahan yang telah ditandatangani dan Undertaking Letter sebagai persetujuan bertarikh 11 September 2013. Oleh yang demikian pengeluaran Sijil Pendudukan Separa (CPO) adalah tidak diperlukan.</i></p> <p>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 19 Januari 2016</p> <p><i>Kenyataan JKR bahawa kecacatan di Dewan Bedah berlaku disebabkan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>ketidaksediaan pihak KKM dan Hospital menerima untuk menduduki hospital ini dengan serta-merta adalah tidak berasas. Ini adalah kerana pihak hospital memerlukan sedikit masa untuk memindahkan perkhidmatan dari hospital lama ke hospital baharu. Dalam tempoh ini, pihak kontraktor bertanggungjawab bagi memastikan fasiliti berada dalam keadaan baik (in good working condition at all times) selaras dengan Klausa 52 Condition of Contract - Maintenance of Works and Services. Apabila CPC dikeluarkan, Dewan Bedah masih tidak dapat digunakan kerana tahap kebisingan (noise level) tidak mengikut piawaian JKR dan telah dimaklumkan kepada JKR untuk tindakan pembaikan. Terdapat juga kecacatan lain di Dewan Bedah yang menyebabkan fasiliti tersebut tidak dapat digunakan. Oleh kerana kecacatan ini (suhu dan humidity), Dewan Bedah tidak dapat digunakan sehingga hari ini kerana bacaan suhu melebihi 20°C hingga 22°C dan humidity masih melebihi julat 50% hingga 60%.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak bagi projek pembinaan Hospital Tampin baharu adalah kurang cekap kerana EOT 1 dan 2 lewat diluluskan antara 28 hari dan 207 hari; CNC lewat dikeluarkan selama 173 hari daripada tarikh akhir penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak; dan penyerahan projek kepada KKM lewat selama 3 bulan. Selain itu, CPC telah dikeluarkan walaupun projek sebenarnya tidak siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan sepenuhnya dan ketiadaan tindakan untuk memperakukan Pendudukan Separa telah menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian kerana dengan kaedah perakuan pendudukan separa, LAD berdasarkan nilai bahagian yang belum disiapkan secara praktikal masih boleh dikenakan sehingga dua Dewan Bedah tersebut boleh berfungsi dan digunakan secara praktikal.</p>	
14.5.3.1.a	<p><b>Kualiti Pembinaan Dan Reka Bentuk Projek - Kualiti Kerja Pembinaan - Keretakan Dinding Bangunan</b></p> <p>Hasil lawatan Audit dan semakan susulan oleh pegawai Hospital Tampin mendapati sebanyak 1,182 keretakan telah berlaku pada keseluruhan dinding Kompleks Hospital Tampin baharu. Keretakan boleh dilihat di kedua-dua bahagian dalam dan luar dinding, yang menunjukkan bahawa ia bukan keretakan di permukaan dinding sahaja. Keretakan yang paling panjang adalah di Bilik Rekod di Unit Pentadbiran dengan keretakan sepanjang 7.57 meter.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.3.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Berdasarkan laporan oleh pembekal Henner bertarikh 21 September 2015, keretakan berlaku adalah berpunca dari kesan Shrinkage. Pengesahan kerja pembaikan keretakan telah dibuat oleh Perunding Arkitek dan Struktur. Keretakan tersebut adalah keretakan non-structural crack seperti yang dilaporkan oleh perunding struktur. Semakan rekod Laporan Pemeriksaan Bilik ke Bilik (Room to Room Inspection) mendapati tiada keretakan berlaku. Berdasarkan laporan perunding menyatakan ia bukanlah daripada kualiti kerja pembinaan yang rendah tetapi ianya adalah berpunca dari kualiti bahan blok batu bata CSR ataupun AAC (Autoclave Aerated Concrete) yang tidak lagi sesuai untuk kerja-kerja pembinaan yang akan datang. Pemilihan dinding AAC ini adalah ketetapan yang telah dipersetujui di peringkat perancangan sebelum kerja-kerja peringkat reka bentuk dilaksanakan. Komposisi pemilihan dinding jenis ini adalah bagi memenuhi dasar Kerajaan untuk sistem pemarkahan IBS (IBS Score). Pemilihan jenis dinding ini adalah berpandukan kepada spesifikasi sedia ada iaitu hanya mengambil kira parameter 'dry density' dan minimum kekuatan mampatan sahaja dan pemilihan tersebut telah menepati spesifikasi. Spesifikasi sedia ada perlu dinaik tarafkan bagi parameter-parameter lain kerana didapati ciri-ciri dinding ini mempunyai kekuatan muktamad tegangan yang rendah iaitu 0.44Mpa yang tidak dinyatakan di dalam spesifikasi sedia ada dan ia penyumbang kepada keretakan kerana toleransi terhadap pergerakan yang amat rendah. Kerja-kerja pembaikan oleh kontraktor utama telah siap pada 31 Januari 2016.</p>	
14.5.3.1.b	<p><b>Kualiti Kerja Pembinaan Yang Kurang Memuaskan</b></p> <p>Terdapat kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan di lokasi lain yang dipilih. Bagaimanapun, pihak Fajarbaru telah mengambil tindakan pembaikan ke atas semua kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan selepas teguran Audit.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Kerja-kerja yang kurang memuaskan telah dibuat pembaikan oleh kontraktor pada bulan Januari 2016</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.3.1.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.3.2.a.i	<p><b>Reka Bentuk Tidak Sesuai/Tidak Praktikal - Reka Bentuk Tangki Air Yang Tidak Seragam</b></p> <p>Pemasangan tangki air tidak seragam di antara Blok C dengan Blok A dan B di mana penutup tangki air di Blok A dan Blok B menggeleding akibat perubahan cuaca menyebabkan penutup tangki air mudah terbuka. Keadaan ini menyebabkan air bertakung pada sisi penutup dan menggalakkan pembiakan nyamuk aedes. Selain itu, kebersihan air dalam tangki menjadi lebih buruk apabila najis burung merpati masuk ke dalam tangki air kerana reka bentuk bumbung yang tidak sesuai dengan persekitaran yang terbuka.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.3.2.a.ii
14.5.3.2.a.ii	<p>Pejabat Kesihatan Daerah Tampin telah membuat pensampelan air daripada tangki air di Blok A, B dan C pada 20 Mei 2015. Sampel tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan keputusan analisis mendapati 4 (44.44%) daripada 9 sampel mengandungi bakteria <i>Total Coliform</i> terutama dalam tangki air Blok A dan Blok B yang melanggar parameter piawaian yang dibenarkan bagi air terawat. Kehadiran bakteria <i>Total Coliform</i> dalam air boleh menyebabkan wabak penyakit bawaan air seperti kolera, tiroid dan hepatitis A sekiranya air yang tercemar tersebut diminum secara terus dan berterusan.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 20 November 2015 dan 11 April 2016</p> <p><i>Pihak kontraktor telah memasang mengikut lukisan kerja dan bahan/peralatan yang telah diluluskan oleh pihak Perunding Mekanikal. Pemasangan tangki air yang tidak seragam adalah disebabkan oleh keperluan kapasiti air yang berbeza mengikut kelas rumah dan keperluan pihak Syarikat Air Negeri Sembilan. Berhubung masalah air bertakung pada sisi penutup tangki, pihak kontraktor telah mengambil tindakan dengan menebuk lubang di bibir penutup tangki tersebut bagi mengalirkan air dari bertakung. Kesemua 40 tangki telah dicuci oleh kontraktor pada 7 November 2015 dan akan membuat pengisian semula dengan penambahbaikan yang telah dibuat pada bibir tangki air bagi mengelakkan kotoran dari tangki memasuki ke dalam air di dalam tangki tersebut. Kerja pembaikan telah dilaksanakan dan siap pada 31 Disember 2015.</i></p> <p><i>Tangki air juga adalah sesuai di kawasan yang terbuka dan terdedah kepada cuaca seperti kelulusan yang telah diberikan. Berhubung masalah air bertakung pada sisi penutup tangki, ia terjadi akibat penutup tangki tidak ditutup dengan sempurna apabila ada pihak yang telah membuka penutup tersebut dan menutup dengan keadaan yang tidak betul dan tempoh yang</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>lama menyebabkan penutup tersebut menggeleding dan tidak dapat ditutup kembali dengan keadaan yang sempurna. Tangki tersebut telah digunakan secara meluas di pasaran negara dan perkara tersebut tidak terjadi jika ditutup dengan sempurna kerana ruang berbibir pada tangki tersebut direka bentuk sebagai tapak penutup tangki dan tidak menyebabkan air bertakung.</i></p>	
<p><b>14.5.3.2.b</b></p>	<p><b>Reka Bentuk Lain Yang Tidak Sesuai/Tidak Praktikal</b></p> <p>Selain itu, terdapat beberapa reka bentuk yang tidak sesuai atau tidak praktikal di lokasi lain yang dipilih. Bagaimanapun, pihak Fajarbaru telah mengambil tindakan pembaikan ke atas semua (kecuali ruang suis di Jabatan Perubatan Forensik yang terlalu sempit) reka bentuk yang tidak sesuai selepas teguran Audit dan cadangan perunding.</p> <p>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Keperluan ruang bilik suis adalah ditentukan oleh perunding arkitek yang dilantik dan telah disahkan pihak perunding elektrik melalui 4-wall drawing. Bilik tersebut telah memenuhi fungsi. Walaupun ruang tersebut sempit tetapi ianya masih mempunyai ruang untuk kerja-kerja penyelenggaraan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan dan terdapat kes reka bentuk yang tidak sesuai disebabkan perunding yang bertanggungjawab tidak menyelia mutu kerja dengan baik atau tidak menjalankan tanggungjawab dengan sempurna serta pihak JKR sebagai agensi pelaksana tidak memastikan semua kehendak KKM diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan (Government's Requirements).</p> <p>Susulan Audit pada 3 Mac 2016 mendapati pembaikan keretakan dinding tidak dibuat dengan sempurna apabila keretakan dinding hanya dilepa dengan <i>skimcoat</i> dan didapati keretakan terus berlaku. Pembaikan lantai di Jabatan Dietetik dan Sajian, dan buaian di taman permainan kuarters pegawai masih belum dibuat oleh Fajarbaru.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.3.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.4.2.a	<p><b>Perkhidmatan Sokongan Hospital</b></p> <p>Penyenggaraan Hospital Tampin baharu adalah di bawah tanggungjawab Fajarbaru sejak CPC dikeluarkan pada 8 Julai 2013 sehingga 7 Julai 2015.</p>	<p>Apabila berlaku perpindahan dari Hospital lama ke Hospital Gantian, perkhidmatan bagi lima (5) skop masih perlu diteruskan dan pembayaran kepada perkhidmatan yang telah diberikan tersebut perlu dibuat. Perkara ini adalah selaras dengan obligasi yang telah ditetapkan dalam Klausa 11.1 Perjanjian Konsesi PSH yang telah memperuntukan bahawa syarikat konsesi perlu menyediakan PSH kepada hospital-hospital gantian. Fi pembayaran bagi tiga (3) perkhidmatan iaitu LLS, CLS dan CWMS adalah tetap dan teratur berdasarkan kepada kadar yang telah dipersetujui. Namun begitu, pembayaran fi bagi 2 skop perkhidmatan iaitu FEMS dan BEMS adalah bergantung kepada perkara-perkara berikut:-</p>
14.5.4.2.b	<p>Syarikat Medivest Sdn. Bhd. (Medivest) telah dilantik untuk melaksanakan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di Hospital Tampin baharu. Perjanjian konsesi PSH yang baru telah ditandatangani pada 11 Mac 2015 yang turut melibatkan semua hospital Kerajaan. PSH melibatkan 5 perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Pendobian dan Linen (Linen and Laundry Services - LLS), Perkhidmatan Pencucian (Cleansing Services - CLS), Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal (Clinical Waste Management Services - CWMS), Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (Facility Engineering Maintenance Services - FEMS) dan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (<i>Biomedical Engineering Maintenance Services - BEMS</i>).</p>	<p>(i) Aset dan peralatan baru yang datang bersekali dengan bangunan Hospital baru (projek <i>Turnkey</i>);</p> <p>(ii) Aset hospital lama yang dibawa ke hospital baru; dan</p> <p>(iii) Aset perolehan baru yang dibeli bagi tahun 2014 dan 2015.</p>
14.5.4.2.c	<p>Untuk tempoh penyenggaraan di bawah tanggungjawab Fajarbaru, pihak Medivest hanya boleh mengenakan caj bagi pemantauan kerja penyenggaraan dan bukannya kos penyenggaraan FEMS dan BEMS.</p>	<p>Dalam tempoh <i>Defects Liability Period (DLP)</i> Hospital baru, syarikat konsesi juga perlu melaksanakan pengurusan waranti ke atas bangunan selaras dengan <i>Schedule 1, Section 4</i> berkenaan <i>Technical Requirement And Performance Indicators</i> Perjanjian Konsesi PSH. Skop pengurusan waranti adalah seperti berikut:-</p>
14.5.4.2.d	<p>Pihak pengurusan Hospital Tampin telah membuat bayaran penuh bagi perkhidmatan FEMS dan BEMS untuk hospital baharu. Bagi tempoh bulan Februari 2014 (mula operasi hospital baharu) hingga Mac 2015, bayaran penuh berjumlah RM2.59 juta telah dibuat kepada Medivest. Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap baucar bayaran sebelum dan selepas perpindahan hospital, didapati tiada sebarang perbezaan jumlah bayaran yang ketara. Ini menunjukkan Medivest masih mengambil kira caj perkhidmatan BEMS dan FEMS di hospital lama sedangkan perkhidmatan penyenggaraan tidak dibuat di Hospital Tampin baharu.</p>	<p>a) Pengurusan kecacatan projek:-</p> <p>(i) Melaksanakan pemeriksaan fizikal ke atas aset/ fasiliti yang diserahkan;</p> <p>(ii) Mengesahkan senarai kecacatan <i>first submission</i> semasa penyerahan dan menyediakan laporan yang berkaitan di samping mengenalpasti <i>defects</i> baru; dan</p> <p>(iii) Memaklumkan pihak hospital status pembaikan <i>defects</i> dan memberikan nasihat teknikal secara bertulis kepada Hospital.</p>
14.5.4.2.e	<p>Menjadi tanggungjawab Medivest untuk membersihkan kawasan hospital bagi memastikan Hospital Tampin baharu berada dalam keadaan bersih dan selamat. Didapati persekitaran kawasan luar bangunan hospital tidak dibersihkan terutama di sekeliling dalam dan luar pagar yang berisiko berlaku kebakaran.</p> <p>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 11 November 2015 dan 6 April 2016</p> <p><i>Merujuk kepada Klausa 11.1C Perjanjian Konsesi tahun 1996, syarikat</i></p>	<p>b) Pengurusan penyelenggaraan berjadual (PPM):-</p> <p>(i) Mengenalpasti fasiliti dan peralatan yang memerlukan PPM;</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>konsesi perlu menyediakan PSH kepada hospital-hospital gantian. Memandangkan syarikat konsesi telah melaksanakan perkhidmatan yang sepatutnya, maka pembayaran fi bulanan syarikat konsesi perlu dibayar mengikut Perjanjian Konsesi tahun 1996 tersebut sehingga perjanjian tambahan ditandatangani. KKM dalam proses akhir penyediaan perjanjian tambahan yang dijangka ditandatangani pada tahun 2015. Pelarasan fi bagi perkhidmatan FEMS dan BEMS akan dilaksanakan berpandukan kepada perjanjian tambahan. Pelarasan akan mengambil kira jumlah fi sebenar yang perlu dibayar mengikut perjanjian tambahan dengan menolak atau menambah kepada jumlah fi yang telah dibayar dan jumlah akhir akan mengambil kira pemotongan bayaran terhadap ketidakpatuhan kontrak oleh Medinvest. Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan seperti penebangan pokok yang tumbang di pagar telah dibuat pada 4 Ogos 2015 dan pembersihan kawasan berhampiran pagar hospital telah dibuat mengikut jadual yang ditetapkan. Disebabkan terdapat beberapa pindaan ke atas draf perjanjian tambahan, perjanjian berkenaan dijangka akan ditandatangani selewat-lewatnya pada bulan Jun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, bayaran perkhidmatan BEMS dan FEMS untuk Hospital Tampin baharu adalah tidak teratur kerana perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh Medinvest serta masih di bawah tanggungjawab kontraktor. Selain itu, pemotongan perlu dibuat terhadap bayaran bagi kerja pembersihan kawasan yang tidak dilaksanakan oleh Medinvest.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(ii) Menyemak dan mengesahkan jadual PPM yang dikemukakan oleh pihak kontraktor;</li> <li>(iii) Memantau pelaksanaan PPM oleh kontraktor projek dan memastikan pihak kontraktor menyediakan kakitangan yang kompeten untuk kerja-kerja PPM; dan</li> <li>(iv) Melaporkan kegagalan pematuhan kontraktor untuk melaksanakan PPM kepada pihak Hospital.</li> </ul> <p>c) Pengoperasian fasiliti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Menyediakan kakitangan yang kompeten dan mencukupi untuk mengoperasikan loji dan sistem kejuruteraan;</li> <li>(ii) Memastikan semua kunci bilik loji/ kawalan disimpan oleh pihak konsesi sebaik penyerahan projek dan latihan pengguna dibuat;</li> <li>(iii) Mengoperasikan semua loji dan sistem kejuruteraan;</li> <li>(iv) Melaporkan kerosakan loji dan sistem kejuruteraan dengan kontraktor dengan segera; dan</li> <li>(v) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak termasuk dalam skop kerja kontraktor .</li> </ul> <p>KKM mengambil maklum akan teguran audit. Walau bagaimanapun, KKM berpendapat bahawa pembayaran yang dibuat kepada syarikat konsesi adalah teratur selaras dengan obligasi yang ditetapkan dalam Klausa 11 Perjanjian Konsesi. KKM juga sedang dalam proses akhir penyediaan perjanjian tambahan yang dijangka ditandatangani pada Bulan Jun 2016. Pelarasan fi bagi perkhidmatan FEMS dan BEMS akan dilaksanakan berpandukan kepada perjanjian tambahan tersebut. Pembayaran tersebut juga dapat mengelakkan Kementerian daripada perlu membayar secara <i>lump sum</i> kepada syarikat setelah Perjanjian Tambahan ditandatangani. Pembayaran <i>lump sum</i> akan membebaskan Kementerian, di mana sejumlah peruntukan yang banyak perlu disediakan pada tahun tersebut.</p> <p>KKM dan JKR akan menyediakan mekanisme pembayaran yang lebih teratur bagi Hospital Gantian dan Hospital Baru akan datang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.5.2.a	<p><b>Keadaan Hospital Tampin (Lama)</b></p> <p>Premis Hospital Tampin (lama) telah ditinggalkan tanpa perancangan yang teliti oleh pihak KKM. Keadaan premis yang ditinggalkan tanpa penyenggaraan yang berterusan secara tidak langsung akan menyebabkan premis tersebut menjadi usang.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 14.5.5.2.d.ii
14.5.5.2.b	<p>Terdapat aset bernilai tinggi ditinggalkan dalam premis hospital lama semenjak berpindah ke hospital baharu pada bulan Februari 2014. Antara aset tersebut adalah 8 jenis peralatan bernilai RM0.59 juta yang masih boleh digunakan lagi.</p>	
14.5.5.2.c	<p>Asrama Jururawat Hospital Tampin (lama) telah diambil alih dan dinaik taraf menjadi Pusat Latihan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dengan kos berjumlah RM470,000. Manakala PKD dan PPD Tampin tidak diperuntukkan bajet bagi tujuan pembangunan tersebut.</p>	
14.5.5.2.d.i	<p>Keadaan Hospital Kluang (lama) yang ditinggalkan tanpa perancangan telah menyebabkan kerosakan premis yang serius berbanding semasa hospital tersebut ditinggalkan. Selain itu, berdasarkan keadaan dalam premis, terdapat kes kecurian kabel elektrik.</p>	
14.5.5.2.d.ii	<p>Keadaan sebaliknya berlaku di Hospital Permai (lama) apabila kompleks hospital diambil alih oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ). Adalah didapati JKNJ telah menempatkan Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (TPKN) Kesihatan Awam, TPKN Farmasi dan TPKN Keselamatan Makanan serta Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Perkhidmatan Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di kompleks hospital lama. Dengan perancangan yang baik, bangunan hospital lama terus dapat digunakan dan menjimatkan kos penyewaan bangunan premis swasta oleh JKNJ.</p> <p>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 11 November 2015 dan 6 April 2016</p> <p><i>KKM telah merancang untuk melaksanakan pembangunan Tapak Hospital Tampin (lama) melalui 2 strategi iaitu Pelan Jangka Pendek dan Pelan Jangka Panjang. Perancangan ini telah diselaraskan dengan perpindahan ke hospital baharu pada bulan Februari 2014. Mengikut Pelan Jangka Pendek, kerja-kerja naik taraf Hospital Tampin (lama) dijangka selesai pada tahun 2016 dan penggunaan kemudahan secara menyeluruh dijangka pada tahun 2017. PKD</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dan PPD Tampin akan mengemas kini Pelan Pengoperasian Hospital Tampin (lama) bagi membolehkan Perkhidmatan Kesihatan Awam dan Pergigian Tampin dijalankan pada tahun 2017.</i></p> <p><i>Status terkini bagi 8 jenis peralatan yang ditinggalkan telah diambil tindakan antaranya ialah Automatic Floor Standing Processor telah dihantar untuk kegunaan Klinik Kesihatan Gemenceh; 2 unit mesin Autoclave iaitu Portable Autoclave Machine telah digunakan oleh Klinik Kesihatan Gemas dan Static Autoclave Machine sedang dalam proses pelupusan; baki bagi 6 jenis peralatan iaitu Mesin X-ray Statik, X-ray Film Identification Printer, Positioning Blocks Kits, Kelida Mobile Lead Shield, Kelida Lead Free Apron dan Reverse Osmosis (RO) System masih berada di Hospital Tampin (lama) dan dalam usaha untuk pembaikan bagi kegunaan di masa hadapan. Manakala, Pelan Jangka Panjang adalah membina Klinik Kesihatan Tampin (Jenis 3) yang baharu dan projek ini telah dipohon di bawah Rolling Plan Kedua, RMKe-11 tahun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan segera perlu diambil oleh KKM dengan memberikan peruntukan agar kompleks bangunan Hospital Tampin lama dapat dimanfaatkan dengan pengambilalihan oleh PKD dan PPD. Keadaan perkhidmatan yang sesak di PKD dan PPD boleh diatasi dengan memanfaatkan bangunan kompleks lama Hospital Tampin. Sekiranya dibiarkan, Kerajaan akan menanggung kos pembaikan yang tinggi bagi membaik pulih bangunan yang ditinggalkan usang.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara**

**Perenggan 15 : Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.1.b	<p><b>Perancangan Pembinaan - Penyediaan Pengurusan Nilai (<i>Value Management</i>)</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 1 daripada 12 projek yang disemak iaitu TPS Belenggu, Temerloh yang bernilai RM88.10 juta dan telah melalui proses Pengurusan Nilai.</p>	<p><u>Makmal Pengurusan Nilai (<i>Value Management</i>) TPS Temerloh, Pahang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Objektif pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai (VM) pada dasarnya bukan untuk dijadikan sebagai platform untuk mengurangkan kos sesuatu projek <u>tetapi</u> adalah untuk mengenalpasti, menganalisis dan memperakui skop kerja yang berkaitan di dalam projek tersebut.</li> <li>• Sekiranya terdapat pertambahan skop baru dan amat diperlukan, maka Ahli Jawatankuasa Makmal VM berkenaan boleh memperakui pertambahan skop berkenaan.</li> <li>• Merujuk kepada Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Belenggu. Kos keseluruhan yang diperakui di dalam Makmal Pengurusan Nilai (VM) <u>adalah lebih tinggi</u> berbanding kos anggaran asal kerana VM dibuat merangkumi skop yang lebih luas. Ia merangkumi kos bagi pembinaan jambatan baru, pembinaan laluan sementara, perobohan jambatan sedia ada, pengalihan utiliti, pelarasan turun naik harga (VOP), sumbangan kepada penyedia perkhidmatan seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), pelbagai kos sampingan (ukur tanah, penyiasatan tanah, kajian DEIA) dan yuran perunding.</li> <li>• Anggaran kos projek asal sejumlah RM88.1 juta cuma melibatkan kerja pembinaan tapak pelupusan dan jalan masuk sahaja. Sementara kos projek yang diluluskan oleh Makmal VM sebanyak RM98.1 juta melibatkan kerja-kerja tambahan seperti pembinaan jambatan baru, pembinaan laluan sementara perobohan jambatan sedia ada dan</li> </ul>
15.5.2.1.c	<p>Bagi Projek TPS Belenggu Temerloh Pahang, Makmal Pengurusan Nilai telah dihadiri oleh wakil dari UPE, KPKT, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA), Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Majlis Daerah Bera, Majlis Perbandaran Temerloh, Indah Water Konsortium (IWK), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta pihak Perunding. Semakan Audit mendapati kos projek selepas Pengurusan Nilai telah meningkat RM98.1 juta berbanding kos asalnya iaitu RM88.1 juta dengan pertambahan kos sebanyak 11.35%. JPSPN telah menerima laporan Makmal Pengurusan Nilai daripada UPE yang dibuat pada 10 Julai 2012 hingga 12 Julai 2012.</p>	
15.5.2.1.d	<p>Bagaimanapun, surat JPSPN kepada UPE bertarikh 13 Ogos 2012 mengenai cadangan Makmal Pengurusan Nilai ini tidak dipertimbangkan kerana kontraktor telah dilantik lebih awal iaitu pada 16 Mei 2012 dan kerja di tapak telah bermula pada 28 Mei 2012. JPSPN mengambil maklum semua teguran dan akan diambil kira bagi projek yang belum ditender.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>Pelantikan Sumur Mutiara Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi TPS Belenggu secara rundingan terus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 2 Jun 2010 dan Surat Niat telah dikemukakan kepada kontraktor</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>melalui surat bertarikh 12 Julai 2010. Rundingan harga bagi projek ini telah diadakan pada 28 Februari 2012 setelah Kajian Impak Terperinci diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 22 November 2011. Kos pembinaan yang diluluskan oleh Lembaga Perolehan 'A', KPKT adalah berjumlah RM88.10 juta bertarikh 23 Mac 2012. Memandangkan kos projek telah melebihi RM50 juta, mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' pada 23 Mac 2013 telah memutuskan supaya JPSPN mengemukakan Notis Perubahan Siling (NOC) kepada pihak UPE, JPM bagi membolehkan pelantikan kontraktor dilaksanakan. Oleh yang demikian, pihak UPE, JPM bertarikh 16 Mei 2012 telah bersetuju supaya Surat Setuju Terima kepada kontraktor dikeluarkan dahulu bagi membolehkan kerja-kerja di tapak dilaksanakan mengikut perancangan. Surat Setuju Terima telah dikemukakan kepada Sumur Mutiara Sdn. Bhd. pada 16 Mei 2012 dan Makmal Pengurusan Nilai telah diadakan pada 10 Julai 2012 sehingga 12 Julai 2012.</p> <p>Kos projek di bawah VM ini lebih tinggi berbanding kos anggaran asal kerana ia merangkumi skop yang lebih meluas termasuk kos pembinaan tapak pelupusan, pembinaan jambatan baru, pembinaan laluan sementara, perobohan jambatan sedia ada, pengalihan utiliti, pelarasan turun naik harga (VOP), sumbangan kepada penyedia perkhidmatan, pelbagai (ukur tanah, penyiasatan tanah, kajian DEIA) dan yuran perunding.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan Pengurusan Nilai ini tidak dapat membantu dalam mengenal pasti komponen yang terbaik dan pengurangan kos bagi projek ini.</p>	<p>sebagainya.</p>
<p>15.5.2.2</p>	<p><b>Kebenaran Merancang Dan Pelan Pembangunan Daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</b></p> <p>Di Negeri Sarawak, mengikut Seksyen 8(2) dalam <i>Laws of Sarawak Chapter 8 of Buildings Ordinance 1994 Part II Planning And Development Control</i>, sebarang pembinaan bangunan hendaklah mengemukakan kepada PBT pelan dan spesifikasi mengikut kehendak Undang-undang Kecil di bawah Ordinan serta kepada mana-mana pihak berkuasa berkenaan, pelan dan spesifikasi berkaitan dengan keselamatan dan kebakaran, sistem pembetungan dan kumbahan untuk bangunan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan. Semakan Audit terhadap 12 projek yang dilawati mendapati 3 projek telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Pembangunan (PP), 6 projek telah mendapat pengecualian KM dan PP dan 2 projek masih dalam proses pengecualian KM dan PP daripada PBT. Manakala 1 projek iaitu TPS Jalan Klias Lama, Beaufort, Sabah masih dalam proses tender. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti tarikh KM dan PP</p>	<p>KPKT dalam mesyuarat pelarasan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terbabit pada 3 Mac 2016 telah memperolehi kelulusan pengecualian Kebenaran Merancang bagi sembilan (9) tapak seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. TPS Sungai Udang, Melaka</li> <li>2. TP Kemunyang, Sarawak</li> <li>3. TPS Rimba Mas, Perlis</li> <li>4. TP Krubong, Melaka</li> <li>5. TP Kayu Madang, Sabah</li> <li>6. TPS Belenggu, Pahang</li> <li>7. TP Ulu Tualang, Pahang</li> <li>8. TP Teluk Chempedak, Perak</li> <li>9. TP Kok Foh, Negeri Sembilan</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dikemukakan serta tarikh KM dan PP diluluskan bagi 11 projek TPS kerana JPSPN tidak mengemukakan maklumat tersebut.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>KPKT telah mengadakan mesyuarat bersama PBT pada 26 Februari 2016 dan bersama Majlis Bandaraya Miri (MCC) pada 8 Mac 2016. Kesemua PBT telah bersetuju untuk memberi Kebenaran Merancang (KM)/pengecualian KM bagi tapak-tapak TPS berkenaan.</i></p> <p><i>Bagi Tapak pelupusan di Sibuti, Miri, perunding telah mengemukakan permohonan kelulusan Pelan Bangunan kepada Bomba pada 21 Mac 2016 dan 1 April 2016. Perunding juga telah mengemukakan permohonan SPA Siting Approval kepada pihak Majlis Daerah Subis dan MCC pada 11 Mac 2016 dan 14 Mac 2016. Kelulusan SPA Siting Approval telah diperolehi pada 18 Mac 2016.</i></p> <p><i>TPS Padang Siding, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) telah bersetuju secara lisan untuk memberi pengecualian KM di dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 26 Februari 2016. Pengecualian KM secara bertulis akan diberikan setelah mesyuarat di peringkat MPK diadakan.</i></p> <p><i>TPS Koh Foh terletak di luar kawasan operasi Majlis Daerah Jempol (MPJ). MPJ telah memaklumkan bahawa kawasan tapak ini adalah di luar kawasan operasi mereka dan JPSPN telah menghantar surat kepada JPBD Negeri Sembilan bertarikh 18 Mac 2016 telah memberikan pengecualian KM kepada TPS ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan di peringkat permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan adalah kurang memuaskan. Pematuhan kepada kehendak dan peraturan yang telah ditetapkan oleh PBT yang berkaitan, dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang masalah terutamanya di peringkat penyerahan projek yang berkenaan.</p>	<p>Manakala status bagi ketiga-tiga projek lain adalah seperti berikut:-</p> <p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi tapak pelupusan di Sibuti, Miri, <i>State Planning Authority (SPA) Siting Approval</i> telah diperolehi pada 18 Mac 2016 daripada MCC. Perunding pada masa yang sama telah mengemukakan permohonan Kelulusan Pelan Bangunan kepada BOMBA pada 21 Mac 2016 dan kelulusan tersebut telah diperolehi pada 4 April 2016.</li> <li>2. Kelulusan Pelan Bangunan dan (SPA) <i>Siting Approval</i> di atas telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Subis pada 5 April 2016 dan kepada <i>Land and Survey Miri Division</i> serta <i>Land and Survey Kuching</i> pada 19 April 2016.</li> <li>3. Kelulusan KM hanya boleh dikeluarkan oleh MCC setelah Majlis Daerah Subis, <i>Land and Survey Miri Division</i> serta <i>Land and Survey Kuching</i> memperakui kelulusan Pelan Bangunan dan (SPA) <i>Siting Approval</i> yang dikemukakan.</li> </ol> <p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Padang Siding, Arau, Perlis</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi tapak pelupusan sisa pepejal Padang Siding, keputusan pengecualian KM akan dipertimbangkan oleh Majlis Perbandaran Kangar (MPK) apabila mesyuarat ahli Majlis di peringkat MPK diadakan. Sehingga kini, KPKT masih belum mendapat keputusan secara bertulis dari pihak MPK memandangkan mesyuarat ahli Majlis tidak dapat diadakan kerana pelantikan ahli Majlis belum dimuktamadkan.</li> </ol> <p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jalan Klias Lama, Beaufort, Sabah</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi tapak pelupusan Jalan Klias Lama, Beaufort, projek di tapak berkenaan telah dibatalkan kerana tapak tersebut tidak sesuai untuk dinaiktaraf. Ini kerana ia melibatkan kerja-kerja meletupkan batu dan pembinaan tembok penahan yang melibatkan pertambahan kos yang tinggi sehingga RM8 juta. KPKT dengan kerjasama Pejabat Daerah Beaufort sedang mengenalpasti cadangan tapak pelupusan baru untuk dijadikan tapak pelupusan wilayah yang akan digunakan oleh PBT-PBT yang berdekatan. Permohonan Pengecualian Kebenaran Merancang akan dikemukakan ke Majlis Daerah Beaufort setelah tapak baru</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dikenalpasti.</p> <p>KPKT mengambil perhatian terhadap syor audit dan bagi pelaksanaan projek semasa, KPKT memastikan permohonan pengecualian atau kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan diperolehi daripada pihak PBT terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan.</p>
<p><b>15.5.3.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Kontrak - Tandatanganan Dokumen Kontrak</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 12 projek mendapati dokumen kontrak bagi 5 projek yang bernilai antara RM10.4 juta hingga RM49.9 juta telah lewat ditandatangani antara 1 hingga 5 bulan. Semakan lanjut mendapati antara sebab yang menyumbang kepada kelewatan ini adalah kelemahan pengurusan penyediaan dokumen seperti kelewatan mengemukakan lukisan pembinaan dan draf dokumen kontrak oleh konsultan dan proses pelarasan harga.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016</p> <p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Koh Foh, Jempol, Negeri Sembilan</u></p> <p><i>Walaupun SST dikeluarkan pada 23 Disember 2011, perunding hanya mengemukakan lukisan pembinaan pada 17 Jun 2012 walaupun telah berkali-kali diberi peringatan oleh SWCorp dan Jabatan.</i></p> <p><i>Proses semakan Draff Dokumen Kontrak yang disediakan oleh kontraktor (tanpa Lukisan Kontrak) telah bermula pada 4 Mei 2012. Dokumen Kontrak yang lengkap berjaya dimuktamadkan serta ditandatangani pada 18 September 2012.</i></p> <p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, Melaka</u></p> <p><i>Walaupun SST telah dikeluarkan pada 2 Ogos 2012, Kontraktor telah lewat memasuki tapak selama 3 bulan disebabkan kelewatan memperolehi Kelulusan Merancang daripada PBT terlibat.</i></p> <p><i>Pihak perunding menyerahkan 3 salinan asal Dokumen Kontrak kepada pihak JPSPN pada 31 Januari 2013 dan ditandatangani pada 21 Februari 2013.</i></p>	<p>KPKT mengambil perhatian terhadap syor audit dan tindakan susulan diambil adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi projek-projek baru yang dilaksanakan seperti projek naiktaraf Blue Valley, Cameron Highlands, KPKT memantau penyediaan dokumen kontrak oleh perunding dengan lebih terperinci iaitu dengan:- <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menjadikan isu memuktamadkan Dokumen Kontrak sebagai salah satu agenda dalam Mesyuarat Pra-Pembinaan; dan</li> <li>ii. Memberikan peringatan kepada semua pihak yang terlibat dalam mesyuarat pemantauan projek bagi memastikan dokumen kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari surat setuju terima (SST).</li> </ol> </li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sibuti, Miri, Sarawak.</u></p> <p>Setelah SST dikeluarkan pada 21 Oktober 2011, perunding mengemukakan Draf Pertama Dokumen Kontrak untuk semakan PPSPPA pada 25 Januari 2012. Setelah beberapa kali pembetulan dan dokumen-dokumen dilengkapkan, PPSPPA telah mengemukakan Dokumen Kontrak yang dimuktamadkan kepada JPSPN untuk ditandatangani pada 20 April 2012. Dokumen Kontrak ditandatangani pada 22 Mei 2012.</p> <p><u>Projek Tutup Selamat Ulu Tualang, Temerloh, Pahang</u></p> <p>Kelewatan pengeluaran SST yang baru ditandatangani telah menyebabkan kelewatan dalam menandatangani Dokumen Kontrak selama 46 hari yang sepatutnya ditandatangani pada 12 Mei 2010 kepada 28 Jun 2010. Kelewatan ini juga disebabkan oleh kos projek ini RM483.08 juta perlu diselaraskan semula kepada 16 projek berkenaan.</p> <p><u>Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor</u></p> <p>Walaupun SST ditandatangani pada 23 Disember 2011, perunding hanya mengemukakan draf dokumen kontrak pada 29 Februari 2012. Pembetulan draf dokumen kontrak hanya diselesaikan pada 22 Mei 2012. Kontrak Dokumen telah ditandatangani pada 23 Mei 2012.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak adalah kurang memuaskan. Dokumen kontrak yang tidak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan boleh menjejaskan kepentingan pihak Kerajaan.</p>	
15.5.3.2	<p><b>Kelulusan Tempoh Lanjutan Masa/Extension Of Time (EOT)</b></p> <p>Semakan Audit mendapati EOT diberikan selepas mendapat perakuan daripada Jawatankuasa Lanjutan Masa (JKLM). Semakan selanjutnya terhadap 12 projek mendapati sasaran bagi menyiapkan 12 projek tersebut adalah antara 10 hingga 53 bulan. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2015, 5 projek telah disiapkan setelah diluluskan 1 hingga 7 EOT yang melibatkan tempoh antara 3 hingga 28 bulan, 5 projek masih dalam pembinaan, 1 dalam proses tender dan 1 berstatus projek sakit. Ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada projek lewat disiapkan boleh</p>	<p>Di antara sebab-sebab yang telah dikenalpasti sebagai punca kepada pemberian EOT dan seterusnya menyebabkan pemulangan semula LAD kepada kontraktor adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keperluan mengadakan perbincangan dalaman antara JPSPN, SWCorp, perunding dan kontraktor bagi membuat pengesyoran kepada JPSPN sebelum diangkat ke mesyuarat JKLM.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menjejaskan kepentingan pihak Kerajaan. Selain itu, LAD berjumlah RM25.25 juta (95.6%) telah dikembalikan sebaik sahaja Lanjutan Masa yang meliputi tempoh LAD itu diluluskan.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016</p> <p><i>Setiap EOT yang diberikan kepada kontraktor adalah bergantung kepada kuasa PP seperti yang disenaraikan dalam Syarat-syarat Kontrak (Condition of Contract) - Contract PWD Form 203 (Revised 2007 &amp; 2010).</i></p> <p><i>Kelewatan kelulusan EOT adalah disebabkan oleh tarikh siap sebenar sesuatu kerja bagi mengelakkan pengemukaan EOT oleh kontraktor dengan alasan yang sama.</i></p> <p><i>Pemulangan LAD ini adalah berikutan daripada kelulusan EOT oleh JKLM bersesuaian dengan Klausula 43.1 di dalam COC.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan lanjutan masa adalah baik. Bagaimanapun, tempoh EOT yang mencapai sehingga 28 bulan itu boleh berlarutan sekiranya tiada kawalan dan ini boleh menyumbang kepada projek lewat disiapkan. Dengan mematuhi syarat yang ditetapkan maka pemberian lanjutan masa dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama oleh pegawai yang diberi kuasa seperti yang dinyatakan dalam kontrak serta tidak menjejaskan tempoh siap projek.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Dokumen permohonan EOT yang dikemukakan oleh kontraktor dan perunding tidak lengkap (sbg contoh surat menyurat, lukisan pembinaan, Revised CPM).</li> <li>3. Tempoh EOT tidak dapat ditentukan kerana melibatkan pihak ketiga (sebagai contoh TNB bagi penyambungan elektrik).</li> <li>4. Perubahan kepada rekabentuk asal projek memandangkan projek tersebut adalah projek naiktaraf terutama melibatkan kerja-kerja tanah dan pengalihan sisa pepejal dikawasan yang aktif pelupusan.</li> <li>5. Proses pengambilan balik tanah lambat dimuktamadkan (isu jalan masuk ke TPS Belenggu, Temerloh, Pahang).</li> <li>6. Bekalan elektrik oleh TNB lewat disambung telah menyebabkan T&amp;C Leachate Treatment Plant (LTP) tidak dapat dijalankan.</li> <li>7. Kelewatan dalam mendapat Kelulusan Merancang (KM) daripada PBT.</li> </ol> <p>KPKT mengambil perhatian terhadap syor audit dalam mengawal pemberian EOT dan seterusnya menyebabkan projek lewat disiapkan. Bagi mengatasi perkara tersebut, KPKT akan mengambil langkah-langkah berikut dalam melaksanakan projek-projek pada masa hadapan iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendahulukan kerja-kerja TNB di dalam pelaksanaan projek.</li> <li>2. Menyelesaikan pengambilan balik tanah terlebih dahulu sebelum projek dibina.</li> <li>3. Mendapat kelulusan KM/pegecualian KM terlebih dahulu daripada PBT yang berkaitan sebelum projek dibina.</li> <li>4. Meneliti semula tempoh masa pembinaan yang bersesuaian berdasarkan kepada pengalaman melaksanakan pembinaan tapak pelupusan agar tidak berlaku pemberian EOT yang terlalu banyak kepada kontraktor.</li> <li>5. Membuat peringatan bertulis secara berkala kepada kontraktor dan makluman dalam mesyuarat pemantauan projek untuk menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan. Sekiranya pihak kontraktor mendapati kelewatan kerja adalah berpunca daripada luar kawalan kontraktor,</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>kontraktor dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Penguasa (S.O.) sebelum tarikh tamat projek. Kontraktor juga dikehendaki mengemukakan Pelan Pemulihan Kerja sekiranya kelewatan yang berlaku adalah disebabkan oleh kelemahan di peringkat kontraktor itu sendiri.</p>
<p><b>15.5.4.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Pelantikan Operator</b></p> <p>Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 24 Julai 2002, bagi pembinaan baru TPS, pelantikan operator bagi penyenggaraan tapak TPS tersebut dilakukan oleh pihak JPSPN, manakala bagi kerja menaik taraf TPS, pelantikan operator akan dilakukan oleh PBT sebaik sahaja projek siap dan diserahkan kepada PBT berkaitan.</p>	<p><u>TPS Krubong, Melaka</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. KPKT telah mengemukakan permohonan kelulusan lantikan operator secara rundingan terus kepada MOF pada 24 Mac 2016. Susulan lanjut mendapati Pegawai di Bahagian Perolehan MOF sedang menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Perolehan dan Pembekalan yang akan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Perbendaharaan.</li> </ol>
<p><b>15.5.4.1.i</b></p>	<p><b>TPS Krubong, Melaka</b></p> <p>Kos bagi projek TPS Krubong, Melaka adalah berjumlah RM42.9 juta. Projek ini telah siap dan telah dikeluarkan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) pada 26 Disember 2014 dengan jangka hayat beroperasi selama 5 tahun. Bagaimanapun, pada 1 April 2015, operasi TPS ini telah diberhentikan atas arahan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan aktiviti pengurusan sisa pepejal berserta dengan operatornya telah dipindahkan ke Sungai Udang, Melaka. Tapak ini hanya beroperasi selama 16 bulan berbanding 5 tahun yang dijangkakan. Walaupun telah berhenti beroperasi, pengaliran <i>leachate</i> dari sel masih berterusan dan memerlukan operator untuk menyenggarakan <i>Leachate Treatment Plan</i> (LTP) bagi tujuan merawat <i>leachate</i> sehingga ke tahap yang diluluskan. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 25 November 2015, pihak JPSPN belum melantik operator untuk tujuan menyenggara LTP memandangkan LTP sedia ada perlu untuk dibaiki terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada operator. Akibatnya, kolam telah dipenuhi dengan <i>leachate</i> dan melimpah serta mengakibatkan pencemaran persekitaran. Resapan <i>leachate</i> yang mengandungi plumbum, sebatian organik nitrogen dan ammonia ke dalam tanah boleh mencemarkan sumber air di sekitar kawasan pelupusan sampah berkenaan seperti sungai, kolam dan longkang serta membawa kesan negatif kepada kesihatan manusia.</p>	<p><u>TP Sibuti, Miri</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Certificate Partial Of Occupation</i> (CPO) pertama bagi tujuan penyerahan separa sel 4 (Zon A) telah dikeluarkan pada 30 Ogos 2013.</li> <li>2. <i>Certificate Partial Of Occupation</i> (CPO) kedua kemudiannya dikeluarkan bagi tujuan penyerahan separa sel 4 (Zon B dan Zon C) termasuk <i>Leachate Treatment Plant</i> (LTP) namun tidak diterima oleh MCC. Alasan yang diberikan oleh MCC kerana LTP tidak beroperasi mengikut standard pelepasan yang ditetapkan oleh JAS.</li> <li>3. Beberapa siri <i>Testing &amp; Commissioning</i> (T&amp;C) telah dijalankan iaitu pada 8-9 April 2014, 14-15 Mei 2014, 3 Julai 2014 dan 13 Ogos 2014. Keputusan T&amp;C yang diadakan pada 13 Ogos 2014 memenuhi standard pelepasan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.</li> <li>4. KPKT telah melaksanakan <i>joint inspection</i> bersama pihak Miri City Council (MCC), Jabatan Alam Sekitar (DOE), NREB, perunding dan kontraktor bagi memantau pelaksanaan kerja pembaikan kecacatan projek pada 16 Mac 2016. Didalam lawatan tersebut, terdapat sembilan (9) kecacatan yang perlu diperbaiki oleh kontraktor.</li> </ol>
<p><b>15.5.4.1.ii</b></p>	<p><b>TPS Sibuti, Miri</b></p> <p>TPS ini telah siap sepenuhnya pada 4 November 2014 dengan kos berjumlah RM23.90 juta. Sehingga tarikh lawatan Audit, TPS belum diserahkan kepada Majlis Bandaraya Miri. Tempoh Memperbaiki Kecacatan (DLP) adalah mulai 4</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>5. KPKT juga telah membuat pemeriksaan lanjutan pada 28 Mac 2016 dan mendapati pihak kontraktor telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan enam (6) kecacatan daripada sembilan (9) kecacatan yang berlaku. Manakala tiga</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>November 2014 hingga 3 November 2015. Bagaimanapun sehingga tarikh lawatan Audit pada 16 Disember 2015, tiada sebarang penyerahan dilakukan kepada pihak PBT. Tiada bukti menunjukkan <i>Testing and Commissioning</i> telah dilakukan terhadap <i>Leachate Treatment Plan</i> (LTP) sedangkan Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 4 November 2014. Antara sebab kelewatan penyerahan ini ialah pihak Majlis Bandaraya Miri belum bersedia untuk menerimanya kerana masih terdapat beberapa kecacatan di lokasi TPS tersebut yang perlu dibaiki oleh pihak kontraktor.</p>	<p>(3) kecacatan lagi adalah kecacatan yang berulang berpunca daripada LTP yang tidak beroperasi.</p> <p>6. KPKT telah mengadakan mesyuarat penyelarasan dengan MCC pada 22 April 2016 dan meminta MCC menerima dan mengoperasikan LTP berkenaan bagi memastikan <i>leachate</i> yang terhasil dirawat sebelum dialirkan ke sungai berhampiran.</p>
<p>15.5.4.1.iii</p>	<p><b>TPS Belenggu, Temerloh</b></p> <p>TPS ini telah siap sepenuhnya pada 20 Ogos 2015 dengan kos berjumlah RM88.01 juta. Sehingga tarikh pengauditan pelantikan operator masih belum dilakukan oleh pihak JPSPN. Ini kerana kerana sehingga tarikh lawatan Audit pada 21 Disember 2015, bekalan elektrik belum lagi dibekalkan oleh TNB.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><u>TPS Krubong, Melaka</u></p> <p><i>Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengambil alih pengoperasian tapak-tapak pelupusan sedia ada di negeri-negeri yang menguatkuasa Akta 672 termasuk pengoperasian LTP. KPKT telah mengemukakan permohonan kelulusan lantikan operator secara rundingan terus kepada MOF pada 24 Mac 2016.</i></p> <p><u>TPS Sibuti, Miri</u></p> <p><i>Testing and Commissioning (T&amp;C) telah dijalankan pada 8 hingga 9 April 2014, 14 hingga 15 April 2014, 3 Julai 2014 dan 13 Ogos 2014. KPKT juga telah membuat pemeriksaan lanjutan pada 28 Mac 2016 dan mendapati pihak kontraktor telah melaksanakan semua kerja pembaikan kecacatan yang terlibat. Majlis Bandaraya Miri-Miri City Council (MCC) telah menerima kunci daripada KPKT pada 16 Disember 2015. Sehingga kini MCC masih belum melantik operator bagi menjalankan pengoperasian.</i></p> <p><u>TPS Belenggu, Temerloh</u></p> <p><i>Selepas beberapa pemeriksaan dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik berdasarkan keperluan</i></p>	<p><u>TPS Belenggu</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kerja-kerja pembekalan elektrik dan pemasangan meter oleh TNB telah disiapkan pada 11 April 2016.</li> <li>2. KPKT dalam peringkat penyediaan kertas kerja bagi cadangan pelantikan operator secara rundingan terus untuk mengoperasikan tapak pelupusan berkenaan ke MOF.</li> <li>3. KPKT menjangkakan tapak pelupusan tersebut akan mula beroperasi pada Julai 2016 dengan mengambilkira tempoh kelulusan daripada MOF, penilaian kos operasi dan surat setuju terima (SST) dikeluarkan kepada operator yang dicadangkan.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>terkini TNB yang diselesaikan pada 20 Ogos 2015. Kelewatan pelantikan operator adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembekalan elektrik oleh TNB yang lewat disiapkan. Walau bagaimanapun pihak TNB telah menyiapkan kerja-kerja pembekalan elektrik (kecuali pemasangan meter) ke tapak pada bulan Januari 2016 dan kerja-kerja pemasangan meter kini dalam tindakan TNB dan dijadualkan siap pada minggu kedua April 2016.</i></p> <p><i>Pada masa yang sama, pelantikan operator juga tidak dapat dibuat berikutan tiada kod bidang pelantikan operator untuk pengurusan kemudahan sisa pepejal. Bagaimanapun kelulusan kod bidang tersebut telah diperolehi daripada Kementerian Kewangan pada 15 Mac 2016. KPKT telah membuat permohonan kelulusan MOF untuk melaksanakan perolehan bagi lantikan operator secara rundingan terus pada 24 Mac 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan bagi 3 projek tersebut adalah kurang memuaskan memandangkan sehingga tarikh lawatan Audit iaitu pada 25 November hingga 29 Disember 2015, operator masih belum dilantik. Pematuhan kepada garis panduan dan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) yang disediakan boleh mengelakkan daripada berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan.</p>	
15.5.4.2.2.i	<p><b>Kebocoran Air Larut Resap (Leachate) - TPS Sungai Udang, Melaka</b></p> <p>Klausula 48.1a dalam kontrak antara pihak Kerajaan dengan Kontraktor BPJ - Berjaya Sdn. Bhd. mengenai kecacatan selepas kerja disiapkan menyatakan perkara berikut:</p> <p><i>“at any time during the defect liability period as stated in appendix here to (or if none) ..... Superintending Officer (SO) shall issue written instruction to the contractor to make good such defect, in perfection, shrinkages or any other fault whatsoever at the contractor’s own cost .....”</i></p> <p>Kebocoran <i>leachate</i> yang berlaku di tebing tanah bersebelahan <i>intake sump</i> ketika lawatan Audit pada 25 November 2015 telah dibaiki oleh pihak operator iaitu SWM Environment Sdn. Bhd. walaupun ianya sepatutnya dilakukan oleh pihak kontraktor BPJ - Berjaya Sdn. Bhd. memandangkan tempoh kecacatan akan berakhir pada 11 November 2016. Perkara ini bercanggah dengan kehendak klausula 48.1a dalam kontrak antara pihak Kerajaan dengan Kontraktor BPJ - Berjaya Sdn. Bhd.</p>	<p>Kebocoran Air Larut Resap (<i>Leachate</i>) - TPS Sungai Udang, Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak operator telah membaiki sepenuhnya kebocoran <i>leachate</i> yang berlaku pada 16 Januari 2016. Sehingga sekarang tidak ada lagi kebocoran <i>leachate</i> berlaku.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.2.2.ii	<p>Lawatan susulan Audit pada 26 Januari 2016 juga mendapati berlaku satu lagi kebocoran <i>leachate</i> di kawasan tebing tanah laluan saluran paip HDPE 300mm diameter dari <i>sub-cell</i> yang menghubungkan ke longkang parameter untuk tujuan pengaliran air hujan. Kebocoran ini menyebabkan limpahan <i>leachate</i> di dalam longkang parameter, laluan lori sampah di sel dan di kawasan LTP. Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak Operator telah memasang <i>by pass pipe</i> dan memindahkan <i>leachate</i> ke sel yang belum digunakan sepenuhnya untuk dijadikan sebagai <i>holding pond</i>.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>KPKT mengesahkan tindakan operator yang membuat reticulate system supaya kebocoran leachate tidak merebak ke longkang. KPKT telah menerima laporan penuh daripada pihak perunding berhubung isu kebocoran leachate. Setelah kajian terperinci dibuat, pihak perunding telah mengesahkan bahawa kerosakan yang berlaku adalah berpunca daripada kecuaiian di peringkat pengoperasian oleh pihak operator walaupun projek masih dalam tempoh DLP.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kontraktor adalah kurang memuaskan memandangkan tiada jaminan kualiti bagi peralatan yang dibekalkan. Pematuhan kepada kontrak dan standard serta peraturan yang telah ditetapkan juga kerjasama yang baik antara kontraktor dan operator TPS dapat menyumbang kepada pengurusan TPS yang sempurna dan seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pengguna.</p>	<p>Kebocoran Air Larut Resap (<i>Leachate</i>) - TPS Sungai Udang, Melaka</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak operator telah memperbaiki sepenuhnya kebocoran <i>leachate</i> yang berlaku pada 9 Mac 2016. Sehingga sekarang tidak ada lagi kebocoran <i>leachate</i> berlaku.</li> <li>• Pemantauan berkala oleh SWCorp mendapati isu pelepasan <i>leachate</i> tanpa dirawat tidak lagi berlaku di tapak kerana LTP telah berfungsi sepenuhnya.</li> </ul>
15.5.4.3.1.ii	<p><b>Pengeluaran Sijil Pendudukan - Pengeluaran <i>Certificate Partial Of Occupation (CPO)</i> Bagi Projek TPS</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 5 projek telah dikeluarkan CPO sedangkan ianya belum berfungsi secara bersepadu dan menyokong antara satu sama lain. Pengeluaran CPO bagi sebahagian komponen utama TPS iaitu sel adalah untuk membolehkan kerja-kerja pembuangan sisa pepejal dilakukan walaupun projek belum selesai secara keseluruhan. Antara sebab CPO dikeluarkan adalah ketiadaan tempat pembuangan sampah <i>alternative/reserve</i> dan juga permintaan daripada PBT. Pengeluaran CPO bagi projek TPS ini mengakibatkan masalah bau, air <i>leachate</i> yang tidak dirawat, sel dipenuhi dengan sisa pepejal akibat daripada pembuangan yang tidak terkawal seterusnya fungsi asal TPS untuk memberi perkhidmatan sanitari secara</p>	<p><u>Pengeluaran <i>Certificate Partial Of Occupation (CPO)</i> Bagi Projek TPS</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemberian CPO adalah bagi membolehkan sel di tapak pelupusan digunakan memandangkan terdapat keperluan mendesak oleh PBT terbabit untuk pelupusan sisa pepejal.</li> <li>• Sekiranya CPO tidak dikeluarkan, PBT tidak mempunyai pilihan selain melupuskan sisa pepejal di kawasan yang tidak sepatutnya (kawasan pembuangan sampah haram) dan akan menyebabkan pencemaran yang lebih teruk berlaku.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyeluruh, bersih dan terkawal tidak tercapai.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016</p> <p><i>Pemberian CPO adalah berdasarkan klausa 42.1 di dalam Condition Of Contract (COC) membolehkan sel di tapak pelupusan digunakan kerana keperluan yang mendesak oleh PBT untuk pelupusan sisa pepejal. Sekiranya CPO tidak dikeluarkan pada waktu berkenaan, KPKT khawatir akan berlakunya pembuangan sampah haram di kawasan lain. Namun bagi menghalang leachate yang terhasil daripada sel mengalir keluar tanpa dirawat, leachate tersebut dipam semula dari kolam ke dalam sel ataupun dikumpulkan di dalam leachate collection pond sehingga LTP berfungsi sepenuhnya.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pematuhan kepada standard dan peraturan yang telah ditetapkan serta kerjasama yang baik antara pihak yang terlibat dengan pembinaan TPS ini boleh mengelakkan daripada berlakunya kelewatan serta dapat memelihara kepentingan pihak Kerajaan.</p>	<p>Bagi mengelakkan sebarang isu alam sekitar berlaku setelah CPO dikeluarkan dan <i>Leachate Treatment Plant</i> (LTP) masih belum berfungsi, langkah-langkah berikut telah diambil:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>leachate</i> yang terhasil daripada pelupusan sisa di sel yang diserahkan kepada PBT akan di pam semula dari kolam takungan <i>leachate</i> dan seterusnya ke dalam sel. (<i>Recirculation System</i>).</li> <li>• Terdapat juga pilihan yang lain iaitu <i>leachate</i> yang terhasil dikumpulkan di dalam <i>leachate collection pond</i> sehingga LTP berfungsi sepenuhnya.</li> </ul>
15.5.4.4.i	<p><b>Prestasi Penutupan Selamat Tapak Pelupusan (<i>Safe Closure</i>)</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2015, hanya 16 tapak telah dilaksanakan untuk projek penutupan selamat dan pemulihan. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) akan dikeluarkan apabila keseluruhan 16 tapak telah sempurna ditutup selamat dan seterusnya tapak tersebut akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan penyenggaraan. Sejumlah RM483.08 juta telah diperuntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada KPKT bagi membiayai kos projek penutupan selamat dan pemulihan 16 tapak pelupusan sisa pepejal di Semenanjung Malaysia. Pada 17 November 2008, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya projek ini dilaksanakan oleh Cypark Resources Berhad (CRB) melalui kaedah Rundingan Terus secara Reka dan Bina. Tempoh kontrak bagi projek ini adalah 24 Ogos 2009 hingga 23 November 2011. Semakan Audit mendapati tarikh akhir lanjutan masa yang diluluskan bagi kontrak ini adalah pada 29 November 2014. Bagaimanapun sehingga Disember 2015, tiada bukti menunjukkan kontraktor dikenakan denda (LAD) atau lanjutan masa memandangkan Perakuan Siap Kerja belum dikeluarkan.</p>	<p><u>Prestasi Penutupan Selamat Tapak Pelupusan (<i>Safe Closure</i>)</u></p> <p>Sebanyak lima (5) EOT diluluskan oleh Jawatankuasa Lanjutan Masa (JKLM) bagi projek berkenaan dengan perincian seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. EOT 1 : 24.11.2011 sehingga 2.11.2012 (345 hari)</li> <li>2. EOT 2 : 3.11.2012 sehingga 17.11.2015 (15 hari)</li> <li>3. EOT 3 : 17.11.2015 sehingga 11.5.2013 (175 hari)</li> <li>4. EOT 4 : 12.5.2013 sehingga 8.1.2014 (242 hari)</li> <li>5. EOT 5 : 9.1.2014 sehingga 29.11.2014 (324 Hari)</li> </ol> <p><i>Certificated Practical Completion (CPC)</i> telah dikeluarkan pada 23 Disember 2015. Sepanjang tempoh bermula dari 29.11.2014 sehingga 23.12.2015 sebanyak RM 7 Juta LAD akan dikenakan pada kadar RM76,000.00 sehari kepada CRB melalui surat <i>Certificated of Non-Completion (CNC)</i> bertarikh 24 April 2014. LAD akan dipotong setelah bayaran akhir projek ini kepada kontraktor dimuktamadkan.</p> <p>KPKT mengambil perhatian terhadap syor audit dan mengambil tindakan-tindakan berikut:-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.4.ii	<p>Walaupun keseluruhan 10 tapak yang telah ditutup selamat itu telah dikeluarkan CPO namun ianya belum boleh diserahkan kepada PBT kerana CPC belum dikeluarkan. Ini menyebabkan kawasan tersebut terbiar dan tidak dibersihkan. Lawatan Audit pada 21 Disember 2015 ke salah satu tapak yang telah ditutup selamat di Ulu Tualang, Temerloh, Pahang mendapati jalan masuk ke tapak projek telah rosak akibat aliran air hujan, kawasan sump ditutupi dengan rumput menjalar dan kawasan tapak projek menjadi semak. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan peraturan atau prosedur disediakan oleh pihak JPSPN di peringkat penyerahan dan penyenggaraan bagi projek tutup selamat TPS. Oleh yang demikian, satu pendekatan perlu diambil oleh pihak JPSPN bagi membolehkan tapak yang telah ditutup selamat dan telah dikeluarkan CPO itu boleh disenggarakan secara berterusan agar keadaan persekitarannya sentiasa bersih dan terpelihara. Klausula dalam kontrak antara Cypark Resources Berhad dengan pihak Kerajaan perlu mengambil kira tanggungjawab penyenggaraan ke atas tapak tersebut oleh pihak Cypark Resources Berhad selagi CPC belum dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>Tarikh CPO bagi TPS Ulu Tualang adalah pada 11 Februari 2015 dan DLP bagi tapak ini telah tamat pada 11 Februari 2016. Sepanjang tempoh berkenaan penyenggaraan adalah di bawah tanggungjawab kontraktor. JPSPN mengakui terdapat kecacatan seperti yang dinyatakan, namun ianya tidak menjejaskan fungsi utama projek dan boleh diperbaiki dengan membuat kerja-kerja penyenggaraan. KPKT telah mengeluarkan CPC dengan tarikh siap projek pada 23 Disember 2015. Tempoh LAD yang dikenakan ialah selama 387 hari bermula 30 November 2014 sehingga 23 Disember 2015 dengan jumlah LAD RM6.99 juta.</i></p> <p><i>KPKT telah mengenal pasti tapak-tapak projek yang akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penyenggaraan dan operasi. Permohonan kelulusan lantikan operator secara rundingan terus telah dikemukakan ke MOF pada 24 Mac 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan peraturan serta pematuhan <i>standard operating procedure</i> (SOP) boleh menyumbang kepada kesempurnaan projek ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKT sedang menyediakan SOP bagi penyerahan tapak projek yang dijadualkan dimuktamadkan pada Jun 2016.</li> <li>• Selain daripada projek penutupan selamat, KPKT juga telah mengenalpasti tapak-tapak projek yang akan diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penyenggaraan dan operasi. Permohonan kelulusan lantikan operator secara rundingan terus telah dikemukakan ke MOF pada 24 Mac 2016.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.5.1.i	<p><b>Penamatan Kerja Kontraktor - Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Pulau Pangkor - Kontraktor; Perkasa Trading Sdn. Bhd. (Kos Projek RM10.4 juta)</b></p> <p>Notis untuk tujuan penamatan pengambilan kerja kontraktor perlu dikeluarkan. Semakan Audit mendapati projek menaik taraf TPS Teluk Cempedak, Pulau Pangkor tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja telah dikeluarkan pada 6 Februari 2014 kepada Perkasa Trading Sdn. Bhd. Pihak JPSPN dalam proses tender bagi melantik kontraktor baru untuk menyiapkan projek tersebut. Tapak projek tersebut telah ditinggalkan oleh kontraktor selama 22 bulan. Tujuan asal TPS ini adalah untuk menampung pembuangan <i>bottom ash</i> yang dihasilkan dari loji insinerator yang terletak bersebelahan dengan TPS ini. Akibat daripada kerja-kerja menaik taraf dihentikan, pembuangan <i>bottom ash</i> telah melimpah sehingga di luar kawasan insinerator. JPSPN perlu mengambil tindakan untuk menyegerakan kerja menaik taraf TPS ini bagi mengelakkan berlakunya pencemaran yang berterusan terutamanya di perairan tersebut serta boleh menampung penghasilan <i>bottom ash</i> dari insinerator.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>Tempoh pelantikan kontraktor penyelamat telah berlarutan disebabkan oleh kelulusan kaedah perolehan lantikan kontraktor penyelamat daripada tender terhadap kepada rundingan terus yang lewat diterima daripada Kementerian Kewangan Malaysia iaitu pada 8 Oktober 2015. Mesyuarat Rundingan Harga untuk perantikan kontraktor telah diadakan pada 18 Mac 2016. Berdasarkan keputusan mesyuarat, Jawatankuasa tidak bersetuju dengan tawaran harga yang dikemukakan dan meminta kontraktor mengemukakan semula cadangan tawaran harga yang baru. Kontraktor telah mengemukakan semula cadangan tawaran harga pada 1 April 2016 dan akan dibawa untuk keputusan Lembaga Perolehan KPKT.</i></p>	<p><u>Status terkini Pelantikan Kontraktor Penyiap TP Sisa Pepejal Teluk Cempedak, Perak</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi lantikan kontraktor penyiap, Mesyuarat Rundingan Harga yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPSPN telah diadakan pada 18 Mac 2016</li> <li>• Mesyuarat Rundingan Harga berkenaan tidak bersetuju dengan tawaran harga yang dikemukakan dan meminta kontraktor mengemukakan semula cadangan harga yang baru supaya tidak melebihi siling projek yang telah diluluskan oleh MOF sebanyak RM 14 juta.</li> <li>• Kontraktor telah mengemukakan semula tawaran harga namun harga yang dikemukakan oleh kontraktor adalah <u>tidak munasabah</u> iaitu sebanyak RM25 juta berbanding cadangan asal kontraktor sebanyak RM 18 juta dan anggaran Jabatan adalah sebanyak RM14 juta.</li> <li>• Mesyuarat Rundingan Harga ke 2 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPSPN telah diadakan pada 27 April 2016.</li> <li>• Mesyuarat tersebut tidak bersetuju dengan harga yang dikemukakan oleh kontraktor dan mencadangkan agar rundingan terus ini dibatalkan dan dibuat secara tender terbuka.</li> <li>• Cadangan agar rundingan terus ini dibatalkan dan dibuat secara tender terbuka akan diangkat ke Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KPKT dan dihadiri oleh wakil JKR dan MOF pada 9 Mei 2016 untuk keputusan.</li> </ul>
15.5.4.5.2	<p><b>Insinerator Di Pulau Pangkor</b></p> <p>Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Siri 2 Tahun 2012, perenggan 15.5.3.1 menyatakan ".....Semakan Audit mendapati loji insinerator di Pulau Pangkor, direka bentuk dan dibina menggunakan <i>double operation line</i>. Bagaimanapun, semasa beroperasi ia menggunakan satu <i>operation line</i></p>	<p><u>Insinerator Di Pulau Pangkor</u></p> <p>KPKT telah mengambil tindakan-tindakan berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil tindakan penamatan perkhidmatan operator loji pada 16 Mac</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sahaja manakala satu <i>operation line</i> lagi dijadikan <i>standby</i>.....”</p> <p>Maklum balas JPSPN pada 11 Jun 2013</p> <p><i>Insinerator rotary kiln rekaan XCNT merupakan teknologi tempatan yang baru walaupun secara teorinya mampu untuk melupuskan sisa pepejal tetapi masih belum terbukti secara fizikal. Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina double operation line diambil dengan satu line sebagai standby bagi menangani sebarang kemungkinan berlaku kegagalan pada line yang sedang beroperasi.</i></p> <p>Lawatan susulan Audit pada 30 Disember 2015 mendapati hanya <i>Line A</i> yang beroperasi, manakala <i>Line B</i> telah rosak selama 28 bulan bermula Ogos 2013. Kerosakan berlaku disebabkan komponen bagi 4 alat ganti iaitu Gas Cooler, <i>Bag House</i>, <i>Inverter</i> dan <i>Ash Conveyor</i> yang terlibat dengan proses pembakaran tidak dapat dibekalkan/diseliakan oleh Syarikat XCNT. Kebergantungan kepada satu <i>line</i> sahaja menyebabkan keupayaan insinerator berfungsi terbatas mengakibatkan berlakunya longgokan sampah yang melimpah.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016 Dan 18 Mac 2016</p> <p><i>Insinerator rotary kiln rekaan XCNT merupakan teknologi tempatan yang baru walaupun secara teorinya mampu untuk merawat sisa pepejal tetapi masih belum terbukti secara fizikal. Kementerian memutuskan adalah wajar pendekatan membina double operation line diambil dengan satu line sebagai standby bagi menangani sebarang kemungkinan berlaku kegagalan pada line yang sedang beroperasi.</i></p> <p><i>Kerosakan yang berlaku di kedua-dua line adalah sama yang memerlukan penambahbaikan seperti Gas Cooler dan Air Duct Shield. Dalam memastikan pengoperasian loji tidak terhenti, pihak operator lebih memfokuskan kepada pembaikan di Line B memandangkan komponen yang rosak adalah komponen penting.</i></p> <p><i>Pihak operator telah melakukan pelan pembaikan yang melibatkan pertukaran Cerobong dan beberapa komponen lain. Kesan dari pembaikan tersebut, loji insinerator perlu memberhentikan operasinya pada bulan Ogos hingga September 2015. Pelan pembaikan yang dicadangkan oleh Operator adalah</i></p>	<p>2016 akibat kegagalan operator menguruskan loji berkenaan mengikut SOP yang ditetapkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPKT dalam peringkat pelantikan operator baru melalui perolehan secara tender terbuka. Tender pelantikan operator baru telah diiklankan dalam akhbar tempatan pada 28 April 2016 dan lawatan tapak telah diadakan pada 3 Mei 2016. Tutup tender adalah pada 28 Julai 2016.</li> <li>• Di dalam kontrak yang baru, KPKT telah memasukkan tanggungjawab kepada operator merangkumi kerja pemulihan, pembaikan dan operasi loji tersebut. Bayaran akan dibuat dalam tempoh kontrak selama 6 tahun melalui kaedah <i>tipping fee</i> kepada operator yang dilantik.</li> <li>• Pihak SWCorp bertindak sebagai Wakil KPKT bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan prestasi, menilai, memperakui dan membayar perkhidmatan operator di tapak. Penilaian <i>Key Performance Indicators (KPI)</i> akan dibuat secara bulanan oleh SWCorp bagi menentukan bayaran <i>tipping fee</i> yang akan dibayar kepada operator kelak.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>merangkumi komponen di Line A dan B.</i></p> <p><i>Setelah kerja-kerja pembaikan cerobong siap dilakukan, loji mula memproses sisa pepejal pada Oktober 2015. Bagaimanapun, keberkesanan pembakarannya menurun berikutan masih terdapat komponen yang belum dibaiki seperti Baghouse, Ash Conveyor dan komponen di Line B. Lanjutan daripada keadaan tersebut dan keupayaan yang ditunjukkan oleh operator dalam menyelesaikan masalah longgokan sisa pepejal di luar loji, JPSPN telah meminta Majlis Perbandaran Manjung untuk membersihkan sisa pepejal tersebut dengan mengangkutnya ke tanah besar. Pada masa yang sama, JPSPN dalam proses untuk meneliti dan menamatkan perkhidmatan operator tersebut. Notis Untuk Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Telah Dikeluarkan pada 16 Mac 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan bagi insinerator di Pulau Pangkor adalah kurang memuaskan. Ini mengakibatkan kerosakan kerap berlaku dan objektif pembinaan iaitu untuk mengurangkan masalah pengurusan sisa pepejal di pulau-pulau peranginan dengan membina loji rawatan termal baru yang menggunakan teknologi tempatan tidak tercapai.</p>	
<p><b>15.5.5.3.i</b></p>	<p><b>Lawatan Ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Di Bukit Tagar, Taman Beringin Dan Penutupan Selamat Di Taman Beringin - Tutup Selamat Taman Beringin</b></p> <p>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melantik Cypark Resources Berhad (CRB) untuk menutup selamat tapak Pelupusan Sisa Pepejal Taman Beringin dan membina LTP dengan kapasiti 300m<sup>3</sup>/hari. Tutup Selamat telah siap pada 28 Disember 2007 dan CRB telah dilantik untuk menjadi operator selama 2 tahun. Bagaimanapun, oleh kerana kos operasi yang amat tinggi terutamanya melibatkan kos penggantian sistem penapisan, DBKL tidak lagi mampu untuk membiayai operasi LTP berkenaan dan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan lagi perkhidmatan CRB sebagai operator LTP pada 27 Disember 2009.</p>	<p><u>Projek Penutupan Selamat Di Taman Beringin - Tutup Selamat Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Penutupan Selamat di Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur dilaksanakan oleh DBKL. Disebabkan kos operasi yang tinggi untuk mengoperasikan LTP, DBKL telah menamatkan perkhidmatan operator iaitu CRB. Ini telah menyebabkan <i>leachate</i> terhasil tidak dirawat dan memasuki Sungai Jinjang.</li> </ul>
<p><b>15.5.5.3.ii</b></p>	<p>DBKL telah mengambil langkah alternatif penyelesaian pada waktu berkenaan dengan mengitar semula (recycle) <i>leachate</i> yang dihasilkan daripada tapak pelupusan yang ditutup selamat bagi menghalang air—<i>leachate</i> tersebut memasuki dan mencemari air Sungai Jinjang. Air <i>leachate</i> yang dihasilkan tidak dapat ditampung dan terus mengalir ke dalam longkang dan memasuki Sungai Jinjang tanpa rawatan ketika <i>overflow</i> terutamanya ketika musim hujan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Oleh yang demikian, KPKT telah mengambil langkah susulan dengan mengambil alih pengoperasian LTP berkenaan dengan melantik syarikat Mewah Kota Sdn. Bhd. untuk melaksanakan pemasangan. Kementerian menjangkakan sistem berkenaan akan mula beroperasi pada Mei 2016. Dengan adanya sistem rawatan <i>snowflake</i> di tapak, isu pelepasan <i>leachate</i> ke Sungai Jinjang akan dapat diselesaikan sepenuhnya</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.5.3.iii	<p>Pada 1 April 2014, pihak DBKL telah menyerahkan Tapak Tutup Selamat ini kepada JPSPN. Pada 18 Disember 2015, JPSPN telah melantik Kontraktor Kota Mewah Sdn. Bhd. bagi menjalankan kerja-kerja memasang dan membaiki peralatan LTP sedia ada serta menjadi operator kepada LTP tersebut. Kos kontrak adalah RM12.9 juta untuk tempoh 5 tahun 3 bulan.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016</p> <p><i>Pembinaan LTP bagi tujuan merawat leachate daripada Tapak Pelupusan Sisa Pepejal yang ditutup selamat dilaksanakan oleh Cypark Resources Berhad. CRB dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Isu LTP tidak dioperasikan oleh DBKL kerana kos operational LTP tersebut terutama dari segi penyenggaraan Granular Activated Carbon dan Sand Filter yang agak mahal iaitu RM2 juta setahun menyebabkan DBKL terpaksa menamatkan pengoperasian LTP berkenaan. KPKT melalui JPSPN telah melantik syarikat Mewah Kota Sdn. Bhd. yang menggunakan sistem yang lebih murah iaitu Snowflake System dengan keputusan rawatan leachate adalah menepati standard pelepasan yang ditetapkan oleh JAS.</i></p> <p><i>Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 18 Disember 2015 dengan tempoh pemasangan sistem berkenaan mengambil masa selama 4 bulan. Pengoperasian adalah murah iaitu RM100,000 untuk tempoh masa selama 5 tahun.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan bagi projek TPS Bukit Tagar dan Stesen Pemindahan Taman Beringin adalah memuaskan, manakala projek Tutup Selamat di Taman Beringin adalah kurang memuaskan. Perancangan yang baik boleh menyumbang kepada pelaksanaan projek yang sempurna dan menghasilkan <i>outcome</i> yang optima sehingga boleh memberi opsyen kepada pengguna dalam penjana tenaga yang boleh dipelbagaikan.</p>	
15.5.6	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak dilaksanakan pada setiap bulan sebagaimana yang telah ditetapkan dan <i>site diary</i> juga ada diselenggarakan.</p> <p>Maklum Balas JPSPN Yang Diterima Pada 4 Mac 2016</p> <p><i>Kehadiran pegawai JPSPN direkodkan dalam minit mesyuarat tapak.</i></p>	<p>Pemantauan projek diteruskan dari semasa ke semasa secara berkala setiap bulan semasa mesyuarat tapak diadakan.</p>

<b>Perenggan</b>	<b>Penemuan Audit</b>	<b>Status Terkini</b>
	Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan dapat memberi kesan yang baik ke atas pelaksanaan sesuatu aktiviti itu.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2015**

**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**Jabatan Perumahan Negara**

**Perenggan 16 : Pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>16.5.1.1.a</b>	<p><b>Pengurusan Kontrak - Pemilihan Tapak Projek</b></p> <p>Tapak projek ini telah diluluskan oleh Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 19 Disember 2000. Sebelum pembinaan, tapak ini merupakan bekas tapak pelupusan/pembuangan sisa pepejal Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang beroperasi selama 12 tahun iaitu mula digunakan mulai tahun 1985 dan ditutup selamat pada tahun 1997 (Sumber MBPJ melalui surat rujukan : MBPJ/161100/T/M13/1 Jld. 2 (1) bertarikh 29 Februari 2016).</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 16.5.1.1.g
<b>16.5.1.1.b</b>	<p>Berdasarkan kepada faktor kesihatan dan persekitaran jangka panjang, tapak pelupusan sampah yang ditinggalkan atau yang ditutup selamat dan tapak-tapak tercemar lain tidak boleh digunakan untuk pembangunan perumahan. Pembangunan lain yang bersifat sementara boleh diambil kira untuk dibangunkan di tapak sisa pepejal seperti yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. kawasan rekreasi;</li> <li>ii. padang golf;</li> <li>iii. kawasan penghasilan tenaga berasaskan biogas; dan</li> <li>iv. projek pertanian berteknologi fertigasi.</li> </ul>	
<b>16.5.1.1.c</b>	<p>Bagaimanapun, Garis Panduan Perancangan Tapak Pelupusan Sisa Toksid dan Sisa Pepejal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) bil. JPBD 8/97 para 9.11.4. menyatakan bahawa kawasan/taman perumahan yang berkepadatan rendah dan sederhana seperti rumah jenis banglo, berkembar, <i>town house</i> dan teres sahaja yang dibenarkan di kawasan seperti ini manakala kawasan/taman perumahan rumah berkepadatan tinggi seperti rumah kondominium, pangsapuri dan rumah kedai adalah tidak dibenarkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tapak pembinaan yang telah diluluskan adalah tidak sesuai seperti yang dinyatakan dalam garis panduan yang berkaitan.</p>	
<p><b>16.5.1.1.d</b></p>	<p>Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dilaksanakan bagi memastikan masalah yang berkemungkinan akan timbul dilihat secara proaktif dan dinilai daripada awal pelaksanaan projek. Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 1985 telah menyatakan keperluan undang-undang untuk EIA bagi aktiviti-aktiviti yang telah ditentukan. Mana-mana pihak yang berhasrat untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang telah disenaraikan termasuk pembinaan mestilah menghantar laporan EIA kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum mendapat apa-apa kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa yang relevan. Semakan Audit mendapati, kajian EIA bagi pembinaan projek ini tidak dilaksanakan sebelum memulakan pembinaan.</p>	
<p><b>16.5.1.1.e</b></p>	<p>Bagi memenuhi amalan kejuruteraan, Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) telah dilantik oleh JPN untuk menjalankan kerja penyiasatan tanah bermula dari bulan Julai hingga Ogos 2001 yang tertumpu kepada kawasan tapak cadangan bangunan bagi menentukan dan mereka bentuk jenis asas yang akan digunakan. Laporan Awal Penyiasatan Tapak telah dikemukakan kepada JPN pada 17 Ogos 2001.</p>	
<p><b>16.5.1.1.f</b></p>	<p>Pada 4 April 2006, Exco Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor telah memutuskan supaya semua kerja-kerja pembinaan PPR Lembah Subang 2 diberhentikan serta merta sehingga juruperunding yang dilantik oleh MBPJ selesai menjalankan kajian geoteknologi dan alam sekitar. Status kemajuan pembinaan sebenar semasa notis pemberhentian dikeluarkan adalah sebanyak 83% berbanding jadual sebanyak 87%.</p>	
<p><b>16.5.1.1.g</b></p>	<p>Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) telah dilantik untuk melaksanakan kajian tersebut untuk mengenal pasti tahap impak persekitaran, penilaian risiko dan perancangan pengurusan. Laporan Akhir Vol. 1 Kajian Penilaian Pencemaran Persekitaran Dan Geoteknikal telah dikeluarkan oleh UPUM pada bulan Ogos 2006 mendapati gas daripada tapak pelupusan berada pada tahap yang rendah dan tidak tetap serta tidak memberikan kesan kepada penduduk. Pihak UPUM juga mencadangkan sistem <i>bio-cover</i> sedalam 1.0 meter dilaksanakan di kawasan yang terdedah seperti taman permainan dan tempat letak kereta untuk memastikan keselamatan penduduk. Bagaimanapun, pihak MBPJ hanya memaklumkan kepada JPN bahawa arahan pemberhentian kerja tersebut akan terbatal sekiranya syarat-syarat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dipatuhi melalui surat Bil. (11) dlm.MBPJ/060400/T/R2/J8/TKNL/LFKJ bertarikh 15 Januari 2008. Tindakan pemberhentian kerja oleh MTES dan MBPJ untuk melaksanakan siasatan/kajian tanah adalah selama 19 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan pihak JPN melaksanakan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) di peringkat awal pembinaan tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 1985 serta telah mengakibatkan kelewatan selama 19 bulan.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 21 Mac 2016</p> <p><i>Tapak projek yang telah dicadangkan bagi pembinaan PPR Lembah Subang 2 adalah oleh Kerajaan Negeri dan dipersetujui oleh KPKT berdasarkan Laporan Awal Penyiasatan Tapak yang dilaksanakan oleh IKRAM yang dikeluarkan pada 19 Ogos 2001 dan tertumpu kepada aspek tapak cadangan bangunan. KPKT telah meneruskan pembinaan PPR Lembah Subang 2 memandangkan tiada pelaporan negatif ke atas tapak ini.</i></p> <p><i>Bagi tindakan penambahbaikan projek-projek sedia ada dan akan datang KPKT, urusan pemilihan tapak projek-projek pembangunan adalah mengikuti Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 2 Tahun 2009: Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak, Perancangan Bangunan dan Keperluan Peralatan.</i></p>	
16.5.1.2.a	<p><b>Pelantikan Kontraktor Utama Dan Perunding</b></p> <p>Perolehan kerja ini telah dibuat secara tender terbuka reka dan bina (design &amp; built) di kalangan kontraktor Bumiputera berwibawa. Tawaran bagi kerja pembinaan PPR Lembah Subang 2 hanya dikeluarkan pada 4 Mac 2002 dan ditutup pada 7 Mei 2002. Bagaimanapun, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor yang terpilih iaitu Am Rich Constructions And Development Sdn. Bhd. pada 15 Januari 2003.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 16.5.1.2.e

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.2.b	<p>Kontraktor yang terpilih merupakan kontraktor yang berdaftar dengan PKK kelas A Bumiputera dan CIDB Gred G7. Butiran kontrak adalah seperti yang berikut:</p> <p>(i) No. Kontrak : JPN/3/5/1/2003  (ii) Harga Kontrak Asal : RM69,519,000.00  (iii) Tempoh Asal Kontrak : 104 minggu  (iv) Tarikh Milik Tapak : 17 Februari 2003  (v) Tarikh Siap Asal : 30 Januari 2005  (vi) Tarikh Tandatangani Kontrak : 4 September 2003</p>	
16.5.1.2.e	<p>Semakan Audit mendapati pihak JPN telah lewat:-</p> <p>i. mengeluarkan SST selama 253 hari berbanding tempoh sah laku tender yang minima adalah selama 90 hari mulai daripada tarikh tawaran ditutup.</p> <p>ii. proses menandatangani Dokumen Kontrak yang mengambil masa sehingga 232 hari (lewat 112 hari) iaitu melebihi 4 bulan selepas tarikh SST dikeluarkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses keseluruhan pelantikan kontraktor telah dilaksanakan dengan teratur. Walau bagaimanapun, kelewatan mengeluarkan SST dan kelewatan menandatangani kontrak adalah bertentangan dengan peraturan/pekeliling semasa.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 22 Mei 2015</p> <p><i>Berdasarkan semakan, tempoh sahlaku tender yang dinyatakan dalam Borang Tender projek ini adalah 180 hari (6 bulan) dan bukannya tempoh minima 90 hari. Tempoh sahlaku tender telah dilanjutkan sehingga 28 Februari 2003 melalui persetujuan bersama pihak kontraktor pada 30 Oktober 2002 iaitu sebelum tamat tempoh sahlaku pada 17 November 2002. Lanjutan masa sahlaku diperlukan kerana keputusan Lembaga Perolehan A yang dibuat pada 11 Oktober 2002 perlu dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan. Ini adalah bagi memastikan tempoh sahlaku tender adalah mencukupi sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan. Dalam kes ini, tiada isu tambahan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kos kepada pihak kontraktor berkaitan dengan lanjutan tempoh sahlaku tender.</i></p> <p><i>Berhubung isu kelewatan menandatangani Dokumen Kontrak, pihak kontraktor didapati mengambil masa melebihi 4 bulan dalam mengemukakan draf Dokumen Kontrak dan cadangan pelarasan harga kontrak untuk semakan dan persetujuan KPKT.</i></p> <p><i>Bagi mengelakkan kelewatan kontraktor dalam menyediakan Dokumen Kontrak dan seterusnya melewati proses tandatangan Dokumen Kontrak, pada masa kini pihak KPKT telah mengambil inisiatif dalam penyediaan sebahagian daripada Dokumen Kontrak iaitu hanya Dokumen Kontrak Jilid 1. Mulai tahun 2008, sebagai tindakan pencegahan, semakan reka bentuk telah dilaksanakan berdasarkan MS ISO 9001:2008 - Prosedur Penyemakan Reka Bentuk Projek.</i></p>	
<p><b>16.5.2.1.a</b></p>	<p><b>Prestasi Projek - Prestasi Fizikal Projek</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, Projek pembinaan PPR Lembah Subang 2 dimulakan pada 17 Februari 2003 dan tarikh penyiapan asal pada 30 Januari 2005. Semakan Audit mendapati, projek ini disiapkan pada 29 April 2009 selepas 8 EOT selama 1,550 hari (52 bulan) diluluskan.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 16.5.2.1.d</p>
<p><b>16.5.2.1.c</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan/notis tentang kelewatan kepada JPN dengan menyatakan justifikasi permohonan serta telah melanjutkan tempoh liputan polisi insurans, bon pelaksanaan dan jaminan wang pendahuluan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. tiada tarikh kelulusan tercatat di perakuan bagi EOT 8. Oleh itu pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kelulusan EOT ini diberi dalam tempoh kontrak atau sebaliknya;</li> <li>ii. Pihak kontraktor telah membuat Permohonan EOT 7 selepas tamat tempoh kontrak iaitu 56 hari; dan</li> <li>iii. pihak JPN telah meluluskan EOT 3, EOT 4, EOT 6 dan EOT 7 selepas tamat tempoh kontrak iaitu kelewatan 19 hari hingga 61 hari.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan/kelulusan EOT yang diberi adalah bertentangan dengan peraturan/arahan/pekeliling yang berkuat kuasa.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.1.d	<p>Sebahagian besar kelewatan pembinaan PPR Lembah Subang 2 adalah disebabkan oleh masalah komunikasi dan koordinasi antara MBPJ dan Jabatan/Agensi yang mengendalikan perkhidmatan seperti utiliti SYABAS, Indah Water Konsortium (IWK)/Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) sebanyak 1,223 hari (78.9%) daripada keseluruhan tempoh kelewatan.</p> <p>Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 15 September 2015</p> <p><i>i. Berhubung ketiadaan tarikh kelulusan dalam perakuan EOT 8, ianya tidak menjejaskan kesahihan EOT kerana tempoh tersebut dinyatakan dengan jelas di dalam perakuan iaitu 29 April 2009. Tambahan lagi surat edaran secara rasmi telah diedarkan secara rasmi pada 29 April 2009.</i></p> <p><i>ii. Permohonan dan kelulusan EOT selepas tamat tempoh kontrak;</i></p> <p><i>a. Permohonan EOT 7 lewat dikemukakan oleh kontraktor dan mengakibatkan kelewatan kelulusan. Pihak KPKT telah melakukan semakan seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>• Semakan di dalam buku Pengenalan Kontrak Binaan Reka dan Bina (Cetakan Tahun 2009) yang ditulis oleh Sr. Amran Bin Mohd. Majid (QS berdaftar dengan BQSM dan FISM serta berkelulusan Undang-Undang) menyatakan bahawa kegagalan kontraktor mengemukakan notis permohonan EOT tidak membawa padah kepada hak kontraktor untuk mendapatkan suatu EOT sekiranya didapati kontraktor benar-benar berhak untuk mendapatkan EOT yang saksama dan adil. Oleh itu kontraktor tidak semestinya mengemukakan notis permohonan EOT dalam tempoh kontrak untuk membolehkan sesuatu EOT diberikan. Pihak KPKT berpendapat bahawa notis permohonan EOT yang lewat daripada kontraktor adalah tidak menjadi isu dan masalah dalam prosedur pemberian EOT.</i></li> <li><i>• Semakan dengan pihak JKR, isu berkaitan permohonan dan kelulusan EOT selepas tamat tempoh kontrak tidaklah menyebabkan “masa bukan lagi menjadi teras” kepada kontrak (time is at large). Ini kerana telah ada kelulusan EOT yang berikutnya di mana merangkumi tempoh kontrak keseluruhan iaitu sehingga Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.</i></li> <li><i>• Semakan dalam syarat-syarat kontrak PWD BD Edisi 2002 klausa</i></li> </ul>	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>45.1 berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan bahawa "sekiranya pada pendapat pegawai pengawal yang dinamakan dalam kontrak (PP), tarikh penyiapan kerja itu didapati mungkin akan terlewat atau telah lewat melebihi tarikh siap yang dinyatakan dalam kontrak atau tarikh siap lanjutan yang terdahulu, maka PP dalam seberapa segera perlu menilai dan memberikan EOT yang munasabah dan layak berdasarkan kepada syarat-syarat kontrak. Ini bermaksud PP boleh mengeluarkan perakuan lanjutan masa walaupun selepas tarikh tamat lanjutan masa terdahulu setelah membuat penilaian dalam tempoh yang munasabah.</p> <p>Kesimpulannya, pihak KPKT mengambil maklum terhadap teguran dan syor Audit dan berpendapat kelewatan permohonan EOT tidak bertentangan dengan sebarang tatacara pelaksanaan kontrak serta tidak menjejaskan penyiapan projek secara keseluruhan.</p> <p>Berdasarkan maklumbalas pihak KPKT, pihak Audit berpendapat, kelewatan permohonan dan kelulusan EOT yang dibuat selepas tamat tempoh kontrak adalah adalah tidak mematuhi Prinsip Pemberian Lanjutan Masa serta peraturan/arahan/pekeliling yang berkuat kuasa.</p>	
16.5.2.1.e	<p>Berikutan dengan kenaikan harga bahan binaan dan harga bahan api yang ketara telah berlaku sejak tahun 2007, Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji syarat perubahan harga semasa bagi memastikan projek Kerajaan tidak terjejas dan dapat disiapkan mengikut jadual. SPP Bil. 3 Tahun 2008 bertujuan untuk memaklumkan mengenai syarat dan kaedah pengiraan perubahan harga (<i>variation of price</i>) di dalam kontrak kerja serta menjelaskan mengenai syarat perubahan harga khas yang diberikan kepada kontrak secara reka dan bina. Pihak Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah mengikat satu perjanjian tambahan (<i>supplemental contract</i>) bagi mengambilkira pemakaian peruntukan khas syarat-syarat perubahan harga mulai 1 Januari 2008 seperti yang ditetapkan di para 29 SPP Bil. 3 Tahun 2008. Antara kemudahan khas yang diberikan kepada kontraktor seperti yang dinyatakan di para 31 SPP ini adalah;</p> <p>i. Bagi projek yang masih dalam pembinaan, pihak Kementerian/Jabatan/ Agensi boleh mempertimbangkan lanjutan masa tidak lebih 3 bulan tanpa kelayakan menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan kecuali kos perlanjutan bon pelaksanaan dan polisi-polisi insurans;</p>	<p>KPKT berpendapat bahawa EOT 7 diberikan berdasarkan Kemudahan Khas Para 31 (i) SPP3/2008 secara automatik tanpa memerlukan permohonan daripada pihak kontraktor. Kelewatan menandatangani Perjanjian Tambahan pada 8 April 2009, tidak menjejaskan <u>kesahan</u> (<i>validity</i>) pemberian EOT kerana ianya tidak terkandung dalam klausa Perjanjian Tambahan.</p> <p>Manakala EOT 8 adalah sah dan betul berdasarkan kelayakan kontraktor di bawah Kontrak.</p> <p>Perkara ini cuma berbangkit setelah KPKT menjawab kepada teguran asal JAN pada 13 April 2016.</p>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii. Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah membuat bayaran kemajuan interim yang lebih kerap iaitu 2 kali sebulan mengikut nilai kerja sebenar.	
16.5.2.1.f	<p>Semakan Audit mendapati, pihak JPN telah meluluskan EOT selama 3 bulan kepada kontraktor berdasarkan Syarat Kemudahan Khas di para 31(i) SPP Bil. 3 Tahun 2008 melalui EOT 7 (Ruj: (82) dlm.KPKT/07/G/864/5/89K- Jld.IV) bertarikh 1 Disember 2008. Bagaimanapun berdasarkan temu bual bersama Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kontrak Dan Ukur Bahan, Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (PIMD) mendapati tiada perjanjian tambahan antara pihak JPN dan kontraktor dibuat seperti yang ditetapkan para 29, SPP Bil. 3 Tahun 2008.</p> <p><i>Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 13 April 2016</i></p> <p><i>KPKT telah menyediakan Perjanjian Tambahan seperti yang termaktub di para 29 SPP Bil. 3 Tahun 2008 dan Perjanjian Tambahan tersebut telah ditandatangani oleh pihak JPN dan kontraktor (salinan perjanjian tambahan disertakan). Memandangkan perjanjian tersebut telah ditandatangani, KPKT berpendapat bahawa EOT 7 dan EOT 8 adalah sah dan betul.</i></p> <p><i>KPKT berpendapat timbul salah faham terhadap temu bual di antara pihak Audit dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Kontrak Dan Ukur Bahan [KPPK (UB)], Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek kerana telah disoal dan menjawab secara lisan serta tidak berkesempatan untuk menyemak secara terperinci sewaktu temu bual tersebut.</i></p> <p><i>Pada pendapat Audit, berdasarkan maklumbalas pihak KPKT, kontraktor masih tidak layak diberikan EOT 7 kerana semakan selanjutnya terhadap Perjanjian Tambahan yang disertakan mendapati perjanjian tersebut telah ditandatangani pada 8 April 2009 iaitu lewat 190 hari dari tarikh EOT 7 mula berkuatkuasa sekaligus menjadikan EOT 7 dan EOT 8 adalah tidak sah serta kontraktor wajar dikenakan Gantirugi yang Tertentu dan Ditetapkan (LAD) bernilai RM12,165 sehari selama 221 hari berjumlah RM2.69 juta.</i></p>	
16.5.2.2.a	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Kos asal pembinaan PPR Lembah Subang 2 yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah berjumlah RM69.52 juta. Bagaimanapun, berdasarkan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, kos kontrak telah meningkat sejumlah RM2.49 juta (4.00%) kepada RM72.01 juta.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 16.5.2.2.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.2.b	<p>Semakan Audit mendapati sebanyak 8 APK berjumlah RM2.91 juta telah dikeluarkan manakala 6 PPJHK berjumlah RM2.49 juta telah diluluskan oleh pihak JPN.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek PPR Lembah Subang 2 adalah memuaskan kerana jumlah peningkatan kos projek akibat daripada PPJHK dan APK adalah berjumlah RM3.0 juta iaitu 4.18% sahaja.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 22 Mei 2015</p> <p><i>Berdasarkan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, kos kontrak telah meningkat sejumlah RM2.49 juta (4.00%) kepada RM72,008,470.91. Harga kontrak sebenar hanya akan dimuktamadkan selepas Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan. Berdasarkan kepada Jadual 4, terdapat perbezaan pada Arahan Perubahan Kerja (APK) no. 5 dan no. 6. Oleh yang demikian, terdapat sedikit perbezaan di antara pemerhatian Audit dengan semakan KPKT.</i></p> <p><i>Pihak KPKT sentiasa peka dengan mengambil kira kehendak serta keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semasa menyediakan pelan-pelan pembinaan. Walau bagaimanapun, keperluan-keperluan PBT yang melibatkan pelarasan harga kontrak ini adalah melibatkan keperluan tambahan dan bukan ketetapan semasa kontrak ditandatangani.</i></p>	
16.5.3.1.a	<p><b>Kualiti Pembinaan - Kerja Berkualiti Rendah / Kurang Sesuai</b></p> <p>Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati kerja pembinaan adalah berkualiti rendah iaitu lepaan dinding koridor yang tidak rata dan kurang berkualiti.</p> <p>Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 22 Mei 2015</p> <p><i>KPKT mengambil maklum akan teguran pihak Audit berhubung isu kualiti lepaan dinding koridor yang tidak rata dan akan memastikan kualiti binaan sentiasa berada di tahap optimum bagi projek PPR semasa dan akan datang.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 16.5.3.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.3.1.b	<p>Pihak kontraktor telah membina <i>water storage/suction tank</i> di setiap blok PPR Lembah Subang 2 sebagai tangki menyimpan air sebelum air tersebut dipam naik ke tangki air yang terletak di atas blok rumah PPR berkenaan. Bagaimanapun, pembinaan <i>suction tank</i> yang terlalu hampir dengan bangunan PPR boleh mengundang bahaya kepada penghuni terutama kanak-kanak yang tinggal di aras 1 dan 2.</p>	
16.5.3.1.c	<p>Lawatan susulan Audit pada 15 Februari 2016 mendapati kerja-kerja memasang jerajak (grille) di koridor Aras 1 yang berhampiran tangki air di setiap blok bagi melindungi tangki air dan juga sebagai langkah keselamatan kepada penduduk telah dipasang oleh pihak JPN.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 18 Januari 2016</p> <p><i>Bagi pembinaan suction tank yang terlalu hampir dengan bangunan PPR, pihak JPN telah melantik syarikat DMA Services untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan keseluruhan di PPR Lembah Subang 2 dengan jumlah kontrak sebanyak RM4.081 juta. Antara skop kerja yang terlibat adalah pemasangan jerejak (grille) di koridor Aras 1 yang berhampiran tangki air bagi melindungi tangki air dan juga sebagai langkah keselamatan kepada penduduk. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak RM1.97 juta telah dibayar kepada syarikat tersebut bagi kerja-kerja pembaikan yang telah dijalankan.</i></p>	<div data-bbox="1341 296 1933 694" data-label="Image"> </div> <div data-bbox="1341 727 1933 1125" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1294 1171 1944 1198">Gambar: Kerja-kerja pemasangan jerajak siap dilaksanakan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>16.5.3.1.d</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati pemasangan meter paip air PVC seperti yang ditunjukkan di gambar di atas terlalu rendah dan secara terbuka adalah kurang sesuai kerana PVC mudah rosak/patah menyebabkan ianya terdedah kepada risiko dirosakkan oleh individu terutama kanak-kanak/ remaja.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 22 Mei 2015</p> <p><i>Pemasangan meter paip air PVC seperti yang ditunjukkan di gambar adalah berdasarkan kepada keperluan dan kelulusan pihak utiliti (SYABAS). Kedudukan meter tersebut adalah bagi memudahkan pembacaan meter oleh pekerja SYABAS. Walau bagaimanapun, pihak KPKT telah mengambil inisiatif dengan memasang pemegang paip (bracket) bagi mengukuhkan lagi struktur dan sistem perpaipan di kawasan tersebut.</i></p> <p>Lawatan Audit pada 13 Ogos 2015 mendapati berlaku kebocoran paip air selepas pihak SYABAS menukar meter air. Ini menunjukkan bahawa penggunaan paip PVC adalah kurang sesuai kerana mudah rosak/patah serta kedudukan paip pvc tersebut juga yang rendah dan mudah dicapai oleh kanak-kanak serta terdedah kepada risiko walaupun selepas memasang pemegang paip (bracket).</p> <p>Pada pendapat Audit penggunaan paip besi adalah lebih sesuai kerana ianya lebih tahan dan kukuh berbanding paip PVC</p>	<div data-bbox="1339 341 1935 740" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="1429 772 1845 801">Gambar: Tiada lagi berlaku kebocoran</p>
<p><b>16.5.3.1.e</b></p>	<p>Bilik meter elektrik dan bilik <i>electrical riser</i> telah dibina sebelah menyebelah dan berhampiran dengan tangga dan lif. Setiap bilik tersebut telah dipasang dengan pintu kayu dan berkunci. Semakan Audit mendapati pemasangan kunci pintu bilik meter elektirk dan bilik <i>electrical riser</i> yang kurang sesuai dan senang dibuka. Arus elektrik adalah amat bahaya dan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.</p> <p>Pada pendapat Audit kerja-kerja pembinaan adalah berkualiti rendah dan boleh membahayakan keselamatan penduduk terutamanya kanak-kanak.</p> <p>Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 22 Mei 2015</p> <p><i>Bagi isu pemasangan kunci pintu bilik meter elektrik dan bilik electrical riser yang kurang sesuai dan senang dibuka, kerja-kerja mengganti pintu rintangan api 2 jam dan memasang palang pada pintu riser telah dimasukkan dalam</i></p>	<p>Bagi isu pemasangan kunci pintu bilik meter elektrik dan bilik <i>electrical riser</i> yang kurang sesuai dan senang dibuka, kerja-kerja mengganti pintu rintangan api 2 jam dan memasang kunci pada pintu <i>riser</i> telah dimasukkan dalam tender sebagai langkah penambahbaikan terhadap isu keselamatan penduduk.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tender sebagai langkah penambahbaikan terhadap isu keselamatan penduduk.</p>	 <p>Gambar:Pemasangan kunci pintu bilik meter elektrik dan bilik <i>electrical riser</i>.</p>
<p><b>16.5.3.1.f</b></p>	<p>Lawatan Audit pada 15 Februari 2016 ke tapak pembinaan PPR Lembah Subang 2 mendapati kesan anai-anai telah mula kelihatan di dinding dan sesalur <i>kondit</i> pendawaian elektrik unit kedai Blok B yang memerlukan tindakan segera pihak JPN.</p>	<p>Rawatan anai-anai adalah salah satu skop kerja dalam tender tersebut. Kaedah yang digunakan adalah penggunaan sistem umpan dan juga tambahan <i>injection</i> cecair pembasmi anai-anai di sarang/laluan anai-anai. Tempoh jaminan diberikan oleh kontraktor adalah selama 5 tahun dan masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP).</p>  <p>Gambar: Pembersihan ke atas kesan anai-anai telah dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		 <p data-bbox="1283 727 1995 751">Gambar: Pembersihan ke atas kesan anai-anai telah dilaksanakan.</p>
16.5.4.g	<p data-bbox="331 794 683 818"><b>Pengurusan Penjualan Rumah</b></p> <p data-bbox="331 850 1171 1177">Semakan Audit mendapati tawaran dikeluarkan secara berperingkat di mana surat tawaran yang pertama dikemukakan kepada ejen hartanah pada 26 November 2012 yang melibatkan seramai 415 orang. Tawaran kedua dikeluarkan pada bulan Mac 2013 yang melibatkan pembeli daripada pemaju Juta Permai (M) Sdn. Bhd. (JPSB) seramai 354 orang, ibu bapa tunggal 60 orang dan orang kurang upaya (OKU) 75 orang. Tawaran ketiga dikeluarkan pada September 2013 kepada golongan bakal pembeli yang selebihnya menjadikan jumlah pemohon yang ditawarkan sebanyak 1,510 orang. Sehingga 8 Januari 2016, pihak JPN telah mengeluarkan surat tawaran kepada 2,645 orang pemohon. Bagaimanapun setelah rumah tersebut siap pada tahun 2012 sehingga 8 Januari 2016, hanya 26.8% atau 423 unit rumah telah diserahkan kunci kepada pembeli.</p> <p data-bbox="331 1238 922 1262">Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 21 Mac 2016</p> <p data-bbox="331 1294 1171 1374"><i>Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 30 Mei 2012, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan agar penjualan PPR ini diuruskan oleh pihak JPN memandangkan telah terdapat isu penyewaan PPR Lembah</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p><i>Subang 1 yang telah mendatangkan masalah seperti tunggakan sewa dan kos penyenggaraan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, pada 28 Februari 2013, JPN kelah melantik IM Global Property Consultant Sdn. Bhd. sebagai ejen hartanah yang akan menguruskan penjualan PPR Lembah Subang 2.</i></p> <p><i>Mengenai penawaran kepada pemohon, setelah semakan dibuat terhadap 1,516 nama pemohon adalah didapati bahawa terdapat pertindihan nama. Setelah semakan semula dibuat, senarai nama yang dimuktamadkan adalah sebanyak 1,510 pemohon. Surat tawaran kemudiannya dikeluarkan kepada pemohon secara berperingkat mengikut kategori pihak yang mengemukakan senarai nama tersebut untuk memudahkan urusan pengurusan penjualan dan penawaran kepada pemohon yang berjaya seperti urusan pembiayaan, kontrak perjanjian jual beli, sesi pemilikan kosong, pendaftaran utiliti. Selain itu, baki sebanyak 70 daripada 1,580 unit pula telah diperuntukkan kepada kuota penjawat awam berdasarkan keputusan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pembeli bil 1/2013 pada 4 Oktober 2013. Senarai penawaran kepada pembeli PPR Lembah Subang 2 adalah seperti di Jadual 16.6.</i></p> <p><i>Daripada jumlah keseluruhan 1,046 pemohon yang menerima tawaran, sebanyak 423 pembeli telah menerima kunci dan selebihnya masih dalam proses undian, proses menandatangani perjanjian jual beli dan proses pinjaman bank. Sebagai langkah penambahbaikan pengurusan penjualan bagi projek-projek yang akan datang, pihak JPN akan mengeluarkan surat tawaran secara serentak kepada semua pemohon yang dimuktamadkan untuk memastikan penjualan dan pengisian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien.</i></p>									
16.5.5.b	<p><b>Status Penjualan Rumah</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 1,585 (59.9%) pemohon tidak memberi maklum balas terhadap surat tawaran yang dikeluarkan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pemohon terlibat tidak menerima surat tawaran kerana mereka telah berpindah, alamat yang diguna pakai tidak lengkap dan sebagainya.</p> <p>Pada pendapat Audit kaedah penjualan rumah yang sedia ada belum memadai untuk memenuhi objektif penjualan PPR Lembah Subang 2.</p> <p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 15</p>	<p>1) Status Permohonan Sedia Ada (sehingga 11 April 2016)</p> <table border="1" data-bbox="1196 1145 2069 1321"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 1145 1317 1233">BIL.</th> <th data-bbox="1317 1145 1697 1233">PERKARA</th> <th data-bbox="1697 1145 1854 1233">JUMLAH</th> <th data-bbox="1854 1145 2069 1233">JUMLAH KESELURUHAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 1233 1317 1321">A)</td> <td data-bbox="1317 1233 1697 1321">Bil. Unit</td> <td data-bbox="1697 1233 1854 1321">1,580 unit</td> <td data-bbox="1854 1233 2069 1321">1,580 unit</td> </tr> </tbody> </table>	BIL.	PERKARA	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN	A)	Bil. Unit	1,580 unit	1,580 unit
BIL.	PERKARA	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN							
A)	Bil. Unit	1,580 unit	1,580 unit							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
	<p>September 2015</p> <p>Surat tawaran dikeluarkan kepada pemohon berdasarkan senarai nama dan alamat yang dikemukakan oleh LPHS dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Bagaimanapun, pihak JPN menghadapi kekangan untuk memastikan bahawa alamat yang dibekalkan adalah alamat terkini memandangkan alamat yang digunakan adalah berdasarkan kepada maklumat yang telah dikemukakan oleh pihak LPHS serta agensi-agensi yang berkaitan. Bagi menyelesaikan masalah, pihak JPN juga telah mengambil inisiatif seperti yang berikut:</p> <p>a. mengemukakan senarai nama tersebut kepada pihak LPHS untuk dipaparkan di laman web selama 14 hari sebagai rujukan dan tindakan selanjutnya.</p> <p>b. membuat hebahan senarai nama tersebut di akhbar pada 19 Julai 2015.</p> <p>c. memohon senarai nama baru termasuk senarai nama menunggu bagi menggantikan pemohon yang tidak memberikan maklum balas serta pemohon yang menolak tawaran dalam tempoh tersebut.</p> <p>Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 21 Mac 2016</p> <p>Sehingga akhir bulan Februari 2016, sebanyak 534 unit rumah masih tidak dapat dijual. Sehubungan dengan itu, mulai 1 Mac 2016 pendaftaran terbuka bagi membantu pembeli rumah mendapat kemudahan pinjaman Kerajaan Persekutuan dan bagi peminjam yang 'non-bankable', kemudahan skim pinjaman menggunakan dana RM400 juta yang diumumkan oleh Kerajaan semasa pembentangan bajet 2016 akan digunakan. Skim ini kini di peringkat akhir untuk dilaksanakan mulai Jun 2016.</p> <p>Setakat 16 Mac 2016, sebanyak 3,112 borang pendaftaran diterima oleh JPN termasuk melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Jawatankuasa pemilihan pembeli bagi penjualan PPR Lembah Subang 2 akan bersidang pada April 2016 untuk memproses pemilihan pembeli yang diterima setakat 31 Mac 2016.</p> <p>Kesemua rumah PPR Lembah Subang 2 dijangka dapat ditawarkan selewat-lewatnya akhir Mei 2016.</p>	B)	Bil. Penawaran	2,645 tawaran	2,645 tawaran
C)	<p>Bil. Setuju Terima Tawaran</p> <p>i) Bil. Telah Terima Kunci</p> <p>ii) Bil. Belum Terima Kunci</p> <p>- Dalam Proses Di Bank (463)</p> <p>- Dalam Proses Dokumentasi (76)</p>	511 unit <p>539 unit</p>	1,050 tawaran		
D)	Baki Unit Untuk Penawaran		530 unit		
<p>Sumber : Laporan Penjualan IM Global Property Sdn. Bhd. sehingga 11 April 2016</p> <p>Catatan: Penawaran Baki Unit dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Jun 2016</p> <p>1) Status Pendaftaran Terbuka (1 – 30 Mac 2016)</p>					
BIL.	PERKARA	JUMLAH	Status Terkini		
1.	Permohonan Diterima	7, 555 pemohon	Di dalam peringkat penilaian, dijangka selesai pada <b>akhir Mei 2016</b>		
<p>Sumber : Bahagian Pengurusan Perumahan, Jabatan Perumahan Negara</p>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.6.a	<p><b>Pertukaran Status Pemilikan Tanah</b></p> <p>Pada awalnya projek ini merupakan projek perumahan kos rendah di bawah Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) untuk penempatan semula setinggan di kawasan Petaling Jaya. Projek ini dibangunkan di atas tapak pelupusan sisa pepejal yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri Selangor. Apabila siap, projek ini akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk dijadikan PPR Disewa, dan hak milik tapak tidak perlu ditukar menjadi hak milik Kerajaan Persekutuan.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 16.5.6.c
16.5.6.b	<p>Bagaimanapun, selepas Kerajaan Persekutuan memutuskan supaya projek ini ditukar sebagai PPR Dimiliki, hak milik tanah tersebut perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Oleh itu, penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pemberimilikan semula tanah yang sama di bawah Seksyen 76 KTN untuk tujuan bangunan kediaman perlu diselesaikan.</p>	
16.5.6.c	<p>Semakan Audit mendapati masa yang lama telah diambil untuk menyelesaikan isu tanah di mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 16 Januari 2013 telah meluluskan penyerahan balik di bawah Seksyen 197 dan pemberimilikan semula di bawah Seksyen 76 KTN dengan syarat pemilik dikehendaki menyerahkan hak milik asal berserta bayaran premium tanah berjumlah RM3,359,220 untuk pengubahan syarat nyata tanah. Pentadbir Tanah Daerah (PTD) Petaling memaklumkan keputusan ini kepada JPN pada 28 Mei 2013 iaitu setelah empat bulan MMKN membuat keputusan. Manakala Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) pula membayar premium tanah pada 7 Oktober 2013. JPN menyerahkan hak milik asal kepada PTDP pada 30 Oktober 2013 untuk membuat pengubahan syarat nyata tanah sebelum hak milik sementara dikeluarkan. PTDP mengeluarkan hak milik sementara kepada PTP pada 20 November 2013 dan memaklumkan kepada JPN pada 5 Februari 2014. Keseluruhan tempoh yang diambil untuk menyelesaikan proses pertukaran status hak milik tanah oleh MMKN adalah selama 12 bulan daripada tarikh kelulusan.</p> <p>Pada pendapat Audit, koordinasi dan komunikasi yang baik dan berkesan antara Kerajaan Pusat dan Negeri adalah sangat penting dalam melaksanakan projek PPR. Kedua-dua pihak perlu menyelesaikan isu pemberimilikan tanah dengan seberapa segera supaya dapat diselesaikan dengan cepat dan teratur bagi menjaga imej Kerajaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Jabatan Perumahan Negara Yang Diterima Pada 21 Mac 2016</p> <p><i>Bagi urusan permohonan pemberimilikan hak milik, JPN sentiasa berinteraksi dan berkomunikasi dengan pihak Kerajaan Negeri serta semua agensi terlibat terutamanya Pejabat Tanah dan Daerah Petaling melalui surat-surat yang dikeluarkan sepanjang proses tersebut seperti:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>a. Urusan mendapat CFO melalui “engagement” bersama dengan MBPJ.</i></li> <li><i>b. Sesi “engagement” dengan PTG Selangor / PTD Petaling dan SUK Negeri Selangor supaya premium tanah di bayar pada kadar nominal.</i></li> <li><i>c. Urusan pendaftaran hak milik tanah kepada PTP.</i></li> </ol>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Perenggan 17 : Projek Jiwa Murni Di Negeri Sarawak**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2	<p><b>Kualiti Kerja</b></p> <p>Kualiti kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas, sempurna dan mengikut tahap piawaian yang telah ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Pembinaan PJM di Negeri Sarawak menggunakan kaedah <i>Probase Soil Stabilizer</i> dan merangkumi lapisan permukaan jalan iaitu <i>protective layer, chipping mixed with soil sealant, treated soil base, approved imported earth</i> dan akhirnya dasar jalan sedia ada. Mengikut penjelasan jurutera KEMENTAH, jalan yang dibina sesuai digunakan oleh kenderaan termasuk muatan tidak melebihi 15 tan.</p> <p>Semakan Audit mendapati PJM di Negeri Sarawak telah lulus dalam ujian <i>California Bearing Ratio</i> (CBR). Bagaimanapun, lawatan Audit selanjutnya mendapati kualiti kerja kurang memuaskan dan ada jalan yang tidak dibina bahu jalan serta longkang mengikut standard jalan JKR disebabkan peruntukan tidak mencukupi. Selain itu, kenderaan yang melebihi muatan (maksima 15 tan) melalui jalan tersebut juga mengakibatkan permukaan jalan berlubang, tidak rata dan becak.</p> <p>Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016</p> <p><i>Tujuan PJM di Negeri Sarawak ialah untuk menyediakan jalan perhubungan sementara di kawasan pedalaman. Spesifikasi pembinaannya masih mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan ketahanan untuk menerima beban kenderaan yang tidak melebihi 15 tan. Ini tidaklah setanding dengan spesifikasi jalan yang dibina oleh JKR kerana kosnya lebih murah untuk disesuaikan dengan peruntukan kewangan yang sedikit bagi menjayakan projek ini. Sungguhpun begitu ia telah lulus dalam ujian CBR.</i></p> <p><i>Jalan PJM di Negeri Sarawak ini berkualiti mengikut kelas dan spesifikasinya. Bagaimanapun, kerosakan yang berlaku disebabkan oleh penggunaan yang</i></p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>melebihi had reka bentuk projek; kenderaan yang melalui jalan ini melebihi had maksima yang dibenarkan iaitu 15 tan dan bar penghalang yang dibina oleh ATM bagi mengelakkan penggunaan jalan oleh kenderaan melebihi 15 tan telah dirosakkan oleh pengguna. Terdapat beberapa bahagian jalan PJM di Negeri Sarawak tidak mempunyai bahu jalan atau longkang. Ini kerana jalan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bertindih dengan sempadan tanah milik persendirian yang tidak sepatutnya dicerobohi bagi pembinaan bahu jalan dan longkang. Pembaikan telah dibuat dalam tempoh tanggungan kecacatan pada 30 September 2014 bagi jalan Long Lopeng ke Ba'kelalan. Kerosakan ini berlaku secara berterusan disebabkan oleh penggunaan yang melebihi had reka bentuk projek.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang kurang memuaskan boleh mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi di masa hadapan.</p>	
17.5.3	<p><b>Penyenggaraan Jalan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati penyenggaraan projek yang masih dalam DLP adalah kurang memuaskan. Bagi penyenggaraan selepas tamat DLP, peruntukan berjumlah RM16.20 juta telah diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Mac 2015. Bagaimanapun, setakat tarikh pengauditan didapati penyenggaraan dan kerja pembaikan selepas tamat DLP belum dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Ini menyebabkan keadaan permukaan jalan berlubang, becak, tidak rata, rumput tinggi di bahu jalan, tumbuhan liar tidak dipotong di tepi jambatan Bailey, garisan jalan pudar, longkang serta perabot jalan tidak disenggara.</p> <p>Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016</p> <p><i>Skop kerja penyenggaraan jalan tidak terdapat dalam spesifikasi dan jadual kadar (BQ) kontrak kerana kerja binaan PJM di Negeri Sarawak dilakukan oleh pihak ATM. Kerosakan permukaan jalan berlaku disebabkan oleh penggunaan yang tidak selaras dengan spesifikasi projek dan bukannya kerana kecacatan bahan binaan atau skop pembinaan. Skop penyenggaraan pemotongan rumput di bahu jalan dan tumbuhan liar di tepi jambatan Bailey juga tidak dinyatakan dalam kontrak.</i></p> <p><i>Aksesori jalan seperti garisan jalan, longkang dan perabot tidak disenggara kerana kualiti jalan PJM di Negeri Sarawak adalah minima dan terdedah</i></p>	<p>Kementerian telah menyerahkan tiga (3) projek pembinaan jambatan seperti berikut kepada pihak JKR Sarawak untuk diselenggarakan pada 19 Februari 2016:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Jambatan di Sg. Kelulut dan Sg. Trus Bekenu, Miri,</li> <li>(ii) Membina tiga buah jambatan di Pa'Dappur, Pa'Kelapang dan Pa'Mada, Bario; dan</li> <li>(iii) Membina jambatan di Lusong Laku, Kapit</li> </ul> <p>Kementerian sedang menyelaraskan urusan penyerahan dokumen berkaitan dengan JKR Sarawak bagi semua Projek jiwa Murni Fasa 1 yang telah tamat tempoh tanggungan kecacatan (DLP) dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk tujuan penyelenggaraan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kepada faktor cuaca dan kepenggunaan yang melebihi had yang dibenarkan. Oleh itu garisan jalan yang dicat di atas permukaan jalan mudah pudar dan rosak selepas projek siap; dan longkang yang dibina mengikut spesifikasi kontrak adalah longkang tanah (earth drain) yang bersifat sementara. Sungguhpun kerja-kerja penyenggaraan longkang tidak termasuk dalam skop kontrak, tetapi kontraktor dengan suci hati telah membersihkan longkang di Jalan Belaga ke Mejawah dalam tempoh tanggungan kecacatan.</i></p> <p><i>Tindakan Preventif:-</i></p> <p><i>KEMENTAH akan memasukkan skop kerja penyenggaraan jalan dalam kontrak PJM di Negeri Sarawak pada masa hadapan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan. Kerajaan Negeri Sarawak melalui suratnya kepada pihak ICU, JPM bertarikh 26 Mac 2015 telah bersetuju untuk mengambil alih Jalan Long Lopeng ke Ba'kelalan, Jalan Kuala Mendalam ke Mendamit, Limbang dan Jalan Kg. Saeh Bekenu, Miri untuk diselenggarakan. KEMENTAH melalui ICU, JPM telah menyerahkan jalan tersebut yang telah tamat tempoh tanggungan kecacatan kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 23 Julai 2015.</i></p> <p>Maklum Balas JKR Sarawak Yang Diterima Pada 19 Februari 2016</p> <p><i>Peruntukan RM16.2 juta yang telah disalurkan ke JKR Sarawak hanya digunakan untuk memperbaiki jalan dari segi aspek keselamatan seperti pemasangan papan tanda, guardrail dan memperbaiki bahagian jalan yang rosak teruk. Penyerahan jalan belum lagi dimuktamadkan dan hanya akan disempurnakan selepas joint inspection dilaksanakan dan peruntukan kos penyenggaraan tahunan berjumlah RM6,908,572 yang dipohon daripada ICU, JPM melalui surat rasmi ruj:PWD/RCEA4/001 (26) bertarikh 27 November 2015 diluluskan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan yang kurang memuaskan menyebabkan kerosakan pada permukaan jalan dan bahu jalan serta mengundang bahaya kepada pengguna. Selain itu, Kerajaan akan menanggung kos penyenggaraan PJM di Negeri Sarawak yang tinggi untuk kerja pembaikan di masa hadapan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.4	<p><b>Pampasan Tanah Dan Tanaman Kepada Pemilik Tanah</b></p> <p>Pampasan tanah dan tanaman hendaklah dibayar kepada pemilik tanah apabila tanah mereka diambil oleh Kerajaan untuk tujuan pelaksanaan projek. Seksyen 5(3) dan (4) Kanun Tanah Negeri (Bab 81) 1958 memperuntukkan pengambilan balik hak adat Bumiputra dan prosedur bagi pengambilan, penentuan pampasan untuk mereka yang haknya diambil balik dan proses timbang tara bagi mereka yang tidak berpuas hati terhadap tawaran pampasan Penguasa Tanah dan Survei. Semakan Audit mendapati prosedur bagi pengambilan, penentuan pampasan dan proses timbang tara tidak dilaksanakan selaras dengan ketetapan Kanun Tanah Negeri. Ini menyebabkan pampasan tanah dan tanaman belum dibayar kepada pemilik tanah sedangkan tanah di sepanjang jalan PJM di Negeri Sarawak adalah tanah hak adat Bumiputra yang terdapat tanaman, kebun, kampung dan rumah panjang. Semakan selanjutnya juga mendapati jalan tidak dibina dengan bahu jalan dan longkang kerana ruang jalan yang sempit dan terhad. Perkara ini berlaku disebabkan pemilik tanah tidak bersetuju untuk menyerahkan tanah bagi melebarkan jalan kerana pampasan tanah dan tanaman tidak dibayar. Maklum balas mengenai senarai pemilik tanah hak adat Bumiputra di bahagian Limbang dan Kapit telah diperolehi daripada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.</p> <p>Maklum Balas KEMANTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016</p> <p><i>Peruntukan PJM di Negeri Sarawak yang telah diluluskan tidak merangkumi kos bagi bayaran pampasan kepada pemilik tanah di Negeri Sarawak. Pembinaan PJM di Negeri Sarawak hanya dapat dimulakan setelah memperoleh kebenaran State Planning Authority (SPA) Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak semasa Taklimat Pelaksanaan dan Impak PJM di Negeri Sarawak pada 20 Januari 2015 telah bersetuju supaya KEMANTAH meneruskan PJM di Negeri Sarawak dan isu-isu berkaitan pampasan akan diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pampasan tanah dan tanaman hendaklah dibayar kepada pemilik tanah apabila tanah mereka diambil oleh Kerajaan untuk tujuan pelaksanaan projek.</p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.5	<p><b>Aspek Keselamatan Jalan</b></p> <p>Lawatan Audit mendapati gradien jalan tinggi, curam dan jalan berselekoh; cerun di tepi jalan tidak dilindungi dengan rumput; dan perabot jalan tidak disenggara dengan baik.</p> <p>Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016</p> <p><i>Pemasangan guardrail, perlindungan cerun dan pemasangan reflector di jambatan tidak dinyatakan dalam spesifikasi kontrak. Bagaimanapun, kontraktor telah mengambil inisiatif dengan memasang reflector di jambatan Jalan Belaga ke Mejawah. Namun begitu, kontraktor tidak bertanggungjawab untuk mengganti warna reflector yang telah pudar kerana kecacatan tersebut adalah disebabkan faktor wear and tear. Papan tanda yang hilang adalah berkaitan dengan isu vandalisme. Kontraktor tidak bertanggungjawab untuk membuat penggantian yang disebabkan oleh vandalisme. Kementerian akur terdapat kesilapan pemasangan papan tanda di Jalan Belaga ke Mejawah yang dipasang terlalu dekat. Pihak ATM juga tidak bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan kualiti kerana ia tidak termasuk dalam skop kontrak.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, aspek keselamatan dan keselesaan pengguna perlu diberi keutamaan.</p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.5
17.5.6	<p><b>Kerb Jambatan Reput Dan Retak</b></p> <p>Mengikut kontrak Membina Tiga Buah Jambatan Di Pa'Dappur, Pa'Kelapang Dan Pa'Mada, Bario, kerb bagi pembinaan jambatan jenis Acrow Bridge 700 hendaklah menggunakan jenis kayu keras. Jambatan tersebut telah siap dibina pada 31 Disember 2013. Lawatan Audit pada 29 September 2015 (21 bulan selepas tarikh projek siap) mendapati kerb jambatan telah reput dan retak. Perkara ini menjejaskan perlindungan pada panel jambatan dan seterusnya menyebabkan jambatan mudah mengalami kerosakan. Mengikut penjelasan jurutera KEMENTAH, kerosakan ini disebabkan pemasangan kayu keras yang tidak berkualiti.</p> <p>Maklum Balas KEMENTAH Yang Diterima Pada 5 Februari 2016</p> <p><i>Kementerian telah mengambil tindakan untuk menukar kerb jambatan yang telah reput dan retak yang dibuat daripada kayu selangan batu dengan kayu</i></p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.6

<b>Perenggan</b>	<b>Penemuan Audit</b>	<b>Status Terkini</b>
	<p><i>belian. Kerja-kerja selesai pada 26 Oktober 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor tidak menggunakan kayu keras yang berkualiti menyebabkan kerb jambatan cepat reput dan retak.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI / KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Jabatan Penjara Malaysia**

**Perenggan 18 : Pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar), Johor Bahru**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.1.b.iii	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal - Projek Fasa II</b></p> <p>Semakan Audit terhadap laporan kemajuan kerja mendapati daripada 83% keseluruhan kemajuan kerja adalah termasuk kerja bagi Sistem Keselamatan Elektronik (ESS) yang lewat dilaksanakan iaitu kemajuan kerja sebenar 10% berbanding kemajuan kerja mengikut jadual yang sepatutnya 20%. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak JKR CKS telah mengeluarkan surat peringatan sehingga kali kelima pada 14 April 2015 kepada kontraktor utama berkaitan kegagalan pihak kontraktor mengemukakan borang kelulusan bahan dan jadual kerja <i>Critical Path Method</i> (CPM) yang lebih terperinci. Seterusnya pihak JKR CKS juga telah mengeluarkan surat peringatan pada 3 Julai 2015 kepada kontraktor utama dan perunding ESS supaya dapat meningkatkan tahap kemajuan kerja bagi sistem ESS.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pencapaian prestasi Projek Fasa II adalah baik kerana telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan kecuali prestasi pelaksanaan kerja ESS.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 21 Mac 2016</p> <p><i>Pihak Perunding Arkitek telah menandatangani Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan atau Certificates of Completion and Compliance (CCC) pada 4 Februari 2016 dan telah diterima oleh pihak JKR pada 17 Februari 2016. Lanjutan daripada CCC yang dikeluarkan oleh Perunding Arkitek, Sijil Perakuan Siap Kerja atau Certificate Practical Completion (CPC) telah dikeluarkan pada 18 Februari 2016 menetapkan tarikh siap pada 4 Februari 2016 selaras dengan perakuan siap kerja dalam CCC.</i></p>	<p>Penyerahan projek ini telah ditetapkan pada 4hb Mei 2016 kepada Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.2.a	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Sehingga bulan Ogos 2015, pencapaian kewangan yang dilaporkan mengikut Sistem Pengurusan Projek (SKALA) yang dibangunkan oleh JKR adalah sebanyak 65.6% berbanding 61.7% sehingga bayaran kemajuan kali ke-21 berjumlah RM104.91 juta (65.6%) daripada nilai kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan sehingga bulan Ogos 2015 adalah baik dan selari dengan pencapaian kemajuan kerja fizikal serta mengikut jadual.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Sehingga kini, bayaran kemajuan kerja telah mencapai sebanyak 78% daripada nilai kontrak.</i></p>	<p>Sehingga tarikh CPC dikeluarkan pembayaran kepada kontraktor telah mencapai 89.4% (RM 142,970,563.75) daripada nilai kontrak.</p>
18.5.2.1.d	<p><b>Pengurusan Projek Pembinaan - Pengurusan Nilai (<i>Value Management</i>)</b></p> <p>Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai yang dikeluarkan oleh EPU pada tahun 2011 menghendaki semua projek yang melalui pengurusan nilai perlu menjalani 2 peringkat awal iaitu Kajian Nilai (<i>Value Assessment</i>) dan Kajian Kejuruteraan (<i>Value Engineering</i>). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Kajian Kejuruteraan telah dilaksanakan kerana tiada laporan berkaitan dikemukakan untuk semakan Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, projek ini telah mengambil kira hasil Makmal Pengurusan Nilai selaras dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan setiap projek telah mencapai tahap nilai yang optimum iaitu <i>best value for money</i>.</p>	
18.5.2.2.a	<p><b>Pelantikan Perunding Oleh Kontraktor</b></p> <p>Mengikut konsep pelaksanaan projek pembinaan secara reka dan bina, kontraktor bertanggungjawab untuk merancang, mereka bentuk, membina dan menyiapkan, menyelia, melengkapkan, menguji, mentauliahkan dan menyenggara keseluruhan kerja serta apa-apa perkhidmatan/peralatan selaras dengan kehendak Kerajaan. Penyeliaan projek dilaksanakan oleh perunding profesional yang dilantik oleh kontraktor manakala peranan dan tanggungjawab JKR adalah sebagai pengurus projek dan pentadbir kontrak. Ini adalah berbeza dengan konsep pelaksanaan secara konvensional di mana pelantikan perunding dibuat sendiri oleh JKR.</p>	<p>Dari rekod, terdapat draf surat permohonan kepada MOF memohon untuk penukaran kaedah pelaksanaan daripada Reka &amp; Bina kepada konvensional Perunding dengan mengekalkan pelantikan semua perunding sediaada.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.2.b	<p>Merujuk surat daripada KDN kepada Pengarah JKR CKS bertarikh 14 Oktober 2010, Projek Fasa II ini dilaksanakan secara Tender Terhad (Konvensional Perunding). Oleh itu, pihak JKR telah memulakan langkah awal dengan mengadakan perbincangan dengan pihak perunding Projek Fasa I. Bagaimanapun, melalui surat bertarikh 21 Disember 2010, KDN telah memohon supaya pembinaan Projek Fasa II dilaksanakan secara Rundingan Terus (Reka dan Bina) dengan kontraktor Projek Fasa I. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 25 Januari 2011 telah meluluskan permohonan KDN ini. Setelah kaedah pelaksanaan diubah maka proses pelantikan perunding adalah di bawah tanggungjawab kontraktor. Bagaimanapun, kontraktor tidak menyambung perkhidmatan perunding bagi bidang sivil dan struktur serta bidang mekanikal dan elektrik Projek Fasa I bagi Projek Fasa II.</p>	
18.5.2.2.c	<p>Semakan Audit mendapati pihak JKR telah menerima notis guaman berkaitan tuntutan yang dibuat oleh perunding Projek Fasa I iaitu perunding bagi bidang sivil dan struktur serta bidang mekanikal dan elektrik bagi tuntutan bayaran ikhtisas berjumlah RM2,367,242 dan RM959,521 pada tahun 2011.</p> <p><i>Mengikut maklum balas terkini daripada pihak JKR, Kerajaan telah membayar ganti rugi berjumlah RM2,517,329 dan RM1,164,207 kepada Perunding Sivil dan Struktur serta Perunding Mekanikal dan Elektrik.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan dalam menentukan kaedah perolehan Projek Fasa II telah menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar ganti rugi berjumlah RM3.68 juta kepada pihak perunding.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Perolehan Projek Penjara Reman Tegar, Johor Bahru diluluskan untuk menggantikan Penjara Ayer Molek. Pelaksanaan projek ini terpaksa dilaksanakan secara berfasa disebabkan masalah peruntukan yang telah diluluskan ketika itu. Pelaksanaan Projek Fasa II diperlukan untuk dilaksanakan dengan secepat mungkin memandangkan Penjara Ayer Molek terpaksa diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor pada bulan Disember 2011. Sehubungan itu, Jabatan Penjara Malaysia amat berharap agar pihak JKR dapat menyegerakan pelaksanaan Projek Fasa II memandangkan Projek Fasa I tidak dapat beroperasi tanpa pelaksanaan Projek Fasa II.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Projek ini telah diwartakan sebagai Kawasan Dan Tempat Larangan 1959 dan kelulusan pelan merancang keseluruhan, pelan bangunan dan pelan infrastruktur telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan selaras Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL).</i></p> <p><i>Pihak JKR telah mendapat arahan daripada pihak KDN supaya pelaksanaan Projek Penjara Reman Tegar, Johor Bahru dilaksanakan segera kerana peruntukan adalah di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan untuk menggantikan Penjara Ayer Molek berdasarkan keputusan Pembangunan oleh Kerajaan Negeri. Keputusan Mesyuarat Pemantauan Projek RMKe-9, KDN telah memutuskan agar pelaksanaan Projek Fasa II dilaksanakan secara Tender Terhad setelah mengambil kira faktor keselamatan memandangkan bangunan penjara adalah rahsia yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi.</i></p> <p><i>Pihak JKR telah memutuskan reka bentuk dilaksanakan secara Konvensional Perunding. Oleh yang demikian, perunding asal Projek Fasa I (Reka Dan Bina) telah dipanggil oleh JKR untuk merancang dan meneruskan reka bentuk untuk tujuan menyegerakan pemanggilan tender.</i></p> <p><i>Surat KDN bertarikh 2 Jun 2010 kepada Pengurus Program (Pengarah CKS) mengesahkan peruntukan Projek Fasa II berjumlah RM157.9 juta dan pihak JKR diarahkan melaksanakan projek dengan segera. Pihak JKR dengan persetujuan pihak KDN telah mengambil tindakan proaktif dengan mengekalkan perunding sedia ada yang dilantik oleh kontraktor semasa pelaksanaan di Projek Fasa I bagi kesinambungan pelaksanaan dalam Projek Fasa II.</i></p> <p><i>Berdasarkan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding tahun 2006 yang dikeluarkan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 4 Disember 2006, Proses Lantikan Terus menetapkan penyediaan kertas perakuan pelantikan perunding dengan kaedah bayaran untuk pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa melulus oleh Agensi Pelaksana. Permohonan pelantikan Perunding bidang Ukur Bahan, Arkitek, Kejuruteraan Awam dan Struktur, Kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal bagi projek di atas telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ) melalui surat bertarikh 1 November 2010 dan 30 November 2010 oleh CKS. Proses lantikan perunding ini mengambil masa untuk mematuhi prosedur JKR.</i></p> <p><i>Semasa proses melantik perunding di atas, pihak KDN telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk pelaksanaan secara</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Rundingan Terus (Reka Dan Bina). Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak JKR melalui surat KDN bertarikh 31 Januari 2011 bahawa permohonan tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 25 Januari 2011.</i></p> <p><i>Lanjutan kelulusan pelaksanaan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina) proses pelantikan perunding yang sedang berjalan telah ditarik balik sejajar dengan kaedah dan tanggungjawab bagi pelaksanaan projek reka dan bina, pemilihan dan pelantikan perunding adalah di bawah bidang kuasa kontraktor. Kontraktor telah melantik pasukan perunding yang sama di bawah Projek Fasa I kecuali Perunding Sivil dan Struktur serta Mekanikal dan Elektrik walaupun pada ketika itu perunding tersebut telah menyediakan lukisan dan dokumen tender.</i></p> <p>Maklum Balas KDN Yang Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>Atas faktor keselamatan, KDN telah memutuskan agar pelaksanaan Projek Fasa II dibuat secara Tender Terhad dan pihak JKR selaku agensi pelaksana projek perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) bagi tujuan tersebut seperti yang dinyatakan oleh pihak KDN kepada JKR melalui surat bertarikh 14 Oktober 2010.</i></p> <p><i>Walaupun bagaimanapun, selaras dengan permohonan Intrasegi Sdn. Bhd. – Tegas Setuju Sdn Bhd JV (ITTSB) kepada Menteri Dalam Negeri untuk meneruskan baki keseluruhan skop pembinaan Penjara Reman Tegar Johor Bahru melalui surat bertarikh 22 November 2010, pihak KDN telah memohon kepada MOF supaya pembinaan Projek Fasa II dilaksanakan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina) seperti yang dinyatakan dalam Minit Menteri Dalam Negeri bertarikh 30 November 2010.</i></p> <p><i>Sebelum permohonan kepada MOF tersebut dikemukakan, KDN juga telah meminta pihak JKR untuk menangguhkan pengemukaan nama kontraktor ke MOF bagi tujuan perolehan projek secara Tender Terhad, sehingga satu pindaan atau perubahan yang akan dimaklumkan kelak. Sehubungan itu, KDN berpendapat tindakan penetapan kaedah perolehan dan pelaksanaan projek telah dibuat dengan teratur.</i></p> <p><i>Perubahan kaedah perolehan dan pelaksanaan projek daripada Tender Terhad kepada Rundingan Terus (Reka Dan Bina) seperti mana kelulusan MOF, telah dibuat selaras dengan objektif Kementerian untuk memastikan projek dapat dimulakan dengan segera. Ini kerana pada dasarnya sebahagian</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>besar reka bentuk projek telah pun dibuat oleh perunding sedia ada dalam Projek Fasa I. Pada hakikatnya, lukisan master pelan keseluruhan projek juga telah disediakan sebelum pelaksanaan Projek Fasa I dan Fasa II lagi, namun terpaksa dilaksanakan secara berfasa ekoran kekurangan peruntukan pada masa itu.</i></p> <p><i>Tindakan awal JKR yang merancang dan meneruskan rundingan berhubung reka bentuk dengan perunding Fasa I pula dilihat sebagai usaha menyegerakan proses perolehan dan seterusnya memastikan projek dapat dilaksanakan dengan mengguna pakai sumber dan kepakaran perunding sedia ada.</i></p> <p><i>Tambahan lagi, pihak ITTSB melalui suratnya juga telah mengesahkan bahawa reka bentuk terperinci skop keseluruhan penjara telah disiapkan dan kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan pada bila-bila masa. Ini memberi gambaran kepada KDN bahawa kerja perundingan perancangan projek (bagi tujuan penyediaan dokumen tender) sebenarnya telah siap disediakan semasa perancangan Projek Fasa I dan perkhidmatan perunding berkenaan akan diteruskan dalam pelaksanaan Projek Fasa II.</i></p> <p><i>Walau bagaimanapun, KDN akur dengan tindakan ITTSB yang menggugurkan khidmat perunding berkaitan untuk pelaksanaan Projek Fasa II dan ia adalah di luar bidang kuasa serta kawalan pihak Kerajaan (KDN dan JKR). Tindakan tersebut telah menyebabkan perunding berkenaan membuat tuntutan atas kerja yang telah dilaksanakan di luar kontrak Projek Fasa I mahupun Projek Fasa II.</i></p> <p><i>Justeru, KDN mengambil maklum dan bersetuju dengan tindakan proaktif JKR dalam mengadakan perbincangan awal dengan pihak perunding selaras dengan keputusan terdahulu untuk melaksanakan projek secara Tender Terhad. Arahan supaya projek ini dilaksanakan secara Rundingan Terus (Reka Dan Bina) merupakan titik tolak (turning point) kepada perubahan kaedah pelaksanaan projek tersebut yang menyebabkan JKR terpaksa menarik balik proses pelantikan perunding bagi melaksanakan projek secara konvensional. Permohonan KDN ke MOF pula telah dibuat dengan dorongan faktor kesegeraan, dengan menjangkakan bahawa kontraktor ITTSB mengekalkan barisan perunding yang sama seperti mana Projek Fasa I.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.3.1	<p><b>Penyerahan Projek Fasa I</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pihak JPM telah menyerahkan keseluruhan aset dan peralatan Projek Fasa I pada 31 Julai 2013 seperti peralatan elektrik, kamera CCTV, penyaman udara, peralatan ICT dan peralatan dapur kepada kontraktor utama. Tujuan penyerahan ini bagi memudahkan kerja pembinaan dijalankan oleh kontraktor tanpa perlu kawalan keselamatan daripada pihak JPM. Berdasarkan kontrak perjanjian, tempoh tanggungan kecacatan bagi skop kerja ESS Projek Fasa I telah dilanjutkan daripada 24 bulan kepada 54 bulan iaitu sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan Projek Fasa II.</p>	<p>Maklumbalas KKR seperti di <i>Confirmatory Letter</i> bertarikh 16/03/2016.</p> <p>Berdasarkan kepada dokumen kontrak fasa 1, tempoh tanggungan kecacatan untuk skop ESS bagi fasa 1 adalah selama 24 bulan.</p> <p>Untuk skop kerja ESS fasa 1 tempoh tanggung kecacatan telah dilanjutkan daripada 24 bulan kepada 54 bulan mengikut kontrak.</p>
18.5.3.2	<p>Semakan Audit terhadap dokumen serahan Projek Fasa I mendapati senarai aset, peralatan dan struktur bangunan telah disediakan. Bagaimanapun, perincian berkenaan dengan tanggungjawab penyenggaraan dan pembaikan dalam tempoh pelaksanaan Projek Fasa II tidak dinyatakan. Pemeriksaan Audit pada bulan September 2015 mendapati secara keseluruhannya aset dan peralatan masih berada di lokasinya dan pihak kontraktor telah mengambil langkah kawalan keselamatan terhadapnya seperti memastikan pintu tempat ia ditempatkan berkunci dan selamat daripada kecurian. Namun begitu, kebolegunaan aset dan peralatan ini tidak dapat dipastikan kerana terdapat aset dan peralatan yang tidak digunakan sejak tahun 2011. Selain itu, terdapat juga struktur bangunan yang telah rosak dan perlu pembaikan segera supaya ia dapat digunakan selepas Projek Fasa II siap.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JPM menghadapi risiko kebolegunaan aset dan peralatan Projek Fasa I kerana terdapat aset dan peralatan yang tidak digunakan sejak tahun 2011.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 16 Mac 2016</p> <p><i>Semua teguran Audit telah diambil tindakan pembaikan. Pihak JKR juga akan memantau serta memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja pembaikan ke atas kecacatan dan kerosakan peralatan serta kelengkapan bagi Projek Fasa I sebelum penyerahan Projek Fasa II kepada pihak pelanggan seperti yang dijanjikan oleh pihak kontraktor.</i></p>	<p>Kerja-kerja pembaikan kecacatan dan kerosakan serta pengujian dan pentauliahan semula bagi peralatan projek fasa 1 telah siap disempurnakan pada 20hb April 2016 bersama-sama dengan wakil-wakil JKR Johor yang terlibat dalam projek fasa satu (1).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>18.5.5</b></p>	<p><b>Kualiti Pembinaan</b></p> <p>Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Semakan Audit berkaitan aspek kualiti pembinaan mendapati proses kelulusan bahan telah dipatuhi, ujian tahap kualiti proses pembinaan projek telah dilaksanakan serta lukisan pembinaan kerja sivil dan struktur telah disahkan oleh pemeriksa bebas. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil tindakan pembaikan awal oleh pihak kontraktor sebelum tarikh siap Projek Fasa II mengikut jadual iaitu pada bulan Januari 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan oleh pihak kontraktor secara keseluruhannya adalah memuaskan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 3 Februari 2016</p> <p><i>Semua teguran Audit telah diambil tindakan pembaikan.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 18.5.5</p>
<p><b>18.5.6</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pihak JKR telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap Projek Fasa II. Antara mekanisme pemantauan yang telah dilaksanakan adalah mengadakan mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal, pemantauan terhadap <i>Non Conformance Report</i> (NCR) dan pemantauan terhadap aspek keselamatan serta alam sekitar.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 3 Februari 2016</p> <p><i>Semua NCR tersebut telah diambil tindakan dan ditutup. Pihak JKR telah memantau perkara tersebut dengan rapi. Sehingga kini semua aspek keselamatan dan aspek alam sekitar dipatuhi dengan baik.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang berkesan telah diwujudkan oleh pihak JKR bagi memastikan kualiti pembinaan dan projek dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 18.5.6</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Jabatan Imigresen Malaysia**

**Perenggan 19 : Pelaksanaan Sistem myIMMs**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.1	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Mengikut perjanjian, myIMMs hendaklah disiapkan dalam tempoh 1 tahun iaitu mulai 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011. Bagaimanapun, pelanjutan masa telah diluluskan oleh MOF selama 3 bulan sehingga 31 Mei 2011. Namun sehingga 31 Mei 2011, prestasi pelaksanaan projek adalah sebanyak 96% sahaja. Tarikh sebenar projek siap adalah pada 13 Julai 2012 seperti <i>Final Acceptance Test</i> (FAT).</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Projek myIMMs telah selesai sepenuhnya pada 13 Julai 2012. Punca kelewatan adalah:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Kerja-kerja pembangunan hanya dapat dilaksanakan dalam tempoh 9 bulan sahaja sedangkan tempoh pembangunan adalah selama setahun;</i></li> <li>● <i>Sistem Pengurusan Hasil, Sistem Pengurusan Stok dan Sistem Pengurusan ID Pengguna perlu dibangunkan semula bersesuaian dengan keperluan baru (pembangunan Sistem Visa);</i></li> <li>● <i>Sistem Penguatkuasaan dan Depot telah diputuskan untuk dibuat pembangunan semula keseluruhannya menggunakan platform yang baru;</i></li> <li>● <i>Syarikat mengambil masa yang lama untuk membuat migrasi data dari Sistem Visa Pas (SVP) yang dibangunkan oleh Guthrie Technologies Sdn. Bhd. kerana tidak ada sebarang dokumen sokongan yang boleh dirujuk;</i></li> <li>● <i>Memberi laluan kepada Pembangunan Sistem 6P (26.01.2011 sehingga 02.05.2012) dan integrasi dengan Sistem Kawalan Pintu Masuk dan Sistem Pekerja Asing di bawah myIMMs. Semua pintu masuk sebanyak</i></li> </ul>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.1.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>85 lokasi telah dipasang dengan Sistem Kawalan Pintu Masuk berintegrasi dengan Sistem Biometrik pada 1 Jun 2011;</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Perubahan proses kerja yang banyak secara langsung perlu perubahan kepada sistem;</i></li> <li>● <i>Proses Migrasi Data dari database Oracle ke DB2 hanya bermula pada Januari 2011 dan mengambil masa terlalu lama; dan</i></li> <li>● <i>Data sistem visa pas lama tidak berpusat dan jumlah table (fields melebihi 400).</i></li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini gagal disiapkan dalam tempoh kontrak dan lanjutan masa disebabkan perancangan tidak dibuat dengan teliti sebelum memulakan projek.</p>	
19.5.1.2	<p><b>Pencapaian Kewangan</b></p> <p>Sejumlah RM21.24 juta (71.04%) daripada RM29.9 juta telah dibelanjakan sehingga 31 Mei 2011 manakala baki peruntukan sejumlah RM8.66 juta telah dibelanjakan sepenuhnya selepas tempoh pelanjutan perjanjian tamat iaitu antara bulan Ogos 2011 hingga Januari 2013.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Mulai 1 Jun 2011, syarikat telah dikenakan LAD kerana tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pembayaran yang dibuat selepas 31 Mei 2011 tidak dibuat sepenuhnya setelah mengambil kira denda LAD sejumlah RM1,675,218.94 atas kelewatan menyiapkan projek.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.1.2
19.5.2	<p><b>Pengurusan Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati struktur tadbir urus utama telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta satu pasukan projek. Bagaimanapun, proses perolehan myIMMs telah dibuat sebelum mendapat kelulusan JTICT MAMPU dan kertas makluman tidak dikemukakan kepada JTICT MAMPU untuk pandangan teknikal mengenai komponen ICT.</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Sistem pengkomputeran JIM adalah amat kritikal dan merupakan nadi utama Jabatan dalam memastikan semua fungsi utamanya berjalan dengan lancar terutamanya dalam mengawal pintu masuk Negara. Sehubungan itu, lanjutan daripada penamatan kontrak SIM yang gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, MyIMMs yang dibangunkan oleh HeiTech Padu Berhad terpaksa roll back dengan kadar segera sebagai sistem penyelamat bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat diteruskan dan mencegah krisis peringkat nasional bagi menjaga imej Negara.</i></p> <p><i>Permohonan kelulusan MOF bagi pelaksanaan myIMMs dan permohonan rundingan terus telah diambil maklum oleh Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) Bil. 3 tahun 2009 bertarikh 30 November 2009. Permohonan tersebut dibuat selepas spesifikasi teknikal diluluskan oleh JPICIT KDN dan semakan oleh PPICT, MAMPU pada 10 September 2009. Selain itu, Mesyuarat JITIK Bil. 1 tahun 2010 bertarikh 5 Mac 2010 juga telah mengambil maklum bahawa MOF telah meluluskan permohonan untuk melaksanakan myIMMs dengan Syarikat Heitech Padu Berhad dengan anggaran kos RM30 juta melalui surat MOF bertarikh 28 Disember 2009.</i></p>	
19.5.3.1	<p><b>Pengurusan Perjanjian - Tempoh Perjanjian</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tempoh perjanjian lebih awal dari kelulusan rundingan terus MOF dan pengeluaran SST. Perjanjian telah ditandatangani pada 1 November 2010 bagi tempoh satu (1) tahun bermula 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011. Bagaimanapun, MOF hanya memberi kelulusan pada 5 Mei 2010 dan SST dikeluarkan pada 11 Mei 2010 oleh KDN. Kelewatan ini menyebabkan kontraktor lambat memulakan pelaksanaan projek selama 3 bulan.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan perolehan myIMMs secara rundingan terus dengan HeiTech Padu Berhad (HTP) melalui surat S/K.KEW/PK/M/210/000000/110/143 JLD 2 SJ 9.1 (12) bertarikh 28 Disember 2009. Oleh itu, perjanjian perolehan myIMMs yang telah ditandatangani bersama pihak Syarikat bagi tempoh 1 Mac 2010 hingga 28 Februari 2011 adalah dimeterai selepas mendapat keputusan Kementerian Kewangan Malaysia tersebut.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Perolehan Projek myIMMs merupakan kesinambungan kepada Projek Pembangunan Semula (SIM) oleh Multimedia Glory Systems Sdn. Bhd. (MGSSB) yang ditamatkan kerana gagal menyempurnakan projek SIM. Oleh itu, bagi mengurangkan implikasi kesan penamatan kontrak Syarikat tersebut, projek myIMMs telah dilaksanakan secara segera berikutan terdapat keperluan yang amat mendesak terhadap isu keselamatan Negara. Tindakan segera terhadap pelaksanaan projek ini diperlukan bagi mengelakkan Negara terdedah kepada ancaman keselamatan terutama dalam mengawal kemasukan pelawat di pintu-pintu masuk Negara gagal secara keseluruhannya berikutan ketiadaan sistem pengkomputeran.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, KDN tidak membuat semakan semula terhadap tempoh kuat kuasa kontrak setelah kelulusan MOF diperolehi menyebabkan tempoh kontrak tidak diselaraskan.</p>	
19.5.3.2	<p><b>Pembayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Lengkap</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, 18 baucar bernilai RM22.64 juta tidak disokong dengan dokumen yang lengkap seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian. Antara dokumen yang tidak disertakan seperti Laporan Penerimaan Pengguna (UAT), Laporan Ujian Penerimaan Sementara (PAT), Laporan Ujian Penerimaan Akhir (FAT), Surat Akuan Penerimaan Akhir, Laporan <i>System Integration Test</i> (SIT), Dokumen Spesifikasi Keperluan Sistem, Dokumen <i>System Study</i>, <i>Database Design</i>, <i>Entity Relation Diagram</i>, <i>source code</i> dan sebagainya.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Pembayaran dibuat berdasarkan pengesahan perkhidmatan yang telah dilaksanakan. Dokumen sokongan yang berkaitan dengan setiap pembayaran ada disertakan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran yang telah dibuat adalah tidak sempurna kerana tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan tidak mematuhi terma kontrak dan peraturan kewangan sedia ada. Ini merupakan pembayaran tidak wajar (improper payment) yang boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.3.3	<p><b>Kemudahan Biometrik</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, kemudahan biometrik myIMMs bernilai RM10.3 juta telah dibekalkan dan dibayar tetapi tidak dipasang dan diguna pakai di pintu-pintu masuk negara bagi tujuan penyaringan dan pengesahan identiti warga asing dan juga warganegara Malaysia. Sebaliknya semasa lawatan fizikal Audit mendapati kemudahan biometrik yang telah dipasang dan diguna pakai adalah <i>National Enforcement And Registration Biometric System (NERS)</i> yang telah dibangunkan oleh Nexbis Sdn. Bhd. di bawah perjanjian konsesi bernilai RM912 juta yang telah ditandatangani pada 20 Julai 2011 dan mula diguna pakai di pintu-pintu masuk negara pada 1 Jun 2011.</p> <p>Mengikut maklumat yang diberi oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod (BTMR), JIM, perkakasan berkaitan iaitu pengimbas cap jari telah diagihkan ke semua Depot tahanan di seluruh negara tetapi tidak digunakan dan tidak ada rekod agihan dalam simpanan JIM. Semakan Audit ke Pusat Data JIM di Putrajaya mendapati <i>server</i> kemudahan biometrik yang ditempatkan di Pusat Data tersebut tidak digunakan.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Mesyuarat Biometrik Warga Asing Melalui Nexbis Sdn. Bhd. bertarikh 16 Ogos 2010 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah memutuskan bahawa Nexbis dibenarkan menggunakan mana-mana teknologi selain daripada sistem Sagem Morpho yang dibangunkan dalam myIMMs bagi pengambilan biometrik menggunakan teknologi dermalog.</i></p> <p><i>Server Biometrik Sagem akan digunakan untuk pembangunan aplikasi dalaman seperti Sistem E-Kursus, Sistem Pergerakan Kakitangan mulai 2 Mei 2016.</i></p> <p><i>Pengimbas cap jari telah diagihkan kepada cawangan melalui surat no. Rujukan IM.101/HQ-D/1122/26 (41) bertarikh 16.11.2011 sebanyak 24 unit sagem reader telah digunakan di cawangan Jim untuk urus niaga pasport manakala 90 unit akan digunakan untuk pelaksanaan UIDM Versi 2 yang dijangka siap pada bulan Ogos 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan kemudahan biometrik bernilai RM10.3 juta dalam perjanjian ini adalah satu pembaziran kepada Kerajaan kerana tidak digunakan walaupun sudah dibayar dan dibekalkan sepenuhnya oleh</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kontraktor. Bagaimanapun, pihak JIM tidak dapat mengemukakan bukti pengagihan peralatan pengimbas cap jari semasa lawatan Audit dijalankan. Pembaziran tersebut dapat dielakkan sekiranya klausa perolehan kemudahan biometrik digugurkan apabila KDN merancang untuk membuat perolehan sistem biometrik NERS.</p>	
<p><b>19.5.3.4</b></p>	<p><b>Sistem Aplikasi eServices</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, tujuh sistem pengurusan dan permohonan visa dan pas di atas talian telah dibangunkan. Bagaimanapun, 3 sistem iaitu Permohonan Pas Pelajar, Permohonan Pekerja Asing dan Permohonan Pas Penggajian tidak diguna pakai oleh pihak JIM kerana diganti dengan sistem lain iaitu Pas Pelajar - <i>Education Malaysia Global Services (EMGS)</i>, permohonan lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing - MYEG Sdn. Bhd. dan Permohonan Pas Penggajian - TalentCorp Malaysia. Oleh itu, pelanggan-pelanggan JIM yang ingin berurusan bagi permohonan ketiga-tiga pas tersebut terpaksa hadir ke kaunter di Pejabat JIM.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Kemudahan permohonan Pas Pelajar, permohonan Pekerja Asing dan permohonan Pas Penggajian secara atas talian telah dibangunkan di dalam Projek myIMMs. Bagaimanapun perubahan dasar telah menyebabkan pembangunan sistem baru oleh kontraktor-kontraktor seperti yang berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>Pas Pelajar - Education Malaysia Global Services (EMGS). Pekeliling Bil. 10 Tahun 2014 Prosedur Pengurusan Pas Pelajar Di Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (IPT) memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai langkah-langkah penambahbaikan berhubung pemberian kemudahan Pas Pelajar kepada pelajar antarabangsa di Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (IPT). Berdasarkan keputusan Kerajaan pada 11 Januari 2012, Education Malaysia Global Services (EMGS) telah ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan sebagai Pusat Sehenti bagi menguruskan kemasukan pelajar antarabangsa. Klausa 6.1.3 menyatakan bahawa permohonan Pas Pelajar hendaklah dikemukakan oleh IPTS ke Pusat Sehenti EMGS dan IPTA ke Pejabat Imigresen Negeri. Pihak EMGS telah membangunkan sistem atas talian bagi menguruskan permohonan pelajar warga asing termasuk permohonan pas pelajar dan telah diguna pakai pada 1 Januari 2014.</i></li> </ul>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.4</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Permohonan Lanjutan PLKS Pekerja Asing - MyEG Services Sdn. Bhd. (MyEG) telah diberi kebenaran untuk melaksanakan Proof of Concept (POC) penyeragaman pembaharuan pas lawatan kerja sementara (PLKS) untuk semua sektor Pekerja Asing menerusi perkhidmatan atas talian melalui Surat Arahan KDN (No. Rujukan KDN(S) : 03/1122/1 Jld. 3 (10) bertarikh 17 November 2014). Menerusi POC ini, pihak MyEG telah mengambil alih tugas Imigresen dari segi permohonan pembaharuan PLKS di Semenanjung Malaysia yang selama ini dibuat di kaunter-kaunter Imigresen.</i></li> <li>• <i>Permohonan Pas Penggajian - Melalui Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Expatriate telah mengiktiraf TalentCorp untuk menyelaras hal-hal dasar serta memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan golongan ekspatriat secara lebih terancang dan teratur. Memorandum ini selaras dengan Keputusan Majlis Ekonomi bertarikh 26 Oktober 2010. Pelaksanaan permohonan pas penggajian menggantikan eServices sedia ada merupakan salah satu bidang kerjasama dalam memorandum tersebut di mana dengan mengenal pasti dan mengesyorkan langkah-langkah penambahbaikan serta menyelaras pelaksanaan kemudahan-kemudahan bagi golongan ekspatriat. Sistem atas talian yang dibangunkan oleh TalentCorp telah diguna pakai di Jabatan Imigresen Malaysia bermula pada 23 April 2012.</i></li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pembangunan 3 sistem atas talian dalam perjanjian adalah satu pembaziran kepada Kerajaan kerana tidak digunakan walaupun sudah dibangunkan dan dibayar.</p>	
19.5.3.5	<p><b>Agency Link – Up</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, myIMMs tidak mempunyai kemudahan <i>Agency Link-Up</i> dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi memeriksa kesahihan data dan status hidup/mati majikan. Ini disebabkan pengujian sistem tidak dibuat dengan teliti mengikut perjanjian. Ketiadaan kemudahan <i>Agency Link-Up</i> menyukarkan penyemakan maklumat majikan semasa permohonan diproses dan kelulusan dibuat tanpa penyemakan secara menyeluruh maklumat majikan dan atas dasar budi bicara pegawai. Keadaan ini boleh membuka ruang dan peluang penyalahgunaan permohonan/pembaharuan PLKS oleh majikan/pihak tertentu.</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.5

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Projek myIMMs telah melaksanakan Agency Link-Up dengan semua agensi yang terlibat. Penyemakan pemohon pasport menggunakan Agency Link-up kepada JPN telah dilakukan sepenuhnya sejak tahun 2011. Walau bagaimanapun, tiada keperluan lagi untuk membuat semakan status hidup/mati majikan oleh agensi melalui integrasi JIM-JPN.</i></p>	
<p><b>19.5.3.6.a</b></p>	<p><b>Pengujian - Ujian Penerimaan Pengguna (UAT)</b></p> <p>Berdasarkan klausa 22.2 kepada perjanjian, UAT hendaklah dijalankan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kontrak tidak menyatakan dengan jelas bilangan pegawai yang menjalankan UAT.</li> <li>ii. UAT hanya dilaksanakan oleh satu atau 2 orang pegawai Imigresen sahaja bagi setiap modul dan tidak meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut.</li> <li>iii. SAP ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor walaupun terdapat masalah dan cadangan penambahbaikan, tidak disahkan oleh pegawai Imigresen dan tanpa laporan UAT.</li> <li>iv. Tiada bukti pihak kontraktor telah melaksanakan <i>stress test</i>.</li> </ol> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Pengujian telah dilaksanakan dengan teliti dan meliputi setiap peringkat pengguna yang terlibat dengan modul tersebut. Ujian UAT melibatkan wakil BTMR dan pengguna-pengguna mengikut modul bagi bahagian yang berkaitan.</i></p> <p><i>Pengesahan ujian UAT ditandatangani oleh wakil pengguna seperti yang ditetapkan dalam Sijil Penerimaan UAT. Penambahbaikan/pembetulan ada dilakukan selepas UAT dan akan disahkan semasa pelaksanaan sesi pilot melalui Dokumen Pengesahan (PAT). Penambahbaikan ke atas prosedur pengujian sistem akan dibuat secara berterusan tertakluk kepada perubahan polisi, dasar dan keperluan pengguna.</i></p> <p><i>Stress Test telah dibuat berskala kecil bersekali dengan UAT.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.6.a</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, UAT yang dilaksanakan oleh satu atau 2 orang pegawai Imigresen bagi setiap modul tidak dapat memberi maklum balas berkenaan myIMMs secara komprehensif. Selain itu, tiada laporan <i>stress test</i> disediakan bersekali dengan UAT. Ini adalah antara punca ketidaksempurnaan myIMMs kerana tidak memenuhi segala keperluan spesifikasi teknikal pengguna di setiap cawangan/lokasi JIM.</p>	
<p><b>19.5.3.6.b</b></p>	<p><b>Ujian Penerimaan Sementara (PAT)</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, SAP Sementara yang telah ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor menunjukkan ujian dilaksanakan tetapi tiada laporan PAT disertakan. Semakan lanjut mendapati modul myIMMs iaitu Sistem Visa &amp; Pas, Sistem Pekerja Asing JIM, Sistem Pekerja Asing di KDN, Sistem Dagang, Sistem SDPKI, Sistem FTF dan SAP tidak mempunyai laporan PAT. Ujian yang tidak memuaskan mengakibatkan sistem tidak berfungsi dengan sempurna dan integriti data diragui.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Ujian Penerimaan Sementara (PAT) telah dilaksanakan dan telah disahkan melalui Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan Surat Akuan Penerimaan Sementara yang ditandatangani oleh Kerajaan dan kontraktor tanpa laporan PAT menunjukkan pengurusan dan pemantauan terhadap pelaksanaan pengujian sistem adalah lemah.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.6.b</p>
<p><b>19.5.3.7.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan - Perkhidmatan Pemulihan Bencana</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, pihak kontraktor telah menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu yang bertempat di Kelana Jaya. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa perkhidmatan pemulihan bencana tersebut hanya beroperasi selama 8 bulan bermula dari Julai 2010 sehingga Februari 2011 dengan kos sejumlah RM1.8 juta kerana JIM tidak mempunyai peruntukan untuk meneruskannya. Kegagalan JIM untuk meneruskan perkhidmatan pemulihan bencana boleh menyebabkan perkhidmatan utama JIM seperti kawalan masuk dan keluar pelawat asing dan juga warganegara ke dalam dan keluar negara terjejas</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.7.a</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sekiranya berlaku bencana.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Bermula pada tahun 2014, perkhidmatan pemulihan bencana telah dilaksanakan menggunakan DRC MAMPU di Petaling Jaya.</i></p>	
19.5.3.7.b	<p><b>Ujian Pemulihan Bencana</b></p> <p>Mengikut Klausula 4.4.13, Jadual 3B Perjanjian myIMMs, kontraktor dikehendaki melaksanakan ujian pemulihan bencana sebanyak 2 kali dan memastikan ujian pemulihan bencana berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang dipersetujui oleh Kerajaan. Semakan Audit mendapati:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Ujian pemulihan bencana pertama telah dijalankan oleh kontraktor bersama Pasukan Pemulihan Bencana Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod (BTMR) JIM pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya, Selangor; dan</li> <li>ii. Ujian pemulihan bencana kedua tidak dilaksanakan oleh kontraktor, bagaimanapun bayaran berjumlah RM50,000 telah dibuat melalui baucar B0063 bertarikh 25 Ogos 2011. Pembayaran berkenaan adalah bagi 2 kajian iaitu <i>Business Impact Analysis and Risk Assessment</i> dan <i>Data Center Facility and Environmental Control Gap Analysis</i> yang sepatutnya dibuat sebelum pelaksanaan perkhidmatan pemulihan bencana tanpa melibatkan kos mengikut klausula 4.5.10, Jadual 3B.</li> </ol> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Pihak JIM telah menghantar surat permohonan rebate berjumlah RM50,000 pada 19 Januari 2016 No. Rujukan IM101/HQ-D(s)/978/1/JLD.3(14) kepada pihak kontraktor bagi tuntutan ke atas "Kegagalan kontraktor melaksanakan ujian pemulihan kedua." Pihak kontraktor telah bersetuju untuk membayar balik tuntutan bayaran balik invois (1811001552) No. Rujukan HTP/PSG/JIM/LET/2016/ 0303(1) bertarikh 3 Mac 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JIM hanya membuat tuntutan bayaran balik dari kontraktor setelah menerima laporan pemerhatian Audit.</p>	<p>Hei-Tech Padu telah mengemukakan <i>credit note</i> no. 1616000048 melalui surat bertarikh 27 April 2016 berjumlah RM50,000.00 kepada Bahagian BTMR untuk bayaran semula bagi ujian pemulihan bencana kedua yang tidak dilaksanakan. Walau bagaimanapun Jabatan akan meminta supaya Hei-Tech Padu membuat bayaran secara terus berjumlah RM50,000.00 tanpa menggunakan <i>credit note</i> terhadap kontrak sedia ada.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
19.5.3.7.c	<p><b>Pelan Pemulihan Bencana IT</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, kontraktor tidak menyemak dan mengkaji semula pelan pemulihan bencana IT sebelum melaksanakan perkhidmatan pemulihan bencana. Laporan Ujian Pemulihan Bencana JIM yang telah dilaksanakan pada 10 hingga 13 November 2010 di Pusat Pemulihan Bencana HeiTech Padu, Kelana Jaya menunjukkan tempoh pemulihan keseluruhan myIMMs mengambil masa yang sangat lama iaitu selama 67 jam dan 20 minit. Selain itu, <i>table Database 2 (DB2)</i> tidak dibuat salinan (backup) di pusat data, media <i>offsite backup</i> yang kritikal tidak dihantar ke pusat pemulihan bencana dan fail data bagi konfigurasi <i>Server Pekerja Asing dan Pembantu Rumah (FOWI)</i> tidak berjaya dipulihkan. Tempoh pemulihan yang sangat lama serta beberapa masalah yang timbul semasa pengujian adalah disebabkan kegagalan pihak kontraktor menyemak, mengkaji semula dan melaksanakan penambahbaikan terhadap pelan pemulihan bencana IT sedia ada bagi memenuhi keperluan myIMMs yang baru dibangunkan.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Mulai tahun 2014, kaedah DRC yang digunakan ialah mirroring data di antara Pusat Data di JIM ke DRC MAMPU. Proses untuk memulihkan operasi seperti sediakala mengambil masa selama 4 jam.</i></p> <p><i>Pihak JIM telah membuat semakan Pelan Pemulihan Bencana IT. Hasil dari semakan, perubahan versi adalah seperti yang berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="495 1034 1012 1209"> <thead> <tr> <th><b>Volume</b></th> <th><b>Tahun</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>Versi 3.5</i></td> <td><i>Januari 2007</i></td> </tr> <tr> <td><i>Versi 3.51</i></td> <td><i>Jun 2010</i></td> </tr> <tr> <td><i>Versi 3.6</i></td> <td><i>Ogos 2010</i></td> </tr> <tr> <td><i>Versi 4.0</i></td> <td><i>Disember 2010</i></td> </tr> <tr> <td><i>Versi 1.1</i></td> <td><i>2015</i></td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Semua versi pelan pemulihan bencana IT telah diserahkan kepada pihak Audit kecuali versi 3.5 kerana ia tidak berkaitan dengan kontrak myIMMs</i></p>	<b>Volume</b>	<b>Tahun</b>	<i>Versi 3.5</i>	<i>Januari 2007</i>	<i>Versi 3.51</i>	<i>Jun 2010</i>	<i>Versi 3.6</i>	<i>Ogos 2010</i>	<i>Versi 4.0</i>	<i>Disember 2010</i>	<i>Versi 1.1</i>	<i>2015</i>	
<b>Volume</b>	<b>Tahun</b>													
<i>Versi 3.5</i>	<i>Januari 2007</i>													
<i>Versi 3.51</i>	<i>Jun 2010</i>													
<i>Versi 3.6</i>	<i>Ogos 2010</i>													
<i>Versi 4.0</i>	<i>Disember 2010</i>													
<i>Versi 1.1</i>	<i>2015</i>													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pengurusan kesinambungan perkhidmatan myIMMs adalah tidak memuaskan memandangkan JIM gagal meneruskan perkhidmatan tersebut dan tempoh pemulihan bencana sangat lama. Selain itu, pemantauan yang kurang memuaskan serta kebergantungan JIM kepada kontraktor menyebabkan tuntutan bagi perkara yang tidak sepatutnya dibayar oleh JIM kepada kontraktor.</p>	
<p><b>19.5.3.8.a.i</b></p>	<p><b>Integriti Data – Pelaporan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap <i>eReporting</i> myIMMs bagi statistik cetakan pelekat PLKS mendapati perbezaan sebanyak 315 bilangan cetakan bagi statistik tahun 2013 dan 460 bagi tahun 2014 dalam laporan yang dijana pada 30 April 2015 dan 14 Januari 2016.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Jabatan mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam modul e-reporting yang dibangunkan di dalam myIMMs. Pada masa ini, untuk mendapatkan statistik berkala dan adhoc yang lebih presentable dan grafik pada bila-bila masa, projek sistem Data Analytic dengan kerjasama pihak MIMOS yang mendapat geran dari Kementerian Sains Dan Teknologi sedang diusahakan.</i></p> <p><i>JIM telah bekerjasama dengan MIMOS pada 18 Mac 2015 untuk menyediakan statistik berkala yang lebih tepat dan dijangka akan siap pada Disember 2016.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.8.a.i</p>
<p><b>19.5.3.8.a.ii</b></p>	<p>Analisis Audit mendapati laporan yang dijana melalui modul <i>eReporting</i> myIMMs tidak tepat kerana maklumat yang diperoleh berbeza dengan hasil analisis Audit terhadap data dari pangkalan data myIMMs.</p> <p>Penjanaan maklumat dan statistik yang tidak tepat oleh myIMMs akan menyukarkan pengguna terutamanya di bahagian penguatkuasaan untuk melaksanakan tugas. Pihak Audit dimaklumkan melalui temu bual bersama pegawai Bahagian Penguatkuasaan, operasi penguatkuasaan terhadap pekerja asing yang bekerja melebihi tempoh pas adalah melalui aduan yang diterima sahaja.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.8.a.ii</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Jabatan mengakui bahawa terdapat kelemahan dalam modul e-reporting yang dibangunkan di dalam myIMMs. Pada masa ini, untuk mendapatkan statistik berkala dan adhoc yang lebih presentable dan grafikal pada bila-bila masa, projek sistem Data Analytic dengan kerjasama pihak MIMOS yang mendapat geran dari Kementerian Sains Dan Teknologi sedang diusahakan.</i></p> <p><i>JIM telah bekerjasama dengan MIMOS pada 18 Mac 2015 untuk menyediakan statistik berkala yang lebih tepat dan dijangka</i></p>	
19.5.3.8.b	<p><b>Migrasi Data</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Aktiviti Pengesahan Data (SVP dan myIMMs) yang dilaksanakan pada 1 Jun 2011 hingga 3 Jun 2011 bagi migrasi data mendapati data hilang, tidak lengkap dan tidak tepat.</p> <p>Menurut penjelasan pihak BTMR JIM, data SIM tidak dapat dimigrasi ke myIMMs kerana data sistem tersebut tidak dapat diakses berikutan penamatan kontrak SIM. Perkara ini menyebabkan JIM tidak mempunyai rekod visa pas dan rekod keluar dan masuk warganegara Malaysia termasuk warga asing ke Malaysia antara bulan Oktober 2007 sehingga bulan Mac 2010.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Proses perpindahan data dari Sistem Visa Pas (SVP) ke myIMMs melibatkan proses migrasi data dan juga proses penukaran format data dari pangkalan data Oracle SVP ke pangkalan data DB2 myIMMs telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Semasa migrasi dilaksanakan pihak kontraktor tidak dibekalkan dengan dokumen struktur pangkalan data SVP yang terperinci dan memberi kesan kepada proses pemetaan data.</i></p> <p><i>Penambahbaikan yang dibuat bagi mengatasi masalah data adalah menyediakan fungsi record recovery facility yang dihadkan kepada pegawai tertentu sahaja. Skop bagi aktiviti arkib dan pemurnian data telah dimasukkan dalam cadangan projek SKIN yang akan menggantikan myIMMs.</i></p> <p>Analisis Audit terhadap data Sistem Visa dan Pas myIMMs bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati pertindihan nombor pelekak PLKS yang sama bagi</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.3.8.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pekerja asing yang berlainan berdasarkan semakan nama pekerja dan dokumen perjalanan. Cetakan pekat yang terlibat adalah pada masa yang berlainan. Mengikut maklum balas awal JIM, pertindihan disebabkan proses migrasi data dari sistem lama (SVP).</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Bermula tahun 2015, sistem telah ditambah baik bagi menyemak nombor siri yang telah wujud sebelum boleh dicetak oleh pengguna. Pada masa yang sama pembetulan dan penambahbaikan data tahun sebelumnya dibuat melalui kaedah batch run dan mengikut kes. Skop bagi aktiviti arkib dan pemurnian data telah dimasukkan dalam cadangan projek SKIN yang akan menggantikan myIMMs.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan migrasi data daripada sistem lama ke myIMMs dilakukan dengan sepenuhnya menyebabkan integriti data myIMMs meragukan, tidak munasabah, tidak kemas kini dan terdedah kepada risiko penyalahgunaan oleh pihak tertentu.</p>	
19.5.4.1	<p><b>Pengurusan Pekerja Asing - Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing</b></p> <p>Analisis Audit mendapati, pada tahun 2014 seramai 3,527 daripada 699,018 pekerja asing di Semenanjung Malaysia diluluskan PLKS walaupun rekod kesihatan berstatus <i>unfit</i>. Sistem menyediakan kemudahan yang membolehkan pegawai penyelia/kanan <i>override</i> status <i>unfit</i> untuk membenarkan pekerja asing diluluskan PLKS.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Setiap pekerja asing yang memasuki Malaysia untuk diambil bekerja perlu lulus pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan. Bagaimanapun, prosedur pemeriksaan kesihatan adalah berbeza untuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.</i></p> <p><i>Situasi ini berlaku sekiranya pihak FOMEMA hanya mendaftar keputusan awal pemeriksaan asas kesihatan yang menunjukkan pekerja tersebut layak untuk bekerja. PLKS akan dikeluarkan oleh JIM setelah laporan awal ini diperolehi. Setelah keputusan terperinci diperolehi selepas beberapa bulan maklumat ini akan dihantar semula ke dalam myIMMs sekali lagi. Bagaimanapun pihak JIM</i></p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.4.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tidak dapat membatalkan PLKS yang dikeluarkan kerana ianya tidak dapat dikesan melalui sistem kecuali melalui semakan semula.</i></p> <p><i>Pengurusan memberi kuasa kepada Pegawai Penyelia/Kanan untuk meluluskan PLKS kepada pekerja asing yang unfit dalam sistem dalam kes-kes terpencil dan khas setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Rayuan Imigresen Malaysia (JKRIM).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kelonggaran kawalan sistem yang membenarkan pekerja asing berstatus <i>unfit</i> bekerja boleh mengundang risiko kepada penularan wabak penyakit.</p>	
<p><b>19.5.4.2</b></p>	<p><b>Kelulusan Lanjutan Pas Pekerja Asing</b></p> <p>Mengikut Seksyen 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, suatu pas lawatan boleh dikeluarkan oleh Pengawal kepada mana-mana orang selain daripada seorang imigran larangan yang memuaskan hati Pengawal bahawa ia ingin memasuki Persekutuan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Atas urusan sosial atau lawatan profesional; atau</li> <li>ii. Untuk bekerja sementara; atau</li> <li>iii. Sebagai seorang pelancong;</li> <li>iv. Sebagai anak tanggungan yang menyertai atau bersama dengan pemegang Pas Kerja di Sabah.</li> </ul> <p>Analisis Audit mendapati sebanyak 8,975 permohonan lanjutan PLKS melalui sistem MyEG iaitu 1,940 pada tahun 2013 dan 7,035 pada 2014 telah diluluskan oleh pengendali MyEG secara automatik dan atas talian tanpa semakan dan kelulusan pegawai Imigresen.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Standard Operating Procedure (SOP) Pembaharuan PLKS Secara Online oleh MyEG tidak membenarkan kelulusan lanjutan atas talian dibuat secara auto approval. Pegawai Undang-undang JIM juga telah menasihatkan supaya transaksi ini dihentikan kerana ia menyalahi Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Selain itu, Bengkel MyEG Performance Review yang telah diadakan oleh JIM pada Januari 2016 telah memutuskan supaya pihak MyEG memberhentikan transaksi auto approval dengan serta merta.</i></p>	<p>Kelulusan secara automatik dalam sistem oleh MyEG telah diberhentikan secara serta merta melalui surat bertarikh 4 Mac 2016 bernombor rujukan IM.101/HQ-J/1122/51(22)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kelulusan secara automatik oleh MyEG adalah tidak wajar dan menyalahi Peraturan – Peraturan Imigresen 1963.</p>	
<p><b>19.5.4.3.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Pengambilan Pekerja Asing Di Negara Sumber - Pengeluaran VDR di Pejabat Atase Imigresen Di Negara Sumber</b></p> <p>Lawatan Audit ke Pejabat Atase Imigresen di Jakarta, Indonesia; Dhaka, Bangladesh; dan Kathmandu, Nepal mendapat urusan VDR bagi pengeluaran resit, cetakan pelekat di Pejabat Atase Imigresen dikendalikan oleh kakitangan warga tempatan. Bagaimanapun, kelulusan pengeluaran VDR dibuat oleh pegawai Imigresen. Dari segi kawalan dalaman setiap kakitangan diberi tahap capaian mengikut peranan masing-masing.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.4.3.a</p>
<p><b>19.5.4.3.b</b></p>	<p><b>Pengendali Sistem Kawalan Yang Dilantik Oleh Kerajaan Malaysia</b></p> <p>KDN telah melaksanakan dasar tapisan dan kawalan warga asing sebelum memasuki negara (di luar negara) di mana bakal pekerja asing perlu menjalani dasar tapisan dan kawalan melalui 4 pengendali yang dilantik dengan caj perkhidmatan yang telah ditetapkan.</p> <p>Semakan Audit mendapati, tiada sebarang kontrak rasmi dibuat antara Kerajaan dengan pengendali tersebut kecuali pengendali VLN. Sistem pengendali diintegrasikan dengan myIMMs untuk membuat semakan status pemohon sebelum meneruskan proses seterusnya. Sistem-sistem tersebut tidak melibatkan kos kepada Kerajaan tetapi setiap bakal pekerja asing dibebani dengan kos perkhidmatan sejumlah RM405.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 1 April 2016</p> <p><i>Prestasi syarikat pengendali perlu dinilai terlebih dahulu sebelum sebarang kontrak dimeterai bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memastikan syarikat pengendali mengekalkan prestasi yang baik sepanjang tempoh kontrak. Pada masa ini KDN dan JIM dalam proses menilai prestasi syarikat pengendali serta memperkemaskan draf perjanjian yang akan ditandatangani selepas urusan penilaian selesai dilaksanakan dan pihak Kerajaan berpuas hati dengan prestasi pelaksanaan oleh pihak pengendali.</i></p> <p><i>KDN telah mengadakan Mesyuarat Penyelaras Draf Kontrak bagi Syarikat-syarikat Pengendali Sistem untuk Jabatan Imigresen Malaysia pada 16 Mac 2016 untuk membincangkan status semasa kontrak-kontrak yang terlibat dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh bahagian/agensi yang berkaitan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pada masa ini, terdapat 10 draf kontrak yang telah diterima, disemak dan dalam tindakan bahagian/agensi yang berkenaan. Kesemua kontrak dijangka dapat dimuktamadkan dan ditandatangani pada bulan Julai 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan yang dikendalikan syarikat bagi pihak Kerajaan tanpa perjanjian boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan. Selain itu, caj perkhidmatan yang dikenakan kepada bakal pekerja asing tidak mendapat kelulusan MOF.</p>	
19.5.4.3.c	<p><b>Pertindihan Proses Kerja</b></p> <p>Proses kemasukan dan verifikasi biometrik (cap jari asal) dan pengambilan gambar bakal pekerja asing yang dikendalikan oleh ISC bertindih dengan BioMedical. Perbezaannya hanya dari segi pengeluaran sijil ISC oleh S5 Systems Sdn. Bhd. dan sijil kesihatan oleh Bestinet Sdn. Bhd.</p> <p>Maklum Balas JIM Yang Diterima Pada 12 Mac 2016</p> <p><i>Objektif kedua-dua kaedah saringan adalah berbeza yang mana ISC lebih focus terhadap saringan keselamatan manakala BioMedical lebih menjurus kepada saringan kesihatan dan kelayakan untuk bekerja:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. ISC merupakan satu sistem biometrik untuk pengesahan latar belakang dan status bakal pekerja asing di negara sumber. Sistem ini akan menjadi pemeriksaan pertama dan utama yang perlu dilalui oleh setiap bakal pekerja asing sebelum sebarang proses permohonan bekerja dilakukan.</i></li> <li><i>ii. Sistem BioMedical membolehkan pemeriksaan ke atas bakal pekerja asing ke Malaysia di pusat perubatan berakreditasi di Negara-Negara Sumber dilakukan dan melibatkan proses Pengesahan Kehadiran &amp; Kelayakan (PKK), pendaftaran maklumat biometrik, demografik, maklumat waris, pemeriksaan kesihatan, dan penghantaran maklumat secara atas talian kepada pangkalan data JIM. Modul ini akan memastikan pekerja yang tiba di Malaysia adalah layak dan bebas dari sebarang penyakit.</i></li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, verifikasi biometrik bagi ISC dan BioMedical adalah sama kerana KDN tidak menyemak dengan teliti fungsi sistem yang dibangunkan oleh pengendali-pengendali tersebut.</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 19.5.4.3.c

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Perenggan 20 : Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Sekolah**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>20.5.1.3.1</b>	<p><b>Prestasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan - Prestasi Tindakan Penambahbaikan Kementerian</b></p> <p>Selaras dengan pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2012, Kementerian telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan dalam pengurusan PKK. Selain itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) juga telah mengesyorkan beberapa tindakan kepada Kementerian.</p>	<p><u>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor</u></p> <p>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor telah ditambah baik dan diedarkan kepada semua JPN/ Bahagian berkuat kuasa pada 1 April 2016. KPM telah mengadakan taklimat mengenai penggunaan Garis Panduan ini pada 19 April 2016 yang lalu dan telah dihadiri oleh semua JPN/ Bahagian yang terlibat dengan pengurusan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan (PKK).</p>
<b>20.5.1.3.2</b>	<p>Semakan Audit selanjutnya terhadap 9 premis yang telah diaudit pada tahun 2012, mendapati tiada isu berulang bagi 5 (55.6%) premis manakala 4 (44.4%) premis mempunyai antara satu hingga 3 isu berulang.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan dan tindakan penambahbaikan Kementerian adalah baik. Kementerian juga telah mula menguatkuasakan perjanjian kontrak dan mengenakan denda/pemotongan terhadap Kontraktor yang gagal dan tidak mematuhi spesifikasi/terma kontrak berbanding Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 di mana tiada denda/pemotongan dikenakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p><u>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor</u></p> <p>a. <i>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan ruj. KP(BPPA)-600/0/8/1 (38) dan (45) yang berkuat kuasa pada 8 Januari 2013 telah memerlukan setiap sekolah di seluruh Malaysia menghantar laporan prestasi secara individu kepada KPM. Perkara ini telah menyebabkan KPM menghadapi kesukaran melaksanakan pemantauan prestasi secara strategik.</i></p> <p>b. <i>Bagi mengemas kini mekanisme penilaian prestasi kontraktor tersebut, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan (Bekalan Makanan Bermasak/ Kebersihan Bangunan &amp;</i></p>	<p><u>Tender PKK perlu dilaksanakan secara <i>prequalification</i> di mana hanya syarikat yang mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput mengambil bahagian dalam tender</u></p> <p>Maklum balas adalah seperti di perenggan 20.5.1.3.2 yang dikemukakan pada 11 Mac 2016</p> <p><u>Harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambil kira faktor-faktor seperti bilangan pelajar, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset dan dasar gaji minimum</u></p> <p>Maklum balas adalah seperti di perenggan 20.5.1.3.2 yang dikemukakan pada 11 Mac 2016</p> <p><u>Pembekalan alat seperti CCTV, watchman clock dan sebagainya diasingkan daripada PKK dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan</u></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Kawasan/Kawalan Keselamatan) KPM yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2016 bagi menggantikan Garis Panduan tersebut dengan beberapa instrumen penilaian diguna pakai seperti yang dinyatakan pada maklum balas Kementerian di perenggan 20.5.5.</i></p> <p><u>Tender PKK perlu dilaksanakan secara prequalification di mana hanya syarikat yang mempunyai keupayaan dan pengalaman dijemput mengambil bahagian dalam tender</u></p> <p>a. <i>Kaedah prequalification merupakan tatacara perolehan secara tender terhad di mana syarikat-syarikat akan melalui proses penilaian kemampuan kewangan dan teknikal, pengalaman dan lain-lain asas penilaian yang berkaitan terlebih dahulu sebelum dijemput mengambil bahagian dalam tender. Menurut PK 2/2013, sekiranya bilangan syarikat yang layak diperaku kepada Lembaga Perolehan melebihi 10 syarikat, maka perolehan hendaklah dibuat secara tender terbuka.</i></p> <p>b. <i>KPM melaksanakan tender PKK bagi 10,000 lebih buah sekolah di seluruh Malaysia. Penetapan syarat tender adalah berdasarkan keupayaan kewangan dan kelayakan teknikal petender termasuk:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. melepasi syarat-syarat ketat yang dikenakan oleh KDN untuk mendapatkan Lesen Menjalankan Urusan Agensi Persendirian;</i></li> <li><i>ii. mempunyai ibu pejabat/pejabat cawangan berdaftar di tempat perkhidmatan diperlukan;</i></li> <li><i>iii. kedudukan kewangan termasuk kekuatan modal dan keupayaan untuk menyediakan Bon Pelaksanaan (BP);</i></li> <li><i>iv. berupaya membekalkan peralatan-peralatan keselamatan; dan</i></li> <li><i>v. memastikan PK mengikuti kursus berkaitan perkhidmatan kawalan keselamatan.</i></li> </ul> <p>c. <i>Berdasarkan syarat tersebut, bilangan syarikat yang layak menyertai tender didapati melebihi 10 syarikat maka perolehan dilaksanakan secara tender terbuka.</i></p> <p>d. <i>Selain itu, KPM juga telah menerima teguran daripada KDN pada Oktober 2014 yang mendakwa sesetengah syarikat mempunyai 10 buah kontrak kawalan keselamatan KPM dalam tangan. Sehubungan itu, KPM telah memastikan supaya semua petender yang berkelayakan mempunyai peluang yang sama dan tiada syarikat yang memenangi terlalu banyak tender. Justeru, pelaksanaan prequalification seperti kaedah tender</i></p>	<p>Maklum balas adalah seperti di perenggan 20.5.1.3.2 yang dikemukakan pada 11 Mac 2016</p> <p><u>4 (44.4%) premis mempunyai antara satu hingga 3 isu berulang</u></p> <p>Kontrak PKK di SMK Seksyen 11 dan Asrama SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor telah tamat pada 31 Januari 2016. PPD Petaling Perdana tidak dapat melaksanakan penyalaraan jumlah denda terhadap tuntutan bayaran perkhidmatan bagi bulan Januari 2016 memandangkan pihak kontraktor masih belum mengemukakan tuntutan tersebut. PPD Petaling Perdana telah memohon kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) daripada Kementerian Kewangan bagi menyelesaikan tuntutan bayaran perkhidmatan tahun 2015. Jumlah pembayaran tuntutan tersebut akan diselaraskan mengambil kira denda berjumlah RM4,799.00 setelah kelulusan AP58(a) diperolehi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p><i>terhad tidak sesuai dilaksanakan bagi tender PKK di KPM.</i></p> <p><u>Harga yang ditawarkan perlu munasabah dengan mengambilkira faktor-faktor seperti bilangan pelajar, keluasan sekolah, jarak sekolah dari bandar, jumlah aset dan dasar gaji minimum</u></p> <p>a. Merujuk kepada borang tender, asas kiraan nilai kontrak adalah berdasarkan kos seorang pengawal/ jam. Untuk makluman, Anggaran Harga Jabatan (AHJ) berdasarkan kos seorang pengawal/ jam telah pun mengambil kira dasar gaji minimum, kadar gaji/ overtime (OT) yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga kos peralatan seperti CCTV, watchman clock, baju seragam dan lain-lain peralatan keselamatan seperti yang dinyatakan dalam kontrak.</p> <p>b. Memandangkan KPM telah pun mematuhi dasar gaji minimum, maka semakan harga kontrak/ AHJ bagi mendapatkan harga yang dikatakan munasabah berdasarkan jumlah aset, jarak bandar dari sekolah, keluasan sekolah dan bilangan pelajar tidak timbul.</p> <p><u>Pembekalan alat seperti CCTV, watchman clock dan sebagainya diasingkan daripada PKK dan diserahkan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dalam perkara berkaitan</u></p> <p>a. KPM telah melaksanakan kajian pasaran dan membuat perbandingan kos antara:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. kontrak sedia ada di mana pembekalan CCTV, watchman clock dan lain-lain peralatan keselamatan merupakan obligasi kontraktor PKK yang dilantik; dengan</li> <li>ii. kontrak PKK dan pembekalan peralatan keselamatan diasingkan menjadi dua (2) kontrak yang berbeza.</li> </ol> <p>b. Perbandingan kos perolehan PKK dan pembekalan peralatan keselamatan di satu (1) buah sekolah sepanjang tempoh kontrak selama 36 bulan adalah seperti yang berikut:</p> <table border="1" data-bbox="333 1230 1169 1350"> <thead> <tr> <th data-bbox="333 1230 613 1315">Nilai Kontrak Termasuk Pembekalan Peralatan Keselamatan</th> <th data-bbox="613 1230 891 1315">Nilai Kontrak Tanpa Pembekalan Peralatan Keselamatan</th> <th data-bbox="891 1230 1169 1315">Kos Perolehan CCTV dan Watchman Clock</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="333 1315 613 1350">RM438,497</td> <td data-bbox="613 1315 891 1350">RM420,394</td> <td data-bbox="891 1315 1169 1350">RM35,405</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Kontrak Termasuk Pembekalan Peralatan Keselamatan	Nilai Kontrak Tanpa Pembekalan Peralatan Keselamatan	Kos Perolehan CCTV dan Watchman Clock	RM438,497	RM420,394	RM35,405	
Nilai Kontrak Termasuk Pembekalan Peralatan Keselamatan	Nilai Kontrak Tanpa Pembekalan Peralatan Keselamatan	Kos Perolehan CCTV dan Watchman Clock						
RM438,497	RM420,394	RM35,405						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>a. <i>Perbezaan kos antara terma kontrak sedia ada di mana pembekalan CCTV dan watchman clock merupakan obligasi kontraktor PKK serta terma kontrak tanpa obligasi pembekalan CCTV dan watchman clock adalah lebih kurang RM18,000.</i></p> <p>b. <i>Berdasarkan semakan harga pasaran, kos perolehan CCTV dan watchman clock daripada syarikat yang mempunyai kepakaran adalah dalam lingkungan kos RM35,000 untuk tempoh operasi selama 36 bulan. Lazimnya, perolehan CCTV dan watchman clock secara berasingan daripada kontrak PKK adalah termasuk kos pemasangan secara one-off serta kos operasi dan penyelenggaraan bagi satu tempoh kontrak yang panjang.</i></p> <p>c. <i>Justeru, jumlah pertambahan kos perolehan PKK dan pembekalan peralatan keselamatan di satu (1) buah sekolah sepanjang tempoh kontrak selama 36 bulan adalah sejumlah RM17,000 (4%).</i></p> <p>d. <i>Sekiranya perolehan CCTV dan watchman clock dilaksanakan secara berasingan, perkara ini akan melibatkan pengurusan dua kontrak yang berbeza, iaitu kontrak PKK dan kontrak pembekalan peralatan keselamatan. Secara tidak langsung ini akan meningkatkan beban tugas pihak sekolah dalam pemantauan kontrak dan pengesahan pelaksanaan kerja kontraktor.</i></p> <p>e. <i>Sehubungan itu, KPM berpandangan terma kontrak bagi pembekalan CCTV dan watchman clock wajar dikekalkan dalam kontrak PKK sedia ada memandangkan pelaksanaan perolehan CCTV dan watchman clock secara berasingan akan membebankan Kerajaan dari segi kewangan dan pentadbiran.</i></p> <p><u>4 (44.4%) premis mempunyai antara satu hingga 3 isu berulang</u></p> <p>a. <i>Bagi SMK Syed Alwi, Kangar Perlis; SMK Seksyen 11, Shah Alam, Selangor; Asrama SMK Seksyen 11 Shah Alam Selangor; dan Asrama SMK Seksyen 18, Shah Alam, Selangor, pihak sekolah dan PPD yang terlibat telah mengeluarkan surat/notis arahan tuntutan bayaran balik/denda kepada syarikat tersebut. Bagi syarikat yang gagal membuat bayaran balik, penyelarasan semula kepada tuntutan bayaran bulanan akan dilaksanakan. Manakala bagi kontrak yang telah tamat, KPM telah mengeluarkan surat arahan penahanan Bon Pelaksanaan (BP) untuk mengenakan denda/ merampas keseluruhan BP tersebut.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>b. Pihak sekolah juga telah mengambil langkah untuk memastikan kontraktor baharu sentiasa mematuhi skop perkhidmatan dan terma kontrak.</p> <p>c. Denda sejumlah RM2,355.50 bagi clocking yang tidak dilaksanakan dengan sempurna telah dikenakan kepada syarikat baharu di Asrama SMK Seksyen 18, Selangor.</p>	
20.5.2.1	<p><b>Pelaksanaan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan - Syarat Pengambilan Pengawal Keselamatan</b></p> <p>Klausa 2.1 Perjanjian menyatakan Kontraktor hendaklah mematuhi undang-undang yang dilaksanakan oleh mana-mana agensi Kerajaan yang berkenaan dengan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Peraturan-Peraturan Ejensi Persendirian 1970 dan Peraturan-Peraturan Pengambilan Ejensi Persendirian. Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 4 Tahun 2010, KDN menyatakan antara syarat pengambilan pekerja dan pengawal oleh Syarikat Kawalan Keselamatan Persendirian adalah semua PK diwajibkan menjalani ujian air kencing dan hanya PK yang telah lulus ujian air kencing dibenarkan bekerja. Semakan Audit mendapati perkara ini tidak dinyatakan dalam perjanjian PKK di Kementerian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p>a. KPM sentiasa mendapatkan nasihat dan pandangan KDN bagi menambah baik skop perkhidmatan/terma kontrak PKK.</p> <p>b. KPM telah mengadakan beberapa perbincangan dengan KDN berkaitan keperluan mewajibkan ujian air kencing kepada PK seperti yang berikut:</p> <p>i. Perbincangan pada 14 Januari 2015 di mana pihak KDN bersetuju dan memberikan komitmen bahawa KDN akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>o Mengeluarkan surat pengesahan bahawa ujian air kencing adalah termasuk dalam kelulusan tapisan keselamatan yang dilaksanakan oleh KDN; dan</li> <li>o Menyatakan bahawa tanggungjawab pelaksanaan ujian air kencing adalah di bawah bidang kuasa KDN selaras dengan pekeliling tersebut.</li> </ul>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 20.5.2.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>KPM telah menyusuli perkara ini dengan pihak KDN melalui surat ruj. KPMSP.400-9/2/1 (38) bertarikh 10 Ogos 2015 namun pihak KDN masih belum memberikan sebarang maklum balas; dan</i></p> <p><i>ii. Dalam Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan KPM pada 26 hingga 29 Januari 2016, KPM menekankan kepada wakil KDN supaya ujian air kencing PK ditetapkan sebagai syarat wajib kelulusan Tapisan Keselamatan seperti yang dipersetujui dalam perbincangan KPM bersama KDN pada 14 Januari 2015.</i></p> <p><i>c. Sebelum ini, KPM tidak memasukkan keperluan pelaksanaan ujian air kencing ke atas PK dalam dokumen tender dan dokumen kontrak bagi mengelakkan Pengarah JPN/ Pengetua/ Guru Besar dibebankan dengan tanggungjawab pelaksanaan ujian air kencing ke atas PK. Selain itu, tanggungjawab pelaksanaan air kencing bukanlah di bawah bidang tugas KPM memandangkan kewajipan pelaksanaan ujian air kencing adalah syarat yang ditetapkan di bawah pekeliling tersebut yang dikeluarkan oleh KDN.</i></p> <p><i>d. Berdasarkan teguran audit dan semakan ke atas perjanjian PKK di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati pada Klausa 7.3(g) berkaitan pelantikan pengawal menyatakan bahawa “Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pengawal yang dilantik LULUS ujian air kencing dalam tempoh 14 hari dari tarikh mula perjanjian. Mana-mana pengawal yang didapati tidak lulus ujian air kencing dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak dibenarkan berkhidmat dan perlu diganti dengan pengawal yang TELAH LULUS ujian air kencing dengan serta merta.”</i></p> <p><i>e. Selaras dengan pengesyoran audit mengenai keperluan untuk mewujudkan klausa ujian air kencing terhadap PK di dalam terma kontrak PKK KPM, penambahbaikan ini akan dilaksanakan bagi kontrak yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.</i></p> <p><i>f. Penambahbaikan ini tidak dapat dilaksanakan lebih awal kerana tender bagi kontrak berkuat kuasa mulai April 2016 telah dilancarkan pada 22 Januari 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.2.2	<p><b>Watchman Clock</b></p> <p>Penggunaan <i>watchman clock</i> dalam PKK adalah bertujuan untuk memastikan rondaan dijalankan di lokasi dan mengikut tempoh ditetapkan dengan mengunci jam (<i>watchman clock</i>) sebagai bukti pelaksanaan. Surat Arahan penambahbaikan BPPA KPM bertarikh 18 Februari 2013 menyatakan rondaan perlu dilaksanakan setiap 2 jam dalam masa bertugas. Perjanjian PKK pula menyatakan PK perlu membuat kawalan kawasan dan membuat laporan bertulis mengenai rondaan di sekeliling kawasan premis dalam Buku Laporan Bertugas harian setiap 2 jam. Semakan Audit terhadap prestasi <i>clocking</i> yang dilaksanakan bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2015 mendapati <i>clocking</i> tidak dilaksanakan setiap 2 jam, <i>clocking</i> tidak dilaksanakan pada semua lokasi yang ditetapkan dan <i>clocking</i> pada waktu yang sama bagi beberapa lokasi.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p>a. Pihak PPD mengenal pasti bahawa terdapat PK yang beranggapan bahawa tugas utama mereka adalah untuk mengunci <i>watchman clock</i> di semua check point berbanding melaksanakan rondaan ke semua kawasan strategik dan berisiko di sekolah. Perkara ini menyumbang kepada purata tempoh masa menyelesaikan <i>clocking</i> yang singkat.</p> <p>b. KPM telah memastikan bahawa skop perkhidmatan dan terma yang terkandung dalam dokumen kontrak menjelaskan tentang tugas dan peranan PK secara terperinci. Pihak sekolah, PPD dan JPN melalui taklimat, perbincangan dan surat-surat peringatan sentiasa memastikan kontraktor dan PK jelas tentang tugas dan peranan PK.</p> <p>c. PPD dan sekolah juga telah melaksanakan pengujian kepada laluan rondaan bagi mengenal pasti purata tempoh rondaan ke semua check point <i>watchman clock</i> sebagai tanda aras ketika memberikan pengesahan kepada Borang PKK 3 - Laporan Pengesahan Pelaksanaan Kunci Jam <i>Watchman Clock</i> yang dilampirkan dalam tuntutan bayaran bulanan PKK.</p> <p>d. Bagi memastikan pihak Kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian terhadap setiap pelanggaran kontrak, KPM telah melaksanakan tindakan berikut:</p> <p>i. Berdasarkan arahan KPM ruj. KPMS.400-12/3/1 (27) dan (34) bertarikh 12 Februari 2016 dan 8 Mac 2016, PPD telah</p>	<p>a. Penemuan audit tersebut adalah berdasarkan analisis terhadap cetakan rakaman <i>watchman clock</i> dalam Laporan Pelaksanaan Kunci Jam <i>Watchman Clock</i> (PKK 3) yang disertakan sebagai dokumen sokongan dalam baucar bayaran bulan Januari hingga Jun 2015 seperti di perenggan 20.5.3.2 Denda dan Pemetongan.</p> <p>b. PPD selaku Pusat Pembayar telah mengambil tindakan terhadap penemuan audit di perenggan 20.5.3.2 Denda dan Pemetongan dengan mengenakan denda terhadap kontraktor yang tidak melaksanakan <i>clocking</i> seperti skop dan spesifikasi perkhidmatan dalam perjanjian berdasarkan surat arahan daripada KPM ruj. KPMS.400-12/3/1 (27) bertarikh 12 Februari 2016 dengan mengeluarkan notis tuntutan bayaran balik denda berjumlah RM183,403.34 (100.0%) kepada kontraktor. Daripada jumlah tersebut:-</p> <p>i. PPD Kota Setar dan PPD Kubang Pasu telah menerima bayaran balik sejumlah RM28,003.13 (15.3%);</p> <p>ii. PPD Petaling Perdana dan PPD Kota Setar telah memohon kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) daripada Kementerian Kewangan bagi menyelesaikan tuntutan bayaran perkhidmatan tahun 2015. Jumlah pembayaran tuntutan tersebut akan diselaraskan mengambil kira denda berjumlah RM49,143.09 (26.8%) setelah kelulusan AP58(a) diperolehi;</p> <p>iii. Kontrak PKK di sekolah-sekolah di bawah JPN Kelantan yang terlibat akan tamat pada 31 Ogos 2016. Justeru, memandangkan pihak kontraktor gagal melaksanakan bayaran balik masa 14 hari daripada tarikh notis bayaran balik jumlah denda, PPD Tanah Merah dan PPD Kota Bharu telah mencapai persetujuan dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat supaya jumlah denda sebanyak RM58,442.88 (31.9%) dituntut daripada nilai Bon Pelaksanaan kelak; dan</p> <p>iv. Rayuan bagi denda berjumlah RM47,814.24 (26.0%) sedang diteliti oleh PPD Pasir Puteh dan akan dikemukakan untuk pertimbangan KPM. Sekiranya rayuan tersebut ditolak dan kontraktor gagal menjelaskan denda, PPD akan melaksanakan penyalarsan terhadap tuntutan bayaran yang masih belum dijelaskan kepada kontraktor atau memaklumkan kepada JPN supaya menahan Bon Pelaksanaan bagi proses rampasan Bon Pelaksanaan berdasarkan jumlah denda/ pemetongan yang perlu dikenakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>melaksanakan proses kutipan balik jumlah mulai Februari 2016. Pihak kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menjelaskan jumlah denda. Sekiranya pihak kontraktor gagal berbuat demikian, JPN dan KPM akan mengutip jumlah denda daripada tuntutan bayaran yang belum dijelaskan atau daripada nilai BP; dan</i></p> <p><i>ii. KPM telah mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/syarikat kewangan/syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak untuk memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan diselesaikan sebelum BP dilepaskan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi <i>clocking</i> yang dilaksanakan adalah kurang memuaskan kerana <i>clocking</i> tidak dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.</p>	
20.5.2.3.1	<p><b>Peralatan Yang Digunakan - Perbezaan Kuantiti Peralatan Berbanding Perjanjian</b></p> <p>Semasa lawatan Audit di premis yang terlibat, didapati peralatan yang tidak dibekalkan/cukup seperti yang dinyatakan dalam perjanjian antaranya seperti <i>point watchman clock</i>, lampu picit, baju hujan, wisel, <i>walkie talkie</i> dan baju pemantul cahaya.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p><i>a. Pihak sekolah telah memastikan bahawa pihak kontraktor membekalkan peralatan yang mencukupi seperti yang dinyatakan dalam perjanjian seperti bukti bergambar yang dikemukakan kepada KPM melalui peringatan/ amaran lisan dan bertulis sepanjang tempoh kontrak.</i></p> <p><i>b. Bagi memastikan pihak Kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian terhadap setiap pelanggaran kontrak, KPM telah melaksanakan tindakan berikut:</i></p> <p><i>i. Berdasarkan pengesahan pelaksanaan kerja bagi PKK oleh pihak sekolah, PPD telah mengenakan denda/pemotongan daripada nilai bulanan kontrak terhadap kontraktor;</i></p>	<p>PPD selaku Pusat Pembayar telah mengenakan/mengutip semula jumlah denda sebanyak RM36,225.60 kepada/daripada kontraktor yang terlibat kerana tidak membekalkan peralatan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian, sistem penggera yang dipasang telah rosak/tidak digunakan mengikut objektif pemasangannya dan tidak menyenggara/menggantikan peralatan yang rosak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Berdasarkan arahan KPM ruj. KPMSA.400-12/3/1 (27) dan (34) bertarikh 12 Februari 2016 dan 8 Mac 2016, sekiranya denda/pemotongan belum dikenakan bagi mana-mana pelanggaran skop perkhidmatan dan terma kontrak yang ditemui oleh pihak Audit, proses kutipan balik jumlah denda telah dilaksanakan oleh PPD bermula Februari 2016. Pihak kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menjelaskan jumlah denda. Sekiranya pihak kontraktor gagal berbuat demikian, JPN dan KPM akan mengutip jumlah denda daripada tuntutan bayaran yang belum dijelaskan atau daripada nilai BP; dan</p> <p>iii. Mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/syarikat kewangan/syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSA.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak sehingga 31 Januari 2016 bagi memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan diselesaikan sebelum BP dilepaskan.</p>	
20.5.2.3.2	<p><b>Pemasangan Sistem Penggera</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sistem penggera yang dipasang di 9 (47.4%) daripada 19 premis yang perlu dipasang sistem penggera telah rosak/ rosak/tidak digunakan mengikut objektif pemasangannya. Antara masalah sistem penggera adalah lampu LED di alat pengesan tidak menyala, alat pengesan tiada di lokasi, suis utama penggera tidak dipasang pada punca kuasa dan pihak pentadbir/PK tidak tahu cara penggunaan penggera.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p>a. Semakan dengan pihak sekolah mendapati terdapat Pentadbir Sekolah dan PK yang mengakui tidak tahu cara penggunaan sistem penggera yang dibekalkan oleh kontraktor;</p> <p>b. Pihak kontraktor yang berjaya dilantik telah diarahkan untuk memberikan latihan secukupnya kepada pihak sekolah tentang tatacara penggunaan CCTV dan sistem penggera. Arahan ini dibuat semasa penyerahan SST kepada kontraktor diadakan; dan</p>	<p>PPD selaku Pusat Pembayar telah mengenakan/mengutip semula jumlah denda sebanyak RM36,225.60 kepada/daripada kontraktor yang terlibat kerana tidak membekalkan peralatan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian, sistem penggera yang dipasang telah rosak/tidak digunakan mengikut objektif pemasangannya dan tidak menyenggara/menggantikan peralatan yang rosak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>c. Pihak sekolah telah memastikan bahawa pihak kontraktor membekalkan peralatan yang mencukupi seperti yang dinyatakan dalam perjanjian seperti bukti bergambar yang dikemukakan kepada KPM melalui peringatan/ amaran lisan dan bertulis sepanjang tempoh kontrak.</p>	
<p><b>20.5.2.3.3</b></p>	<p><b>Peralatan Rosak Dan Tiada Penggantian</b></p> <p>Pemeriksaan Audit pada Ogos hingga September mendapati peralatan yang rosak semasa pengauditan dijalankan antaranya lampu picit, <i>walkie talkie</i>, <i>monitor CCTV</i>, kamera <i>CCTV</i>, baju hujan, <i>watchman clock</i> dan pembesar suara. Bagaimanapun, tiada rekod berkenaan tarikh kerosakan sebenar disimpan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p>a. Pihak sekolah telah memastikan bahawa pihak kontraktor membekalkan peralatan yang berfungsi dengan sempurna seperti bukti bergambar yang dikemukakan kepada KPM melalui peringatan/ amaran lisan dan bertulis sepanjang tempoh kontrak.</p> <p>b. Bagi memastikan pihak Kerajaan tidak mengalami sebarang kerugian terhadap kegagalan kontraktor menyediakan peralatan yang berfungsi dengan sempurna sepanjang masa, KPM telah melaksanakan tindakan berikut:</p> <p>i. Berdasarkan pengesahan pelaksanaan kerja bagi PKK oleh pihak sekolah, PPD telah mengenakan denda/pemotongan daripada nilai bulanan kontrak terhadap kontraktor;</p> <p>ii. Berdasarkan arahan KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) dan (34) bertarikh 12 Februari 2016 dan 8 Mac 2016, sekiranya denda/pemotongan belum dikenakan bagi mana-mana pelanggaran skop perkhidmatan dan terma kontrak, proses kutipan balik jumlah denda telah dilaksanakan oleh PPD bermula Februari 2016. Pihak kontraktor diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menjelaskan jumlah denda. Sekiranya pihak kontraktor gagal berbuat demikian, JPN dan KPM akan mengutip jumlah denda daripada tuntutan bayaran yang belum dijelaskan atau daripada nilai BP; dan</p>	<p>PPD selaku Pusat Pembayar telah mengenakan/mengutip semula jumlah denda sebanyak RM36,225.60 kepada/daripada kontraktor yang terlibat kerana tidak membekalkan peralatan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian, sistem penggera yang dipasang telah rosak/tidak digunakan mengikut objektif pemasangannya dan tidak menyenggara/menggantikan peralatan yang rosak.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. <i>KPM telah mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/ syarikat kewangan/ syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak sehingga 31 Januari 2016 bagi memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan diselesaikan sebelum BP dilepaskan.</i></p>	
<p><b>20.5.2.3.4</b></p>	<p><b>Pemasangan CCTV</b></p> <p>Mengikut kontrak Para 4.1 Lampiran 1, Skop Dan Spesifikasi Perkhidmatan bagi kontrak yang ditandatangani mulai tahun 2015 (bagi perjanjian PKK di Melaka dan Kedah) menyatakan minimum jumlah kamera yang perlu dipasang adalah 6 unit dan monitor hendaklah dipasang di pos/pondok pengawal dan di bilik/pejabat pentadbir. Semakan Audit mendapati 2 premis di Melaka dan 4 premis di Kedah hanya dibekalkan satu unit monitor dan 2 premis hanya dipasang 4 unit kamera.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan PKK bagi peralatan yang dibekalkan dan digunakan bagi tujuan PKK adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat isu peralatan kurang/tidak dibekalkan dan peralatan rosak.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p>a. <i>KPM telah mengedarkan surat pemakluman ruj. KPMSMSP.400-12/3/2 bertarikh 6 Julai 2015 kepada semua Bahagian dan JPN supaya mengambil perhatian serius berkenaan pematuhan kontraktor kepada skop perkhidmatan dan terma kontrak, pengesahan pelaksanaan kerja dan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan akaun dalam semua urusan perolehan dan pengurusan PKK.</i></p> <p>b. <i>KPM telah mengeluarkan surat pemakluman ruj. KPMSMSP.400-12/3/1 (27) bertarikh 29 Januari 2016 kepada sekolah-sekolah, PPD dan JPN yang terlibat supaya pihak sekolah mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor yang tidak membekalkan kamera CCTV dan monitor mengikut terma kontrak. Sekiranya tiada tindakan daripada pihak kontraktor, pihak sekolah hendaklah mengesyorkan kepada Pusat Pembayar/PPD untuk mengenakan denda terhadap kontraktor tersebut; dan</i></p>	<p>a. Bagi 2 premis di Melaka, denda sebanyak RM4,392.00 telah dikenakan oleh PPD Jasin kepada kontraktor melalui penyelarasan terhadap jumlah pembayaran tuntutan perkhidmatan bulan Januari 2016.</p> <p>b. Bagi 4 premis di Kedah, PPD Kota Setar dan pihak sekolah mengesahkan pada bulan Februari 2016 bahawa kontraktor-kontraktor yang terlibat telah membekalkan monitor dan kamera CCTV seperti yang digariskan dalam skop dan spesifikasi perkhidmatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>c. PPD telah mengadakan lawatan ke sekolah yang terlibat dan mendapati bahawa pihak kontraktor telah membekalkan monitor dan CCTV seperti terma kontrak.</p>	
<p><b>20.5.3.2</b></p>	<p><b>Denda Dan Pemotongan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2015 melibatkan 59 premis yang dilawati mendapati sejumlah RM183,403 denda tidak dikenakan kepada Kontraktor atas perkhidmatan yang tidak dilaksanakan/tidak mengikut perjanjian dan bayaran penuh telah dijelaskan. Antara ketidakpatuhan adalah PK tidak hadir bekerja, tidak membuat rondaan setiap dua jam dan Kontraktor tidak membekalkan bilangan peralatan yang mencukupi atau tidak mengikut bilangan spesifikasi yang ditetapkan dalam perjanjian.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p>a. PPD mempunyai kekangan bilangan pegawai untuk melaksanakan semakan baucar bayaran dan borang pengesahan kerja dengan teliti di samping menyelesaikan penyemakan terhadap tuntutan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>b. Semakan dengan pihak PPD mendapati, sebagai contoh, selain menyemak tuntutan pembayaran, seorang pegawai di PPD Jasin turut melaksanakan tugas Unit Pentadbiran PPD yang merangkumi perolehan dan pengurusan aset, urusan kenaikan pangkat pegawai PPD dan pentadbir sekolah, hal perjawatan dan perkhidmatan, urusan pentadbiran seperti kuarters, HRMIS dan lain-lain tugas.</p> <p>c. Perkara tersebut menyumbang kepada kesilapan (human error) yang menyebabkan terdapat kenaan denda dan pemotongan yang tidak dilaksanakan.</p> <p>d. Semakan dengan pihak PPD selaku Pusat Pembayar mendapati:</p> <p>v. PPD telah melaksanakan tindakan berdasarkan surat arahan daripada KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) bertarikh 12 Februari 2016 dengan mengeluarkan notis tuntutan bayaran balik denda/pemotongan berjumlah RM149,907.02 (81.7%) kepada kontraktor. Daripada jumlah tersebut, PPD Kota Setar dan PPD</p>	<p>Semakan dengan pihak PPD selaku Pusat Pembayar mendapati PPD telah melaksanakan tindakan berdasarkan surat arahan daripada KPM ruj. KPMSP.400-12/3/1 (27) bertarikh 12 Februari 2016 dengan mengeluarkan notis tuntutan bayaran balik denda berjumlah RM183,403.34 (100.0%) kepada kontraktor. Daripada jumlah tersebut:-</p> <p>i. PPD Kota Setar dan PPD Kubang Pasu telah menerima bayaran balik sejumlah RM28,003.13 (15.3%);</p> <p>ii. PPD Petaling Perdana dan PPD Kota Setar telah memohon kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) daripada Kementerian Kewangan bagi menyelesaikan tuntutan bayaran perkhidmatan tahun 2015. Jumlah pembayaran tuntutan tersebut akan diselaraskan mengambil kira denda berjumlah RM49,143.09 (26.8%) setelah kelulusan AP58(a) diperoleh;</p> <p>iii. Kontrak PKK di sekolah-sekolah di bawah JPN Kelantan yang terlibat akan tamat pada 31 Ogos 2016. Justeru, memandangkan pihak kontraktor gagal melaksanakan bayaran balik masa 14 hari daripada tarikh notis bayaran balik jumlah denda, PPD Tanah Merah dan PPD Kota Bharu telah mencapai persetujuan dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat supaya jumlah denda sebanyak RM58,442.88 (31.9%) dituntut daripada nilai Bon Pelaksanaan kelak; dan</p> <p>iv. Rayuan bagi denda berjumlah RM47,814.24 (26.0%) sedang diteliti oleh PPD Pasir Puteh dan akan dikemukakan untuk pertimbangan KPM. Sekiranya rayuan tersebut ditolak dan kontraktor gagal menjelaskan denda, PPD akan melaksanakan penyelarasan terhadap tuntutan bayaran yang masih belum dijelaskan kepada kontraktor atau memaklumkan kepada JPN supaya menahan Bon Pelaksanaan bagi proses rampasan Bon Pelaksanaan berdasarkan jumlah denda/ pemotongan yang perlu dikenakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Kubang Pasu telah menerima bayaran balik sejumlah RM28,003.13 (38.3%);</u></p> <p>vi. 16 baucar bayaran dengan jumlah denda dan pemotongan sejumlah RM33,492.32 (18.3%) masih diteliti oleh PPD Kota Bahru dan notis tuntutan bayaran balik akan dikemukakan kepada kontraktor terlibat; dan</p> <p>vii. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan bayaran balik masa 14 hari daripada tarikh notis, PPD akan melaksanakan penyelarasan terhadap tuntutan bayaran yang masih belum dijelaskan kepada kontraktor atau menahan BP bagi proses rampasan BP berdasarkan jumlah denda/ pemotongan yang perlu dikenakan.</p> <p>Justeru, KPM telah mengeluarkan arahan penahanan BP kepada pihak bank/syarikat kewangan/ syarikat insurans melalui surat ruj. KPMSP.400-6/1/2 Jld. 3 (69) hingga (80) bertarikh 4 Mac 2016 bagi 12 kontraktor yang telah tamat tempoh kontrak yang tersenarai dalam pemerhatian audit bagi memastikan kutipan semula jumlah denda/pemotongan yang merupakan obligasi kontrak/tuntutan terhadap kontraktor</p>	
20.5.4.1	<p><b>Analisis Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah Dan Pelajar - Maklum Balas Guru/Pentadbir Sekolah</b></p> <p>a. 96.4% guru/pentadbir berpuas hati terhadap etika pengawal yang bertugas seperti berdisiplin, menjaga kebersihan dan bersikap profesional; dan</p> <p>b. 75.7% guru/pentadbir berpuas hati terhadap kualiti perkhidmatan dan keselamatan kawasan sekolah/asrama daripada pencerobohan dan kecurian.</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 20.5.4.3
20.5.4.2	<p><b>Maklum Balas Pelajar</b></p> <p>a. 75.8% pelajar berpuas hati terhadap tingkah laku PK seperti tidak merokok, sopan, tidak tidur semasa menjalankan tugas dan menjaga kawalan keluar masuk sekolah; dan</p> <p>b. 65.3% pelajar berpuas hati terhadap kualiti keselamatan diri dan harta benda dengan PKK di sekolah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.4.3	<p>Berdasarkan kaji selidik yang dibuat, terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh guru dan pelajar. Antara cadangan yang diberikan adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menambahkan bilangan CCTV;</li> <li>• menaik taraf pondok pengawal;</li> <li>• memperbanyakkan kursus PK berkenaan situasi sekolah;</li> <li>• memastikan Kontraktor/wakil tinggal berdekatan dengan sekolah bagi memudahkan perbincangan sekiranya terdapat masalah;</li> <li>• tidak melibatkan guru dalam pengawalan keselamatan sekolah; dan</li> <li>• memendekkan masa syif PK agar mereka dapat rehat yang mencukupi untuk mengurangkan masalah PK tertidur semasa bertugas.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas daripada guru/pentadbir sekolah dan pelajar, perkhidmatan kawalan keselamatan adalah memuaskan, bagaimanapun pihak Kementerian perlu mengkaji cadangan yang dikemukakan oleh guru/pentadbir dan pelajar.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p><i>KPM mengambil maklum dapatan soal selidik yang dilaksanakan oleh pihak Audit dan sentiasa melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PKK di sekolah-sekolah khususnya dan seluruh KPM amnya.</i></p> <p><i>KPM sedang mengkaji pelbagai aspek dalam spesifikasi dan skop perkhidmatan PKK bagi memastikan aktiviti kawalan keselamatan dijalankan dengan teratur dan mencapai matlamat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran (P&amp;P).</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.5	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan terhadap aktiviti kawalan keselamatan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan aktiviti kawalan keselamatan dijalankan dengan teratur dan mencapai matlamat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kondusif untuk proses pembelajaran. Bagi memastikan keadaan ini berlaku, Kementerian melalui Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan bertarikh 20 Disember 2012 telah memaklumkan mengenai mekanisme penilaian prestasi Kontraktor yang lebih teratur dan seragam. Mekanisme penilaian prestasi perkhidmatan dipecahkan kepada 3 kaedah iaitu Borang Penilaian Prestasi Perkhidmatan, Borang Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan dan Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor Perkhidmatan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan ketiga-tiga mekanisme yang telah ditetapkan dilaksanakan di PPD yang dilawati kerana tiada sebarang dokumen berkaitan dikemukakan semasa pengauditan. Berdasarkan minit mesyuarat BPPA bertarikh 26 November 2015 garis panduan ini akan dilaksanakan secara percubaan mulai bulan Februari 2016 dan sepenuhnya mulai bulan April 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah memuaskan memandangkan garis panduan yang telah berkuat kuasa dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 Mac 2016</p> <p><i>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan KPM berkuatkuasa mulai 1 Mac 2016</i></p> <p>a. Maklum balas Kementerian adalah seperti yang dinyatakan pada perenggan 20.5.1.</p> <p>b. Antara instrumen penilaian diguna pakai adalah:</p> <p>i. Laporan Penilaian Prestasi Perkhidmatan yang diisi dan dilengkapkan oleh Institusi Pendidikan/ sekolah secara bulanan dan dihantar ke PPD/ Institusi Induk dan dibincangkan semasa Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor Perkhidmatan di peringkat PPD/ Institusi Induk;</p> <p>ii. Rumusan Laporan Penilaian Prestasi Kontraktor Perkhidmatan yang</p>	<p><u>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor</u></p> <p>Garis Panduan Penilaian Prestasi Kontraktor telah ditambah baik dan diedarkan kepada semua JPN/ Bahagian berkuat kuasa pada 1 April 2016. KPM telah mengadakan taklimat mengenai penggunaan Garis Panduan ini pada 19 April 2016 yang lalu dan telah dihadiri oleh semua JPN/ Bahagian yang terlibat dengan pengurusan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan (PKK).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>disediakan oleh PPD/ Institusi Induk berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Institusi Pendidikan/ sekolah dan dibincangkan semasa Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor Perkhidmatan di peringkat JPN/ Institusi Induk; dan</i></p> <p><i>iii. Mesyuarat Laporan Prestasi Kontraktor dicadangkan diadakan 2 kali setahun di peringkat PPD, JPN/ Institusi Induk dan BPPA, KPM.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2015**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Perenggan 21 : Pengurusan Program Rancangan Makanan Tambahan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>21.5.1.2.a</b>	<p><b>Prestasi Program RMT - Agihan Peruntukan Ke JPN/PPD Dan Sekolah</b></p> <p>Bahagian Kewangan telah mengagihkan waran peruntukan ke JPN dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 7 Januari 2013, 6 Januari 2014 dan 5 Januari 2015. Bagaimanapun, bagi sampel 4 Negeri yang di periksa, didapati hampir keseluruhan pengagihan peruntukan program RMT oleh JPN ke sekolah lewat di antara 14 hingga 97 hari.</p>	
<b>21.5.1.2.b</b>	<p>Berdasarkan kajian program RMT yang dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian pada tahun 1983, antara perkara yang dikaji ialah berkaitan peruntukan dan hasil kajian mendapati bahawa peruntukan lewat diagihkan. Sehingga 2013, iaitu 30 tahun selepas kajian pertama program RMT dijalankan, peruntukan masih lewat diagihkan ke sekolah. Kelewatan menerima peruntukan di sekolah boleh menyebabkan program RMT tergendala jika pembekal makanan RMT enggan membekalkan makanan dan bayaran perkhidmatan lewat dilakukan kepada pembekal makanan.</p>	
<b>21.5.1.2.c</b>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati setelah menerima waran daripada Kementerian, pihak JPN akan memohon semula jumlah peruntukan yang diperlukan dari PPD/sekolah walaupun anggaran peruntukan tahun semasa telah dikemukakan kepada JPN pada tahun sebelumnya.</p> <p><i>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</i></p> <p><u>Bahagian Kewangan</u> KPM akur dengan teguran pihak Audit. Surat peringatan kepada semua JPN bertarikh 1 Mac 2016 berhubung perkara ini dan lain-lain teguran yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua JPN telah dikeluarkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah (para 9) menetapkan bahawa JPN hendaklah mengemukakan bilangan murid yang layak ke Bahagian Kewangan KPM selewat-lewatnya pada minggu ketiga bulan Disember tahun semasa (Tahun 1 hingga Tahun 5) dan selewat-lewatnya pada minggu keempat bulan Januari berikutnya bagi murid Tahun 1 dan kes keciciran permohonan (Tahun 2 hingga 6).</p> <p><u>JPN Johor</u> Kelewatan berlaku disebabkan proses kerja yang panjang daripada tempoh penerimaan waran dan tempoh pemprosesan bayaran penyaluran ke sekolah-sekolah. Unit Hal Ehwal Murid hanya akan menyediakan borang penyaluran untuk diproses di Unit Akaun setelah waran dikunci masuk. Semakan semula aliran kerja berkaitan akan dibuat bagi mempercepatkan pengagihan peruntukan ke sekolah. Sebagai langkah pencegahan, Unit HEM akan menyediakan Borang Penyaluran RMT ke Unit Akaun pada atau sebelum 5 Januari setiap tahun.</p> <p><u>JPN Kelantan</u> Pihak sekolah gagal menghantar data pelajar yang layak menerima RMT dalam masa yang ditetapkan oleh pihak JPN iaitu 2 minggu persekolahan sesi baru dibuka. Bagaimanapun, kelewatan ini tidak menjejaskan kualiti penyediaan RMT kerana di sekolah masih ada baki peruntukan daripada tahun-tahun sebelumnya yang boleh digunakan untuk membayar perkhidmatan tersebut kepada pembekal.</p> <p>Mulai tahun 2016, peruntukan RMT diperturunkan terus ke Akaun Sekolah (KWK) tanpa melalui pihak PPD melalui surat bertarikh 25 Januari 2016. Dokumen bagi tahun 2013 untuk semakan audit tidak dapat dikemukakan kerana semua dokumen kewangan yang telah ditutup dan tidak aktif bagi tahun 2013 ditumpang simpan di SMK Padang Enggang, Kota Bharu. Fail ini didapati musnah akibat banjir besar yang melanda negeri Kelantan pada tahun 2014 apabila lokasi di SMK Padang Enggang ditenggelami banjir sedalam 1 meter.</p> <p><u>JPN Kedah</u> Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>JPN Sabah</u> Agihan Peruntukan JPN Sabah ke PPD dan seterusnya ke sekolah telah di turunkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh waran diterima.</p>	
<p><b>21.5.1.3.a</b></p>	<p><b>Pemantauan Baki Peruntukan Program RMT Di KWK</b></p> <p>Pada tahun 2014, JPN Kedah mengagihkan peruntukan program RMT dengan mengambil kira baki akhir tahun sebelumnya di KWK sekolah dan peruntukan diagihkan berdasarkan keperluan semasa. Bagaimanapun, di JPN Johor, JPN Kelantan dan JPN Sabah, peruntukan 100% telah diagihkan berdasarkan jumlah murid dan hari persekolahan tanpa mengambil kira kedudukan baki yang ada. Keadaan ini menyebabkan baki di KWK sekolah akan terus meningkat dan prestasi perbelanjaan program RMT tidak menggambarkan jumlah sebenar.</p>	<p>Pindaan SPK Bil. 1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah mengenai baki peruntukan tahun semasa telah dikeluarkan pada 19 Ogos 2013 di mana baki peruntukan tahun semasa hendaklah dibawa ke tahun berikutnya dan <u>tidak dianggap</u> sebagai sebahagian peruntukan tahun hadapan.</p>
<p><b>21.5.1.3.b</b></p>	<p>Berdasarkan Para 27 SPK 1/2013, pihak sekolah hendaklah menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan RMT setiap bulan. Laporan prestasi berkenaan hendaklah dikemukakan kepada PPD/JPN empat kali setahun. JPN hendaklah mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan suku tahun kepada Bahagian Kewangan Kementerian setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 15 April, 15 Julai, 15 Oktober dan 15 Disember bagi tujuan pemantauan baki peruntukan program RMT. Semakan Audit mendapati:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 12 buah sekolah telah menyediakan laporan ini secara suku tahun dan daripada jumlah tersebut, hanya 4 buah sekolah telah mengemukakan laporan tersebut kepada PPD berkenaan iaitu SK Lundang, Kota Bharu, Kelantan, SK Wan Sulaiman Sidiq, SK Taman Aman dan SK Taman Rakyat di Alor Setar, Kedah;</li> <li>ii. 12 buah sekolah tidak pernah menyediakan laporan ini;</li> <li>iii. 16 buah sekolah menyediakan laporan ini secara tidak konsisten; dan</li> <li>iv. Maklumat yang telah dikemukakan oleh sekolah kepada PPD tidak dikemukakan kepada JPN dan Kementerian.</li> </ul>	
<p><b>21.5.1.3.c</b></p>	<p>Analisis Audit selanjutnya mendapati kaedah agihan baki peruntukan hanya berdasarkan kepada jumlah murid dan hari persekolahan tanpa mengambil kira baki yang ada tidak menjamin bahawa peruntukan program RMT digunakan secara optimum. Tambahan pula, kedudukan penyediaan dan penghantaran laporan prestasi perbelanjaan oleh pihak sekolah yang tidak</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mematuhi peraturan yang ada dan kurangnya pemantauan rapi oleh pihak JPN/ PPD sendiri menyebabkan objektif pemantauan sukar dicapai.</p> <p>Pada umumnya, keseluruhan prestasi pencapaian kewangan bagi program RMT pada tahun 2013 hingga 30 September 2015 adalah baik kerana telah mencapai 95.0%. Bagaimanapun, proses agihan peruntukan program RMT adalah kurang cekap sehingga berlaku kelewatan agihan dan lebihan berterusan baki peruntukan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><u>Bahagian Kewangan</u>  <i>Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah (para 15, 16 dan 17) menetapkan bahawa baki peruntukan tahun semasa hendaklah dibawa ke tahun berikutnya dan akan dikira sebagai sebahagian daripada peruntukan bantuan RMT tahun tersebut.</i></p> <p><u>JPN Johor</u>  <i>JPN Johor akur kepada SPK Bil.1/2013 di mana baki di 10 buah sekolah sehingga 2014 berjumlah RM12,537.30. Baki tersebut adalah kerana:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. lebihan bulan puasa;</i></li> <li><i>ii. lebihan ketidakhadiran murid ke sekolah berdasarkan pesanan harian; dan</i></li> <li><i>iii. lebihan dari cuti-cuti peristiwa atau cuti umum.</i></li> </ol> <p><i>Kesemua sekolah mengambil maklum bahawa baki RMT bagi sesuatu tahun hendaklah dibawa ke tahun hadapan dan hanya boleh digunakan sebagai sebahagian daripada peruntukan bayaran makanan program RMT tahun semasa. Untuk tahun 2016, sekolah menggunakan kaedah baki akhir tahun ke Unit HEM dan Unit Akaun bagi tujuan pemantauan dan proses agihan tahun akan datang.</i></p> <p><i>JPN Johor menyalurkan RMT ke sekolah berdasarkan 100% jumlah murid dan hari persekolahan tanpa mengambil kira baki di KWK. Sebagai langkah pembetulan, Unit HEM JPN akan mengambil kira baki di KWK sekolah dalam proses penyaluran RMT tahun semasa. Untuk tujuan penambahbaikan, mesyuarat bersama Penyelia RMT pada 28 Februari 2016 telah menetapkan bahawa sekolah-sekolah perlu melaporkan baki akhir tahun ke Unit HEM dan Unit Akaun setelah tamat sesi persekolahan setiap tahun.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Lapan buah sekolah tidak menyediakan Laporan Prestasi Perbelanjaan RMT kerana tiada format pelaporan. Unit HEM JPN telah mengeluarkan surat berserta lampiran format pelaporan kepada semua Guru Besar Sekolah untuk menghantar Laporan Prestasi Perbelanjaan RMT mulai 2016. Sebagai langkah penambahbaikan, mesyuarat bersama Penyelia RMT pada 28 Februari 2016 memutuskan sekolah-sekolah perlu menghantar laporan prestasi ke PPD sebelum 5hb setiap suku tahun dan Unit Akaun, SKPP JPNJ memantau penerimaan laporan prestasi sebelum 10hb untuk dimajukan kepada Bahagian Kewangan KPM.</i></p> <p><i>Bermula 2016, Unit Bantuan JPN telah menghantar dokumen penurunan peruntukan RMT ke Unit Akaun JPN dalam masa yang ditetapkan untuk tindakan selanjutnya. Mulai pertengahan tahun 2015, peruntukan RMT diturunkan mengguna pakai kaedah top up.</i></p> <p><u><i>JPN Kelantan</i></u>  <i>JPN Kelantan menurunkan peruntukan 100% berdasarkan jumlah murid kerana mengambil kira bayaran bulan Januari tahun semasa dapat dibayar menggunakan baki sedia ada sebelum peruntukan tahun semasa diturunkan.</i></p> <p><i>Peruntukan telah diturunkan dengan mengambil kira baki di sekolah mulai tahun 2016. Surat siaran juga telah dikeluarkan kepada semua sekolah supaya menyediakan laporan prestasi perbelanjaan untuk dikemukakan kepada PPD. JPN juga telah memaklumkan kepada semua sekolah yang tidak mengemukakan laporan tersebut supaya mengambil tindakan segera.</i></p> <p><i>Penambahbaikan telah dibuat untuk memastikan peruntukan dapat diturunkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi perkara-perkara Tiada Maklumat (TM), dokumen-dokumen berkaitan bagi tahun 2013 telah musnah ditenggelami banjir besar di Kelantan pada tahun 2014.</i></p> <p><u><i>JPN Kedah</i></u>  <i>Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah. Bermula 2016, Unit Bantuan JPN telah menghantar dokumen penurunan wang RMT ke Unit Akaun dalam masa yang ditetapkan untuk tindakan selanjutnya.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>JPN Sabah</u> Tindakan pembetulan telah dijalankan sejak tahun 2015 bagi mengurangkan baki di KWK Sekolah.</p>	
21.5.1.4.a.ii	<p><b>Pencapaian Outcome - Pencapaian KPI Program RMT</b></p> <p>Sebanyak 21 daripada 40 buah sekolah yang dilawati telah merekodkan berat dan tinggi murid pada awal dan akhir tahun serta pencapaian purata pelajaran murid sepanjang tahun. Bagaimanapun, maklumat yang direkodkan ini tidak digunakan untuk tujuan analisis pencapaian program berkaitan secara berkala setiap tahun. Selain itu, semakan juga mendapati tiada arahan jelas dikeluarkan oleh Kementerian mengenai tujuan dan keperluan merekodkan maklumat berkaitan. Ini adalah kerana Kementerian tidak menetapkan dengan jelas outcome program RMT, indikator pengukuran dan sasaran yang hendak dicapai setiap tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi luar untuk menambahbaikkan program RMT adalah amalan baik yang perlu diteruskan. Bagaimanapun, ketiadaan penilaian outcome boleh mengakibatkan keberkesanan program tidak dapat dicapai.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><u>Bahagian Kewangan</u> Penyeliaan program RMT oleh Bahagian Kewangan adalah terhad kepada aspek kewangan program RMT manakala pelaksanaan dan aspek pencapaian objektif program adalah di peringkat JPN. Bagaimanapun, dalam Mesyuarat Exit Conference yang diadakan pada 23 Februari 2016, mesyuarat telah memutuskan bahawa pelaksanaan RMT serta kajian ke atasnya termasuk aspek pemantauan, objektif dan KPI program RMT, akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).</p> <p>Mesyuarat susulan ke atas Laporan Audit Terhadap Pengurusan Program RMT KPM telah diadakan pada 29 Februari 2016 di mana pelaksanaan kajian berhubung penilaian outcome program RMT akan dibuat oleh pihak BPPDP memandangkan kajian terakhir adalah pada tahun 2006.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>JPN Johor</u>  Mulai tahun 2016, 10 buah sekolah yang telah diaudit dan sekolah yang terlibat dengan bantuan RMT telah membuat penambahbaikan dengan merekodkan berat, ketinggian dan pencapaian murid. Selain itu, JPN Johor juga telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua sekolah melalui PPD.</p> <p><u>JPN Kelantan</u>  Pihak sekolah telah mengambil tindakan segera dengan memastikan guru RMT dengan kerjasama guru kelas merekodkan berat, ketinggian dan pencapaian murid dan dicatat dalam buku rekod kehadiran RMT.</p> <p><u>JPN Kedah</u>  Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dengan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah</p>	
21.5.2.2.a	<p><b>Pelaksanaan Program RMT - Permohonan Program RMT - Data eKasih Sebagai Asas Pemilihan Murid RMT</b></p> <p>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 bagi Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah telah membangkitkan isu berkaitan murid yang tidak layak tetapi menerima bantuan program RMT. Kementerian dalam maklum balasnya telah menyatakan bahawa mulai tahun 2011, data dalam Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) akan digunakan sebagai asas dalam penyaluran bantuan program RMT. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas Kementerian kepada Minit Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 19 Januari 2011, ia tidak dapat dilaksanakan berikutan terdapat banyak rungutan dan aduan dalam penggunaan data eKasih dalam menentukan penerima bantuan program RMT menyebabkan terdapat murid miskin tercicir daripada senarai penerima bantuan. Oleh itu, pemilihan murid bagi program RMT masih dibuat secara manual dan juga melalui senarai data eKasih yang diluluskan.</p>	<p>Draf Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah yang telah ditambah baik mengambil kira teguran pihak Audit akan dikeluarkan sebelum 15 Mei 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.2.2.b	<p><b>Pengesahan Pendapatan Keluarga</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, pendapatan bulanan ibu bapa/penjaga yang tidak mempunyai slip gaji, tidak disahkan oleh Ketua Kampung/ Penghulu/Pegawai. Pengesahan pendapatan hanya dibuat melalui perakuan ibu bapa/penjaga bahawa maklumat yang dikemukakan adalah benar dan jika tidak akan disabitkan kesalahan rasuah di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Semakan Audit juga mendapati tiada rekod membuktikan semakan fizikal secara rawak oleh pihak sekolah dijalankan terhadap latar belakang keluarga pemohon program RMT sebelum pemilihan murid dijalankan. Bagaimanapun, berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada guru RMT mendapati 59.0% maklum balas yang dikemukakan, Jawatankuasa Program RMT ada membuat pemantauan/lawatan ke rumah murid-murid yang telah menerima bantuan program RMT.</p>	
21.5.2.2.c	<p><b>Perkiraan Sumber Pendapatan</b></p> <p>Berdasarkan Bahagian C, Borang Permohonan Program RMT, pendapatan keluarga tidak memperincikan kenyataan pendapatan sama ada ia termasuk lain-lain bantuan (zakat/barang/tunai/subsidi) yang diterima daripada lain-lain badan contohnya Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Lawatan fizikal Audit dan temu bual bersama ibu bapa/penjaga murid mendapati bantuan lain ada diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Zakat Negeri.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses pemilihan murid pada umumnya adalah baik, namun kaedah pengesahan pendapatan ibu bapa yang tidak mempunyai slip gaji dan kaedah perkiraan pendapatan keluarga tidak menjamin bahawa murid terpilih adalah mereka yang benar-benar layak dan memerlukan program RMT.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><u><i>Bahagian Kewangan</i></u>  <i>Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Januari 2011 bersetuju bahawa walaupun sistem eKASIH telah dilaksanakan untuk mengesan penduduk miskin dan miskin tegar tetapi ia masih di fasa permulaan dan belum dibuat secara holistik. Oleh itu, sebarang bentuk bantuan daripada Kerajaan tidak boleh dibuat berdasarkan data eKASIH semata-mata, sebaliknya hendaklah</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>berdasarkan sesuatu kumpulan sasaran yang berkenaan.</i></p> <p><i>Data penerima bantuan RMT yang layak adalah berdasarkan murid Miskin Tegar mengikut Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional berdasarkan data eKASIH (Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) JPM), Data Murid Orang Asli (DMOA) yang disahkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Data Sedia Ada (perakuan sekolah) yang dibuat secara manual. Data Sedia Ada (perakuan sekolah) yang dibuat secara manual ini adalah merupakan data pelajar Miskin Tegar yang layak menerima bantuan RMT yang dipilih oleh Jawatankuasa Bantuan Sekolah.</i></p> <p><i>KPM akur dengan teguran pihak Audit. Surat peringatan kepada semua JPN bertarikh 1 Mac 2016 berhubung perkara ini dan lain-lain teguran yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua JPN telah dikeluarkan.</i></p> <p><i>Surat siaran pelaksanaan program RMT tahun 2016 adalah meliputi Borang Permohonan Program RMT bagi tahun 2016 yang telah ditambah baik dengan memperincikan kenyataan pendapatan sama ada ia termasuk lain-lain bantuan (tunai/bukan tunai) yang diterima daripada agensi/badan-badan lain. Borang Permohonan Program RMT akan ditambah baik dengan keperluan pengesahan oleh Ketua Kampung/Penghulu/Pegawai Kumpulan A bagi ibu bapa/penjaga yang tidak mempunyai slip gaji.</i></p> <p><i>Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah sedang ditambah baik mengambil kira teguran pihak Audit dan akan dikeluarkan sebelum 31 Mac 2016.</i></p>	
21.5.3.1	<p><b>Menu Program RMT - Hidangan Makanan Program RMT Tidak Mengikut Menu Yang Ditetapkan</b></p> <p>Semakan Audit secara sampel terhadap laporan pemantauan harian program RMT di sekolah dan senarai menu yang dikemukakan oleh pihak sekolah kepada pembekal makanan program RMT pada tahun 2013 hingga 2015 dan pemeriksaan secara fizikal mendapati menu yang dihidangkan tidak tersenarai di dalam SPK 1/2013.</p>	<p>Sebagaimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat <i>Exit Conference</i> yang diadakan pada 23 Februari 2016, aspek pelaksanaan RMT serta kajian ke atasnya termasuk cadangan menu, aspek pemantauan, objektif dan KPI program RMT, akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).</p>
21.5.3.2.a	<p><b>Pembekal Makanan Tidak Mematuhi Menu Program RMT</b></p> <p>Semakan Audit terhadap laporan harian RMT di sekolah mendapati pembekal makanan RMT tidak mengikut menu yang ditetapkan oleh sekolah dan tiada amaran bertulis dikemukakan terhadap pembekal makanan RMT.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.2.b	<p>Semakan Audit selanjutnya terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Program RMT di sekolah mendapati antara perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat ialah isu berkaitan dengan menu program RMT. Walaupun terdapat 20 menu yang dicadangkan dalam SPK 1/2013 dan ditukar pada setiap hari/menu, didapati murid tidak menggemari makanan yang dihidangkan. Hasil temu bual dengan guru mendapati, berikutan menu yang tidak digemari murid, ia akan menjejaskan pemakanan murid program RMT ini kerana mereka tidak akan makan atau tidak hadir ke sekolah.</p> <p>Pada pendapat Audit, menu yang ditetapkan tidak semestinya dapat disesuaikan dengan latar belakang murid yang mengikuti program RMT. Apa yang penting, menu yang dihidangkan tidak menjejaskan keperluan kalori dan nutrien murid.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 14 Mac 2016</p> <p><u>Bahagian Kewangan</u>  <i>KPM akur dengan teguran pihak Audit. Surat peringatan kepada semua JPN bertarikh 1 Mac 2016 berhubung dengan perkara ini dan lain-lain teguran audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh semua JPN telah dikeluarkan.</i></p> <p><i>Kementerian mengambil perhatian cadangan menambah menu bagi program RMT mengikut kesesuaian daerah/negeri untuk menggalakkan murid makan. Exit Conference Laporan Audit Terhadap Pengurusan Program RMT KPM yang diadakan pada 23 Februari 2016 telah memutuskan bahawa aspek pelaksanaan RMT mengenai penetapan KPI bagi pencapaian program RMT secara keseluruhannya khusus dalam pencapaian objektif program termasuk pemantauan dan kajian dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).</i></p> <p><i>Tindakan pembedahan juga telah dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terlibat.</i></p> <p><u>JPN Johor</u>  <i>JPN telah mengedarkan SPK Bil.1/2013 kepada semua sekolah rendah di Johor supaya mematuhi segala arahan dan menu yang dicadangkan untuk bekalan makan RMT Johor. Pihak sekolah telah memberikan teguran kepada pengusaha kantin sekolah supaya mematuhi menu yang diarahkan sepertimana dalam perjanjian di SPK Bil.1/2013. Maklumat terkini yang</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diperoleh daripada pihak sekolah adalah seperti yang berikut:</p> <p>i. <i>SK Kampong Melayu</i> Pihak sekolah telah membuat penambahbaikan selepas dapatan audit pada minggu terakhir audit iaitu pada 6 Ogos 2015 dan telah bertindak mengikut menu yang disenaraikan dalam SPK Bil.1/2013 bermula pada 9 Ogos 2015.</p> <p>ii. <i>SK Batu 3</i> Guru RMT telah dimaklumkan untuk membuat Laporan Harian RMT dan 10 menu telah dipilih dan memastikan pihak kantin menyediakan makanan mengikut menu yang telah ditetapkan. Pada tahun awal tahun 2015, pihak kantin telah mengikut menu RMT yang telah ditetapkan.</p> <p>iii. <i>SK Perempuan Bandar</i> Mulai tahun 2016, makanan yang diberikan adalah mengikut menu RMT yang telah ditetapkan. Pihak sekolah telah memastikan laporan harian dicatat oleh guru RMT yang bertugas dan Jadual Menu Makanan RMT telah disenaraikan.</p> <p>iv. <i>SK Temenggong Ibrahim</i> Pihak sekolah telah memastikan pengusaha kantin mengikut menu yang ditetapkan di dalam SPK Bil.1/2013</p> <p>v. <i>SK Tengku Mariam</i> Pihak pengurusan sekolah telah mengambil tindakan dan akur pada menu yang telah ditetapkan. Guru RMT telah membuat pemantauan dan memastikan pihak kantin menyediakan menu yang betul mengikut senarai menu yang telah ditetapkan.</p> <p>vi. <i>SK Convent</i> Pengusaha kantin telah ditamatkan perkhidmatan dan tidak disambung lanjutan tempoh perkhidmatan pada tahun 2015 kerana tidak akur pada arahan pihak pentadbir dan telah menggunakan khidmat pengusaha kantin yang baru.</p> <p><u>JPN Kelantan</u> Sekolah telah mengambil tindakan mematuhi menu program RMT. Selain itu, pihak sekolah telah mengambil tindakan memaklumkan kepada pembekal RMT supaya mematuhi menu yang telah dipersetujui daripada senarai menu yang telah ditetapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>JPN Kedah</u>  <i>Bagi JPN Kedah, mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2016 di antara JPN Kedah dan semua PPD bagi menjelaskan dan membincangkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit. Dalam mesyuarat tersebut, semua PPD telah diingatkan berhubung perkara ini dan lain-lain isu dan teguran oleh Audit untuk tindakan PPD dan sekolah.</i></p>	
<p><b>21.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Pemantauan Program RMT - Pemantauan Di Sekolah</b></p> <p>Guru RMT yang bertugas telah melaksanakan pemantauan program RMT di sekolah dan merekodkan ke dalam borang pemantauan harian. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa RMT telah diadakan di antara 1 hingga 4 kali pada setiap tahun di 40 buah sekolah yang dilawati. Bagaimanapun, SPK 1/2013 tidak menetapkan kekerapan dan agenda mesyuarat serta format dan kriteria pemantauan menyebabkan berlaku ketidakseragaman. Sebagai contoh, isu menu yang tidak digemari oleh murid, pembekal makanan lewat menyediakan makanan, murid lewat hadir ke sekolah, rekod berkaitan berat dan tinggi murid serta peringatan berkaitan pemeriksaan kesihatan dan suntikan T.Y.2 tidak dibangkitkan dalam mesyuarat jawatankuasa RMT.</p>	<p>Sebagaimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat <i>Exit Conference</i> yang diadakan pada 23 Februari 2016, aspek pelaksanaan RMT serta kajian ke atasnya termasuk cadangan menu, aspek pemantauan, objektif dan KPI program RMT, akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).</p> <p>Draf Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah yang telah ditambah baik mengambil kira teguran pihak Audit akan dikeluarkan sebelum 15 Mei 2016.</p>
<p><b>21.5.4.1.b</b></p>	<p>Bagi ujian rasa terhadap makanan yang dihidangkan oleh pembekal makanan RMT, ia telah dijalankan oleh Guru RMT yang bertugas dan didapati 24 (60%) daripada 40 buah sekolah yang dilawati pada tahun 2015 telah merekodkan hasil ujian rasa terhadap makanan dalam borang pemantauan harian.</p>	
<p><b>21.5.4.2.a</b></p>	<p><b>Pemantauan Oleh Kementerian/JPN/PPD</b></p> <p>Berdasarkan SPK 1/2013, kekerapan pemantauan/bilangan sekolah yang perlu dipantau dalam tempoh setahun tidak dinyatakan dalam garis panduan tersebut. JPN/PPD menjalankan pemantauan berdasarkan jadual pemantauan yang disediakan pada setiap tahun.</p>	
<p><b>21.5.4.2.b</b></p>	<p>Berdasarkan 40 borang soal selidik yang diedarkan kepada 40 buah sekolah yang dilawati, didapati 82.0% responden di sekolah (guru RMT) menyatakan Kementerian tidak pernah membuat pemantauan program RMT di sekolah mereka. Manakala di antara 2.6% hingga 51.3% responden menyatakan JPN/PPD ada membuat pemantauan sekurang-kurangnya setahun sekali. Manakala 5.1% responden menyatakan PPD tidak pernah menjalankan pemantauan di sekolah mereka.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.4.2.c	<p>Semakan Audit terhadap minit mesyuarat berkaitan program RMT di Kementerian mendapati isu yang dibincangkan hanyalah berkaitan dengan peruntukan kewangan RMT. Isu-isu lain berkaitan dengan pelaksanaan program RMT tidak dibincangkan. Temu bual bersama pegawai di JPN, PPD dan sekolah mendapati isu-isu yang berbangkit khususnya berkaitan menu dan pelaksanaannya tidak dibincangkan dalam mesyuarat berkaitan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan program RMT adalah kurang berkesan kerana isu/masalah berkaitan pelaksanaan program RMT tidak dibincangkan dalam mesyuarat dan kekerapan pemantauan tidak ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 22 Februari 2016</p> <p><i>Kementerian mengambil perhatian kriteria pemantauan serta menetapkan kekerapan dan agenda mesyuarat. Selain itu, Kementerian mengambil perhatian cadangan mengenai kekerapan pemantauan/bilangan sekolah yang perlu dipantau dalam tempoh setahun oleh pihak JPN/PPD berdasarkan jadual pemantauan yang disediakan pada setiap tahun. Penyeliaan program RMT oleh Bahagian Kewangan adalah terhad kepada aspek kewangan program RMT manakala pelaksanaan dan aspek pencapaian objektif program adalah di peringkat JPN. Setakat ini, pihak JPN dan PPD telah mematuhi arahan KPM untuk membuat pemantauan ke sekolah yang terlibat RMT mengikut surat siaran KPM bertarikh 24 Oktober 2013.</i></p> <p><i>Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Bil.1/2013 – Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah sedang ditambah baik mengambil kira teguran pihak Audit dan akan dikeluarkan sebelum 31 Mac 2016.</i></p>	

**PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
PERSEKUTUAN**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Perenggan 23 : Malaysia Convention & Exhibition Bureau**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>23.5.2.1.1.c</b>	<p><b>Prestasi Aktiviti - Pencapaian <i>Key Performance Indicator</i> (KPI)</b></p> <p>Daripada analisis keputusan KPI, pencapaian prestasi EPP 7 dan EPP 10 telah merekodkan peratusan antara 102% hingga 189.21%. Bagaimanapun, KPI bagi kedua-dua EPP tahun 2015 (sehingga bulan November) masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Sehingga tempoh ini, pencapaian KPI masing-masing adalah hanya 61% dan 78%. Berdasarkan maklum balas MyCEB, pencapaian KPI tahun 2015 masih belum melepasi sasaran yang ditetapkan antara lainnya kerana pengurangan terimaan geran yang menyebabkan program dan aktiviti yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.2.1.1.e
<b>23.5.2.1.1.d</b>	<p>Seterusnya, pihak Audit membuat analisis terhadap kesan pencapaian KPI bagi mengukur impak ekonomi yang diperoleh hasil daripada pelaksanaan acara/program EPP 7 dan EPP 10. Berdasarkan statistik di atas, adalah di dapati peningkatan bilangan pelancong luar negara setiap tahun antara 16,000 hingga 37,000 orang dengan peratusan peningkatan sehingga 40%. Bagaimanapun, perbandingan data tahun 2015 dengan tahun 2014 menunjukkan penurunan yang ketara terhadap bilangan pelancong iaitu antara 19,000 hingga 50,000 orang.</p>	
<b>23.5.2.1.1.e</b>	<p>Pencapaian KPI sepanjang tempoh ini telah memberi kesan positif terhadap pendapatan kasar Negara yang disumbangkan melalui sektor pelancongan. Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, pencapaian EPP ini telah mencatatkan sumbangan dengan anggaran sejumlah RM5.98 bilion kepada sektor pelancongan dan peningkatan masing-masing berjumlah RM494.03 juta (37%) sehingga RM947.32 juta (51.8%). Bagaimanapun, pada tahun 2015, kesan daripada penurunan kehadiran bilangan pelancong turut memberi impak ekonomi yang ketara. Pada tahun 2015, pendapatan sejumlah RM1.75 bilion direkodkan dengan penurunan berjumlah RM1.03 bilion (37%) berbanding tahun 2014.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, MyCEB berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh KPK dan PEMANDU bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Namun pada tahun 2015, MyCEB tidak mencapai KPI yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>KPI yang telah ditetapkan (tidak dikurangkan) pada tahun 2015 (EPP7 dan EPP10) adalah berbentuk stretched KPI. Cabaran pengendalian bajet yang amat terhad selepas melalui process budget optimization telah mengurangkan pemberian dana subvention kepada pihak penganjur acara-acara antarabangsa. Oleh yang demikian, sasaran pencapaian pada bulan September 2015 adalah kurang memberangsangkan. Sehingga 31 Disember 2015, pencapaian EPP7 adalah 66,495 pengunjug antarabangsa berbanding sasaran KPI 95,000 pengunjug antarabangsa (bersamaan dengan pencapaian 70% dari KPI yang telah ditetapkan). Manakala bagi EPP10, pencapaian adalah berjumlah 334, 493 hari perwakilan delegasi antarabangsa berbanding sasaran KPI iaitu 370,000 hari perwakilan delegasi antarabangsa bersamaan 90% pencapaian.</i></p>	
23.5.2.1.a.i	<p><b>Pengurusan Aktiviti MyCEB - Pengurusan Dana Subvention - Pembayaran Yang Tidak Teratur Kepada Penganjur</b></p> <p>Klausa 5.5, Perjanjian menyatakan penganjur bersetuju bahawa MyCEB mempunyai budi bicara mutlak untuk mengurangkan dan menyemak semula dana <i>subvention</i> yang akan disediakan untuk penganjur sekiranya penganjur tidak dapat memenuhi obligasi yang ditetapkan oleh MyCEB. Salah satu syarat yang ditetapkan bagi pembayaran penuh dana <i>subvention</i> adalah komitmen atau keperluan penganjur untuk mencapai bilangan minimum pelancong antarabangsa yang hadir.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.2.1.a.iii
23.5.2.1.a.ii	<p>Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelulus telah meluluskan bantuan dana <i>subvention</i> kepada 30 penganjur antara RM100,000 hingga RM3,000,000 dengan kehadiran bilangan pelancong antarabangsa antara 2,000 hingga 25,000 orang bagi setiap acara. Kehadiran bilangan pelancong ini merupakan salah satu komitmen penganjur apabila bersetuju menerima bantuan dana ini.</p>	
23.5.2.1.a.iii	<p>Semakan Audit mendapati MyCEB telah membuat bayaran bantuan dana <i>subvention</i> kepada 8 penganjur walaupun tidak mencapai bilangan kehadiran pelancong antarabangsa. Daripada 8 bayaran kepada penganjur yang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>diluluskan, MyCEB telah membuat bayaran dana <i>subvention</i> kepada penganjur yang tidak mencapai bilangan minimum pelancong antarabangsa di antara 1.0% hingga 82%. Perkara ini berlaku antaranya disebabkan tiada prosedur yang jelas mengenai pembayaran yang boleh dibuat sekiranya berlaku perbezaan kehadiran pelancong antarabangsa antara yang diluluskan dengan sebenar. Prosedur pembayaran dana <i>subvention</i> boleh ditambah baik dengan memasukkan prosedur berkaitan perbezaan bilangan pelancong antarabangsa.</p> <p>Pada pendapat Audit, MyCEB mempunyai asas pertimbangan untuk menyemak semula jumlah dana <i>subvention</i> yang diluluskan untuk penganjur sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>Setiap proses pembayaran kepada penganjur adalah berteraskan apa yang tertera di dalam klausa perjanjian. Di dalam setiap perjanjian, MyCEB mempunyai hak mutlak untuk membayar, mengurang dan menukar kadar pemberian dana subvention berdasarkan pencapaian KPI bilangan pengunjung antarabangsa. Pembayaran kepada penganjur acara-acara 1 hingga 8 telah dibuat berdasarkan faktor-faktor yang berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Return-on-Objective (ROO) yang telah dicapai dengan menaikkan profil negara sebagai hub penganjuran acara antarabangsa yang utama di rantau Asia Tenggara.</i></li> <li>▪ <i>PR Value yang telah diperolehi dari laporan media/promosi yang dijalankan di dalam dan luar negara dari masa pengumuman penganjuran acara sehingga selepas penganjuran acara.</i></li> <li>▪ <i>Acara-acara 1 hingga 8 adalah acara-acara yang baru yang belum dipentaskan di rantau Asia. Pihak MyCEB juga perlu mengambilkira risiko tinggi yang diambil oleh setiap penganjur.</i></li> <li>▪ <i>Acara-acara ini adalah acara yang pertama kali (inaugural event di Malaysia) dipentaskan di Asia Tenggara. Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia Tenggara yang telah berjaya mendapatkan hak penganjuran selain dari UAE, UK, Germany dan Amerika.</i></li> <li>▪ <i>Acara Kids Golf World Championship 2014 ini adalah acara yang</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>menjurus kepada acara khas yang dapat menaikkan taraf keterampilan young and up-coming golfers di Malaysia. Acara ini adalah acara yang terulung bagi young golfers di Amerika dan Eropah. Faktor transfer of knowlege adalah faktor kejayaan utama acara ini. Acara ini juga merupakan acara one-of-a-kind di rantau Asia.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Acara FC Barcelona Asia Tour 2013, salah satu faktor utama yang diambil kira adalah tentang pertukaran venue acara. Pertukaran yang dibuat atas permintaan FC Barcelona ini hanya dapat dihebahkan di waktu pagi pada hari berlangsungnya acara tersebut.</i></li> <li>▪ <i>Acara Future Music Festival Asia 2014 (FMFA) telah dibatalkan pada hari ketiga di atas faktor di luar kawalan pihak penganjur. Adalah didapati, sejumlah 24,216 pengunjung antarabangsa telah menghadiri hari pertama dan kedua FMFA ini. Walaupun hari ketiga dibatalkan, anggaran 1,174 orang pengunjung antarabangsa telah berada di Malaysia untuk menghadiri acara tersebut. Oleh jumlah ini melebihi KPI 25,000 yang telah ditetapkan.</i></li> <li>▪ <i>Acara Good Vibes Festival 2014 adalah acara Future Music Festival Asia 2014 (FMFA). Acara ini adalah festival yang berlangsung selepas acara FMFA. Kesan daripada pembatalan saat akhir acara FMFA telah memberi impak penurunan jumlah pengunjung antarabangsa ke acara ini. Tambahan pula, berita tentang kemungkinan acara ini akan ditangguhkan atau ditunda kerana menghormati kepulangan jenazah MH17 pada pagi hari cara tersebut menyebabkan peratus pengunjung antarabangsa dan tempatan menurun.</i></li> <li>▪ <i>Acara WWE Live in Malaysia telah mendapat liputan yang menyeluruh di Asia, Amerika dan Eropah. Keputusan pembayaran penuh dibuat adalah WWE Superstars telah mempromosi acara ini beberapa bulan sebelum acara berlangsung pada bulan Oktober 2014 dan liputan yang menyeluruh pasca acara melalui siaran pakej WWE oleh pihak penganjur juga telah memberi kesan positif kepada keseluruhan media value yang diperolehi.</i></li> </ul> <p><i>MyCEB telah mengenal pasti mekanisme khusus untuk menyokong pembayaran penuh kepada penganjur program/acara yang tidak mencapai KPI yang ditetapkan di dalam bantuan dana subvention. MME telah menambah baik prosedur Permohonan Subvention Support Programme berkuat kuasa April 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.1.b.i	<p><b>Pembayaran Dana <i>Subvention</i> Yang Masih Belum Selesai Selepas Tarikh Tamat Perjanjian/Memorandum of Understanding</b></p> <p>Berdasarkan klausa 6.1, MoU oleh Bahagian BE dan klausa 9.1, perjanjian oleh MME yang menetapkan jadual pembayaran dana <i>subvention</i> kepada penganjur adalah tidak lewat dari tarikh tamat perjanjian.</p>	<p>Jumlah keseluruhan baki dana <i>subvention</i> adalah jumlah yang tidak dibayar disebabkan faktor-faktor seperti dana yang tidak dituntut kerana tiada dokumentasi lengkap dari pihak penganjur; acara telah dibatalkan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelulus; dan dana tidak dituntut secara sukarela oleh pihak penganjur.</p> <p>Bagi EPP7, jumlah dana yang tidak dituntut/dibayar berjumlah RM9.08 juta dan bukannya berjumlah RM9.83 juta. Jumlah ini telah disalurkan semula ke dalam Dana Subvention MyCEB.</p> <p>Bagi EPP10, jumlah dana yang tidak dituntut/dibayar bagi tahun 2014 berjumlah RM6.48 juta dan jumlah ini telah disalurkan semula ke dalam Dana Subvention MyCEB. Manakala bagi tahun 2015, Dana <i>Subvention</i> berjumlah RM1.71 juta masih dalam proses pembayaran.</p> <p>Jumlah keseluruhan dana <i>subvention</i> disalurkan semula adalah RM15.56 juta.</p>
23.5.2.1.b.ii	<p>Semakan Audit terhadap laporan <i>Subvention List EPP 7 &amp; EPP 10</i> sehingga 30 September 2015 mendapati sejumlah RM18.02 juta merupakan baki bayaran dana <i>subvention</i> yang masih belum selesai atau tidak dituntut oleh penganjur walaupun acara/program yang telah tamat dan melepasi tarikh perjanjian/MoU dari tahun 2011 hingga bulan Mei 2015. Adalah didapati, daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.84 juta merupakan 11 acara/program antarabangsa (<i>Major Events</i>) yang telah tamat sejak tahun 2011 hingga 2013.</p>	
23.5.2.1.b.iii	<p>Perkara ini berlaku kerana MyCEB belum mempunyai prosedur yang lengkap mengenai pemantauan yang perlu dibuat dalam tempoh perjanjian/MoU berkuat kuasa. Ia juga berlaku di sebabkan kekurangan pemantauan dan semakan berterusan oleh bahagian bertanggungjawab. Pembayaran yang telah melebihi tempoh perjanjian/MoU tetapi tidak dibatalkan, turut menyebabkan komitmen pembayaran projek tidak dibatalkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada permohonan pelanjutan tempoh perjanjian/MoU daripada penganjur dan MyCEB tidak mengambil sebarang tindakan untuk menamatkan perjanjian/MoU berkenaan.</p>	
23.5.2.1.b.iv	<p>Pembayaran yang masih belum selesai ini boleh memberi kesan kepada penguatkuasaan perjanjian/MoU dan mungkin akan merugikan MyCEB di mana komitmen dana yang tidak dituntut, boleh diberikan kepada acara/program lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan MyCEB perlu membuat perancangan dan tindakan segera terhadap baki dana <i>subvention</i> yang tidak dituntut bagi tempoh yang lama.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MyCEB telah menggubal prosedur dimana surat peringatan akan dikeluarkan kepada penganjur satu bulan sebelum tarikh tamat kontrak acara berkaitan dengan baki tuntutan subvention. Jumlah keseluruhan baki dana subvention adalah jumlah yang tidak dibayar disebabkan faktor-faktor seperti dana yang</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tidak dituntut kerana tiada dokumentasi lengkap dari pihak penganjur, acara telah dibatalkan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelulus dan dana tidak dituntut secara sukarela oleh pihak penganjur. Jumlah dana yang tidak dituntut / dibayar berjumlah RM9.08 juta. Jumlah ini telah pun disalurkan semula ke dalam dana subvention semula.</i></p>	
<p><b>23.5.2.1.c.iii</b></p>	<p><b>Perbezaan Kadar Pengiraan Perbelanjaan Antara EPP7 Dan EPP10</b></p> <p>Semakan Audit terhadap kadar pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong per kapita adalah berbeza antara acara perniagaan dan acara antarabangsa. Semakan lanjut mendapati, kadar pengiraan yang digunakan bagi acara perniagaan adalah RM7,418 sehari, manakala kadar RM560 sehari digunakan bagi acara antarabangsa. Adalah didapati, terdapat perbezaan yang ketara sejumlah RM6,868.00 (92.4%) antara kedua-dua kadar. Perbezaan ini boleh memberi kesan kepada pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong per kapita seterusnya kepada pengiraan impak ekonomi. Berdasarkan maklum balas MyCEB, kadar semasa yang diguna pakai oleh kedua-dua jenis acara telah disahkan oleh juruaudit yang dilantik oleh PEMANDU.</p> <p>Pada pendapat Audit, MyCEB boleh mengkaji semula kadar yang diguna pakai dalam EPP 7 memandangkan kadar sedia ada adalah rendah dan kurang munasabah.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>Kadar pengiraan RM560 sehari bagi EPP7 adalah berasaskan kepada kadar perbelanjaan pelancong sehari yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia. Manakala kadar pengiraan bagi acara perniagaan EPP10 (RM7,418/per tourist) adalah tiga kali lebih tinggi daripada pelancong biasa (leisure tourist) memandangkan pelancong perniagaan adalah terdiri daripada golongan profesional, berpendapatan tinggi dan kuasa beli yang tinggi. Perbezaan kadar pengiraan adalah berasaskan perbezaan profil dan 'length of stay' bagi pelancong untuk acara (sehari) berbanding pelancong MICE (seminggu). MyCEB dalam proses mengkaji semula kadar pengiraan jumlah perbelanjaan pelancong EPP 7 bagi Suku Tahun Kedua 2016.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.2.1.c.iii</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.2.a.i	<p><b>Pelantikan Konsultan/Perkhidmatan Perunding Bagi Pembinaan Booth Di Pameran Perniagaan Luar Negara - Pelantikan Syarikat Konsultan Sebagai Kontraktor</b></p> <p>Sepanjang tempoh syarikat dilantik sebagai konsultan dan perkhidmatan perunding, syarikat ini juga turut dipelawa dalam tawaran sebut harga bagi pemilihan kontraktor pembinaan <i>booth</i> seterusnya telah dipilih oleh Jawatankuasa Sebutharga MyCEB sebagai kontraktor pembinaan <i>booth</i> di beberapa lokasi pameran perniagaan. Berdasarkan <i>List of Tenderer Bidding for Booth Construction &amp; Design</i>, sepanjang tempoh tahun 2012 hingga Jun 2015, MyCEB telah membuat 30 kali perolehan pelantikan kontraktor secara sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan <i>booth</i>. Adalah didapati 19 (63%) daripada 30 tawaran sebut harga turut disertai oleh syarikat konsultan berkenaan. Semakan selanjutnya mendapati, Jawatankuasa Sebut Harga telah meluluskan 8 daripada 19 perolehan tawaran sebut harga kepada syarikat konsultan sebagai kontraktor pembinaan <i>booth</i>. Di samping terlibat di dalam perkhidmatan bagi pembinaan <i>booth</i> di luar negara, MyCEB turut memilih syarikat berkenaan bagi melaksanakan perkhidmatan lain-lain untuk acara-acara rasmi MyCEB di dalam negara.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.2.2.a.ii
23.5.2.2.a.ii	<p>Berdasarkan laporan kelulusan Jawatankuasa, antara cadangan pemilihan syarikat ini adalah harga tawaran sebut harga tidak melebihi bajet, mempunyai rekod pencapaian dan pengalaman yang baik serta mengemukakan harga <i>Bill of Quantity</i> (BQ) yang lengkap.</p> <p>Pada pendapat Audit, keputusan MyCEB untuk membuat pelawaan tawaran sebut harga sehingga kepada pemilihan syarikat sebagai kontraktor adalah bercanggah dengan amalan pengurusan perolehan yang terbaik. Ini kerana, syarikat juga merupakan konsultan dan perkhidmatan perunding bagi kerja-kerja pembinaan <i>booth</i> yang terlibat dalam penyediaan dan semakan dokumen sebut harga.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MyCEB telah melantik perunding (konsultan) bagi kerja-kerja pembinaan Booth di pameran perniagaan luar negara disebabkan MyCEB tidak mempunyai keupayaan dari segi kepakaran dan kakitangan sedia ada bagi melaksanakan projek tersebut. Dalam hal ini, MyCEB telah melantik REI pada tahun 2012 melalui proses sebut harga sebagai konsultan dan pekhidmatan perunding berhubung kerja-kerja pembinaan booth dan pengurusan projek</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>bagi aktiviti pameran perniagaan di luar negara. Pemilihan konsultan tersebut dibuat setelah pihak pengurusan MyCEB meneliti dan mengambil keputusan bahawa konsultan tersebut adalah yang terbaik; berpengalaman; profesional; dan berpengetahuan luas tentang pembinaan booth bertaraf antarabangsa di luar negara.</i></p> <p><i>Pelantikan telah dibuat oleh MyCEB mengikut Polisi Perolehan semasa syarikat yang terdiri daripada Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Harga &amp; Teknikal dan Jawatankuasa Tender yang terdiri daripada pegawai yang berbeza bagi setiap jawatankuasa. MyCEB menjemput pembida serta memberi keutamaan kepada pembida yang berdaftar di dalam MyCEB Industry Partner Programme (IPP) dan ianya menjadi platform menilai kualiti serta keupayaan pembida dalam memberikan perkhidmatan kepada MyCEB. MyCEB berpendapat dengan membuka peluang perniagaan kepada ahli IPP akan membangunkan kapasiti; kemampuan dan kepakaran ahli IPP ke peringkat antarabangsa. Sebagai Industry Partner, antara faedah yang dinikmati adalah mendapatkan peluang perniagaan daripada MyCEB mahupun rakan industri lain.</i></p> <p><i>Syarikat konsultan telah dipelawa untuk menyertai sebut harga sebanyak 19 kali (63.3%) daripada 30 tawaran sebut harga. Daripada 19 tawaran perolehan, MyCEB hanya melulus dan melantik syarikat konsultan berkenaan sebanyak 8 kali (26.6%) sebagai kontraktor pembinaan booth. Statistik di atas menunjukkan bahawa MyCEB telah melaksana penilaian due diligence dalam proses perlantikan konsultan booth. Perlantikan konsultan telah dibuat secara objektif, dengan mengambilkira aspek 'value for money' serta tawaran terbaik oleh pembida dari aspek penilaian teknikal dan kewangan. MyCEB telah dan akan melaksanakan perkara berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>• Mengeluarkan 'Letter of Restriction' bertarikh 23 Mac 2016 kepada syarikat konsultan yang menghadkan daripada menyertai sebut harga bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan booth pada masa hadapan demi mengelakkan 'conflict of interest'.</i></li> <li><i>• Menambahbaik Prosedur Perolehan sedia ada yang berkuatkuasa 1 Mac 2016 mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Bagi perolehan dibawah RM500,000, empat Jawatankuasa diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Harga, Jawatankuasa Penilaian Teknikal &amp; Jawatankuasa Tender yang terdiri daripada pegawai MyCEB yang berasingan.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Melaksanakan dan mengikut perolehan Kerajaan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa, merujuk kepada peraturan Manual Perlantikan Perunding yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.</i></p>	
<p><b>23.5.2.3.a.i</b></p>	<p><b>Pelantikan Agensi Perhubungan Awam Bagi Kerja-Kerja Pengiklanan Dan Pemasaran - Tiada Invois Pihak Ketiga Di Lampirkan Pada Bayaran Komisen</b></p> <p>Semakan Audit terhadap baucar bayaran kepada agensi perhubungan awam mendapati sebahagian perkhidmatan pengiklanan dan pemasaran <i>Business Tourism</i> tidak di laksanakan oleh agensi sebaliknya ia dilaksanakan oleh pihak ketiga. Oleh yang demikian, agensi akan membuat tuntutan komisen daripada MyCEB berdasarkan kos perkhidmatan yang dicajkan oleh pihak ketiga kepada agensi.</p>	<p>Perjanjian perkhidmatan media adalah diantara MyCEB dan agensi yang dilantik dan bukan dengan pihak ketiga. Berdasarkan perjanjian yang dimeterai, MyCEB hanya bertanggung jawab dalam membuat pembayaran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh agensi. Kerja-kerja yang melibatkan pihak ketiga (<i>third party</i>) telah pun dikemukakan lebih awal untuk kelulusan MyCEB berdasarkan '<i>Cost Estimate</i>' pada ketika itu.</p>
<p><b>23.5.2.3.a.ii</b></p>	<p>Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati, tiada invois atau dokumen berkaitan daripada pihak ketiga dilampirkan bersama-sama invois daripada agensi bagi mengesahkan dan menyokong pembayaran komisen kepada agensi. Pengesahan pihak Audit dengan sebuah agensi Kerajaan yang melaksanakan perkhidmatan yang sama mendapati bayaran komisen akan diluluskan bersama invois dari pihak ketiga dan dijadikan asas pembayaran komisen dibuat.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MyCEB telah melantik agensi perhubungan awam bagi perkhidmatan pengiklanan dan pemasaran berdasarkan Prosedur Pembayaran MyCEB di bawah perenggan 12, di mana, pembayaran boleh dibuat sekiranya dokumen sokongan seperti invois, Pesanan Tempatan, Kos anggaran dan bukti kerja telah diselesaikan. Perjanjian perkhidmatan media adalah di antara MyCEB dan agensi yang dilantik dan bukan dengan pihak ketiga. Berdasarkan perjanjian yang dimeterai, MyCEB hanya bertanggung jawab dalam membuat pembayaran bagi perkhidmatan diberikan oleh agensi. Bagi tujuan penambah baikkan, MyCEB akan memastikan agensi media yang dilantik mengemukakan invois dari pihak ketiga untuk tujuan pembayaran komisen.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.3.b.ii	<p><b>Kadar Komisen Yang Tidak Seragam</b></p> <p>Semakan Audit terhadap baucar bayaran agensi perhubungan awam mendapati kadar komisen yang dibayar kepada agensi adalah tidak seragam iaitu 12%, 15% dan 17.25%. Semakan lanjut terhadap surat pelantikan agensi oleh MyCEB juga mendapati tiada klausa yang diluluskan berkaitan penetapan kadar komisen yang sedang dipraktikkan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas yang digunakan bagi menentukan kadar pembayaran komisen kepada agensi.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.2.3.b.iii
23.5.2.3.b.iii	<p>Semakan pihak Audit dibuat terhadap sebuah agensi Kerajaan yang melaksanakan perkhidmatan yang sama. Adalah didapati agensi Kerajaan tersebut menggunakan satu kadar sahaja bagi bayaran komisen bagi memudahkan penyelarasan bayaran dan ianya dinyatakan di dalam perjanjian.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan asas penetapan kadar pembayaran komisen kepada agensi menyebabkan MyCEB boleh membuat lebihan bayaran.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MyCEB telah melantik agensi perhubungan awam sebagai agensi kreatif, pengiklanan &amp; pemasaran dengan nilai kontrak tidak melebihi RM 4.0 juta untuk tempoh 2 tahun. Memandangkan nilai kontrak MyCEB adalah berskala kecil, maka kadar komisen yang dikenakan adalah berdasarkan amalan 4A atau 'AAAA' (17.25%). Sebagai langkah penjimatan, MyCEB melaksanakan rundingan dengan pihak agensi untuk mendapatkan kadar terendah dan terbaik berbanding amalan pasaran untuk kerja-kerja 'ad-hoc'.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.2.3.b.iii
23.5.3.1.a.i	<p><b>Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat - Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengurusan Perbelanjaan - Pesanan Tempatan Lewat Di Keluarkan</b></p> <p>Para B, Prosedur Perolehan MyCEB menyatakan Pesanan Tempatan hendaklah disediakan pada masa barang atau perkhidmatan dipesan. Semakan Audit mendapati enam perkhidmatan secara pembelian terus berjumlah RM215,500 dikeluarkan Pesanan Tempatan antara tempoh 8 hingga 102 hari selepas tarikh Nota Hantaran dikemukakan oleh pembekal. Pemeriksaan lanjut terhadap baucar bernombor 13/11/016 bertarikh 14 November 2113 mendapati pesanan barang hanya diterima selepas 4 hari</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.3.1.a.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>daripada tarikh Nota Hantaran. Perkara ini disebabkan kelemahan pemantauan terhadap prosedur yang diguna pakai. Ini boleh memberi kesan terhadap bajet bagi keperluan semasa sekiranya MyCEB mempunyai masalah aliran tunai kelak.</p> <p>Pemeriksaan Audit selanjutnya terhadap 31 baucar bayaran mendapati Nota Hantaran yang dikemukakan oleh pembekal tidak dicatatkan nombor Pesanan Tempatan sebagai dokumen yang dirujuk. Perkara ini boleh mewujudkan risiko <i>promotional items</i> yang dihantar oleh pembekal tidak mengikut item dan spesifikasi yang dicatatkan dalam Pesanan Tempatan berkenaan kerana trend perolehan <i>promotional items</i> adalah sama dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengeluaran pesanan tempatan selepas penghantaran barang dibuat akan memberi kesan terhadap bajet semasa sekiranya MyCEB mempunyai masalah aliran tunai.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>Mengikut amalan kaedah perolehan MyCEB pada masa itu, MyCEB akan memohon sebutharga daripada pembekal, menilai tawaran terbaik oleh pembekal daripada sebutharga yang dikumpulkan dan selepas itu mengeluarkan surat setuju terima tawaran kepada pembekal sebagai satu proses lengkap perolehan. Surat setuju terima merupakan pengesahan kepada transaksi perolehan MyCEB.</i></p> <p><i>Untuk tujuan penambahbaikan, pihak Pengurusan MyCEB telah menubuhkan Unit Perolehan di bawah Jabatan Kewangan dan Pentadbiran bermula Januari 2014, bagi memastikan pelaksanaan proses perolehan dapat dilakukan dengan lebih efektif. MyCEB juga telah menambahbaik Prosedur Perolehan yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2014 bagi memastikan pesanan tempatan hendaklah disediakan terlebih dahulu sebelum barang atau perkhidmatan dipesan. Di bawah, Klausula 5.4(i), Prosedur Perolehan MyCEB menyatakan bahawa "... All purchasing to be done through issuance of Purchase Order ("PO") or Letter of Appointment ("LOA") to the vendors or suppliers".</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.3.1.a.ii	<p><b>Pengesahan Bayaran Tanpa Maklumat Perakuan Penerimaan Yang Lengkap</b></p> <p>Sebanyak 65 baucar bayaran telah disemak. Daripada semakan Audit mendapati sebanyak 6 baucar bayaran (9.2% berjumlah RM170,330 dibuat pengesahan bayaran oleh Pegawai Bertanggungjawab pada Nota Hantaran yang tidak lengkap. Semakan terhadap nota hantaran tersebut mendapati maklumat-maklumat penting iaitu nama pegawai penerima, tandatangan, tarikh akuan penerimaan barang, pengesahan kuantiti dan kualiti pembelian tidak dicatatkan. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penerimaan item/barang oleh bahagian yang bertanggungjawab adalah mengikut spesifikasi pesanan tempatan yang diluluskan kerana tiada maklumat penting di atas. Pemeriksaan silang Audit selanjutnya antara baucar bayaran dengan daftar keluar masuk inventori mendapati penerimaan <i>promotional item</i> bagi 6 Nota Hantaran yang tidak disahkan tersebut berjumlah RM78,800 tidak direkodkan di dalam daftar keluar masuk inventori.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MyCEB menyedari bahawa terdapat beberapa Nota Penghantaran yang tidak lengkap dan tidak direkodkan dalam daftar inventori berpandukan jadual yang dinyatakan kerana kelemahan pemantauan terhadap prosedur yang diguna pakai sebelum ini. Untuk tujuan penambahbaikan, pihak MyCEB telah mewujudkan Marketing Unit Procedure (Gift/Promotional Item Inventory Register Procedure) di mana pegawai berkenaan dipertanggungjawabkan untuk memahami dan mematuhi manual prosedur penerimaan barang yang ditetapkan. MyCEB juga telah mengemas kini daftar inventori penerimaan promotional item bagi kesemua 3 Nota Hantaran.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.3.1.a.ii
23.5.3.1.b.i	<p><b>Pengurusan Kad Korporat - Tiada Had Penggunaan Maksimum Penggunaan Kad Kredit</b></p> <p>Semua kad kredit yang diperuntukkan kepada kakitangan MyCEB tidak mempunyai had maksimum penggunaan. Berdasarkan penjelasan dari MyCEB, perkara ini adalah kerana tujuan kad AMEX adalah sebagai kemudahan kepada kakitangan untuk membuat pembayaran yang lebih cepat dan efisien. Sebagai contohnya, bagi urusan di luar negara yang boleh memakan tempoh yang lama, kad AMEX digunakan untuk menanggung kos perjalanan yang tinggi seperti kos perbelanjaan makan, pengangkutan, dan penginapan.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.3.1.b.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Sungguhpun tiada had penggunaan maksimum bagi kad kredit dinyatakan di polisi SOP namun para 5 ada menyebut had kredit tidak boleh melebihi kadar kecuali mendapat kebenaran dari Ketua Pegawai Eksekutif .Oleh yang demikian bagi memastikan penggunaan yang betul dan kawalan penggunaan kad kredit untuk tujuan rasmi sahaja maka sewajarnya elemen had penggunaan maksimum diwujudkan.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>Mulai 29 Januari 2016 yang menyatakan had penggunaan maksimum keseluruhan lima (5) kad korporat MyCEB hanya berjumlah RM100,000 sebulan. Draf manual penggunaan kad kredit korporat akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah MyCEB pada Sidang Ke-2 Tahun 2016.</i></p>	
23.5.3.1.b.ii	<p><b>Tiada Dokumen Sokongan Disertakan Di Penyata Akaun Bulanan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 33 sampel Penyata Akaun Bulanan setiap pemegang kad mendapati 5 sampel berjumlah RM19,611.01 tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan iaitu resit/invois/bil asal dan hanya Penyata Akaun Bulanan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>Sebahagian resit untuk transaksi yang dinyatakan oleh Jabatan Audit Negara telah dilampirkan seperti di lampiran yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, sebahagian transaksi yang tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan oleh pemegang kad, telah mendapat kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif melalui Memorandum Kelulusan setelah teguran oleh Jabatan Audit Negara, dimana penggunaan kad kredit korporat adalah bagi tujuan rasmi MyCEB. Ianya selaras dengan SOP Kad Kredit Korporat di bawah Klausula 2 "Control Monitor" yang menyatakan "Where no documentation is available to support a particular transaction the cardholder will be required to prove a declaration detailing the nature of the expense and that is business related."</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kaedah pemantauan dan pengurusan kad korporat sedia ada masih belum memadai. Bagi tujuan penambahbaikan, pengurusan MyCEB perlu mengkaji semula prosedur di bawah klausula 2 yang sedia ada.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.3.1.b.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.3.2.a.i	<p><b>Pengurusan Perolehan - Pembayaran Pendahuluan Kepada Syarikat Melebihi Had Yang Ditetapkan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan kepada syarikat pembinaan <i>booth</i> atau khidmat perunding bagi acara/program promosi pameran perniagaan (trade show) di luar negara atau pengauditan tempat acara (venue audit) dibuat melebihi jumlah yang telah ditetapkan. Semakan terhadap baucar bayaran bagi tempoh 2013 hingga 2015 mendapati MyCEB telah membuat bayaran pendahuluan berjumlah 50% hingga 60% daripada kos keseluruhan iaitu RM41,500 hingga RM297,000.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.3.2.a.ii
23.5.3.2.a.ii	<p>Semakan lanjut Audit mendapati pembayaran pendahuluan 50% hingga 60% adalah berdasarkan sebut harga yang dikemukakan kepada MyCEB. Ia juga merupakan terma bayaran yang termaktub surat pelantikan yang ditandatangani antara MyCEB dan syarikat. Antara sebab perkara ini berlaku adalah ketiadaan prosedur MyCEB yang lengkap dan jelas berkaitan bayaran pendahuluan walaupun telah dimaklumkan oleh surat Kementerian Kewangan bahawa perolehan MyCEB adalah tertakluk kepada peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.</p> <p>Pada pendapat Audit, bayaran pendahuluan adalah belum mematuhi surat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan terhadap pematuhan kepada prosedur perolehan. Prosedur MyCEB sedia ada boleh ditambah baik dengan memasukkan prosedur berkaitan bayaran pendahuluan (advance payment) selaras dengan surat arahan Kementerian Kewangan dan mematuhi prinsip-prinsip perolehan yang baik.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MyCEB menyedari bahawa kadar peratusan bayaran awal sebanyak 50 sehingga 60 peratus adalah berdasarkan amalan pasaran. Untuk tujuan penambahbaikan, pihak pengurusan MyCEB memasukkan prosedur berkaitan bayaran pendahuluan (advance payment) selaras dengan surat arahan Kementerian Kewangan dan mematuhi prinsip perolehan yang baik.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.3.2.b.iii	<p><b>Perancangan Pembikinan Video Yang Kurang Teliti</b></p> <p>Semakan Audit mendapati bayaran pendahuluan berjumlah RM245,211 dan RM205,000 atau 50% daripada keseluruhan kos bagi setiap kos video telah dibayar pada 14 Jun 2013. Bagaimanapun, pada 14 Julai 2014, MyCEB telah meluluskan dua tambahan kos (variation order) menjadikan kos <i>Incentive Video</i> dan <i>Convention Video</i> meningkat sejumlah RM84,750 atau 17.3% dan RM225,447 (55%). Ini menjadikan keseluruhan kos baru video masing-masing berjumlah RM575,173 dan RM635,447. Berdasarkan maklum balas MyCEB, peningkatan kos tersebut disebabkan oleh keperluan tambahan dan perubahan skop kerja yang dilakukan terhadap kedua-dua video tersebut.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 23.5.3.2.b.iv
23.5.3.2.b.iv	<p>Semakan lanjut Audit mendapati MyCEB telah membuat bayaran keseluruhan berjumlah RM1,210,620 kepada agensi ini. Jumlah ini didapati melebihi peruntukan yang diluluskan sejumlah RM998,000 iaitu lebihan berjumlah RM212,620 atau 21.3%.</p> <p>Pada pendapat Audit, peningkatan kos melebihi 50% disebabkan oleh perancangan yang kurang teliti dan telah memberi kesan kepada aliran tunai syarikat.</p> <p>Maklum Balas MyCEB Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>Pembikinan Video 'Incentive' dan 'Convention' ini merupakan kali pertama dilakukan oleh MyCEB sebagai salah satu mekanisme penting dalam pelan perniagaan MyCEB bagi aktiviti 'sales and marketing'. Tujuan utama pembikinan video ini adalah untuk membantu mempromosi Malaysia dalam acara perniagaan dan memperkenalkan MyCEB di peringkat antarabangsa. Berdasarkan Laporan Audit Negara, MyCEB telah meluluskan dua tambahan kos (Variation Order) menjadikan kos Video 'Incentive' dan 'Convention' meningkat. Peningkatan kos tersebut disebabkan oleh keperluan tambahan dan berlaku perubahan skop kerja terhadap kedua-dua video tersebut. Perubahan skop kerja perlu dilaksanakan bagi memastikan hasil kedua-dua video tersebut di tahap kualiti antarabangsa untuk tujuan promosi yang lebih berkesan. Perubahan skop kerja pembikinan video itu juga telah dilakukan dengan mengambilkira trend pasaran terkini dan 'Unique Selling Point' (USP).</i></p> <p><i>Perubahan skop kerja bagi Video Incentive adalah melibatkan Agency Cost (Account Servicing, Art Director, Copywriter, AV Producer); Production Cost (Film Equipments &amp; Camera, Art Department, Wardrobes, Cast &amp; Casting,</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Location/Studio Hire, Unit Transport, Post Production); dan Audio Cost (VO Recording &amp; Mix, Music Composition). Manakala perubahan skop kerja bagi video convention pula melibatkan Agency Cost (Account Servicing, Art Director, Copywriter, AV Producer);Production Cost (Director Fees, Film Equipments &amp; Camera, Art Department, Wardrobes, Cast &amp; Casting, Location/Studio Hire, Unit Transport, Post Production, Flight, Hotel &amp; Travelling); dan Audio Cost (VO Recording &amp; Mix, Music Composition).</i></p> <p><i>MyCEB mengambil maklum akan penemuan audit mengenai lebihan kos daripada peruntukan asal untuk pembikinan dua (2) video tersebut. Untuk tujuan penambahbaikan, MyCEB akan membuat perancangan yang lebih teliti dan komprehensif dalam menyediakan storyboard pembikinan video dengan mengambil kira jumlah bajet yang diluluskan dan mengikut polisi perolehan semasa MyCEB.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Perenggan 24 : Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.3.1.b.i	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Status MSC Malaysia</b></p> <p>MDeC menetapkan supaya pemohon mengemukakan dokumen yang lengkap dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan. Sekiranya tiada maklum balas dalam tempoh 90 hari, status permohonan akan bertukar kepada tidak aktif. Pemohon perlu memohon untuk diaktifkan semula jika telah bersedia meneruskan permohonannya. Berdasarkan semakan dari peringkat pra-permohonan sehingga peringkat permohonan lengkap diterima, didapati 4 fail diproses kurang 1 bulan, 14 fail diproses antara 1 hingga 3 bulan, 15 fail diproses antara 3 hingga 6 bulan, 7 fail diproses antara 6 hingga 12 bulan, 6 fail diproses lebih 12 bulan dan 5 fail tidak dapat dipastikan kerana maklumat tidak lengkap. Hasil semakan tersebut mendapati tempoh maksimum yang diambil untuk memproses penilaian adalah sehingga 29 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh proses dari pra permohonan sehingga syarikat diminta untuk mengisi borang permohonan dan mengemukakan dokumen sokongan telah mengambil masa terlalu lama iaitu melebihi 12 bulan bagi 6 pemohon dengan tempoh maksimum adalah 29 bulan.</p> <p>Maklum Balas MDeC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016</p> <p><i>Status MSC Malaysia terbuka kepada semua syarikat ICT dan tertakluk kepada aktiviti yang diluluskan oleh pihak Kerajaan. Permohonan bermula dengan syarikat mengemukakan cadangan ringkas aktiviti perniagaan di mana pihak MDeC akan memberi maklum balas terhadap permohonan tersebut, sama ada aktiviti perniagaan adalah sejajar dengan aktiviti yang diluluskan seperti di atas. Syarikat yang berjaya seterusnya akan mengemukakan pelan perniagaan dan pelan kewangan terperinci untuk proses penilaian di peringkat MDeC. Pada peringkat ini, pihak MDeC dan syarikat tersebut akan berbincang berkenaan dengan butiran permohonan yang mungkin memerlukan penambahbaikan cadangan. Jangka masa yang akan diambil oleh syarikat</i></p>	<p>Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh MDeC adalah menetapkan tempoh memproses kelulusan permohonan syarikat untuk mendapatkan status MSC Malaysia selama 90 hari. Pemohon akan diberitahu pada awal permohonan yang jangkamasa untuk mendapat kelulusan adalah dalam masa 90 hari di mana pemohon dikehendaki mengemukakan maklumat yang lengkap dalam tempoh masa tersebut. Pada masa yang sama, MDEC akan memberi peringatan kepada pemohon berkenaan baki tempoh masa selama dua kali iaitu pada hari ke 30 dan ke 60 dari tarikh permohonan. Ini adalah bagi memastikan setiap permohonan dapat diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan dan juga memberi galakan kepada pemohon supaya mempercepatkan segala maklumat yang diperlukan. Walaubagaimanapun, sekiranya permohonan telah melebihi 90 hari, pemohon boleh membuat rayuan agar tempoh dilanjutkan.</p> <p>MDEC juga sedang mengambil langkah untuk menambah baik proses permohonan taraf MSC seperti yang berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Meringkaskan maklumat yang diperlukan daripada pemohon khususnya daripada syarikat kecil dan syarikat yang baru ditubuhkan (“<i>Start-up</i>”);</li> <li>2) Memberi tunjuk ajar dalam bentuk audio visual bagi memudahkan pemohon memahami cara-cara proses permohonan untuk mendapatkan taraf MSC Malaysia.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>untuk memberikan permohonan lengkap bergantung sepenuhnya kepada syarikat tersebut. Oleh itu, tempoh masa ini adalah di luar kawalan pihak MDeC.</i></p> <p><i>Bagaimanapun, sebagai langkah penambahbaikan, tempoh bagi memproses kelulusan permohonan syarikat untuk mendapatkan status MSC Malaysia telah ditetapkan selama 90 hari, di mana permohonan akan ditukar menjadi tidak aktif jika melebihi tempoh 90 hari dan tiada maklum balas atau maklumat mengenai permohonan lengkap diterima dari pihak syarikat. Jika ada permintaan untuk mengaktifkan semula permohonan itu oleh pelanggan, kes tersebut dibuka semula dan bermulalah masa 90 hari yang baru.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Perenggan 25 : Perbadanan Kota Buku**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.1.3	<p><b>Prestasi Kewangan - Prestasi Aliran Tunai</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, PKB merekodkan peningkatan defisit aliran tunai daripada aktiviti operasi di mana defisit ini meningkat daripada RM2.43 juta pada tahun 2013 kepada RM3.77 juta pada tahun 2014. Bagi aktiviti pelaburan, PKB hanya merekodkan pulangan positif aliran tunai pada tahun 2013 berjumlah RM0.11 juta dengan pengurangan jumlah pembelian hartanah, loji dan peralatan pada tahun tersebut berbanding tahun 2012 dan 2014. Aktiviti pembiayaan PKB merekodkan pulangan positif aliran tunai bagi tiga tahun berturut-turut kerana menerima geran daripada Kerajaan. Pada akhir tahun kewangan 2014, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM22.22 juta yang terdiri daripada deposit berjumlah RM22.0 juta serta tunai di tangan dan bank berjumlah RM0.22 juta. Manakala pada akhir tahun kewangan 2012 dan 2013, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM6.75 juta dan RM10.21 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai PKB masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PKB bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014 berada pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, PKB perlu lebih proaktif menjana pendapatan daripada aktiviti utama syarikat. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi tiga tahun berturut-turut disumbangkan oleh lain-lain pendapatan di mana 83.28% hingga 88.56% dijana daripada pelunasan geran. Nisbah kecairan juga berada pada tahap sederhana dan syarikat ini beroperasi dengan hanya menggunakan dana geran daripada Kerajaan. Secara keseluruhannya PKB mempunyai baki tunai dan persamaan tunai yang kukuh pada tahun 2014 iaitu berjumlah RM22.22 juta.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Aliran pendapatan baru (revenue stream) telah dikenal pasti dan disesuaikan dengan Pelan Strategik 5 tahun yang akan siap pada suku kedua 2016. Ia juga disesuaikan dengan perkembangan semasa pembangunan Kompleks Kota Buku.</i></p>	
<p><b>25.5.2.1.b.ii</b></p>	<p><b>Prestasi Aktiviti - Perbelanjaan Aktiviti</b></p> <p>Analisis Audit mendapati penyertaan PKB dalam aktiviti perbukuan dan penganjuran kursus/bengkel menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2012 hingga bulan Ogos 2015. Bagaimanapun, penganjuran kursus/bengkel pada tahun 2014 didapati menurun dengan hanya 5 kursus/bengkel diadakan berbanding 21 kursus/bengkel pada tahun 2013. Penurunan penganjuran kursus/bengkel ini disebabkan pihak pengurusan PKB sedang menstruktur semula jenis kursus yang ditawarkan dan pejabat PKB dalam proses pengubahsuaian.</p>	<p>Mesyuarat Lembaga PKB telah meluluskan pembelian ekuiti syarikat Xentral Method Sdn Bhd. Syarikat berkenaan merupakan pembangunan portal ebuku terbesar di Asia Tenggara. PKB bakal memiliki 31.5% daripada ekuiti berkenaan. Pembelian ekuiti ini merupakan satu langkah <i>quantum leap</i> dalam memperkasa agenda digital PKB.</p> <p>3 siri latihan kepada bakal editor dalam talian telah dijalankan dan mereka akan mula diberikan tugas selepas berakhirnya Pesta Buku Antarabangsa KL 2016.</p>
<p><b>25.5.2.1.b.iii</b></p>	<p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2015, sejumlah RM2.83 juta telah dibelanjakan oleh PKB bagi menyertai/mengadakan aktiviti perbukuan dalam negara, manakala sejumlah RM1.94 juta telah digunakan bagi membiayai aktiviti perbukuan di luar negara. Pada tahun 2013 dan 2014, perbelanjaan aktiviti perbukuan di luar negara adalah melebihi perbelanjaan dalam negara masing-masing sejumlah RM0.15 juta dan RM0.29 juta. Bagi tahun 2015, aktiviti perbukuan ditumpukan dalam negara selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah untuk menyertai ekspo dan festival perbukuan yang diadakan di Malaysia sepanjang tahun 2015 memandangkan tiada peruntukan tambahan disalurkan oleh KPM.</p>	
<p><b>25.5.2.1.c</b></p>	<p><b>Penjualan Penerbitan Digital – (e-Book)</b></p> <p>Berdasarkan rekod penjualan e-Book bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 249 karya dilanggan oleh pembeli dengan hasil kutipan berjumlah RM1,495. Penjualan e-Book bagi tahun 2014 didapati meningkat sebanyak 119 karya berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya 41 karya dilanggan oleh pembeli memandangkan kelulusan projek pembangunan penerbitan digital diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2013. Melalui mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan November 2014 pula, Lembaga Pengarah menyatakan usaha perlu diteruskan oleh pengurusan PKB bagi meningkatkan sumbangan e-Book dalam industri.</p> <p>Pada pendapat Audit, PKB kurang aktif dalam penyertaan/pelaksanaan aktiviti perbukuan di mana dalam tempoh 4 tahun (2012 hingga bulan Ogos 2015),</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>PKB hanya menganjurkan dan menyertai 97 aktiviti dengan perbelanjaan berjumlah RM4.77 juta. Penjualan e-Book melalui platform penerbitan digital juga dilihat kurang mendapat sambutan di mana hanya 249 karya digital dilanggan dengan kutipan hasil berjumlah RM1,495 bagi tempoh 3 tahun (2013 hingga 2015).</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Projek pendigitalan adalah usaha teras PKB dalam mempertingkatkan kapasiti industri buku negara. Ia selaras dengan keperluan membina repositori Malaysiana. Namun demikian, untuk menjadi portal perbukuan yang berpengaruh, PKB perlu memiliki sehingga sekurang-kurangnya 10 ribu judul bagi memberikan impak pemasaran yang berkesan. Ini sedang diusahakan untuk tempoh 3 tahun akan datang.</i></p> <p><i>Bagi tujuan memperkasa pembangunan repositori digital Malaysiana ini, Jabatan Harta Intelek, Perundingan dan Penyelidikan (HIPP) diwujudkan pada 2014. Usaha ini memerlukan kepakaran, pengalaman dan pendedahan yang sejajar dengan keperluan industri. Pada pandangan PKB, sekiranya projek platform digital ini dibangunkan secara organik, PKB akan memerlukan tempoh sehingga 18 bulan sebelum mampu berdiri secara ampuh. Sehubungan itu, PKB mengenal pasti kaedah pembangunan yang bersifat quantum leap. Antara lain, ia akan dilakukan dengan kaedah perolehan ekuiti dalam entiti sedia ada yang kini sedang giat dirundingkan.</i></p> <p><i>Oleh kerana keterbatasan faktor di atas, kelulusan Lembaga Pengarah PKB telah diperolehi pada 12 Jun 2015 untuk mewujudkan skim outsourcing (online freelance editor) bagi mempercepat proses pendigitalan dan menambah repositori digital secara lebih berkesan.</i></p>	
25.5.2.2.a	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Pengurusan Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan - Tiada Perjanjian/Terma Bagi Geran Yang Disalurkan Kepada Perbadanan Kota Buku</b></p> <p>Adalah didapati KPM yang berperanan menyalurkan sejumlah RM30 juta dana geran kepada PKB tidak memeterai sebarang perjanjian dengan PKB bagi menyatakan dengan jelas syarat penggunaan geran dan mekanisme pemantauan yang perlu dipatuhi. Perkara ini juga menyebabkan tiada pemantauan daripada pihak KPM terhadap penggunaan geran serta pencapaian prestasi aktiviti dan kewangan PKB yang menggunakan dana</p>	<p><u>Status terkini daripada pihak PKB</u></p> <p>Mesyuarat Lembaga Pengarah PKB Bil 2/2016 pada 26 April 2016 telah meluluskan draf perjanjian di antara KPM dan PKB melibatkan penyaluran dana RM30 juta berkenaan. Draf berkenaan akan diserahkan kepada pihak PUU KPM untuk tindakan lanjut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>geran tersebut untuk menjalankan operasi syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2013, PKB melalui khidmat Tetuan Sharifah &amp; Associates telah menyediakan draf Perjanjian Induk antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perbadanan Kota Buku bagi memberi garis panduan rangka kerja, objektif dan tanggungjawab kedua-dua pihak. Bagaimanapun, draf perjanjian ini tidak dimuktamadkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan dan pemantauan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dalam perancangan penggunaan geran mengakibatkan geran diurus mengikut budi bicara pelaksana iaitu PKB tanpa panduan yang jelas. Penyaluran geran berikutnya daripada pihak Kerajaan hendaklah menyatakan dengan jelas terma dan syarat penggunaan geran serta data penggunaan geran perlu dikemukakan kepada Kementerian berkaitan bagi tujuan pemantauan.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Draf Perjanjian antara KPM dan PKB akan dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah PKB dalam mesyuarat berikutnya yang dijadualkan pada 19 April 2016 dan kemudiannya akan diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang KPM untuk tujuan tindakan lanjut.</i></p> <p>Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 25 Ogos 2010 bagi menubuhkan Perbadanan Kota Buku (PKB) yang diwujudkan secara pentadbiran dengan kelulusan peruntukan geran permulaan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan untuk pengoperasian PKB.</i></p> <p><i>Selaras dengan kedudukan peruntukan semasa, peruntukan geran permulaan sebanyak RM30 juta tersebut telah diturunkan secara berperingkat mulai tahun 2011 hingga 2014. Geran permulaan sebanyak RM30 juta adalah untuk menampung kos operasi dan pentadbiran berkaitan dengan aktiviti pengubahsuaian, pentadbiran dan promosi seperti keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri.</i></p> <p><i>Bahagian Kewangan KPM telah mengemukakan memo bertarikh 10 Januari 2011 kepada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) selaku urus setia</i></p>	<p><u>Status terkini daripada pihak KPM</u></p> <p>Bahagian Kewangan bersetuju dengan maklum balas yang telah dikemukakan pada 25 Februari 2016 dengan tambahan seperti yang berikut:-</p> <p>Susulan daripada penemuan audit berhubung Draf Perjanjian Induk tersebut, KPM telah mengemukakan surat bertarikh 25 Mac 2016 kepada PKB memaklumkan supaya PKB mengemukakan Draf Perjanjian Induk tersebut kepada KPM dengan kadar segera supaya KPM boleh mengambil tindakan selanjutnya dengan teratur.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>PKB memaklumkan bahawa peruntukan Kerajaan yang disalurkan kepada PKB hendaklah diuruskan secara cekap oleh Lembaga Pengarah PKB melalui perancangan yang teliti ke atas aktiviti yang dapat menjana pendapatan PKB dan pemantauan ke atas perbelanjaan PKB. Sebarang cadangan perluasan skop dan aktiviti PKB yang melibatkan tambahan peruntukan hendaklah mendapat terlebih dahulu persetujuan Kementerian Kewangan sebelum dilaksanakan. PKB hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan dan Pekeliling/Arahan Kerajaan yang berkuat kuasa semasa.</i></p> <p><i>Draf Perjanjian Induk tersebut masih dalam tindakan penyediaan pihak Perbadanan Kota Buku (PKB). Perjanjian dijangka akan dapat ditandatangani pada 1 Julai 2016, setelah mendapat persetujuan Ahli Lembaga Pengarah PKB.</i></p>	
25.5.2.2.b.i	<p><b>Penyertaan Aktiviti Perbukuan Di Luar Negara - Kelulusan Penuh Lembaga Pengarah Bagi Dua Penyertaan Pameran Buku Antarabangsa - Tokyo International Book Fair 2014 (TIBF 2014)</b></p> <p>PKB telah menyertai Tokyo International Book Fair 2014 (TIBF 2014) pada 2 hingga 5 Julai 2014 bersama <i>lead agency</i> iaitu Institut Terjemahan Buku Malaysia. Cadangan penyertaan TIBF 2014 telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 5 Disember 2013 di bawah Cadangan Aktiviti 2014 dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM50,000. Lembaga Pengarah menyarankan agar objektif aktiviti perlu jelas dan selaras dengan peranan PKB serta aktiviti yang dirancang perlu berdasarkan <i>Outcome Based Budgeting</i> yang mengambil kira pendapatan nilai media. Bagaimanapun, tiada kelulusan direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut. Seterusnya, pada 18 Ogos 2014, pengurusan PKB telah membentangkan laporan penyertaan TIBF 2014 dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dengan kos perbelanjaan sebenar berjumlah RM20,109.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperolehi melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 2/2014 bertarikh 28 April 2014. Kertas cadangan aktiviti 2014 (pindaan) diluluskan. Tetapi sememangnya kelulusan ke Tokyo International Book Fair 2014 ini tidak dipohon secara individual. PKB akan memastikan semua kelulusan ke luar negara akan diminitkan dengan terang dan jelas serta akan membuat permohonan secara individual.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pihak Audit mendapati penjelasan PKB mengenai cadangan belanjawan 2014 (pindaan) yang diluluskan melalui Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 2/2014 adalah tidak berkaitan memandangkan Lembaga Pengarah telah menangguhkan kelulusan belanjawan 2014 untuk dibentang semula dalam mesyuarat berikutnya. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah bersetuju untuk meluluskan belanjawan operasi awalan sehingga bulan Mei 2014. Pihak Audit juga mendapati TIBF 2014 yang diadakan pada bulan Julai 2014 belum mendapat kelulusan penuh Lembaga Pengarah pada masa tersebut. Selain itu, cadangan belanjawan 2014 (pindaan) bagi tempoh bulan Jun hingga Disember 2014 telah diluluskan melalui minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 3/2014 pada 19 Jun 2014. Bagaimanapun, kelulusan penuh penyertaan TIBF 2014 serta kos berkaitan tidak diperincikan.</p>	
25.5.2.2.b.ii	<p><b>Bologna Children's International Book Fair 2015 (BICBF 2015)</b></p> <p>Bologna Children's International Book Fair 2015 (BICBF 2015) telah diadakan pada 30 Mac 2015 hingga 2 April 2015. Penyertaan PKB dalam BICBF 2015 adalah untuk menguruskan pelancaran buku terbitan terkini dari Malaysia dan sebagai agen yang mengaturkan pertemuan dengan penerbit yang menyertai BICBF 2015. Kertas cadangan penyertaan dalam BICBF 2015 telah disediakan oleh Jabatan Usahaniaga Sosial dengan anggaran kos berjumlah RM231,655. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyertaan PKB dalam BICBF 2015 telah mendapat kelulusan penuh Lembaga Pengarah sungguhpun pada bulan Jun 2015, PKB telah membentangkan laporan penyertaan BICBF 2015 kepada Lembaga Pengarah dengan implikasi kewangan berjumlah RM219,497.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperoleh melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 5/2014 melalui Cadangan Aktiviti Tahun 2015. Kertas cadangan ini telah diluluskan tetapi sememangnya kelulusan ke Bologna Book Fair 2015 ini tidak dipohon secara individual. PKB akan memastikan semua kelulusan ke luar negara akan diminitkan dengan terang dan jelas serta akan membuat permohonan secara individual.</i></p> <p>Pihak Audit mendapati kelulusan penyertaan BICBF 2015 oleh Lembaga Pengarah melalui cadangan aktiviti 2015 telah dibuat secara menyeluruh di bawah 1 (ii) Program Induk - program dan aktiviti yang menjadi teras PKB : penyertaan antarabangsa sebagai <i>Lead Agency</i> di 3 negara tanpa kos</p>	<p>Kelulusan Lembaga Pengarah telah diperoleh melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5/2014 melalui Cadangan Aktiviti Tahun 2015. Kertas cadangan ini telah diluluskan namun kelulusan ke Bologna Book Fair 2015 ini tidak dimohon mengikut perincian program (<i>not itemized</i>). Semua kelulusan peruntukan atas program anjuran PKB telah dimohon secara <i>itemized</i> bermula bajet 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berkaitan. Cadangan belanjawan 2015 yang diminitkan dalam mesyuarat yang sama pula hanya menyenaraikan aktiviti antarabangsa dengan jumlah belanjawan keseluruhan RM5,099,300 tanpa memperincikan aktiviti serta kos berkaitan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti serta keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah perlu direkodkan dengan jelas dalam minit mesyuarat. Antaranya, perincian cadangan aktiviti bagi mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah, rasional bagi setiap keputusan, tindakan yang perlu diambil dan tempoh masa yang dipersetujui. Ini adalah bagi memastikan Lembaga Pengarah memperoleh maklumat mencukupi untuk membuat keputusan serta pengurusan syarikat dapat melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah sebaiknya.</p>	
25.5.2.2.c	<p><b>Aktiviti Dagangan Hak Cipta - Data Hak Cipta Tidak Diselenggara</b></p> <p>Menerusi aktiviti dagangan hak cipta, PKB berperanan menguruskan perdagangan hak cipta dalam dan luar negara serta mempromosi hak cipta dan harta intelek para penulis dan penerbit ke tahap antarabangsa. Adalah didapati dalam tempoh 4 tahun (2012 hingga Ogos 2015), PKB telah menyertai 26 aktiviti perbukuan di luar negara antaranya <i>Tokyo International Book Fair</i> (Tokyo), <i>Bologna International Children's Book Fair</i> (Itali), <i>Asian Festival Of Children's Content</i> (Singapura) dan <i>Shanghai International Book Fair</i> (China) dengan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM1.94 juta. Berdasarkan laporan penyertaan projek yang dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati pengurusan PKB telah melaporkan perihal potensi dagangan hak cipta. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada data rujukan diselenggara berkaitan dagangan hak cipta yang berjaya/<i>outcome</i> hasil daripada penyertaan PKB dalam aktiviti perbukuan luar negara tersebut. Hal ini berlaku kerana tiada penilaian <i>output dan outcome</i> dibuat oleh pengurusan PKB berkaitan kejayaan promosi dagangan hak cipta karya Malaysia serta Manual Operasi Standard tidak diwujudkan bagi aktiviti utama PKB. Kesannya, Lembaga Pengarah dan pengurusan PKB tidak dapat menilai pencapaian kejayaan promosi dagangan hak cipta.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Semenjak penstrukturan semula pada 1 Mac 2014, PKB telah mewujudkan Unit Hak Cipta dengan seorang pegawai. Pegawai berkenaan telah diberikan pendedahan secara berperingkat bagi mempersiapkan PKB menjadi hab</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kandungan serantau. Sistem pengurusan hak cipta akan siap dibangunkan pada 30 Ogos 2016. Sistem ini akan membantu dalam pengurusan penilaian keberkesanan perdagangan hak cipta.</i></p> <p><i>Perdagangan Hak Cipta PKB sedang diperkasa dengan kaedah Right Agency bagi membolehkan PKB mewakili sebilangan besar hak atas kandungan yang dipersembahkan di pameran antarabangsa yang diwakili. Proses perundingan berterusan ini akan menjadi saluran pendapatan baru bagi PKB pada masa hadapan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan PKB perlu menyelenggara data hak cipta bagi tujuan pemantauan pencapaian aktiviti dagangan hak cipta dan keberkesanan teknik promosi yang dijalankan.</p>	
25.5.2.2.d.ii	<p><b>Program Buku Dan Bazar - Bayaran Penuh Sewaan Tapak Aktiviti Dibuat Sebelum Pengesahan Acara Diadakan</b></p> <p>Berdasarkan terma dan syarat bayaran yang dinyatakan dalam <i>Venue Confirmation Form</i> bagi sewaan tapak Dataran Merdeka (Underground), sebanyak 50% deposit (non refundable) perlu dibayar semasa pengesahan kos tempat dibuat dan baki 50% bayaran perlu dibuat dalam masa 7 hari sebelum tarikh acara diadakan. Semakan Audit mendapati <i>Venue Confirmation Form</i> telah ditandatangani antara PKB dan Inti Megah Network Marketing (Inti Megah) pada 16 Februari 2015 bagi penyewaan tapak Dataran Merdeka (Underground). Sewaan ini adalah bagi aktiviti perbukuan PKB yang dijangka diadakan setiap hujung minggu daripada 28 Februari 2015 sehingga 27 Disember 2015 (20 hari). Berdasarkan salinan cek PKB kepada Inti Megah serta baucar bayaran bertarikh 10 Februari 2015, sejumlah RM85,726.40 telah dibayar oleh PKB sebagai pembayaran penuh sewa bagi pelaksanaan aktiviti sepanjang tahun 2015. Berdasarkan rekod pelaksanaan aktiviti, adalah didapati aktiviti yang dijangka diadakan daripada 27 Jun 2015 hingga 27 Disember 2015 (14 hari) telah dibatalkan dan baki bayaran sewaan sebanyak 50% bagi tarikh acara yang dibatalkan tersebut tidak dipulangkan oleh Inti Megah. Pihak Audit juga mendapati pengurusan PKB telah membuat pembayaran penuh sewaan tapak 6 hari sebelum <i>Venue Confirmation Form</i> ditandatangani tanpa meneliti kandungan terma yang membenarkan bayaran sebanyak 50% dibuat 7 hari sebelum acara diadakan. Kesannya, PKB menanggung kerugian berjumlah RM30,347.80 atas pembatalan aktiviti yang dijangka diadakan daripada 27 Jun 2015 hingga 27 Disember 2015 (14 hari).</p>	<p>Pihak Dataran Merdeka <i>Underground</i> tidak bersetuju membuat <i>reimbursement</i> justeru PKB memohon agar jumlah yang telah dibayar berkenaan digunakan secara <i>off set</i> untuk program akan datang di lokasi yang sama.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Penempahan penggunaan Dataran Merdeka (Underground) untuk tujuan aktiviti Buku Dan Bazar dibuat secara pukal bagi membolehkan PKB mendapat diskaun yang lebih besar. Ini memberikan penjimatan sehingga 39% kepada PKB. Namun perkara di luar jangka seperti pembatalan acara disebabkan oleh beberapa penganjuran demonstrasi haram telah menjejaskan perjalanan acara bahkan PKB telah menerima arahan pihak berkuasa untuk menangguhkan acara berkenaan pada saat akhir. Terma pembayaran deposit memperuntukkan tempoh 7 hari pembatalan sebelum pembayaran boleh dikembalikan. PKB tidak memenuhi syarat 7 hari berkenaan kerana arahan pembatalan dibuat hanya sehari sebelum pembatalan. Pihak PKB sudah merundingkan untuk mendapatkan bayaran balik dari pihak Dataran Merdeka (Underground).</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurusan PKB perlu membuat perancangan aktiviti dengan teliti dan tidak membuat pembayaran penuh sewaan tapak aktiviti sepanjang tahun berdasarkan perancangan awal. Kandungan terma dan syarat penyewaan tapak perlu diteliti terlebih dahulu di mana bayaran penuh yang dijelaskan perlu mengambil kira kepentingan PKB.</p>	
25.5.2.2.e.i	<p><b>Aktiviti Penerbitan Digital - Projek Pembangunan e-Book - Sasaran Muat Naik e-Book Ke Portal Tidak Dicapai</b></p> <p>Portal e-Book telah dibangunkan pada tahun 2013 oleh Syarikat MSD Digital Intelligence Sdn. Bhd. (MSD) tanpa sebarang kos dikenakan. Pengurusan PKB menetapkan sasaran untuk memuat naik 3,000 judul buku dalam tempoh setahun iaitu, antara bulan Julai 2013 hingga bulan Julai 2014. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2015, adalah didapati PKB hanya memuat naik sebanyak 1,308 (43.6%) judul e-Book untuk penjualan secara <i>online</i> kepada orang awam. Hal ini kerana PKB tidak memperoleh hak cipta versi elektronik daripada pemilik asal. Kesannya, platform penerbitan digital yang dikendalikan oleh PKB berkemungkinan kurang kompetitif dilawat oleh orang awam bagi mencari pelbagai bahan ilmiah disebabkan jumlah e-Book yang dimuat naik adalah kecil dan terhad berbanding pengendali penerbitan digital lain dan memberi kesan tidak langsung kepada perolehan hasil PKB.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Terdapat beberapa judul yang masih belum dimuat naik kerana urusan</i></p>	<p>Pembelian ekuiti 31.5% dalam syarikat Xentral Method Sdn Bhd merupakan langkah <i>quantum leap</i> bagi mempercepat usaha penerobosan digital ini. Selain itu, latihan <i>online</i> editor telah dilaksanakan sebanyak 3 siri dan bakal memulakan proses <i>editing</i> pada bulan Mei 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>perjanjian hak cipta dengan penerbit sedang berlangsung. Selain itu, keperluan mempercepat dan memperbanyak usaha memuat naik ini dipergiatkan melalui kaedah outsourcing (freelance online editor) yang sedang digiatkan. Proses ini akan melipatgandakan jumlah judul yang dimuat naik. Tarikh jangkaan siap pemurnian hak cipta adalah pada 30 Ogos 2016.</i></p>	
<p><b>25.5.2.2.e.ii</b></p>	<p><b>Dokumen Kontrak Tidak Ditandatangani Dengan Penerbit/Penulis Asal</b></p> <p>Dokumen kontrak adalah penting dalam pelaksanaan tanggungjawab serta menjaga kepentingan pihak yang terlibat. Berdasarkan senarai buku portal e-Book yang disediakan oleh Jabatan Harta Intelek Pembangunan Portal, sebanyak 956 karya telah diterbitkan sehingga 15 Oktober 2015. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya terdapat 19 perjanjian bagi 524 buah karya ditandatangani antara PKB dan penerbit/penulis asal manakala bagi 432 karya, tiada kontrak ditandatangani dengan penerbit/penulis asal. Hal ini disebabkan tiada Manual Operasi Standard disediakan bagi aktiviti utama dan kelemahan pemantauan pengurusan PKB menyebabkan kepentingan kedua-dua pihak berkaitan tidak dilindungi.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>PKB telah menyemak status dan jumlah perjanjian di mana semua karya akan mempunyai kontrak antara PKB dan penerbit/penulis menjelang Sistem Pengurusan Hak Cipta siap dibangunkan pada 30 Ogos 2016. Latihan pengurusan hak cipta juga sedang giat dilakukan secara in house.</i></p>	
<p><b>25.5.2.2.e.iii</b></p>	<p><b>Data Berkaitan Bayaran Royalti Tidak Diselenggara</b></p> <p>Perkara 4 Perjanjian Lesen Penerbitan Elektronik berkenaan Royalti menyatakan sebagai balasan bagi semua hak yang diberi oleh penerbit asal seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1 (lesen mutlak menerbitkan dalam bentuk penerbitan elektronik) dan Perkara 2 (lain-lain hak), PKB bersetuju membayar royalti kepada penerbit asal mengikut kadar iaitu 60% atau 70% daripada harga jualan karya dalam bentuk penerbitan elektronik yang dijual bagi cetakan pertama. Jadual kepada Perkara 5 berkaitan sistem pembayaran royalti bagi Perkara 1 adalah berdasarkan harga jualan tahunan karya pada 31 Disember setiap tahun bagi perjanjian tahun 2013 dan 2014. Manakala bagi perjanjian tahun 2015, Perkara 1 menyatakan pembayaran akan dibuat pada bulan Jun dan bulan Disember. Sekiranya jumlah royalti melebihi RM300 sebulan, PKB boleh membuat pembayaran berdasarkan jumlah royalti</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>terkumpul. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada PKB pernah membuat bayaran royalti berdasarkan terma kontrak memandangkan tiada rekod diselenggara berkaitan pembayaran royalti bagi e-Book yang telah dijual mulai dari tahun 2013 hingga Ogos 2015. Hal ini kerana Manual Operasi Standard tidak disediakan bagi aktiviti utama dan kelemahan pemantauan pengurusan PKB menyebabkan pengurusan PKB tidak dapat mengesahkan sama ada bayaran royalti adalah teratur atau sebaliknya.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Pembayaran royalti belum dibuat kerana jumlah purata royalti masih kecil iaitu di bawah nilai ambang (threshold) RM300. Namun demikian, PKB akan melunaskan jumlah royalti bagi hak cipta yang melebihi 2 tahun pada selewat-lewatnya 30 Ogos 2016 meskipun ianya tidak mencecah nilai ambang bagi tujuan memperkemas pelaporan kewangan.</i></p>	
25.5.2.2.f	<p><b>Penyelidikan Dan Runding Cara</b></p> <p>Pada 27 November 2014, Lembaga Pengarah telah meluluskan peruntukan belanjawan berjumlah RM215,000 bagi aktiviti kajian dan penyelidikan. Sehingga bulan Ogos 2015, terdapat 2 laporan kajian penyelidikan telah dikeluarkan iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Laporan Industri Perbukuan Malaysia 2014 yang telah ditulis oleh Profesor Dr. Md Sidin Ahmad Ishak. Laporan ini antaranya memfokuskan dasar berkaitan perbukuan, agensi pembangunan buku, persatuan industri perbukuan, aktiviti utama perbukuan dan dana industri perbukuan.</li> <li>ii. Artikel bertajuk <i>Country Spotlight – Malaysia</i> telah disiarkan dalam Publishers Weekly di Amerika Syarikat bertarikh 21 September 2015.</li> </ol> <p>Pihak Audit juga mendapati PKB ada menawarkan khidmat runding cara secara <i>online</i> yang ditawarkan melalui laman sesawang Kota Buku sebagai satu nilai tambah. Namun sehingga kini perkhidmatan tersebut belum lagi dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Khidmat dalam talian ini berfungsi sebagai pelengkap dan akan terus dikekalkan untuk manfaat pelanggan khususnya dari luar negara. Fungsi ini sedang diperkasakan untuk menarik lebih ramai pelanggan. Namun demikian, khidmat runding cara dan nasihat terus dilakukan oleh PKB secara 'offline', melalui email, telefon dan hadir terus ke pejabat dan kaedah ini menarik ramai pelanggan sejak ia mula diperkenalkan.</i></p>	
<p><b>25.5.2.2.g</b></p>	<p><b>Akademi Kota Buku</b></p> <p>Pada 19 Jun 2014, Lembaga Pengarah PKB telah meluluskan cadangan penubuhan AKB sebagai pusat latihan dengan peruntukan berjumlah RM50,000 untuk aktiviti di bawah AKB yang meliputi perbelanjaan tenaga pengajar, makan dan minum, peralatan dan lain-lain. Adalah didapati:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Aktiviti latihan menggunakan ruang pejabat PKB yang terdiri daripada 3 bilik seminar dan satu bilik mesyuarat.</li> <li>ii. Unit/Bahagian/Fungsi AKB tidak ditunjukkan dalam Carta Organisasi PKB sungguhpun Lembaga Pengarah pada 10 September 2015 menyatakan PKB perlu mewujudkan sebuah jabatan berasingan bagi menjalankan aktiviti AKB yang akan ditadbir oleh seorang pengurus dan seorang eksekutif kanan.</li> </ul> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Pada peringkat ini, operasi Akademi Kota Buku (AKB) diletakkan di bawah seliaan Jabatan Dagang. AKB akan diwujudkan dalam carta organisasi sebagai sebuah unit.</i></p>	
<p><b>25.5.2.2.h</b></p>	<p><b>Kompleks Kota Buku</b></p> <p>Pada 19 Mei 2009, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan untuk menubuhkan Kompleks Kota Buku (kompleks) dalam majlis anjuran Institut Terjemahan &amp; Buku Malaysia. Objektif pembinaan kompleks ini adalah untuk menyediakan kemudahan dan tempat bagi menyelaras aktiviti perbukuan negara. Lembaga Pengarah PKB telah meluluskan cadangan pembentukan Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kompleks Kota Buku dalam mesyuarat yang diadakan pada 12 Oktober 2012. Seterusnya dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 17 Mei 2013, pengurusan PKB memaklumkan bahawa Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kompleks Kota Buku telah mengemukakan Laporan Penyediaan Analisis Keperluan kepada KPM. Perbincangan telah diadakan antara PKB dengan pihak KPM dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) berkenaan pembinaan kompleks tersebut sepanjang tahun 2014.</p> <p>Berdasarkan mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 12 Februari 2015, pihak KPM menyatakan proses perbincangan berada dalam peringkat akhir sebelum Memorandum Jemaah Menteri disediakan. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) berpendapat bahawa PKB merupakan syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) dan PKB perlu mempunyai kewangan yang kukuh bagi mengendalikan perbelanjaan operasi, kos penyenggaraan dan kos bayaran pajakan. Sekiranya PKB tidak mampu untuk membuat pembayaran dan menguruskan kos penyenggaraan pada masa akan datang, Kerajaan terpaksa menanggung beban tersebut.</p> <p>Sehubungan itu, PKB telah mengeluarkan surat pada 3 September 2015 kepada KPM berhubung justifikasi yang membolehkan PKB menanggung kos pajakan, kos operasi, kos penyenggaraan serta kos yang lain. Bagaimanapun, sehingga bulan Ogos 2015, pembinaan kompleks masih belum dapat dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Berdasarkan surat bertarikh 17 November 2015 ruj. No. KPM.BPP.200 - 1/1/21/2(70) "YB Menteri Pendidikan telah memutuskan supaya cadangan oleh SSHSB tersebut hanya akan diteruskan tertakluk kepada urusan yang ada kaitan dengan projek RoL (River of Life). Seterusnya di perenggan 5 halaman 3, "dengan ini, dimaklumkan bahawa cadangan pihak YBhg. Dato' sebelum ini tidak dapat diteruskan di atas tapak SK (L) dan SK (P) Jalan Batu tersebut sehingga 31 Disember 2020 sejajar dengan keputusan Jemaah Menteri yang telah diputuskan berkenaan. PKB kini menunggu panggilan susulan pihak Unit Kerjasama Awam Swasta untuk tujuan meneruskan mesyuarat Jawatankuasa pembinaan Kompleks Kota Buku.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
25.5.3.1	<p><b>Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan - Syarikat - Manual Operasi Standard</b></p> <p>Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam menentukan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Adalah didapati PKB telah menyediakan Manual Operasi Standard (manual) untuk Jabatan Kewangan Dan Pentadbiran iaitu Manual Kewangan Dan Sumber Manusia. Manual ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 27 Disember 2012. Bagaimanapun, manual bagi 3 Jabatan iaitu Usahaniaga Sosial, Dagang dan Harta Intelek Pembangunan Portal yang menjalankan 4 aktiviti utama PKB masih belum disediakan menyebabkan kurang pemantauan terhadap proses kerja.</p> <p>Pada pendapat Audit, PKB perlu menyediakan manual untuk jabatan lain khususnya manual berkaitan operasi syarikat supaya aktiviti yang dijalankan mempunyai garis panduan dan prosedur yang boleh dirujuk untuk memastikan operasi syarikat diuruskan dengan teratur.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Manual Operasi Standard untuk 3 Jabatan ini akan disediakan selewat-lewatnya pada 20 Jun 2016.</i></p>	<p>Manual Operasi Standard untuk 3 Jabatan (Usahaniaga Sosial, Dagang dan Harta Intelek Pembangunan Portal) ini sedang disediakan oleh Ketua-ketua Jabatan dan akan disiapkan selewat-lewatnya pada 20 Jun 2016.</p>
25.5.3.2.c	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Terma Rujukan Lembaga Pengarah</b></p> <p>Prinsip 1 - Mewujudkan peranan dan tanggungjawab yang jelas yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, menyatakan terma rujukan Lembaga Pengarah perlu disediakan sebagai rujukan dan panduan Lembaga Pengarah. Terma rujukan menetapkan matlamat, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah serta merangkumi pembahagian tanggungjawab dan kuasa antara Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan, jawatankuasa lain yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah dan antara Pengerusi dengan Ketua Pegawai Eksekutif. Berdasarkan semakan Audit dan pengesahan dengan pengurusan PKB mendapati tiada terma rujukan disediakan untuk Lembaga Pengarah PKB di mana Lembaga Pengarah mengguna pakai <i>Article of Association</i> syarikat sebagai sumber rujukan.</p>	<p>Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2016 mengambil maklum keperluan menyediakan TOR ini dan ia akan dibentangkan untuk kelulusan pada mesyuarat Bil. 3/2016 dijadualkan pada 7 Jun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Pihak Setiausaha Syarikat akan menyediakan TOR untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah PKB melalui mesyuarat yang dijadualkan pada 19 April 2016.</i></p>	
<p><b>25.5.3.2.d</b></p>	<p><b>Unit Audit Dalam</b></p> <p>Prinsip 6 - Mengenal dan mengurus risiko yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah perlu mewujudkan fungsi audit dalam yang membuat laporan terus kepada Jawatankuasa Audit. Semakan Audit mendapati, tiada Unit Audit Dalam yang diwujudkan di PKB.</p> <p>Pada pendapat Audit, unit Audit Dalam perlu diwujudkan sebagai salah satu kaedah pemantauan dan kawalan dalaman, seterusnya melaporkan hasil pengauditan tersebut kepada Jawatankuasa Audit untuk makluman dan tindakan Lembaga Pengarah.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Unit Audit Dalam akan diwujudkan selepas mendapat kelulusan Lembaga Pengarah melalui mesyuarat yang dijadualkan pada 19 April 2016.</i></p>	<p>Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2016 telah dibentangkan sebut harga pelantikan syarikat untuk tujuan Audit Dalam namun lembaga mendapati kos yang terbabit terlalu mahal dan di luar keupayaan kewangan semasa. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kewangan diminta untuk merundingkan agar kos yang dinyatakan dipecahkan secara modular mengikut keperluan sektor auditan untuk tempoh 3 tahun. Lembaga juga menasihatkan pengurusan untuk terus cuba mendapatkan sebut harga yang lebih murah. Semua urusan pelantikan dan perundingan ini akan diselesaikan menjelang Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Bil. 3/2016 nanti.</p>
<p><b>25.5.3.3</b></p>	<p><b>Pelan Strategik</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, PKB ada membentangkan cadangan Pelan Strategik 2012 hingga 2015 dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 12 Oktober 2012 namun pelan strategik tersebut tidak dimuktamadkan. Lembaga Pengarah memutuskan supaya pelan strategik tersebut dikaji semula dan perlu dibentangkan pada mesyuarat yang berikutnya untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Seterusnya, pada 27 November 2014, Pelan Strategik 5 Tahun (2014 – 2020) telah dibentangkan oleh pengurusan PKB bagi mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah. Kedua-dua pelan strategik tersebut adalah berbeza kerana Pelan Strategik 2012 hingga 2015 dibuat secara dalaman manakala Pelan Strategik 5 Tahun (2014 – 2020) disediakan oleh pihak perunding. Setakat bulan November 2015, Pelan Strategik 5 Tahun (2014 – 2020) masih dalam peringkat perbincangan dan draf. Hal ini menyebabkan tiada penetapan hala tuju serta pengukuran sasaran aktiviti syarikat.</p>	<p>Pelan Strategik PKB 2016 – 2025 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2016 yang telah diadakan pada 26 April 2016 dan diluluskan. Ia akan dimurnikan sebelum dijadikan dokumen panduan operasi PKB.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, PKB perlu menyediakan pelan strategik dengan segera supaya objektif dan hala tuju syarikat dapat dicapai seterusnya dapat meningkatkan prestasi syarikat.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Pelan Strategik 5 tahun akan disiapkan dalam suku ke-2 tahun operasi PKB bagi tahun 2016.</i></p>	
25.5.3.4	<p><b>Key Performance Indicator (KPI) / Petunjuk Prestasi Utama</b></p> <p>Semakan Audit mendapati PKB telah menyediakan elemen KPI yang ada terkandung dalam Pelan Strategik. Bagaimanapun, Pelan Strategik tersebut masih belum dimuktamadkan menyebabkan pengukuran KPI syarikat tidak dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah perlu menyegerakan kelulusan terhadap pelan strategik dan jelas terhadap hala tuju PKB supaya PKB dapat melaksanakan KPI sebagai mekanisme pengukuran produktiviti syarikat secara keseluruhannya.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>PKB menyesuaikan operasi berdasarkan iklim ekonomi semasa. KPI ini akan disesuaikan dengan Pelan Strategik 5 tahun PKB yang akan siap pada suku ke-2 tahun operasi 2016.</i></p>	Berikutan kelulusan Pelan Strategik PKB yang telah diluluskan, KPI akan dibina dan mengikut jangka masa yang ditetapkan.
25.5.3.5.a.i	<p><b>Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengurusan Pelaburan Simpanan Tetap - Kelulusan Lembaga Pengarah Bagi Pelaburan Simpanan Tetap Pada Tahun 2014</b></p> <p>Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati tiada bukti menunjukkan pelaburan dalam simpanan tetap pada tahun 2014 berjumlah RM24.04 juta (pelaburan tambahan dan sedia ada) di dua institusi kewangan telah dibentangkan oleh pengurusan PKB untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Kewangan Dan Audit. Hal ini menunjukkan pengurusan PKB telah melanggar tugas fidusiari dalam memberikan maklumat lengkap dan sempurna bagi Lembaga Pengarah</p>	Bagi pelaburan simpanan tetap untuk tahun 2016, Pengurusan telah membawa cadangan kepada Jawatankuasa Pelaburan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Bil. 1/2016 yang telah diadakan pada 22 Mac 2016 sebelum dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2/2016 yang telah diadakan pada 26 April 2016. Cadangan pelaburan semasa telah diluluskan oleh Lembaga.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>membuat keputusan dan bertindak tanpa kelulusan Lembaga Pengarah.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Bagi pelaburan simpanan tetap yang akan datang, pihak pengurusan akan membawa kepada mesyuarat Lembaga Pengarah sebelum tindakan diambil.</i></p>	
25.5.3.5.a.ii	<p><b>Senarai Pelaburan Tidak Diselenggara Dengan Sempurna</b></p> <p>Perkara 3.0 Prosedur Perekodan Pelaburan Bahagian Kewangan menyatakan bahawa pihak pengurusan hendaklah menyediakan senarai pelaburan yang mengandungi maklumat seperti jenis pelaburan, tempoh pelaburan, jumlah pelaburan yang dicadangkan, pulangan yang dijangkakan atas pelaburan dan panel pelaburan bagi tujuan semakan dan penyeliaan. Adalah didapati, Bahagian Kewangan PKB tidak menyelenggara senarai pelaburan dengan sempurna dan maklumat berkaitan simpanan tetap seperti sijil pelaburan dan penyata simpanan tetap tidak difailkan dengan teratur.</p> <p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Senarai pelaburan ada disediakan dan dibentangkan kepda Lembaga Pengarah setiap kali Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Bagaimanapun, maklumat yang dibentangkan tidak menepati kehendak Perkara 3.0 Prosedur Perekodan Pelaburan. Penyelenggaraan senarai pelaburan seperti Prosedur Perekodan Pelaburan sedang dikemas kini.</i></p>	<p>Penyelenggaraan senarai pelaburan seperti Prosedur Perekodan Pelaburan akan siap dikemas kini pada 30 Ogos 2016.</p>
25.5.3.7.a	<p><b>Pengurusan Aset - Pelupusan Aset</b></p> <p>Perkara 15.0 Prosedur Pelupusan Harta Tetap menyatakan bahawa Pegawai Pentadbiran hendaklah mengemukakan cadangan pelupusan harta tetap kepada kakitangan/Lembaga Pemeriksa Harta bersama dengan alasan pelupusan dan cadangan tersebut perlu dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Adalah didapati PKB telah melupuskan 21 buah Ipad dan 13 buah Iphone 5 bernilai RM37,326.16 sebagai hadiah pengunjung bertuah bagi Festival Sastera Kanak-Kanak 2014 dengan hanya mendapat kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif dan dua orang pegawai kanan dan tiada kelulusan Lembaga Pengarah berkenaan pelupusan tersebut diperolehi.</p>	<p>Teguran Jabatan Audit ini telah dibawa kepada perhatian Pengurusan. Pengurusan akan memastikan ianya tidak akan berulang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas PKB Yang Diterima Pada 7 April 2016</p> <p><i>PKB telah melupuskan 21 buah Ipad dan 13 buah Iphone 5 bernilai RM37,326.16 sebagai hadiah pengunjung bertuah bagi Festival Sastera Kanak-kanak 2014 dan cadangan telah di bawa ke dalam Laporan pembelian aset baru dan cadangan pelupusan aset dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bil. 3/2014 bertarikh 19 Jun 2014. Tetapi ia tidak diminitkan secara terang dan jelas. Semua punca kuasa akan dipastikan diminitkan dengan lebih terang dan jelas.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan PKB perlu memastikan setiap kelulusan pelupusan aset dibuat berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh syarikat.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Perenggan 26 : Malaysian Agrifood Corporation Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>26.5.1.1.a</b>	<b>Prestasi Kewangan - Analisis Kewangan</b>  Syarikat telah merekodkan kerugian bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 dengan kerugian terkumpul berjumlah RM447.84 juta pada tahun 2014. Pada tahun kewangan 2012, kerugian sebelum cukai adalah sejumlah RM114.84 juta. Kerugian sebelum cukai telah berkurang berjumlah RM1.45 juta pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 menjadikan kerugian selepas cukai tahun 2014 berjumlah RM18.49 juta. Pengurangan yang ketara ini adalah disebabkan oleh perubahan ke atas polisi perakaunan syarikat berhubung penjejasan nilai aset.	Pengurangan kerugian pada tahun 2016 dan seterusnya adalah disebabkan oleh perubahan polisi yang melibatkan penjejasan aset ( <i>impairment</i> ) berdasarkan FRS 136 pada tahun 2012. Oleh itu, ia telah mengurangkan susut nilai tahunan untuk tahun-tahun seterusnya. Sila rujuk pada jadual 26.3 untuk butiran Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Rugi MAFC bagi tahun kewangan 2012, 2013 dan 2014.
<b>26.5.1.1.b</b>	Jumlah kerugian sebelum cukai yang tinggi pada tahun 2012 adalah disebabkan penjejasan nilai aset ( <i>impairment</i> ) syarikat iaitu hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM48.54 juta, perisian berjumlah RM1.55 juta dan pelaburan berjumlah RM24.97 juta yang dikelaskan dalam lain-lain perbelanjaan. Faktor lain yang turut menyumbang kepada pengurangan kerugian sebelum cukai syarikat adalah pengurangan belanja susut nilai aset dan manfaat kakitangan. Manfaat kakitangan adalah terdiri daripada gaji dan upah, <i>social security costs</i> , <i>pension cost</i> dan <i>other staff related expenses</i> .	Perbelanjaan tahunan bagi manfaat kakitangan juga telah berkurang dari RM14.06 juta (2012) kepada RM10.19 juta (2013) dan RM7.52 juta (2014) disebabkan oleh pengecilan saiz tenaga kerja bagi tahun 2012 dan seterusnya.  Sungguhpun syarikat mengalami kerugian, terdapat peningkatan sebanyak 37.45% dalam aliran tunai bersih operasi syarikat dari negatif RM17.97 juta (2013) kepada negatif RM11.24 juta (2014) yang disebabkan oleh tiga faktor berikut:-
<b>26.5.1.1.g</b>	Analisis terhadap Penyata Aliran Tunai syarikat mendapati berlaku peningkatan aliran tunai daripada aktiviti operasi meskipun syarikat mengalami kerugian bagi tempoh tiga tahun berturut-turut dengan peningkatan yang ketara sebanyak 37.45% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Bagaimanapun, trend peningkatan aliran tunai dari operasi ini tidak disokong oleh aliran tunai daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan. Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan mengalami penurunan yang ketara iaitu sebanyak 111.27% pada tahun 2013 berbanding 2012 dan peningkatan sebanyak 4.35% pada tahun 2014. Manakala aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan mengalami peningkatan sebanyak 100% pada tahun 2013 sebelum menurun sebanyak 103% pada tahun 2014. Penurunan ini adalah disebabkan pada tahun 2012 dan 2013 syarikat menerima suntikan dana dalam bentuk terbitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Peningkatan untung kasar produk MAFC dari RM1.11 juta (2013) kepada RM1.2 juta (2014);</li> <li>ii. Pengurangan faedah pinjaman perbankan dari RM3.27 juta (2013) kepada RM3.01 juta (2014); dan</li> <li>iii. Penurunan dalam penghutang disebabkan oleh peningkatan jumlah kutipan (<i>trade debtors</i>) dari negatif RM2.82 juta (2013) kepada RM2.43 juta (2014).</li> </ul> <p>Berdasarkan draf laporan kewangan bagi tahun 2015, keuntungan selepas cukai bagi Kumpulan Syarikat MAFC dianggarkan sebanyak RM15.7 juta.</p> <p>Terdapat peningkatan dalam keuntungan kasar MAFC yang dianggarkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<p>saham biasa dan saham <i>Redeemable Convertible Participating Cumulative Preference Shares</i> (RCPCPS).</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 5 April 2016</p> <p><i>MAFC telah mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM447.84 juta pada tahun 2014 terutama pada tahun-tahun awal penubuhan MAFC adalah disebabkan faktor kos operasi perladangan yang tinggi dan permintaan rendah dari pengguna. MAFC ditubuhkan dengan visi untuk mentransformasi operasi pengedaran dan perladangan sayuran dan buah-buahan di Malaysia yang halal, berkualiti tinggi dan bebas dari bahan kimia di mana Inisiatif transformasi ini memerlukan kos yang tinggi merangkumi operasi berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Upstream - Penerapan pertanian moden CEF (Controlled Environment Farming) dan memenuhi piawaian yang ditetapkan seperti MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices).</i></li> <li><i>ii. Midstream – Integriti di dalam operasi CPPC (Collection, Processing and Packaging Centre) dengan khidmat Halalan Cold Chain Logistics.</i></li> <li><i>iii. Downstream – Pembungkusan, penjenamaan dan promosi secara komersial dengan menekankan sudut kualiti sayuran yang bebas dari bahan kimia berbahaya dan selamat untuk dimakan.</i></li> </ul> <p><i>Di samping kos operasi yang tinggi, jualan MAFC tidak dapat mencapai sasaran awal penubuhan disebabkan oleh:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Permintaan pasaran tempatan untuk sayur berkualiti tinggi dan bebas dari bahan kimia adalah rendah kerana pengguna lebih berminat kepada harga sayur yang lebih murah.</i></li> <li><i>ii. Penutupan ladang betik iaitu Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Lanchang yang disebabkan oleh serangan penyakit serius</i></li> </ul> <p><i>Jika analisa terperinci dibuat, tahap kerugian selepas operasi sebenarnya berkurangan dari kerugian tanpa kejejasan nilai aset (assets impairment) RM34.8 juta kepada RM19.9 juta bagi tahun 2013 dan RM18.5 bagi 2014. MAFC menganggarkan dapat mencapai keuntungan RM2 juta setahun</i></p>	<p>sebanyak RM1.26 juta jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya seperti Jadual di bawah:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 341 2078 427"> <thead> <tr> <th>RM Juta</th> <th>2012</th> <th>2013</th> <th>2014</th> <th>2015*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pendapatan</td> <td>12.22</td> <td>10.95</td> <td>10.69</td> <td>11.52</td> </tr> <tr> <td>Untung Kasar</td> <td>(2.76)*</td> <td>1.11</td> <td>1.20</td> <td>1.26</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) Untung kasar RM2.76 juta adalah selepas diklasifikasikan mengikut klasifikasi kos tahun 2012, 2014 &amp; 2015. Rujuk perenggan 2.6.5.1.1.d.</li> <li>(2) Pendapatan dan untung kasar 2015 adalah berdasarkan draf laporan kewangan berakhir 2015 yang belum diaudit.</li> </ul> <p>Terdapat juga pengurangan kos operasi yang mana membantu meningkatkan keuntungan keseluruhan Kumpulan dan Syarikat MAFC.</p> <p>Aliran tunai Kumpulan MAFC bagi tahun kewangan 2015 juga bertambah baik berbanding dengan tahun sebelumnya berdasarkan peningkatan untung kasar, kejayaan pengurusan dalam pengurangan kos operasi dan juga keuntungan bersih yang dicapai oleh anak syarikat MAFC iaitu Cold Chain Network (M) Sdn Bhd (CCN).</p> <p>Di samping itu, syarikat juga mempunyai pelan pemulihan perniagaan sektor Hortikultur MAFC melalui penggabungan perniagaan tersebut dengan salah sebuah syarikat Hortikultur yang berjaya di pasaran Malaysia dan Singapura. Dengan adanya penggabungan tersebut, ianya akan memberikan pulangan pelaburan yang positif bagi perniagaan Hortikultur dari tahun 2016 dan tahun-tahun seterusnya.</p> <p>Kombinasi jangkaan keuntungan bersih dari kedua-dua sektor perniagaan tersebut (Hortikultur dan Logistik) akan membolehkan Kumpulan MAFC mencapai keuntungan sebelum cukai bagi tahun penggabungan dan tahun-tahun seterusnya.</p>	RM Juta	2012	2013	2014	2015*	Pendapatan	12.22	10.95	10.69	11.52	Untung Kasar	(2.76)*	1.11	1.20	1.26
RM Juta	2012	2013	2014	2015*													
Pendapatan	12.22	10.95	10.69	11.52													
Untung Kasar	(2.76)*	1.11	1.20	1.26													

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																																													
	<i>dengan kolaborasi perniagaan bersama rakan strategik pada tahun 2016 dan berikutnya.</i>																																																																														
<p><b>26.5.2.1</b></p>	<p><b>Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti - Prestasi Aktiviti</b></p> <p>MAFC telah memasarkan produk Lushious seperti salad, tomato, cili, mentimun dan kacang buncis ke beberapa peruncit dan pengedar seperti Aeon Big, Cold Storage, Giant dan Mydin. Produk Lushious juga dipasarkan melalui pengedar dan juga terus kepada perkhidmatan penyajian seperti A&amp;W. Selain itu, produk Lushious juga berjaya dipasarkan ke Singapura dan negara Timur Jauh (Hong Kong). Namun begitu, tiada peningkatan ketara sejak tahun 2012 dalam bilangan peruncit/pengedar yang mengedarkan produk.</p> <p>Pada pendapat Audit, penjualan produk Lushious telah berjaya menembusi pasaran dalam dan luar negara. Namun begitu, kempen kesedaran terhadap produk Lushious dan usaha untuk memperluaskan pasaran serta meningkatkan bilangan pasaraya perlu dipergiatkan.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 17 Mac 2016</p> <p><i>Terdapat peningkatan dari sudut jualan dan pasaran produk Lushious berjumlah 2.13 juta pek pada tahun 2012 kepada 2.86 juta pek pada tahun 2013 dan seterusnya mencapai 3.01 juta pek pada tahun 2014. Berdasarkan statistik di atas, terdapat peningkatan terhadap produk berkualiti MAFC di pasaran walaupun jumlah peruncit dan pengedar dikekalkan. MAFC juga lebih fokus pada meningkatkan jualan melalui peruncit/pengedar yang sedia ada kerana potensi perkembangan perniagaan masih besar.</i></p> <p><i>Bagi merealisasikan perkara ini, MAFC telah melancarkan satu projek untuk Retail Market di mana projek ini berhasil meningkatkan pesanan jualan dan mendapatkan perniagaan baru dari 16 cawangan syarikat Giant, Cold Storage, AEON Big dan Mydin. Dalam masa yang sama, MAFC sedang dalam perbincangan dengan peruncit/pengedar baru yang berpotensi seperti dengan syarikat Tesco, AEON dan Giant Singapura.</i></p>	<p>Pada tahun 2015, jualan dan pasaran produk Lushious telah mencapai jumlah 3.33 juta pek.</p> <p>Terdapat perkembangan perniagaan dengan penambahan cawangan-cawangan pengedar dari tahun 2012 terutamanya pada tahun 2015. Di samping itu, pihak pengurusan juga telah melakukan penyelarasan di mana beberapa cawangan terpaksa dihentikan bekalan produk berdasarkan pulangan komersial dan ekonomi. Sila rujuk Jadual di bawah:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 646 2060 885"> <thead> <tr> <th>Bilangan Cawangan</th> <th>2012</th> <th>+</th> <th>-</th> <th>2013</th> <th>+</th> <th>-</th> <th>2014</th> <th>+</th> <th>-</th> <th>2015</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>AEON BIG</td> <td>28</td> <td>+1</td> <td></td> <td>29</td> <td>+1</td> <td></td> <td>30</td> <td>+1</td> <td>-1</td> <td>30</td> </tr> <tr> <td>COLD STORAGE</td> <td>18</td> <td></td> <td></td> <td>18</td> <td>+3</td> <td></td> <td>21</td> <td>+1</td> <td></td> <td>22</td> </tr> <tr> <td>GIANT</td> <td>60</td> <td>+7</td> <td>-10</td> <td>57</td> <td>+2</td> <td>-12</td> <td>47</td> <td>+9</td> <td>-4</td> <td>52</td> </tr> <tr> <td>MYDIN</td> <td>12</td> <td>+4</td> <td></td> <td>16</td> <td>+9</td> <td>-2</td> <td>23</td> <td>+4</td> <td></td> <td>27</td> </tr> <tr> <td>A&amp;W</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td>+28</td> <td></td> <td>28</td> </tr> <tr> <td><b>Jumlah</b></td> <td><b>118</b></td> <td><b>+12</b></td> <td><b>-10</b></td> <td><b>120</b></td> <td><b>+15</b></td> <td><b>-14</b></td> <td><b>121</b></td> <td><b>+43</b></td> <td><b>-5</b></td> <td><b>159</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Aktiviti pengembangan produk Lushious terus dipertingkatkan pada tahun 2016. Sebagai contoh, MAFC telah dan akan menandatangani dan membekalkan produk berkualiti Lushious kepada:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ A&amp;W (M) Sdn Bhd yang merangkumi 28 cawangan (dibekalkan bermula 18 Oktober 2015); dan</li> <li>▪ Parkson (M) Corporation Sdn Bhd yang merangkumi 1 cawangan (akan dibekalkan bermula pada 5 Januari 2016).</li> </ul> <p>Di samping itu, terdapat dua lagi kontrak perniagaan yang akan ditandatangani dan sedang dalam proses audit kualiti untuk dua syarikat berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cosmo Restaurant Sdn Bhd (Burger King) merangkumi 54 cawangan (dijangkakan pada bulan Oktober 2016); dan</li> </ul>	Bilangan Cawangan	2012	+	-	2013	+	-	2014	+	-	2015	AEON BIG	28	+1		29	+1		30	+1	-1	30	COLD STORAGE	18			18	+3		21	+1		22	GIANT	60	+7	-10	57	+2	-12	47	+9	-4	52	MYDIN	12	+4		16	+9	-2	23	+4		27	A&W								+28		28	<b>Jumlah</b>	<b>118</b>	<b>+12</b>	<b>-10</b>	<b>120</b>	<b>+15</b>	<b>-14</b>	<b>121</b>	<b>+43</b>	<b>-5</b>	<b>159</b>
Bilangan Cawangan	2012	+	-	2013	+	-	2014	+	-	2015																																																																					
AEON BIG	28	+1		29	+1		30	+1	-1	30																																																																					
COLD STORAGE	18			18	+3		21	+1		22																																																																					
GIANT	60	+7	-10	57	+2	-12	47	+9	-4	52																																																																					
MYDIN	12	+4		16	+9	-2	23	+4		27																																																																					
A&W								+28		28																																																																					
<b>Jumlah</b>	<b>118</b>	<b>+12</b>	<b>-10</b>	<b>120</b>	<b>+15</b>	<b>-14</b>	<b>121</b>	<b>+43</b>	<b>-5</b>	<b>159</b>																																																																					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tesco (M) Sdn Bhd merangkumi 58 cawangan (dijangkakan pada bulan November 2016).</li> </ul>
26.5.2.2.a	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Pajakan Tanah MARDI di Tanah Rata</b></p> <p>MAFC juga menjalankan tanaman sayuran dengan menggunakan kaedah perladangan dengan persekitaran yang terkawal di tanah milik MARDI seluas 12.14 hektar yang merupakan sebahagian dari Tanah No. Siri 3397, Tempat Jalan dari Bandar ke Ayer Terjun, Mukim Tanah Rata. MARDI memberi kebenaran kepada MAFC untuk menggunakan tanah ini berdasarkan <i>Memorandum of Understanding</i> (MOU) yang ditandatangani pada 21 Mac 2008 di antara Ketua Pengarah MARDI dengan Pengarah MAFC. MOU berkenaan disediakan bagi membolehkan MARDI membenarkan MAFC memasuki kawasan yang dipajak sementara menunggu pelaksanaan <i>Collaboration Agreement on Highland Agriculture</i>. MOU ini akan terus berkuat kuasa sehingga pelaksanaan <i>Collaboration Agreement on Highland Agriculture</i> dan <i>Research Collaboration Agreement</i>, yang mana terkemudian atau pihak terlibat bersetuju secara bersama untuk menamatkan MOU ini. Semakan Audit mendapati selepas 7 tahun MOU ini ditandatangani, <i>Collaboration Agreement on Highland Agriculture</i> dan <i>Research Collaboration Agreement</i> berkenaan masih belum dilaksanakan dan penggunaan tanah berkenaan oleh MAFC hanya berdasarkan MOU. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 6/2012-54 bertarikh 24 Oktober 2015 pernah mengambil maklum bahawa pihak MARDI berhasrat untuk menamatkan MOU berkenaan pada tahun 2012 untuk membolehkan tanah berkenaan digunakan untuk aktiviti lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi menjamin pengeluaran hasil ladang yang berterusan dari tanah berkenaan, MAFC sewajarnya berunding dengan pihak MARDI agar kedua-dua perjanjian dilaksanakan dengan segera bagi menjamin penggunaan tanah berkenaan untuk jangka panjang.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Pihak MAFC telah merujuk MOU tersebut kepada Peguam dan mendapati bahawa MOU tersebut adalah "legally binding" dan sah serta mencukupi sebagai ikatan perjanjian usaha sama untuk jangka masa panjang.</i></p>	<p>Berdasarkan surat rasmi yang dikeluarkan oleh MARDI kepada MAFC bertarikh 22 Februari 2016, MOU tersebut adalah sah dan masih berkuatkuasa sehingga 20 Mac 2028.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.2.b	<p><b>Tanah Di Lembah Bertam Tidak Digunakan Secara Optima</b></p> <p>Semakan Audit mendapati tanah MAFC seluas 195.3 hektar di Lot 5586, Mukim Ulu Telom yang diperolehi dengan harga RM68.6 juta tidak digunakan sepenuhnya untuk penghasilan tanaman. Semasa pengauditan dijalankan didapati hanya tanah seluas 20 hektar telah dimajukan dan selebihnya masih terbiar.</p> <p>Hasil daripada perbincangan dengan pegawai MAFC, baki tanah yang belum diusahakan seluas 175.3 hektar itu hanya akan digunakan setelah mendapat permintaan pasaran terhadap produk Lushious dan pertambahan bilangan peruncit/pengedar untuk memasarkannya. Bagi meningkatkan prestasi jualan syarikat, aktiviti pemasaran perlu dipergiatkan dan diperluaskan. Kegagalan untuk menggunakan tanah tersebut secara optima telah menyebabkan syarikat tidak mendapat pulangan yang setimpal (economic return) dengan pelaburan yang dibuat bagi mendapatkan tanah berkenaan.</p> <p>Pihak Audit berpendapat aktiviti pemasaran produk Lushious perlu dipergiatkan dan diperluaskan bagi meningkatkan permintaan dan seterusnya membolehkan penanaman dapat dilakukan di kawasan yang masih belum diusahakan.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Jumlah pengeluaran produk MAFC adalah berdasarkan permintaan terhadap Lushious di mana peningkatan kepada permintaan Lushious adalah bergantung kepada perancangan dan keseimbangan di antara permintaan dan pengeluaran setelah mengambil kira jualan dan kos bagi mencapai objektif kewangan syarikat. Jika peningkatan pengeluaran dibuat secara drastik dan tidak selaras dengan permintaan pasaran, ianya akan menghasilkan lambakan dan kerugian kepada syarikat MAFC akan berkembang secara progresif untuk memenuhi peningkatan permintaan ke atas konsep sayur yang selamat dimakan. Perancangan untuk memperkembangkan keluasan kawasan pertanian melalui perjanjian perniagaan jangka panjang dengan pelanggan adalah salah satu dari strategi utama dalam perancangan tahun 2016. Dalam perancangan untuk tahun 2016 hingga 2020, MAFC menjangkakan peningkatan permintaan di mana pengeluaran dari perkembangan ladang sendiri atau dari contract sourcing.</i></p>	<p>Pihak Giant Singapura melalui perbincangan dengan <i>Merchandise Manager</i>, Mr. Vincent Ow pada 6 Julai 2015 telah menyatakan minat untuk berunding terus dengan MAFC bagi membekalkan sayuran berkualiti Lushious ke seluruh rangkaian pasaraya besar Giant di Republik Singapura. Dalam perbincangan berkenaan, ada dinyatakan bahawa Giant Singapura berminat untuk mendapatkan bekalan produk Lushious selepas pembinaan pusat pengedaran di Singapura yang dijangka siap pada bulan Mei 2016.</p> <p>Pihak MAFC telah menetapkan syarat kepada Giant Singapura bahawa kontrak bekalan Lushious bagi jangka masa panjang perlulah ditandatangani bagi menyokong modal pengembangan ladang yang akan disuntik oleh syarikat.</p> <p>Buat masa ini, pihak pengurusan Giant Singapura dalam proses untuk menentukan jumlah keperluan pasaran jangka panjang mereka sebelum bersetuju untuk mengadakan perjanjian jangka masa panjang dengan pihak MAFC. Tindakan untuk mengembangkan ladang akan hanya dilakukan apabila perjanjian ditandatangani dalam masa sekurang-kurangnya enam bulan daripada tarikh perjanjian tersebut kerana ia akan melibatkan pengeluaran lebih kurang 30 hingga 40 peratus daripada jumlah pengeluaran sekarang.</p> <p>Pihak Giant Singapura tidak dapat memberikan tarikh tertentu untuk perjanjian di atas dapat dimuktamadkan walaupun MAFC telah bermesyuarat di Singapura dan telah menyerahkan cadangan pembekalan tahunan bermula tahun 2016 kepada pihak mereka pada 27 Julai 2015 berdasarkan keluasan tanah MAFC seluas 175 hektar yang belum digunakan di Cameron Highlands.</p> <p>Pihak Giant Singapura memerlukan masa untuk membuat keputusan kerana:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bergantung pada tahap kesediaan operasi Pusat Penegrdaran Giant di Singapura yang dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2016; dan</li> <li>ii. Operasi pencerahan pekerja asing dan pencerobohan tanah ladang haram di Cameron Highlands telah memberikan impak kepada Giant Singapura terutamanya dalam bentuk sekuriti pembekalan oleh pembekal-pembekal mereka sedia ada.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.2.c	<p><b>Perlindungan Cerun Di Ladang Lembah Bertam</b></p> <p>Sebahagian besar plot-plot ladang MAFC terletak di kawasan bercerun yang agak curam. Langkah-langkah perlindungan cerun telah disediakan semasa penyediaan infrastruktur kawasan berkenaan. Setiap cerun mempunyai <i>berm drain</i> bagi membolehkan larian air permukaan mengalir secara teratur semasa hujan untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh. <i>Berm drain</i> berkenaan hendaklah disenggara secara berkala. Namun begitu, semasa pemeriksaan fizikal pada 9 September 2015 didapati <i>berm drain</i> di beberapa kawasan tidak disenggara dengan sempurna. Semakan Audit mendapati penyenggaraan secara berkala tidak dijalankan oleh MAFC. Selain itu, tiada pasukan khusus yang dipertanggungjawabkan untuk menyenggara cerun tersebut. Pada masa ini kerja penyenggaraan hanya dibuat secara <i>ad-hoc</i> oleh pekerja ladang dan <i>berm drain</i> berkenaan telah dilitupi dengan tanah dan rumput. MAFC sewajarnya menyediakan jadual penyenggaraan terhadap <i>berm drain</i> berkenaan bagi memastikan longkang sentiasa berada dalam keadaan bersih agar membolehkan larian air permukaan mengalir dengan lancar.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Satu syarikat konsultansi yang mempunyai kepakaran yang diperlukan telah dilantik pada 21 Oktober 2016 dengan disokong oleh pasukan MAFC. Syarikat konsultansi akan menyediakan jadual penyeliaan untuk pasukan MAFC menjalankan pemeriksaan berkala bagi tempoh setiap 6 bulan. Pada ketika ini, fokus adalah kepada pembaikan pada lokasi-lokasi tanah runtuh yang kritikal fasa pertama dan dijangka siap pada bulan Mac 2016. Pembaikan pada lain-lain lokasi akan dibuat secara berperingkat sehingga siap sepenuhnya sebelum akhir 2016.</i></p> <p><i>Setakat ini tiada kejadian yang tidak diingini berlaku disebabkan oleh ketiadaan penyelenggaraan berm drain. Berm drain berkenaan telah diselenggara.</i></p>	<p>Kerja-kerja pembaikan pemulihan cerun fasa pertama telah pun hampir 70 peratus siap dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2016. Pemulihan fasa kedua akan bermula pada suku ketiga tahun 2016.</p> <p>Walau bagaimana pun, pengawasan berterusan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa.</p> <p>Pengawasan berterusan adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pemeriksaan kawasan-kawasan cerun yang kritikal;</li> <li>ii. Pengawasan kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan cerun yang sedang dilaksanakan; dan</li> <li>iii. Pasukan Tindakan Kecemasan (<i>Emergency Response Team</i>) telah dibentuk dan dilatih sejak Mei 2014 bagi melakukan kerja-kerja kecemasan termasuk sekiranya berlaku kejadian tanah runtuh.</li> </ol> <p>Di samping itu, Prosedur Pengawasan dan Penyelenggaraan juga sedang diperkemas dengan menerapkan cadangan dari konsultan yang bertauliah. Ia meliputi empat program seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelenggaraan berkala (bulanan) – hanya dijalankan mulai bulan Julai 2016 apabila semua kerja pembaikan di kawasan kritikal siap sepenuhnya dan latihan penyelenggaraan telah dilaksanakan;</li> <li>ii. Pencegahan Penyelenggaraan (tahunan) – dilakukan jika penyelenggaraan dalam program (i) perlu ditambah baik di mana ia memerlukan penyelenggaraan yang lebih besar dan menyeluruh terhadap struktur cerun, pengairan dan infrastruktur tanah di kawasan yang terlibat;</li> <li>iii. Kerja-Kerja Kecemasan – pembentukan prosedur bagi menjalankan kerja-kerja yang diperlukan apabila terjadinya bencana tanah runtuh; dan</li> <li>iv. Pemeriksaan Teknikal (Tahunan) – menyediakan laporan teknikal, kualiti, kestabilan tanah/cerun, masalah geologi dan penilaian ke atas penyelenggaraan berkala.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.2.d	<p><b>Penanaman Tidak Mengikut <i>Crop Calendar</i></b></p> <p>Perancangan yang teratur perlu disediakan bagi semua jenis tanaman bagi memastikan bekalan yang berterusan di pasaran. MAFC telah menyediakan <i>crop calendar</i> bagi setiap jenis tanaman yang bergantung kepada jangkaan permintaan oleh pasar raya yang menjadi peruncit produk Lushious. Pengagihan plot untuk ditanam dengan pelbagai tanaman telah dibuat dengan teratur. Namun begitu, semasa semakan Audit ke plot-plot berkenaan didapati beberapa kerja penanaman di beberapa plot mengalami kelewatan dan tidak mengikut perancangan seperti dalam <i>crop calendar</i>. Berdasarkan semakan dan perbincangan dengan pegawai di ladang, pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan berkenaan adalah disebabkan kelewatan dalam mendapatkan bekalan sabut kelapa (<i>coco peat</i>) yang merupakan bahan utama bagi penanaman sayuran dari pihak pembekal. Kegagalan untuk menanam tanaman mengikut perancangan seperti dalam <i>crop calendar</i> akan menyebabkan pihak MAFC melaksanakan <i>spot purchase</i> daripada pembekal yang disenaraikan di bawah <i>farm sourcing</i> bagi menampung kekurangan keluaran harian daripada ladang.</p> <p>Pihak Audit mengesyorkan agar masalah kelewatan mendapatkan bekalan sabut kelapa diatasi dengan segera bagi mengelakkan kelewatan dalam penanaman dan kebergantungan syarikat kepada pelaksanaan <i>spot purchase</i>.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Pihak MAFC bersetuju dengan cadangan Audit dan telah menyelesaikan semua permasalahan dan telah mengambil langkah-langkah pengawasan sejak bulan November 2015.</i></p>	<p>Bekalan sabut kelapa (<i>coco peat</i>) berjalan dengan lancar berdasarkan terma dan jadual penghantaran yang telah ditetapkan.</p>
26.5.2.2.e.i	<p><b>Farm Sourcing - Pangkalan Data Farm Sourcing</b></p> <p>Satu pangkalan data mengenai maklumat pembekal di bawah <i>Farm Sourcing</i> perlu disediakan berdasarkan prosedur yang ditetapkan di bawah para B.1, Seksyen B, Polisi dan Prosedur <i>Sourcing Management</i>. Ini bagi memastikan keseragaman pemilihan pembekal yang telah dipilih berdasarkan kelayakan, mematuhi GAP serta keperluan keselamatan makanan yang ditetapkan oleh MAFC. Semakan Audit mendapati bilangan pembekal yang aktif pada tahun 2015 telah menurun sebanyak 35 pembekal berbanding tahun 2012 hingga 2014. Kebanyakan pembekal berada di sekitar Cameron Highlands manakala terdapat satu pembekal berada di Simpang Renggam, Johor yang</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 26.5.2.2.e.i</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengusahakan tanaman yang bersifat <i>lowland</i> seperti sayuran berdaun. Semakan lanjut Audit mendapati pangkalan data yang disediakan juga tidak memaparkan maklumat berhubung tempoh perjanjian yang berkuat kuasa. Pada pendapat Audit, maklumat berhubung tempoh perjanjian ini perlu dimasukkan ke dalam pangkalan data tersebut bagi membolehkan pemantauan terhadap pembekal dibuat oleh MAFC.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Pangkalan Data untuk semua pembekal disimpan di dalam sistem Perakaunan Navision. Pemilihan pembekal untuk Farm Sourcing dilakukan oleh Jabatan Operasi di Cameron Highlands berdasarkan keperluan operasi.</i></p> <p><i>Apabila terdapat sedikit kekurangan bekalan dari ladang MAFC, pembekal-pembekal ini akan dihubungi bagi memberikan sebut harga untuk pembelian secara adhoc.</i></p> <p><i>Bilangan pembekal yang menurun pada tahun 2015 adalah disebabkan keperluan untuk memenuhi standard tinggi dari segi kualiti dan penggunaan bahan kimia yang dibenarkan di mana tidak ramai pembekal yang mampu memenuhi kriteria-kriteria ini. Tambahan pula, perubahan harga setiap hari juga menjadi faktor dalam penilaian pembelian.</i></p>	
26.5.2.2.f.i	<p><b>Pelaksanaan Program Agropreneur</b></p> <p>Program <i>Agropreneur</i> perlu dilaksanakan dalam tempoh dua tahun mulai Januari tahun 2014 hingga Disember tahun 2015. Setiap peserta perlu melalui tiga tahap berkenaan mulai bulan Januari 2014 hingga bulan Disember 2015. Semakan Audit mendapati seramai 12 orang peserta sedang mengikuti program ini di mana tujuh daripada 12 peserta telah menyertai program ini mulai tahun 2009, seorang pada tahun 2010 dan baki empat orang pada tahun 2013. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tahap pencapaian bagi setiap peserta kerana maklumat berhubung pencapaian tersebut tidak dikemukakan kepada pihak Audit semasa pengauditan dijalankan.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Tahap pencapaian peserta juga dapat dilihat dalam penilaian Performance</i></p>	<p>Penilaian prestasi peserta tahun 2015 telah dijalankan pada bulan Mac 2016. Lanjutan dari itu, penyerahan sijil tamat program Agropreneur kepada semua peserta telah dilakukan pada 21 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Management System atau PMS. Di dalam masa yang sama, MAFC juga mengadakan ujian kepada peserta dengan markah pencapaian akan direkodkan bagi penilaian dalam PMS peserta.</i></p> <p><i>Dengan mengikuti program Agroprenuer, peserta akan mendapat latihan dan pengalaman yang dapat memberikan mereka kepakaran sebagai penyelia pertanian. Terdapat juga peserta yang meletakkan jawatan dan berjaya menjadi usahawan yang berjaya dalam penanaman rock melon. Dalam masa yang sama 3 peserta yang meletakkan jawatan menjadi pegawai pertanian di beberapa organisasi.</i></p> <p><i>Program agroprenuer adalah satu program jangka panjang yang memerlukan sokongan bagi memastikan kejayaan yang berkekalan. MAFC dalam proses penilaian PMS untuk peserta Agroprenuer. Penilaian sepenuhnya akan dihantar kepada pihak Audit pada 4 Mac 2016.</i></p> <p><i>MAFC telah mengeluarkan lebih dari 10 juta pek Lushious ke pasaran di mana merupakan hasil tangan dan penglibatan peserta Program Agroprenuer.</i></p>	
26.5.2.2.f.ii	<p><b>Pembiayaan Kepada Peserta Setelah Tamat Program</b></p> <p>Satu temubual telah diadakan bersama sembilan daripada 12 peserta Program Agropreneur MAFC bagi mendapatkan maklumat berhubung tugas yang dijalankan serta pandangan mereka terhadap keberkesanan program ini. Secara keseluruhan, kesemua peserta berpendapat penglibatan mereka dalam program ini telah memberi pendedahan yang luas dalam bidang hortikultur terutama dari segi teknik dan pengurusan tanaman. Peserta juga telah dikhususkan dengan beberapa tanaman dan secara tidak langsung mempunyai kepakaran terhadap tanaman tersebut. Kesemua peserta menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang ini. Bagaimanapun, bagi membolehkan mereka terus kekal dalam bidang ini, pembiayaan dalam bentuk modal kewangan serta tanah amat diperlukan terutama selepas tamat tempoh program tersebut. Jika mendapat pembiayaan dan ditawarkan tanah untuk diusahakan, enam daripada sembilan peserta memilih Cameron Highlands sebagai lokasi penanaman.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Kesemua peserta masih menjalani latihan dalam bentuk on-job-training bagi usaha untuk memantapkan pengalaman serta pengetahuan kesemua peserta</i></p>	<p>Kesemua peserta telah pun tamat menjalani latihan dalam bentuk <i>on-job training</i> yang berakhir pada 31 Disember 2015 dan telah diserapkan sebagai kakitangan MAFC bagi menyelia aktiviti perladangan.</p> <p>Berdasarkan maklum balas tidak rasmi daripada Agrobank, pembiayaan kepada Agroprenuer MAFC hanya boleh dijalankan sekiranya pihak MAFC bersetuju menyediakan cagaran (<i>collateral</i>) disebabkan ketiadaan <i>crop insurance</i> bagi mengatasi risiko pembayaran balik pinjaman oleh serangan penyakit.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>sebelum peserta menjadi usahawan pertanian sepenuhnya dan mempunyai kepakaran untuk mengusahakan ladang sendiri. Pihak pengurusan juga telah berkongsi maklumat peserta bersama Agro Bank demi usaha untuk mendapatkan pembiayaan kewangan yang sesuai kepada peserta untuk menjadi usahawan pertanian sepenuhnya.</i></p>	
<p><b>26.5.2.2.g</b></p>	<p><b>Pengurusan Stor Di Lembah Bertam</b></p> <p>Stor ladang yang menyimpan inventori yang digunakan di ladang sepatutnya diuruskan dengan teratur. Rekod inventori di stor berkenaan sepatutnya menggunakan sistem Navision. Namun begitu semasa semakan dan pemeriksaan terhadap stor ladang di Lembah Bertam pada 10 September 2015 mendapati stor berkenaan masih belum menggunakan sistem Navision dalam pengurusan stor. Di samping itu didapati stor berkenaan tidak diuruskan dengan teratur dan antara kelemahannya adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penerimaan dan pengeluaran barang tidak direkodkan dengan sempurna di dalam buku rekod.</li> <li>b) Borang permohonan pengeluaran barang tidak diisi dengan lengkap semasa penyelia ladang membuat permohonan pengeluaran barang.</li> <li>c) Sebahagian barang-barang di dalam stor tidak disusun dengan teratur dan hanya diletakkan di atas lantai.</li> </ul> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Penyelia Ladang dan kakitangan stor telah diberikan Refreshing Training berkenaan SOP Inventory Management bagi menegaskan perlunya merekod transaksi dan mengisi borang dengan lengkap. Pengemasan dan pembetulan rekod telah dilakukan sejak bulan Disember 2015.</i></li> <li>b. <i>Barang-barang di dalam stor MAFC mematuhi syarat-syarat Pengurusan Stor bagi sijil MyGAP. Namun pada ketika audit dijalankan, bahagian operasi dalam proses penimbangan dan pengagihan barang.</i></li> <li>c. <i>Sebelum waktu kerja tamat, semua barang-barang akan disusun dan diatur seperti syarat-syarat Pengurusan Stor MyGAP.</i></li> </ul> <p><i>Langkah-langkah pembaikan telah diambil. Sistem Navision sudah digunakan</i></p>	<p>Pengurusan stor telah pun dipertingkatkan berdasarkan prosedur dan SOP yang dikemaskini pada bulan Oktober 2015. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan akan mengadakan <i>compliance audit</i> pada bulan Jun 2016 bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur dan SOP diterapkan sepenuh masa.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>semula bermula bulan Oktober 2015. MAFC akan menjalankan audit dalaman untuk memeriksa perlaksanaan cadangan audit dan langkah-langkah pembaikan.</i></p>	
<p><b>26.5.2.2.h</b></p>	<p><b>Pajakan Tanah di Lanchang</b></p> <p>Mulai tahun 2007, MAFC telah menyertai Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lanchang, Pahang. Sebagai peserta kepada projek berkenaan, MAFC telah memajak 3 bidang tanah yang terletak dalam kawasan projek. MAFC telah membina Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC) di atas tanah-tanah berkenaan yang bernilai RM10 juta untuk bangunan, kerja-kerja mekanikal dan elektrik serta RM3 juta lagi untuk mesin dan peralatan pengeluaran seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui mesyuarat Bil. 5/2008-17 pada 12 Jun 2008. Selain itu, MAFC juga telah membina kuarters pekerja dan pejabat-pejabat ladang. MAFC mula menanam dan memasarkan betik dengan jenama Paiola dan mula diperkenalkan kepada umum pada 13 Januari 2009 semasa Majlis Pelancaran Projek TKPM yang dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Lanchang serentak dengan pelancaran projek Betik Paiola : From Lanchang to London. Namun begitu, pada tahun 2010 projek ladang betik berkenaan mula diserang penyakit <i>Bacteria Die Back</i>. Penyakit berkenaan tidak dapat dikawal dan ladang betik berkenaan terpaksa ditutup pada tahun 2011. Semakan Audit mendapati tanah di Lanchang tidak digunakan untuk sebarang aktiviti sejak tahun 2011 hingga ke tarikh pengauditan. Tanah telah terbiar dan menjadi belukar manakala CPPC serta peralatan di dalamnya juga tidak digunakan. Bagi memastikan setiap sumber yang diperolehi digunakan secara optima dan berterusan untuk menghasilkan pendapatan kepada syarikat dan seterusnya meningkatkan kedudukan kewangan syarikat.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Gambar rajah di bawah adalah merupakan ringkasan aktiviti dari tahun 2006 hingga 2016 dan perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh MAFC berkaitan dengan Lanchang.</i></p> <p><i>Berdasarkan aktiviti di atas, MAFC telah berjaya membentuk kolaborasi bersama syarikat Anzeco Plantation dan M10 Plantation Sdn. Bhd. untuk projek tanaman nenas MD2 diatas tanah ladang 500 ekar di Lanchang dan projek pemprosesan durian beku dan pembungkusan nangka di CPPC Lanchang untuk pasaran export.</i></p>	<p>Kerja-kerja pembangunan semula ladang dan pemasangan mesin di CPPC sedang dilaksanakan berdasarkan jadual pembangunan semula.</p> <p>Buat masa ini, kerja-kerja pembangunan ladang dan CPPC diteruskan sementara menunggu maklum balas daripada pihak UPEN.</p> <p>Berdasarkan maklum balas diterima dari pejabat UPEN Pahang pada 4 April 2016 dalam bentuk minit mesyuarat yang telah diadakan pada 19 Februari 2016, MAFC telah membentangkan dua rancangan kolaborasi projek seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kerja-kerja persediaan ladang untuk penanaman nenas MD2 di keseluruhan 500 ekar tanah melalui tiga fasa yang melibatkan tempoh masa selama 16 bulan. Kerja-kerja telah bermula dari bulan Mac 2016; dan</li> <li>ii. Pemprosesan dan pembungkusan durian dan nangka beku untuk pasaran eksport. Mesin-mesin pengendalian aktiviti pemprosesan dan pembungkusan telah pun dikenal pasti daripada sumber pengeluaran dari negara Taiwan. Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani, kerja-kerja pemasangan peralatan dijangka akan bermula pada bulan Jun 2016.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Perjanjian telah ditandatangani bersama Anzeco Plantation Sdn. Bhd. pada 16 Disember 2015 dan kerja-kerja awal dalam pembersihan tapak dan penyediaan benih sedang giat dijalankan dari bulan Januari 2016.</i></p> <p><i>Manakala untuk CPPC Lanchang, syarikat M10 Plantation Sdn. Bhd. akan menyewa dan mengunapakai CPPC Lanchang bagi pemprosesan durian beku dan rangka khusus untuk pasaran expot. Kerja-kerja pemasangan peralatan dan mesin-mesin akan dibuat pada April 2016 bagi kerja tujuan export pada Julai 2016.</i></p> <p><i>Kedua-dua projek kolaborasi di atas perlu mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri Pahang (UPEN).</i></p>	
26.5.2.3.a	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Mesyuarat Lembaga Pengarah</b></p> <p><i>GLC Transformation Manual : The Green Book – Enhancing Board Effectiveness</i> menyarankan kekerapan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara purata antara 6 hingga 8 kali setahun serta berdasarkan keperluan persekitaran perniagaan syarikat.</p> <p>Pihak Audit mendapati mesyuarat telah diadakan bagi tahun 2012 ialah sebanyak 7 kali, manakala mesyuarat bagi tahun 2013 telah diadakan sebanyak 5 kali dan bagi tahun 2014, mesyuarat diadakan sebanyak 2 kali. Mesyuarat Lembaga Pengarah disarankan diadakan dengan kerap bagi memastikan pengurusan syarikat berjalan dengan lancar dan teratur.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>MAFC telah mengambil maklum saranan untuk kekerapan mesyuarat lembaga pengarah bagi syarikat berstatus GLC</i></p>	Perkara ini telah dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah syarikat.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.2.3.b	<p><b>Unit Audit Dalam</b></p> <p>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, Prinsip 6: Mengenal dan Mengurus Risiko, menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah perlu mewujudkan fungsi audit dalam yang melapor terus kepada Jawatankuasa Audit. Semakan Audit mendapati jawatan di Unit Audit Dalam MAFC tidak diisi sejak mulai bulan Jun 2014 hingga tarikh pengauditan dijalankan.</p> <p>Pada pendapat Audit, fungsi Audit Dalam perlu dilaksanakan secara berterusan sebagai salah satu kaedah pemantauan dan kawalan dalaman syarikat.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Fungsi Audit Dalam akan diteruskan melalui keputusan dibuat oleh Lembaga Pengarah dimana unit audit dalaman MAFC diserapkan ke dalam syarikat Agrifood Resources Holdings Sdn. Bhd. (ARHSB) bermula bulan Januari 2016.</i></p>	<p>Pengurus Kanan Jabatan Audit Dalaman, En. Yap Chuan Heng telah memulakan tugas pada 14 Mac 2016 di bawah syarikat ARHSB.</p>
26.5.2.3.c	<p><b>Setiausaha Syarikat</b></p> <p>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, Prinsip 1 : Mewujudkan Peranan Dan Tanggungjawab Yang Jelas, menyatakan Lembaga Pengarah perlu memastikan Setiausaha Syarikat yang dilantik perlu berkelayakan dan kompeten kerana peranan Setiausaha Syarikat adalah penting dalam sesebuah syarikat bagi memastikan dasar dan polisi Lembaga Pengarah dipatuhi.</p> <p>Semakan Audit mendapati rekod-rekod berkaitan syarikat terutama yang perlu dihantar ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) antaranya Borang 49, Borang 48A, ekstrak resolusi Lembaga Pengarah (Borang 11) dan minit mesyuarat tidak dikemas kini daripada tahun 2012 hingga 2014.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Pelantikan syarikat perunding bagi menyelesaikan masalah rekod dengan SSM telah dibuat pada 3 April 2015 selepas pelantikan En. Mohamed Zainurin</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Mohamed Zain sebagai Company Secretary. Semua rekod SSM syarikat telah dikemas kini pada bulan November 2015.</i></p>	
<p><b>26.5.3.1.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengurusan Perolehan - Tiada Kertas Penilaian Pembekal Bagi Perolehan Secara Sebut Harga Oleh <i>Quotation Team</i></b></p> <p><i>Procurement Management Manual, OPM-FCS-0006 Para 3, menetapkan semua pembelian yang melebihi RM50,000 perlu diputuskan oleh <i>Quotation Team</i> yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli iaitu masing-masing seorang dari wakil bahagian yang memesan pembelian, wakil bahagian perolehan dan wakil daripada bahagian kewangan. Para 4 menyatakan, pembelian di bawah RM50,000 akan diputuskan oleh Ketua Bahagian Perolehan. Semakan Audit mendapati tiada kertas cadangan oleh <i>Quotation Team</i> bagi perolehan perkhidmatan.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 26.5.3.1.b</p>
<p><b>26.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Dokumen Pesanan Belian Tidak Lengkap</b></p> <p>Semakan Audit mendapati bagi 9 sampel pembelian sebut harga yang dipilih, ruangan tandatangan oleh <i>Head of Procurement</i> hanya ditandatangani ringkas oleh pegawai berkenaan tanpa menyatakan nama dan jawatan penandatangan. Bagi mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan, pihak Audit mengesyorkan supaya nama dan jawatan penandatangan serta tarikh dinyatakan di dalam dokumen Pesanan Belian bagi mengelakkan risiko dokumen ditandatangani oleh pihak tidak bertanggungjawab dan dengan meletakkan nama pegawai yang menandatangani dokumen tersebut, ia akan memudahkan pihak lain mengetahui pegawai yang bertanggungjawab bagi perolehan tersebut.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p>a. <i>Kes yang dinyatakan berlaku pada tahun 2014 di bawah pengurusan perolehan lama. MAFC telah melakukan rombakan di dalam jabatan perolehan untuk memperbaiki pematuhan kepada SOP Ketua Jabatan perolehan yang baru telah dilantik pada bulan Mac 2015 dan telah memastikan pematuhan kepada SOP dan keperluan kertas cadangan perolehan mulai April 2015.</i></p> <p>b. <i>Jabatan Perolehan MAFC telah melaksanakan cadangan audit bermula dari bulan Disember 2015.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Adalah dimaklumkan, setelah pihak pengurusan melakukan penyemakan, tidak di dapati sebarang salah-laku atau penyalahgunaan berkaitan dengan kes ini.</i></p>	
<p><b>26.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Perbelanjaan - <i>Standard Operating Procedure (SOP)</i></b></p> <p>MAFC telah menyediakan prosedur kewangan yang jelas dan terperinci menerusi dokumen <i>Finance &amp; Corporate Service (OPM-FCS)</i>. OPM-FCS ini merangkumi <i>accounts payable, accounts receivable, fund management, general ledger</i> dan <i>credit management</i>. Para B.4.5(2.4) OPM-FCS-001 <i>vendor invoice payment</i> yang dikemas kini pada 1 Februari 2012 menyatakan kelulusan baucar bayaran dan tandatangan cek hendaklah mengikut LOA, manakala para B.1.5(5.2) OPM-FCS-003 <i>petty cash payment and reimbursement</i> menyatakan perlu mendapatkan kelulusan bagi baucar bayaran penambahan semula tunai runcit (<i>reimbursement petty cash</i>) dan cek berdasarkan LOA. Semakan Audit terhadap LOA yang dikeluarkan oleh MAFC bertarikh 22 Januari 2009 dan semakan semula pada 23 Jun 2011 mendapati tiada pegawai yang dinyatakan diberi kuasa untuk kelulusan baucar bayaran, tandatangan cek dan kelulusan penambahan semula tunai runcit dan cek.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>Kelulusan bagi payment voucher adalah berdasarkan cheque signatories yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan bukan berdasarkan LOA. Standard operating Manual (SOP) bagi Para B.4.5 (2.4) OPM-FCS-001 dan Para B.1.5 (5.2) telah dipinda pada 16 Februari 2016 untuk merujuk kelulusan baucar bayaran kepada cheque signatories yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.</i></p> <p><i>Adalah dimaklumkan, setelah pihak pengurusan melakukan penyemakan, tidak di dapati sebarang salah-laku atau penyalahgunaan berkaitan dengan kes ini.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 26.5.3.2.a</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
26.5.3.2.b	<p><b>Pengurusan Baucar Bayaran</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 40 baucar bayaran berjumlah RM741,369.88 bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 16 Mac 2016</p> <p>a. <i>Berkuatkuasa mulai dari 11 Februari 2016, MAFC telah melaksanakan perkara berikut:</i></p> <p style="padding-left: 20px;">i. <i>Setiap bil baucar akan di cop tarikh terima</i></p> <p style="padding-left: 20px;">ii. <i>Setiap bil baucar akan di cop telah bayar</i></p> <p>b. <i>Dokumen sokongan untuk 3 baucar bayaran telah dikemukakan pada 16 Mac 2016. Bagi PV13-00729 (Pek Ong), baucar bayaran disokong oleh Delivery Order (DO) di mana harga dan kuantiti dinyatakan di dalam DO.</i></p> <p>c. <i>Bermula dari tahun 2014, pihak MAFC telah menguatkuasakan keperluan untuk pembekal menghantar inbois bersertakan dengan DO di mana semua pembekal termasuk Pek Ong telah mematuhi ketetapan ini. Pada tahun 2015, MAFC juga telah memperketatkan proses dokumentasi bagi semua pembayaran di bawah pengurusan baru jabatan perolehan.</i></p> <p>d. <i>Adalah dimaklumkan, setelah pihak pengurusan melakukan penyemakan, tidak didapati sebarang salah laku atau penyalahgunaan berkaitan dengan kes ini.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 26.5.3.2.b
26.5.3.2.c.iv	<p><b>Pengurusan Tunai Runcit</b></p> <p>Bagi memastikan pengurusan tunai runcit dijalankan dengan baik, pemeriksaan telah dilakukan di CPPC Cameron Highlands pada 7 September 2015 dan PDC Puchong pada 15 Oktober 2015. Hasil pemeriksaan Audit mendapati baki tunai di tangan tidak sama dengan jumlah tunai runcit yang diluluskan. Baki tunai didapati terlebih sejumlah RM133.74 di CPPC Cameron Highlands dan RM1.55 di PDC Puchong berbanding baki yang sepatutnya.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p>a. <i>MAFC telah mengeluarkan arahan untuk semua pekerja mematuhi</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 26.5.3.2.c.iv

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>manual pengurusan tunai runcit di mana:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Semua tuntutan mestilah kurang dari RM500.</i></li> <li><i>ii. Setiap tuntutan mesti dibuat dalam jangka masa 7 hari selepas tarikh pembelian atau pendahuluan.</i></li> <li><i>iii. Pendahuluan tunai runcit tidak boleh melebihi 75% dari anggaran perbelanjaan.</i></li> </ul> <p><i>MAFC juga akan memastikan baki tunai ditangan sama dengan transaksi rekod pengurusan tunai runcit</i></p> <p><i>b. Di Cameron Highlands, jumlah baki tunai runcit termasuk dengan jumlah jualan tunai yang menyebabkan baki tunai di tangan melebihi rekod baki tunai runcit. Tindakan telah di ambil untuk mengadakan dua peti tunai simpanan untuk tunai runcit dan jualan tunai bagi memastikan baki tunai runcit dapat diselaraskan dengan rekod tunai runcit.</i></p> <p><i>c. Di PDC Puchong, lebihan baki tunai yang kecil adalah disebabkan penuntut tidak mahu mengambil baki yang terlalu kecil. Arahan telah diberikan untuk memastikan setiap pekerja mengambil semua baki tuntutan walaupun jumlahnya kecil bagi memastikan baki tunai runcit di tangan sama dengan rekod.</i></p> <p><i>Pemeriksaan dan pengawasan terperinci telah diterap pakai dalam aktiviti pengurusan tunai runcit semenjak Disember 2015.</i></p>	
26.5.3.2.d.i	<p><b>Pengurusan Pendahuluan Tunai Perjalanan</b></p> <p>Polisi dan peraturan kakitangan MAFC menetapkan pendahuluan tunai perjalanan hanya boleh layak/boleh dibuat/dituntut sekiranya perjalanan melebihi tiga hari. Pendahuluan tunai perjalanan hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari bekerja sebelum perjalanan dan diselesaikan dalam tempoh masa sebulan selepas tarikh perjalanan. Kadar pendahuluan tunai yang diterima adalah berdasarkan kelayakan kakitangan seperti dinyatakan dalam jadual 7.1.3 pendahuluan tunai/elaun. Semakan Audit terhadap baucar pendahuluan tunai mendapati, pendahuluan tunai yang diambil bukan untuk tujuan perjalanan. Sebaliknya pendahuluan tunai ini adalah bagi tujuan selain dari perjalanan.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 26.5.3.2.d.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. Polisi pendahuluan tunai yang baru telah di luluskan oleh Lembaga Pengarah MAFC untuk dilaksanakan bermula dari 1 Disember 2015.</p> <p>ii. Standard Operating Procedure (SOP) bagi OPM-FCS-0010 (Cash Advance &amp; Petty Cash Payment/Reimbursement) telah dipinda pada 11 Mac 2016 untuk memperketatkan proses pengawasan pendahuluan tunai.</p>	
<p><b>26.5.5.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset Dan Stor - Daftar Aset Tidak Lengkap</b></p> <p>Pengurusan Aset yang sempurna perlu menyediakan Daftar Aset bagi merekodkan semua aset yang dibeli dan daftar berkenaan perlu mengandungi butiran seperti nama aset, kategori aset, rujukan aset, harga belian, tarikh belian, susut nilai semasa dan terkumpul, nilai buku serta lokasi aset. Daftar Aset yang lengkap perlu dalam penyediaan penyata kewangan tahunan dan untuk tujuan urusan pelupusan aset di akhir hayat aset berkenaan. Daftar Aset yang lengkap juga perlu bagi memantau lokasi aset berkenaan supaya tidak berlaku kehilangan dan salah guna aset. Semakan Audit mendapati MAFC menggunakan sistem Navision untuk merekodkan dan mendaftarkan semua aset yang dibeli (SOP: OPM-FCS-007). Namun begitu Senarai Harta Tetap yang dijana dari sistem berkenaan dan dikemukakan kepada pihak Audit adalah tidak lengkap dan hanya mengandungi 'kumpulan aset', 'keterangan aset', 'harga belian', 'susut nilai semasa', 'susut nilai terkumpul' dan 'nilai buku' sahaja. Pihak Audit mengesyorkan agar sistem berkenaan dipertingkatkan agar ia dapat menjanakan Daftar Aset yang lebih komprehensif.</p>	<p>Kerja-kerja pemeriksaan fizikal dan pelabelan aset sedang giat dilakukan di Ibu Pejabat MAFC (Puchong), Cameron Highland dan Lanchang. Tindakan selanjutnya adalah mengemaskini daftar aset dengan maklumat terkini. Seperti yang dirancangan, proses ini akan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2016.</p> <p>Status kerja-kerja pemeriksaan fizikal dan pelabelan aset adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemeriksaan / pelabelan aset di Lanchang – telah siap dilaksanakan pada 28 April 2016;</li> <li>ii. Pemeriksaan / pelabelan aset di Cameron Highlands – telah siap dilaksanakan pada 29 April 2016;</li> <li>iii. Pemeriksaan / pelabelan aset di Puchong (ibu pejabat) – akan dilaksanakan pada 11 hingga 13 Mei 2016;</li> <li>iv. Kemas kini daftar aset dengan maklumat terkini - akan dilaksanakan pada 16 hingga 25 Mei 2016; dan</li> <li>v. Pemeriksaan daftar aset - akan dilaksanakan pada 26 hingga 31 Mei 2016;</li> </ul> <p>Kesimpulannya, aktiviti di atas berjalan seperti mana dirancang dan menurut jadual masa yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang kesulitan dan kelewatan, MAFC menjangkakan ia akan selesai sepenuhnya pada bulan Julai 2016.</p>
<p><b>26.5.5.b</b></p>	<p><b>Pelabelan Aset</b></p> <p>Aset yang direkodkan di dalam daftar aset syarikat perlulah dilabelkan bagi memudahkan aset dikenal pasti dan mengelak risiko berlaku kehilangan. SOP: OPM-FCS-007 juga menyatakan semua aset tetap perlu dilabelkan setelah didaftar dalam sistem Navision. Namun begitu pemeriksaan fizikal terhadap beberapa aset tetap yang dibeli pada tahun 2012, 2013 dan 2014 yang dijalankan pada 8 November 2015 di PDC Puchong mendapati aset berkenaan belum dilabelkan.</p> <p>Maklum Balas MAFC Yang Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p>i. Sistem Perakaunan Navision mempunyai kekurangan dari segi menyediakan laporan daftar aset. Ianya hanya boleh menyediakan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>maklumat aset deskripsi, tarikh kemasukan inbois, kos aset, susut nilai dan nilai buku aset.</i></p> <p><i>Maklumat lain seperti kategori aset, lokasi, maklumat inbois dan maklumat lain akan masukkan ke dalam maklumat individu aset di dalam Navision yang tidak dapat diintegrasikan ke dalam satu laporan.</i></p> <p><i>MAFC sedang dalam proses mengintegrasikan sistem perakaunan di bawah Agrifood Resources Holdings Sdn Bhd (ARHSB) di mana semua syarikat di dalam kumpulan ARHSB akan menggunakan sistem perakaunan yang sama. Salah satu kriteria yang akan di kemukakan kepada ARHSB adalah sistem aset yang lebih berkesan untuk MAFC</i></p> <p><i>ii. MAFC dalam proses melengkapkan daftar aset, pemeriksaan fizikal dan pelabelan aset dalam jangka masa bulan Mac 2016 hingga Mei 2016</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Perenggan 27 : Sepang International Circuit Sdn. Bhd**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>27.5.2.1.a.i</b>	<p><b>Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti - Prestasi Aktiviti - Pencapaian Bilangan Kehadiran Pengunjung - Penurunan Bilangan Kehadiran Pengunjung Bagi Perlumbaan F1</b></p> <p>Berdasarkan statistik bilangan kehadiran pengunjung ke perlumbaan F1 menunjukkan penurunan untuk tempoh 2 tahun berturut-turut iaitu tahun 2014 hingga 2015. Bilangan pengunjung perlumbaan F1 pada tahun 2015 telah menurun sebanyak 2,845 orang (4.76%) berbanding tahun 2014 dan 7,143 (11.15%) pada tahun 2013. Kajian yang dijalankan oleh PriceWaterHouseCoopers Capital Sdn. Bhd. pada tahun 2011 juga menunjukkan kecenderungan terhadap penurunan bilangan pengunjung yang menyaksikan perlumbaan F1. Pencapaian sasaran bilangan pengunjung yang hadir hanya dicapai pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 dan 2015.</p>	<p>Bagi meningkatkan kehadiran penonton dan penjualan tiket bagi F1 dan Moto GP pihak SIC sedang dan telah mengambil beberapa strategi:-</p> <p><u>Melewatkan tarikh Penganjuran F1 ke Suku Akhir Tahun.</u> Pihak SIC telah berbincang dengan pihak FoM dan bersetuju untuk menganjukkan tarikh lazim penganjuran F1 di Malaysia dari bulan March atau April ke suku akhir tahun. Ini akan memberi masa yang agak panjang bagi tujuan promosi dan pengiklanan F1 di Malaysia. Pada tahun 2016, pihak FoM bersetuju supaya F1 di Malaysia dianjurkan pada 2 October 2016 dan dijangka strategi ini dapat menyumbang kepada kenaikan penjualan tiket dan pengunjung ke Litar Sepang.</p>
<b>27.5.2.1.a.ii</b>	<p><b>Peningkatan Bilangan Kehadiran Pengunjung Bagi Perlumbaan MotoGP</b></p> <p>Statistik kehadiran pengunjung ke acara MotoGP menunjukkan peningkatan setiap tahun untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015. Bilangan pengunjung yang hadir ke acara MotoGP pada tahun 2015 telah meningkat sebanyak 19,063 orang (27.89%) berbanding dengan tahun 2014 dan 29,093 orang (49.9%) berbanding tahun 2013. Pencapaian sasaran bilangan penonton telah hanya dicapai untuk tahun 2015.</p>	<p><u>Penempatan pelumba-pelumba negara bagi perlumbaan sokongan F1</u> Penyertaan Nabil Jeffri di GP2 dan Akash Nandy GP3 yang terlibat di dalam perlumbaan sokongan F1 dijangka dapat menyumbang dalam melonjakkan hasil jualan tiket serta menarik minat lebih ramai pengunjung menyaksikan F1 di litar Sepang. Hasil keberkesanan strategi ini akan dapat di lihat semasa kejohanan perlumbaan F1 pada 2 Oktober 2016 nanti.</p> <p>Tempoh penempatan pelumba-pelumba anak tempatan di dalam kejohanan ini adalah bagi satu panggal (<i>one season</i>) untuk tahun 2016.</p>
<b>27.5.2.1.b</b>	<p><b>Pencapaian Penjualan Tiket</b></p> <p>Berdasarkan semakan Audit kepada statistik penjualan tiket untuk F1 dan MotoGP, penjualan tiket F1 telah mengalami penurunan untuk tempoh 3 tahun berturut-turut. Bilangan tiket yang dijual pada tahun 2015 adalah sebanyak 32,647 tiket berbanding 36,383 tiket pada tahun 2014 iaitu penurunan sebanyak 3,736 tiket (10.3%). Penurunan penjualan tiket ini secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah pendapatan penjualan tiket F1. Bagaimanapun, penjualan tiket MotoGP untuk tahun 2015 telah meningkat</p>	<p><u>Penempatan pelumba-pelumba negara bagi perlumbaan MotoGP dan Moto3</u> Penyertaan Adam Noruddin dan Khairul Idham Pawi di Moto3, MotoGP akan juga menyumbang peningkatan jualan tiket dan pengunjung ke litar semasa kejohanan pada 30 Oktober 2016.</p> <p>Tempoh penempatan pelumba-pelumba anak tempatan di dalam kejohanan ini adalah bagi satu panggal (<i>one season</i>) untuk tahun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kepada 64,656 tiket berbanding 48,287 tiket iaitu peningkatan sebanyak 16,369 tiket (33.9%) pada tahun 2014 dan 6,865 tiket (11.9%) pada tahun 2013. Peningkatan jualan tiket ini juga telah membantu meningkatkan pendapatan SIC.</p> <p>Selain itu, terdapat penurunan dalam bilangan penonton antarabangsa pada tahun 2015 dan 2014 berbanding tahun 2013 bagi perlumbaan F1. Kehadiran penonton antarabangsa merupakan salah satu Penunjuk Prestasi Utama (KPI) SIC di mana KPI yang telah ditetapkan bagi bilangan penonton antarabangsa adalah 30% daripada jumlah keseluruhan. Untuk tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu tahun 2013 hingga 2015, peratusan yang dicatat bagi kehadiran penonton antarabangsa adalah kurang daripada 30%.</p> <p>Pada pendapat Audit, SIC perlu merangka strategi pemasaran yang lebih efektif untuk menarik lebih ramai penonton antarabangsa untuk menyaksikan perlumbaan F1. Ini adalah kerana kehadiran lebih ramai penonton antarabangsa dapat memberikan lebih impak ekonomi kepada negara. Selain itu, kerjasama dengan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan dan Kementerian Belia Dan Sukan dapat membantu untuk menarik lebih ramai penonton antarabangsa serta tempatan.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016 Dan 11 April 2016</p> <p><i>Pihak SIC telah mengkaji sebab penurunan penonton bagi F1 berbanding dengan MotoGP yang meningkat dari tahun ke tahun. Antara faktor-faktor adalah seperti yang berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>Insiden MH370 yang berlaku dalam tempoh F1. Kesan daripada insiden tersebut telah menyebabkan promosi bagi F1 tergendala. Pihak SIC juga mengikut arahan dari pihak berwajib kepada pihak media untuk tidak mempromosikan acara hiburan bagi menghormati peristiwa tersebut;</i></li> <li><i>Penurunan minat terhadap F1 merupakan masalah global dan bukan sahaja di Malaysia. Ini adalah akibat dari perubahan F1 yang telah dibuat oleh Formula One Management (FOM) seperti pertukaran enjin dan undang-undang perlumbaan. Selain itu, kajian menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti perlumbaan F1 agak terhad dalam merapatkan jurang antara pelumba dan penonton;</i></li> <li><i>SIC telah memperkenalkan konsep aktiviti kekeluargaan semasa</i></li> </ol>	<p><u>Strategi Pengiklanan yang menurus kepada media kekeluargaan</u> Strategi pemasaran yang berkonsepkan kekeluargaan juga telah dirancang seperti pengiklanan di dalam majalah-majalah kekeluargaan (Majalah Keluarga, Majalah Maskulin, Majalah Nona dan Lain-lain) serta siaran TV yang bercorak kekeluargaan (Astra Warna, Astro Citra dan lain-lain) akan mampu menarik lebih ramai pengunjung berbagai lapisan ke Litar Sepang.</p> <p><u>Strategi aktiviti kesihatan dan kesukanan permotoran untuk keluarga terutamanya kanak-kanak</u> Pihak syarikat juga telah merancang menambahkan aktiviti-aktiviti kebersamaan (<i>Engagement activities</i>) semasa kejohanan F1 di Litar Sepang pada 2 October 2016 nanti untuk menarik lebih ramai lapisan anak-anak muda terutamanya golongan kanak-kanak. Antaranya ialah "X-Track" aktiviti seperti Go-Kart, Mild Drifting, Pocket Bike dan lain-lain untuk kanak-kanak yang berumur serendah 2 tahun dan ke atas.</p> <p><u>Sokongan/kolaborasi penaja-penaja yang turut serta di dalam kejohanan F1 bagi peningkatan pengunjung</u> Pihak syarikat telah berkolaborasi dengan penaja-penaja yang menaja di dalam kejohanan F1 untuk mewujudkan tempat duduk khas untuk penyokong atau peminat penaja yang dinamakan "<i>tribune seats</i>" supaya peminat-peminat dapat merasai semangat kebersamaan. Ini dijangka dapat menyumbang kenaikan jualan tiket</p> <p><u>Sokongan/kolaborasi pasukan-pasukan yang turut serta di dalam kejohanan F1 bagi peningkatan pengunjung</u> Pihak syarikat telah berkolaborasi dengan pasukan-pasukan pelumba yang menyertai kejohanan F1 untuk mewujudkan pengalaman yang unik bersama-sama pelumba-pelumba F1 seperti pengunjung bertuah untuk disambut oleh pelumba F1 dan di bawa melawat ke kotak Pit, berjalan bersama untuk membeli barangan pasukan di butik jualan dan lain-lain lagi . Ini dijangka dapat menyumbang kenaikan jualan tiket.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kejohanan F1 di Sepang untuk meninggikan tahap minat penonton dari pelbagai lapisan. Ini terbukti dengan karnival keluarga yang dilancarkan pada 2015 di mana terdapat lebih ramai kanak-kanak dan keluarga hadir ke litar Sepang untuk menonton perlumbaan F1;</i></p> <p><i>d. MotoGP telah membuktikan bahawa penglibatan pelumba anak Malaysia dapat membangkitkan minat rakyat Malaysia dan ini dimanifestasikan dengan kehadiran penonton serta penjualan tiket yang memberangsangkan dari tahun ke tahun. Dari kajian ini, pihak SIC mendapati elemen patriotik adalah unsur yang boleh diwujudkan dalam perlumbaan Formula 1 dan dengan itu, pihak SIC telah bekerjasama dengan pihak FoM untuk menempatkan seorang pelumba negara di perlumbaan GP2 (perlumbaan sampingan F1) pada tahun 2016 sebagai salah satu langkah baru untuk mempromosikan F1 serta dalam usaha meningkatkan jumlah pengunjung. Penglibatan anak muda dalam keseluruhan pusingan GP2 dan MotoGP untuk tahun 2016 dijangka akan apat menarik lebih ramai pengunjung. Perlumbaan tersebut akan berlangsung pada 2 Oktober 2016 dan 30 Oktober 2016 masing-masing.</i></p>	
27.5.2.1.d.ii	<p><b>Strategi Pelaksanaan Pemasaran Bagi Perlumbaan F1</b></p> <p>Bagi melaksanakan strategi aktiviti pemasaran tersebut, SIC telah memohon pembiayaan sejumlah RM45 juta untuk tempoh 3 tahun (2013-2015). Bagaimanapun, Kementerian Kewangan bersetuju untuk membiayai sejumlah RM30 juta sahaja. Pembiayaan untuk tahun 2014 dan 2015 pula adalah bergantung kepada peningkatan hasil keseluruhan SIC iaitu peningkatan bilangan penonton dan penjualan tiket F1. Semakan Audit mendapati perbelanjaan sebenar pelaksanaan aktiviti pemasaran tersebut pada tahun 2013 adalah berjumlah RM15.72 juta iaitu RM5.72 juta melebihi daripada pembiayaan oleh Kementerian Kewangan. Pelaksanaan aktiviti pemasaran untuk tempoh tahun 2014 dan 2015 menggunakan peruntukan SIC memandangkan tiada peningkatan bilangan penonton dan bilangan penjualan tiket untuk tempoh tersebut.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 27.5.2.1.e
27.5.2.1.e	<p><b>Pencapaian Penganjuran Konsert F1</b></p> <p>Penganjuran konsert F1 diadakan selepas perlumbaan acara tersebut berakhir. Penganjuran konsert ini merupakan salah satu strategi aktiviti pemasaran dan melibatkan artis terkenal antarabangsa serta kos penganjuran yang tinggi. Konsert ini telah diadakan di kawasan helipad SIC. Kos penganjuran konsert ini untuk tempoh tahun 2013 hingga 2015 berjumlah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>RM4.19 juta hingga RM6.10 juta. Manakala peratusan pemegang tiket yang menonton konsert tersebut untuk tempoh 3 tahun adalah antara 10.3% hingga 14.7% sahaja.</p> <p>Pada pendapat Audit, SIC perlu menimbang semula strategi penganjuran konsert bagi menarik perhatian lebih ramai kehadiran penonton menyaksikan perlumbaan F1. Kos yang terlibat boleh digunakan bagi tujuan strategi pemasaran dan promosi yang lain.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016</p> <p>a. <i>Konsert adalah salah satu elemen daya tarikan pengunjung dan ia juga disokong oleh kajian impak ekonomi yang dijalankan oleh PriceWaterHouseCoopers sebagai salah satu aktiviti kluster yang dicadangkan untuk menarik lebih ramai pelancong asing yang mengunjungi litar SIC khususnya dan ke Malaysia amnya.</i></p> <p>b. <i>Konsert juga dapat menarik peminat-peminat artis tersebut untuk membeli tiket F1 dan seterusnya menyaksikan perlumbaan tersebut pada siang harinya sebelum menghadiri konsert di sebelah malam. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kenaikan jualan tiket.</i></p> <p>c. <i>Untuk menambah baik aktiviti-aktiviti kluster ini, pihak SIC merancang untuk mengadakan konsert pada 2016 di Hillstand B di mana tiket konsert akan di jual secara berasingan dan ini sedikit sebanyak akan dapat menampung kos perbelanjaan pengendalian konsert tersebut dan seterusnya membuka peluang penajaan bagi syarikat-syarikat korporat.</i></p>	
27.5.2.2.c	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Perbezaan Jumlah Dibayar Berbanding Dengan Yang Dinyatakan Dalam Perjanjian/Surat Setuju Terima</b></p> <p>Dua syarikat telah dilantik oleh SIC untuk perkhidmatan menyediakan kelengkapan dan keperluan infrastruktur sementara bagi <i>Post Race Concert</i> serta <i>creative and design agency</i> bagi perlumbaan F1 pada tahun 2013. Mengikut perjanjian dan Surat Setuju Terima, jumlah yang telah ditetapkan adalah RM1.11 juta dan RM1.0 juta masing-masing. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati terdapat perbezaan antara jumlah yang dibayar berbanding dengan jumlah seperti di perjanjian dan Surat Setuju Terima. Jumlah perbezaan tersebut adalah RM112,400 dan RM24,313. Selain itu, semakan Audit juga mendapati komisen agensi berjumlah RM94,700 bagi</p>	<p>Perlaksanaan sistem perakaunan berdasarkan <i>Enterprise Resource Planning</i> (ERP) dapat mengawal jumlah kontrak yang dimeterai dengan perbelanjaan sebenar secara berkala dan isu berkaitan pembayaran melebihi jumlah kontrak dapat dielakkan . Ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2016.</p> <p>Bagi tujuan penambahbaikan proses perolehan semua kontrak yang dikeluarkan mulai 1 April 2016 mengambil kira dan dimasukkan klausa pihak ketiga mengikut keperluan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perkhidmatan <i>creative and design agency</i> tidak disertakan/disokong dengan dokumen sokongan oleh pihak ketiga.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada Dan 11 April 2016</p> <p>a. <i>Bagi perkhidmatan Menyediakan Dan Memasang Kelengkapan Teknikal Dan Keperluan Infrastruktur Sementara Bagi Post Race Concert Semasa Grand Prix F1 Petronas Tahun 2013, harga pada kontrak adalah harga yang telah dirunding pada awal waktu ketika kontrak telah dikeluarkan, walau bagaimanapun ketika minggu kejohanan F1 dijalankan, pihak syarikat telah bersetuju untuk menambah aktiviti-aktiviti hiburan bagi mempelbagaikan pengalaman dan kerianan penonton-penonton yang hadir ke F1 2013 terutamanya dalam mengisi waktu kelapangan sementara menunggu konsert bermula pada pukul 8 malam. Penambahan kos aktiviti ini tidak melebihi jumlah keseluruhan kelulusan oleh Ahli Lembaga Pengarah sepertimana resolusi yang dilampirkan yang bertarikh 22 March 2013, iaitu RM1.22 juta.</i></p> <p>b. <i>Pihak SIC membuat bayaran secara berperingkat kepada syarikat Creative And Design Agency tersebut dan untuk bayaran terakhir terdapat kekurangan berjumlah RM6,550 (tidak termasuk GST) dari surat pelantikan. Kontrak yang dirundingkan dan ditawarkan juga adalah tidak termasuk Cukai Perkhidmatan sebanyak 6%. Pihak SIC telah mengambil kira perkara ini dan bagi meningkatkan kawalan dalaman, pihak SIC telah mengambil langkah mengeluarkan Purchase Order (PO) dari sistem akaun bagi memantau jumlah pembayaran secara berperingkat mengikut jumlah surat pelantikan yang dijalankan semenjak tahun 2014. SIC juga telah menukar sistem perakaunan berkomputer Enterprise Resource Planning pada tahun 2016 sebagai langkah penambahbaikan.</i></p> <p>c. <i>Perjanjian yang ditandatangani antara SIC dan syarikat Creative And Design Agency tersebut adalah tidak melibatkan pihak ketiga. Perjanjian yang telah ditandatangani adalah antara kedua-dua pihak sahaja dan tidak melibatkan pihak ketiga yang berurusan dengan syarikat syarikat Creative And Design Agency. Bagaimanapun, bagi penambahbaikan pada masa hadapan, pihak SIC akan mengambil kira klausa penglibatan pihak ketiga mengikut keperluan pembayaran dan perjanjian yang dimeterai.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.2.2.d	<p><b>Aktiviti Bukan Permotoran : Perbezaan Butiran Kontrak Sewa Workshop Di Kompleks SIC Dengan Invois/Sebut Harga</b></p> <p>Pada tahun 2015, SIC telah membina 40 unit workshop dengan kos pembinaan berjumlah RM14.36 juta. Workshop yang baru dibina ini terletak di SIC Commercial Park dan siap sepenuhnya pada 5 Jun 2015. SIC telah menyediakan sewaan workshop yang merupakan salah satu aktiviti non-motor. Semakan Audit terhadap 8 kontrak sewaan yang telah ditandatangani antara penyewa dan SIC mendapati terdapat perbezaan butiran kadar diskaun sebanyak 10% dan <i>Government Service Tax</i> sebanyak 6% antara kontrak dan invois/sebut harga. Selain itu, adalah didapati tarikh kontrak tidak dinyatakan; tarikh mula sewaan bagi 3 kontrak penyewa tidak dinyatakan dalam Jadual 1 Perjanjian Sewa Premis, perbezaan tempoh sewaan dan klausa duti setem tidak dinyatakan dalam kontrak.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016</p> <p><i>Mengikut template kontrak-kontrak SIC, tarikh perjanjian yang dinyatakan pada muka surat pertama adalah sama dengan tarikh perjanjian ditandatangani atau dimenterai. Mengikut prosedur syarikat, duti setem terhadap kontrak tidak diamalkan sebagai langkah penjimatan kos. Kedua-dua amalan ini boleh diterima pakai dalam panduan lazim penyediaan kontrak. Pada permulaan kontrak sewa dikeluarkan Government Service Tax (GST) dan diskaun masih tidak ditetapkan. GST berkuat kuasa bermula dari 1 April 2015 dan diskaun diberikan setelah penyewa mengesahkan mereka akan menyewa unit tersebut. Satu Memo dalaman dikeluarkan bagi mendapat kelulusan dari Ketua Pegawai Eksekutif SIC untuk diskaun sewaan.</i></p>	<p>Kontrak sewa beli yang dikeluarkan mulai 1 April 2016 telah dikemaskini dan dimasukkan klausa tarikh mula sewaan, tempoh sewaan, diskaun, GST dan duti setem. Pengemaskinian SOP Perolehan berkaitan isu ini telah dikemaskini dan butiran terperinci adalah berdasarkan kontrak yang dikeluarkan. Sebarang pemberian diskaun adalah di dalam bidangkuasa Ketua Pegawai Eksekutif.</p>
27.5.2.3.a.iii	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Ahli Lembaga Pengarah</b></p> <p>Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan dalam syarikat Kerajaan adalah untuk memastikan kawalan dalaman dan kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya. Unit Audit Dalam pula berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman yang bertindak membantu pihak pengurusan atasan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati SIC telah melantik firma BDO Binder sebagai Juruaudit Dalaman. Antara aspek pengauditan yang dijalankan oleh juruaudit dalaman ini adalah pengauditan pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan perolehan dan pengurusan aktiviti. Semakan Audit mendapati kesemua tugas Audit dalam SIC telah dirancang secara</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 27.5.2.3.a.iii</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tahunan. Sepanjang tempoh 2012 hingga 2014, sebanyak 3 tugas telah dirancang. Laporan Audit Dalam disediakan oleh juruaudit dalaman dan telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit. Sepanjang tempoh tahun 2012 hingga 2014, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit juga telah disediakan. Pihak pengurusan SIC telah mengambil tindakan susulan terhadap syor oleh juruaudit dalaman.</p> <p>Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya tadbir urus korporat SIC adalah memuaskan.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Mengikut saiz dan keperluan SIC di mana Ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju mengadakan mesyuarat mengikut kadar kekerapan sekurang-kurangnya sekali untuk setiap suku tahun dan tambahan mesyuarat pada bila-bila masa sekiranya ada keperluan yang penting/mendesak.</i></p>	
27.5.2.3.b	<p><b>Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</b></p> <p>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) disediakan bagi mengukur tahap pencapaian dalam pengurusan operasi syarikat. Semakan Audit terhadap <i>corporate scorecard</i> mendapati SIC telah menetapkan 5 kategori utama iaitu kewangan operasi, pengoperasian, pengurusan perhubungan pelanggan, peningkatan perniagaan dan peningkatan dalam proses yang berterusan untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014. Terdapat 10 elemen telah ditetapkan sebagai mekanisme pengukuran prestasi SIC adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Keuntungan keseluruhan;</li> <li>ii. Keberkesanan pengoperasian;</li> <li>iii. Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan;</li> <li>iv. Pengaktifan Pelan Utama SIC;</li> <li>v. Pertumbuhan dan pengendalian perniagaan;</li> <li>vi. Peningkatan fasiliti semasa</li> <li>vii. Pembelajaran dan Pertumbuhan;</li> <li>viii. <i>Employee Engagement Index</i>;</li> <li>ix. Memperkemarkan polisi Modal Insan; dan</li> <li>x. Kejayaan Perancangan dan Pembangunan.</li> </ul> <p>Pada keseluruhannya untuk tempoh tahun 2012 hingga 2014 SIC telah</p>	<p>KPI untuk mengambilkira jumlah pengujung keseluruhan akan dibentangkan pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 25 Mei 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>berjaya mencapai skor keseluruhan 87% hingga 113%. Semakan Audit seterusnya mendapati KPI ada dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah serta dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, SIC telah berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat SIC perlu mengambil kira kehadiran penonton tempatan secara keseluruhan yang hadir untuk menyaksikan perlumbaan F1 sebagai salah satu KPI SIC. Ini memandangkan kehadiran pengunjung tempatan juga memberi impak yang besar kepada penjualan tiket dan imej negara.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Mengikut perbincangan pada tahun 2013 dengan pihak Bahagian Pelaburan Syarikat Kerajaan (BPSK), Kementerian Kewangan, pihak Kerajaan telah menitik beratkan kehadiran pelancong luar negara bagi meningkatkan perbelanjaan domestik dan seterusnya dapat menyumbang di dalam peningkatan pendapatan negara. Oleh yang demikian, pihak BPSK telah menyarankan pihak SIC untuk memasukkan kehadiran pelancong asing ke acara-acara perlumbaan di SIC sebagai salah satu kayu ukur pencapaian prestasi syarikat. Pihak pengurusan juga sentiasa melaporkan kehadiran keseluruhan berserta pecahan penonton antarabangsa dan tempatan yang telah dimuat masuk ke dalam laporan keseluruhan setiap perlumbaan sewaktu pembentangan laporan tersebut di mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.</i></p>	
27.5.3.2.a	<p><b>Pengurusan Kewangan Syarikat - Pengurusan Perolehan - Dokumen Perjanjian Tidak Dimuktamadkan</b></p> <p>Dokumen perjanjian merupakan suatu dokumen penting yang merekodkan terma-terma perjanjian bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang menandatangani kontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan tanggungjawab oleh pihak yang terlibat. Pihak Audit mendapati satu perjanjian perkhidmatan berjumlah RM1.11 juta tidak dimuktamadkan walaupun perkhidmatan telah dilaksanakan. Perjanjian perkhidmatan tersebut adalah perkhidmatan membekal dan memasang peralatan infrastruktur sementara untuk konsert selepas acara perlumbaan F1 tahun 2013. Bagaimanapun, sehingga kini didapati kontrak tersebut masih belum ditandatangani.</p>	<p>Bagi penambahbaikan prosedur semua kontrak akan dimeterai sebelum kerja-kerja dijalankan berkuatkuasa dari 1 April 2016. Pengemaskinian SOP Perolehan berkaitan isu ini telah dikemaskini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, setiap dokumen kontrak hendaklah dimuktamadkan sebelum kerja atau perkhidmatan dilaksanakan bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak dari aspek perundangan.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 11 April 2016</p> <p><i>Keputusan atau butir-butir perincian produksi konsert hanya diperolehi daripada syarikat pengurusan artis dalam masa 2 minggu sebelum acara tersebut. Namun, kontrak tidak dapat disiapkan dalam waktu yang singkat (6 hari daripada acara dilangsungkan iaitu pada 29 Mac 2013) memandangkan pada ketika itu SIC menggunakan khidmat guaman luar (tiada eksekutif perundangan dalaman). Setiap kontrak di masa hadapan akan dimenterai sebelum kerja-kerja dilaksanakan.</i></p>	
27.5.3.2.b.ii	<p><b>Kelewatan Kelulusan Perolehan Perkhidmatan Oleh Jawatankuasa Perolehan</b></p> <p>Semakan terhadap 4 kerja penyenggaraan berjumlah RM1.31 juta mendapati kesemua kerja tersebut telah pun dilaksanakan oleh sebuah syarikat penyenggaraan bangunan walaupun tiada kelulusan daripada Jawatankuasa Perolehan SIC. Setakat tarikh pengauditan dijalankan sehingga bulan November 2015, kelulusan oleh Jawatankuasa Perolehan masih belum diperolehi. Selain itu, jenama yang dibekalkan oleh kontraktor yang dilantik bagi pemasangan 20 unit penyaman udara baru 1.5 hp <i>split unit inverter</i> di <i>booth commentator</i> 1-9 dan 32-42 adalah berlainan seperti mana dalam sebut harga. Mengikut sebut harga tersebut, jenama yang sepatutnya dibekalkan adalah jenama acson/york. Bagaimanapun, semasa lawatan ke <i>booth commentator</i> tersebut, jenama yang dibekalkan adalah jenama <i>sharp</i> dengan harga seunit RM1,500. Selain itu, pihak Audit mendapati 20 unit penyaman udara yang lama telah dilupuskan. Bagaimanapun, tiada maklumat mengenai kelulusan pelupusan aset diperolehi daripada pihak pengurusan SIC.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016 dan 11 April 2016</p> <p>a. <i>Kelulusan secara bertulis daripada jawatankuasa perolehan telah diperolehi secara lisan sebelum kerja-kerja dilaksanakan. Namun, pembaikan kerja kerja kelulusan yang memakan masa panjang disebabkan oleh kemasukan ketua unit yang baru untuk meneliti dan memahami kerja-kerja yang dirancang atau dijalankan serta</i></p>	<p>Kesemua kelulusan bertulis telah diperolehi dan direkodkan pada 10 March 2016. Pihak syarikat juga telah mengambil langkah penambahbaikan dengan memastikan semua kerja-kerja dijalankan selepas mendapat kelulusan mulai 1 April 2016. Pengemaskinian SOP Perolehan berkaitan isu ini telah dikemaskini.</p> <p>Proses pelupusan aset berkaitan telah diambil tindakan oleh pengurus <i>facilities</i> dan pengemaskinian SOP <i>Facility</i> berkaitan isu ini telah di ambil tindakan pada 28 April 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>penambahbaikan kertas kerja yang dirangka. Setiap kelulusan akan diperolehi seawal mungkin sebelum kerja-kerja dijalankan.</i></p> <p><i>b. Setelah menerima kelulusan dari pihak SIC melalui email untuk pelaksanaan kerja pemasangan 20 unit hawa dingin baru, pihak kontraktor UTW telah memaklumkan bahawa jenama seperti dalam sebut harga mempunyai stok yang terhad pada masa itu. Walau bagaimanapun pihak UTW telah mencadangkan jenama Sharp dan jenama ini mempunyai ciri-ciri kelebihan lain berbanding dengan jenama York/Acson iaitu penggunaan R401 Gas (Environmental Friendly). UTW telah mengambil langkah proaktif dengan memasang jenama Sharp walaupun harga jenama Sharp adalah lebih tinggi dari jenama seperti dalam sebut harga. UTW juga telah menyerap kos lebih sebagai tanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pemasangan diselesaikan dalam tempoh masa seperti ditetapkan oleh pihak SIC supaya tidak ada kelewatan semasa perlumbaan FI tahun tersebut (tempoh pelaksanaan dan penyiapan kerja seperti arahan SIC adalah sebelum 7 Mac 2015). Sebagai langkah penambahbaikan, kelulusan pertukaran jenama akan dilakukan secara bertulis.</i></p> <p><i>c. Kesemua 20 unit lama telah dihantar ke site office pada 7 Mac 2015. Semasa pemeriksaan oleh Jabatan Kesihatan pada 7 Oktober 2015 telah memberi saranan agar kesemua barang-barang yang disimpan di kawasan terbuka site office dilupuskan / dibuang kerana berpotensi menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes. UTW telah merekodkan jumlah dan nombor siri unit lama tersebut dalam borang Rekod Pergerakan Peralatan/Equipment Movement Record. Sebanyak 13 unit telah dilupuskan dan baki 7 unit masih dalam simpanan UTW. Kesemua unit lama mempunyai kerosakan serta hakisan dan tidak boleh diguna pakai. Sebagai langkah penambahbaikan, proses pelupusan akan dikemas kini di mana kelulusan diperolehi terlebih dahulu dari pihak pengurusan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.3.2.c	<p><b>Pesanan Belian Lewat Dikeluarkan</b></p> <p>Pesanan Belian hendaklah dikeluarkan dan diluluskan terlebih dahulu sebelum perolehan sesuatu barangan/ perkhidmatan dibuat. Semakan Audit mendapati pesanan belian bagi 12 perolehan berjumlah RM0.33 juta telah dikeluarkan selepas barangan diterima atau perkhidmatan selesai dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016 dan 11 April 2016</p> <p><i>Pesanan ini di buat pada masa atau ketika kejohanan berlangsung mengikut permintaan terakhir yang di buat oleh badan piawai kejohanan seperti Federal International Automobile (FIA) dan Federal International Motorcycle (FIM). Perubahan ini juga tertakluk kepada pemilik kejohanan seperti Formula One Management, Dorna mahupun pelanggan-pelanggan SIC dan dengan demikian pesanan belian lewat dikeluarkan. Penglibatan SIC dalam industri perkhidmatan sukan permotoran kebanyakannya tertakluk kepada permintaan pelanggan yang mempunyai kuasa belian yang tinggi. Namun, pihak syarikat akan sentiasa bersifat pro-aktif untuk mendapatkan pengesahan seawal mungkin.</i></p>	<p>Pihak syarikat telah memastikan semua kerja-kerja dijalankan setelah pesanan belian dikeluarkan dengan serta merta. Ini telah berkuatkuasa dengan serta merta. Pengemaskinian SOP Perolehan sedia ada berkaitan isu ini telah dikemaskini.</p>
27.5.3.2.d	<p><b>Kelewatan Menandatangani Perjanjian</b></p> <p>Semakan Audit terhadap perjanjian perkhidmatan sewaan <i>LED Giant Screens</i> di Litar Antarabangsa Sepang berjumlah RM5.4 juta mendapati tarikh perjanjian tersebut dimeterai pada 22 Mei 2013 antara SIC dengan syarikat Nova Spectra Sdn. Bhd.. Mengikut terma tempoh perkhidmatan pula, tarikh mula perkhidmatan bermula pada 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2015. Adalah didapati tempoh masa satu tahun diambil oleh SIC untuk memeterai perjanjian tersebut.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016 dan 11 April 2016</p> <p><i>Kelewatan disebabkan oleh proses perundingan harga, aktiviti nilai tambah dan pilihan untuk membeli LED Giant Screen untuk ditempatkan di kawasan paddock yang berlarutan serta penggunaan khidmta guaman luar bagi penyediaan kontrak tersebut Sebagai langkah menambah baik proses perolehan, pihak SIC akan berusaha memastikan semua kontrak ditandatangani sebelum perkhidmatan dimulakan. Setiap kontrak pada masa hadapan akan dimeterai sebelum kerja dilaksanakan.</i></p>	<p>Pihak syarikat telah memastikan semua kerja-kerja dijalankan setelah kontrak dimeterai dengan serta merta. Ini telah berkuatkuasa mulai 1 April 2016.</p> <p>Pengemaskinian SOP Perolehan/Kontrak berkaitan isu ini telah dikemaskini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>27.5.3.2.e</b></p>	<p><b>Tiada Butiran Terperinci Kos dan Klausu Penalti/Denda/Potongan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap dua perjanjian mengenai kerja penyenggaraan dan landskap mendapati perjanjian tersebut tidak menjelaskan secara terperinci mengenai kos setiap kerja. Perincian kos boleh digunakan sebagai asas bagi tujuan pemotongan sekiranya kontraktor tidak melaksanakan kerja. Selain daripada itu adalah didapati klausu penalti/denda/potongan tidak dimasukkan dalam perjanjian tersebut.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016</p> <p><i>Pihak SIC telah pun mengamalkan klausu penalti ini dalam kontrak-kontrak yang dimeterai mulai tahun 2015. Pihak SIC menyambut baik cadangan ini serta mengambil kira pandangan Audit untuk memastikan klausu butiran penalti dimasukkan dalam setiap perjanjian yang dirangka pada masa hadapan. Langkah ini akan memastikan kelangsungan kontrak-kontrak yang dikeluarkan oleh SIC.</i></p>	<p>Kebanyakan kontrak yang dikeluarkan mulai tahun 2015 telah pun diwujudkan klausu penalti di dalam kontrak-kontrak tersebut.</p> <p>Namun, pihak syarikat akan memastikan bahawa semua kontrak perkhidmatan (<i>Service provider</i>) yang dikeluarkan mulai 1 May 2016 akan dimasukkan klausu penalti/denda. Pengemaskinian SOP Perolehan/Kontrak berkaitan isu ini telah dikemaskini.</p>
<p><b>27.5.3.3.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Perbelanjaan - Baucar Bayaran Tidak Dicop Telah DiBayar</b></p> <p>SIC telah menetapkan polisi mengenai baucar bayaran di mana setiap baucar bayaran hendaklah disemak dan dilampirkan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati pematuhan kepada peraturan dan polisi. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati setiap baucar bayaran dan inbois tidak dicop telah dibayar.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun polisi syarikat tidak menetapkan supaya setiap baucar bayaran dan inbois dicop telah dibayar namun ia berfungsi sebagai unsur kawalan dalaman bagi mengelakkan kemungkinan pembayaran dua kali.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Baucar pembayaran yang ditandatangani oleh penerima adalah bukti pembayaran dan semua inbois berkaitan pembayaran dilampirkan bersama baucar pembayaran bagi mengelakkan kemungkinan pembayaran dua kali. Pihak SIC tidak merasakan keperluan setiap inbois dan baucar pembayaran dicop "telah dibayar atau paid". Walau bagaimanapun, pihak SIC akan menimbang pendapat Audit dan pada masa yang sama memastikan</i></p>	<p>Pihak syarikat akan menambahbaik polisi dengan mewujudkan polisi supaya di cop "PAID" untuk inbois yang telah dibayar. Ini akan dikuatkuasakan mulai 15 Mei 2016. Pengemaskinian SOP Finance berkaitan isu ini sedang dikemaskini dan dijangka siap pada 10 May 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>pengurusan yang cekap dan berkesan dengan sumber tenaga yang terhad.</i>	
27.5.3.3.b	<p><b>Penggunaan Kad Kredit Persendirian Bagi Perbelanjaan Rasmi Syarikat</b></p> <p>Lembaga Pengarah telah meluluskan penggunaan kredit kad korporat atas nama Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Akaun pada 3 Disember 2012. Semakan Audit terhadap sampel baucar bayaran tuntutan perjalanan mendapati perbelanjaan rasmi telah dibuat menggunakan kredit peribadi oleh Ketua Pegawai Operasi dan Ketua Pegawai Kewangan. Semakan lanjut mendapati tiada SOP yang menetapkan penggunaan kad kredit peribadi bagi perbelanjaan rasmi. Selain itu, sampel perbelanjaan Ketua Pegawai Eksekutif untuk tempoh tahun 2013 dan 2014 menunjukkan tiada semakan dibuat oleh Bahagian Sumber Manusia/Bahagian Pentadbiran. Antara perbelanjaan yang dibuat menggunakan kad kredit peribadi adalah pembelian tiket kapal terbang, pembelian <i>door gift</i> dan pembayaran penginapan.</p> <p>Pada pendapat Audit, SIC sepatutnya memohon dan menggunakan kad kredit korporat untuk kegunaan perbelanjaan rasmi syarikat dan menetapkan jenis perbelanjaan seperti mana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016</p> <p><i>Penggunaan kad kredit Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan SIC telah mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah pada 3 Disember 2012 untuk urusan perbelanjaan syarikat apabila pembayaran perlu dibuat secara tunai atau kad kredit seperti pembelian tiket penerbangan dan penginapan hotel. Semua perbelanjaan yang dibuat menggunakan kad kredit adalah mengikut prosedur pembelian atau perolehan syarikat. Ketua Pegawai Eksekutif telah mengkhususkan kad kredit bagi penggunaan pembayaran perbelanjaan syarikat. Walau bagaimanapun, pihak SIC mengambil kira pendapat Audit sebagai salah satu langkah yang akan dipertimbangkan dengan membuka akaun korporat dengan agensi pelancongan bagi pembelian tiket penerbangan dan pembayaran penginapan hotel untuk semua tenaga pekerja SIC apabila diperlukan. Aspek penjimatan kos juga akan diambil kira dengan perbandingan harga yang ditawarkan oleh agensi dan pembelian melalui atas talian atau internet.</i></p>	<p>Pihak syarikat sedang mengumpulkan maklumat daripada institusi-institusi kewangan mengenai kad kredit korporat dan akan memohon untuk pemegang-pemegang yang layak. Kad kredit syarikat dijangka akan diterima sepenuhnya pada 30 Jun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
27.5.3.4.a	<p><b>Pengurusan Aset - Daftar Aset Tidak Lengkap Dan Kemas kini</b></p> <p>Daftar Aset yang diwujudkan adalah tidak lengkap kerana butiran seperti tarikh pembelian, no baucar, nombor pesanan belian, butiran dan penjenisan mengenai aset, penempatan, pemeriksaan, pelupusan / hapus kira dan tandatangan tidak dinyatakan.</p>	<p>Sepertimana maklum balas pada 18 Mac dan 11 April 2016. Pelaksanaan dan penggunaan sistem daftar dan panyeliaan aset (<i>Aset Tagging System</i>) sepenuhnya dijangka bermula pada 30 Jun 2017.</p>
27.5.3.4.b	<p><b>Aset Tidak Dilabelkan</b></p> <p>Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset yang telah dipilih dan mendapati aset tersebut tidak dilabelkan. Bagi memudahkan aset syarikat dikesan dan dipantau pergerakannya adalah disyorkan setiap aset yang dibeli oleh SIC dilabelkan dengan menggunakan nombor siri pendaftaran dan lokasi aset.</p> <p>Maklum Balas SIC Yang Diterima Pada 18 Mac 2016 dan 11 April 2016</p> <p><i>Pihak SIC mengambil kira pandangan audit dan akan memastikan daftar aset dipertingkatkan dengan butir-butiran seperti yang dinyatakan. Daftar aset yang sediaada mempunyai butiran yang lengkap dan mencukupi mengikut keperluan yang diterimapakai oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia atau Antarabangsa bagi penyediaan akaun syarikat. Pihak SIC sedang dalam rangka kerja untuk mencari sistem (Aset Tagging System) yang sesuai bagi pengurusan aset dengan mengambil kira saiz syarikat dan kos pelaksanaan yang akan memakan belanja yang besar. Pembelian dan persediaan untuk pelaksanaan dijangka siap pada 31 Disember 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, daftar aset yang lengkap perlu diselenggarakan. Daftar Aset yang lengkap dan kemas kini penting bagi tujuan kawalan dan penyelenggaraan dan pengurusan aset di lokasi masing-masing. Selain itu, aset-aset yang dimiliki oleh SIC hendaklah dilabelkan. Pemeriksaan aset hendaklah dijalankan serta daftar pergerakan aset juga perlu disediakan bagi mengelakkan kehilangan dan salah guna aset.</p>	<p>Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbiran yang baru dilantik telah ditugaskan untuk menyelia sistem daftar dan penyeliaan aset (<i>Asset Tagging System</i>).</p>



# **AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**

**Perenggan 2 : Pengurusan Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.1.3	<p><b>Prestasi Keseluruhan Projek</b></p> <p>Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2015 hingga Februari 2016 mendapati sebanyak 58 aduan kerosakan dan kecacatan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) masih belum diperbaiki oleh pihak kontraktor walaupun tempoh DLP telah tamat pada 26 November 2015. Berdasarkan Klausula 48.1 (b) dalam dokumen kontrak, pihak kontraktor mempunyai lanjutan masa sehingga 10 Mac 2016 untuk menyelesaikan aduan kerosakan dan kecacatan.</p>	
2.4.2.3	<p><b>Penerapan Elemen Hijau Dalam Pembinaan Bangunan LPJ</b></p> <p>LPJ mula menduduki bangunan baru tersebut pada 1 Januari 2015 dan Penarafan Hijau perlu dilaksanakan selepas 6 bulan bangunan diduduki berdasarkan CAST JKR. Pemeriksaan oleh CAST JKR telah dibuat pada 23 dan 24 November 2015 tetapi keputusan penarafan masih belum dimaklumkan kepada LPJ setakat 15 Januari 2016.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan CAST JKR untuk memaklumkan hasil keputusan Penarafan Hijau menyebabkan tindakan dan langkah yang sewajarnya tidak dapat diambil untuk mengoptimumkan elemen penjimatan kos tenaga dan sumber.</p> <p>Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p> <p><i>Ibu Pejabat JKR memaklumkan penilaian pH JKR untuk Verifikasi Pemarkahan (VP) yang dilaksanakan di tapak adalah selepas 6 bulan diduduki atau 50% telah diduduki bergantung pada kesediaan bangunan dan pelanggan. Maklumat dan data untuk dinilai adalah lebih jitu jika dilaksanakan selepas tempoh 6 bulan bangunan diduduki apabila semua sistem Mekanikal</i></p>	<p>Sijil Penarafan Hijau akan diserahkan semasa upacara perasmian projek kepada pelanggan yang sepatutnya dijangka pada Mac 2016 ini. Bagaimanapun, sehingga hari ini jabatan masih belum mendapat pengesahan secara rasmi bagi tarikh upacara perasmian tersebut. Dikemukakan Laporan Penarafan Hijau oleh CKASKT, JKR.</p> <p>Laporan Verifikasi Pemarkahan Penarafan Hijau pH JKR daripada pihak CASKT telah dimajukan kepada pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) pada 31 Mac 2016. Pihak CASKT JKR telah memaklumkan bahawa Sijil Penarafan Hijau akan diserahkan semasa upacara perasmian projek kepada pelanggan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	& Elektrikal telah stabil.	
2.4.3.1.i	<p><b>Eco Glass Wall Yang Tidak Berfungsi</b></p> <p>Penggunaan <i>eco glass wall</i> sebagai penapis haba dan memberikan pencahayaan semula jadi bertujuan untuk mengurangkan kos penggunaan elektrik. Bagaimanapun, pencahayaan semula jadi menerusi <i>eco glass wall</i> dijangka akan menyebabkan pengumpulan haba yang berlebihan dan menimbulkan ketidakselesaan kepada pengguna bangunan. Sebagai langkah penyelesaian, pihak JKR di peringkat <i>Head of Project Team</i> (HOPT) dan <i>Head of Design Team</i> (HODT) telah mencadangkan pemasangan <i>vertical fin</i> dengan kos bernilai RM730,062 dan pemasangan <i>roller blind</i> bernilai RM133,050 yang turut dimasukkan dalam kontrak utama. <i>Vertical fin</i> merupakan struktur luaran yang berfungsi sebagai <i>sun shading</i> yang dipasang menegak bagi mengurangkan impak pemanasan permukaan bangunan pada waktu petang.</p>	
2.4.3.1.ii	<p>Cadangan ini telah dinyatakan semasa proses reka bentuk. Pihak JKR memasukkan item komponen <i>vertical fin</i> dalam Senarai Kuantiti manakala struktur <i>vertical fin</i> ini direka bentuk oleh perunding yang dilantik oleh kontraktor utama iaitu Kelisa Murni Sdn. Berhad. JKR menyediakan lukisan konsep di dalam lukisan pembinaan arkitek dan perunding kontraktor perlu merealisasikan pembinaan tersebut mengikut persetujuan yang telah dibuat.</p>	
2.4.3.1.iii	<p>LPJ berpendapat pemasangan <i>vertical fin</i> tidak memenuhi fungsi sebenar ia dipasang kerana impak pemanasan masih berlaku. Terdapat percanggahan pendapat antara LPJ dan JKR berkenaan reka bentuk struktur <i>vertical fin</i>. Melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 11 September 2014, Lembaga Pengarah LPJ telah mengarahkan supaya potongan dibuat terhadap tuntutan harga struktur <i>vertical fin</i> bernilai RM396,000. Selain itu, LPJ juga tidak dimaklumkan mengenai anggaran kos penyenggaraan <i>vertical fin</i> bernilai RM50,000 setiap 2 tahun yang merangkumi kos sewaan jentera dan bayaran khidmat profesional bagi menjalankan pemeriksaan terperinci terhadap sambungan, kedudukan dan kekuatan <i>vertical fin</i>. Pemeriksaan ini tidak melibatkan kerja-kerja pembersihan struktur, kos alat ganti dan pembaikan kerosakan. Anggaran ini dibuat oleh LPJ sendiri dengan mengambil kira beberapa faktor seperti kos sewa jentera dan khidmat profesional. Terdapat kes di mana <i>vertical fin</i> yang dipasang di Aras 8 telah jatuh manakala <i>vertical fin</i> di Aras 11 telah patah. Walaupun pihak kontraktor telah membaiki <i>vertical fin</i> tersebut dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) tetapi LPJ menghadapi risiko kewangan daripada aspek pembaikan sekiranya kejadian</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	yang sama berlaku pada masa hadapan.	
2.4.3.1.iv	<p>Laporan simulasi oleh Cawangan Arkitek JKR pada 14 November 2014 mendapati <i>eco glass wall</i> tidak dapat berfungsi sepenuhnya kerana kedudukan fasad bangunan yang tidak menghadap orientasi UTARA-SELATAN atau pada kecondongan 5%. Keadaan ini menyebabkan permukaan bangunan lebih luas terdedah kepada impak pemanasan cahaya matahari. Walaupun tindakan penyelesaian telah dibuat dengan memasang <i>vertical fin</i> dan <i>roller blind</i> tetapi impak pemanasan masih tidak dapat dikurangkan. LPJ terpaksa mengambil tindakan dengan memasang penapis filem bernilai RM35,289.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPJ Diterima Pada 3 Februari 2016 dan 25 Februari 2016, Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016 Serta Maklum Balas Daripada JKR Johor Diterima Pada 5 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p> <p><i>LPJ memaklumkan eco glass wall dan fin tidak berkesan kerana masih terdapat haba dan silau yang menyebabkan ketidakselesaan. Sehubungan itu, LPJ telah memasang penapis filem yang ternyata efektif. Selain itu, pemasangan roller blind seperti yang dinyatakan dalam kontrak hanya melibatkan panel eco glass bahagian bawah dan ia hanya dapat menghalang sebahagian silau cahaya matahari. Selain itu, kos RM50,000 adalah suatu anggaran yang dibuat oleh LPJ merangkumi kos sewa jentera dan khidmat profesional.</i></p> <p><i>Ibu Pejabat JKR pula memaklumkan pencahayaan semula jadi ke dalam ruang pejabat melalui segmen eco glass wall adalah objektif reka bentuk asal yang dipersetujui oleh pihak pelanggan pada 25 Februari 2011. Cahaya dan haba yang masuk melalui segmen eco glass wall boleh dikawal secara manual dengan menggunakan roller blind dan vertical fin pada bangunan ini yang bertindak sebagai gabungan elemen sun shading yang mampu mengurangkan impak pemanasan permukaan bangunan. Aplikasi elemen hijau yang melibatkan penggunaan eco glass wall adalah menepati fungsi dan kriteria Penarafan Hijau JKR. Ia telah dikaji secara menyeluruh ketika proses penilaian produk, perkiraan Overall Thermal Transfer Value (OTTV), data pembekal dan reka bentuk serta dibuktikan melalui laporan dan kajian simulasi pencahayaan dan draf laporan verifikasi pemarkahan CAST di mana keputusan tersebut membuktikan keberkesanan thermal comfort mencapai suhu yang dikehendaki (24 darjah celsius) dan heat gain dapat dikekang</i></p>	







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>melalui panel eco glass wall. Fungsi penggunaan eco glass wall adalah untuk menyekat kesan haba matahari, radiasi (ultra violet 99% dan infrared 90%) dan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan mekanikal serta memberikan kesan 74% visual penuaian cahaya yang baik. Ia juga dapat mengurangkan suhu ruangan dalam bangunan sebanyak 3 hingga 6 darjah celsius serta mengurangkan beban penggunaan penghawa dingin sebanyak 15%. Bacaan U-Value eco glass wall adalah rendah iaitu 3.46 berbanding jenis tempered glass sebanyak 5.70. Pemasangan vertical fin ini telah dirancang, direka bentuk dan dibina merujuk kepada persetujuan pihak pelanggan melalui pengesahan muktamad skop, konsep, reka bentuk pelan susun atur dan rupa bangunan bertarikh 25 Februari 2011. Dari segi reka bentuk vertical fin, pihak HODT hanya menyediakan lukisan konsep sahaja manakala kontraktor utama telah melantik konsultan atau pakar bagi mereka bentuk semula struktur dan vertical fin dengan mengambil kira aspek ketahanan dan keselamatan. Bagaimanapun, lukisan vertical fin telah disemak oleh HODT JKR sebelum ia dibina.</i></p> <p><i>Menurut maklum balas JKR Johor, pemasangan vertical fin adalah memenuhi Need Statement dan spesifikasi dalam kontrak. Pihak kontraktor telah mengemukakan pengiraan reka bentuk yang telah disemak oleh jurutera profesional pada 17 Februari 2016.</i></p>	
2.4.3.2	<p><b>Motion Sensor</b></p> <p><i>Motion sensor telah dipasang di setiap aras yang juga berfungsi untuk mengurangkan penggunaan bekalan elektrik di mana lampu hanya akan menyala apabila terdapat pergerakan di kawasan tersebut. Kos bagi pemasangan motion sensor adalah bernilai RM26,455 iaitu RM185 seunit. Pemeriksaan fizikal mendapati sebanyak 27 atau 18.9% daripada 143 motion sensor yang bernilai RM4,995 gagal berfungsi di Aras 3 hingga Aras 9 dan pengguna terpaksa menggunakan suis secara manual. Ini menyebabkan terdapat lampu yang sentiasa menyala walaupun bilik tersebut tidak digunakan. Hasil perbincangan exit conference pada 11 Februari 2016 mendapati LPJ tidak diberi pendedahan berkenaan penggunaan motion sensor dan kaedah mematikan motion sensor apabila lampu sentiasa menyala walaupun tiada pergerakan. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada wujud unsur penjimatan tenaga elektrik kerana motion sensor tidak beroperasi sepenuhnya.</i></p> <p>Maklum Balas Daripada LPJ Diterima Pada 3 Februari 2016 dan 25 Februari</p>	<p>Sesi tunjuk ajar kepada end user telah dilaksanakan pada 16 Mac 2016. Motion sensor telah dilaraskan mengikut kesesuaian dan fungsi bilik/ruang pada 20 Mac 2016.</p>




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2016, Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016 serta Maklum Balas Daripada JKR Johor Diterima Pada 5 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p> <p><i>LPJ memaklumkan penggunaan motion sensor pada dasarnya bertujuan untuk mengelakkan pembaziran elektrik di mana lampu akan terpadam secara automatik apabila tiada cahaya yang disusuli dengan pergerakan di sesuatu kawasan. Bagaimanapun, masalah yang berlaku ialah lampu tetap menyala walaupun bilik dalam keadaan terang pada waktu siang dan pembaziran berlaku secara berterusan kerana sentiasa wujud pergerakan di dalam sesebuah bilik pada waktu pejabat.</i></p> <p><i>Ibu Pejabat JKR pula memaklumkan motion sensor direka bentuk untuk dipasang di tempat yang bukan kawasan umum agar lampu tidak akan sentiasa terpasang jika tiada pergerakan bagi tujuan penjimatan tenaga elektrik. Antara tempat yang terlibat adalah bilik pegawai, tandas dan pantri. JKR Johor akan mengendalikan latihan bersama pihak pembekal berkenaan cara-cara penggunaan dan pelarasan sensor bagi memastikan pihak LPJ memahami fungsi dan cara penggunaan sensor berkenaan.</i></p> <p><i>JKR Johor pula menyatakan motion sensor telah dipasang dengan mematuhi Need Statement dan spesifikasi dalam kontrak. Motion sensor akan dilaraskan mengikut kesesuaian dan fungsi bilik/ruang dan akan disiapkan sebelum 11 Mac 2016. Sesi tunjuk ajar kepada end user akan dibuat selepas kerja-kerja pelarasan sensor diselesaikan.</i></p>	
2.4.4.1.a.i	<p><b>Pengubahsuaian Bangunan LPJ Dalam Tempoh DLP - Pengubahsuaian Di Aras 9 Dan Ruang Lobi - Pengubahsuaian Di Ruang Lobi</b></p> <p>Pengubahsuaian ruang lobi melibatkan pemasangan skrin digital, kemas siling dan dinding serta kerja hiasan dalaman.</p>	
2.4.4.1.a.ii	<p><b>Pengubahsuaian Ruang Menunggu VIP</b></p> <p>Pengubahsuaian melibatkan kerja kemas dinding, siling dan lantai serta penggantian pintu.</p>	
2.4.4.1.a.iii	<p><b>Pengubahsuaian Pejabat Pengurus Besar</b></p> <p>Pengubahsuaian yang dilakukan adalah kemas dinding, lantai, siling dan penggantian pintu serta kelengkapan tandas. Semakan Audit mendapati</p>	




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>keluasan bilik pejabat yang telah dicadangkan oleh JKR adalah berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang menetapkan keluasan bilik bagi jawatan utama (JUSA) B dan C adalah berukuran 36.0 meter per segi. Bagaimanapun, pihak LPJ berpendapat keluasan pejabat tersebut tidak mencukupi untuk memuatkan perabot tertentu dan memerlukan pengubahsuaian dibuat.</p>	
<p><b>2.4.4.1.a.iv</b></p>	<p><b>Pengubahsuaian Bilik Mesyuarat</b></p> <p>Pengubahsuaian bilik mesyuarat melibatkan kemas siling dan dinding.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja pengubahsuaian yang dijalankan oleh pihak LPJ dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan menunjukkan kelemahan di peringkat perancangannya terutamanya semasa <i>Need Statement</i> dimuktamadkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPJ Diterima Pada 3 Februari 2016, 25 Februari 2016 dan 8 Mac 2016. Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016 serta Maklum Balas Daripada JKR Johor Diterima Pada 5 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p> <p><i>Menurut LPJ, surat makluman untuk membuat pengubahsuaian telah dihantar kepada JKR Johor untuk makluman. Berikut adalah penjelasan sebab pengubahsuaian dibuat:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Pengubahsuaian di lobi adalah perlu memandangkan ia memberikan pandangan awal kepada tetamu terhadap bangunan ini. Nilai estetika adalah amat penting untuk mempamerkan ciri korporat di dalam bangunan terutamanya di lobi. Pengubahsuaian ruang lobi adalah penting kerana ia merupakan laluan utama ke pejabat yang akan menerima pelawat dari dalam dan luar negara. Selain daripada itu, ia juga boleh digunakan untuk mengadakan majlis-majlis rasmi untuk pelawat di kawasan tersebut.</i></li> <li><i>ii. Pengubahsuaian yang dibuat ke atas pejabat Pengerusi dan Pengurus Besar adalah diperlukan kerana kemas yang digunakan tidak mencerminkan sebuah imej korporat. Kedua-dua pejabat ini merupakan tempat perjumpaan pelabur antarabangsa dan imej yang bersesuaian adalah penting bagi urusan perniagaan.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. Keadaan pejabat Pengerusi dan Pengurus Besar yang siap dibina adalah memanjang dan agak sempit di mana ia tidak dapat digambarkan semasa pelan konsep dibentangkan. Keadaan ini kurang sesuai apabila tetamu dengan bilangan yang ramai memasuki bilik berkenaan dan ia perlu dibesarkan. Pengubahsuaian ini adalah perlu memandangkan Pengerusi dan Pengurus Besar adalah merupakan ketua agensi di LPJ.</p> <p>iv. Pengubahsuaian yang dijalankan di aras 9 dan lobi tidak melibatkan kerja perubahan struktur bangunan dan ia hanya lebih kepada perubahan ruang-ruang yang terlibat. Walaupun pengubahsuaian dijalankan dalam tempoh DLP, namun kerja-kerja ini tidak mendatangkan impak kepada ruang sedia ada.</p> <p>v. Pihak LPJ berpendapat walaupun Need Statement telah disediakan dan dipersetujui, namun apabila bangunan siap dibina keadaan beberapa ruang tidak seperti yang digambarkan dalam Need Statement. Kebanyakan perkara yang dikemukakan dalam Need Statement menepati kehendak LPJ kecuali ruang yang menonjolkan imej korporat LPJ. Need Statement juga tidak memperincikan kemas akhir sesuatu ruang yang boleh memberi gambaran jelas tentang konsep dan kemas ruang tersebut. Justeru itu, kerja pengubahsuaian diperlukan bagi memenuhi kehendak tersebut.</p> <p>Ibu Pejabat JKR memaklumkan bahawa pihak HODT JKR telah mereka bentuk ruang pejabat yang menepati kehendak seperti yang dipersetujui oleh pihak pelanggan berdasarkan skop serta garis panduan dan peraturan bagi bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Ia telah dipantau daripada peringkat reka bentuk sehingga tamat pembinaan. Mesyuarat Koordinasi Bilangan 1/2010 dan Need Statement tidak diguna pakai dalam projek ini kerana ia bukanlah kaedah projek Design &amp; Build. Skop pihak pelanggan, konsep, reka bentuk pelan susun atur serta rupa bangunan telah dimuktamadkan melalui pengesahan bertandatangan pihak LPJ bertarikh 25 Februari 2011. Namun demikian, pengubahsuaian telah dilaksanakan oleh pihak LPJ tanpa pengawasan oleh JKR Johor.</p> <p>Pihak JKR Johor pula memaklumkan telah melaksanakan skop seperti mana yang telah diperincikan dalam Need Statement dan mematuhi spesifikasi dalam kontrak. Pengubahsuaian telah dilaksanakan tanpa pengawasan JKR Johor.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																								
2.4.5.1.a	<p><b>Kelemahan Pengurusan Pembinaan - Perbezaan Antara Kontrak Dan Pemasangan Sebenar - Pemasangan Timber Flooring Di Dewan Serbaguna</b></p> <p>Merujuk kepada Senarai Kuantiti, keluasan <i>timber flooring</i> di Dewan Serbaguna Aras 10 adalah 57 meter persegi dengan kos RM19,870. Bagaimanapun, perbandingan yang dibuat antara keluasan pada Senarai Kuantiti dan keluasan sebenar adalah 342.56 meter persegi dengan kos tambahan sejumlah RM111,878. Selain itu, terdapat <i>timber flooring</i> yang rosak dan tercabut dan telah dibaiki selepas teguran Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, terdapat kesilapan dalam mengenal pasti keperluan sebenar pemasangan <i>timber flooring</i> di Dewan Serbaguna yang menyebabkan tambahan kos berjumlah RM111,878. Pemeriksaan fizikal juga mendapati <i>timber flooring</i> yang digunakan adalah kurang berkualiti kerana terdapat bahagian yang telah rosak dan tercabut walaupun bangunan tersebut masih baru diduduki.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPJ Diterima Pada 3 Februari 2016 dan 25 Februari 2016, Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016 serta Maklum Balas Daripada JKR Johor Diterima Pada 5 Februari 2016.</p> <p><i>Ibu Pejabat JKR memaklumkan ruang lantai bangunan LPJ telah menggunakan kemasan jenis engineered timber flooring. Aktiviti seperti permainan badminton, majlis rasmi, persembahan dan sebagainya memerlukan kemasan lantai yang lasak dan mempunyai elemen akustik. Justeru itu, HODT Arkitek JKR telah mencadangkan penggunaan engineered timber flooring. Pemasangan kemasan jenis engineered timber flooring adalah mengikut spesifikasi, lukisan pembinaan dan kehendak pembekal bagi memperolehi waranty yang ditawarkan. Pemasangan engineered timber flooring yang rosak dan tercabut adalah disebabkan oleh air hujan yang masuk melalui bingkai cermin berdekatan atas faktor pemasangan pihak kontraktor utama. Isu kerosakan bingkai cermin telah dibuat aduan dalam senarai kecacatan bangunan.</i></p> <p><i>Pihak JKR Johor memaklumkan terdapat percanggahan kuantiti timber flooring di mana Bahagian Ukur Bahan JKR Johor telah membuat pelarasan harga melalui Perakuan Pelarasan Harga No. 5. dan mendapati terdapat tambahan harga sejumlah RM32,912.80.</i></p>	<p>Terdapat percanggahan kuantiti didalam Senarai Kuantiti untuk kuantiti <i>Timber flooring</i> di Dewan Serbaguna dan <i>Safety Rubber Tiles</i> di Taska. Ini berdasarkan perbandingan diantara Lukisan Kontrak dan Senarai Kuantiti. PHK No. 5 bernilai tambahan RM32,912.80 adalah perlarasan keatas kerja <i>Timber Flooring</i> dengan <i>safety rubber tiles</i> sebagaimana jadual dibawah :-</p> <table border="1" data-bbox="1196 536 2083 967"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Bil</th> <th rowspan="2">Description</th> <th rowspan="2">Unit</th> <th rowspan="2">rate</th> <th colspan="2">Bill of Quantity</th> <th colspan="2">Actual</th> <th rowspan="2">Addition /Omission (RM)</th> </tr> <tr> <th>Qty</th> <th>Amount (RM)</th> <th>Qty</th> <th>Amount (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Timber Flooring</td> <td>M2</td> <td>348.60</td> <td>57</td> <td>19,870.20</td> <td>405 *</td> <td>141,183.00</td> <td>121,312.80</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Safety Rubber Tiles</td> <td>M2</td> <td>260.00</td> <td>397</td> <td>103,220.0</td> <td>57</td> <td>14,820.00</td> <td>-88,400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="8">Nett Addition carried to PHK.No.5</td> <td>32,912.80</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Dewan Serbaguna =354m2  Pentas = 40m2  Bahagian tepi sekeliling pentas =11m2</p>	Bil	Description	Unit	rate	Bill of Quantity		Actual		Addition /Omission (RM)	Qty	Amount (RM)	Qty	Amount (RM)	1.	Timber Flooring	M2	348.60	57	19,870.20	405 *	141,183.00	121,312.80	2.	Safety Rubber Tiles	M2	260.00	397	103,220.0	57	14,820.00	-88,400.00	Nett Addition carried to PHK.No.5								32,912.80
Bil	Description	Unit					rate	Bill of Quantity		Actual		Addition /Omission (RM)																														
			Qty	Amount (RM)	Qty	Amount (RM)																																				
1.	Timber Flooring	M2	348.60	57	19,870.20	405 *	141,183.00	121,312.80																																		
2.	Safety Rubber Tiles	M2	260.00	397	103,220.0	57	14,820.00	-88,400.00																																		
Nett Addition carried to PHK.No.5								32,912.80																																		




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p><i>LPJ telah menyatakan engineered timber flooring yang rosak telah dibaiki pada bulan Januari 2016.</i></p>							
<p><b>2.4.5.2</b></p>	<p><b>Kerja Mekanikal Dan Elektrikal Yang Tidak Mengikut Spesifikasi</b></p> <p>Kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak dan perubahan kerja yang diluluskan dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati beberapa kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi kontrak/lukisan yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak/lukisan menyebabkan kerosakan, pembaziran dan kerugian kepada pihak Kerajaan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan Maklum Balas Daripada JKR Johor Diterima Pada 5 Februari 2016 dan 8 Mac 2016</p> <p><i>Ibu Pejabat JKR memaklumkan bahawa senarai kecacatan akhir yang telah direkodkan oleh pihak JKR atau LPJ akan dibaiki oleh kontraktor sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan sehingga Sijil Siap Baiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan. Pemantauan semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan juga dilaksanakan secara berjadual dan mengikut keperluan semasa.</i></p> <p><i>Pihak JKR Johor memaklumkan status pembaikan kerosakan adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Junction box tidak bertutup – akan siap dibaiki pada 11 April 2016.</i></li> <li><i>ii. Trunking tidak bertutup – akan siap dibaiki pada 11 April 2016.</i></li> <li><i>iii. Trunking tidak disokong oleh ‘fixing bracket’– akan siap dibaiki pada 11 April 2016.</i></li> <li><i>iv. Penyambungan kabel tidak menggunakan copper bush – Brass bush akan siap dipasang pada 11 April 2016.</i></li> <li><i>v. Rubber seal tidak dipasang – Rubber grommet akan siap dipasang pada 11 April 2016.</i></li> </ul>	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 5%; text-align: center; vertical-align: middle;">i.</td> <td style="width: 65%; vertical-align: middle;"><i>Junction box tidak bertutup</i></td> <td style="width: 30%; vertical-align: top;"> <p>Telah disiapkan pada 11 April 2016</p>  </td> </tr> <tr> <td style="width: 5%; text-align: center; vertical-align: middle;">ii.</td> <td style="width: 65%; vertical-align: middle;"><i>Trunking tidak bertutup</i></td> <td style="width: 30%; vertical-align: top;"> <p>Telah disiapkan pada 11 April 2016</p>  </td> </tr> </table>	i.	<i>Junction box tidak bertutup</i>	<p>Telah disiapkan pada 11 April 2016</p> 	ii.	<i>Trunking tidak bertutup</i>	<p>Telah disiapkan pada 11 April 2016</p> 
i.	<i>Junction box tidak bertutup</i>	<p>Telah disiapkan pada 11 April 2016</p> 						
ii.	<i>Trunking tidak bertutup</i>	<p>Telah disiapkan pada 11 April 2016</p> 						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
	<p>vi. <i>Tiada litar skematik diletakkan dalam pintu DB – Litar skematik akan siap dibaiki pada 11 April 2016.</i></p> <p>vii. <i>Pengikat kabel tidak mengikut kaedah atau bahan yang dibenarkan – pihak kontraktor elektrik telah menggunakan 'steel band' untuk mengikat kabel tersebut. Dalam masa yang sama kabel tersebut juga telah diikat menggunakan PVC 'cable tie'.</i></p> <p>viii. <i>Board untuk sistem lif tidak berpenutup dan kabel tidak disusun dengan kemas – Board untuk sistem telah ditutup dan kabel telah disusun dengan kemas selepas teguran Audit.</i></p> <p>ix. <i>Pembuluh mudah lentur tidak menggunakan bahan jenis besi – pembuluh mudah lentur yang digunakan adalah jenis 'metal insulated type' dan bukannya jenis PVC.</i></p>	<p>iii. <i>Trunking tidak disokong oleh 'fixing bracket'</i></p>	<p>Kerja Pembaikan telah disiapkan pada 24/2/2016.</p> 
		<p>iv. <i>Penyambungan kabel tidak menggunakan copper bush</i></p>	<p>Kerja Pembaikan telah disiapkan pada 1/3/2016.</p> 
		<p>v. <i>Rubber seal tidak dipasang</i></p>	<p><i>Rubber grommet</i> siap dipasang pada 11 April 2016.</p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
		vi.	<p>Tiada litar skematik diletakkan dalam pintu DB.</p> <p>Litar skematik telah ditampal dalam pintu DB.</p> 
		vii.	<p>Pengikat kabel tidak mengikut kaedah atau bahan yang dibenarkan</p> <p>Kerja Pembaikan telah disiapkan pada 1/3/2016.</p> 
		viii.	<p>Board untuk sistem lif tidak berpenutup dan kabel tidak disusun dengan kemas</p> <p>Board untuk sistem telah ditutup dan kabel telah disusun dengan kemas selepas teguran Audit.</p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
		ix.	<p>Pembuluh mudah lentur tidak menggunakan bahan jenis besi</p> <p>Pembuluh mudah lentur yang digunakan adalah jenis '<i>metal insulated type</i>' dan bukannya jenis PVC.</p>
2.4.5.3	<p><b>Ketidaksesuaian Reka Bentuk</b></p> <p>Setiap reka bentuk yang ditetapkan hendaklah sesuai, praktikal, memenuhi keperluan dan tidak membahayakan keselamatan pengguna. Semakan Audit mendapati reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai berdasarkan lukisan yang disediakan oleh JKR.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembinaan reka bentuk yang diluluskan terhadap ketinggian <i>railing</i> dan pembinaan pintu adalah tidak sesuai dan membahayakan keselamatan pengguna serta menjejaskan imej korporat bangunan LPJ.</p> <p>Maklum Balas Daripada LPJ Diterima Pada 3 Februari 2016 dan 25 Februari 2016 dan Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p> <p><i>LPJ memaklumkan penggunaan pintu di lokasi yang tidak sesuai adalah tidak selamat terutamanya pintu untuk penyenggaraan yang diletakkan di tempat yang tidak sesuai. Perkara ini telah dilaporkan kepada JKR untuk diambil tindakan penyelesaian. Bagaimanapun, langkah yang diambil adalah kurang memuaskan dan LPJ mencadangkan pintu tersebut ditukar kepada fixed glass panel.</i></p> <p><i>Ibu Pejabat JKR memaklumkan seperti berikut:</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 2.4.5.3	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. Reka bentuk lokasi meter air hendaklah diletakkan di luar pagar bangunan LPJ di mana pemasangan meter air dibuat oleh kontraktor paip air berdaftar dan mendapat kelulusan Syarikat Air Johor. Lokasi meter air hendaklah tidak menghalang laluan masuk ke kawasan bangunan LPJ.</p> <p>ii. Pintu kayu telah dimasukkan dalam senarai kecacatan dan dijadualkan siap pada 11 Mac 2016.</p> <p>iii. Pintu di lokasi tingkap kaca adalah laluan untuk kerja penyenggaraan dan bukan untuk laluan awam. Spesifikasi keselamatan telah direka bentuk dengan menggunakan lock set dan JKR akan terus memantau dan menyelesaikan perkara ini sebelum 11 Mac 2016.</p> <p>iv. Ketinggian railing adalah berdasarkan keperluan UBBL iaitu 900mm.</p> <p>v. Railing yang tidak dikimpal pada dinding telah dibaiki pada 29 Februari 2016.</p>	
2.4.5.4.a.i	<p><b>Kualiti Kerja Kurang Memuaskan - Kerja Kurang Memuaskan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan</b></p> <p>Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan memenuhi tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan dan ruang yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan di bangunan Ibu Pejabat LPJ adalah kurang memuaskan.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 2.4.5.4.a.ii
2.4.5.4.a.ii	<p>Semakan lanjut mendapati berlaku kerosakan berulang di setiap aras bangunan iaitu kerosakan pintu, pintu lif berkarat, kerosakan siling, keadaan <i>vertical trunking</i> yang kurang sesuai, kerosakan tandas dan pemasangan suis yang tidak sempurna. Analisis Audit mendapati sebanyak 78.2% daripada keseluruhan bilangan pintu lif bangunan Ibu Pejabat LPJ telah berkarat.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah kurang memuaskan dan menjejaskan kelancaran operasi LPJ.</p> <p>Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 10 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Ibu Pejabat JKR memaklumkan semua senarai kecacatan akhir yang telah direkodkan oleh pihak JKR/LPJ telah dan akan dibaiki oleh kontraktor sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan sehingga Sijil Siap Baik Kecacatan (CMGD) dikeluarkan. Semua bahan seni bina yang digunapakai dalam kemas bangunan telah memperoleh kelulusan muktamad daripada pihak JKR dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Semua prosedur jabatan telah dipatuhi mengikut lukisan dan spesifikasi kontrak sebelum kerja pemasangan bahan dan peralatan dihantar ke tapak. Kecacatan berulang adalah berpunca daripada workmanship kontraktor yang akan menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memperbaiki sehingga tamat tempoh DLP.</p>	
<p><b>2.4.5.4.b.i</b></p>	<p><b>Kerja Kurang Memuaskan Selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan - Siling Roboh Di Bilik Jamuan Aras 10 Dan Bilik Pantri Aras 9</b></p> <p>Semakan terhadap surat aduan kerosakan oleh LPJ kepada JKR pada 22 Februari 2016 mendapati siling roboh di bilik jamuan Aras 10 pada 16 Februari 2016 dan bilik pantri Aras 9 pada 17 Februari 2016. Kejadian di Aras 10 telah menyebabkan kerosakan siling dan lampu manakala kejadian di Aras 9 menyebabkan kerosakan siling, lampu, <i>diffuser aircond</i>, <i>speaker</i> siaraya, lampu kecemasan dan <i>ducting aircond</i>. Setakat 4 Mac 2016, kerosakan ini masih belum diambil sebarang tindakan oleh pihak JKR.</p>	<p>2.4.5.4.b.1 Kerja Kurang Memuaskan Selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan - Siling Roboh Di Bilik Jamuan Aras 10 Dan Bilik Pantri Aras 9</p> <p>Kerja pembaikan telah disiapkan pada 18 Februari 2016</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p>Pantri Aras 9      Bilik Jamuan Aras 10</p>
<p><b>2.4.5.4.b.ii</b></p>	<p><b>Pintu <i>Pivot</i> Di Kafeteria Jatuh Dan Mencederakan Individu</b></p> <p>Semakan Audit terhadap surat aduan kerosakan oleh LPJ kepada JKR pada 16 Februari 2016 mendapati pintu <i>pivot</i> di kafeteria bersaiz 1500mm x 3000mm tercabut dan telah jatuh di lantai yang turut menyebabkan kecederaan ringan kepada seorang pekerja kafeteria. Kejadian ini yang berlaku pada 4 Februari 2016 turut menyebabkan kerosakan 1 unit meja kopitiam dan 4 unit kerusi kopitiam bernilai RM375.</p>	<p>2.4.5.4.b.ii Pintu <i>Pivot</i> Di Kafeteria Jatuh Dan Mencederakan Individu</p> <p>Kerja pembaikan telah disiapkan pada 15 Mac 2016</p>
<p><b>2.4.5.4.b.iii</b></p>	<p><b><i>Metal Cladding</i> Di Belakang Bangunan Tercabut</b></p> <p>Semakan Audit terhadap surat aduan kerosakan oleh LPJ kepada JKR pada 28 Januari 2016 mendapati <i>metal cladding</i> telah tercabut dan jatuh ke Aras 2, 8 dan 9. Kerosakan ini melibatkan Blok Mekanikal di bahagian <i>aluminium louvers</i> dan tempat letak kenderaan bertingkat Aras 1 iaitu di bahagian ruang terbuka dan UCO Plank (papan) di mana serpihan <i>metal cladding</i> telah jatuh di sekitar kawasan letak kenderaan bangunan LPJ. Menurut LPJ, kejadian ini berkemungkinan berpunca daripada tiupan angin kencang. LPJ terpaksa menutup laluan kenderaan ke arah keluar serta menutup ruang tempat letak</p>	<div style="text-align: center;">  </div> <p>2.4.5.4.b.iii <i>Metal Cladding</i> Di Belakang Bangunan Tercabut</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kenderaan kereta dan motosikal di sekitar kawasan yang terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah kurang berkualiti, membahayakan pengguna bangunan dan menyebabkan tambahan kos untuk membaiki kerosakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Ibu Pejabat JKR Diterima Pada 8 Mac 2016.</p> <p><i>Pemantauan semasa dalam tempoh DLP dilaksanakan secara berjadual dan mengikut keperluan semasa. Tempoh pembaikan kecacatan bagi kerja kontrak 'conventional inhouse' adalah dalam masa 1 tahun dan SO perlu mengemukakan Senarai Kecacatan kepada pihak kontraktor dalam tempoh 14 hari. Berdasarkan Klausula 48.1 (b) dalam dokumen kontrak, pihak kontraktor diberi tempoh sehingga 3 bulan dari tarikh penerimaan Senarai Kecacatan untuk menyiapkan semua kerja pembaikan dan dipantau oleh Pasukan Projek JKR dari semasa ke semasa. Pemantauan secara berjadual dan mengikut keperluan dilaksanakan dengan mengadakan sesi lawatan pembaikan kecacatan dan juga mesyuarat kecacatan.</i></p>	
2.4.6.2.a	<p><b>Pemantauan Oleh JKR Johor</b></p> <p>Pengarah JKR Johor telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek ini. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar, pendekatan pemantauan telah dilakukan oleh pihak JKR Johor dengan mengadakan Mesyuarat Pra-Pembinaan, Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Teknikal, Mesyuarat Kewangan dan Kontrak, Mesyuarat Pra-Penyerahan serta Mesyuarat Pemantauan dan Penyelarasan Pembaikan Kecacatan Dalam Tempoh DLP. Pemantauan juga dibuat melalui buku harian tapak dan juga lawatan fizikal semasa projek dalam pelaksanaan. Walaupun mekanisme pemantauan telah diwujudkan, didapati kelemahan berhubung projek pembinaan bangunan Ibu Pejabat LPJ masih wujud seperti kerja kurang memuaskan dan masih terdapat 58 kecacatan yang belum dibaiki setakat 11 Februari 2016 walaupun tempoh DLP telah tamat pada 26 November 2015.</p>	
2.4.6.2.b	<p>Berdasarkan Prosedur Pembinaan Dan Penyelidikan Tapak Bina yang digunakan untuk pemantauan pelaksanaan projek, bilangan mesyuarat tapak yang perlu diadakan adalah sekali setiap bulan. Semakan Audit mendapati jumlah mesyuarat tapak yang diadakan sepanjang tempoh projek adalah sebanyak 18 kali atau 51.4% yang mana sepatutnya diadakan sebanyak 35</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kali. Ini menyebabkan masalah berkaitan tidak dapat dikenal pasti di peringkat awal, tindakan penyelesaian lewat dibuat dan kerja tidak mengikut spesifikasi terhadap pembinaan bangunan Ibu Pejabat LPJ.	
2.4.6.3	<p><b>Pemantauan Oleh Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur</b></p> <p>Pemantauan terhadap projek pembinaan bangunan Ibu Pejabat LPJ turut dilaksanakan oleh pihak Ibu Pejabat JKR menerusi Mesyuarat Koordinasi, Mesyuarat Koordinasi Input <i>Green Building Index</i> dan Mesyuarat Kos Peruntukan Siling Projek. Mesyuarat tersebut diadakan untuk membincangkan perancangan dan pelaksanaan projek serta menetapkan cara dan kaedah bagi memastikan projek dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan serta memenuhi kehendak pelanggan.</p> <p>Pada pendapat Audit, bilangan mesyuarat yang tidak dibuat mengikut kekerapan yang ditetapkan menyebabkan pemantauan tidak dapat dibuat secara menyeluruh dan berkesan serta masalah berkaitan projek tidak diambil tindakan dengan segera.</p> <p>Maklum Balas Daripada JKR Johor Diterima Pada 5 Februari 2016 dan 8 Mac 2016.</p> <p><i>JKR Johor memaklumkan selain daripada Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Teknikal, pasukan projek kerap mengadakan perbincangan bagi mengatasi masalah di tapak. Kekerapan Mesyuarat Pemantauan di tapak bina dan ibu pejabat JKA Johor oleh SO dan wakil SO berdasarkan kemajuan kerja di tapak. Mesyuarat Pemantauan dan Prestasi Projek telah diadakan sebanyak 16 kali pada tahun 2012 hingga 2015. Selain itu, Mesyuarat Pengurusan turut diadakan sebanyak 24 kali dalam tempoh yang sama.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 2.4.6.3

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**Perenggan 3 : Pengurusan Perolehan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>3.4.1.1.b</b>	<p><b>Prestasi Pengurusan Perolehan - Tatacara Perolehan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Manual Perolehan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 11 Februari 2014 manakala Manual Kewangan yang disemak semula untuk penambahbaikan hanya diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi CIDB pada tahun 2009 dan tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi pada masa tersebut dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif dan dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian. Perkara ini telah dibangkitkan dalam pemerhatian Audit terhadap pengurusan kewangan CIDB pada tahun 2014 tetapi sehingga tarikh pengauditan ini dijalankan, Manual Kewangan masih belum dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.</p>	Manual Kewangan dan Manual Perolehan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 Februari 2016 dan telah digunapakai.
<b>3.4.1.1.c</b>	<p>Semakan lanjut mendapati wujud percanggahan had dan prosedur pembelian terus yang dinyatakan dalam Manual Kewangan berbanding dengan Manual Perolehan CIDB. Manual Kewangan menyatakan jumlah tahunan pembelian terus tidak melebihi RM50,000 setiap jenis item setahun dengan mendapatkan 3 sebut harga manakala Manual Perolehan menetapkan pembelian terus tidak melebihi RM10,000 bagi satu jenis item dengan mendapatkan satu sebut harga.</p>	
<b>3.4.1.1.d</b>	<p>Manual Kewangan dan Manual Perolehan juga adalah kurang lengkap kerana tidak mengandungi tatacara perolehan secara rundingan terus. CIDB ada melaksanakan perolehan secara rundingan terus berjumlah RM1.57 juta pada tahun 2013 yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 19 November 2013. Selain itu, kedua-dua manual tersebut juga tidak memperincikan mengenai pengurusan dan pentadbiran kontrak termasuk penyediaan syarat-syarat kontrak seperti kadar bon pelaksanaan/jaminan bank yang perlu dikenakan, pengenaan LAD dan keperluan pegawai penyelia untuk melaksanakan pemantauan bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi.</p> <p>Pada pendapat Audit, Manual Kewangan dan Manual Perolehan CIDB adalah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kurang lengkap dan tidak dikemas kini kerana terdapat perbezaan had dan prosedur pembelian terus serta pengurusan dan pentadbiran kontrak tidak dinyatakan dengan terperinci.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan Manual Kewangan telah dikemas kini dengan mengambil kira pekelliling dan polisi yang terkini dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 Februari 2016. CIDB juga telah memperincikan tatacara pengurusan dan pentadbiran kontrak dalam Manual Perolehan yang akan diguna pakai pada tahun 2016.</i></p>	
3.4.1.2.a.i	<p><b>Perolehan Tidak Mengikut Tatacara - Pecah Kecil Perolehan - Penyenggaraan Bangunan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada bulan Februari 2013 dan 2014, CIDB telah melantik secara terus syarikat MS Bumisinar Enterprise untuk menyenggara alat penyaman udara di Ibu Pejabat CIDB bagi tempoh kontrak selama setahun. Pada bulan Februari tahun 2015, syarikat tersebut dilantik semula bagi menyenggara alat penyaman udara di Ibu Pejabat CIDB dengan tambahan skop kerja untuk menyenggara <i>cooling tower</i> dan alat penyaman udara di Pusat Konvensyen CIDB, Jalan Chan Sow Lin bagi tempoh kontrak selama setahun.</li> <li>• Pada tahun 2013 sehingga 2015, syarikat tersebut juga dilantik setiap tahun untuk melaksanakan penyenggaraan lain di Ibu Pejabat CIDB. Perkhidmatan tersebut antaranya adalah menukar <i>grease trap</i>, lampu, <i>plug point</i>, memasang wayar telefon dan internet serta membekal dan menukar alat penyegar udara. Pelantikan syarikat yang sama bagi tempoh 3 tahun dibuat kerana CIDB berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan syarikat yang diluluskan oleh Pengurus Besar Bahagian Sumber Manusia Dan Pengurusan Fasiliti. Kos penyenggaraan alat penyaman udara dibayar secara bulanan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian manakala kos penyenggaraan lain dibayar berdasarkan perkhidmatan yang dilaksanakan.</li> <li>• Semakan Audit mendapati sejumlah RM89,320, RM83,972 dan RM85,167 dibayar kepada MS Bumisinar Enterprise bagi kos penyenggaraan alat penyaman udara dan penyenggaraan lain pada</li> </ul>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 3.4.1.2.a.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tahun 2013 sehingga 2015 iaitu melebihi had tahunan pembelian terus yang ditetapkan.</p>	
<p><b>3.4.1.2.a.ii</b></p>	<p><b>Bekalan Toner</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014, perolehan jenis item yang sama dalam setahun yang melebihi had nilai pembelian terus hendaklah dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan.</li> <li>• Semakan terhadap 33 sampel perolehan toner di Ibu Pejabat CIDB mendapati perolehan pelbagai jenis toner dilaksanakan secara pembelian terus iaitu pada tahun 2013 berjumlah RM101,777, tahun 2014 berjumlah RM53,478 dan tahun 2015 berjumlah RM107,081. Perolehan pelbagai jenis toner pada tahun 2013, 2014 dan 2015 telah dipecah kecil bagi mengelak sebut harga.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, perolehan bekalan <i>toner</i> yang melebihi had nilai pembelian terus dalam setahun adalah tidak mematuhi tatacara perolehan ditetapkan. Ini menunjukkan CIDB tidak merancang perolehan dengan teliti menyebabkan berlakunya pecah kecil perolehan bagi item jenis yang sama.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan bagi perkhidmatan penyenggaraan, anggaran tahunan telah dibuat lebih rendah berdasarkan keperluan di pejabat lama berbanding keperluan sebenar di pejabat baru di PWTC setelah CIDB berpindah pada tahun 2013. Kebanyakan kerja penyenggaraan tersebut adalah penyenggaraan di luar jangka yang memerlukan kesegeraan pembaikan. Bagi pembekalan toner, pembelian telah dibuat berdasarkan jenis printer dan toner. Tindakan penambahbaikan yang akan diambil adalah seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Menjalankan pengauditan ke atas keadaan bangunan untuk membuat perancangan penyenggaraan.</i></li> <li><i>ii. Melantik panel bagi kontrak bekalan/perkhidmatan.</i></li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1.2.a.iii	<p><b>Set Riben IDX800D</b></p> <p>Bagi perolehan set riben IDX800D pada tahun 2014, CIDB telah melantik Koperasi Staf CIDB Malaysia Berhad melalui 2 sebut harga dan membuat 3 perolehan secara pembelian terus yang berjumlah RM550,680. Perolehan yang melebihi RM500,000 ini sepatutnya dibuat secara tender.</p> <p>Pada pendapat Audit, CIDB tidak mematuhi tatacara perolehan yang telah ditetapkan dan tidak merancang perolehan dengan teliti menyebabkan berlakunya pecah kecil perolehan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan berdasarkan notis Pemakluman Penguatkuasaan Pendaftaran Personel Binaan pada 23 Oktober 2013 dan penguatkuasaan bersepadu, terdapat peningkatan pendaftaran personel binaan di luar jangka iaitu sebanyak 411,807 personel pada tahun 2014 berbanding 295,502 personel pada tahun 2013. Pembekal yang dilantik untuk membekalkan set riben IDX800D tidak dapat membekalkan riben tersebut pada tarikh yang ditetapkan. Oleh itu, pihak CIDB terpaksa membuat pembelian tambahan bagi memastikan stok di Pejabat Negeri/Cawangan mencukupi dan operasi pendaftaran personel binaan tidak terjejas.</i></p>	<p>CIDB memaklumkan berikutan masalah bekalan daripada pengedar pada tahun 2014, pejabat CIDB Negeri/Cawangan menghadapi kekurangan stok yang perlu diselesaikan dengan segera. Ini disebabkan permohonan pendaftaran personel binaan yang meningkat pada tahun 2014 sebanyak 411,807 personel berbanding 295,502 personel pada tahun 2013. Oleh itu, pihak CIDB terpaksa membuat pembelian kecemasan bagi memastikan stok di pejabat CIDB Negeri/Cawangan mencukupi dan seterusnya Kad Pendaftaran Personel Binaan dapat dikeluarkan. Keadaan yang sama juga berlaku kepada pembelian 21 November 2014.</p> <p>Ekoran daripada Notis Pemakluman Penguatkuasaan Pendaftaran Personel Binaan (rujuk Lampiran CL - Lampiran Penemuan 3.4.1.2 (a)(iii)) pada Oktober 2013 dan Penguatkuasaan Bersepadu arahan daripada Menteri, berlaku peningkatan pendaftaran personel binaan diluar jangka iaitu sebanyak 411,807 personel binaan pada tahun 2014 berbanding sebanyak 295,502 pada tahun 2013. Pembekal yang dilantik untuk membekalkan set riben IDX800D tidak dapat membekalkan riben tersebut pada tarikh yang ditetapkan dan pihak CIDB terpaksa membuat pembelian tambahan bagi memastikan stok di Pejabat Negeri/Cawangan mencukupi dan seterusnya operasi pendaftaran personel binaan tidak terjejas.</p> <p>Pihak CIDB juga telah mengeluarkan surat tuntutan Pengenaan LAD kepada pembekal tersebut</p>
3.4.1.2.b.i	<p><b>Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Penerimaan Bekalan/Perkhidmatan</b></p> <p>Berdasarkan Manual Kewangan dan Manual Perolehan CIDB, pesanan tempatan perlu dikeluarkan sebelum bekalan atau perkhidmatan diterima.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 3.4.1.2.b.ii
3.4.1.2.b.ii	<p>Semakan terhadap 200 sampel baucar bayaran mendapati sejumlah 80 pesanan tempatan bernilai RM160,541 dikeluarkan selepas penerimaan bekalan atau perkhidmatan dilaksanakan. Semakan lanjut mendapati 46 daripada 80 pesanan tempatan melibatkan perkhidmatan penyenggaraan pejabat daripada pembekal yang sama.</p> <p>Pada pendapat Audit, pesanan tempatan yang dikeluarkan selepas penerimaan bekalan/perkhidmatan adalah bertentangan dengan peraturan yang berkuat kuasa dan boleh menyebabkan perolehan dibuat tanpa peruntukan yang mencukupi.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan bagi pesanan tempatan yang dikeluarkan pada tahun 2013 dan 2014, perolehan merupakan perkhidmatan penyenggaraan yang memerlukan kesegeraan pembaikan dan di luar jangka. CIDB telah menambah baik pelantikan penyedia bekalan/perkhidmatan dengan menyediakan kontrak perkhidmatan dengan pembekal yang dilantik bermula dari tahun 2014. Bagi tahun 2015, kegagalan Sistem SAGA menyebabkan kehilangan data permohonan perolehan dari bulan Januari hingga Mac tahun berkenaan. Unit Perolehan telah diarahkan untuk menginput semula data tersebut pada bulan April 2015. Masalah tersebut telah menyebabkan perubahan tarikh permohonan dan pengeluaran pesanan tempatan.</i></p>	
3.4.1.3.a.i	<p><b>Kelemahan Pengurusan Bekalan/Perkhidmatan - Penyewaan Peralatan Information Technology (IT) - Kontrak Tidak Disediakan Bagi Perkhidmatan Bermasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan Manual Perolehan Tahun 2014, dokumen kontrak (jika ada) hendaklah ditandatangani selepas semua terma dan syarat dipersetujui selewat-lewatnya 2 bulan dari tarikh SST tetapi tidak boleh melangkaui tarikh siap projek. Mengikut AP 176.1(c), bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa, kontrak formal hendaklah diadakan.</li> <li>• Semakan Audit mendapati CIDB tidak menyediakan kontrak dan hanya mengeluarkan SST bagi perolehan penyewaan peralatan IT yang merupakan perkhidmatan bermasa. Selain itu, skop kerja dan spesifikasi peralatan IT hanya merujuk kepada dokumen tawaran sebut harga.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan kontrak bagi perkhidmatan penyewaan peralatan IT menyebabkan kepentingan CIDB tidak dilindungi kerana SST tidak menyatakan syarat perjanjian dengan terperinci seperti denda kelewatan dan kekerapan penyenggaraan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan kontrak bagi penyewaan peralatan IT tersebut telah disediakan pada 11 Februari 2016. Manual Perolehan CIDB yang dikemas kini pada tahun 2016 juga menetapkan bagi perolehan perkhidmatan/bekalan dengan tempoh kontrak melebihi 2 tahun, kontrak perlu ditandatangani dalam</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di peranggan 3.4.1.3.a.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>tempoh 4 bulan dari tarikh SST.</i>	
3.4.1.3.a.ii	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Manual Perolehan Tahun 2014 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua terma dan syarat dipersetujui selewat-lewatnya 2 bulan dari tarikh SST tetapi tidak boleh melangkaui tarikh siap projek. Perjanjian perkhidmatan perunding pula hendaklah ditandatangani di antara CIDB dengan firma perunding dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh SST dikembalikan oleh firma perunding. SST hendaklah dikembalikan oleh firma perunding dalam tempoh 14 hari daripada tarikh SST.</li> <li>Semakan Audit mendapati 3 kontrak perolehan yang dibuat secara tender lewat ditandatangani antara 76 hingga 250 hari. Sebanyak 2 daripada 3 kontrak tersebut ditandatangani setelah kontrak tamat. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan adalah disebabkan antaranya CIDB dan kontraktor belum memuktamadkan klausa perjanjian serta kontrak Kerja Membina Bangunan Tambahan Di Pejabat CIDB Negeri Johor lambat diselaraskan oleh pihak perunding.</li> <li>Semakan lanjut mendapati perjanjian bagi pelantikan perunding juga lewat ditandatangani antara 222 hingga 533 hari iaitu melebihi tempoh satu bulan daripada tarikh SST sepatutnya dikembalikan oleh pihak perunding.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak adalah tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan dan boleh menyebabkan kepentingan CIDB tidak terjamin sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap perolehan tersebut.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan pemantauan berkala akan dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam bagi memastikan tatacara perolehan dan pengurusan kontrak dipatuhi. Bagi perjanjian perunding, 2 perjanjian telah ditandatangani mengikut format lama yang tidak memenuhi kehendak Kementerian Kewangan manakala 4 perjanjian menunggu format baru yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Ini menyebabkan perjanjian baru lewat ditandatangani.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 3.4.1.3.a.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1.3.a.iii	<p><b>Perubahan Kuantiti</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan Tatacara Perolehan Projek ICT/Pengkomputeran dalam Manual Perolehan, Pegawai Penguasa (SO) diberi kuasa meluluskan pertambahan kos sehingga 25% daripada kos asal.</li> <li>• Semakan Audit mendapati CIDB telah membuat penambahan kuantiti penyewaan peralatan IT pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Peningkatan kos yang terlibat adalah tidak melebihi 25% daripada nilai asal kontrak dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Perubahan Kerja yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Maklumat. Bagaimanapun, perubahan kuantiti yang diluluskan bagi kontrak penyewaan tahun 2014 dan 2015 telah menyebabkan nilai kontrak selepas perubahan kerja meningkat kepada RM558,200 dan RM559,974 iaitu melebihi had perolehan secara sebut harga. Sejumlah RM1.36 juta atau 88.3% daripada kontrak bernilai RM1.54 juta telah dibayar kepada pembekal. Kos penyenggaraan telah dibayar sejumlah RM16,650 dan RM22,230 bagi kontrak tahun 2013 dan 2014 manakala bayaran penyenggaraan bagi tahun 2015 masih belum dibuat.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, penambahan kuantiti yang dibuat selepas SST ditandatangani menunjukkan CIDB tidak membuat perancangan dengan teliti bilangan sebenar peralatan IT yang diperlukan dan menyebabkan pecah kecil tender.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan perubahan kuantiti bagi kontrak penyewaan tersebut berlaku bagi memenuhi keperluan kesegeraan pertambahan dan kemasukan staf baru serta keperluan di Unit Call Centre yang memerlukan komputer berspesifikasi tinggi. Bermula dari tahun 2016, Manual Perolehan CIDB 2016 telah menetapkan pertambahan harga kontrak hanya terhad kepada 25% daripada harga kontrak dan tidak melebihi had nilai Pihak Berkuasa Melulus.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 3.4.1.3.a.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1.3.a.iv	<p><b>Bilangan Peralatan IT Yang Direkodkan Berbeza Dengan Bilangan Sebenar Di Lokasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod penyewaan peralatan IT diselenggara oleh Unit Pengurusan Aset Dan Fasiliti di Ibu Pejabat yang bertanggungjawab memastikan ianya lengkap, teratur dan kemas kini supaya proses penyenggaraan serta pemantauan peralatan dapat dilaksanakan dengan sempurna.</li> <li>• Pemeriksaan di 6 PTJ mendapati bilangan komputer dan mesin pencetak di lokasi adalah berbeza dengan bilangan yang direkodkan oleh Unit Pengurusan Aset Dan Fasiliti bagi tahun 2013, 2014 dan 2015.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, rekod penyewaan peralatan IT yang tidak diselenggara dengan baik menyebabkan lokasi aset sukar dikenal pasti bagi tujuan penyenggaraan dan pemantauan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan terdapat pengagihan semula peralatan IT oleh Unit Pengurusan Aset kepada Pejabat Negeri dan Cawangan yang menyebabkan perbezaan kuantiti di antara rekod Unit Pengurusan Aset dan Nota Penghantaran oleh pembekal (DO). Rekod peralatan IT tersebut telah pun dikemas kini.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 3.4.1.3.a.iv
3.4.1.3.a.v	<p><b>Bilangan Set Riben Yang Direkodkan Berbeza Dengan Bilangan Sebenar Di Lokasi</b></p> <p>Pemeriksaan di Pejabat CIDB Negeri Johor mendapati bilangan set riben IDX800D yang direkodkan adalah 53 set berbanding 33 set di lokasi iaitu berbeza sebanyak 20 set yang dianggarkan bernilai RM23,600.</p> <p>Pada pendapat Audit, perbezaan antara bilangan sebenar dengan rekod menunjukkan kelemahan kawalan dalaman terhadap pengurusan rekod dan inventori di Pejabat CIDB Negeri yang berkenaan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan semakan semula telah dibuat dan didapati perbezaan jumlah rekod bekalan berlaku kerana kesilapan kawalan rekod di mana riben</i></p>	Rekod stok reben daripada Pejabat Negeri Johor telah dikemaskini dan Pejabat Negeri Johor juga telah memulangkan riben yang rosak untuk tindakan Ibu Pejabat.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>yang boleh diguna pakai direkod bersama dengan riben yang rosak. Bagaimanapun, CIDB akan menambah baik sistem rekod bekalan di pejabat CIDB Negeri. Tindakan telah diambil dengan mengasingkan riben yang rosak dan bilangan stok riben adalah sama dengan rekod.</i></p>	
<p><b>3.4.1.3.a.vi</b></p>	<p><b>Peralatan IT Belum Digunakan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aset yang disewa hendaklah digunakan sepenuhnya bagi memastikan peruntukan yang dibelanjakan mendapat nilai faedah terbaik dan tidak berlaku pembaziran.</li> <li>• Lawatan Audit mendapati 6 <i>central processing unit</i> (CPU) dan 8 monitor komputer yang disewa bagi kontrak tahun 2015 masih belum digunakan dan disimpan di stor sejak diterima pada 18 Jun 2015.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang disewa tetapi belum digunakan menyebabkan pembaziran selain terdedah kepada risiko kecurian sekiranya tidak dipantau dengan baik.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan dua CPU adalah untuk kegunaan di bilik mesyuarat yang tidak memerlukan monitor, baki enam CPU dan enam monitor adalah sebagai persediaan penempatan staf baru di Ibu Pejabat.</i></p>	<p>Dua buah monitor tersebut telah dipasang di dalam bilik mesyuarat. Manakala baki enam CPU dan enam monitor telah pun diagihkan kepada staf baharu pada 30 Oktober 2015.</p>
<p><b>3.4.1.3.b</b></p>	<p><b>Liquidated Ascertained Damages (LAD) Tidak Dikenakan Dalam Pembekalan Set Riben IDX800D Untuk Mencetak Kad Hijau</b></p> <p>Semakan Audit mendapati CIDB tidak mengenakan LAD terhadap kelewatan pembekalan riben berjumlah RM680,715 iaitu bagi tahun 2014 sejumlah RM518,280 dan tahun 2015 sejumlah RM162,435 walaupun syarat LAD ditetapkan dalam Surat Setuju Terima.</p> <p>Pada pendapat Audit, CIDB tidak melaksanakan pemantauan terhadap syarat-syarat kontrak yang ditetapkan menyebabkan LAD tidak dikenakan kepada pembekal yang lewat menghantar bekalan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p>	<p>Lanjutan tempoh telah diberi kepada pembekal yang dilantik bagi bekalan ribbon pada tahun 2014. Surat Tuntutan Pengenaan LAD bagi bekalan tahun 2014 telah dikeluarkan kepada pihak pembekal pada 8 Mac 2016 dan telah menerima surat rayuan pelepasan LAD dari pembekal pada 9 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>CIDB memaklumkan kelewatan penghantaran pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh masalah pengedar dan di luar kawalan pembekal. Surat Tuntutan Pengenaan LAD bagi bekalan tahun 2014 telah dikeluarkan kepada pihak pembekal pada 8 Mac 2016 dan CIDB telah menerima surat rayuan pelepasan LAD dari pembekal pada 9 Mac 2016.</i></p>	
<p><b>3.4.1.3.c.i</b></p>	<p><b>Tiada Klausu <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD) Dalam Pembekalan Perisian Simulator Dan Mesin Simulator</b></p> <p>Kontrak perolehan perlu menetapkan klausa mengenai tempoh bekalan/perkhidmatan sepatutnya dihantar kepada CIDB dan mengenakan LAD sekiranya bekalan/perkhidmatan gagal dihantar dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	<p>Klausa LAD memang tidak dinyatakan dalam SST. Walaubagaimanapun CIDB telah menambahbaik Manual Perolehan yang mana semua kontrak dimasukkan klausa LAD. CIDB juga telah meminta Pegawai Undang-Undang untuk menyemak dokumen kontrak tersebut.</p>
<p><b>3.4.1.3.c.ii</b></p>	<p>Pada tahun 2013, CIDB telah membuat perolehan perisian dan mesin simulator berjumlah RM1.57 juta secara rundingan terus dengan 3 pembekal iaitu Sime Darby Industrial Sdn. Berhad, CM Labs Simulations Inc. dan TTMC Welding Supplies Sdn. Berhad. Selain itu, CIDB juga membuat perolehan secara sebut harga dengan melantik 5 pembekal bagi membekalkan peralatan tambahan yang terdiri daripada peralatan IT, perabot dan kabin berjumlah RM550,911. Peralatan tambahan tersebut bertujuan untuk melengkapkan bilik latihan yang menempatkan perisian simulator dan mesin simulator.</p>	
<p><b>3.4.1.3.c.iii</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati mesin simulator dan peralatan yang dibekalkan kepada 4 ABM adalah melebihi tempoh bekalan seperti yang ditetapkan dalam SST dengan kelewatan antara 26 sehingga 53 hari. Bagaimanapun, tiada LAD yang dikenakan oleh CIDB terhadap pembekal disebabkan klausa berkenaan LAD tidak dinyatakan dalam SST. Semakan lanjut juga mendapati tiada bukti permohonan lanjutan masa daripada pembekal bagi penghantaran peralatan berkenaan.</p>	
<p><b>3.4.1.3.c.iv</b></p>	<p>Mengikut pengiraan Audit, sekiranya LAD ditetapkan sebanyak RM105 per unit sehari, jumlah yang sepatutnya dikenakan kepada pembekal adalah RM84,525. Semakan lanjut juga mendapati dokumen perolehan simulator dan peralatan tidak disemak oleh Pegawai Undang-undang CIDB.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan penerimaan peralatan mengakibatkan peralatan tidak dapat digunakan dalam tempoh yang sepatutnya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Ketiadaan klausa LAD dalam SST menyebabkan kepentingan CIDB tidak terpelihara apabila pembekal gagal</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menghantar bekalan pada tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan pembelian mesin simulator daripada Sime Darby Industrial Sdn. Berhad adalah berdasarkan sebut harga bertarikh 30 Disember 2013 di mana Sime Darby telah meletakkan terma dan syarat jualan mereka. Tiada kontrak yang dibuat bagi pembelian mesin simulator tersebut. Pembelian hanya melalui Surat Setuju Terima dari CIDB kepada Sime Darby yang dikeluarkan pada 30 Disember 2013. Klausula LAD tidak dinyatakan dalam SST berkenaan. Bagaimanapun, CIDB telah menambah baik Manual Perolehan dengan menetapkan klausula LAD dimasukkan ke dalam semua kontrak yang disemak oleh Pegawai Undang-undang.</i></p>	
3.4.1.3.d.i	<p><b>Pengagihan Perisian Simulator, Mesin Simulator dan Peralatan Tambahan</b></p> <p>Bahagian IBS Dan Mekanisasi telah mengagihkan perisian simulator, mesin simulator dan peralatan tambahan bernilai RM2.12 juta kepada 6 ABM iaitu ABM Wilayah Utara, Wilayah Timur, Wilayah Tengah, Wilayah Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak pada 30 Jun 2014.</p>	<p>Mesyuarat Merekod Aset Alih Mesin, Jentera Simulator Software dan Peralatan berkaitan daripada Lembaga Pembangunan Pembinaan Malaysia (CIDB) telah diadakan pada 11 dan 18 Februari 2016 kepada Pegawai Kewangan ABM bagi menerangkan dan memudahcara untuk merekod aset tersebut bersama-sama dengan CIDBH, Unit Kewangan CIDB dan auditor ABM.</p>
3.4.1.3.d.ii	<p>Semakan Audit mendapati semua peralatan yang diagihkan telah digunakan sepenuhnya oleh pelatih dan buku log diselenggara dengan teratur. Bagaimanapun, peralatan ini tidak direkodkan sebagai aset alih oleh CIDB mahupun ABM. Ini disebabkan perkara ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam surat penyerahan aset alih kepada ABM oleh CIDB. Selain itu, maklumat terperinci aset seperti kos dan tarikh pembelian aset tidak dikemukakan kepada ABM bagi tujuan tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak direkodkan sebagai aset oleh CIDB atau ABM boleh mendedahkan kepada risiko kehilangan. Selain itu, Daftar Aset yang tidak lengkap menyebabkan penyenggaraan dan pemantauan tidak dilaksanakan dengan sempurna.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan surat kepada ABM telah dikeluarkan pada 3 Februari 2016 untuk merekodkan perisian simulator dan peralatan tambahan yang</i></p>	<p>Semua perisian, mesin simulator dan peralatan tambahan tersebut telah direkod sebagai aset dalam akaun ABM bagi tahun 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dihadiahkan oleh CIDB sebagai aset alih ABM. Surat kepada ABM untuk merekodkan aset berserta dengan kos telah dikeluarkan pada 12 Februari 2016. Semua perisian, mesin simulator dan peralatan tambahan tersebut telah direkod sebagai aset dalam akaun ABM bagi tahun 2015.</i></p>	
<p><b>3.4.2.1.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Kontrak - Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi</b></p> <p>Manual Kewangan dan Manual Perolehan tidak menjelaskan mengenai pengurusan dan pentadbiran kontrak. Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan - PK 4, agensi dikehendaki mengambil perhatian berkenaan pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan agensi dan melicinkan urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Pemantauan kontrak yang sedang berkuat kuasa hendaklah dilaksanakan dengan teliti dan teratur dari semasa ke semasa bagi mengesan dan mengenal pasti masalah pelaksanaan kontrak dari peringkat awal.</p>	<p>Adendum akan dimasukkan dalam kontrak sedia ada menerusi keputusan jawatankuasa yang diwujudkan untuk membuat tuntutan semula kepada pihak ABM yang gagal menyenggara premis berdasarkan polisi yang telah ditandatangani.</p> <p>Bermula tahun 2016, CIDB juga akan memastikan laporan penyenggaraan dikemukakan oleh pihak ABM secara berkala seperti yang telah diarahkan selain memastikan bangunan CIDB diselenggara secara berkala secara dalaman oleh pelajar ABM dan secara <i>outsorce</i>.</p>
<p><b>3.4.2.1.b</b></p>	<p>Pada 1 Mac 2011, CIDB menandatangani kontrak bagi tempoh 3 tahun dengan syarikat sub-subsidiarinya iaitu ABM Wilayah Selatan Sdn. Berhad dan ABM Wilayah Sarawak Sdn. Berhad yang membenarkan ABM beroperasi di atas tanah serta bangunan milik CIDB tanpa dikenakan bayaran. Bagaimanapun, ABM bertanggungjawab melaksanakan penyenggaraan di kawasan berkenaan dan mengemukakan jadual penyenggaraan pada setiap suku tahun kepada CIDB. Pada tahun 2014, kontrak tersebut disambung semula bagi tempoh 3 tahun dengan syarat dan skop kerja yang sama.</p>	
<p><b>3.4.2.1.c</b></p>	<p>Semakan di Pejabat CIDB Negeri Johor mendapati ABM tidak mengemukakan jadual penyenggaraan setiap suku tahun kepada CIDB bagi semua jenis penyenggaraan. Tiada bukti menunjukkan penyenggaraan berkala telah dijalankan terhadap 191 alat penyaman udara seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Pihak Audit dimaklumkan bahawa penyenggaraan hanya dilaksanakan oleh pelatih ABM di bawah seliaan tenaga pengajar sekiranya terdapat aduan kerosakan.</p>	
<p><b>3.4.2.1.d</b></p>	<p>Semakan di Pejabat CIDB Negeri Sarawak juga mendapati jadual penyenggaraan setiap suku tahun tidak dikemukakan kepada CIDB kecuali bagi kerja memotong rumput. ABM juga tidak menyenggara secara berkala 85 unit alat penyaman udara sepanjang tempoh kontrak. Ini menyebabkan Pejabat CIDB Negeri Sarawak menanggung kos penyenggaraan alat penyaman udara sejumlah RM21,084 bagi tahun 2013 hingga 2015. Lawatan Audit mendapati kerja penyenggaraan luar dan dalam bangunan juga tidak dilaksanakan dengan sempurna.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, CIDB tidak memantau penyenggaraan yang dilaksanakan oleh ABM seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Ini menyebabkan CIDB tidak mendapat nilai faedah terbaik daripada kontrak berkenaan.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan adendum akan dimasukkan dalam kontrak sedia ada menerusi keputusan jawatankuasa yang diwujudkan untuk membuat tuntutan semula kepada pihak ABM yang gagal menyenggara premis masing-masing berdasarkan polisi yang telah ditandatangani.</i></p> <p><i>Mulai tahun 2016, CIDB akan memastikan laporan penyenggaraan dikemukakan oleh pihak ABM dan bangunan CIDB diselenggara secara berkala sama ada oleh pelajar-pelajar ABM atau secara outsource.</i></p>	
<p><b>3.4.3.1</b></p>	<p><b>Penyelenggaraan Rekod</b></p> <p>Rekod perolehan perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan maklumat terkini dapat diperoleh dengan segera apabila dikehendaki.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di peranggan 3.4.3.3</p>
<p><b>3.4.3.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati penyelenggaraan rekod perolehan di PTJ adalah tidak teratur kerana maklumat projek yang lengkap seperti borang jadual sebut harga, minit mesyuarat jawatankuasa dan keputusan jawatankuasa tidak disediakan dalam fail perolehan berkenaan bagi memudahkan rujukan.</p>	
<p><b>3.4.3.3</b></p>	<p>Selain itu, maklumat bilangan dan jumlah keseluruhan perolehan tahunan mengikut PTJ, kaedah dan jenis perolehan bagi setiap tahun tidak diselenggara secara berpusat oleh CIDB. Sub-unit Perolehan Dan Projek hanya menyelenggara maklumat perolehan bagi Sektor Pengurusan. Bahagian Kewangan Dan Akaun pula menyelenggara maklumat pembayaran bagi perolehan yang dibuat oleh setiap PTJ tetapi tidak dikelaskan mengikut jenis dan kaedah perolehan. Ini menyebabkan maklumat bilangan dan jumlah keseluruhan perolehan tahunan CIDB mengikut jenis dan kaedah perolehan tidak dapat diperoleh.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan Unit Perolehan telah menyediakan Borang Senarai Semak Dokumen Perolehan mengikut proses untuk diguna pakai oleh PTJ bermula tahun 2016.</i></p>	
<p><b>3.4.4.1</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal supaya tindakan segera dapat diambil untuk memperbaiki atau menyelesaikannya.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 3.4.4.2</p>
<p><b>3.4.4.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati CIDB telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta mesyuarat khas bagi membincangkan laporan prestasi perolehan dan pengurusan aset. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap perolehan yang dilaksanakan terutama dari aspek pematuhan peraturan kewangan dan pentadbiran kontrak.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh CIDB kurang berkesan walaupun CIDB telah mewujudkan dan melaksanakan mekanisme pemantauan terhadap perolehan. Ini berdasarkan kelemahan pengurusan perolehan serta pengurusan dan pentadbiran kontrak.</p> <p>Maklum Balas Daripada CIDB Diterima Pada 2 Dan 22 Februari 2016</p> <p><i>CIDB memaklumkan garis panduan tatacara pengurusan dan pentadbiran kontrak telah dibangunkan oleh Unit Perolehan untuk diguna pakai di peringkat PTJ. Pemantauan secara berkala akan dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam bagi memastikan tatacara perolehan dipatuhi. Latihan juga akan diberi kepada pegawai terlibat untuk meningkatkan kompetensi dalam pengurusan kontrak.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Perenggan 4 : Pengurusan Perolehan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.2.a.ii	<p><b>Perolehan Tidak Mengikut Tatacara - Pecah Kecil Sebut Harga</b></p> <p>Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2014 mengenai Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai 25 Ogos 2014 pula menyatakan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak hendaklah dilaksanakan secara sebut harga mengikut tatacara sebut harga sedia ada dengan beberapa kelonggaran yang ditetapkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak UMS telah melantik kontraktor penyelenggaraan landskap melalui tender terbuka pada 11 November 2015. Syarikat yang dilantik adalah Joy Multi Supply &amp; Services dengan nilai kontrak RM969,696.00 selama satu (1) tahun bermula 1 Disember 2015 hingga 30 November 2016. Kontrak penyelenggaraan landskap pada ketika ini sedang dalam pelaksanaan dan kontrak ini merupakan <i>pilot study</i> kepada UMS dalam melaksanakan kontrak penyelenggaraan landskap di seluruh kampus dan cawangan UMS.</li> </ul>
4.4.1.2.a.iii	<p>Semakan Audit terhadap 388 atau 3% daripada 12,854 pesanan tempatan bagi perolehan secara pembelian terus untuk tahun 2013 sehingga 2015 mendapati sebanyak 8 atau 2.1% pesanan tempatan untuk 2 perolehan kerja dan bekalan bagi jenis item yang sama berjumlah RM210,297 sepatutnya dibuat secara sebut harga tetapi telah dipecah kecil secara pembelian terus.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>Perolehan item yang sama dibuat disebabkan beberapa faktor seperti berikut:</i></p> <p>i. <i>Fakulti Pertanian Lestari merupakan sebuah kampus baharu yang mula beroperasi pada bulan Julai 2013. Beberapa perancangan perolehan sewajarnya telah dirancang khusus untuk keselesaan warga kampus. Pada peringkat awal, kontrak penyelenggaraan berpusat di Fakulti Pertanian Lestari belum dilaksanakan berikutan pihak UMS masih di peringkat membangun dan menambah baik dokumen kontrak yang sedia ada. Perolehan sementara dibuat bagi kerja pemotongan rumput di Fakulti Pertanian Lestari dengan skop kerja paling minimum bagi membersihkan kawasan persekitaran kampus yang dikelilingi dengan ladang kelapa sawit, kolam terbiar, semak samun dan rumah setinggan bagi menjamin keselamatan para pelajar. Bagaimanapun, kontrak penyelenggaraan berpusat telah dibuat pada 11 November 2015 dengan</i></p>	<p>UMS melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perolehan pada 11 Mac 2016 juga telah memperakukan perolehan secara terus bagi kerja pemotongan rumput yang telah dilaksanakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak UMS telah mengambil tindakan mengeluarkan surat teguran setelah mengambil kira teguran dan pandangan audit daripada Laporan Ketua Audit Negara, rujuk surat teguran seperti yang dilampirkan.</li> </ul> <p>Pihak UMS sentiasa memastikan setiap perolehan diuruskan berdasarkan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa. Sebagai makluman, pada awal permohonan ini diterima pihak UMS telah mentafsir bahawa 3 perolehan ini adalah bukan satu jenis item. Setiap item tersebut adalah '<i>independent</i>' antara satu sama lain dan boleh berfungsi secara berasingan. Sehubungan itu, permohonan kepada perolehan ini telah diproses setelah mengenalpasti ketiga-tiga perolehan tersebut adalah berlainan dan bukannya bersifat pecah kecil.</p> <p>Sebagai tambahan, teguran serta merta kepada pegawai-pegawai yang memproses perolehan berkenaan juga telah dibuat agar meneliti sebarang permohonan perolehan di masa hadapan terutama bagi permohonan yang kurang jelas. Pegawai disarankan agar membuat lawatan tapak jika perlu atau kajian di lokasi permohonan bagi kes-kes permohonan seumpama ini di</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tempoh kontrak bermula 1 Disember 2015 sehingga 30 November 2016. Kontrak ini merupakan pilot study kepada UMS dalam melaksanakan kontrak penyenggaraan landskap di seluruh kampus dan cawangan UMS. Naib Canselor</i></p> <p><i>UMS melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perolehan pada 11 Mac 2016 juga telah memperakukan perolehan secara terus bagi kerja pemotongan rumput yang telah dilaksanakan.</i></p> <p><i>ii. UMS telah memproses permohonan pesanan tempatan bagi membekal dan memasang pelantar pengering bagi penyelidikan rumput laut di Semporna kerana ianya adalah 3 perolehan berlainan. Perolehan pertama berjumlah RM19,000 merupakan perolehan bahan binaan untuk membina pelantar baharu manakala perolehan kedua berjumlah RM15,000 merupakan perolehan bahan binaan bagi membaik pulih pelantar sedia ada bagi menampung keperluan pelantar baharu. Perolehan ketiga berjumlah RM13,500 pula merupakan pemasangan gentian kaca untuk digunakan di pelantar bagi tujuan penyelidikan dan merekod data.</i></p> <p>Walaupun perolehan dibuat bagi tujuan berbeza, Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 2 Tahun 2014 mengenai Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang dikeluarkan oleh UMS pada 25 Ogos 2014 menetapkan sesuatu barangan/perkhidmatan yang mempunyai fungsi yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan yang sama serta perolehan tersebut boleh dirancang adalah dikelaskan sebagai "Setiap Jenis Item".</p>	<p>mana penerangan daripada pemohon sahaja adalah tidak mencukupi.</p>
4.4.1.2.b.i	<p><b>Perbandingan Harga Bagi Perolehan Toner Dan Kertas A4</b></p> <p>Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan serta menunjukkan akauntabiliti terhadap pengurusan wang yang diamanahkan. Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS (Kuasa, Kawalan Perbelanjaan, Belanjawan dan Perolehan) 2010 menyatakan Ketua PTJ hendaklah memastikan bahawa kajian pasaran yang berpatutan telah dibuat sebelum sesuatu perolehan dilaksanakan bagi memastikan perolehan yang paling sesuai dan menguntungkan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan.</p>	<p>Pihak UMS maklum berhubung keperluan untuk perolehan ini dilaksanakan secara berpusat dan telah merancang untuk mengiklankan tender ini pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, tender ini tidak dapat diuruskan kerana kekangan bajet yang tidak mencukupi dan pada masa itu juga dilaksanakan perolehan bekalan alat tulis, bekalan bahan kimia dan bekalan bahan pakai habis serta alat radas makmal secara berpusat. Ini merupakan percubaan pertama UMS untuk menguruskan perolehan bekalan secara berpusat bagi keperluan semua Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Unit (JFPIU) dan mengakui terdapat kelemahan dalam menguruskan perolehan ini. Penambahbaikan akan dibuat berdasarkan pengalaman tender yang telah dilaksanakan tersebut.</p> <p>Sebagai makluman, pihak UMS telah memasukkan perolehan bekalan <i>toner</i> dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1.2.b.ii	Semakan Audit mendapati UMS telah membelanjakan sejumlah RM450,912 untuk perolehan toner dan RM414,871 untuk perolehan kertas A4 bagi tahun 2013 sehingga 2015. Setiap PTJ diberi kebenaran untuk membeli toner dan kertas A4 mengikut keperluan masing-masing disebabkan keperluan yang berbeza.	kertas secara tender berpusat sebagai salah satu daripada perancangan perolehan tahun 2016. Perbincangan bersama pihak (JFPIU) telah diadakan pada 23 Mac 2016 dan pada masa ini, Sektor Pengurusan Perolehan telah menerima cadangan senarai Ahli Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi, senarai Ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan senarai keperluan setahun bekalan Toner dan Kertas bagi semua JFPIU. Berdasarkan jadual perancangan yang telah ditetapkan, tender ini dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada bulan Julai 2016.
4.4.1.2.b.iii	<p>Analisis Audit terhadap perolehan toner dan kertas A4 bagi tahun 2013 sehingga 2015 mendapati perbezaan harga yang ketara bagi jenis toner dan kertas A4 yang sama antara syarikat pembekal dalam tahun yang sama. Harga tertinggi dan terendah daripada pembekal dibandingkan dan didapati perbezaan harga bagi toner adalah antara 20.6% sehingga 379.6% dan kertas A4 antara 7.1% sehingga 42.8%.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan tanpa kajian pasaran yang menyeluruh boleh menyebabkan UMS tidak mendapat harga yang berpatutan dan <i>value for money</i> bagi perolehan yang dibuat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>Proses kajian pasaran telah dilaksanakan di peringkat PTJ melibatkan perolehan toner dan kertas A4. Bagaimanapun, harga yang diperoleh lebih mahal secara perbandingan kerana faktor seperti perbezaan spesifikasi, tawaran harga yang rendah daripada pembekal bagi menghabiskan stok sedia ada, lantikan dibuat kepada syarikat yang menyertai sebut harga dengan harga terendah, keperluan mendesak kerana pembekal sedia ada tidak dapat membekalkan dalam tempoh ditetapkan dan kuantiti bekalan yang lebih tinggi menyebabkan harga seunit yang rendah.</i></p> <p><i>Pada awal Januari 2014, UMS telah menubuhkan Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan Teknikal untuk melaksanakan perolehan toner secara tender pada tahun 2015. Bagaimanapun, ia terpaksa ditangguhkan disebabkan komitmen perbelanjaan yang tidak dapat menampung pembelian peralatan alat tulis, bahan kimia, peralatan makmal, alat radas dan keperluan lain di bawah vot peruntukan yang sama iaitu Vot B27000.</i></p> <p><i>Bagi perolehan kertas A4, UMS pada awalnya ada memasukkan keperluan ini di dalam kontrak tender alat tulis. Bagaimanapun, ia dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi kerana ia mempunyai kod bidang yang khas untuk dipelawa selain tidak mendapat maklumat yang jelas tentang anggaran jumlah penggunaan yang sebenar daripada PTJ pada ketika itu.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>UMS akan melaksanakan kontrak secara berpusat bagi mengawal harga tawaran yang pelbagai daripada pembekal. Mesyuarat penyelarasan bersama semua PTJ akan diadakan pada 23 Mac 2016 dan pelantikan syarikat pembekal akan dibuat selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2016.</i></p>	
<p><b>4.4.2.1.a</b></p>	<p><b>Kelemahan Pengurusan Projek/Bekalan - Penggunaan Sistem Kawalan Kamera Litar Tertutup Secara Bersepadu Tidak Dioptimumkan</b></p> <p>UMS telah melantik syarikat Discovery Technology Sdn. Bhd. pada 18 Julai 2013 untuk tempoh setahun sehingga 17 Julai 2014 bagi membangunkan sistem kawalan kamera litar tertutup (CCTV) secara bersepadu di UMS dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.94 juta. Skop perolehan meliputi pembangunan <i>security command centre</i>, menaik taraf dan mengintegrasikan CCTV sedia ada dengan <i>security command centre</i> yang dibangunkan dan membekal serta memasang perkakasan rangkaian dan peralatan CCTV baharu di kawasan kampus UMS.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.2.1.f</p>
<p><b>4.4.2.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap minit mesyuarat <i>kick off</i> pada 23 Ogos 2013 mendapati UMS telah menetapkan tarikh siap projek pada 4 April 2014 iaitu lebih awal dari tarikh kontrak tamat pada 17 Julai 2014. Bagaimanapun, pihak syarikat melalui surat bertarikh 27 Februari 2014 telah memohon pelanjutan tempoh menyiapkan projek kepada 4 Jun 2014 antaranya disebabkan kekurangan kemudahan infrastruktur yang bersesuaian bagi menempatkan CCTV dan kelewatan menentukan kedudukan serta bilangan CCTV. Lanjutan daripada itu, Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK) bersetuju dengan permohonan tersebut bagi melanjutkan tempoh menyiapkan projek kepada 4 Jun 2014.</p>	
<p><b>4.4.2.1.c</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap surat yang dikemukakan oleh pihak syarikat pada 2 Mac 2015 mendapati projek tersebut hanya disiapkan pada 26 Oktober 2014 dan pihak syarikat tidak mengemukakan sebarang permohonan bagi melanjutkan tempoh menyiapkan projek yang tamat pada 4 Jun 2014 dan tempoh kontrak yang tamat pada 17 Julai 2014. Setakat 23 Disember 2015, sejumlah RM1.83 juta atau 94.3% telah dibayar kepada pihak syarikat. Denda sejumlah RM55,833 telah dikenakan bagi kelewatan membekal dan memasang 33 unit kamera statik manakala sejumlah RM58,005 belum dibuat bayaran kerana masalah pendawaian elektrik belum diselesaikan oleh pihak syarikat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.2.1.d	<p>Semakan Audit terhadap laporan yang disediakan oleh Bahagian Keselamatan UMS mendapati 147 daripada 595 atau 24.7% CCTV yang telah diintegrasikan dengan <i>security command centre</i> tidak memaparkan imej di <i>display monitor</i> yang ditempatkan di bilik tersebut. Daripada jumlah tersebut, 82 daripadanya merupakan CCTV sedia ada di UMS manakala 65 atau 44.2% CCTV yang bernilai RM247,388 merupakan CCTV baharu yang dibekalkan oleh pihak syarikat. Pihak Audit dimaklumkan masalah ini berlaku antaranya disebabkan kerosakan pada kabel, kamera CCTV, <i>converter switch</i> dan <i>power distributor</i> selain gangguan bekalan elektrik yang menyebabkan CCTV tersebut terpadam dan perlu diaktifkan semula secara manual di lokasi CCTV tersebut ditempatkan bagi membolehkannya berfungsi semula. Kerja mengaktifkan semula CCTV yang terpadam dilakukan sendiri oleh pegawai JTMK memandangkan tiada syarikat dilantik bagi menyenggara dan membaik pulih CCTV yang rosak. Butiran terperinci CCTV yang tidak memaparkan imej di <i>security command centre</i>.</p>	
4.4.2.1.e	<p>Pemeriksaan Audit pada 10 Disember 2015 terhadap <i>display monitor</i> yang ditempatkan di <i>security command centre</i> mendapati 10 atau 2.2% daripada 445 CCTV dipasang berhampiran dengan dinding dan objek yang menghalang paparan imej CCTV, skrin CCTV kotor dan tidak dibersihkan serta imej CCTV yang gelap pada waktu malam kerana pencahayaan yang tidak mencukupi di kawasan ia dipasang.</p>	
4.4.2.1.f	<p>Semakan lanjut mendapati 75 unit CCTV belum diintegrasikan dengan <i>security command centre</i> kerana pemasangan dibuat selepas pembangunan sistem kawalan CCTV secara bersepadu ini selesai. Pihak Audit dimaklumkan 48 unit CCTV yang dipasang di Dewan Kuliah Pusat 2 dan 9 unit di premis tadika tidak boleh diintegrasikan dengan sistem kawalan CCTV sedia ada kerana spesifikasi yang tidak bersesuaian. Ini disebabkan ulasan dan pandangan daripada Bahagian Keselamatan dan JTMK tidak diperolehi sebelum pemasangan CCTV tersebut dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang berkesan dan kebergantungan kepada pegawai JTMK bagi menyenggara sistem kawalan CCTV tersebut menyebabkan pemantauan keselamatan tidak dapat dibuat secara menyeluruh dan berkesan. Objektif pemasangan CCTV juga tidak tercapai kerana paparan imej CCTV kurang memuaskan dan tiada integrasi bagi CCTV yang dipasang selepas pembangunan sistem kawalan CCTV secara bersepadu.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Daripada 65 CCTV baharu yang tidak memaparkan imej, 22 unit telah dibaiki, 14 unit sedang terlibat dengan kerja pengkabelan semula manakala 3 unit di bawah jaminan syarikat dan akan dibaiki. Kerosakan baki 26 unit lagi akan dibaiki pada bulan April 2016 dan peruntukan berjumlah RM44,000 telah diluluskan bagi tujuan tersebut.</i></p> <p><i>Daripada 82 CCTV sedia ada yang tidak memaparkan imej, 3 unit telah dibersihkan dan berfungsi dengan jelas manakala baki 79 unit rosak dan akan dibaiki dalam suku pertama tahun 2016. Sebanyak 10 unit CCTV yang dihalang paparan, skrin kotor dan imej yang gelap telah diambil tindakan. Sebanyak 75 unit CCTV bagi 5 lokasi tersebut telah dipusatkan dan boleh dipantau dari Security Command Centre pada 26 Febuari 2016 sama ada melalui komputer atau diintegrasikan ke dalam sistem pemantauan CCTV.</i></p> <p><i>Aktiviti pemantauan keselamatan telah ditingkatkan melalui penyediaan Prosedur Pemantauan CCTV Bahagian Keselamatan UMS yang akan dibawa dalam Jawatankuasa keselamatan ICT pada 8 Mac 2016 untuk kelulusan.</i></p> <p><i>Satu jawatankuasa kerja pemantauan akan diwujudkan dengan diketuai oleh Bahagian Keselamatan, JTMK, Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan (JPP) dan semua wakil PTJ manakala mesyuarat akan diadakan secara bulanan.</i></p>	
4.4.2.2.a.i	<p><b>Pelbagai Kerja Pembaikan, Ubah Suai Dan Naik Taraf Kemudahan Serta Fasiliti Belum Disiapkan Mengikut Tempoh Kontrak - Kerja Pembaikan Dan Menaik Taraf Sistem Melawan Kebakaran Bangunan Untuk Bangunan Menara, Podium, Sokongan Dan Balai Keselamatan</b></p> <p>UMS telah melantik syarikat Indera Jati General Contractor sebagai kontraktor bagi Kerja Pembaikan dan Menaik Taraf Sistem Melawan Kebakaran Bangunan Untuk Bangunan Menara, Podium, Sokongan dan Balai Keselamatan di UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) secara sebut harga dengan nilai kontrak berjumlah RM294,000. Kontrak ditandatangani pada 3 Februari 2014 dengan tempoh kontrak selama 16 minggu mulai 3 Februari sehingga 20 Mei 2014.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.2.2.a.v

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.2.2.a.ii	<p>Perolehan ini dilaksanakan bertujuan memastikan sistem melawan kebakaran bangunan yang terdapat di UMSKAL dalam keadaan baik dan bagi membolehkan pihak UMSKAL memohon untuk mendapatkan Sijil Perakuan Bomba (Akta Perkhidmatan Bomba 1988) daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Skop kerja ini meliputi 2 bahagian iaitu kerja pembaikan sistem melawan kebakaran bangunan sedia ada dan kerja menaiktaraf sistem melawan kebakaran bangunan berdasarkan kepada ketetapan pihak JBPM.</p>	
4.4.2.2.a.iii	<p>Sehingga lawatan Audit pada 15 Disember 2015, kontraktor hanya menyiapkan kerja pembaikan sahaja dengan prestasi kemajuan projek secara keseluruhan sebanyak 80% manakala kerja menaik taraf tidak dilaksanakan oleh kontraktor. Semakan terhadap minit Mesyuarat Tapak Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan UMSKAL bertarikh 28 Oktober 2014 mendapati UMS bersetuju untuk menamatkan kontrak secara siap sebahagian kerana kontraktor tidak jelas dengan keperluan kontrak yang dikehendaki oleh UMS.</p>	
4.4.2.2.a.iv	<p>Pihak Audit dimaklumkan kerja naik taraf tidak dapat dilaksanakan kerana skop kerja yang tidak diperincikan semasa penyediaan spesifikasi oleh UMS. Selain itu, harga kontrak yang ditetapkan adalah secara pukal dan termasuk kerja naik taraf yang belum diperincikan dan bergantung kepada laporan daripada perunding yang perlu dilantik oleh kontraktor. Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh perunding mekanikal dan elektrik yang dilantik oleh kontraktor, kerja naik taraf yang dilaksanakan perlu melibatkan khidmat rundingan daripada pihak arkitek dan jurutera sivil bagi memastikan keperluan yang ditetapkan oleh JBPM dapat dipenuhi.</p>	
4.4.2.2.a.v	<p>Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja telah dikeluarkan pada 3 Jun 2014 manakala Sijil Perakuan Siap Kerja sebahagian telah dikeluarkan pada 25 Jun 2014 untuk kerja-kerja pembaikan sahaja. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati surat penamatan kontraktor belum dikeluarkan dan bayaran belum dimuktamadkan. Sehingga 14 Disember 2015, projek ini telah mengalami kelewatan selama 573 hari dari tarikh sepatutnya siap dan bayaran berjumlah RM132,787 atau 45.2% telah dibuat kepada kontraktor melalui 2 bayaran interim setakat 8 April 2015.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan dalam perancangan perolehan, penentuan spesifikasi dan pemantauan kerja menyebabkan objektif projek belum dapat dicapai dan akan mengakibatkan pertambahan kos kepada UMS.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>Kerja ini tidak dapat disempurnakan kerana ketiadaan Lukisan Siap Bina bagi mekanikal dan elektrik serta arkitektural. Laporan teknikal telah disediakan oleh JPP dan dikemukakan kepada Naib Canselor untuk tindakan siasatan oleh Bahagian Audit Dalam UMS. Penyata Akaun Muktamad bagi kerja sedia ada akan dibuat selepas menerima laporan daripada Bahagian Audit Dalam UMS. Pihak pengurusan UMS juga telah memindahkan kakitangan yang terlibat ke Kampus Induk berkuat kuasa 1 April 2016. Bagi memastikan sistem melawan kebakaran ini berfungsi sepenuhnya, UMS akan melantik perunding arkitektural serta mekanikal dan elektrik bagi menyempurnakan kerja tersebut. Lantikan perunding untuk menyediakan Lukisan Siap Bina bagi mekanikal dan elektrik serta arkitektural akan dibuat selewatnya sebelum hujung tahun 2016 sebaik sahaja permohonan peruntukan diluluskan manakala perolehan bagi Fasa 2 akan dimulakan pada tahun 2017 sebaik sahaja Lukisan Siap Bina disediakan.</i></p>	
4.4.2.2.b.iii	<p><b>Kerja Pengubahsuaian Makmal Di Sekolah Kejuruteraan Dan Teknologi Maklumat</b></p> <p>Lawatan Audit pada 10 Disember 2015 mendapati kerja ubah suai belum disiapkan dengan prestasi kemajuan kerja adalah sebanyak 58.9% dan tempoh kelewatan selama 500 hari dari tarikh sepatutnya siap. Pihak Audit mendapati tiada sebarang aktiviti ubah suai sedang dijalankan dan dimaklumkan kontraktor tidak dapat dikesan. Semakan lanjut mendapati tiada surat permohonan lanjutan masa dikemukakan oleh kontraktor manakala UMS tidak mengeluarkan sebarang surat amaran, Perakuan Tidak Siap Kerja dan surat penamatan kontrak. Pembayaran sejumlah RM143,205 atau 53.9% telah dibuat kepada kontraktor melalui 2 bayaran interim setakat 19 Ogos 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja ubah suai tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan kerana mekanisme pemantauan projek yang lemah dan tiada tindakan diambil oleh UMS terhadap kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>UMS telah mengambil tindakan seperti berikut:</i></p> <p><i>i. Mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja kepada kontraktor pada 22</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.2.2.b.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Februari 2016.</i></p> <p>ii. <i>Surat penamatan kontrak kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 29 Februari 2016 dan disalinkan kepada CIDB dan PUKONSA untuk disenaraihitamkan.</i></p> <p>iii. <i>Membuat rampasan Bon Pelaksanaan bernilai RM13,271 dengan serta merta.</i></p> <p>iv. <i>Penyata Akaun Muktamad untuk kontrak yang ditamatkan telah disediakan pada 21 Mac 2016.</i></p> <p><i>UMS akan mewujudkan peraturan dalam sebelum hujung bulan April 2016 bagi melaksanakan denda terhadap perolehan kerja di bawah RM200,000. Prosedur pemantauan projek juga akan dilaksanakan serta-merta dan satu sistem pemantauan projek akan dibangunkan sebelum suku kedua tahun 2016.</i></p>	
4.4.2.2.c.ii	<p><b> KERJA PENGANTIAN PADANG BOLA KERANJANG DAN BOLA JARING DI FASILITI SUKAN UMS</b></p> <p>Lawatan Audit pada 8 Disember 2015 mendapati projek belum disiapkan dengan prestasi kemajuan kerja adalah sebanyak 19% dengan tempoh kelewatan selama 43 hari dari tarikh sepatutnya siap. Surat amaran telah dikeluarkan oleh UMS kepada kontraktor pada 12 Oktober 2015 manakala permohonan lanjutan masa untuk menyiapkan kerja selama 44 hari sehingga 9 Disember 2015 telah dikemukakan oleh kontraktor pada 21 Oktober 2015. Sehingga tarikh pengauditan, kelulusan lanjutan masa belum diberikan oleh UMS dan tiada sebarang bayaran kemajuan dibuat kepada kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Merujuk kepada permohonan lanjutan masa yang telah dikemukakan oleh pihak Pembinaan Amaris pada 9 Disember 2015 dan mesyuarat tapak yang telah diadakan pada 27 Ogos 2015, 28 Oktober 2015 dan 6 Januari 2016, kelewatan pihak kontraktor menyiapkan kerja-kerja di tapak bina adalah disebabkan beberapa faktor berikut:</i></p> <p>i. <i>Kontraktor tidak dapat meneruskan kerja menyediakan permukaan sub base dan base untuk menerima lapisan premix kerana keadaan</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.2.2.c.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>permukaan yang lembab dan basah disebabkan hujan. Cuaca mesti dalam keadaan tidak hujan berterusan sekurang-kurangnya 7 hari berturut-turut sebelum kerja lapisan premix dibuat. Kontraktor memaklumkan sekiranya penyediaan lapisan premix tidak sempurna disebabkan perkara tersebut, maka pembekal lapisan cat gelanggang tidak akan memperakukan Sijil Jaminan Produk mereka.</i></p> <p><i>ii. Kelewatan pembekal lapisan cat gelanggang (standard sport court surfacing) iaitu Bina Paint memberi maklum balas berkenaan isu Jaminan Produk setelah gelanggang siap dan diserahkan pada UMS.</i></p> <p><i>iii. Kontraktor memaklumkan bahawa pembekal lapisan cat gelanggang iaitu Bina Paint tidak dapat melaksanakan kerja mengecat disebabkan perlu menunggu giliran melaksanakan kerja di tempat lain kerana kebergantungan kepada pakar.</i></p> <p><i>Permohonan lanjutan masa oleh kontraktor tidak diluluskan kerana ketiadaan peruntukan klausa di dalam syarat sebut harga yang telah ditandatangani. Bagaimanapun, tindakan yang diambil adalah seperti berikut:</i></p> <p><i>i. Surat amaran telah dikeluarkan pada 25 Ogos 2015 (pertama), 4 November 2015 (kedua) dan 19 Februari 2016 (ketiga) manakala Notis Untuk Tujuan Penamatan dikeluarkan pada 26 Februari 2016.</i></p> <p><i>ii. Membangunkan prosedur pemantauan dan pentadbiran kontrak bagi kerja-kerja di bawah RM200,000 bersama Universiti Putra Malaysia.</i></p>	
4.4.2.2.d.i	<p><b>Kerja Pembaikan Gelanggang Tenis (1), Gelanggang Tenis Ke Futsal, Gelanggang Bola Keranjang (Outdoor) Dan Gelanggang Tenis (Beginner)</b></p> <p>UMS telah melantik syarikat Sri Ceria Enterprise sebagai kontraktor bagi kerja pembaikan gelanggang tenis (1), gelanggang tenis ke futsal, gelanggang bola keranjang (outdoor) dan gelanggang tenis (beginner) dengan nilai kontrak berjumlah RM197,141. Perolehan dibuat secara sebut harga dengan tempoh kontrak selama 11 minggu mulai 1 September sehingga 8 Disember 2015.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.2.2.d.ii
4.4.2.2.d.ii	<p>Lawatan Audit pada 8 Disember 2015 mendapati projek belum disiapkan dengan prestasi kemajuan kerja adalah sebanyak 37.5%. Permohonan lanjutan masa selama 14 hari sehingga 22 Disember 2015 telah dikemukakan oleh kontraktor pada 25 November 2015. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan kelulusan lanjutan masa belum diberikan oleh UMS dan tiada</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebarang bayaran kemajuan dibuat kepada kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja pembaikan yang belum disiapkan menyebabkan objektif tidak dicapai serta kemudahan sukan belum dapat digunakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Merujuk kepada permohonan lanjutan masa yang telah dikemukakan oleh pihak Syarikat Sri Ceria pada 25 November 2015 dan mesyuarat tapak yang telah diadakan pada 15 September 2015, 28 Oktober 2015, 24 November 2015, 15 Januari 2016 dan 28 Februari 2016, kelewatan pihak kontraktor menyiapkan kerja-kerja di tapak bina adalah disebabkan beberapa faktor berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Kontraktor tidak dapat meneruskan kerja untuk menerima lapisan premix kerana keadaan permukaan yang lembab dan basah disebabkan hujan. Cuaca mesti dalam keadaan tidak hujan berterusan sekurang-kurangnya 7 hari berturut-turut sebelum kerja-kerja lapisan premix dibuat. Kontraktor memaklumkan sekiranya penyediaan lapisan premix tidak sempurna.</i></li> <li><i>ii. disebabkan perkara tersebut, maka pembekal lapisan cat gelanggang tidak akan memperakukan Sijil Jaminan Produk mereka.</i></li> <li><i>iii. Kelewatan pembekal lapisan cat gelanggang (standard sport court surfacing) iaitu Bina Paint memberi maklum balas berkenaan isu Jaminan Produk setelah gelanggang siap dan diserahkan pada UMS.</i></li> <li><i>iv. Kontraktor memaklumkan bahawa pembekal lapisan cat gelanggang iaitu Bina Paint tidak dapat melaksanakan kerja mengecat disebabkan perlu menunggu giliran melaksanakan kerja di tempat lain kerana kebergantungan kepada pakar.</i></li> </ul> <p><i>Permohonan lanjutan masa oleh kontraktor tidak diluluskan kerana ketiadaan peruntukan klausa di dalam syarat sebut harga yang telah ditandatangani. Surat amaran telah dikeluarkan pada 12 Disember 2015 (pertama), 12 Januari 2016 (kedua) dan 3 Februari 2016 (ketiga) manakala Notis Untuk Tujuan Penamatan dikeluarkan pada 6 Januari 2016.</i></p> <p><i>Merujuk kepada mesyuarat tapak pada 26 Februari 2016, kontraktor</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>memaklumkan kerja-kerja mengecat gelanggang sedang dilaksanakan di tapak dan ahli mesyuarat bersetuju untuk memberi tempoh siap sehingga 15 Mac 2016. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan sepenuhnya kerja-kerja tersebut, maka tindakan penamatan kontrak akan dilaksanakan. Pemberian masa penyiapan ini dibuat atas dasar implikasi kepada penyerahan gelanggang tersebut yang akan semakin lewat sekiranya tindakan penamatan kontrak dibuat memandangkan Bina Paint adalah satu-satunya pembekal cat gelanggang di Sabah.</i></p>	
<p><b>4.4.2.3</b></p>	<p><b>Kelewatan Pembekalan Barangan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 388 sampel pesanan tempatan bagi perolehan secara pembelian terus mendapati pembekalan barangan bagi 8 perolehan atau 2.1% berjumlah RM135,232 lewat antara 17 sehingga 212 hari dari tarikh sepatutnya dibekalkan. Tiada sebarang denda kelewatan dikenakan terhadap syarikat pembekal kerana klausa denda tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen perolehan. Tatacara pesanan tempatan UMS menyatakan pesanan boleh dibatalkan sekiranya barang-barang/kerja/perkhidmatan tidak diterima/dilaksanakan sebelum tarikh yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pembekalan menyebabkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan untuk pengajaran, pembelajaran dan perkhidmatan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Barangan lewat dibekalkan disebabkan beberapa faktor berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Peralatan asset thermo scientific merupakan barangan import yang perlu ditempah daripada pembekal induk di United Kingdom. Perkara ini tidak dinyatakan oleh pembekal semasa tawaran sebut harga dibuat. PTJ hanya menyedari perkara ini setelah pesanan tempatan dikeluarkan kepada pembekal dan mengambil tempoh masa yang agak lama kerana penghantaran dilakukan menggunakan pengangkutan laut.</i></li> <li><i>ii. Pengesahan reka bentuk peralatan pewter plate daripada Bahagian Perhubungan Korporat memandangkan reka bentuk yang diberikan oleh pembekal tidak menepati spesifikasi.</i></li> <li><i>iii. Negara pengeksporth peralatan water bath iaitu Jerman tidak begitu aktif</i></li> </ul>	<p>Jabatan Bendahari telah menguatkuasakan Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1 Tahun 2015, Tanggungjawab Pemantauan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan/ Kerja-kerja Melalui Pesanan Rasmi Bagi Perolehan Peringkat Pusat Tanggungjawab Di UMS bagi mengelakkan perkara ini berulang.</p> <p>Jabatan Bendahari melalui Zon Operasi Kewangan dengan serta-merta menguatkuasakan peraturan bahawa pesanan tempatan yang telah dikeluarkan tetapi tidak dituntut dalam tempoh 3 hari akan diposkan kepada pembekal.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>akibat cuti Krismas dan cuti tahun baharu. Surat peringatan kepada pembekal telah dikeluarkan bagi mengelakkan perkara ini berulang.</i></p> <p><i>iv. Tiada tempoh penghantaran dinyatakan dalam sebut harga pembekal bagi pembekalan FRP tank, bahan pakai habis untuk kegunaan hatchri udang serta pembekalan peralatan untuk hatchri ikan di Institut Penyelidikan Marin Borneo.</i></p> <p><i>v. Pesanan Rasmi asal bagi alat radas kaca diterima lewat oleh pihak pembekal iaitu pada 30 April 2014. Oleh yang demikian penghantaran alat radas tersebut hanya dapat dilaksanakan sepenuhnya pada 7 Julai 2014. Surat peringatan kepada pembekal telah dikeluarkan bagi mengelakkan perkara ini berulang.</i></p> <p><i>Jabatan Bendahari telah menguatkuasakan Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1 Tahun 2015, Tanggungjawab Pemantauan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan/ Kerja-kerja Melalui Pesanan Rasmi Bagi Perolehan Peringkat Pusat Tanggungjawab Di UMS bagi mengelakkan perkara ini berulang.</i></p> <p><i>Jabatan Bendahari melalui Zon Operasi Kewangan dengan serta-merta menguatkuasakan peraturan bahawa pesanan tempatan yang telah dikeluarkan tetapi tidak dituntut dalam tempoh 3 hari akan diposkan kepada pembekal.</i></p>	
<p><b>4.4.3.1.b</b></p>	<p><b>Kelemahan Pengurusan Kontrak - Pembinaan Bangunan Stor Senjata Serta Naik Taraf Dan Pembaikan Bangunan PALAPES Sedia Ada</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pihak arkitek yang dilantik iaitu Arkitek EDP Sdn. Bhd. telah mengemukakan 10 permohonan Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM151,600 kepada JPP UMS pada 5 September 2013 untuk kelulusan iaitu selepas keseluruhan projek tersebut disiapkan oleh pihak kontraktor pada 2 Julai 2013.</p>	<p>Sektor Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari telah memajukan semula permohonan Arahan Perubahan Kerja bagi kontrak ini kepada Lembaga Perolehan B UMS, Bilangan 2/2016 pada 26 Februari 2016 untuk pengesahan kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Perolehan Pengurusan pada 20 Februari 2014. Penyata Akaun Muktamad juga telah disediakan dan diperakukan oleh Pegawai Penguasa pada 21 Mac 2016. Mulai tahun 2015, bayaran akhir hanya akan dibuat sebaik sahaja Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan dan Surat Akaun Berkanun serta Lukisan Siap Bina dikemukakan oleh kontraktor.</p>
<p><b>4.4.3.1.c</b></p>	<p>Peraturan Kewangan dan Perakaunan UMS (Kuasa, Kawalan Perbelanjaan, Belanjawan dan Perolehan) 2010 menyatakan APK bagi harga asal kontrak yang tidak melebihi RM20 juta dan jumlah perubahan kerja terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 20% hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Perolehan UMS yang meluluskan perolehan tersebut. Semakan Audit mendapati permohonan perubahan kerja telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perolehan Pengurusan pada 20 Februari 2014 yang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sepatutnya diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Perolehan B. Semakan lanjut mendapati permohonan perubahan kerja ini dibuat sebahagian besarnya disebabkan penambahbaikan terhadap aspek keselamatan stor senjata berdasarkan ulasan yang diterima daripada Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan Cawangan Kem Lok Kawi. Pihak Audit dimaklumkan perubahan kerja tersebut dilaksanakan sebelum kelulusan diperoleh bagi mengelakkan peningkatan kos dan tempoh masa yang lebih lama untuk disiapkan. Cadangan untuk melaksanakan perubahan kerja diputuskan melalui mesyuarat mingguan yang dijalankan antara pengguna akhir, syarikat dan perunding yang dilantik. Bagaimanapun, minit mesyuarat tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Permohonan perubahan kerja tersebut telah diluluskan setelah mengambil kira kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor.</p>	
<p><b>4.4.3.1.d</b></p>	<p>Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2012, Penyata Akaun Muktamad hendaklah disediakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 9 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja bagi kontrak konvensional dan 12 bulan bagi kontrak reka dan bina. Penyata Akaun Muktamad hendaklah dimuktamadkan setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan, mana yang terkemudian. Perenggan 13.7.2 dalam Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya pula menetapkan Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini sepanjang perjalanan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa oleh kontraktor secara berperingkat mengikut aturan kerja. Dokumen ini juga perlu diserahkan sebulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit setakat 9 Disember 2015 mendapati Penyata Akaun Muktamad belum disediakan manakala Lukisan Siap Bina belum diserahkan oleh arkitek yang dilantik walaupun Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 2 Julai 2013 manakala Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan pada 25 September 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak bagi pembinaan bangunan stor senjata serta naik taraf dan membaiki bangunan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan adalah tidak memuaskan kerana kelulusan Arahan Perubahan Kerja tidak dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga Perolehan B dan penyediaan Penyata Akaun Muktamad serta Lukisan Siap Bina tidak menepati tempoh masa yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Sektor Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari telah memajukan semula permohonan Arahan Perubahan Kerja bagi kontrak ini kepada Lembaga Perolehan B UMS, Bilangan 2/2016 pada 26 Februari 2016 untuk pengesahan kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Perolehan Pengurusan pada 20 Februari 2014. Penyata Akaun Muktamad juga telah disediakan dan diperakukan oleh Pegawai Penguasa pada 21 Mac 2016. Mulai tahun 2015, bayaran akhir hanya akan dibuat sebaik sahaja Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan dan Surat Akaun Berkanun serta Lukisan Siap Bina dikemukakan oleh kontraktor.</i></p>	
<p><b>4.4.3.2.b</b></p>	<p><b>Pembayaran Tidak Mengikut Perjanjian</b></p> <p>Semakan Audit mendapati UMS telah menjelaskan pembayaran sebanyak 70% berjumlah RM3.01 juta daripada harga kontrak berjumlah RM4.30 juta selepas peralatan diterima dan baki 30% selepas pengujian dibuat.</p> <p>Bagaimanapun, pembayaran tersebut dibuat berdasarkan kelulusan di dalam Mesyuarat Pelarasan Perolehan pada 7 November 2013 yang dipengerusikan oleh Timbalan Bendahari berdasarkan permohonan daripada syarikat pembekal.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat selepas peralatan diterima, dipasang dan diuji bagi menentukan ianya dalam keadaan baik dan boleh diguna dapat melindungi kepentingan UMS.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>Terdapat kekangan kepada UMS untuk membuat pembayaran hanya setelah proses pemasangan dan uji lari diselesaikan kerana tarikh uji lari tertangguh antara 13 sehingga 475 hari daripada tarikh bayaran 70% dibuat kerana bergantung kepada kelapangan masa pensyarah (end user). Selain itu, terdapat juga kelemahan komunikasi dari segi perancangan jadual uji lari.</i></p> <p><i>Terma pembayaran 70% ini juga telah diguna pakai sebagai salah satu terma dalam dokumen perjanjian perolehan yang lain seperti Tender Pembangunan Sistem Kawalan CCTV Secara Bersepadu Fasa 1A. Praktis ini juga telah digunakan oleh UMS kepada tender untuk pembekalan International Development Bank (IDB) pada tahun 2002 bagi Fasa 1 dan tahun 2007 bagi Fasa 2. Ini merupakan asas kepada keputusan Mesyuarat Penyelarasan Perolehan Bilangan 5 Tahun 2013 pada 7 November 2013.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.3.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>UMS telah memastikan bahawa aset yang diterima berada dalam keadaan baik dan mengikut spesifikasi yang dikehendaki sebelum bayaran akhir dibuat. Kepentingan UMS dalam kontrak ini masih terjamin kerana walaupun pembayaran 70% telah dibuat, pihak syarikat masih tertakluk kepada perenggan 8 di dalam syarat-syarat kontrak iaitu terma berkaitan "Penolakan".</i></p> <p><i>Pembayaran yang telah dibuat kepada pihak syarikat akan dibawa ke dalam Mesyuarat Pengurusan Perolehan Bilangan 3 Tahun 2016 pada 28 Mac 2016 untuk diperakukan. UMS juga telah mengemukakan Perjanjian Tambahan kepada pihak syarikat pada 18 Mac 2016 bagi tambahan klausa bayaran tidak melebihi 70% daripada nilai kontrak sekiranya pembekal telah berjaya menghantar barang berkenaan tetapi tidak dapat memasang dan menguji peralatan berkenaan disebabkan masalah ketiadaan ruang atau ruang yang tidak sesuai atau latihan menggunakan barang berkenaan tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab yang munasabah.</i></p>	
4.4.3.3	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani Melebihi 4 Bulan</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit mendapati 8 kontrak bernilai RM11.20 juta lewat ditandatangani selepas 4 bulan iaitu antara 23 sehingga 73 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan UMS mematuhi peraturan ditetapkan menyebabkan kepentingan UMS tidak dapat dilindungi dan tidak dapat mengambil sebarang tindakan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>Pemantauan telah dilaksanakan bagi memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh sepatutnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan terutamanya kelewatan penerimaan maklum balas daripada pihak pembekal dalam mengemukakan keperluan kontrak seperti surat maklum balas penerimaan tawaran dan bon pelaksanaan selain jumlah sebut harga yang tinggi diuruskan oleh UMS.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.3.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pada bulan Februari 2014, Sektor Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari telah melaksanakan penstrukturan semula kakitangan sebagai alternatif bagi mengatasi isu pertindihan kerja. Kakitangan telah diberikan tugas mengikut pengkhususan kerja. Ini adalah susulan berlakunya ketidakberkesanan dalam pemantauan dan pentadbiran kontrak.</i></p> <p><i>UMS telah membangunkan secara dalaman dan menggunakan sistem i-Perolehan bagi tujuan pemantauan permohonan dan pentadbiran kontrak perolehan meliputi perolehan pembelian terus, sebut harga dan tender. Sistem ini membantu dalam pemantauan kontrak yang lebih rapi dan kelewatan dalam menandatangani kontrak dapat diminimumkan. Bayaran interim juga tidak akan dibuat sekiranya dokumen kontrak tidak ditandatangani selepas 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima.</i></p>	
4.4.4.1	<p><b>Kelemahan Pengurusan Aset - Peralatan Perubatan Tidak Digunakan Secara Optimum</b></p> <p>Setiap peralatan yang diterima perlu digunakan mengikut fungsi dan tujuan sebenar peralatan tersebut dibeli. Peralatan tersebut hendaklah digunakan secara optimum dan sebaik mungkin bagi mendapat <i>value for money</i>. Lawatan Audit di Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan pada 9 Disember 2015 mendapati 3 peralatan perubatan bernilai RM1.76 juta tidak digunakan secara optimum antara 461 sehingga 645 hari daripada tarikh penerimaan peralatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak digunakan secara optimum boleh menyebabkan pembaziran.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 22 Mac 2016</p> <p><i>UMS telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2010 berkenaan Garis Panduan Pengurusan Aset Alih Universiti Malaysia Sabah dan telah dipanjangkan kepada semua PTJ bagi memastikan pengurusan aset alih dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Tatacara pengurusan aset alih termasuklah penggunaan aset adalah diterangkan dengan jelas melalui garis panduan ini.</i></p> <p><i>Peralatan tersebut merupakan peralatan yang dibeli bagi tujuan penyelidikan. Penggunaan peralatan penyelidikan adalah berbeza dengan penggunaan peralatan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti penyelidikan</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.4.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>melibatkan prosedur yang berbeza bermula daripada pengumpulan data sehinggalah kepada produk akhir dan bergantung kepada tajuk penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik.</i></p> <p><i>Perancangan penggunaan peralatan tersebut adalah seperti berikut:</i></p> <p><i>i. Arthroscope For Ankle And Wrist Joint Complete With Ankle Distractor</i></p> <p><i>Peralatan berkenaan telah digunakan bagi pengajaran dan pembelajaran modul pelajar tahun 4 dan 5 yang lebih kepada praktikal klinikal bermula pada bermula 8 Februari 2015 untuk persediaan kepada posting ortopedik. UMS juga telah menjalin usaha sama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dalam menganjurkan Borneo Arthroscopy Scientific Course pada 18 sehingga 20 Disember 2015.</i></p> <p><i>Peralatan berkenaan juga dirancang untuk penggunaan di dalam bengkel-bengkel anjuran Jabatan Surgikal, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan. Bengkel bersama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah juga dirancang bagi modul-modul Arthroscopy untuk diperluaskan kepada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan.</i></p> <p><i>ii. Gene Sequencer (DNA)</i></p> <p><i>Peralatan akan digunakan untuk meningkatkan jumlah penyelidikan di peringkat fakulti serta mengurangkan kadar peratusan dan kos untuk para penyelidik menghantar sampel untuk dianalisis kepada pihak luar. Ia juga akan digunakan bagi melatih pelajar pasca siswazah bagi modul Gene Sequencing terutamanya kepada pelajar yang menjalankan pengajian secara penyelidikan. Selain itu, ia akan digunakan di dalam kajian penyelidikan di bawah Jabatan Patobiologi Dan Diagnostik Perubatan untuk projek Norovirus Identification yang pada ketika ini sedang dalam proses permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental. Bagaimanapun, ia belum digunakan kerana permohonan geran tersebut belum diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.</i></p> <p><i>iii. Multi Gas Detector</i></p> <p><i>Peralatan ini digunakan bagi projek penyelidikan yang memerlukan field analysis untuk partikel habuk dan gas formaldehyde di bawah Jabatan Perubatan Komuniti, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Perancangan penggunaan juga akan diperluaskan kepada pelajar pra siswazah untuk modul Occupational Health And Safety dan guna sama untuk pelajar pra siswazah di Fakulti Sains Dan Sumber Alam yang menggunakan peralatan berkenaan. Peralatan ini telah mula digunakan pada 18 Februari 2016 oleh pelajar pasca siswazah Master in Public Health, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan.</i></p>	
<p><b>4.4.5.2</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati UMS telah mewujudkan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan perolehannya. Pemantauan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti, Jawatankuasa Pengurusan Perolehan dan mesyuarat tapak yang bermesyuarat secara berkala dan teratur serta membincangkan mengenai laporan perolehan, status pelaksanaan perolehan dan pengurusan aset. Bagaimanapun, pemantauan yang dijalankan melalui mesyuarat tersebut kurang berkesan kerana masih terdapat kelemahan dalam proses perolehan serta projek pembinaan tidak disiapkan mengikut tempoh ditetapkan. Minit mesyuarat tapak bagi pembinaan stor senjata serta naik taraf dan pembaikan bangunan PALAPES sedia ada juga tidak direkodkan dengan teratur menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan Arahan Perubahan Kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah berdasarkan arahan daripada pengurusan UMS dalam mesyuarat tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan pengurusan perolehan telah diwujudkan untuk memantau setiap perolehan yang dilaksanakan. Bagaimanapun, pemantauan perlu ditingkatkan kerana masih terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan seperti pecah kecil perolehan, projek lewat disiapkan dan peralatan tidak digunakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>UMS memandang serius saranan daripada pihak Audit untuk mempertingkatkan lagi pemantauan pengurusan perolehan dengan mengemas kini Carta Organisasi Sektor Pengurusan Perolehan di mana fungsi bagi kontrak dan pemantauan perolehan akan dipantau dan diselia oleh Timbalan Bendahari, Sektor Pengurusan Perolehan. Dengan ini keputusan segera dapat dibuat bagi aset yang tidak digunakan atau pembekalan yang telah melebihi tempoh kontrak.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.5.2</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Selain itu, Mesyuarat Penyelaras antara Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan serta Jabatan Bendahari yang dijadualkan secara sukuan dijangka dapat menyelesaikan beberapa isu yang berlaku sebelum ini seperti kelewatan kontrak kerja ditandatangani, projek lewat disiapkan dan minit mesyuarat tapak.</p>	
<p><b>4.4.6.1.b</b></p>	<p><b>Susulan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Dan Perkhidmatan Sistem Mekanikal Dan Elektrikal Seperti Dilaporkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 1</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 4 sampel baucar bayaran penyenggaraan <i>Building Automation System</i> (BAS) bagi Fasa 2 mendapati tiada bayaran dilakukan bagi penyenggaraan operasi bulanan tetapi bayaran bulanan berjumlah RM48,000 bagi PPM telah dibuat.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 4.4.6.4</p>
<p><b>4.4.6.2</b></p>	<p>Susulan Audit yang dijalankan mendapati tiada sebarang tindakan dibuat oleh UMS bagi mengemaskini data dalam sistem CMMS. Bagaimanapun, sistem CMMS masih digunakan untuk tujuan menjana <i>work order</i> bagi kerja <i>Planned Preventive Maintenance</i> (PPM) sahaja. Sebarang perubahan kuantiti aset dalam sistem CMMS diselaraskan secara manual yang mana proses pembatalan dibuat bagi item PPM yang tiada di tapak dan pendaftaran PPM dibuat bagi item yang baharu ditambah ke dalam kontrak.</p>	
<p><b>4.4.6.3</b></p>	<p>Susulan Audit terhadap 8 baucar bayaran tahun 2015 bagi Fasa 2A mendapati terdapat BAS yang tidak beroperasi di beberapa bangunan dan tidak dibaiki oleh pihak UMS. Bagaimanapun, tiada sebarang bayaran penyenggaraan dibuat.</p>	
<p><b>4.4.6.4</b></p>	<p>Susulan lanjut mendapati pihak kontraktor telah mengemukakan tuntutan melalui <i>Construction Industry Payment And Adjudication Act 2012</i> (CIPAA 2012). Tuntutan telah dikemukakan kepada <i>Kuala Lumpur Regional Centre For Arbitration</i> (KLRCA) pada 6 Ogos 2015. Pihak kontraktor telah menuntut sejumlah RM12.93 juta bagi amaun potongan selain yang dipersetujui seperti <i>Service Level Agreement</i> (SLA), kekurangan bayaran, amaun yang tidak dibayar dan sebarang perbezaan daripada nilai kontrak bagi pembayaran interim bulanan bermula dari bulan Ogos 2007 sehingga Julai 2014 (84 bulan). Pihak kontraktor mendakwa layak menuntut amaun tersebut kerana tuntutan interim bulanan yang dibuat adalah berdasarkan Senarai Kuantiti yang terkandung dalam kontrak. Kontraktor juga mendakwa kontrak tersebut adalah bersifat <i>Lump Sum</i> dan tidak berdasarkan kuantiti. Bagaimanapun, pada 18</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Februari 2016 tuntutan ini telah ditolak. Pihak kontraktor juga perlu membayar sejumlah RM91,800 kepada UMS dalam masa 14 hari bagi menanggung kos yang terlibat.</p> <p>Pada pendapat Audit, CMMS dan BAS yang tidak digunakan secara optimum akan menyebabkan pembaziran.</p> <p>Maklum Balas Daripada UMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>UMS memaklumkan data aset dalam sistem CMMS tidak dikemas kini disebabkan UMS dalam proses peralihan kepada Total Asset Management System (TAMS) bermula pada tahun 2014. Sistem TAMS ini disenggara sepenuhnya oleh Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi UMS. Bagaimanapun, sistem CMMS masih digunakan untuk menjana work order bagi kerja PPM sahaja.</i></p> <p><i>UMS telah membuat penambahbaikan ke atas kontrak yang baharu iaitu tiada pecahan skop PPM dan operasi. Oleh itu, pemotongan sepenuhnya akan dibuat bagi sistem BAS yang tidak beroperasi. Pihak UMS mendapati kos pembaikan bagi BAS sangat tinggi dengan anggaran kos pembaikan RM850,000 dan berpendapat bahawa pembaikan sistem ini tidak memberi impak yang besar ke atas operasi bangunan. Sekiranya pembaikan ini diteruskan, pihak UMS akan menanggung kos penyenggaraan berkala bagi memastikan ia berfungsi pada tahap optimum. Fungsi kawalan dan pemantauan bagi sistem BAS yang rosak masih boleh dibuat secara manual.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**Perenggan 5 : Pengurusan Perolehan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>5.4.1.1.a.i</b>	<p><b>Prestasi Pengurusan Perolehan - Perolehan Pembelian Terus Yang Tidak Mengikut Tatacara - Pesanan Tempatan Tidak Dikeluarkan</b></p> <p>Mengikut Perenggan 3.2 Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 9 Tahun 2014 menetapkan sekiranya nilai perolehan melebihi RM500 sehingga RM50,000 PTJ dikehendaki mengemukakan salinan borang kelulusan Pembelian Terus oleh Pengurus Bahagian, Pesanan Tempatan, Invois, Nota Penghantaran dan dokumen yang berkaitan. Sekiranya nilai perolehan tidak melebihi RM50,000 memadai dengan menyediakan Pesanan Tempatan sahaja bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara.</p>	<p>Pejabat Bendahari telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan mengeluarkan surat peringatan kepada pemohon dan Ketua PTJ yang berkaitan. Tindakan susulan juga telah dan akan dilaksanakan iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pengeluaran surat peringatan dan pemotongan gaji masih diteruskan sebagai langkah pencegahan. Berdasarkan kepada rekod sehingga Mei 2016, bilangan surat ketidakpatuhan adalah berkurangan dengan hanya ada satu surat sahaja berbanding tahun sebelumnya.</li> <li>b. Telah melaksanakan mesyuarat dan temu bual bersama dengan Ketua Pusat Tanggungjawab, pegawai terlibat serta semua staf yang menguruskan kewangan di PTJ. Tujuannya adalah untuk memberi khidmat nasihat serta mengenalpasti punca berlakunya ketidakpatuhan tersebut supaya ia boleh dielakkan dari berulang.</li> <li>c. Pejabat Bendahari sedang mengenalpasti kaedah terbaik untuk melaksanakan <i>centralized purchasing</i> secara berperingkat. Melalui kaedah ini proses perolehan akan diuruskan oleh Pejabat Bendahari dari segi pengeluaran Pesanan Tempatan, manakala PTJ diberi kuasa untuk menyediakan spesifikasi teknikal sahaja. Kaedah ini diharap akan dapat mengatasi isu ketiadaan atau kelewatan pengeluaran Pesanan Tempatan serta isu-isu berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap prosedur perolehan. Dijangkakan kaedah ini akan dapat dilaksanakan dalam suku ke tiga 2016 dengan 3 PTJ dahulu.</li> <li>d. Melaksanakan Bengkel berkaitan dengan pengurusan kewangan meliputi skop yang dilaksanakan oleh PTJ iaitu perolehan, pembayaran dan aset/inventori kepada staf pentadbiran yang menguruskan kewangan di PTJ (N17/N27/N41/N44/N48/N52) dalam bulan Mei 2016. Bengkel ini akan</li> </ol>
<b>5.4.1.1.a.ii</b>	<p>Semakan Audit mendapati pesanan tempatan bagi 28 perolehan secara pembelian terus dari tahun 2013 sehingga 2015 berjumlah RM136,637 di 20 PTJ tidak dikeluarkan.</p>	
<b>5.4.1.1.b.i</b>	<p><b>Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Program Dilaksanakan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Pesanan Tempatan bagi 5 daripada 47 sampel perolehan secara pembelian terus berjumlah RM49,698 untuk perkhidmatan katering dan percetakan yang dibuat oleh Pusat Pembangunan Dan Pengembangan Pelajar dikeluarkan selepas program dilaksanakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pesanan Tempatan yang dikeluarkan selepas perolehan dibuat boleh menyebabkan perbelanjaan lewat diambil kira dalam sistem SAGA dan boleh mengakibatkan perbelanjaan melebihi peruntukan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>UTHM telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan melaksanakan mesyuarat dan temu bual bersama dengan Pusat Tanggungjawab yang berkaitan selain daripada mengeluarkan surat peringatan kepada pemohon</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>bagi menangani kes ketidakpatuhan daripada terus berulang. Tindakan pemotongan gaji juga telah dilaksanakan kepada pegawai yang tidak mematuhi peraturan.</i></p>	<p>dijadikan sebagai aktiviti tahunan Pejabat Bendahari selain daripada sesi latihan/kursus kewangan yang dianjurkan bersama dengan Unit Latihan, Pejabat Pendaftar.</p> <p>e. Kursus atau latihan secara <i>hands-on</i> penyediaan spesifikasi teknikal dan tatacara perolehan khusus kepada pensyarah atau jurutera pengajar yang terlibat dengan proses perolehan bagi membolehkan mereka memahami peraturan perolehan dengan lebih berkesan. Kursus ini akan diadakan pada bulan Jun-Ogos mengambilkira tarikh cuti semester pelajar.</p>
<p><b>5.4.2.1.b</b></p>	<p><b>Kelemahan Pengurusan Kontrak - Kontrak Lewat Bekal, Bon Pelaksanaan dan Insurans Tidak Meliputi Tempoh Kontrak</b></p> <p>Pada 29 Ogos 2013, UTHM telah melantik Oricson Sdn. Berhad secara tender bagi kontrak <i>supply, delivery, installation, testing, commissioning and maintenance of notebooks by leasing</i> dengan kos sejumlah RM1.43 juta. Tempoh asal kontrak asal adalah dari 2 Januari 2014 sehingga 1 Januari 2017 bagi sewaan 420 unit komputer riba. Tempoh kontrak telah dipinda kepada 2 fasa iaitu Fasa 1 dari 1 Jun 2014 sehingga 31 Mei 2017 bagi sewaan 170 unit komputer riba dan Fasa 2 dari 1 September 2014 sehingga 31 Ogos 2017 bagi sewaan 250 unit komputer riba. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Bagi Fasa 1, pihak pembekal sepatutnya menghantar bekalan pada atau sebelum 1 Disember 2013 berdasarkan tarikh bekalan di Pesanan Tempatan. Bagaimanapun, pembekal menghantar bekalan pada 19 Mei 2014 dengan kelewatan selama 5 bulan. Bagi Fasa 2 pula, pihak pembekal sepatutnya menghantar bekalan pada 1 September 2014. Bagaimanapun, pembekal menghantar bekalan pada 29 September 2014 dengan kelewatan selama 28 hari. Tempoh kontrak telah dipinda disebabkan kelewatan penghantaran ini.</li> <li>ii. Bon pelaksanaan berjumlah RM11,887 tidak meliputi tempoh kontrak yang dipinda pada 31 Ogos 2017. Bon pelaksanaan ini hanya bagi tempoh 2 Januari 2014 sehingga 1 Januari 2017 mengikut kontrak asal.</li> <li>iii. Tempoh insurans hanya untuk tempoh setahun iaitu dari 12 Mei 2014 sehingga 11 Mei 2015 bagi Fasa 1 dan dari 29 September 2014 sehingga 28 September 2015 bagi Fasa 2.</li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pembekalan ini menyebabkan proses</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Bon Pelaksanaan bagi perolehan <i>supply, delivery, installation, testing, commissioning and maintenance of notebook by leasing</i> masih mempunyai tempoh sah laku sehingga 1 Januari 2017. Pihak Universiti telah mendapatkan Bon Pelaksanaan yang telah diperbaharui tempoh sah lakunya sehingga 30 September 2017 dan tempoh perlindungan insurans juga telah dilanjutkan bagi kesemua unit sehingga 01 Februari 2017.</li> <li>b. Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang, langkah penambahbaikan telah diambil dengan menyediakan buku rekod yang khusus bagi tujuan pemantauan insurans dan bon pelaksanaan. Rekod ini disemak dan dipantau secara bulanan oleh pegawai penyelia bagi membolehkan surat peringatan dikeluarkan kepada syarikat berkaitan 3 bulan sebelum tamat tempoh. Selain itu, perekodan dan pemantauan secara online juga akan dapat dilaksanakan pada bulan Jun 2016 dengan menggunakan sistem yang telah dibangunkan oleh PTM, dan digunakan oleh Bahagian Perundangan pada masa ini.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengajaran dan pembelajaran terganggu. Bon pelaksanaan dan insurans yang tidak meliputi tempoh jaminan boleh menyebabkan kepentingan UTHM tidak dilindungi.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 9 Mac 2016</p> <p><i>Selepas teguran Audit, pembekal telah memperbaharui tempoh sah laku bon sehingga 30 September 2017 dan tempoh insurans dilanjutkan sehingga 1 Februari 2017.</i></p>	
5.4.2.2.a	<p><b>Projek Dewan Serbaguna - Dewan Serbaguna Lewat Disiapkan</b></p> <p>i. UTHM telah merancang untuk membangunkan Dewan Serbaguna bersama-sama dengan kemudahan sampingan yang lain. Pada 7 September 2010, UTHM telah melantik Hamidah Fazilah Sdn. Berhad secara tender terbuka bagi membina DSI dengan kos sejumlah RM30.56 juta. Tarikh milik tapak adalah bermula dari 20 September 2010 dan dijangka siap pada 30 Mei 2011.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 30 Mei 2011. Semakan lanjut mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 30 Ogos 2012 dengan kelewatan selama 710 hari berbanding tempoh sepatutnya disiapkan selama 252 hari. Pihak kontraktor telah memohon 3 lanjutan masa (EOT) bagi menyiapkan projek tersebut dan 2 EOT diluluskan.</p>	<p>UTHM tidak terkurang dalam pengiraan LAD. Pengiraan jumlah LAD yang dikenakan kepada kontraktor oleh UTHM berjumlah RM747,300 merupakan jumlah LAD yang dikenakan sehingga 4 Mei 2012 iaitu pada tarikh penilaian dan bayaran interim no. 13. Jumlah hari adalah sebanyak 141 hari (12 Disember 2011 hingga 4 Mei 2012) iaitu tarikh penilaian tapak untuk interim no. 13. Baki LAD sebanyak RM620,100 akan dikenakan di dalam Perakuan Muktamad. Sijil Perakuan Muktamad dijangka dikeluarkan dalam bulan Jun 2016.</p>
5.4.2.2.b	<p><b>Liquidated And Ascertained Damages</b></p> <p>i. Mengikut klausa 45 syarat kontrak, Perakuan Kerja Tidak Siap perlu dikeluarkan dan kontraktor dikenakan <i>Liquidated And Ascertained Damages</i> (LAD) bagi tempoh kerja yang tidak dapat disiapkan sepenuhnya.</p> <p>ii. UTHM telah mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja kepada kontraktor dan LAD telah dikenakan sejumlah RM5,300 sehari bagi tempoh kerja yang tidak dapat disiapkan. Semakan Audit mendapati UTHM telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja pada 30 Ogos 2012 dan LAD sejumlah RM747,300 telah dikenakan kepada kontraktor.</p> <p>iii. Berdasarkan pengiraan Audit, LAD yang sepatutnya dikenakan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																						
	<p>berjumlah RM1.37 juta berbanding pengiraan UTHM sejumlah RM747,300. Oleh itu, UTHM belum mengenakan LAD sejumlah RM620,100.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>Pengiraan jumlah LAD yang dikenakan kepada kontraktor oleh UTHM berjumlah RM747,300 merupakan jumlah LAD yang dikenakan sehingga 4 Mei 2012 iaitu pada tarikh penilaian dan bayaran interim 13. Jumlah hari adalah sebanyak 141 hari (12 Disember 2011 hingga 4 Mei 2012) iaitu tarikh penilaian tapak untuk interim 13. Baki LAD akan dikenakan RM620,100 di dalam perakuan muktamad.</i></p>																							
5.4.2.2.c.i	<p><b>Peningkatan Kos Disebabkan Arahan Perubahan Kerja</b></p> <p>Kontraktor telah memohon 5 Arahan Perubahan Kerja yang bernilai RM7.45 juta. Bagaimanapun, UTHM hanya meluluskan 4 Arahan Perubahan Kerja yang bernilai RM7.03 juta menyebabkan peningkatan harga kontrak sebanyak 23% kepada RM37.58 juta.</p>	<p>a. Jumlah Perubahan Kerja (VO) yang dibayar oleh UTHM adalah sebagaimana peraturan oleh Kerajaan di mana UTHM hanya meluluskan 16% (RM 4.9 juta) bagi perubahan kerja. Manakala 7% (2.1 juta) adalah bagi kerja-kerja pengukuran semula. Rujuk jadual dibawah:-</p>																						
5.4.2.2.d.i	<p><b>Tuntutan Tambahan Daripada Pihak Kontraktor</b></p> <p>i. Selain daripada Arahan Perubahan Kerja, pihak kontraktor juga telah membuat tuntutan sejumlah RM10.92 juta terhadap kerja tambahan yang tidak diluluskan oleh UTHM.</p> <p>ii. Sehingga tarikh pengauditan pada 26 November 2015, pihak kontraktor masih lagi menuntut bayaran bagi kerja tambahan yang tidak diluluskan oleh UTHM sejumlah RM10.92 juta. Perkara ini telah dibawa kepada Jawatankuasa <i>Contract Coordination Panel</i> untuk diputuskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>Arahan Perubahan kerja bagi projek tersebut adalah jumlah pertambahan skop dan pengukuran semula. Kos pengukuran semula adalah sejumlah RM2,115,899 bagi Arahan Perubahan Kerja no. 2 dan 5 manakala yang lain adalah pertambahan skop kerja. UTHM sedang menunggu keputusan Jawatankuasa Contract Coordination Panel untuk tindakan seterusnya</i></p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 842 1317 954">Perihal</th> <th data-bbox="1317 842 1503 954">Keterangan Perubahan Kerja</th> <th data-bbox="1503 842 1626 954">Jumlah Tuntutan (Rm)</th> <th data-bbox="1626 842 1783 954">Jumlah Diluluskan (Rm)</th> <th data-bbox="1783 842 1939 954">Catatan</th> <th data-bbox="1939 842 2083 954">Jumlah Variation Order (V.O)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 954 1317 1289">APK 1</td> <td data-bbox="1317 954 1503 1289">Penukaran kemasan bumbung daripada 'Clean Colorbond @ XRW' kepada 'PVF2 Color'</td> <td data-bbox="1503 954 1626 1289">343,200.00</td> <td data-bbox="1626 954 1783 1289">-</td> <td data-bbox="1783 954 1939 1289">Tidak diluluskan. Kerana penukaran dibuat oleh pihak kontraktor dan bukan atas permintaan pihak UTHM</td> <td data-bbox="1939 954 2083 1289"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 1289 1317 1394"></td> <td data-bbox="1317 1289 1503 1394">VARIATION ORDER (V.O)</td> <td data-bbox="1503 1289 1626 1394"></td> <td data-bbox="1626 1289 1783 1394"></td> <td data-bbox="1783 1289 1939 1394"></td> <td data-bbox="1939 1289 2083 1394"></td> </tr> </tbody> </table>					Perihal	Keterangan Perubahan Kerja	Jumlah Tuntutan (Rm)	Jumlah Diluluskan (Rm)	Catatan	Jumlah Variation Order (V.O)	APK 1	Penukaran kemasan bumbung daripada 'Clean Colorbond @ XRW' kepada 'PVF2 Color'	343,200.00	-	Tidak diluluskan. Kerana penukaran dibuat oleh pihak kontraktor dan bukan atas permintaan pihak UTHM			VARIATION ORDER (V.O)				
Perihal	Keterangan Perubahan Kerja	Jumlah Tuntutan (Rm)	Jumlah Diluluskan (Rm)	Catatan	Jumlah Variation Order (V.O)																			
APK 1	Penukaran kemasan bumbung daripada 'Clean Colorbond @ XRW' kepada 'PVF2 Color'	343,200.00	-	Tidak diluluskan. Kerana penukaran dibuat oleh pihak kontraktor dan bukan atas permintaan pihak UTHM																				
	VARIATION ORDER (V.O)																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini					
	<p><i>diambil.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, projek pembinaan yang tidak dapat disiapkan mengikut tempoh perjanjian telah menjejaskan objektif pembinaan dewan tersebut dan menyebabkan UTHM menanggung kos projek sejumlah RM7.03 juta. Kelewatan penyediaan projek menunjukkan mekanisme pemantauan projek adalah lemah berdasarkan prestasi kemajuan projek dan kontraktor. Kelemahan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan UTHM terdedah kepada risiko kos tambahan sejumlah RM10.92 juta.</p>	APK 3	Perubahan kerja bagi <i>Information Communication Technology dan Audio Visuals System Works.</i>	2,29 3,69 2.00	2,293,6 92.00	Diluluskan pada 05.12.2011	RM 4,910,001.00 16% daripada kos projek
		APK 4	Pertambahan kerja bagi reka bentuk dalaman	2,61 6,30 9.00	2,616,3 09.00	Diluluskan pada 29.02.2012	
			<i>WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (Item Remeasurement)</i>				
		APK 2	Penambahan jalan masuk utama ke tapak bina sepanjang 50 meter	139, 155. 00	139,155 .00	Diluluskan pada 05.12.2011	RM 2,115,299.00 7% daripada kos projek
		APK 5	Penambahan perincian kerja bilik VIP, bilik Diraja, kerja elektrik	2,05 8,16 3.00	1,976,1 44.00	Diluluskan pada 29.02.2012	
			<b>Jumlah</b>	<b>7,10</b>	<b>7,025,3</b>	23%	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini					
			Keseluruhan Pertambahan Kos Projek	7,31 9.00	00.00	daripada kos projek	
5.4.2.3.c	<p><b>Kerja Tidak Mengikut Kontrak</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 4 baucar bayaran berjumlah RM62,800 mendapati kontraktor tidak melaksanakan kerja servis dan penyenggaraan seperti dalam kontrak dan tiada bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.</p>	<p>b. UTHM akan menambahbaik proses kerja di mana dua minit berbeza akan disediakan untuk Perubahan Kerja dan Pengukuran Semula walaupun diadakan dalam tempoh mesyuarat yang sama. Ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap keputusan mesyuarat.</p> <p>c. UTHM juga masih menunggu keputusan daripada Jawatankuasa <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP) yang dipengerusikan oleh KSU, KPT sebelum sebarang keputusan pembayaran boleh dibuat terhadap tuntutan oleh syarikat.</p>					
5.4.2.3.d	<p>Pihak Audit dimaklumkan kontraktor tidak dapat menjalankan kerja servis dan penyenggaraan seperti dalam kontrak disebabkan oleh kekangan kakitangan dan bebanan kerja yang banyak. Tiada denda dikenakan kerana klausa denda bagi kerja yang tidak dilaksanakan tidak dinyatakan dalam kontrak. Semakan lanjut mendapati kontraktor SSBA Enterprise telah mempunyai 2 kontrak dengan UTHM bernilai RM2.14 juta bagi tempoh 1 September 2014 sehingga 31 Ogos 2016 sebelum pelantikan kontrak ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan berjadual yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor boleh menyebabkan risiko kerosakan terhadap sistem penyaman udara dan pengudaraan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>Penambahbaikan akan dilaksanakan dengan memasukkan klausa denda bagi item penyenggaraan yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor dilantik dalam kontrak baru yang dijangka pada bulan September 2016. Bagi kontrak sedia ada sememangnya tidak mempunyai item denda bagi kerja yang tidak</i></p>	<p>a. UTHM telah mengambil tindakan berikut terhadap kontraktor:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengeluarkan Surat Amaran sebanyak 8 kali</li> <li>ii. Tiada bayaran dibuat bagi servis yang tidak dibuat.</li> <li>iii. UTHM juga telah mengeluarkan sebutharga bagi kerja '<i>corrective</i>' yang gagal dilaksanakan oleh kontraktor.</li> <li>iv. UTHM juga telah mengambil tindakan menamatkan kontrak bagi kontrak SSBA untuk Zon Blok G.</li> <li>v. Surat Amaran Penamatan bagi dua lagi kontrak juga telah dikeluarkan sekiranya kerja servis tidak mencapai tahap prestasi kemajuan kerja servis sebanyak 80% yang dipantau setiap bulan selama 3 bulan iaitu sehingga 15 Jun 2016. Kegagalan syarikat mencapai tahap prestasi 80% pada bulan pertama atau seterusnya, kontrak sedia ada akan ditamatkan serta merta. Sehingga 15 April 2016, kerja-kerja servis bagi dua kontrak tersebut mencapai prestasi yang ditetapkan.</li> </ul> <p>b. UTHM telah membuat penambahbaikan terhadap dokumen spesifikasi teknikal yang telah diiklankan dan juga dalam dokumen kontrak penyenggaraan di mana kluasa denda telah diambil kira mengikut jenis-</p>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>dilaksanakan kerana UTHM tiada masalah bagi kontrak sebelum ini.</i>	jenis kerja yang tidak dilaksanakan.
<p><b>5.4.3.1.b</b></p>	<p><b>Perolehan Lear Jet 24 Series Serviceable Aircraft-13599</b></p> <p>Lawatan fizikal Audit pada 9 September 2015 dan 20 Oktober 2015 mendapati lokasi penyimpanan <i>aircraft</i> tidak sesuai dan tidak memenuhi ciri-ciri keselamatan. Kawasan parkir bas yang telah diubah suai dijadikan sebagai hangar tempat penyimpanan <i>aircraft</i> tersebut. Mengikut perancangan asal, <i>aircraft</i> tersebut akan ditempatkan di kawasan Tanjung Laboh yang meliputi landasan dan tempat penyimpanan. Bagaimanapun, perolehan pembinaan landasan tersebut tidak dapat diteruskan kerana kekangan bajet.</p> <p>Pada pendapat Audit, hangar penyimpanan <i>aircraft</i> yang tidak sesuai dan tidak memenuhi ciri-ciri keselamatan boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>Hangar penyimpanan aircraft yang digunakan adalah bersifat sementara sebelum hangar sebenar dibina yang sepatutnya mendapat peruntukan daripada Kerajaan walaupun kelulusan Jemaah Menteri telah diputuskan pada tahun 2013.</i></p>	<p>a. Proses perolehan telah dilaksanakan bagi ubahsuai parkir bas kepada hangar penyimpanan <i>Learjet</i> yang lebih kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran di mana dokumen tender telah diiklankan pada 26 April 2016 dan kerja-kerja ditapak dijangka dapat dilaksanakan mulai Ogos 2016, dan dijangka selesai pada Disember 2016. Projek ini melibatkan penambahbaikan kawasan saliran di sekitar kawasan penyimpanan <i>Learjet</i> termasuk kerja-kerja meningkatkan mutu keselesaan dan keselamatan ruang penyimpanan.</p> <p>b. Permohonan peruntukan pembangunan untuk projek Pusat Aeronautik di Tanjung Laboh juga telah mendapat perakuan dan sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi dan pada masa ini sedang dalam pertimbangan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU). Pembentangan kepada pihak EPU telah dibuat pada 18 hingga 19 April 2016.</p>
<p><b>5.4.3.2.b</b></p>	<p><b>Projek Pusat Latihan Staf dan Pusat Kegiatan Pelajar Gagal Disiapkan Mengikut Tempoh</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kontraktor gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 22 November 2014. Sehingga tarikh pengauditan pada 21 Oktober 2015, kemajuan kerja adalah setakat 82.7% dan bayaran sejumlah RM6.71 juta atau 56.7% telah dibuat. Semakan lanjut mendapati pihak kontraktor telah memohon 3 lanjutan masa (EOT) bagi menyiapkan projek tersebut kepada UTHM.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kontraktor adalah tidak memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan walaupun telah diluluskan EOT sebanyak 3 kali. UTHM perlu memantau kemajuan projek dengan lebih cekap dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kontraktor yang gagal menunjukkan prestasi yang baik supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	<p>a. Bahagian Pembangunan telah melaksanakan projek mengikut prosedur kerja yang ditetapkan. Lanjutan Masa (EOT) ditapak adalah disebabkan kerja-kerja luar jangka yang melibatkan kelulusan daripada agensi-agensi yang berkaitan. Pihak UTHM mengambil perhatian terhadap teguran ini dan penambahbaikan proses kerja akan dilaksanakan memandangkan projek ini merupakan projek pertama UTHM di luar daripada kawasan kampus. Penambahbaikan proses pemantauan kerja ditapak telah disediakan dalam Draf Manual Prosedur Kerja.</p> <p>b. <i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i> telah dikeluarkan oleh pihak UTHM pada 20 April 2016. Bayaran Perakuan Muktamad akan mengambilkira LAD dari tarikh 3 Mac 2016 sehingga 20 April 2016, di mana proses bayaran ini hanya akan dibuat selepas tamat tempoh kecacatan pada 19 April 2017.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016 Dan 9 Mac 2016</p> <p><i>Bahagian Pembangunan mengambil perhatian ke atas perkara ini dan akan memastikan projek ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan projek ini disiapkan. Kontraktor dalam proses permohonan EOT no.4.</i></p>	
<p><b>5.4.4.1.b</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset/Peralatan - Peralatan Yang Rosak dan Tidak Diguna Secara Optimum</b></p> <p>Semakan Audit mendapati bekalan/peralatan yang tidak dapat digunakan secara optimum dan rosak kerana tiada alat ganti adalah berjumlah RM1.88 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak digunakan secara optimum menyebabkan pembaziran dan peralatan menjadi usang.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>Peralatan bagi gambar 5.7 dan 5.13 telah disenggara oleh PTJ pada akhir tahun 2015 dengan kos perbelanjaan sejumlah RM17,761. Sementara penyenggaraan peralatan gambar 5.6, 5.8, 5.11, 5.12, dan 5.14 akan dilaksanakan pada tahun 2016 dengan anggaran kos sejumlah RM78,830. Anggaran ini telah diambilkira oleh PTJ dalam anggaran bajet tahun 2016. Peralatan bagi gambar 5.9, 5.10 dan 5.15 akan dilupuskan oleh PTJ kerana ketiadaan alat ganti. Makluman untuk penyenggaraan semua peralatan telah diberikan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti.</i></p>	<p>a. Pejabat Bendahari telah mengambil tindakan dengan memberikan surat peringatan kepada PTJ yang terlibat untuk membuat penyelenggaraan atau pelupusan bagi aset yang rosak dan tidak digunakan secara optimum.</p> <p>b. Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan dan Kehilangan Bil. 1/2016 yang bersidang pada 2hb Mei 2016 telah membuat keputusan untuk melupuskan peralatan seperti dalam gambar bernombor 5.9, 5.10 dan 5.15 yang rosak dan tidak ekonomi dibaiki.</p> <p>c. Dokumen spesifikasi bagi penyelenggaraan peralatan seperti dalam gambar bernombor 5.6, 5.8, 5.11, 5.12 dan 5.14 telah disediakan dan proses perolehan dijangka selesai dalam bulan Jun 2016.</p>
<p><b>5.4.4.2.a.ii</b></p>	<p><b>Tatacara Pelupusan Yang Tidak Dipatuhi - Kelewatan Tindakan Pelupusan</b></p> <p>Lawatan Audit pada 20 Oktober 2015 di Stor Pelupusan mendapati peralatan yang hendak dilupus masih belum diambil tindakan pelupusan. Selain itu, PTJ juga tidak membuat permohonan pelupusan terhadap peralatan yang telah rosak dan tidak boleh digunakan serta ditempatkan di kawasan yang tidak sesuai seperti laluan pejalan kaki. Terdapat juga peralatan yang masih dalam proses pelupusan masih digunakan.</p>	<p>a. Pejabat Bendahari telah mengambil tindakan dengan memberikan surat peringatan kepada PTJ yang terlibat untuk membuat pelupusan bagi aset yang rosak.</p> <p>b. Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan dan Kehilangan Bil. 1/2016 yang bersidang pada 2hb Mei 2016 telah membuat keputusan untuk melupuskan peralatan yang rosak dan tidak ekonomi dibaiki setelah disahkan oleh</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tindakan pelupusan yang tidak dibuat terhadap peralatan rosak dan tidak ekonomi dibaiki menyebabkan ruang stor dan makmal terhad dan tidak teratur.</p> <p>Maklum Balas Daripada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>PTJ telah diberi tempoh sehingga akhir suku pertama tahun 2016 untuk menguruskan permohonan pelupusan aset yang telah rosak dengan segera. Permohonan ini akan segera dimajukan kepada Jawatankuasa Pelupusan dan Kehilangan untuk tujuan kelulusan pelupusan di mana Mesyuarat diadakan setiap suku tahun.</i></p>	<p>Jawatankuasa Pemeriksa.</p>
<p><b>5.4.5.1</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan pengurusan perolehan adalah penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan seterusnya membolehkan tindakan diambil dengan kadar segera untuk menyelesaikannya.</p>	<p>Bagi menambahbaik proses pemantauan di peringkat Pejabat Bendahari, tindakan berikut telah dikenalpasti dan dilaksanakan secara berperingkat:-</p>
<p><b>5.4.5.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati pemantauan pengurusan perolehan ada dilaksanakan di peringkat Pejabat Bendahari dan Bahagian Perolehan serta menerusi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) manakala pengurusan aset ada dilaporkan di Jawatankuasa Pengurusan Aset Universiti. Unit Audit Dalam juga ada melaksanakan pengauditan berkaitan perolehan dan dilaporkan di dalam Jawatankuasa Audit.</p>	<p>a. Melaksanakan Bengkel berkaitan dengan pengurusan kewangan meliputi skop yang dilaksanakan oleh PTJ iaitu perolehan, pembayaran dan aset/inventori kepada staf pentadbiran yang menguruskan kewangan di PTJ (N17/N27/N41/N44/N48/N52) dalam bulan Mei 2016. Bengkel ini akan dijadikan sebagai aktiviti tahunan Pejabat Bendahari selain daripada sesi latihan/kursus kewangan yang dianjurkan bersama dengan Unit Latihan, Pejabat Pendaftaran.</p>
<p><b>5.4.5.3</b></p>	<p>Pejabat Bendahari juga melaksanakan pemantauan terhadap pengurusan perolehan dengan mengeluarkan surat peringatan kepada PTJ yang gagal mematuhi pengurusan kewangan yang ditetapkan.</p>	<p>b. Kursus atau latihan secara <i>hands-on</i> penyediaan spesifikasi teknikal dan tatacara perolehan khusus kepada pensyarah atau jurutera pengajar yang terlibat dengan proses perolehan bagi membolehkan mereka memahami peraturan perolehan dengan lebih berkesan. Kursus ini akan diadakan pada bulan Jun-Ogos mengambilkira tarikh cuti semester pelajar.</p>
<p><b>5.4.5.4</b></p>	<p>PTJ akan memberi surat tunjuk sebab kepada Bendahari untuk kelulusan pembayaran yang tidak dipatuhi. Sekiranya perkara ini berulang Pejabat Bendahari akan mengambil tindakan terhadap pegawai yang tidak mematuhi prosedur kewangan seperti meminta pegawai membayar sendiri perolehan yang dibuat atau surcaj.</p>	<p>c. <i>Roadshow</i> kewangan bersama-sama dengan pihak Pengurusan Tertinggi PTJ juga akan diteruskan bermula bulan Mei 2016 sehingga Ogos 2016. <i>Roadshow</i> ini telah diadakan sebelum ini pada tahun 2014 di mana pendekatannya lebih mengkhusus kepada isu-isu kewangan di PTJ yang terlibat, serta memberi peluang kepada pihak pengurusan PTJ mengemukakan sebarang pertanyaan kepada pegawai-pegawai di Pejabat Bendahari.</p>
<p><b>5.4.5.5</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati Pejabat Bendahari telah mengeluarkan 120 surat peringatan kepada PTJ yang gagal mematuhi pengurusan kewangan dari tahun 2013 sehingga 2015.</p>	<p>d. Sesi pemeriksaan mengejut juga telah dilaksanakan pada bulan Mac 2016</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh UTHM adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan pemantauan adalah kurang berkesan kerana terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan dan kelemahan pentadbiran kontrak. Tindakan yang tegas perlu diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhi tatacara perolehan.</p> <p>Maklum Balas Darpada UTHM Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>Penambahbaikan dari segi pelaksanaan terhadap pematuhan kepada tatacara perolehan Universiti akan terus dikuatkuasakan. Di samping itu, Pejabat Bendahari akan bekerjasama dengan Unit Integriti, Pejabat Pendaftar bagi mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pegawai yang tidak mematuhi tatacara perolehan.</i></p>	<p>dan tindakan susulan ke atas laporan pemeriksaan mengejut turut dilaksanakan pada Mei 2016 bagi memastikan semua teguran telah diambil tindakan oleh PTJ berkaitan.</p> <p>e. Selain itu, Buku Panduan Pengurusan Kewangan juga telah selesai dicetak dan telah diedarkan kepada semua staf di Pejabat Bendahari. Buku ini juga akan diedarkan kepada semua Ketua PTJ serta semua staf di UTHM dalam bulan Mei 2016 untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan proses kewangan</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

**Perenggan 6 : Pengurusan Pembinaan Dan Peralatan Pusat Rehabilitasi**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.2.1.b	<p><b>Prestasi Kewangan - Penahanan Bayaran Kemajuan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati daripada kos keseluruhan kontrak pembinaan sejumlah RM238 juta, PERKESO masih menahan bayaran kemajuan sejumlah RM3.90 juta kepada kontraktor kerana terdapat percanggahan antara pengguna dan perunding terhadap spesifikasi peralatan Kolam Hidroterapi dan <i>Musculoskeletal</i> bernilai RM4.98 juta. Semakan Audit juga mendapati peralatan perubatan iaitu Kolam Hidroterapi dan <i>Musculoskeletal</i> telah diterima pada 29 Januari 2015 dan 18 Julai 2014 serta telah diperakukan oleh perunding.</p>	<p>Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga yang terdiri daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan aktiviti siasatan terkini seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mesyuarat di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 10/4/2016</li> <li>2. Pemeriksaan fail dan dokumen pada 10 &amp; 18/4/2016 di Cawangan Pengurusan Hartanah Menara PERKESO</li> <li>3. Sesi temuduga dengan perunding pada 20/4/2016.</li> </ol>
6.4.2.1.c	<p>Semakan selanjutnya mendapati sehingga bulan Oktober 2015, kontraktor tidak dapat menyelesaikan baki bayaran sejumlah RM975,000 kepada subkontraktor walaupun telah melebihi 60 hari dari tarikh penerimaan sijil pentauliahan daripada perunding.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang telah dibekalkan dan diperakukan mengikut spesifikasi hendaklah dibayar bagi mengelakkan tindakan mahkamah diambil terhadap PERKESO.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Susulan daripada 'Exit Conference Pusat Rehabilitasi PERKESO' yang diadakan pada 5 Februari 2016, PERKESO telah mengarahkan satu Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga yang terdiri daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan menyelesaikan pertikaian antara PERKESO dengan perunding.</i></p> <p><i>Agensi-agensi tersebut telah bermesyuarat bagi menjelaskan dan memperincikan 'Term of Reference' antaranya adalah untuk pengesahan,</i></p>	<p>Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga sedang dalam proses mengumpul dan merumuskan siasatan dan memaklumkan akan mengeluarkan laporan mereka pada 5/5/2016.</p> <p>Laporan tersebut akan menjadi asas kepada status pembayaran terhadap peralatan terlibat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>validitasi spesifikasi, keselamatan dan fungsi perubatan.</i></p> <p><i>Pengarah JKPP Melaka telah mengadakan lawatan ke Pusat Rehabilitasi untuk memulakan proses siasatan dan satu mesyuarat khas telah diadakan di pejabat JKPP Melaka sebagai tindakan susulan iaitu melaksanakan semakan dokumen peralatan yang berkaitan.</i></p> <p><i>Pihak KKM dan JKR juga telah memulakan aktiviti siasatan mereka. Laporan agensi-agensi berkenaan ini akan dikemukakan kepada PERKESO pada 15 April 2016. Tindakan terhadap tuntutan pembayaran bagi peralatan berkenaan akan dibuat berdasarkan kepada laporan siasatan daripada pihak Ketiga tersebut.</i></p>	
6.4.3.1.a.i	<p><b>Pengurusan Kontrak - Pelantikan Kontraktor Utama - Kelewatan Menandatangani Kontrak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2007, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan daripada tarikh surat setuju terima. Pada 17 Julai 2011, Mesyuarat Lembaga Tender 'A', PERKESO telah bersetuju sebulat suara untuk melantik IJM Construction Sdn. Berhad sebagai kontraktor utama bagi projek pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO bernilai RM238 juta.</li> <li>• Semakan Audit mendapati surat setuju terima tender telah ditandatangani oleh kontraktor pada 19 Ogos 2011. Bagaimanapun kontrak hanya ditandatangani oleh pihak kontraktor pada 23 April 2012 dengan tempoh kelewatan selama 4 bulan.</li> </ul>	<p>PERKESO bagaimanapun telah mengambil maklum pandangan Audit Negara dan akan memastikan surat setuju terima dalam dokumen perjanjian dilengkapkan dengan ditandatangani oleh PERKESO.</p> <p>Dokumen perjanjian telah ditandatangani pada 23 April 2012 dan telah dimatikan setem pada 14 Mei 2012. Dengan itu dokumen tersebut telah lengkap dan sah.</p>
6.4.3.1.a.ii	<p><b>Dokumen Perjanjian Tidak Lengkap</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdasarkan peraturan Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, Surat Setuju Terima merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian. Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi. Ikatan kontrak dianggap wujud di antara kedua-dua pihak setelah Surat Setuju Terima ditandatangani dan dikembalikan oleh petender kepada Agensi seterusnya hendaklah ditandatangani oleh pegawai awam yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973).</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima telah ditandatangani oleh pihak kontraktor tetapi tidak lengkap di mana tiada tandatangan daripada pegawai PERKESO yang bertanggungjawab terhadap projek ini.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, dokumen perjanjian yang tidak lengkap boleh menjejaskan kepentingan PERKESO dan boleh menyebabkan tindakan tidak dapat diambil ke atas subkontraktor jika timbul pertikaian dalam tempoh sebelum dokumen kontrak ditandatangani.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Dokumen Kontrak (JKR 203A- Rev. 2007) telah pun ditandatangani dan lengkap dengan tarikh pada 23 April 2012. Perunding mengesahkan bahawa ia adalah teratur. Surat Setuju Terima (Fasal 2) hanya menjadi kontrak yang sah mengikat pihak berkontrak sehinggalah perjanjian kontrak ditandatangani. Jika ada tindakan mahkamah dalam tempoh lantikan sehingga tarikh kontrak ditandatangani, ia tidak akan menjejaskan hak dalam perjanjian.</i></p> <p><i>Ini mengesahkan bahawa tindakan mahkamah masih boleh diambil ke atas sub-kontraktor berdasarkan kepada kontrak yang telah ditandatangani.</i></p>	
<b>6.4.3.3.b</b>	<b>Pelantikan Subkontraktor Dinamakan</b> <p>Semakan Audit mendapati pelawaan tender bagi subkontraktor dinamakan lewat dibuat selama 236 hari bagi peralatan perubatan dan 116 hari bagi peralatan vokasional. PERKESO hanya menguruskan pelawaan tender bagi peralatan vokasional dan peralatan perubatan pada 27 November 2012. Bagaimanapun, pada 5 Mac 2013 Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' telah memutuskan pelawaan tender bagi peralatan perubatan perlu diadakan sekali lagi pada 25 Mac 2013 kerana terdapat penetapan jenama pada dokumen tender yang pertama.</p>	<p>PERKESO bagaimanapun telah mengambil maklum pandangan Audit Negara dan akan membuat perancangan dengan lebih teliti dalam persediaan untuk pemanggilan tender sub-kontraktor dinamakan dimasa akan datang. PERKESO juga akan memastikan surat setuju terima dalam dokumen perjanjian dilengkapkan dengan ditandatangani oleh PERKESO dalam penyediaan dokumen sub-kontrak dimasa akan datang.</p> <p>Tender untuk sub-kontraktor dinamakan untuk peralatan perubatan telah dtawarkan pada 12 Jun 2013. Dengan tempoh kontrak sehingga 26 Januari 2014.</p>
<b>6.4.3.3.c</b>	<p>Semakan selanjutnya mendapati pada 11 Jun 2013, VST Cemerlang Sdn. Berhad telah dilantik oleh Lembaga Perolehan 'A' PERKESO bagi tender membekal, memasang, mengujiterima dan mentauliah peralatan perubatan yang berkaitan untuk Pusat Rehabilitasi PERKESO dengan nilai kontrak sejumlah RM31.40 juta dalam tempoh 30 minggu bermula 1 Julai 2013 hingga 26 Januari 2014. Surat Setuju Terima telah ditandatangani pada 30 Julai 2013 manakala perjanjian sub kontrak antara IJM Construction Sdn. Berhad dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	VST Cemerlang Sdn. Berhad hanya ditandatangani pada 22 Ogos 2013.	
6.4.3.3.d	<p>Pada 31 Januari 2013, Mesyuarat Khas Lembaga Perolehan 'B' PERKESO telah bersetuju melantik Alirantek (M) Sdn. Berhad bagi tender membekal, memasang, mengujiterima dan mentauliah peralatan vokasional bagi Pusat Rehabilitasi PERKESO pada harga kontrak keseluruhan sejumlah RM5.59 juta bagi tempoh perkhidmatan selama 26 minggu bermula 11 Mac 2013 hingga 7 September 2013. Surat pelantikan telah dikeluarkan kepada Alirantek (M) Sdn. Berhad pada 7 Mac 2013. Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima adalah bertarikh 10 Julai 2013. Kontrak antara IJM Construction Sdn. Berhad dengan subkontraktor pula ditandatangani pada 2 Oktober 2013 selepas tamat tempoh kontrak pada 7 September 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, prosedur pelantikan tidak dibuat dengan teratur dan tindakan mahkamah tidak dapat diambil ke atas subkontraktor jika subkontraktor menarik diri dalam tempoh lantikan sehingga kontrak ditandatangani.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Kelewatan pelantikan sub kontraktor bagi peralatan perubatan kerana Lembaga Perolehan 'A' telah memutuskan supaya tender ini dipelawa semula. Pelawaan semula hanya dapat dilaksanakan pada 25 Mac 2013 setelah penambahbaikan pada spesifikasi seperti tidak menyatakan jenama pada tender berkenaan dan mewujudkan jawatankuasa spesifikasi yang dianggotai oleh PERKESO dan perunding.</i></p>	
6.4.4.1.b	<p><b>Pengurusan Projek Pembinaan - Lanjutan Masa</b></p> <p>Semakan Audit mendapati subkontraktor peralatan perubatan iaitu VST Cemerlang Sdn. Berhad telah menandatangani surat setuju terima pada 30 Julai 2013 dengan nilai kerja sejumlah RM31.40 juta bagi tempoh 30 minggu. Lanjutan masa pertama sehingga 26 Januari 2014 iaitu selama 142 hari telah diberi kepada IJM disebabkan PERKESO lewat melantik subkontraktor ini. Mengikut syarat kontrak antara PERKESO dan IJM, peralatan perubatan yang akan dibekalkan oleh subkontraktor hendaklah diteliti melalui proses dokumentasi <i>Technical Specifications Adherence</i> (TSA). Dokumentasi ini diperlukan bagi memastikan peralatan perubatan yang dibekalkan dan dipasang itu menepati spesifikasi seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Subkontraktor telah menyempurnakan dokumen TSA dan mengemukakannya</p>	<p>PERKESO bagaimanapun telah mengambil maklum pandangan Audit Negara dan akan membuat perancangan dengan lebih teliti dalam persediaan untuk pemanggilan tender sub-kontraktor dinamakan dimasa akan datang.</p> <p>Kesemua 29 peralatan tersebut telah dipasang dalam tempoh kontrak dan disahkan oleh perunding.</p> <p>Tender untuk sub-kontraktor dinamakan untuk peralatan perubatan telah dtawarkan pada 12 Jun 2013 dengan tempoh kontrak sehingga 26 Januari 2014</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kepada PERKESO pada awal September 2013 melalui perunding <i>medical equipment planner</i> iaitu Advance Pact Sdn. Berhad untuk diteliti, disahkan dan dikembalikan kepada pembekal sebelum pertengahan Oktober 2013.</p>	
<p><b>6.4.4.1.c</b></p>	<p>Bagaimanapun, daripada 697 peralatan perubatan, PERKESO tidak bersetuju dengan 29 peralatan perubatan dan meminta ia ditukarkan kepada peralatan yang lebih menepati kehendak PERKESO. Perunding <i>medical equipment planner</i> mengesahkan kesemua peralatan yang dibekalkan itu telah menepati spesifikasi yang ditetapkan. Perubahan peralatan perubatan pula akan meningkatkan kos melebihi kos keseluruhan projek Pusat Rehabilitasi ini. PERKESO memutuskan menerima peralatan perubatan tersebut dengan syarat dokumen TSA disemak dan disahkan oleh perunding. Bagaimanapun, selepas 5 bulan PERKESO masih tidak menerima peralatan yang dibekalkan. Sehubungan itu, IJM meminta lanjutan masa kedua selama 186 hari iaitu sehingga 31 Julai 2014 bagi menyiapkan projek ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan ini dapat dielakkan sekiranya PERKESO membuat lantikan subkontraktor lebih awal mengikut perancangan asal dan membuat keputusan segera terhadap 29 peralatan perubatan yang tidak dipersetujui.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Kelewatan pemanggilan tender adalah disebabkan tender bagi peralatan perubatan terpaksa dipelawa semula disebabkan Lembaga Perolehan 'A' mendapati beberapa jenama telah dinyatakan di dalam tender dokumen berkenaan. Tujuan perunding adalah bagi petender-petender mendapatkan gambaran spesifikasi peralatan yang sepatutnya ditawarkan.</i></p> <p><i>Pelawaan semula hanya dapat dilaksanakan pada 25 Mac 2013 setelah penambahbaikan pada spesifikasi seperti tidak menyatakan jenama pada tender berkenaan dan mewujudkan jawatankuasa spesifikasi yang dianggotai oleh PERKESO dan perunding.</i></p> <p><i>Pada 11 Jun 2013, Lembaga Perolehan 'A' sebulat suara telah bersetuju untuk menerima tawaran kontraktor yang berjaya.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>6.4.4.3.b</b></p>	<p><b>Tuntutan Kerugian Dan Perbelanjaan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati projek ini telah lewat disiapkan disebabkan kelewatan PERKESO melantik subkontraktor bagi peralatan vokasional dan peralatan perubatan selama 328 hari bersamaan dengan 2 lanjutan masa. Ini menyebabkan kontraktor menuntut sejumlah RM4.96 juta pada 7 November 2013 bagi anggaran perbelanjaan yang ditanggung dalam tempoh lanjutan masa iaitu dari September 2013 sehingga Julai 2014. Bagaimanapun sehingga kini, tuntutan tersebut belum dibayar oleh PERKESO kerana tuntutan ini masih dalam semakan pihak perunding.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan projek pembinaan Pusat Rehabilitasi PERKESO adalah kurang memuaskan kerana gagal dilaksanakan mengikut jadual menyebabkan PERKESO menanggung tuntutan kerugian dan perbelanjaan sejumlah RM4.96 juta.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Jumlah RM4.96 juta merupakan tuntutan daripada kontraktor. Setakat ini perunding telah mengemukakan penilaian tuntutan Loss &amp; Expense bernilai RM1.01 juta berbanding tuntutan asal kontraktor RM4.96 juta. PERKESO masih dalam proses menyemak pengesyoran perunding dan masih bercadang untuk pengurangan selanjutnya jika tiada kelayakan.</i></p>	<p>Jumlah RM4.96 juta merupakan tuntutan daripada kontraktor. Setakat ini perunding telah mengemukakan penilaian tuntutan <i>Loss &amp; Expense</i> bernilai RM1.01 juta berbanding tuntutan asal kontraktor RM4.96 juta. PERKESO masih dalam proses menyemak pengesyoran perunding dan masih bercadang untuk pengurangan selanjutnya jika tiada kelayakan.</p> <p>PERKESO telah meminta perunding jurukur bahan menyemak semula penilaian perunding yang mengesyorkan tuntutan <i>Loss &amp; expenses</i> pada RM1.01 juta berdasarkan kelayakan sebenar yang boleh dituntut dalam klausa 44 syarat-syarat kontrak.</p>
<p><b>6.4.5.1.1</b></p>	<p><b>Kualiti Pembinaan Tidak Memuaskan</b></p> <p>Semakan dan lawatan Audit ke Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 30 Oktober 2015 mendapati kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan.</p>	<p>PERKESO mengambil maklum ulasan Audit Negara berkaitan tiada laluan berbumbung ke Kafeteria dan berpendapat ianya tidak menjejaskan fungsi utama Pusat Rehabilitasi PERKESO (PRP). Bagaimanapun Perunding Arkitek telah diarahkan mengkaji semula keperluan laluan pejalan kaki ke Kafeteria dari segi aestetik dan kos serta kesesuaian dengan keadaan semasa. Rekabentuk akan dikemukakan untuk disemak secara teknikal sebelum dikemukakan kepada PRP untuk tujuan implementasi. Pelaksanaan akan dibuat bergantung kepada kemampuan kewangan PERKESO.</p>
<p><b>6.4.5.1.2</b></p>	<p><b>Reka Bentuk Yang Tidak Memenuhi Keperluan Pengguna</b></p> <p>Setiap reka bentuk bagi struktur pembinaan hendaklah praktikal dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 30 Oktober 2015 mendapati kerja pembinaan yang tidak praktikal, tidak sesuai dan tidak memenuhi keperluan pengguna.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Kontraktor telah melaksanakan pembinaan mengikut keperluan kontrak. Bagi</i></p>	<p>Perunding sedang mengkaji penambahbaikan di laluan ambulan yang sesuai dan akan mengemukakan cadangan pada pertengahan bulan Mei untuk pertimbangan PERKESO.</p> <p>Bangunan Kolam Hidroterapi sedang digunakan pada masa ini dan masih dalam</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>keselesaian laluan Kafeteria kakitangan dan pesakit Pusat Rehabilitasi, penambahbaikan terhadap laluan berkenaan akan dilaksanakan oleh PERKESO mengikut kemampuan kewangan PERKESO. Dijangka ianya akan dibuat pada tahun 2016.</i></p> <p><i>Perunding sivil &amp; struktur projek memaklumkan bahawa reka bentuk dan lokasi tiang utama adalah satu keperluan reka bentuk untuk menanggung pengagihan beban utama serta dapat meminimalkan saiz kerangka tiang tersebut dan kos dapat dikurangkan. Untuk tujuan keselamatan dan kemudahan keluar/masuk ambulan yang lebih efisien maka PERKESO akan membuat pindaan pada laluan berkenaan tanpa mengganggu struktur dan fasad asal rekabentuk bangunan tersebut mengikut kemampuan kewangan PERKESO.</i></p> <p><i>Masalah kelembapan akan diatasi apabila operasi sepenuhnya dibuat pada Kolam Hidroterapi dengan membuat pelarasan suhu penyaman udara dan akan mengadakan wall mounted ventilation system untuk menyedut kelembapan yang berlaku.</i></p>	<p>tempoh pemantauan yang mana penyelarasan suhu dan kelembapan masih berjalan. Setakat ini tiada masalah baru dilaporkan.</p>
<p><b>6.4.6.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Penyenggaraan Bangunan</b></p> <p>PERKESO telah melantik syarikat Global Facilities Management Sdn. Berhad (GFM) sebagai Pengurus Bangunan yang akan melaksanakan kerja pengurusan penyenggaraan bagi Pusat Rehabilitasi ini selama 3 tahun bermula dari 15 Mei 2014 hingga 14 Julai 2017 dengan kontrak bernilai RM16.11 juta. Skop kerja GFM atau Pengurus Bangunan adalah meliputi keseluruhan premis dan kemudahan Pusat Rehabilitasi PERKESO kecuali kawalan keselamatan dan peralatan di bengkel dobi.</p>	<p>Arahan kepada perunding telah dikeluarkan pada 6/4/2016 untuk mengambil tindakan kearah pembaikan lif berdasarkan klausa 48 syarat-syarat kontrak yang mana PERKESO akan memanggil pihak ketiga melaksanakan kerja tersebut. Sebut harga telah diterima dan pemakluman kepada kontraktor utama telah dibuat pada 4/4/2016 berkaitan niat tindakan kontraktual tersebut. Kos pembaikan akan dipotong dari akaun kontraktor utama.</p>
<p><b>6.4.6.2</b></p>	<p>Bahagian atas bangunan di Pusat Rehabilitasi PERKESO telah dipasang dan dilengkapi dengan konduktor kilat. Pemeriksaan Audit pada 30 Oktober 2015 mendapati sebahagian besar pita tembaga untuk konduktor kilat ini telah hilang akibat dicuri. Kegiatan mencuri pita tembaga konduktor kilat ini selalu berlaku kerana nilai tembaga yang tinggi di pasaran. Selain itu, disebabkan kurang pemantauan dan pemeriksaan berkala terhadap peralatan ini oleh pihak Pengurus Bangunan, kehilangan pita tembaga konduktor kilat ini tidak disedari oleh pengurus bangunan sehinggalah perkara ini diketengahkan oleh pihak Audit semasa lawatan audit dijalankan.</p>	<p>Terdapat 74 unit CCTV telah dipasang di Pusat Rehabilitasi PERKESO dan pada masa ini jumlah tersebut mencukupi bagi pemantauan oleh perkhidmatan keselamatan.</p> <p>Kajian akan dibuat dari masa kesemasa sekiranya perlu tambahan dimasa akan datang.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.6.3	<p>Pada 12 Ogos 2015 (berdasarkan laporan penyenggaraan GFM) Lif 1,2,4 dan 5 di bangunan <i>Medical Rehabilitation Block</i> (MRB) dan lif 1 dan 2 di blok asrama telah rosak dipanah kilat akibat daripada kehilangan pita tembaga konduktor kilat yang menyebabkan litar konduktor kilat ini tidak dapat berfungsi dengan sempurna.</p>	
6.4.6.4	<p>Semakan selanjutnya mendapati peralatan Robotik Gait Orthosis fisioterapi yang bernilai RM2.4 juta telah pun rosak serta tidak dapat digunakan sejak 30 September 2015 kerana tiada penyenggaraan dan kalibrasi oleh pihak pembekal. Ini merupakan satu kerugian dan pembaziran kerana pesakit tidak mendapat manfaat daripada peralatan tersebut. Selain itu, pintu automatik di lobi bangunan pentadbiran telah rosak dan tidak dapat digunakan sejak Oktober 2015 kerana tiada penyenggaraan dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pihak pengurus bangunan perlu memastikan kawalan yang ketat terhadap laluan masuk ke kawasan tertentu dan memastikan individu yang dibenarkan sahaja memasuki kawasan tersebut. Pemantauan yang lebih kerap dan berterusan terhadap fasiliti yang disediakan perlu dilakukan bagi memastikan setiap kerosakan, kehilangan dan isu kualiti kebersihan diambil tindakan segera.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Pihak Pusat Rehabilitasi telah memperketatkan prosedur kawalan keselamatan seperti memeriksa semua kenderaan sewaktu keluar/masuk. Kawalan CCTV telah disediakan di Pusat Rehabilitasi. Pengurusan Pusat Rehabilitasi telah mengarahkan pihak Perkhidmatan Keselamatan untuk sentiasa membuat pemantuan melalui CCTV berkenaan. Pernambahan kepada bilangan CCTV sediaada akan dilaksanakan jika perlu supaya tahap keselamatan adalah optimum.</i></p> <p><i>Peralatan Robotik Gait Orthosis fisioterapi sudah dibaiki pada 15 November 2015. Copper tape telah siap diganti pada 5 Februari 2016. Kerja-kerja pembaikan lif akan dibuat dalam bulan April 2016 dan akan siap dalam bulan Mei 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.7.1.c	<p><b>Pengurusan Bangunan - Bangunan Allied Health Belum Disewa Sejak Siap Dibina Pada Julai 2014</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Oktober 2015, bangunan tersebut masih kosong dan belum disewakan kepada Masterskill walaupun perjanjian telah ditandatangani. Semakan selanjutnya mendapati pihak Masterskill telah memohon kepada PERKESO untuk mengurangkan bayaran sewa kepada RM0.70 sekaki persegi berbanding harga semasa pasaran. Pihak Masterskill berpendapat bangunan adalah terdiri dari bangunan kosong sahaja di mana Masterskill perlu membuat pengubahsuaian dan penambahan yang melibatkan kos yang tinggi. Pada 15 Mac 2015, PERKESO bersetuju untuk menyewakan bangunan tersebut pada nilai RM1.00 sekaki persegi sebulan. Mengikut perkiraan Audit dari tempoh siap bangunan pada 31 Julai 2014 sehingga tarikh lawatan Audit pada 30 Oktober 2015, anggaran kehilangan pendapatan sewa PERKESO sejumlah RM425,000 setahun.</p>	<p>Pusat Rehabilitasi PERKESO (PRP) masih belum menerima maklum balas dari AMU (dahulu dikenali sebagai <i>Masterskill</i>). MOU dengan mereka akan tamat tempoh pada 23/5/2016. PRP akan mendapatkan penyewa lain setelah tamat tempoh MOU tersebut.</p> <p>Bangunan yang disebut sebagai taska tidak direkabentuk dan mempunyai fasiliti TASKA kerana fungsi TASKA telah dikeluarkan sebelum pemanggilan tender untuk projek ini.</p> <p>Pusat Rehabilitasi PERKESO sudah mengenal pasti tempat yang lebih sesuai dengan fasiliti yang lengkap dan akan mengadakan TASKA apabila ada keperluan dimasa hadapan.</p>
6.4.7.2.b	<p><b>Bangunan Taska</b></p> <p>Sehingga Oktober 2015, semakan Audit mendapati bangunan taska tersebut masih kosong dan tidak digunakan. Pihak Audit juga mendapati bangunan yang dibina tidak mempunyai fasiliti yang bersesuaian untuk dijadikan taska kerana bangunan tersebut hanyalah ruang kosong yang tidak mempunyai bilik atau tandas.</p> <p>Pada pendapat Audit, semasa perancangan pembinaan bangunan, perunding gagal memastikan bangunan taska tersebut benar-benar memenuhi keperluan Pusat Rehabilitasi. Bangunan yang kosong dan masih tidak beroperasi merupakan kerugian kepada PERKESO di mana kos penyenggaraan akan ditanggung oleh PERKESO dan hasil sewaan dan manfaat tidak diperoleh.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Dua surat peringatan telah dihantar kepada AMU (Allied Medical University) untuk mendapatkan maklumat terkini, namun begitu tiada maklumbalas yang diperolehi. MOU bersama AMU (dahulunya Masterskill) akan tamat pada Bulan Mei 2016 dan tiada "tenancy agreement" ditandatangani. Pihak Pusat Rehabilitasi telah memulakan perbincangan dengan beberapa pihak yang berpotensi untuk menyewa bangunan ini. Pusat Rehabilitasi menjangkakan MOU bersama penyewa ini dapat dilaksanakan pada Julai 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Buat masa ini TASKA adalah tidak diperlukan memandangkan anggota Pusat Rehabilitasi menetap disekitar jarak 10-15 km dari Pusat Rehabilitasi dan menghantar anak-anak mereka di pusat asuhan persendirian di sekitar Melaka. Sekiranya terdapat keperluan masa hadapan maka, pihak Pusat Rehabilitasi akan merancang tempat yang bersesuaian. Pada masa ini bangunan yang disebut sebagai TASKA adalah digunakan sebagai pusat stor setempat bagi Pusat Rehabilitasi.</i></p>	
<p><b>6.4.8.1.c</b></p>	<p><b>Pengurusan Peralatan - Peralatan Tidak Digunakan Di Bengkel Latihan, Blok Vokasional</b></p> <p>Lawatan Audit pada 30 Oktober 2015 ke semua bengkel mendapati 3 bengkel latihan vokasional yang mempunyai peralatan yang lengkap dengan kos berjumlah RM4.24 juta masih belum digunakan antara 783 sehingga 963 hari dari tarikh penerimaan peralatan.</p>	<p>Mesyuarat dengan pihak Adtec dan ILP telah diadakan pada 19 April 2016 bagi mengoptimumkan penggunaan peralatan.</p> <p>Kerjasama dengan Giat MARA telah bermula semenjak 26 Februari 2016 disusuli dengan mesyuarat perbincangan guna sama peralatan vokasional pada 30 dan 31 Mac 2016.</p>
<p><b>6.4.8.1.d</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati tempoh jaminan terhadap peralatan di dalam bengkel latihan vokasional tersebut telah tamat pada 1 Ogos 2015 tetapi sehingga tarikh Audit dijalankan kesemua peralatan tersebut masih belum digunakan kerana belum ada peserta.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO tidak membuat perancangan yang teliti semasa perolehan peralatan berjumlah RM4.24 juta. Peralatan yang tidak digunakan boleh menyebabkan pembaziran dan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>Penyediaan peralatan di bengkel Vokasional telah dirancang dengan teliti berdasarkan fungsi dan kegunaan peralatan bagi memenuhi keperluan fizikal dan mental pesakit yang menjalani latihan vokasional. Pusat Rehabilitasi mempunyai pelatih vokasional yang kompeten untuk mengendalikan peralatan tersebut. Penggunaan peralatan di dalam bengkel adalah bergantung kepada jenis kes dan tahap hilang upaya pesakit.</i></p> <p><i>Perancangan strategik telah dibuat oleh Pusat Rehabilitasi dengan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang lain seperti Institut Latihan Perindustrian dan ADTEC untuk menggunakan peralatan yang disediakan bagi mengoptimumkan penggunaan peralatan-peralatan tersebut.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>Pihak Pusat Rehabilitasi akan mencari peluang dengan pusat latihan vokasional lain bagi mempertingkatkan potensi pembelajaran vokasional di Pusat Rehabilitasi.</i>	
6.4.8.2.a.i	<p><b>Peralatan Tangguh Pentauliahan - Adjustable Floor Hydrotherapy Walking Pool With Camera And Accessories (Kolam Hidroterapi)</b></p> <p>Pusat Rehabilitasi mempunyai peralatan Kolam Hidroterapi yang ditempatkan di blok Pusat Akuatik bagi kegunaan pesakit yang akan menjalani rawatan hidroterapi. Semakan Audit mendapati PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM3.9 juta bagi pembelian peralatan Kolam Hidroterapi ini. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan pihak Audit mendapati Kolam Hidroterapi ini masih belum digunakan dan tidak beroperasi walaupun peralatan sudah dipasang sepenuhnya pada 29 Januari 2015.</p>	<p>Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga yang terdiri daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan aktiviti siasatan terkini seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mesyuarat di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 10/4/2016</li> <li>2. Pemeriksaan fail dan dokumen pada 10 &amp; 18/4/2016 di Cawangan Pengurusan Hartanah di Menara PERKESO</li> <li>3. Sesi temuduga dengan perunding pada 20/4/2016.</li> </ol> <p>Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga sedang dalam proses mengumpul dan merumuskan siasatan dan memaklumkan akan mengeluarkan laporan mereka pada 5/5/2016.</p> <p>Laporan tersebut akan menjadi asas kepada status pembayaran terhadap peralatan terlibat.</p>
6.4.8.2.a.ii	<p>Berdasarkan laporan Pengujian dan Pentauliahan (P&amp;P) ke-4 yang telah dikeluarkan pada 16 Februari 2015, Kolam Hidroterapi ini tidak digunakan kerana Pengurusan Pusat Rehabilitasi tidak bersetuju dengan pemasangan peralatan Kolam Hidroterapi sehingga tindakan pengubahsuaian dan pembaikan dibuat oleh pihak perunding sebagaimana yang dikehendaki. Pengurusan Pusat Rehabilitasi berpendapat bahawa Kolam Hidroterapi tersebut tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tidak dapat berfungsi seperti mana yang dipersetujui semasa fasa perancangan projek. Selain itu, ujian penerimaan ini dikatakan gagal kerana tidak memenuhi keperluan terhadap ujian prestasi dan ujian keselamatan yang akan digunakan untuk rawatan terapi kepada pesakit.</p>	
6.4.8.2.a.iii	<p>Bagaimanapun, perunding yang bertanggungjawab menegaskan bahawa Kolam Hidroterapi tersebut sudah menepati spesifikasi dan dapat berfungsi seperti mana yang terkandung di dalam kontrak. Pihak perunding juga tidak akan melakukan pengubahsuaian dan penambahbaikan terhadap Kolam Hidroterapi tersebut seperti yang diminta oleh Pengurusan Pusat Rehabilitasi kerana ia tidak dinyatakan di dalam spesifikasi kontrak.</p>	
6.4.8.2.a.iv	<p>Semakan Audit mendapati pembayaran kepada kontraktor bagi pemasangan Kolam Hidroterapi ini telah dibuat secara berperingkat mengikut perakuan perunding dan syarat perjanjian.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.8.2.a.v	<p>Berdasarkan jadual di atas, pihak Audit mendapati baki pembayaran kepada kontraktor untuk peralatan Kolam Hidroterapi adalah berjumlah RM0.97 juta. Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati PERKESO telah membuat rasionalisasi dari keseluruhan harga kontrak dengan menahan pembayaran kepada kontraktor sejumlah RM3.90 juta. Ini kerana PERKESO beranggapan kontraktor masih gagal menyediakan Kolam Hidroterapi seperti yang dikehendaki oleh Pengurusan Pusat Rehabilitasi walaupun pihak perunding telah mengeluarkan sijil bahawa Kolam Hidroterapi telah mengikut spesifikasi kontrak dan selamat digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pertikaian antara PERKESO dan kontraktor menyebabkan kolam tidak digunakan walaupun siap dibina dan dilengkapi dengan peralatan. Pertikaian seharusnya diselesaikan dengan mendapat khidmat nasihat <i>arbitrator</i>.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>PERKESO telah memanggil 3 agensi Kerajaan iaitu JKR, KKM dan JKPP sebagai pihak ketiga bagi validasi spesifikasi untuk peralatan tersebut. Pemeriksaan sedang dijalankan. Agensi-agensi tersebut telah bermesyuarat bagi menjelaskan dan memperincikan 'Term of Reference' antaranya adalah untuk pengesahan, validiti spesifikasi, keselamatan dan fungsi perubatan.</i></p> <p><i>Pengarah JKPP Melaka telah mengadakan lawatan ke Pusat Rehabilitasi untuk memulakan proses siasatan dan satu mesyuarat khas telah diadakan di pejabat JKPP Melaka sebagai tindakan susulan iaitu melaksanakan semakan dokumen peralatan yang berkaitan.</i></p> <p><i>Pihak KKM dan JKR juga telah memulakan aktiviti siasatan mereka. Laporan agensi-agensi berkenaan ini akan dikemukakan kepada PERKESO pada 15 April 2016. Tindakan terhadap tuntutan pembayaran bagi peralatan berkenaan akan dibuat berdasarkan kepada laporan siasatan daripada pihak Ketiga tersebut.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.8.2.b.ii	<p><b><i>Musculoskeletal Treatment Devices</i></b></p> <p>Semakan Audit mendapati salah satu mesin <i>Musculoskeletal Treatment Device 3D-Cervical Dimension Rotation</i> iaitu item nombor 6 yang dibekalkan oleh pihak subkontraktor pada 18 Julai 2014 tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Semakan lanjut mendapati untuk menghasilkan pergerakan 3-D, <i>Musculoskeletal Treatment Devices</i> yang dibekalkan oleh subkontraktor ini memerlukan kombinasi 2 mesin iaitu "Module G140" untuk pergerakan <i>cervical lateral flexion</i> dan <i>flexion</i> manakala "Module G160" untuk pergerakan <i>cervical rotation</i>. Mengikut perunding, mesin yang dibekalkan tersebut adalah mengikut kajian dan teknologi semasa. Bagaimanapun, oleh kerana satu item ini tidak menepati spesifikasi kontrak, PERKESO telah menanggung pentauliahan dan menahan bayaran untuk keseluruhan 15 mesin.</p> <p>Pada pendapat Audit, peralatan yang tidak mengikut spesifikasi tidak harus diterima oleh PERKESO.</p> <p>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 16 Februari 2016</p> <p><i>PERKESO telah memanggil 3 agensi kerajaan iaitu JKR, KKM dan JKPP sebagai pihak ketiga bagi validasi spesifikasi untuk peralatan tersebut. Pemeriksaan sedang dijalankan. Agensi-agensi tersebut telah bermesyuarat bagi menjelaskan dan memperincikan 'Term of Reference' antaranya adalah untuk pengesahan, validiti spesifikasi, keselamatan dan fungsi perubatan.</i></p> <p><i>Pengarah JKPP Melaka telah mengadakan lawatan ke Pusat Rehabilitasi untuk memulakan proses siasatan dan satu mesyuarat khas telah diadakan di pejabat JKPP Melaka sebagai tindakan susulan iaitu melaksanakan semakan dokumen peralatan yang berkaitan.</i></p> <p><i>Pihak KKM dan JKR juga telah memulakan aktiviti siasatan mereka. Laporan agensi-agensi berkenaan ini akan dikemukakan kepada PERKESO pada 15 April 2016. Tindakan terhadap tuntutan pembayaran bagi peralatan berkenaan akan dibuat berdasarkan kepada laporan siasatan daripada pihak Ketiga tersebut.</i></p>	<p>Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga yang terdiri daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan aktiviti siasatan terkini seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mesyuarat di Pusat Rehabilitasi PERKESO pada 10/4/2016</li> <li>2. Pemeriksaan fail dan dokumen pada 10 &amp; 18/4/2016 di Cawangan Pengurusan Hartanah di Menara PERKESO</li> <li>3. Sesi temuduga dengan perunding pada 20/4/2016.</li> </ol> <p>Jawatankuasa Penilaian Pihak Ketiga sedang dalam proses mengumpul dan merumuskan siasatan dan memaklumkan akan mengeluarkan laporan mereka pada 5/5/2016.</p> <p>Laporan tersebut akan menjadi asas kepada status pembayaran terhadap peralatan terlibat.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Perenggan 7 : Pengurusan Sistem Maklumat Agihan Zakat**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4.a.i	<p><b>Prestasi Pelaksanaan SMAZ - Pelan Implementasi Projek Tidak Disediakan</b></p> <p>Pelan Implementasi Projek hendaklah diwujudkan sebagai amalan terbaik (<i>best practice</i>) bagi menentukan hala tuju dan tempoh pembangunan sistem. Ia juga bertujuan agar projek dapat disiapkan dalam masa yang ditentukan tanpa pembaziran masa, tenaga kerja, kemahiran dan kos.</p>	<p>Pada tahun 2016, semua projek pembangunan ICT yang akan dibangunkan akan dibuat Kertas Kajian Keperluan Pembangunan Sistem terlebih dahulu untuk dibentangkan di dalam mesyuarat JPICT.</p>
7.4.1.4.a.ii	<p>Semakan Audit mendapati MAIWP tidak menyediakan Pelan Implementasi Sistem ataupun Carta Perbatuan kerja pelaksanaan (<i>Gantt Chart</i>). Akibatnya tiada pengukuran dan tarikh jangkaan bagi menyiapkan kerja berperingkat.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pelan Implementasi Projek adalah penting untuk memastikan kerja-kerja pembangunan sistem dilaksanakan dengan lancar dan sistematik. Berdasarkan pelan ini, semua jenis tugas dapat dikenal pasti termasuk keperluan latihan kepada pengguna dan pegawai Bahagian Teknologi Maklumat.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>MAIWP mengambil maklum teguran Audit dan bermula pada tahun 2016, MAIWP telah mengambil tindakan menyediakan Pelan Implementasi Projek bagi projek SMAZ dan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh MAIWP.</i></p>	<p>Setelah mendapat kelulusan, Jawatakuasa Teknikal Projek dan Pasukan Projek akan dibentuk di mana ianya melibatkan bahagian pengguna. Carta Perbatuan kerja pelaksanaan (<i>Gantt Chart</i>) akan dibangunkan setelah mendapat persetujuan bersama pengguna.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4.b.ii	<p><b>Kawalan Capaian Logikal Yang Lemah</b></p> <p>Hasil semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam kawalan capaian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan pengenalan pengguna dan katalaluan perlu dilakukan oleh pegawai yang tidak terlibat secara langsung di dalam menggunakan SMAZ. Pihak Audit mendapati pegawai yang dilantik sebagai pentadbir sistem merupakan pegawai yang terlibat secara langsung dalam SMAZ.</li> <li>• Tiada surat pelantikan dikeluarkan secara rasmi kepada pegawai yang dilantik sebagai pentadbir sistem.</li> <li>• Sistem tidak mengehadkan capaian berdasarkan fungsi kerja pengguna. Semua pegawai boleh mengemas kini maklumat pada Modul Pemohon, Bantuan, Siasatan dan Perakuan.</li> <li>• Borang Permohonan Capaian ke atas sistem tidak disediakan tetapi permohonan hanya diterima melalui emel. Akibat dari ketiadaan Borang Permohonan, tiada pengesahan dan kelulusan secara formal terhadap permohonan tersebut sebelum proses mewujudkan, menghapus atau menamatkan capaian pengguna.</li> <li>• Katalaluan perlu direka oleh pentadbir sistem secara manual semasa proses mewujudkan pengenalan pengguna. Tiada kawalan had minimum dan maksimum serta spesifik karakter bagi pemilihan katalaluan. Saiz dan format katalaluan juga tidak ditetapkan seperti keperluan Arahan Teknologi Maklumat MAMPU.</li> <li>• Tiada <i>force change</i> katalaluan bagi <i>login</i> pertama dan kemas kini berkala.</li> <li>• ID Berkumpulan (<i>Group ID</i>) masih digunakan.</li> <li>• Sistem tidak mengehadkan atau menyekat capaian kepada 3 kali percubaan.</li> </ul>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.b.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4.b.iii	<p>Analisis Audit terhadap data bayaran bantuan mendapati transaksi bagi mewujudkan invois dan <i>posting</i> data bayaran ke SAGA dilaksanakan oleh ID yang sama, menggunakan <i>Group ID</i> dan tiada <i>ID</i> direkodkan dalam SMAZ. Ini menunjukkan tiada pengasingan tugas bagi penyediaan invois dan <i>posting</i> bayaran dalam SMAZ.</p> <p>Pada pendapat Audit, penetapan had capaian berdasarkan fungsi kerja pengguna adalah kritikal bagi mewujudkan kawalan keselamatan dan menjamin integriti data. Proses permohonan, penukaran dan pembatalan penyediaan ID Pengguna dan capaian kepada sistem kawalan dalaman yang penting bagi menjamin kebolehpercayaan data dalam sistem.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 4 Mac 2016</p> <p><i>MAIWP telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Bermula tahun 2016, setiap permohonan katalaluan hendaklah melalui Unit Pentadbiran, Baitulmal bagi mendapatkan capaian ke atas sistem SMAZ.</i></li> <li><i>ii. Surat lantikan telah dikeluarkan kepada pegawai yang dilantik sebagai pentadbir sistem.</i></li> <li><i>iii. Capaian ke atas sistem akan dihad mengikut fungsi kerja yang telah ditetapkan melalui penambahbaikan sistem SMAZ.</i></li> <li><i>iv. Borang capaian sistem hendaklah diisi oleh pengguna baru dan disokong oleh Ketua Unit skim bagi menentukan modul capaian yang dibenarkan. Kelulusan pewujudan ID dan proses penamatan ID akan diselia oleh Unit Pentadbiran, Baitulmal.</i></li> <li><i>v. Pengurusan katalaluan sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Had capaian hanya dibenarkan sebanyak 3 kali percubaan. Sekiranya percubaan melebihi 3 kali ianya akan disekat dan pengguna perlu merujuk kepada pentadbir sistem. Sistem menghadkan katalaluan sekurang-kurangnya 12 aksara dan disarankan kombinasi alphanumeric dan simbol. Force change katalaluan diwajibkan bagi login kali pertama dan kemas kini secara berkala setiap setahun sekali seperti dipersetujui di dalam</i></li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mesyuarat Pasukan Projek iSMAZ Bil. 1/2016.</i></p> <p><i>vi. ID Berkumpulan telah dihentikan capaian ke atas SMAZ pada 4 Februari 2016.</i></p>	
7.4.1.4.c.i	<p><b>Prestasi Modul Dalam Sistem Maklumat Agihan Zakat - Modul Pemohon</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap pemohon bantuan akan diberi nombor kod unik untuk mengenal pasti asnaf sebagai ketua keluarga. Dengan cara ini, setiap ahli keluarga seperti anak, isteri dan ibu bapa yang berada di bawah tanggungannya akan dapat dikesan untuk mengelakkan daripada berlakunya pertindihan permohonan.</li> <li>• Semakan Audit mendapati nombor unik yang digunakan bagi seseorang ketua keluarga adalah terikat dengan tarikh sistem menyebabkan hanya 1 input tanggungan sahaja boleh dikemas kini dalam satu hari. Akibatnya, pengguna sistem terpaksa menukar tarikh kebelakang (<i>backdated</i>) untuk membenarkan input ahli keluarga lain yang berada di bawah tanggungan beliau. Tarikh transaksi yang diwujudkan secara automatik dalam sistem tidak sepatutnya dikaitkan dengan mana-mana kod unik data asnaf kerana ia merupakan kawalan dalaman sistem.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, nombor kod kawalan sepatutnya tidak melibatkan tarikh transaksi kerana tarikh transaksi merupakan kawalan dalaman.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 4 Mac 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Hanya seorang pemohon boleh diwujudkan dalam satu ketua keluarga dan sistem membenarkan skim bantuan yang sama didaftarkan pada hari yang sama bagi penerima tanggungan yang berbeza. Struktur database telah diubah iaitu tarikh bantuan tidak dijadikan sebagai key. Dengan ini sistem membenarkan skim bantuan yang sama didaftarkan pada hari yang sama bagi penerima tanggungan yang berbeza.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.c.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4.c.ii	<p><b>Modul Bantuan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Berdasarkan polisi MAIWP, setiap pemohon bantuan hendaklah membuat pembaharuan bantuan kewangan bulanan 2 bulan sebelum tamat tempoh penerimaan bantuan yang terakhir.</li> <li>Semakan Audit mendapati sistem SMAZ tidak dibangunkan dengan kemudahan semakan secara automatik bayaran terakhir semasa maklumat permohonan baru atau perakuan dilaksanakan. Akibatnya, terdapat pembayaran bantuan kewangan bulanan yang bertindih iaitu penerima boleh menerima bayaran lebih dari sekali. Bagaimanapun, Bahagian Teknologi Maklumat MAIWP telah mengambil tindakan semakan manual setiap bulan untuk mengatasi masalah ini.</li> <li>Semakan Audit selanjutnya mendapati masih terdapat rekod terlebih bayar iaitu Bantuan Sewa Rumah berjumlah RM620 dan Bantuan Kewangan Bulanan berjumlah RM3,150 walaupun semakan manual dilaksanakan. Butiran lanjut mengikut skim adalah seperti berikut:</li> <li><b>Bantuan Sewa Rumah</b> Kadar Bantuan Sewa Rumah bulanan yang ditetapkan adalah maksimum RM500 bagi asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf. Analisis Audit mendapati bantuan bayaran sewa bulanan untuk asnaf yang sama dibayar dua kali kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi 5 bulan berturut-turut menyebabkan lebihan bayaran sejumlah RM620. Ini berpunca daripada perubahan pada rekod pemohon iaitu ketua keluarga yang telah dikemas kini.</li> <li><b>Bantuan Kewangan Bulanan</b> Kadar bantuan kewangan bulanan yang ditetapkan adalah antara RM200 sehingga RM700 sebulan bagi seorang asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf. Analisis Audit mendapati bayaran bertindih setiap bulan dibuat kepada seorang penerima bagi 9 bulan berturut-turut menyebabkan lebihan bayaran sejumlah RM3,150. Ini disebabkan perubahan pada rekod pemohon iaitu ketua keluarga yang dikemaskini dalam SMAZ.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, semakan secara automatik melalui sistem sangat</p>	<p>Pegawai Bahagian Baitulmal MAIWP telah mengadakan perjumpaan dengan akauntan DBKL pada 20 April 2016. DBKL dalam proses memulangkan semula wang bantuan bertindih kepada pihak MAIWP.</p> <p>Bahagian Baitulmal MAIWP telah mengambil tindakan untuk semua skim bantuan bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang sepertimana berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Unit kaunter dan unit skim menekankan proses kerja semakan penerima bantuan, tanggungan dan bantuan sedia ada sebelum menerima permohonan dan membuat perakuan bantuan.</li> <li>Bekerjasama dengan Bahagian Teknologi Maklumat MAIWP untuk mengeluarkan dan mengemaskini data kelulusan bantuan bertindih pada setiap bulan.</li> </ol> <p>Setiap bulan, senarai nama penerima bantuan yang bertindih akan disenaraikan untuk tindakan Bahagian Baitulmal MAIWP sebelum pembayaran dibuat kepada akaun penerima. Dengan ini, ia dapat mengelakkan daripada berlakunya pertindihan bayaran kepada penerima bantuan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>penting bagi mengatasi masalah permohonan bantuan yang bertindan seterusnya menyebabkan bayaran dibuat melebihi sekali. Sistem hendaklah memberi notifikasi dan menghentikan transaksi jika bayaran telah ditetapkan pada bulan berkenaan.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam reka bentuk penambahbaikan sistem SMAZ yang baru dan dijangka selesai pada Ogos 2016. Notifikasi akan dipaparkan sekiranya ada pertindihan tarikh bantuan yang baru dengan bantuan yang sedang berjalan. Selain itu, hanya satu pemohon yang boleh diwujudkan dalam satu ketua keluarga. Notifikasi akan dipaparkan sekiranya penerima bantuan telah berada di dalam tanggungan ketua keluarga yang berlainan.</i></p> <p><u><i>Bantuan Sewa Rumah Bertindan</i></u>  <i>Bahagian Baitulmal telah mengambil tindakan dan surat maklum balas dari pihak DBKL telah diterima melalui surat bertarikh 3 Mac 2016 yang memaklumkan pihak Jabatan DBKL akan membuat semakan bayaran tersebut dengan kadar segera.</i></p> <p><u><i>Bantuan Kewangan Bulanan Bertindan</i></u>  <i>Kesilapan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan untuk pemohon yang dimasukkan ke akaun penerima selama 10 bulan (Mac - Disember 2015). Penerima telah menyerahkan semula wang tunai sebanyak RM3,500 kepada pemohon di pejabat Baitulmal dengan disaksikan oleh Pegawai Baitulmal. Surat akaun penyerahan dan terimaan telah ditandatangani oleh kedua-dua asnaf.</i></p> <p><i>Bahagian Baitulmal telah mengambil tindakan untuk menekankan proses kerja semakan sebelum menerima permohonan di peringkat kaunter dan proses perakuan di peringkat unit skim.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4.c.iii	<p><b>Modul Siasatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Setelah mengisi maklumat pemohon, Pegawai Penyiasat hendaklah mengisi penemuan siasatan di ruangan komen dalam sistem SMAZ. Semakan Audit mendapati Pegawai Penyiasat bukan sahaja memasukkan komen siasatan beliau tetapi mengisi juga maklumat peribadi pemohon sekali lagi sedangkan maklumat tersebut telah sedia ada dalam modul pemohon dan modul bantuan. Maklumat ini telah diisi semula bertujuan membolehkan laporan siasatan disediakan melalui sistem. Sistem SMAZ sepatutnya dibangunkan dengan <i>template</i> laporan siasatan yang boleh mengambil maklumat yang sedia ada dalam modul-modul yang berkenaan.</li> <li>Selain itu, sistem juga tidak dapat mengenal pasti maklumat nama pengguna yang <i>login</i>, pengguna terpaksa memilih nama serta nombor kad pengenalan sendiri pada ruangan Nama Kariah. Tarikh Laporan Siasatan juga perlu diisi secara manual dan bukan tarikh sistem.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, sistem sepatutnya mesra pengguna dan dapat membantu pengguna mengurangkan kerja yang berulang, menjimatkan masa serta ruang simpanan data. Pengguna hanya perlu mengisi komen siasatan sahaja dan tidak mengulangi maklumat peribadi yang sedia ada. <i>Template</i> Laporan Siasatan juga perlu disediakan supaya satu laporan yang standard dapat dihasilkan. Label "Nama Kariah" juga sepatutnya dikekalkan dengan nama "Butir-butir Penyiasat" seperti sistem lama dan tarikh laporan siasatan hendaklah dijana melalui sistem.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Template khas mengikut keperluan skim bantuan diwujudkan bagi memudahkan laporan siasatan dihasilkan dan maklumat pengguna sistem serta maklumat penerima bantuan akan dijana daripada sistem manakala tarikh siasatan adalah merupakan tarikh sistem.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.c.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.1.4.c.iv	<p><b>Modul Perakuan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai Peraku menentukan status kelayakan pemohon sama ada layak atau tidak. Penentuan asnaf dan kadar kelayakan juga akan ditentukan oleh pegawai yang diberi kuasa.</li> <li>• Semakan Audit mendapati sistem tidak dapat mengenal pasti maklumat nama pengguna yang <i>login</i> ke dalam sistem SMAZ semasa menginput data, pengguna terpaksa mengisi Nama, Jawatan dan Tarikh Perakuan. Ini menunjukkan kelemahan sistem kerana tidak mempunyai jejak audit bagi tugasan yang dilaksanakan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, SMAZ tidak mempunyai kawalan dalaman input data kerana sistem tidak menyimpan Nama dan Jawatan pegawai yang telah <i>login</i> ke dalam sistem dan memaparkan secara automatik pada skrin menu perakuan serta Tarikh Perakuan tidak dijana secara automatik.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan SMAZ yang baru. Maklumat pengguna sistem akan dijana daripada sistem manakala tarikh perakuan adalah merupakan tarikh sistem.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.c.iv
7.4.1.4.c.v	<p><b>Modul Bayaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit mendapati perkara berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pentadbir sistem akan menukarkan status bayaran kepada “EFT” tanpa memastikan sama ada bayaran telah diselesaikan dalam sistem SAGA atau tidak. Pentadbir sistem akan menukar status “EFT” secara manual apabila proses kelulusan pembayaran kepada tanggungan dilakukan.</li> <li>- Masalah integrasi dalam SAGA di mana semua pembayaran oleh pihak Baitulmal akan dihantar ke Bahagian Teknologi Maklumat untuk proses memasukkan data sebelum proses pembayaran kepada pembekal dilakukan.</li> <li>- Tiada had kawalan dalam mewujudkan <i>master file</i> pembekal. Ini</li> </ul> </li> </ul>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.c.v

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kerana pembekal baru akan diwujudkan oleh pegawai perakuan mengikut skim masing-masing.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat proses pelarasan dan invois apabila membuat pembayaran menggunakan cek. Pelarasan ini perlu dilakukan secara satu persatu dan secara tidak langsung menambahkan beban kerja Bahagian Teknologi Maklumat.</li> <li>- Bahagian Teknologi Maklumat akan menghantar kelompok secara satu persatu ke SAGA kerana proses menghantar kelompok secara serentak akan mengambil masa yang lama.</li> <li>- Proses <i>posting</i> bayaran perlu dilakukan di luar waktu pejabat kerana mengambil tempoh yang lama untuk selesai.</li> <li>- Penghantaran maklumat ke sistem SAGA hanya sehala sahaja menyebabkan maklumat sama ada bayaran telah dilaksanakan tidak dapat dipastikan.</li> </ul> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>MAIWP telah mengambil tindakan berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Perbincangan bersama pembekal Sistem SAGA berkaitan isu modul payment info masih belum selesai. Sistem SAGA sepatutnya mengemas kini maklumat bayaran yang telah dibuat di dalam table zk_payment yang telah diwujudkan oleh MAIWP supaya integrasi daripada SAGA dan SMAZ dapat dilaksanakan. Perkara ini bergantung kepada komitmen yang diberikan oleh pihak pembekal. Mesyuarat berkenaan perkara ini telah diadakan pada 22 Februari 2016. Bagaimanapun, sehingga 22 Mac 2016 isu ini masih dalam tindakan pembekal.</i></li> <li>• <i>Had kawalan akan diwujudkan bagi menyelaraskan pendaftaran pembekal baru di dalam SMAZ.</i></li> <li>• <i>Dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru, tiada lagi proses pelarasan dan invois dibuat bagi semua pembayaran kepada pihak ketiga sama ada EFT atau CEK.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Proses posting bayaran perlu dilakukan di luar waktu pejabat hanya untuk Bantuan Kewangan Bulanan kerana ia melibatkan 23,000 orang penerima bantuan dan mengambil tempoh yang lama untuk selesaikan.</i></li> </ul>	
7.4.1.4.c.v	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara impak kelemahan tersebut adalah status BAYAR dikemas kini walaupun rekod Biasiswa Sekolah Rendah Dan Menengah adalah berstatus GAGAL atau tidak diluluskan oleh pegawai. Analisis data Biasiswa Sekolah Rendah Dan Menengah bagi tahun 2013 sehingga 2015 mendapati 29 rekod pelajar yang gagal menerima biasiswa tetapi menerima bayaran.</li> </ul>	<p>Bahagian Baitulmal telah mengambil tindakan bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang sepertimana berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Baitulmal MAIWP akan mengambil perhatian dengan mengasingkan senarai nama pelajar bermasalah secara manual untuk tindakan pada tahun berikutnya.</li> <li>2. Bahagian Baitulmal MAIWP tidak menerima sebarang permohonan yang tidak lengkap seperti ketiadaan dokumen akaun bank pelajar yang menyebabkan pembayaran tidak dapat dijalankan</li> <li>3. Semakan bersama pihak Bank Islam sebelum membuat bayaran bagi memastikan akaun bank pelajar masih aktif dan tiada masalah.</li> <li>4. Bagi permohonan yang melangkaui tahun semasa dan masih tidak mengemukakan akaun bank yang sah, kelulusan tahun tersebut akan dibatalkan.</li> </ol>
7.4.1.4.c.v	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selain itu, terdapat rekod biasiswa sekolah rendah dan menengah yang berstatus lulus direkodkan sebagai belum bayar. Bagaimanapun, analisis data bagi tahun 2013 dan 2015 mendapati 27 pelajar yang telah lulus menerima biasiswa tetapi tidak menerima bayaran seperti jadual berikut. Semakan selanjutnya mendapati 4 daripada rekod berkenaan telah dibayar tetapi status bayaran tidak dikemas kini dalam sistem.</li> </ul>	
7.4.1.4.d.i	<p><b>Kategori Agihan Tidak Direkod Dalam SMAZ</b></p> <p>Antara objektif SMAZ adalah untuk mewujudkan satu pangkalan data berpusat bagi permohonan bantuan zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; mempercepatkan proses permohonan sehingga pembayaran bantuan; serta menjana laporan dan statistik bantuan dengan cepat dan mudah.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.d.ii</p>
7.4.1.4.d.ii	<p>Semakan Audit mendapati bantuan kepada NGO tidak direkodkan dalam SMAZ. Akibatnya, pemantauan agihan wang zakat melalui sistem SMAZ tidak memberi gambaran sebenar dan menyeluruh.</p> <p>Pada pendapat Audit, SMAZ tidak dapat memberi maklumat perbelanjaan keseluruhan agihan yang tepat dan terkini di dalam satu sistem bersepadu iaitu merangkumi kesemua jenis agihan/perbelanjaan yang melibatkan wang zakat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru.</i></p>	
7.4.1.4.e.ii	<p><b>Integrasi Antara Sistem SMAZ Dan SAGA</b></p> <p>Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghantaran data pembayaran hanya sehalal iaitu dari sistem SMAZ ke sistem SAGA dan maklumat bayaran yang dibuat melalui sistem SAGA tidak dikemas kini secara automatik ke dalam sistem SMAZ.</li> <li>• Penghantaran maklumat pembayaran telah dibuat secara pukal untuk membolehkan bayaran secara pukal kepada pihak ketiga seperti bayaran sewa rumah kepada DBKL. Ini mengakibatkan nama individu yang menerima bantuan tidak dapat dikenal pasti di dalam SAGA.</li> <li>• Invois diwujudkan 2 kali bagi satu bayaran iaitu invois pertama dikeluarkan bertujuan mewujudkan komitmen perbelanjaan dalam modul Akaun Pembayaran SAGA. Invois kedua pula akan dikeluarkan untuk membuat bayaran sebenar setelah mendapat kelulusan. Berdasarkan amalan terbaik, hanya satu invois sahaja boleh dikeluarkan bagi satu bayaran.</li> <li>• SAGA hanya mempunyai satu nombor pendaftaran sebagai rujukan maklumat pembekal (pemilik rumah/pemiutang) dan individu (asnaf). Pembayaran bantuan akan diakrukan di dalam SAGA atas nama pemohon namun pembayaran tidak semestinya dilakukan kepada pemohon. Pentadbir Sistem perlu membuat pelarasan dengan mengeluarkan invois baru untuk membuat pembayaran kepada pihak ketiga. Tiada nama individu direkodkan dalam SAGA.</li> <li>• Pentadbir Sistem dari Bahagian Teknologi Maklumat terlibat dalam urusan operasi proses bayaran. Ini bertentangan dengan etika kerja di mana proses operasi transaksi dan input maklumat sepatutnya hanya dilakukan oleh pegawai kewangan sahaja.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, komunikasi dua hala antara SMAZ dan SAGA adalah penting supaya jejak audit dapat diwujudkan bagi melaksanakan semakan dan</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.e.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pelarasan dengan mudah dan tepat. Permohonan yang diluluskan hendaklah dipindah ke <i>Modul Budget</i> (SAGA) untuk mewujudkan komitmen dan bukan terus ke <i>Modul Account Payable</i> (SAGA) manakala invois hanya dikeluarkan untuk membuat bayaran melalui modul AP kerana bayaran secara <i>multiple</i> invois dalam satu baucar hendaklah digunakan supaya maklumat individu kekal.</p> <p>Selain itu, maklumat Pembekal perlu diwujudkan dalam 2 medan yang berasingan bagi pembekal dan individu. Pemindahan data perlu atas nama penerima bantuan kerana kawalan hendaklah atas kedua dua nama individu dan nombor kelompok.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Integrasi SMAZ-SAGA akan dikendalikan oleh Bahagian Kewangan. Isu integrasi antara SMAZ dan SAGA telah dibincangkan bersama pembekal SAGA semasa pelaksanaan Integrasi SMAZ-SAGA. Bagaimanapun, sehingga kini pihak pembekal masih belum dapat menyelesaikan isu ini. MAIWP turut meminta agar pembekal mewujudkan medan tambahan bagi menyimpan maklumat penerima bantuan.</i></p> <p><i>Penambahbaikan sistem SMAZ yang baru telah mengambil kira hanya satu invois di atas nama penerima bayaran sahaja yang akan dihantar ke SAGA. Selain itu, tiada lagi proses pelarasan dan invois dibuat bagi semua pembayaran kepada pihak ketiga sama ada EFT atau CEK.</i></p>	
7.4.1.4.f.i	<p><b>Analisis Data - Skim Bantuan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan Audit mendapati maklumat dalam <i>lookup table</i> Nama Skim tidak diselaras mengikut Dasar Agihan Bantuan Baitulmal semasa. Terdapat 3 jenis skim bantuan telah diwujudkan dalam pangkalan data iaitu Bantuan Ramadhan, Bantuan Khas Yuran Baitulmal MAIWP dan Deposit Motorsikal Roda Tiga. Sepatutnya bagi tahun 2013, Bantuan Ramadhan digantikan dengan Bantuan Hari Raya. Bagaimanapun, rekod tahun 2013 menunjukkan sebahagian penerima menerima bayaran di bawah skim Bantuan Ramadhan dan sebahagian lagi menerima bantuan di bawah skim Bantuan Hari Raya.</li> <li>Semakan selanjutnya mendapati perkara yang sama berlaku bagi bantuan Deposit Motorsikal Roda Tiga dan Bantuan Motorsikal Roda</li> </ul>	<p>Mulai tahun 2014, skim-skim bantuan yang telah dimansuhkan tidak lagi digunapakai dalam SMAZ dan digantikan dengan nama skim yang baru.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Tiga. Selain itu, Bantuan Khas Yuran Baitulmal MAIWP telah diwujudkan dalam sistem sedangkan tidak terdapat dalam Dasar Agihan Bantuan Baitulmal. Ini menunjukkan kelemahan kawalan ke atas kewujudan skim dalam sistem dan pelbagai nama skim baru boleh diwujudkan. Ini juga menyebabkan laporan yang dihasilkan tidak tepat.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 4 Mac 2016</p> <p><i>Pelarasan dan pengemaskinian maklumat Skim Bantuan telah diambil tindakan oleh MAIWP mengikut dasar yang telah diluluskan.</i></p> <p><i>Bantuan Ramadhan yang diagihkan pada tahun 2012 adalah merupakan salah satu daripada 26 skim yang wujud pada tahun tersebut, tetapi Skim ini telah digantikan dengan Skim Bantuan Aidilfitri mulai tahun 2013. Begitu juga dengan Skim Bantuan Deposit Motosikal Roda Tiga telah digantikan dengan Skim Bantuan Motosikal Orang Kelainan Upaya. Bantuan Khas Yuran Baitulmal adalah bantuan khas yang diluluskan kepada pelajar Yayasan Generasi Gemilang melalui mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Bil. 7 Tahun 2010. Bantuan ini sepatutnya dibayar melalui kod Bantuan Am Pelajaran IPT.</i></p>	
7.4.1.4.f.ii	<p><b>Rekod Tidak Munasabah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit mendapati tiada kawalan input dalam mengisi maklumat medan 'Nombor Kad Pengenalan Baru' di mana sistem tidak dapat menapis maklumat berkaitan dan pengguna bebas memasukkan sebarang butiran walaupun tidak munasabah.</li> <li>• Selain itu, status peribadi yang tidak munasabah direkodkan bagi 3,121 rekod penerima bantuan. Status pemohon sepatutnya direkod sebagai hidup, meninggal dunia atau berpindah sahaja. Bagaimanapun, terdapat rekod status yang tidak munasabah turut dimasukkan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, medan yang berasingan bagi nombor ID/pasport selain nombor kad pengenalan Malaysia hendaklah digunakan bagi memastikan kesahihan data yang dimasukkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.f.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Medan kad pengenalan awam, kad pengenalan badan keselamatan dan pasport diasingkan bagi tujuan penapisan maklumat dan pengguna hanya boleh memilih data di dalam senarai maklumat statik yang dipaparkan sahaja.</i></p>	
<p><b>7.4.1.4.f.iii</b></p>	<p><b>Medan Mandatori Tidak Diisi</b></p> <p>Semakan Audit mendapati medan maklumat peribadi yang mandatori dan wajib diisi tidak dikawal dalam sistem. Permohonan bantuan boleh diteruskan dalam SMAZ walaupun butiran tersebut adalah kriteria utama untuk meluluskan sesuatu permohonan.</p> <p>Maklum Balas Dripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Medan yang mandatori ditanda * bagi menunjukkan medan wajib diisi. Sekiranya ada ruangan yang tidak diisi, notifikasi akan dipaparkan untuk makluman pengguna.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.e.iii</p>
<p><b>7.4.1.4.f.iv</b></p>	<p><b>Bayaran Bantuan Bertindan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit mendapati bantuan bayaran yang bertindan diwujudkan dalam SMAZ dan dihantar ke SAGA untuk bayaran selanjutnya. Ini disebabkan sistem tidak mempunyai kawalan terhadap data bayaran bagi tempoh yang sama atau permohonan berulang. Sistem tidak mempunyai notifikasi amaran kepada pengguna untuk menghalang transaksi diteruskan.</li> <li>• Analisis Audit mendapati Bantuan Hari Raya yang bertindan di mana penerima Bantuan Kewangan Bulanan akan turut menerima Bantuan Hari Raya. Pertindanan bayaran berlaku kepada 5 asnaf berikut yang menerima lebih agihan sejumlah RM2,500 disebabkan pertukaran ketua keluarga semasa bulan pertama penyambungan.</li> </ul> <p>Maklum Balas Dripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam reka bentuk penambahbaikan</i></p>	<p>Sebelum penambahbaikan sistem SMAZ selesai, Bahagian Baitulmal telah mengambil tindakan dengan memastikan proses semakan penerima bantuan yang bertindih dibuat sebelum pembayaran dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>sistem SMAZ yang dijangka selesai pada Jun 2016. Notifikasi akan dipaparkan sekiranya ada pertindihan tarikh bantuan yang baru dengan bantuan yang sedang berjalan.</i></p> <p><i>Bagi Bantuan Hari Raya yang bertindan, Baitulmal MAIWP mengambil maklum perkara ini dan telah memaklumkan kepada asnaf terlibat untuk memulangkan lebih wang bantuan yang telah diterima melalui potongan Bantuan Kewangan Bulanan secara berperingkat sebanyak RM100 sebulan selama 5 bulan bermula Mac 2016.</i></p>	
7.4.1.4.f.v	<p><b>Integriti Data</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Audit mendapati sistem membenarkan permohonan dibuat melebihi sekali bagi setiap jenis bantuan yang sama. Ini menyebabkan terdapat rekod permohonan bertindan yang turut diluluskan seperti bantuan perkahwinan dalam Jadual 7.13. Bantuan perkahwinan yang ditetapkan adalah maksimum RM3,000 bagi asnaf Fakir dan Miskin, RM5,000 bagi Muafak dan RM1,500 bagi Fisabilillah. Selain itu, antara syarat khusus bantuan adalah pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan bagi kali pertama sahaja kecuali Muafak dan bantuan diberikan hanya sekali sahaja seumur hidup. Bagaimanapun, semakan selanjutnya terhadap rekod permohonan bertindan ini mendapati bayaran yang dibuat hanyalah sekali sahaja.</li> <li>• Analisis terhadap data bantuan turut mendapati pegawai telah meluluskan bantuan kewangan bulanan melebihi had kelulusan yang telah ditetapkan mengikut peringkat jawatan oleh Majlis.</li> </ul> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru yang dijangka selesai pada Jun 2016. Hanya satu skim yang boleh diluluskan bagi tahun yang sama. Notifikasi akan dipaparkan sekiranya ada pertindihan skim pada penerima yang sama pada tahun yang sama. Sekiranya jumlah bantuan kurang daripada kadar yang layak, pelarasan perlu dibuat pada modul pelarasan dengan mengambil kira jumlah baki yang perlu dibayar.</i></p> <p><i>Penambahbaikan terhadap modul had kelulusan telah diambil tindakan pada 9 Oktober 2015. Notifikasi telah dikeluarkan sekiranya pegawai meluluskan lebih daripada had yang dibenarkan.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.f.v

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini									
7.4.1.4.f.vi	<p><b>Bayaran Bantuan Melebihi Had Maksimum</b></p> <p>Dasar Agihan Skim Bantuan Baitulmal menetapkan kadar Bantuan Am Pelajaran IPT Dalam Negara adalah maksimum RM6,000 pada peringkat Ijazah Lanjutan. Analisis Audit mendapati bantuan diberikan melebihi sekali dan jumlah adalah melebihi RM6,000.</p> <p>Pada pendapat Audit, MAIWP perlu meningkatkan kawalan input dan semakan secara automatik bagi setiap permohonan bantuan bagi memastikan hanya bantuan yang layak atau diluluskan dihantar ke SAGA untuk pembayaran.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Hanya satu skim yang boleh diluluskan bagi tahun yang sama. Notifikasi akan dipaparkan sekiranya ada pertindihan skim pada penerima yang sama pada tahun yang sama. Sekiranya jumlah bantuan kurang daripada kadar yang layak, pelarasan perlu dibuat pada modul pelarasan dengan mengambil kira jumlah baki yang perlu dibayar.</i></p> <p><i>Ulasan MAIWP adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="331 954 1171 1383"> <thead> <tr> <th data-bbox="331 954 421 1018">BIL.</th> <th data-bbox="421 954 622 1018">NO. KP. PENERIMA</th> <th data-bbox="622 954 1171 1018">ULASAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="331 1018 421 1185">1.</td> <td data-bbox="421 1018 622 1185">930521106144</td> <td data-bbox="622 1018 1171 1185">2013 - penama telah menerima 2 kali bayaran bantuan 2014 - tiada permohonan daripada beliau 2015 - permohonan tidak dipertimbangkan kerana telah mendapat tajaan Sime Darby</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 1185 421 1383">2.</td> <td data-bbox="421 1185 622 1383">951002146964</td> <td data-bbox="622 1185 1171 1383">2015 - kelayakan bantuan RM5,000. Bagaimanapun, kelulusan hanya diberi RM1,000 sebagai gantian lebihan bayaran RM4,000 pada tahun 2014.  2016 - kelayakan bantuan RM3,000 (penyelarasan bantuan 2016). Bagaimanapun,</td> </tr> </tbody> </table>	BIL.	NO. KP. PENERIMA	ULASAN	1.	930521106144	2013 - penama telah menerima 2 kali bayaran bantuan 2014 - tiada permohonan daripada beliau 2015 - permohonan tidak dipertimbangkan kerana telah mendapat tajaan Sime Darby	2.	951002146964	2015 - kelayakan bantuan RM5,000. Bagaimanapun, kelulusan hanya diberi RM1,000 sebagai gantian lebihan bayaran RM4,000 pada tahun 2014.  2016 - kelayakan bantuan RM3,000 (penyelarasan bantuan 2016). Bagaimanapun,	<p>Sebelum penambahbaikan sistem SMAZ selesai, Bahagian Baitulmal telah mengambil tindakan membuat semakan sebelum perakuan bantuan ditentukan dan memastikan kadar bantuan yang diberi mengikut dasar dan SOP sedia ada bagi mengelakkan perkara yang sama berulang pada masa akan datang.</p>
BIL.	NO. KP. PENERIMA	ULASAN									
1.	930521106144	2013 - penama telah menerima 2 kali bayaran bantuan 2014 - tiada permohonan daripada beliau 2015 - permohonan tidak dipertimbangkan kerana telah mendapat tajaan Sime Darby									
2.	951002146964	2015 - kelayakan bantuan RM5,000. Bagaimanapun, kelulusan hanya diberi RM1,000 sebagai gantian lebihan bayaran RM4,000 pada tahun 2014.  2016 - kelayakan bantuan RM3,000 (penyelarasan bantuan 2016). Bagaimanapun,									

Perenggan	Penemuan Audit			Status Terkini
			<p>kelulusan hanya diberi RM2,000 sebagai gantian lebih bayaran RM1,000 pada tahun 2014. (Selesai semua gantian bayaran dari pihak pelajar dan pelajar telah maklum dengan semua pemotongan yang dilakukan)</p>	
	3.	920710145020	<p>Pelajar ini telah mengemukakan 2 permohonan skim iaitu Skim Bantuan Persediaan IPT dan Bantuan Am Pelajaran IPT. Namun, berlaku kesilapan menetapkan kod peruntukan Skim Bantuan Persediaan IPT menyebabkan kesilapan kadar bantuan. Lebih RM3,500 akan dikurangkan bagi permohonan Bantuan Am Pelajaran IPT tahun 2016.</p> <p>2016 – kelayakan bantuan RM4,000 (penyelarasan bantuan 2016). Bagaimanapun, kelulusan hanya diberi RM500 (telah dimaklum pada pelajar) sebagai gantian lebih bayaran RM3,500 pada tahun 2014. (Selesai semua gantian bayaran dari pihak pelajar dan pelajar telah maklum dengan semua pemotongan yang dilakukan)</p>	
7.4.1.4.g.ii	<p><b>Laporan Tidak Disediakan Dalam SMAZ</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sistem tidak dapat menjana laporan walaupun maklumat telah diinput. Antara laporan yang masih disediakan secara manual di Baitulmal dan Pusat Agihan Zakat adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan Bulanan Unit Naziran dan Pemantauan berdasarkan Pusat Agihan Zakat</li> <li>• Laporan Bulanan Unit Naziran dan Pemantauan berdasarkan Pegawai Bertugas</li> <li>• Laporan Prestasi Tahunan Unit Naziran dan Pemantauan</li> <li>• Lampiran A - Senarai kuasa yang diberi oleh Baitulmal</li> </ul>			Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.1.4.g.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan Panjar Wang Runcit Bantuan Kecemasan – Harian</li> <li>• Laporan Perbelanjaan Bulanan Skim Bantuan Kecemasan</li> <li>• Rekod Perbelanjaan Wang Panjar Kecemasan Pendahuluan (RM50) – Perbelanjaan Tahunan</li> <li>• Buku Rekod Wang Runcit dan Akuan Pembayaran</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, fungsi pelaporan perlu dipertingkatkan dalam SMAZ bagi memastikan pemantauan agihan zakat yang berkesan secara automatik.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 4 Mac 2016</p> <p><i>Laporan telah disediakan dalam sistem SMAZ tetapi tidak secara keseluruhan. Penambahan laporan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan pengguna. Selain itu, perkara ini sedang diambil tindakan dalam penambahbaikan sistem SMAZ yang baru. Penambahan modul bagi wang kecemasan pendahuluan RM50 perlu juga diasingkan bagi memudahkan proses pemantauan dan pelaporan. Struktur database telah diubah di mana ID Cawangan diwujudkan bagi tujuan pelaporan dapat dihasilkan.</i></p>	
7.4.2.1.b	<p><b>Perancangan - Pelan Strategik Teknologi Maklumat</b></p> <p>Semakan Audit mendapati MAIWP tidak menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat yang terperinci. Perancangan strategik ICT hanya dinyatakan dalam Pelan Strategik MAIWP dalam Teras 4. Bahagian Teknologi Maklumat dalam proses penyediaan pelan berkenaan bagi tahun 2016 sehingga 2020.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pelan Strategik Teknologi Maklumat adalah penting untuk menentukan strategi dan hala tuju ICT dengan terperinci dan jelas bagi membantu MAIWP dalam perancangan dan penyediaan bajet bagi pembangunan sistem.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.2.1.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>MAIWP memaklumkan telah berhubung dengan pihak MAMPU pada 29 Oktober 2015 bagi mendapatkan khidmat nasihat untuk membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat MAIWP. Pihak MAMPU telah memberi maklum balas untuk mengadakan bengkel coaching kepada MAIWP bersama dengan 4 agensi yang lain pada bulan Mei 2016. Draf awal Pelan Strategik Teknologi Maklumat MAIWP telah disiapkan untuk dibincangkan bersama pihak MAMPU.</i></p>	
<p><b>7.4.2.2.b</b></p>	<p><b>Polisi Penggunaan, Kawalan Dan Keselamatan ICT</b></p> <p>Semakan Audit mendapati polisi hanya mengambil kira 2 daripada 8 prinsip yang dinyatakan dalam pekeliling di atas. Prinsip yang tidak diambil kira adalah akses atas dasar “perlu mengetahui”, hak akses minimum, pengasingan, pengauditan, pemulihan dan saling bergantung.</p>	<p>Bengkel Semakan Polisi Keselamatan ICT MAIWP bersama pihak MAMPU dengan melibatkan semua bahagian di MAIWP telah diadakan pada 25-26 April 2016. Hasil daripada bengkel tersebut, polisi keselamatan ini telah dirombak semula selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan di dalam dokumen <i>Information Security Management System (ISMS)</i>.</p>
<p><b>7.4.2.2.c</b></p>	<p>Selain itu, tarikh dokumen dikeluarkan/disediakan, catatan bilangan versi dokumen, tandatangan kelulusan, tarikh kuat kuasa dan muka surat bagi isi kandungan dokumen tidak dinyatakan dalam Polisi Keselamatan ICT MAIWP.</p> <p>Pada pendapat Audit, Polisi Keselamatan ICT merupakan dokumen rujukan lengkap yang perlu dikemas kini selari dengan pembangunan dan perubahan ICT bagi melindungi kepentingan ICT di MAIWP.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>MAIWP telah mengeluarkan Polisi Penggunaan, Kawalan &amp; Keselamatan ICT versi 1.0 pada tahun 2010 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat MAIWP kali ke 115 Bilangan 4/2010 bertarikh 8 Disember 2010. Draf polisi baru yang merangkumi 8 prinsip seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 telah disiapkan untuk dibengkelkan.</i></p> <p><i>MAIWP telah bertemu pihak MAMPU pada 21 Mac 2016 bagi menyemak draf Polisi ICT yang baru sebelum dibengkelkan. MAMPU meminta agar MAIWP menyemak semula polisi yang telah dibuat ini agar ianya selari dengan Polisi Keselamatan Jabatan yang telah diluluskan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan yang pertama akan diadakan pada bulan April 2016, setelah mendapat kelulusan barulah Bengkel Polisi Keselamatan ICT akan diadakan.</i></p>	<p>Polisi ini juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JP ICT Bil 2/2016 yang telah diadakan pada 27 April 2016 dan telah diluluskan untuk digunakan oleh MAIWP.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.4.2.3.a	<p><b>Garis Panduan, Prosedur Dan Langkah Keselamatan ICT Tidak Disediakan</b></p> <p>Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000, Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Kerajaan menyatakan dasar perlu diperjelaskan lagi melalui pengeluaran standard keselamatan ICT yang mengandungi garis panduan serta langkah-langkah keselamatan ICT.</p>	<p>MAIWP telah menyediakan 15 prosedur tambahan yang telah dibincangkan di dalam Bengkel Semakan Polisi Keselamatan ICT MAIWP bersama pihak MAMPU pada 25-26 April 2016. Prosedur ini juga telah dibentangkan di dalam Mesyuarat JPIC Bil 2/2016 yang telah diadakan pada 27 April 2016 dan telah diluluskan untuk digunapakai oleh MAIWP.</p>
7.4.2.3.b	<p>Semakan Audit mendapati MAIWP tidak menyediakan dokumen terperinci bagi menyokong polisi keselamatan ICT.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan Garis Panduan, Prosedur dan Langkah Keselamatan ICT adalah penting kerana kegunaan semua dokumen ini secara bersepadu membantu warga MAIWP memahami keperluan untuk melindungi kerahsiaan data dan maklumat.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 4 Mac 2016</p> <p><i>MAIWP telah menyediakan 16 prosedur tambahan yang akan dibincangkan bersama dalam Bengkel Polisi Keselamatan ICT MAIWP yang akan diadakan pada bulan April 2016.</i></p>	
7.4.2.4.a	<p><b>Pelan Pemulihan Bencana Dan Pusat Pemulihan Bencana Tidak Disediakan</b></p> <p>Antara perancangan kesinambungan sesebuah organisasi, Pelan Pemulihan Bencana perlu diwujudkan dan diuji bagi meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian akibat daripada ketidaksediaan.</p>	<p>Cadangan Penambahbaikan Infrastruktur dan Rangkaian MAIWP*Net Fasa 2 telah diluluskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Bil. 2/2016 yang telah diadakan pada 27 April 2016 dan proses perolehan akan dibuat pada bulan Mei 2016.</p>
7.4.2.4.b	<p>Semakan Audit mendapati MAIWP tidak mempunyai pusat pemulihan bencana dan Pelan Pemulihan Bencana untuk meminimumkan risiko, bencana dan kerosakan sistem jika berlaku. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pusat tersebut akan disediakan setelah bangunan baru MAIWP siap dibina.</p> <p>Pada pendapat Audit, MAIWP terdedah kepada risiko kegagalan operasi kerana tidak mempunyai pelan pemulihan bencana yang menyeluruh bagi menghadapi bencana dan prosedur yang perlu dilaksanakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 25 Mac</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2016</p> <p><i>Pada tahun 2012, MAIWP telah mula membuat perancangan ke arah persediaan pemulihan bencana bagi meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian akibat daripada kegagalan sistem.</i></p> <p><i>Antara perancangan ke arah penyediaan pemulihan bencana adalah Redundant Internet Service Provider (2012-2013), Cross backup (2013), Redundant Firewall (2012-2013), Redundant Core - switch (Projek Fasa ke-2, 2016), perolehan High Availability Server dan SAN Storage (2015) dan cadangan perolehan unit kedua High Availability Server dan SAN Storage untuk fungsi redundant (Projek Fasa ke-2, 2016). Pelaksanaan Fasa 2 Penambahbaikan Infrastruktur MAIWP*Net diperlukan bagi MAIWP bersedia untuk mewujudkan sebuah Pusat Pemulihan Bencana yang dijangka dapat dilaksanakan pada awal tahun 2017. Perolehan Projek Fasa ke-2 akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pemandu ICT Bil. 2/2016 pada 12 April 2016.</i></p> <p><i>Selain itu, MAIWP telah mendapat kelulusan dari MAMPU untuk menempatkan aplikasi dan database SMAZ-Mobile Jejak Asnaf (MoJA) di Cyberjaya dan telah dilaksanakan pada bulan Mac 2016. MAIWP juga akan mengadakan perbincangan berkenaan tapak Pusat Pemulihan Bencana MAIWP bersama MAMPU pada hujung bulan April 2016.</i></p>	
7.4.2.5.a	<p><b>Kajian Keperluan Dan Kajian Kemungkinan Tidak Dilaksanakan</b></p> <p>Berdasarkan para 5.1b. Polisi Penggunaan, Kawalan &amp; Keselamatan ICT MAIWP, satu Kajian Keperluan Am perlu dilaksanakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT untuk pembangunan sesuatu sistem aplikasi.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.2.5.b
7.4.2.5.b	<p>Semakan Audit mendapati MAIWP tidak menjalankan kajian yang terperinci untuk mengenal pasti dan menyenaraikan masalah yang wujud dengan sistem lama serta penambahbaikan yang diperlukan. Akibatnya, pembangunan SMAZ telah dilaksanakan berulang kali untuk menyelesaikan masalah yang perlu tindakan segera terpaksa dibahagi kepada dua melalui capaian <i>web based</i> manakala penambahbaikan keseluruhan dalam versi iSMAZ.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan kajian terperinci dalam perancangan menyebabkan berlakunya pembangunan sistem yang bertindih (<i>redundant</i>) dan MAIWP tidak dapat menentukan perubahan ke atas sistem sedia ada untuk mengelak daripada terjadinya <i>change request</i> yang berulang. Kajian ini</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>juga penting bagi menentukan kos yang dijangka dengan mengenal pasti peralatan dan perisian tambahan yang diperlukan.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 4 Mac 2016</p> <p><i>Bagi tahun 2016, MAIWP telah mula membuat Kajian Keperluan dan Kajian Kemungkinan bagi setiap sistem yang hendak dibangunkan. Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPIC) MAIWP Bil. 1/2016 pada 28 Januari 2016, 3 kajian keperluan sistem telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat tersebut termasuk Kajian Keperluan Penambahbaikan SMAZ (iSMAZ). Template khas kertas kerja kajian keperluan telah disediakan sebagai panduan untuk permohonan sesuatu pembangunan sistem yang hendak dilaksanakan untuk kelulusan JPIC.</i></p>	
7.4.2.6.a	<p><b>Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Tidak Diwujudkan</b></p> <p>Panduan Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam 2010 menyatakan setiap projek ICT mestilah mempunyai struktur tadbir urus yang jelas terma rujukannya bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek ICT. Struktur tadbir urus utama adalah pembentukan 2 Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek dan Jawatankuasa Teknikal Projek serta 1 pasukan projek. Polisi ICT MAIWP, Perkara 5 para 5.1e menyatakan bahagian hendaklah melantik Pasukan Khas (<i>Expert Team</i>) bagi melancarkan pembangunan dan pelaksanaan sistem.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 7.4.2.6.b
7.4.2.6.b	<p>Semakan Audit mendapati MAIWP hanya mempunyai Jawatankuasa Pemandu ICT sahaja. Masalah dalam pembangunan sistem hanya dibincang dalam mesyuarat Bahagian Teknologi Maklumat tanpa melibatkan pengguna sistem.</p> <p><i>Pada pendapat Audit, penglibatan pengguna SMAZ dalam peringkat Pasukan Khas adalah penting dalam penambahbaikan SMAZ supaya setiap perancangan pembangunan adalah jelas dan menepati keperluan.</i></p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016 Dan 4 Mac 2016</p> <p><i>Jawatankuasa Teknikal Projek dan Pasukan Khas (Expert Team) telah</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>diperkemas bermula tahun 2016 bagi semua sistem yang dibangunkan dan diselia oleh MAIWP. Ini termasuk sistem iSMAZ yang mana Jawatankuasa Teknikal Projek dan Pasukan Khas terdiri daripada Bahagian Baitulmal, Bahagian ICT dan Bahagian Kewangan.</i></p> <p><i>Pindaan polisi akan dibincangkan semasa bengkel di mana Jawatankuasa Teknikal Projek diwujudkan bagi sebarang pembangunan atau perluasan sistem yang bernilai melebihi RM200,000 atau memberi impak yang tinggi kepada MAIWP. Pembahagian Pasukan Projek telah dipersetujui di dalam mesyuarat Kemajuan Kerja Unit Pembangunan Sistem Bahagian ICT Bil. 2/2016.</i></p>	
<p><b>7.4.2.7.a</b></p>	<p><b><i>Penilaian Tahap Keselamatan ICT</i></b></p> <p>Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009 menjelaskan pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT (Penilaian Tahap Keselamatan ICT) yang perlu diberikan perhatian dan diambil tindakan oleh agensi-agensi Kerajaan. Ketua-ketua Jabatan perlu menjalankan Penilaian Tahap Keselamatan agensi sekurang-kurangnya sekali setahun. Penilaian Tahap Keselamatan adalah satu cara untuk memastikan agensi memantau dan mengesan kelemahan terhadap rangkaian dan sistem ICT supaya penambahbaikan keselamatan ICT dapat dirancang.</p>	<p>Penubuhan Jawatankuasa Teknikal dan Keselamatan ICT (JKTJICT) telah diluluskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT MAIWP Bil. 2/2016 yang telah diadakan pada 27 April 2016. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam keselamatan ICT dan berperanan sebagai penasihat dan pemangkin dalam merumuskan rancangan dan strategi keselamatan ICT MAIWP.</p>
<p><b>7.4.2.7.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati MAIWP tidak melaksanakan Penilaian Tahap Keselamatan ICT seperti disarankan oleh MAMPU.</p> <p>Pada pendapat Audit, MAIWP hendaklah melaksanakan penilaian tersebut berdasarkan arahan MAMPU bagi menjamin keselamatan keseluruhan rangkaian dan sistem MAIWP seterusnya berusaha menambah baik sebarang kelemahan yang dikenal pasti.</p> <p>Maklum Balas Daripada MAIWP Diterima Pada 10 Februari 2016</p> <p><i>MAIWP mengambil maklum teguran Audit. Penubuhan pasukan kerja dan cadangan melaksanakan penilaian tahap keselamatan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2009 akan dibawa dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT MAIWP Bil. 2/2016 pada bulan April 2016.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**LGM PROPERTIES CORPORATION**

**Perenggan 8 : Pengurusan Ladang Dan Bangunan LGM oleh LGMPC**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.1.a.ii	<p><b>Pengurusan Ladang - Prestasi Pencapaian Hasil Ladang - Pengeluaran Hasil Ladang Tidak Mencapai Sasaran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pengeluaran bagi buah tandan segar dan getah di semua ladang yang diuruskan oleh LGMPC bagi tahun 2013 sehingga 2015 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 65.0% sehingga 98.5%. Ini disebabkan masalah tenaga kerja yang dihadapi oleh kontraktor tuaian dan torehan, usia pokok matang melebihi 22 tahun bagi kelapa sawit dan 24 tahun bagi getah serta harga komoditi yang kurang memberangsangkan. Pengeluaran yang tidak mencapai sasaran telah menjejaskan pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ladang iaitu jualan skrap dan kelapa sawit.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran ladang adalah kurang memuaskan kerana hasil dan jualan buah tandan segar serta skrap getah tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>LGMPC akan merancang dan melaksanakan tempoh penuaian 2.5 pusingan sebulan berbanding 2 pusingan pada musim tengkujuh bagi meningkatkan penuaian buah tandan segar (BTS). LGMPC juga akan mengkaji semula dan menimbang tawaran kontrak bagi aktiviti penuaian, penorehan dan pengangkutan BTS diberikan bagi tempoh 1 hingga 3 tahun berbanding dengan amalan sekarang bagi tempoh setahun. Ini akan membolehkan kontraktor yang beroperasi di Ladang Bukit Ibam, Panti dan Penawar meningkatkan kecekapan dengan melabur dalam mekanisasi dan jentera ladang. Mulai tahun 2016, LGMPC akan menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap Pengurus Ladang bagi memastikan sasaran dicapai.</i></p>	<p>Mulai bulan Mei 2016, semua Pengurus Ladang telah diarahkan supaya penuaian 2.5 pusingan dipatuhi oleh para kontraktor. Tindakan susulan termasuk meminda syarat-syarat dalam pelantikan kontraktor.</p> <p>Selain itu, semua Pengurus Ladang juga telah ditetapkan KPI sasaran penghasilan 2016 seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. LGM Pahang Tenggara             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pengeluaran getah: 1,157,057 kg; dan</li> <li>b. Hasil buah tandan sawit: 3,902 mt</li> </ol> </li> <li>2. LGM Begia             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hasil buah tandan sawit: 15,370 mt</li> </ol> </li> <li>3. LGM Panti/Penawar             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hasil buah tandan sawit (Panti) : 3,080 mt; dan</li> <li>b. Hasil buah tandan sawit (Penawar) :3,810 mt.</li> </ol> </li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.1.b.ii	<p><b>Purata Pengeluaran Buah Tandan Segar Adalah Rendah</b></p> <p>Analisis Audit terhadap purata pengeluaran buah tandan segar bagi Ladang Ibam, Ladang Begia, Ladang Penawar dan Ladang Panti berbanding purata pengeluaran Ladang MPOB adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Purata pengeluaran Ladang Penawar dan Ladang Panti adalah paling tinggi berbanding purata pengeluaran Ladang MPOB negeri Johor. Purata pengeluaran buah tandan segar bagi Ladang Penawar pada tahun 2013 dan 2014 adalah 24.62 dan 21.25 tan/hektar manakala purata pengeluaran bagi Ladang Panti adalah 22.07 dan 22.90 tan/hektar. Purata MPOB negeri Johor pula adalah 19.49 tan/hektar pada tahun 2013 dan 19.50 tan/hektar pada tahun 2014. Ini kerana usia pokok di kedua-dua ladang tersebut adalah pada tahap produktif iaitu di antara 9 sehingga 16 tahun pada tahun 2015 di mana penghasilan buah tandan segar adalah pada tahap optimum.</li> <li>• Purata pengeluaran bagi Ladang Begia pula adalah paling rendah berbanding purata pengeluaran Ladang Penawar, Ladang Panti, Ladang Ibam dan Ladang MPOB negeri Kedah bagi tahun 2013 dan 2014. Purata pengeluaran Ladang Begia pada tahun 2013 adalah 14.40 tan/hektar dan tahun 2014 sebanyak 12.37 tan/hektar berbanding purata pengeluaran Ladang MPOB negeri Kedah adalah 19.09 tan/hektar dan 16.29 tan/hektar. Ini disebabkan kontraktor yang dilantik bagi kerja penuaian tidak melaksanakan kerja dengan cekap kerana menghadapi masalah kekurangan pekerja dan jentera. Purata pengeluaran Ladang yang rendah telah menjejaskan pendapatan keseluruhan LGMPC.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, purata pengeluaran buah tandan segar di Ladang Panti dan Penawar adalah pada paras yang tinggi dan baik kerana melebihi purata pengeluaran MPOB negeri Johor. Bagaimanapun, purata pengeluaran bagi Ladang Begia adalah kurang memuaskan kerana paling rendah berbanding purata pengeluaran Ladang Penawar, Ladang Panti, Ladang Ibam dan Ladang MPOB negeri Kedah.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Selain isu masalah kontraktor, kawasan Ladang Begia telah mengalami taburan hujan 50% kurang selama 6 bulan pada tahun 2014 iaitu pada bulan Januari, Februari, Mac, Mei, Julai dan Disember berbanding dengan</i></p>	<p>Peningkatan penggunaan pelepah di ladang sedang dilaksanakan dan merupakan proses berterusan yang diambil bertujuan meningkatkan kelembapan tanah.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>bulan yang sama pada tahun 2013. Ini telah mengakibatkan penghasilan yang rendah. Bagi mengurangkan kesan musim kering ke atas penghasilan buah tandan segar, pengurusan ladang telah meningkatkan penggunaan pelepah di ladang untuk megekalkan kelembapan tanah.</i></p>	
<p><b>8.4.1.1.c.ii</b></p>	<p><b>Keluasan Ladang Kelapa Sawit Hampir Menyamai Keluasan Ladang Getah</b></p> <p>Pihak Audit mendapati luas keseluruhan ladang LGM yang diuruskan oleh LGMPC adalah 2,897.92 hektar. Bagaimanapun, keluasan tanaman kelapa sawit meliputi 45.2% atau 1,311.21 hektar daripada jumlah keluasan ladang yang diuruskan oleh LGMPC. Semakan lanjut mendapati hanya Ladang Ibam dan Ladang Begia mempunyai tanaman getah seluas 1,540.66 hektar dan 46.05 hektar masing-masing manakala Ladang Penawar dan Ladang Panti tidak mempunyai tanaman getah. Keluasan tanaman sawit yang hampir menyamai keluasan ladang getah menyebabkan aktiviti teras dan objektif utama penubuhan LGM dan LGMPC untuk memajukan industri getah Malaysia tidak tercapai.</p> <p>Pada pendapat Audit, langkah LGM dan LGMPC menerokai tanaman kelapa sawit adalah wajar bagi menjana pendapatan dan diversiti ekonomi. Bagaimanapun, tumpuan yang sewajarnya perlu diberikan kepada tanaman getah selaras dengan matlamat penubuhan untuk memajukan industri getah di Malaysia dan kepakaran sedia ada dapat dimanfaatkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Ladang Begia ditanam dengan pokok kelapa sawit dengan usia pokok di antara 9 ke 10 tahun semasa pembelian Ladang oleh LGM. Penebangan pokok adalah tidak ekonomik untuk ditanam semula dengan getah. Usia semasa pokok telah menjangkau 20 tahun dan dijadualkan untuk ditebang serta ditanam semula dengan getah untuk penyelidikan LGM dalam tempoh 4 hingga 5 tahun. Bagi Ladang Ibam, Panti dan Penawar, kawasan ini lebih sesuai ditanam dengan kelapa sawit untuk mengoptimalkan pulangan kepada LGM bagi membiayai pembangunan penyelidikan.</i></p>	<p>LGMPC merancang untuk tanam semula getah di Ladang LGM Pahang Tenggara mulai tahun 2018 secara berperingkat sehingga tahun 2022.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.2.a.ii	<p><b>Pengurusan Ladang oleh LGMPC - Usia Pokok Getah Tua Dan Tidak Ditanam Semula</b></p> <p>Pihak Audit mendapati kawasan tanaman getah di Ladang Ibam adalah seluas 1,540.66 hektar di mana 37.3% atau 574.56 hektar tanaman getah di Fasa 4 dan 6 telah mencapai usia antara 25 sehingga 26 tahun. Program tanam semula belum dilaksanakan kerana pokok getah masih boleh mengeluarkan hasil menggunakan kaedah torehan menaik terkawal/ <i>Controlled Upward Tapping</i> (CUT) dan torehan parah. Selain itu, penggalak lateks juga digunakan bagi mengoptimumkan penghasilan susu getah. Bagaimanapun, kaedah torehan secara parah dan penggunaan penggalak lateks yang berlebihan menyebabkan penyakit kulit kering/<i>brown bast</i> banyak berlaku di kawasan ini.</p>	Pelaksanaan tanam semula akan bermula pada tahun 2018 memandangkan kepada usia semasa tanaman getah.
8.4.1.2.a.iii	<p>Semakan lanjut mendapati LGMPC belum memulakan program tanam semula kerana pokok getah masih boleh mengeluarkan hasil untuk tempoh 2 tahun. LGMPC merancang untuk menanam semula pokok getah dalam tahun 2017 atau 2018 dengan mewujudkan Tabung Tanam Semula untuk memastikan dana yang mencukupi bagi membiayai kos tanam semula. Dana yang diperuntukkan untuk Ladang Begia adalah RM0.50 juta setahun sejak tahun 2007 dan dinaikkan kepada RM1.50 juta mulai tahun 2011. Mulai tahun 2011 juga, dana yang diperuntukkan bagi Ladang Ibam adalah RM0.80 juta setahun manakala Ladang Panti dan Ladang Penawar masing-masing diperuntukkan sebanyak RM0.20 juta setahun. Jumlah keseluruhan Tabung Tanam Semula sehingga tahun 2015 adalah RM15.50 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, produktiviti getah di Ladang Ibam akan semakin menurun selepas torehan parah kerana usia pokok getah tua dan belum ditanam semula. Bagaimanapun, LGMPC mempunyai perancangan untuk tanam semula getah dengan menubuhkan Tabung Tanam Semula sejak tahun 2007.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Program Tanam Semula hanya boleh dilaksanakan apabila tanaman getah di Fasa 1 dan Fasa 2 sudah boleh ditoreh pada tahun 2017 atau 2018. Program tanam semula pokok getah tua dan tidak produktif akan dilakukan mulai tahun 2018.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.2.b.ii	<p><b>Pencerobohan Kawasan Di Ladang Begia, Sik Kedah</b></p> <p>Pihak Audit mendapati sebanyak 98.08 hektar atau 41.6% daripada 235.99 hektar kawasan yang tidak bertanam merupakan kawasan yang telah diceroboh oleh penduduk setempat sebagai kawasan penempatan, kebun getah, dusun buah-buahan, tapak semaian dan kawasan ternakan. Isu pencerobohan ini telah bermula sebelum ladang tersebut dibeli oleh LGM lagi dan sehingga kini masih belum ada penyelesaian terhadap tuntutan oleh penduduk terhadap tanah milik LGM. Ini menyebabkan LGMPC kehilangan hasil kerana tanah tidak dapat dibangunkan dan penyelesaian kepada perkara ini mengambil masa yang lama.</p>	<p>Perbincangan dengan Majlis Daerah serta Pejabat Tanah Sik telah diadakan pada Ogos 2015. Majlis Daerah Sik dan Pejabat Tanah Sik bersetuju dengan hasrat LGM untuk menyerahkan tanah lebihan tersebut kepada Kerajaan Negeri.</p> <p>LGM pada masa ini sedang dalam proses melantik juruukur untuk mengukur semula kawasan LGM, dengan anggaran kos sebanyak RM250,000 dan proses ini dijangka selesai pada bulan Mei 2016. Kerja-kerja mengukur dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2016 dan selesai pada bulan Ogos 2016.</p>
8.4.1.2.b.iii	<p>Lawatan Audit ke Ladang Begia pada 10 Disember 2015 mendapati papan tanda hak milik tanah bagi mengelak risiko pencerobohan tidak dipamer.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencerobohan tanah LGM menyebabkan LGMPC kehilangan hasil kerana tanah tidak dapat dibangunkan dan penyelesaian perkara ini mengambil masa yang lama.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Ladang Begia diperolehi oleh LGM pada harga RM37,653,300 dengan keluasan 996 hektar sahaja manakala 55 hektar adalah tanah lebihan yang diduduki oleh penduduk kampung yang mengusahakan tanaman getah dan dusun buah-buahan. Bancian pada tahun 2009 mendapati hanya 28 penduduk kampung yang tinggal dan mengusahakan tanaman dan ternakan di kawasan tersebut. Pada 15 Ogos 2015, Pejabat Tanah Daerah Sik, Kedah bersetuju dengan cadangan LGM untuk menyerahkan lebihan tanah berkenaan kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk tindakan selanjutnya. Ini termasuk mengeluarkan tanah-tanah tersebut daripada hak milik LGM.</i></p>	
8.4.1.3.a.ii	<p><b>Penyenggaraan Ladang - Kerja Membaja Tidak Mengikut Pusingan Yang Ditetapkan</b></p> <p>Lawatan Audit ke Ladang Ibam dan Ladang Begia pada bulan November dan Disember 2015 mendapati kerja membaja bagi tahun 2015 telah dilaksanakan mengikut pusingan yang ditetapkan. Bagaimanapun, kerja membaja untuk tanaman sawit di Blok 10 Ladang Begia seluas 151 hektar hanya mencapai 52.6% daripada sasaran yang ditetapkan. Program membaja bagi tahun 2015 di kawasan ini perlu dilakukan sebanyak 8 pusingan antara bulan Mei</p>	<p>Jadual program pembajaan bagi tahun 2016 telah disiapkan. Walau bagaimanapun, fenomena el-nino pada masa ini menyebabkan jadual pembajaan terpaksa dirombak kerana hujan diperlukan untuk membantu proses penyerapan baja. Jadual baru pembajaan bagi tahun 2016 akan bermula pada bulan Mei. Kontraktor sementara akan dilantik pada Mei 2016 bagi kerja-kerja pembajaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sehingga September 2015. Bagaimanapun, kerja membaja hanya dilakukan sehingga pusingan ke 4 yang dibuat pada 7 sehingga 12 November 2015. Ini disebabkan kontraktor bagi kerja membaja menghadapi masalah kekurangan pekerja.</p> <p>Pada pendapat Audit, aktiviti pembajaan di Ladang Begia adalah kurang memuaskan kerana tidak mengikut pusingan dan kaedah yang sepatutnya selaras amalan pertanian terbaik.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 4 Februari 2016 dan 8 Mac 2016</p> <p><i>Aktiviti pembajaan tidak mengikut tempoh yang ditetapkan kerana masalah kekurangan tenaga kerja di pihak kontraktor selain faktor cuaca hujan di waktu jadual pembajaan. Pada masa akan datang, pihak pengurusan ladang akan memastikan pembajaan dilakukan mengikut jadual. Ini termasuk melantik kontraktor sementara khusus untuk kerja membaja.</i></p>	
8.4.1.3.b.i	<p><b>Kerja Meracun Tidak Mengikut Pusingan Yang Ditetapkan</b></p> <p>Aktiviti meracun perlu bagi mengelak persaingan rumpai liar dengan tanaman utama dan memastikan segala nutrien yang diberikan untuk tanaman utama melalui pembajaan tidak diserap oleh rumpai liar. Kerja meracun dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik mengikut fasa dan perlu dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 18 bulan untuk 9 atau 6 pusingan di mana setiap pusingan adalah bagi tempoh 60 atau 90 hari. Kontraktor akan dikenakan wang tahanan sebanyak 10% daripada nilai bayaran setiap kali tuntutan dibuat dan akan dipulangkan selepas tamat kontrak jika LGMPC berpuas hati dengan kerja yang dilaksanakan.</p>	<p>Jadual meracun telah pun dilaksanakan mulai bulan Februari 2016. Ini adalah susulan pelantikan kontraktor baru pada bulan Disember 2015 bagi melaksanakan kerja-kerja meracun.</p>
8.4.1.3.b.ii	<p>Lawatan Audit ke Ladang Ibam pada 19 November 2015 mendapati kerja meracun di kawasan getah muda di Fasa 3B dan 3D masih belum dilaksanakan. Ini disebabkan kontraktor yang dilantik untuk meracun di kawasan tersebut bagi tempoh bulan Julai 2015 sehingga Disember 2016 telah menarik diri pada 15 November 2015. Nilai bagi kerja meracun untuk 6 pusingan di Fasa 3B adalah RM83,130 manakala bagi Fasa 3D untuk 9 pusingan adalah RM86,400. Wang tahanan tidak dikenakan kerana kontraktor belum memulakan kerja dan tidak membuat tuntutan. Ini menyebabkan LGMPC perlu melantik kontraktor yang baru dan kawasan ladang semak samun serta ditumbuhi rumpai liar.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, aktiviti meracun di Ladang Ibam adalah kurang memuaskan kerana kerja meracun masih belum dilaksanakan berikutan kontraktor yang dilantik telah menarik diri untuk melaksanakan kerja meracun.</p> <p>Maklum Balas D daripada LGMPC Diterima Pada 4 Februari 2016 dan 8 Mac 2016</p> <p><i>LGM memaklumkan kekerapan hujan yang melebihi kadar biasa telah menyebabkan jadual kerja meracun terpaksa dijadualkan semula. Pada tahun 2014, kawasan ini menerima hujan selama 106 hari dan ini menjejaskan jadual kerja meracun 3 kali setahun. Bagaimanapun, LGMPC telah melantik pihak ketiga untuk menyelesaikan kerja meracun di kawasan tersebut.</i></p>	
8.4.1.3.c.ii	<p><b>Jalan Pertanian Tidak Boleh Dilalui Oleh Kenderaan Ladang</b></p> <p>Lawatan Audit ke Ladang Begia pada 10 Disember 2015 mendapati jalan pertanian di Blok 5 dan 11 Ladang Begia tidak boleh dilalui oleh kenderaan ladang untuk mengangkut hasil tuaian kelapa sawit. Ini disebabkan struktur tanah yang bercerun dan pembinaan jalan tidak mengikut kaedah yang sepatutnya di mana pembinaan jalan dibuat secara menegak. Oleh itu, LGMPC terpaksa membantu kontraktor tuaian untuk mengeluarkan hasil tuaian di kawasan yang bercerun menggunakan kenderaan <i>backhoe</i> milik LGMPC. Ini secara tidak langsung meningkatkan kos dan perbelanjaan LGMPC.</p> <p>Maklum Balas D daripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>LGMPCC memaklumkan kerja baikpulih jalan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2015 dan akan diteruskan mengikut jadual.</i></p>	<p>Kerja baikpulih semasa berlakunya tanah runtuh akibat musim tengkujuh yang lalu telah siap pada penghujung Disember 2015. Kerja-kerja pemantauan terus dibuat terhadap kesan-kesan awal hakisan dan kerja-kerja pembaikan akan segera dilaksanakan jika terdapat tanda-tanda tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.4.1.3.d.i	<p><b>Hakisan Dan Tanah Runtuh Dalam Kawasan Ladang</b></p> <p>Sistem perparitan di ladang perlu disediakan secara sistematik dan disenggara mengikut kekerapan yang ditetapkan. Punca air masuk dan keluar perlu dikenal pasti bagi memastikan aliran air dan operasi harian ladang berjalan dengan lancar serta mencapai matlamat yang ditetapkan.</p>	<p>Masalah ladang dengan tanah berpasir dan berbukit menyebabkan jalan dan parit sering rosak akibat hakisan air. Antara perkara yang telah dilaksanakan ialah menurap jalan dengan batu kerikil dan meletak bongkah batu di dalam parit bagi memperlambatkan aliran air di dalam parit dan seterusnya mengurangkan hakisan air dalam sistem perparitan.</p>
8.4.1.3.d.ii	<p>Lawatan Audit ke Ladang Begia pada 10 Disember 2015 mendapati sistem perparitan di blok 5 dan blok 6 adalah kurang sesuai dan sering berlaku hakisan tanah. Struktur parit yang bercerun menyebabkan aliran air hujan mengalir deras mengakibatkan berlakunya hakisan teruk dan tanah runtuh terutama di kawasan berpasir. Selain itu, pihak pengurusan LGMPC gagal mengenal pasti sistem aliran air secara menyeluruh di kawasan ladang kerana analisis tanah tidak dilakukan selepas penyerahan ladang oleh LGM kepada LGMPC.</p> <p>Pada pendapat Audit, jalan pertanian dan sistem perparitan bagi kawasan bercerun di Ladang Begia adalah kurang sesuai dan berisiko untuk berlaku lebih banyak hakisan dan tanah runtuh.</p> <p>Maklum Balas D daripada LGMPC Diterima Pada 4 Februari 2016 dan 8 Mac 2016</p> <p><i>LGMPC telah berusaha menangani masalah hakisan dan tanah runtuh di ladang dengan menggunakan bongkah batu besar yang disusun untuk dijadikan dinding perparitan dan penahan bagi mengurangkan kederaan air dan hakisan. Penggunaan pembentung (culvert) di persimpangan perparitan juga dilakukan supaya aliran air atau outlet lebih sistematik dan tidak menjejaskan struktur parit yang sedia ada. Kerja pembaikan telah siap dilaksanakan di kawasan yang terjejas dan kerja lain masih diteruskan.</i></p>	
8.4.1.4.b	<p><b>Perolehan Pembangunan Ladang Lebih Tinggi Daripada Harga Kajian Pasaran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati perolehan secara tender bagi pembangunan Fasa 1/3E Ladang Ibam adalah berjumlah RM886,629 lebih tinggi berbanding harga kajian pasaran yang ditetapkan oleh LGMPC berjumlah RM681,463 dengan perbezaan sejumlah RM205,166 atau 30.0%. Semakan lanjut terhadap setiap item harga tender mendapati berlaku peningkatan tidak munasabah dalam harga petender sehingga 180.0% berbanding harga pasaran yang ditetapkan</p>	<p>Semua tender-tender baru akan disediakan dengan kajian harga terperinci yang munasabah berdasarkan kos/pasaran harga semasa dan mendapatkan nasihat daripada perunding yang berkaitan sekiranya perlu.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh pengurusan ladang LGMPC.	
8.4.1.4.c	<p>Selain itu, peti tender lewat dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender selama 13 hari selepas tarikh tutup tender tamat. Semakan Audit juga mendapati Jawatankuasa Teknikal turut menilai harga petender yang sepatutnya hanya boleh dinilai oleh Jawatankuasa Kewangan. Keadaan ini menyebabkan pertindihan fungsi antara Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Teknikal yang boleh menyebabkan berlakunya manipulasi terhadap keputusan tender.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan secara tender bagi pembangunan Fasa 1/3E Ladang Ibam adalah tidak teratur kerana terdapat perbezaan tidak munasabah di antara harga petender dan harga kajian pasaran, peti tender lewat dibuka selama 13 hari dari tarikh tutup tender dan pertindihan fungsi Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan.</p> <p>Maklum Balas D daripada LGMPC Diterima Pada 4 Februari 2016 dan 8 Mac 2016</p> <p><i>LGMPCC akan memastikan kajian pasaran dilakukan terlebih dahulu dan ianya menjadi rujukan bagi penawaran tender pada masa akan datang. LGMPCC juga mengambil perhatian mengenai kelewatan membuka tender oleh Jawatankuasa Buka Tender dan akan memastikan perkara ini tidak berulang. LGMPCC juga akan mengkaji semula mengenai keanggotaan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan supaya fungsi kedua-dua jawatankuasa ini lebih berkesan. Sebarang cadangan perubahan keanggotaan jawatankuasa berkenaan akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan.</i></p>	
8.4.1.5.b	<p><b>Tiada Garis Panduan Bagi Pengurusan Ladang</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Unit Perladangan LGMPC ada menyediakan <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) bagi pengurusan ladang. Bagaimanapun, SOP yang disediakan tidak menyeluruh dan tidak kemas kini. Semakan Audit selanjutnya mendapati SOP Unit Perladangan Ladang Ibam Muazam Shah Pahang diluluskan oleh Pengurus Kanan (Perladangan) pada bulan Julai 2007 manakala Ladang Begia, Sik Kedah tidak mempunyai SOP bagi pengurusan Ladang. Selain itu, LGMPC juga menggunakan pakai <i>Good Agricultural Practices</i> (GAP) yang dikeluarkan oleh MPOB.</p>	SOP Pengurusan Ladang telah digunapakai mulai bulan April 2016, dan penambahbaikan terhadap SOP akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, penyediaan Garis Panduan Pengurusan ladang adalah kurang memuaskan kerana tidak lengkap dan menyeluruh serta tidak kemas kini bagi memastikan pengurusan ladang dapat dilaksanakan dengan cekap dan mengikut amalan pertanian terbaik.</p> <p>Maklum Balas Dripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>Bagi memantapkan pengurusan dan kecekapan pengurusan ladang, Standard Operating Procedures (SOP) Pengurusan Ladang telah dikemas kini dan akan dilaksanakan pada bulan April 2016.</i></p>	
8.4.2.1.a.ii	<p><b>Pengurusan Bangunan Dan Kemudahan - Sewaan Bangunan - Prestasi Kutipan Sewa</b></p> <p>Analisis Audit terhadap prestasi kutipan sewa berbanding sasaran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prestasi kutipan sewa bagi Kompleks BGA bagi tahun 2013 sehingga 2015 mencapai 90.7% sehingga 96.3% daripada sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2015, kutipan sewa Kompleks BGA adalah RM4.79 juta berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM5.28 juta.</li> <li>• Bagi sewaan banglo, prestasi kutipan pada tahun 2013 hanya mencapai 72.6% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi kutipan mencapai sasaran antara 112.7% dan 127.1% bagi tahun 2014 dan 2015 kerana unjuran yang dibuat bagi tahun 2014 dan 2015 adalah rendah berbanding unjuran tahun 2013.</li> <li>• Prestasi kutipan sewa bagi kemudahan pula adalah baik kerana menunjukkan peningkatan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Sewaan bagi <i>billboard</i> dan <i>pylon</i> meningkat pada tahun 2013 sehingga 2015 berbanding sasaran kerana pertambahan bilangan <i>billboard</i> dan papan iklan yang disewakan.</li> </ul> <p>Maklum Balas Dripada LGMPC Diterima Pada 8 Mac 2016</p> <p><i>LGMPC akan meneruskan usaha bagi mencapai tahap kutipan sewa 100 peratus. Pada masa-masa akan datang, LGMPC akan meneliti risiko dan</i></p>	<p>Bagi mengelak risiko penyewa yang bermasalah, penelitian terhadap permohonan untuk penyewa-penyewa yang baru telah dibuat dengan memastikan maklumat-maklumat latar belakang syarikat diperolehi sebelum tawaran penyewaan dikeluarkan. Maklumat-maklumat tersebut adalah seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang 24 – <i>Return Of Allotment Of Shares</i> (Jumlah Saham Modal Syarikat);</li> <li>ii. Borang 49 – Senarai pengarah syarikat;</li> <li>iii. Borang 9 - Pendaftaran Syarikat SSM serta menyemak rekod seperti penggulungan syarikat jika ada – Perakuan Pemerbadanan Syarikat (Akta Syarikat 1965); dan</li> <li>iv. Penyata bank terkini</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>keupayaan bakal penyewa sebelum premis disewakan.</i>	
8.4.3.2	<p><b>Mekanisme Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati isu, masalah dan laporan berkaitan pengurusan ladang serta bangunan ada dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat pengurusan. Antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah adalah prestasi pengeluaran getah dan buah tandan segar bagi setiap ladang, kemajuan kerja tanam semula dan kawasan baru dan pelan tindakan untuk menambahbaik ladang LGM yang diuruskan oleh LGMPC. Isu dan masalah berkaitan ladang, sewaan bangunan/kemudahan dan penyenggaraan juga ada dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan, mesyuarat penyenggaraan harta dan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Parkir. Selain itu, Laporan Bahagian Hartanah dan Laporan Penyenggaraan juga disediakan pada setiap bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan terhadap pengurusan hartanah adalah baik dan menyeluruh. Prestasi ladang dan sewaan bangunan dibentangkan di dalam Lembaga Pengarah di mana ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pengarah LGM serta wakil pengurusan LGM hadir dalam mesyuarat tersebut.</p> <p>Maklum Balas Daripada LGMPC Diterima Pada 4 Februari 2016</p> <p><i>LGMPC sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sentiasa mendapatkan tunjuk ajar dan panduan dari pihak Lembaga Pengarah LGMPC, pihak LGM, pihak pengurusan dan juga pihak Audit sendiri supaya setiap tindakan yang dilakukan menepati peraturan, arahan dan garis panduan yang dibenarkan.</i></p>	<p>Mesyuarat Lembaga Pengarah LGMPC akan diadakan pada Mei 2016 dengan membentangkan prestasi suku tahun pertama sehingga 31 Mac 2016 termasuk perkara-perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pemantauan kepada kerja-kerja penyelenggaraan ladang; iaitu pemangkas, pembajaan, meracun;</li> <li>ii. Kemajuan kawasan tanaman semula, kawasan baru dan isu-isu semasa; dan</li> <li>iii. Prestasi kutipan sewa dan pendapatan lain daripada Bahagian Hartanah.</li> </ol>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**LEMBAGA TABUNG HAJI**

**Perenggan 9 : Pengurusan Penginapan Dan Pengangkutan Jemaah Haji Di Tanah Suci**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>9.4.1.1</b>	<b>Penginapan Di Mekah</b>  Keperluan bangunan penginapan jemaah haji adalah untuk 22,320 jemaah setelah mengambil kira pengurangan 20% kuota asas Malaysia sebanyak 27,900 orang. Mesyuarat Jawatankuasa Bangunan Penginapan Jemaah Haji pada bulan Mac 2015 telah meluluskan penyewaan 9 buah bangunan penginapan.	LTH mengambil maklum pengauditan yang dijalankan mendapati aktiviti pengurusan penginapan dan pengangkutan untuk jemaah haji di Tanah Suci bagi Musim Haji 1436H/2015M adalah baik.
<b>9.4.1.2</b>	Pada 9 September 2015, Kementerian Haji Arab Saudi telah meluluskan penambahan kuota seramai 5,580 orang. Bagaimanapun, hanya 1,116 kuota tambahan jemaah haji dapat diisi setelah mengambil kira tarikh akhir tempahan penerbangan haji pada 17 September 2015. Sehubungan itu, terdapat keperluan tambahan penginapan sebanyak 1,116 katil di Mekah. LTH telah menyewa Bangunan Burj Al Haram di Mekah dengan kos sejumlah RM4.47 juta (SAR3.96 juta) bagi menampung keperluan tersebut.	
<b>9.4.1.3</b>	LTH telah membelanjakan sejumlah RM162.81 juta (SAR159.87 juta) bagi menempatkan seramai 22,655 jemaah haji di Mekah dan kadar sewaan seorang adalah antara RM4,633 (SAR4,100) hingga RM8,984 (SAR7,950) dan kadar sewaan purata setiap jemaah haji adalah sejumlah RM6,845 (SAR6,058) seorang. Jemaah haji ini dibahagikan kepada 7 maktab dan ditempatkan di bangunan penginapan mengikut maktab masing-masing.	
<b>9.4.1.4</b>	Semakan Audit mendapati sebanyak 22,655 katil telah disewa untuk jemaah haji. Pengisian yang dibuat adalah sebanyak 21,457 katil atau 94.7% iaitu 20,492 katil oleh jemaah haji dan 965 untuk petugas haji serta keperluan operasi Pusat Perkhidmatan Maktab. Mengikut syarat Kementerian Haji Arab Saudi, sebanyak 223 katil atau 1% daripada 22,320 kuota rasmi asal tidak boleh diisi. Selain itu, LTH juga menetapkan 409 atau 2% tidak diisi bagi keperluan mengurus jemaah haji muassasah. Sehubungan itu, jumlah katil yang tidak diisi adalah sebanyak 566 atau 2.5% dengan kos sejumlah RM3.87 juta.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
	<p>Maklum Balas Daripada LTH Diterima Pada 23 Februari 2016</p> <p><i>LTH memaklumkan pengurusan penginapan ditadbir urus oleh Jawatankuasa Bangunan Penginapan Jemaah Haji (BPJH). Keperluan sebenar katil berbanding kapasiti untuk Musim Haji 1436H adalah seperti berikut:-</i></p> <table border="1" data-bbox="416 480 1088 1145"> <thead> <tr> <th><b>PERKARA</b></th> <th><b>JUMLAH</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>Keperluan katil jemaah haji Muassasah</i></td> <td><i>20,492</i></td> </tr> <tr> <td><i>Tambah:</i></td> <td></td> </tr> <tr> <td><i>Syarat Kementerian Haji Arab Saudi (1% kuota rasmi asal 22,320)</i></td> <td><i>223</i></td> </tr> <tr> <td><i>Kelegaah mengurus jemaah haji Muassasah</i></td> <td><i>409</i></td> </tr> <tr> <td><i>Keperluan operasi Ibu Pejabat dan penginapan petugas haji</i></td> <td><i>245</i></td> </tr> <tr> <td><i>Keperluan operasi Pusat Perkhidmatan Maktab (PPM &amp; Rais Maktab)</i></td> <td><i>720</i></td> </tr> <tr> <td><i>Jumlah kecil</i></td> <td><i>1,597</i></td> </tr> <tr> <td><i>Jumlah besar keperluan katil (A)</i></td> <td><i>22,089</i></td> </tr> <tr> <td><i>Kapasiti katil untuk 10 BPJH (B)</i></td> <td><i>22,655</i></td> </tr> <tr> <td><i>Kelebihan katil (B – A)</i></td> <td><i>566</i></td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>2.5%</b></td> </tr> </tbody> </table> <p><i>LTH juga memaklumkan kapasiti katil di BPJH perlu mengambil kira pengisian oleh jemaah haji Muassasah dan keperluan operasi serta kelegaah pengurusan iaitu penyewaan seluruh bangunan, pengisian jemaah mengikut alokasi kapal terbang (KT) kepada Maktab, kepatuhan kepada peraturan Kementerian Haji dan Muassasah Tawafah Asia Tenggara dan kelegaah bilik untuk keperluan operasi.</i></p>	<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>	<i>Keperluan katil jemaah haji Muassasah</i>	<i>20,492</i>	<i>Tambah:</i>		<i>Syarat Kementerian Haji Arab Saudi (1% kuota rasmi asal 22,320)</i>	<i>223</i>	<i>Kelegaah mengurus jemaah haji Muassasah</i>	<i>409</i>	<i>Keperluan operasi Ibu Pejabat dan penginapan petugas haji</i>	<i>245</i>	<i>Keperluan operasi Pusat Perkhidmatan Maktab (PPM &amp; Rais Maktab)</i>	<i>720</i>	<i>Jumlah kecil</i>	<i>1,597</i>	<i>Jumlah besar keperluan katil (A)</i>	<i>22,089</i>	<i>Kapasiti katil untuk 10 BPJH (B)</i>	<i>22,655</i>	<i>Kelebihan katil (B – A)</i>	<i>566</i>		<b>2.5%</b>	
<b>PERKARA</b>	<b>JUMLAH</b>																									
<i>Keperluan katil jemaah haji Muassasah</i>	<i>20,492</i>																									
<i>Tambah:</i>																										
<i>Syarat Kementerian Haji Arab Saudi (1% kuota rasmi asal 22,320)</i>	<i>223</i>																									
<i>Kelegaah mengurus jemaah haji Muassasah</i>	<i>409</i>																									
<i>Keperluan operasi Ibu Pejabat dan penginapan petugas haji</i>	<i>245</i>																									
<i>Keperluan operasi Pusat Perkhidmatan Maktab (PPM &amp; Rais Maktab)</i>	<i>720</i>																									
<i>Jumlah kecil</i>	<i>1,597</i>																									
<i>Jumlah besar keperluan katil (A)</i>	<i>22,089</i>																									
<i>Kapasiti katil untuk 10 BPJH (B)</i>	<i>22,655</i>																									
<i>Kelebihan katil (B – A)</i>	<i>566</i>																									
	<b>2.5%</b>																									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.4.1.4</b></p>	<p>Lawatan Audit ke semua bangunan penginapan di Mekah mendapati kemudahan yang disediakan adalah baik kecuali perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kesemua bangunan penginapan tidak mematuhi perjanjian untuk menukar cadar dan sarung bantal sebanyak 4 kali sepanjang musim haji. Cadar hanya akan ditukar sekiranya ada permintaan dari jemaah tetapi kebanyakan maktab tidak memaklumkan perkara ini.</li> <li>Kesemua bangunan penginapan tidak disediakan tilam baru.</li> <li>Hotel Rawdhat Al Shourouq dan Burj Al Haram tidak menyediakan telefon dalam bilik hotel seperti yang disyaratkan dalam perjanjian.</li> <li>Mesin faks tidak disediakan di pejabat operasi semua bangunan penginapan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian.</li> <li>Sebanyak 9 daripada 10 bangunan penginapan tidak membekalkan mesin fotostat di pejabat operasi.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kemudahan-kemudahan yang dinyatakan dalam perjanjian penyewaan adalah untuk memastikan pemilik bangunan mempunyai obligasi kepada TH untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti cadar, sarung bantal dan tilam apabila diminta. Dengan itu pemilik bangunan perlu menukar cadar sekiranya ada permintaan. Penggunaan sebenar kemudahan asas tersebut adalah bergantung kepada permintaan dari Pengurus Maktab berdasarkan keperluan semasa operasi. Para jemaah telah dimaklumkan tentang kemudahan ini semasa sesi taklimat yang dianjurkan oleh pengurusan maktab.</li> <li>Kesemua bangunan penginapan menyediakan katil bersama tilam. Tilam yang disediakan tidak semestinya baru jika keadaan masih elok.</li> <li>Kebanyakan bilik di Rawdhat Al Shourouq mempunyai telefon. Bagi bilik yang tiada, kemungkinan telefon tersebut telah dibawa keluar atau dialih dari kedudukan asal apabila katil-katil disusun semula ke bahagian tepi bilik. Burj Haram telah disewa di saat-saat akhir apabila kuota tambahan diperolehi kerana tidak terdapat banyak pilihan ketika itu. Tiada kemudahan telefon secara <i>centralised</i> seperti PABX kerana unit-unit dimiliki ramai pemilik dan tiada keseragaman keperluan dan kemudahan yang disediakan.</li> </ol>
<p><b>9.4.1.5</b></p>	<p>Lawatan Audit ke bilik penginapan mendapati pengisian jemaah haji di beberapa bangunan penginapan adalah agak padat antara 4 hingga 10 orang bergantung kepada saiz bilik.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penginapan di Mekah adalah baik. Bagaimanapun, penggunaan bilik penginapan secara optimum dan penyediaan kemudahan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian dapat meningkatkan lagi keselesaan jemaah haji.</p> <p>Maklum Balas D daripada LTH Diterima Pada 23 Februari 2016</p> <p><i>LTH memaklumkan sebagai usaha penambahbaikan, LTH akan mengkaji semula senarai kemudahan asas yang sepatutnya disediakan oleh pemilik BPJH mengikut kesesuaian dan selaras dengan keperluan semasa operasi Maktab. Pengisian bilik mematuhi peraturan semasa pihak berkuasa Arab Saudi yang menetapkan kapasiti setiap bangunan berdasarkan keluasan bilik dan ruang sekurang-kurangnya 4 meter persegi untuk setiap jemaah.</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Dengan adanya alat-alat dan keperluan komunikasi dan perhubungan yang lengkap seperti telefon bimbit dan capaian <i>internet</i> disediakan di pejabat-pejabat pengurusan maktab, penggunaan mesin fax tidak diperlukan lagi.</li> <li>Begitu juga keperluan untuk mesin fotostat adalah minimal kerana telah terdapat komputer dan mesin pencetak di pejabat pengurusan maktab.</li> </ol> <p>Dari aspek penggunaan, secara dasarnya LTH telah menetapkan pengisian untuk jemaah haji Muassasah adalah di antara 4 hingga 8 orang sebilik, dan satu bilik air akan disediakan untuk setiap bilik penginapan. Tiada pengisian 10 orang sebilik, cuma di Bangunan Land Premium, terdapat 2 bilik suite dengan 2 bilik air disediakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.4.3.1.b	<p><b>Pengurusan Operasi Masya'ir - Persediaan Khemah di Arafah</b></p> <p>Lawatan Audit pada 18 September 2015 iaitu 3 hari sebelum tarikh khemah sepatutnya siap mendapati pemasangan khemah baru dimulakan dan kemudahan asas masih belum disediakan oleh pihak Muassasah Asia Tenggara dengan sempurna</p> <p>Maklum Balas Daripada LTH Diterima Pada 23 Februari 2016</p> <p><i>LTH memaklumkan persiapan khemah di Arafah hanya dimulakan selepas semua prasarana di Mina selesai. Pemasangan khemah jemaah haji dan persediaan kemudahan asas di Arafah telah dapat disiapkan sepenuhnya pada 22 September 2015 bersamaan 8 Zulhijjah 1436 iaitu sehari sebelum hari Wukuf.</i></p>	
9.4.3.2.a	<p><b>Operasi Masya'ir - Pemasangan Khemah Tidak Sempurna</b></p> <p>Pemasangan khemah jemaah di Maktab 83 tidak sempurna kerana bumbung khemah yang koyak dan tidak bercantum antara satu sama lain serta terdedah kepada matahari. Ini boleh menyebabkan jemaah haji terdedah kepada serangan penyakit <i>heat stroke</i> akibat daripada cuaca panas. Selain itu, khemah yang dipasang di Maktab 91, Blok D/1L – 21L adalah tidak kemas, longgar dan tiang khemah bengkok. Ini boleh menyebabkan risiko khemah roboh dan memudaratkan jemaah haji sekiranya berlaku tiupan angin pasir. Pihak Audit dimaklumkan telah berlaku kejadian khemah runtuh akibat ribut pasir di Maktab 89 pada malam 22 September 2015 tetapi tindakan segera telah diambil oleh LTH.</p>	<p>Dari aspek keselamatan, sempadan Maktab adalah dengan sekatan zink dan terdapat ruang terbuka untuk pergerakan jemaah. Ini adalah arahan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mengawal keselamatan sekiranya berlaku kebakaran/kecemasan dan memudahkan pergerakan jemaah apabila kawasan perkhemahan perlu dikosongkan segera.</p>
9.4.3.2.b	<p><b>Keselamatan Jemaah</b></p> <p>Kawasan Maktab 83 hanya ditutup dengan zink yang tidak kukuh menyebabkan khemah boleh diceroboh oleh jemaah dari negara lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan LTH terhadap kerja pihak Muassasah adalah kurang memuaskan kerana khemah tidak dipasang dengan kemas, tiada penghadang atau tirai penutup, tiang kayu khemah bengkok dan condong. Selain itu, petugas Muassasah lelaki yang berlegar di khemah jemaah wanita boleh menjejaskan keselesaan dan keselamatan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada LTH Diterima Pada 23 Februari 2016</p> <p><i>LTH memaklumkan perancangan pemasangan khemah adalah berasaskan pelan kroki yang disediakan oleh Muasasah Tawafah Asia Tenggara (MTAT) berdasarkan keluasan kawasan yang ditetapkan oleh Kementerian Haji Arab Saudi. Sebahagian kawasan di Arafah sememangnya tidak dapat didirikan khemah atau tidak berbumbung kerana terdapat pokok-pokok besar di situ. Dari aspek keselamatan, sempadan Maktab adalah dengan sekatan zink dan terdapat ruang terbuka untuk pergerakan jemaah. Ini telah mengambil kira keperluan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mengawal keselamatan sekiranya berlaku kebakaran dan memudahkan pergerakan jemaah apabila kawasan perkhemahan perlu dikosongkan dengan segera. LTH telah membincangkan semua penemuan dan isu yang timbul untuk mencari kaedah penambahbaikan di musim haji akan datang ketika mesyuarat penutup di antara MTAT dan LTH selepas tamat operasi haji.</i></p>	



**SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**

**Perenggan 11 : Pengurusan Syarikat LADA Eco-Tourism Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.1.3.a	<p><b>Prestasi Kewangan - Analisis Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa</b></p> <p>Nisbah Semasa atau Nisbah Kecairan Aset adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekukuhan kewangan sesebuah syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan sesebuah syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa yang baik adalah melebihi 2 iaitu pada bila-bila masa syarikat mampu membayar pemiutangnya. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa bagi tahun 2010, 2011, 2013 dan 2014 adalah baik iaitu melebihi daripada 2. Bagaimanapun, Nisbah Semasa bagi tahun 2012 adalah memuaskan iaitu 1.87. Ini berlaku kerana liabiliti semasa LETSB telah meningkat 69.9% manakala aset semasa hanya meningkat 48.1% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan liabiliti semasa yang tinggi adalah disebabkan oleh peningkatan pelbagai pemiutang dan akruan berjumlah RM4.16 juta pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM1.88 juta. Antara pelbagai pemiutang dan akruan pada tahun 2012 adalah lain-lain pemiutang berjumlah RM2.74 juta, pemiutang daripada Mutiara Burau Bay Beach Resort berjumlah RM992,344, deposit sewa berjumlah RM218,524 dan akruan berjumlah RM207,771.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.1.3.d
11.4.1.3.b	<p><b>Margin Untung Bersih</b></p> <p>Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi setiap pendapatan. Pada tahun 2011, Margin Untung Bersih LETSB menurun kepada 2.4% berbanding 12% pada tahun 2010 disebabkan oleh penurunan keuntungan selepas cukai sejumlah RM1.63 juta. Pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Margin Untung Bersih bernilai negatif disebabkan oleh kerugian yang dialami bagi tempoh tersebut. Analisis ini menunjukkan bahawa LETSB tidak mencapai Margin Untung Bersih yang disasarkan iaitu antara 10.3% hingga 26.1%.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.1.3.c	<p><b>Pulangan Atas Aset</b></p> <p>Pulangan Atas Aset adalah untuk mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi iaitu semakin tinggi peratusan semakin baik keupayaan aset untuk menjana pendapatan. Pada tahun 2010, Pulangan Atas Aset sebanyak 9.2% telah menurun kepada 1.7% pada tahun 2011 disebabkan keuntungan bersih selepas cukai menurun kepada RM0.38 juta berbanding RM2.01 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Pulangan Atas Aset bernilai negatif disebabkan oleh kerugian yang dialami bagi tempoh tersebut.</p>	
11.4.1.3.d	<p><b>Pulangan Atas Ekuiti</b></p> <p>Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti semakin baik prestasi syarikat kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada dana pemegang saham. Pada tahun 2010 dan 2011, Pulangan Atas Ekuiti LETSB adalah positif iaitu 18.1% dan 3.4%. Bagaimanapun, pada tahun 2012, 2013 dan 2014, Pulangan Atas Ekuiti adalah negatif yang berpunca daripada kerugian yang dialami pada tahun-tahun tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan LETSB bagi tahun 2010 sehingga 2014 adalah kurang memuaskan kerana LETSB telah mengalami kerugian untuk tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2012 sehingga 2014. Ini memberi kesan kepada Margin Untung Bersih, Pulangan Atas Aset dan Pulangan Atas Ekuiti yang mencatatkan peratusan negatif bagi tahun-tahun tersebut.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 24 Februari 2016</p> <p><i>Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan setiap business centre di LETSB menunjukkan peningkatan dari segi hasil serta pengurangan kos. Usaha tersebut telah berjaya memastikan syarikat memperoleh keuntungan bagi tahun 2015 sehingga bulan Januari 2016 berjumlah RM0.43 juta. Selain itu, prestasi Kewangan syarikat terus dipantau dengan rapi bagi memastikan syarikat memperoleh keuntungan bagi tahun 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.1.a.ii	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Pengurusan Perhotelan – Kadar Purata Penginapan Hotel</b></p> <p>Semakan Audit mendapati LETSB tidak menetapkan sasaran kadar purata penginapan bagi tahun 2013 dan 2014 yang perlu dicapai bagi semua hotel di bawah pengurusannya, bagaimanapun sasaran bagi tahun 2015 dan 2016 telah dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LETSB pada 5 Jun 2015. Analisis Audit terhadap Laporan Jualan Bulanan Hotel mendapati kadar purata penginapan Geopark Hotel melebihi 50% bagi tahun 2012 sehingga 2014. Kadar purata penginapan bagi Geopark Inn pula sebanyak 15.5% dan The Gemalai Village sebanyak 49.2% adalah rendah berbanding kadar purata penginapan negeri Kedah.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.2.1.a.iii
11.4.2.1.a.iii	<p>Analisis Audit mendapati kadar purata penginapan bagi Geopark Hotel menunjukkan peningkatan daripada 52.2% pada tahun 2012 kepada 58.9% pada tahun 2013 dan menurun kepada 56.3% pada tahun 2014. Kadar purata penginapan ini adalah selari dengan kadar purata penginapan hotel bagi negeri Kedah. Kadar purata penginapan Geopark Inn pada tahun 2014 adalah rendah iaitu 15.5% kerana baru beroperasi pada bulan Jun 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan sasaran yang ditetapkan bagi kadar purata penginapan tahunan yang perlu dicapai bagi semua hotel di bawah pengurusan LETSB mengakibatkan keberkesanan dan prestasi kadar penginapan tidak dapat dinilai bagi tujuan penambahbaikan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015 dan 18 Februari 2016</p> <p><i>Geopark Inn merupakan projek baru untuk membangunkan Pekan Rabu sebagai pusat perniagaan yang berdaya maju kerana selama ini projek Pekan Rabu tidak membawa pulangan yang setimpal kepada LADA. Sebagai permulaan, LETSB telah menjangkakan Pulangan Atas Pelaburan akan diperolehi pada tahun ketiga operasi Geopark Inn. Selain itu, penetapan kadar purata penginapan bagi tahun 2016 adalah Geopark Hotel sebanyak 60%, Geopark Inn sebanyak 60% dan The Gemalai Village sebanyak 70%.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.2.a.ii	<p><b>Sewaan Premis Dan Tapak Perniagaan - Perjanjian Sewaan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati perjanjian sewaan tidak disediakan bagi 5 atau 7.8% daripada 64 lot kedai di Oriental Village dan 9 atau 4.7% daripada 19 lot kedai di Ayer Hangat Village. Sebanyak 3 perjanjian untuk lot kedai di Oriental Village telah tamat tempoh antara bulan Mac 2014 sehingga Mac 2015.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.2.2.a.iii
11.4.2.2.a.iii	<p>Selain itu, perjanjian antara LADA dan LETSB juga tidak disediakan bagi penyerahan hak pengurusan Ayer Hangat Village secara sah kepada LETSB mulai Januari 2014 seperti keputusan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 22 Februari 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perjanjian bagi sewaan tapak/premis perniagaan oleh LETSB dan penyerahan pengurusan Ayer Hangat Village oleh LADA kepada LETSB adalah tidak memuaskan kerana 14 perjanjian sewaan lot dan perjanjian penyerahan Pengurusan Ayer Hangat Village kepada LETSB tidak disediakan. Ketiadaan perjanjian ini boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan syarat perjanjian tidak dapat diambil dan kepentingan syarikat tidak dipelihara dengan sewajarnya.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 24 Februari 2016</p> <p><i>Mulai 1 Julai 2015, pengurusan hartanah Oriental Village telah diambil alih oleh LADA dan diserahkan kepada Syarikat Panorama Langkawi Sdn. Berhad (PLSB). Perjanjian sewaan bagi lot kedai di Oriental Village yang diuruskan oleh PLSB telah disempurnakan. Perjanjian 9 lot kedai di Ayer Hangat Village juga telah disediakan. LETSB telah mengambil langkah proaktif terhadap penyewa-penyewa dengan mewujudkan proses kerja yang lebih teratur seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Mengeluarkan surat tawaran kepada penyewa</i></li> <li><i>ii. Akuan penerimaan tawaran penyewaan daripada penyewa</i></li> <li><i>iii. Perjanjian antara penyewa dan LETSB</i></li> </ul> <p><i>Terma dan syarat perjanjian Manage &amp; Operate telah dimuktamadkan. Majlis menandatangani perjanjian telah ditetapkan pada 7 April 2016.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>11.4.2.2.b</b></p>	<p><b>Lot Kedai Tidak Disewakan</b></p> <p>Sewaan lot kedai di Oriental Village bertujuan memberi ruang dan peluang kepada usahawan bagi mempromosikan hasil keluaran tempatan kepada pengunjung. Semakan Audit mendapati lot kedai yang tiada penyewa adalah sebanyak 3 atau 4.7% daripada 64 unit di Oriental Village dan 4 atau 21.1% daripada 19 unit di Ayer Hangat Village. Sehingga bulan April 2015, LETSB kehilangan anggaran sewaan sejumlah RM81,334 dalam tempoh antara 1 sehingga 21 bulan. Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 22 Februari 2014 telah memutuskan LETSB mengenal pasti pengusaha kraftangan yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Bagaimanapun, LETSB masih gagal mendapatkan penyewa bagi kedai dan mengakibatkan hasil tidak dapat dijana serta boleh menjejaskan tarikan pelancong ke Oriental Village dan Ayer Hangat Village.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penyewaan lot kedai dan tapak perniagaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat lot kedai yang masih belum dapat disewakan menyebabkan LETSB kehilangan hasil sejumlah RM81,334.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>Pengurusan hartanah Oriental Village telah diambil alih oleh Panorama Langkawi Sdn. Berhad mulai pada 1 Julai 2015. Semua lot kedai di Oriental Village telah disewakan oleh PLSB. Bagi Ayer Hangat Village, sebanyak 2 lot unit kedai telah disewakan pada 1 November 2015 dan baki 2 lot masih kosong dan dibuka untuk penyewa baru.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.2.2.b</p>
<p><b>11.4.2.2.c</b></p>	<p><b>Tunggakan Sewaan</b></p> <p>Merujuk kepada para 7.3 perjanjian sewaan yang ditandatangani, LETSB boleh mengambil sebarang tindakan untuk menamatkan sewaan dan menjual barang dagangan bagi menjelaskan sewa tertunggak beserta dengan kos lain yang berkaitan. Bagi kutipan semula sewaan yang tertunggak, LETSB ada mengeluarkan surat peringatan kepada penyewa lot kedai di Oriental Village. Bagaimanapun, LETSB tidak mengambil sebarang tindakan seperti yang dinyatakan pada para 7.3 di dalam perjanjian. Tunggakan sewaan bagi tahun 2014 sehingga bulan Mac 2015 yang telah melebihi tempoh 3 bulan berjumlah RM101,958.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan pengurusan terhadap tunggakan sewaan lot</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.2.2.c</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kedai tidak dilaksanakan secara berkesan menyebabkan hasil sewaan sejumlah RM101, 958 tertunggak bagi tempoh bulan Februari 2014 hingga Mac 2015. Kegagalan menguatkuasakan syarat perjanjian dan pemantauan berkala boleh merugikan LETSB.</p> <p>Maklum Balas D daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>LETSB sedang dalam proses memperkemas struktur bagi setiap unit perniagaan dan memastikan pegawai bertanggungjawab dilantik bagi memantau pengurusan sewaan di Ayer Hangat Village, Restoran 1 Malaysia dan Kompleks Pekan Rabu.</i></p> <p><i>Berikutan penyerahan Oriental Village kepada PLSB, LETSB telah menamatkan sewaan dengan penyewa. Deposit sewa akan dikontra daripada tunggakan hutang. LETSB telah mengeluarkan notis tuntutan kepada penghutang. Selain itu, LETSB juga memohon bantuan PLSB bagi kutipan tunggakan sewa bagi penyewa yang masih kekal menyewa di Oriental Village.</i></p>	
11.4.2.2.d	<p><b>Sewaan Tidak Dikenakan</b></p> <p>LETSB telah memberi kebenaran kepada sebuah syarikat untuk menggunakan sebahagian tanah di Lot 529, Oriental Village mulai September 2014 untuk aktiviti menaiki gajah. Semakan Audit mendapati tiada perjanjian sewa dibuat antara LETSB dan syarikat tersebut. Semakan lanjut mendapati tiada kadar sewa ditetapkan walaupun Jabatan Penilaian dan Pengurusan Hartanah (JPPH) telah membuat penilaian ke atas lot tersebut melalui Laporan Nilai bertarih 5 November 2014 dengan syor nilai.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan mengenakan sewaan kepada pengusaha telah mengakibatkan LETSB kehilangan pendapatan bagi aktiviti menaiki gajah.</p> <p>Maklum Balas D daripada LETSB Diterima Pada 24 Februari 2016</p> <p><i>Panorama Langkawi Sdn. Berhad telah memuktamadkan terma dan syarat perjanjian dengan syarikat tersebut. Kadar sewa bulanan telah ditetapkan sejumlah RM8,834 sebulan dan tempoh sewaan selama 2 tahun mulai dari 1 Januari 2016. Surat Tawaran telah dikeluarkan pada 20 Disember 2015. Bagi tunggakan sewaan tahun 2015, syarikat telah dikenakan bayaran goodwill</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.2.2.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>berjumlah RM18,000 dan tunggakan tersebut telah dipertimbangkan untuk dibayar secara ansuran RM1,500 selama 12 bulan.</i></p>	
<p><b>11.4.2.3.e</b></p>	<p><b>Pengurusan Restoran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian tidak disediakan antara LETSB dengan LADA bagi menetapkan syarat serta penyerahan pengurusan Restoran 1Malaysia. Selain itu, perjanjian penyewaan antara LETSB dengan penyewa bagi 8 lot kedai di Restoran 1Malaysia juga tidak disediakan bagi menetapkan terma dan syarat sewaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian yang tidak disediakan boleh mengakibatkan LETSB tidak dapat mengambil tindakan terhadap penyewa demi menjaga kepentingan syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>Restoran 1 Malaysia (R1M) pada asalnya dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pelancongan. Namun begitu, LADA diminta untuk meneruskan projek ini. R1M merupakan produk baru yang diserahkan oleh LADA kepada LETSB untuk bertindak sebagai sebuah syarikat pengurusan dengan memberi peluang penglibatan penyewa di kalangan masyarakat tempatan. LETSB sedang di peringkat kajian kebolehpayaan untuk mempromosi dan mengkomersialkan R1M tersebut. Empat lot kedai telah diurus sendiri oleh LETSB manakala 4 lagi lot kedai disewakan. Perjanjian bagi 4 lot kedai yang disewakan telah ditandatangani.</i></p> <p><i>Terma dan syarat perjanjian Manage &amp; Operate bagi R1M telah dimuktamadkan. Majlis menandatangani perjanjian telah ditetapkan pada 7 April 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti LETSB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bagi tempoh 3 tahun berturut-turut dari tahun 2012 sehingga 2014.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 24 Februari 2016</p> <p><i>Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan setiap business centre di LETSB menunjukkan peningkatan dari segi hasil serta pengurangan kos.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.2.3.e</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Usaha tersebut telah berjaya memastikan syarikat memperoleh keuntungan bagi tahun 2015 sehingga bulan Januari 2016 berjumlah RM0.43 juta. Selain itu, prestasi kewangan syarikat terus dipantau dengan rapi bagi memastikan syarikat memperoleh keuntungan bagi tahun 2016.</i></p>	
<p><b>11.4.3.1</b></p>	<p><b>Tadbir Urus Korporat</b></p> <p>Berdasarkan SOP LETSB yang diguna pakai pada bulan Ogos 2012, mesyuarat ahli Lembaga Pengarah hendaklah diadakan tidak kurang daripada 3 kali setahun. Semakan Audit mendapati mesyuarat ahli Lembaga Pengarah LETSB pada tahun 2012 dan 2014 masing-masing telah diadakan sebanyak 3 kali kecuali tahun 2013 mesyuarat hanya dilaksanakan sebanyak 2 kali manakala mesyuarat belum dilaksanakan sehingga bulan April 2015.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.3.3</p>
<p><b>11.4.3.2</b></p>	<p>Mengikut Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i> yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad, syarikat perlu menjalankan penilaian tahunan terhadap keberkesanan ahli Lembaga Pengarah Syarikat secara keseluruhan dan sumbangan setiap ahlinya. Penilaian keberkesanan terhadap ahli Lembaga Pengarah oleh Pengerusi adalah penting bagi memastikan setiap ahli Lembaga Pengarah yang dilantik menjalankan tanggungjawabnya di dalam meningkatkan prestasi syarikat. Semakan Audit mendapati LETSB tidak menjalankan penilaian keberkesanan terhadap ahli Lembaga Pengarahnya semenjak penubuhan syarikat pada 2 Julai 2000.</p>	
<p><b>11.4.3.3</b></p>	<p>LETSB ada menubuhkan Jawatankuasa Audit sejak tahun 2004. Mengikut terma dan rujukan Jawatankuasa Audit yang dikemas kini pada 1 Mac 2012, Jawatankuasa Audit hendaklah bermesyuarat tidak kurang dari 2 kali setahun. Semakan Audit mendapati jawatankuasa ini tidak bermesyuarat mengikut terma dan rujukan yang ditetapkan kerana mesyuarat hanya dilaksanakan sekali sahaja pada tahun 2013 iaitu pada 11 April 2013 dan tiada mesyuarat dilaksanakan bagi tahun 2014 dan sehingga tarikh pengauditan pada bulan April 2015.</p> <p>Pada keseluruhannya, tadbir urus korporat LETSB adalah kurang memuaskan kerana mesyuarat ahli Lembaga Pengarah LETSB dan Jawatankuasa Audit tidak diadakan mengikut terma yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 24 Februari 2016</p> <p><i>Bagi tahun 2015, mesyuarat ahli Lembaga Pengarah LETSB telah diadakan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pada 5 Jun 2015. Selain itu, Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah LETSB telah diadakan pada 12 Julai 2015, 24 Ogos 2015 dan 23 September 2015 bagi meluluskan agenda yang ditetapkan.</i></p> <p><i>LADA telah menyediakan format penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah. Penilaian akan dilaksanakan mulai tahun 2016.</i></p> <p><i>Selain itu, lantikan YBhg. Dato' Rozaina Dato' Paduka Radzi bagi menggantikan Pengerusi Jawatankuasa Audit terdahulu telah disempurnakan pada 1 September 2015. Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bilangan 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 28 Disember 2015.</i></p>	
<p><b>11.4.4.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Kewangan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Daftar Stok Resit mendapati baki akhir stok tahun 2014 sebanyak 900 buah berbeza sebanyak 150 buah berbanding baki fizikal sebanyak 750 buah. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan rekod pengeluaran stok bagi 150 buah Buku Resit tersebut.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.4.3.d</p>
<p><b>11.4.4.2</b></p>	<p>Prosedur Standard Operasi (SOP) LETSB menyatakan terimaan tunai dan cek hendaklah dimasukkan ke dalam bank tidak lebih dari 3 hari dari tarikh diterima dan pengiraan ini tidak termasuk hari Jumaat dan Sabtu. Semakan Audit terhadap salinan resit yang dikeluarkan dengan slip kemasukan wang ke bank bagi bulan Januari 2014 sehingga Mac 2015 mendapati ada kelewatan kemasukan ke bank antara 1 hingga 21 hari selepas tempoh 3 hari dari tarikh wang diterima melibatkan sejumlah RM13,466</p> <p>Pada pendapat Audit, terimaan tunai yang lewat dimasukkan ke bank boleh menyebabkan wang tunai terdedah kepada risiko kecurian atau disalahgunakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015 dan 24 Februari 2016</p> <p><i>Siasatan Bahagian Kewangan mendapati perbezaan buku resit sejak tahun 2010 hingga 2014 adalah disebabkan oleh rekod pengeluaran yang tidak teratur. Pemeriksaan fizikal pada bulan Disember 2015 mendapati baki terkini adalah sebanyak 832 berbanding dengan baki rekod yang didaftarkan hanya sebanyak 770 buah buku dengan lebih sebanyak 62 buah buku. Mulai tahun 2016, LETSB telah mengurus daftar stok resit rasmi sewajarnya. Selain</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>itu, pada bulan September 2015, pengurusan kemasukan wang ke bank telah ditambah baik dengan melantik pegawai untuk membuat pungutan wang di setiap business unit.</i>	
<b>11.4.4.3.c</b>	<p><b>Pengurusan Kawalan Kredit</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Pengumuran Penghutang LETSB sehingga 31 Mac 2015 menunjukkan penghutang LETSB adalah sejumlah RM1.09 juta. Semakan lanjut mendapati sebanyak 20 akaun penghutang yang tertunggak melebihi 2 bulan berjumlah RM561,925 atau 51.4% daripada jumlah keseluruhan penghutang. Pihak Audit mendapati tiada tindakan yang diambil oleh LETSB kerana surat peringatan tidak dikemukakan kepada penghutang.</p>	
<b>11.4.4.3.d</b>	<p>Analisis Audit terhadap sampel 20 akaun penghutang LETSB mendapati:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sejumlah RM454,911 atau 81% daripada keseluruhan hutang yang masih tertunggak melebihi 12 bulan;</li> <li>ii. Sejumlah RM107,015 atau 19% daripada keseluruhan hutang yang masih tertunggak sehingga 11 bulan; dan</li> <li>iii. Terdapat seorang bekas pegawai LETSB yang berhutang dengan LETSB melebihi 12 bulan berjumlah RM35,157 masih belum diselesaikan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, tindakan atau kaedah LETSB terhadap tunggakan hutang adalah tidak teratur dan tidak memuaskan kerana tiada polisi prosedur kredit yang menyebabkan hutang tertunggak melebihi 12 bulan berjumlah RM561,925.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>Sehingga 30 Oktober 2015, penghutang adalah berjumlah RM919,991. Daripada jumlah ini, 70% merupakan penghutang Mutiara Bura Bay Beach Resort yang sepatutnya telah dihapus kira semasa penutupan resort tersebut pada tahun 2013. Tindakan menghapus kira hutang ini dilakukan dalam penyata kewangan tahun 2015. Tindakan susulan sedang diambil bagi lain-lain penghutang. Polisi kawalan kredit telah disedia dan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah LETSB pada 3 Disember 2015.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.4.4.a	<p><b>Pendahuluan Diri</b></p> <p>Laporan Pendahuluan Diri sehingga 8 April 2015 mendapati seramai 14 pegawai mempunyai 44 tunggakan berjumlah RM223,427.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.4.4.b
11.4.4.4.b	<p>Analisis Audit terhadap pendahuluan diri yang diberikan kepada 14 pegawai tersebut mendapati:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Baucar bayaran bagi pendahuluan diri tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap.</li> <li>ii. 8 pegawai dengan pendahuluan diri tertunggak berjumlah RM152,230 telah diluluskan pendahuluan diri walaupun pendahuluan terdahulu masih belum selesai;</li> <li>iii. 5 pegawai dengan tunggakan pendahuluan diri berjumlah RM131,376 telah diluluskan pendahuluan diri walaupun terdapat 3 hingga 5 pendahuluan belum selesai;</li> <li>iv. Tiada bukti tindakan potongan gaji diambil terhadap 44 pendahuluan berjumlah RM223,427 yang telah melebihi tempoh antara sehingga 16 hingga 454 hari; dan</li> <li>v. Seorang pegawai telah berhenti kerja pada bulan Mac 2015 masih mempunyai tunggakan pendahuluan diri sejumlah RM10, 000.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan diri adalah tidak memuaskan. Pembayaran yang dibuat tanpa disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap merupakan <i>improper payment</i>.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2016</p> <p><i>Dokumen sokongan/resit perbelanjaan telah dikemukakan ke Bahagian Akaun, bagaimanapun tindakan pelarasan tidak dilaksanakan. Mulai tahun 2016, pengurusan Pendahuluan Diri serta Pendahuluan Pelbagai telah diperkemas melalui SOP yang telah ditambahbaik. Pendahuluan diri berjumlah RM206,560 telah diselaraskan dalam akaun tahun 2015. Baki pendahuluan diri berjumlah RM16, 867 akan diselaraskan melalui potongan gaji pegawai/melalui tindakan undang-undang (pekerja yg telah berhenti).</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.4.5.b	<p><b>Proses Perolehan Kerja Tidak Mengikut Prosedur</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sebuah syarikat ditawarkan 3 projek dengan LETSB berjumlah RM526,560 tidak mengemukakan profil syarikat yang lengkap iaitu kedudukan kewangan serta sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan tetapi telah diluluskan perolehan melalui proses rundingan terus. Bagaimanapun, kaedah rundingan terus tidak dinyatakan dalam polisi dan peraturan LETSB.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.4.5.e
11.4.4.5.c	<p>Semakan lanjut mendapati bidang utama syarikat tersebut adalah dalam aspek reka bentuk dan hiasan dalaman. Selain itu, syarikat juga tidak wujud dalam pendaftaran kontraktor dengan CIDB yang merupakan salah satu keperluan untuk menilai kepakaran dan kemampuan sesebuah syarikat bagi perolehan projek pembinaan. Bagaimanapun, syarikat telah dipilih untuk pembinaan 5 unit <i>chalet</i> di Laman Padi. Kesan daripada kecuaihan LETSB semasa proses pemilihan kontraktor menyebabkan Projek Pembinaan <i>Chalet</i> di Laman Padi siap tanpa Sijil Layak Menduduki. Kerja penambahan ruang terbuka Restoran Seashells Chenang di Laman Padi juga tidak mengikut spesifikasi serta kerja reka bentuk dan ubah suai bahagian dalaman Galeria Gamat belum disiapkan.</p>	
11.4.4.5.d	<p>Semakan Audit terhadap dokumen bagi kerja reka bentuk dan ubah suai bahagian dalaman Galeria Gamat juga mendapati <i>Bill Of Quantity</i> tidak disediakan. Kerja ini juga masih belum disiapkan walaupun tempoh kontrak telah tamat. Tarikh mula kerja adalah 22 November 2014 dan sepatutnya siap pada 22 Disember 2014. Selain itu, denda sejumlah RM500 sehari juga tidak dikenakan terhadap kelewatan tersebut. Sehingga tarikh pengauditan pada 9 April 2015, tempoh kelewatan adalah 109 hari dan denda yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM54,500.</p>	
11.4.4.5.e	<p>Semakan Audit terhadap pembayaran kepada syarikat tersebut bagi kerja penambahan ruang terbuka Restoran Seashells Chenang di Laman Padi sejumlah RM78,400 telah dijelaskan bagi interim 1 sehingga 4 kecuali bagi pembayaran interim yang terakhir berjumlah RM19,600. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan bayaran yang dibuat kerana kontrak tidak disertakan dengan <i>Bill Of Quantity</i> dan bayaran hanya dibuat berdasarkan kepada invoice yang dikemukakan oleh kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor yang tidak teratur mengakibatkan projek tersebut tidak dilaksanakan dengan sempurna dan lewat disiapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>Profil syarikat telah dikemukakan kepada LETSB pada bulan November 2015 dan berada dalam simpanan Bahagian Teknikal. Namun begitu, LETSB telah memastikan Bahagian Kewangan juga menyimpan sesalinan profil syarikat bagi projek rundingan terus. Bagi kerja penambahan ruang terbuka Restoran Seashells Chenang, LETSB mendapati reka bentuk asal tidak sesuai digunakan dan spesifikasi telah dipinda.</i></p> <p>Semakan Audit terhadap profil syarikat yang dikemukakan mendapati hanya mengandungi latar belakang syarikat dan salinan sijil pendaftaran SSM.</p>	
11.4.4.6.a	<p><b>Baucar Bayaran</b></p> <p>Mengikut SOP Bahagian Kewangan Dan Perakaunan LETSB, setiap pembayaran perlu disokong dengan dokumen yang lengkap. Antara dokumen yang perlu disediakan sebagai sokongan bayaran adalah invois, pesanan belian dan borang permohonan pembelian. Semakan Audit mendapati penyediaan baucar bayaran adalah teratur kecuali bagi 12 daripada 30 baucar bayaran yang disemak tidak mempunyai dokumen sokongan yang lengkap seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiada butiran pegawai pemohon dan pelulus pada pesananbelian bagi 5 pembayaran berjumlah RM72,064;</li> <li>ii. Tiada pengesahan kemajuan kerja daripada pegawai penguasa projek bagi 5 pembayaran berjumlah RM68,793; dan</li> <li>iii. Tiada surat menyatakan butiran perjalanan bagi bayaran 3 perjalanan rasmi berjumlah RM25,775.</li> </ul> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>LETSB telah mengenal pasti punca kelemahan proses bayaran yang membabitkan pegawai pembayar. Pegawai terbabit telah dinasihatkan meletak jawatan berkuat kuasa 1 Mac 2015.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.4.6.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.4.7	<p><b>Pengurusan Aset</b></p> <p>Aset LETSB adalah terdiri dari bangunan, kenderaan, komputer, peralatan pejabat, perabot serta kelengkapan hotel. Sehingga 31 Disember 2014, aset LETSB adalah berjumlah RM14 juta. SOP Bahagian Kewangan dan Perakaunan LETSB menyatakan semua aset tetap hendaklah direkodkan ke dalam Daftar Aset Tetap dan ditandakan dengan kod bar ataupun nombor pendaftaran bagi memudahkan aset dikenal pasti. Semakan Audit mendapati Daftar Aset Tetap tidak disediakan dan semua aset tetap di LETSB tidak ditandakan dengan tanda pengenalan ataupun nombor pendaftaran pada semua aset tetap berkenaan. Tiada bukti LETSB telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan aset yang kurang memuaskan menyebabkan kedudukan sebenar aset tidak dapat dikenal pasti dan semakan sukar dilaksanakan bagi tujuan pemantauan selain terdedah kepada risiko kehilangan.</p> <p>Maklum Balas Daripada LETSB Diterima Pada 19 November 2015</p> <p><i>Bermula dari 1 Jun 2015, LETSB telah mengemas kini aset syarikat. Pemeriksaan fizikal aset telah dilaksanakan bagi mengesan aset yang dibeli pada tahun 2014 dan 2015. Pendaftaran juga telah dilaksanakan.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 11.4.4.7

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Perenggan 12 : Pengurusan Kolej Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.2.1.a	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Prestasi Pengambilan Pelajar</b></p> <p>Setakat bulan Jun 2015, PICOMS telah menawarkan 11 program diploma dengan bilangan pelajar seramai 3,991. Semakan Audit mendapati 6 program telah diberi Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), 3 program diberi Akreditasi Sementara dan 2 program belum mendapat akreditasi kerana ditawarkan pada tahun 2015. PICOMS menetapkan sasaran pengambilan pelajar berdasarkan prestasi pendaftaran pelajar bagi tahun-tahun terdahulu serta perbincangan dengan pihak pengurusan atasan bagi kursus yang baru ditawarkan.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.2.1.b
12.4.2.1.b	<p>Pengambilan pelajar bagi program Diploma Sains Perubatan, Sains Kejururawatan dan Pembantu Perubatan pada tahun 2012 tidak mencapai sasaran disebabkan kurang sambutan bagi program tersebut. Program Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Terapi Carakerja dan Teknologi Makmal Perubatan mula ditawarkan pada tahun 2014 walaupun sasaran pengambilan telah dibuat pada tahun 2013. Program Diploma Pengurusan Kesihatan mula ditawarkan untuk pendaftaran pada tahun 2015 tetapi tiada pelajar yang mendaftar.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari 2016</p> <p><i>Selepas penjenamaan semula pada Mac 2011, PICOMS telah menambah 5 program baru untuk ditawarkan. Ia mengambil masa untuk mendapatkan kepercayaan ibubapa untuk menghantar anak mereka ke PICOMS. Oleh itu, pencapaian pada tahun 2012 bagi 3 kursus tersebut tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Sasaran ditetapkan bagi program Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Terapi Carakerja dan Teknologi Makmal Perubatan kerana PICOMS menjangkakan ia dapat ditawarkan dalam tahun 2013 namun kelulusan diperolehi hanya pada tahun 2014.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>PICOMS telah memasarkan program Diploma Pengurusan Kesihatan sepanjang tahun 2014 dan 2015 dengan pelbagai kaedah pemasaran tetapi tidak mendapat sambutan. Tiada kos yang terlibat atau kerugian sekiranya program ini tidak dijalankan kerana tiada lantikan pensyarah khusus untuk program tersebut.</i></p> <p><i>Perancangan kaedah pemasaran yang akan dijalankan adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Iklan di Media cetak dan elektronik</i></li> <li><i>ii. Papan tanda di Lebuhraya PLUS (telah bermula Jan 2016)</i></li> <li><i>iii. Ke sekolah-sekolah melalui Unit Kaunseling Sekolah</i></li> <li><i>iv. Karnival Pendidikan anjuran KPT, MARA &amp; Swasta</i></li> <li><i>v. Program staff get student bagi kakitangan PICOMS, MAIWP dan anak syarikat milik MAIWP dan student get student.</i></li> </ul>	
<p><b>12.4.2.1.c</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati bagi tahun 2011 sehingga 2013, lebih 86% daripada pelajar yang mendaftar telah menamatkan pengajian. Bilangan pelajar yang berhenti atau tangguh pengajian adalah antara 12% hingga 14% pada tahun tersebut kerana mendapat tawaran belajar di tempat lain, mendapat pekerjaan dengan sektor Kerajaan, masalah peribadi dan lain-lain. Semakan selanjutnya mendapati PICOMS tidak menetapkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) bagi prestasi pengajian pelajar.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pengambilan pelajar adalah baik dengan menunjukkan peningkatan setiap tahun. Prestasi pengajian pelajar juga adalah baik kerana peratusan pelajar yang tamat pengajian adalah antara 86% hingga 88%. Bagaimanapun, tiada KPI ditetapkan bagi mengukur prestasi pengajian pelajar menyebabkan keberkesanan dan pencapaian pelajar dan kolej keseluruhannya tidak dapat dinilai bagi tujuan penambahbaikan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari dan 24 Mac 2016</p> <p><i>Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) PICOMS diukur dari segi keuntungan, bilangan pelajar, bilangan program yang mendapat kelulusan daripada MQA dan bilangan program yang mendapat Akreditasi Penuh.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.2.1.c</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>PICOMS telah menetapkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) bagi prestasi pengajian pelajar bermula daripada pengambilan April 2016 di mana setiap pusat pengajian telah menyediakan perancangan tahunan yang merangkumi semua aspek dan laporan pencapaian akan dibentangkan secara dalaman kepada Lembaga Pengarah PICOMS dan seterusnya kepada MAIWP.</i></p>	
<p><b>12.4.2.2.a</b></p>	<p><b>Tunggakan Yuran Bekas Pelajar AUCMS</b></p> <p>Pada bulan Oktober 2014, PICOMS telah menerima kemasukan seramai 168 bekas pelajar Kolej Universiti Sains Perubatan Allianze (AUCMS) atas permintaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membantu pelajar ini menyambung pengajian mereka. AUCMS merupakan sebuah kolej universiti perubatan swasta yang terletak di Pulau Pinang telah ditutup disebabkan masalah pengurusan dan kewangan. Baki pengajian pelajar berkenaan adalah antara 1 hingga 5 semester di mana tempoh keseluruhan pengajian adalah 6 semester. Semakan Audit terhadap laporan penghutang setakat bulan Mei 2015 mendapati seramai 70 pelajar mempunyai tunggakan yuran kepada PICOMS berjumlah RM501,615 disebabkan pinjaman dengan PTPTN telah tamat.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.2.2.a</p>
<p><b>12.4.2.2.b</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati perbincangan antara PICOMS dengan KPM hanya tertumpu kepada kurikulum <i>mapping</i> dan pemindahan kredit pelajar, manakala perihal bayaran yuran pengajian kepada PICOMS bagi pelajar tersebut tidak dibincangkan. Seramai 28 pelajar ini telah menamatkan pengajian pada tahun 2015, bagaimanapun tunggakan yuran mereka dengan PICOMS yang berjumlah RM152,749 masih belum selesai. Bagi memastikan pelajar tersebut membuat bayaran, PICOMS menahan sijil pelajar yang mempunyai tunggakan yuran dan akan menyerahkan setelah bayaran dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kemasukan bekas pelajar AUCMS adalah tidak memuaskan kerana tiada persetujuan mengenai jaminan bayaran. Ini telah menyebabkan yuran sejumlah RM501,615 telah tertunggak setakat bulan Mei 2015. Selain itu, pengurusan pengambilan pelajar yang tidak teratur ini mengakibatkan pelajar menanggung risiko penahanan sijil setelah tamat pengajian.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari Dan 24 Mac 2016</p> <p><i>Bayaran pertama bagi yuran pengajian berjumlah RM1.21 juta telah dibayar</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.2.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>oleh PTPTN kepada pelajar pada 21 November 2014 dan 29 Disember 2014.</i></p> <p><i>Pelajar telah diarahkan oleh PTPTN membuat permohonan semula pinjaman bagi bayaran seterusnya. Sehingga bulan Disember 2015, seramai 65 pelajar telah tamat pengajian dan telah menyelesaikan yuran pengajian mereka yang berjumlah RM474,686. Manakala 101 pelajar masih lagi belajar di PICOMS. PICOMS telah membantu kesemua 101 pelajar membuat permohonan semula pinjaman PTPTN berjumlah RM737,589 dan permohonan ini telah mendapat kelulusan pada 2 Mac 2016.</i></p>	
<p><b>12.4.2.3.d</b></p>	<p><b>Unit Perkhidmatan Kesihatan</b></p> <p>Pusat Fisioterapi mencatatkan peningkatan pendapatan sejumlah RM68,624 atau 417.8% dari tahun 2013 sehingga 2014 disebabkan pertambahan bilangan pelanggan. Bagaimanapun, Pusat <i>Nursing Home Care</i> dan Pusat Hemodialisis mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut pada tahun 2012 sehingga 2014 disebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan. Peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan antaranya peningkatan gaji dan elaun serta belian bekalan dan bahan yang melebihi 65% daripada jumlah perbelanjaan tahunan.</p>	<p>Pusat Hemodialisis mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut pada tahun 2012 sehingga 2014 disebabkan pembelian pusat hemodialisis baru di Jalan Pahang pada 2013 dan penambahan tenaga kerja mengikut ratio pesakit yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (1 jururawat terlatih:6 pesakit). Dijangkakan dengan penambahan yang telah dilakukan, pusat Hemodialisis akan mengalami peningkatan margin keuntungan sebanyak 20% pada tahun 2016.</p>
<p><b>12.4.2.3.e</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap laporan pengumuman penghutang mendapati tunggakan hutang daripada agensi pembiaya bagi rawatan Hemodialisis telah melebihi 5 bulan setakat bulan Mei 2015 yang berjumlah RM1.72 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Pusat <i>Nursing Home Care</i> dan Pusat Hemodialisis adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut. Pusat Hemodialisis juga mencatatkan tunggakan hasil sejumlah RM1.72 juta.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari 2016</p> <p><i>Pada tahun 2013, disebabkan masalah berkaitan lesen operasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, pusat dialisis telah dipindahkan dari Wangsa Maju ke Batu Muda menyebabkan tambahan kos yang agak tinggi daripada yang diperuntukkan menyebabkan penambahan kerugian pada tahun tersebut.</i></p> <p><i>Pada awal tahun 2014, PICOMS telah menambah satu lagi pusat dialisis di Jalan Pahang. Terdapat tambahan kos yang tinggi terutama kos penyenggara</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dan membaiki mesin dialisis di mana tidak dijangka kos kerosakan mesin dialisis tersebut sewaktu pembelian pusat dialisis Jalan Pahang dan kos kerosakan tidak termasuk di dalam bajet untuk tahun 2014.</i></p> <p><i>Peningkatan kos gaji, elaun dan kos bekalan bahan secara keseluruhannya adalah disebabkan penambahan pusat dialisis dan penambahan bilangan pesakit. PICOMS juga perlu menanggung kos bekalan ubat yang meningkat setiap tahun walaupun caj rawatan dialisis yang dikenakan kepada pesakit masih sama kerana tiada kenaikan dari panel-panel penaja.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti PICOMS adalah memuaskan. Prestasi kewangan bagi aktiviti utama iaitu program diploma menunjukkan peningkatan keuntungan dari tahun 2013 sehingga 2014 iaitu sejumlah RM5.69 juta atau 34.7%. Bagaimanapun, kerugian yang dialami daripada aktiviti PTC memberi kesan kepada prestasi kewangan PICOMS.</p>	
12.4.3	<p><b>Tadbir Urus Korporat</b></p> <p>Semakan Audit mendapati PICOMS tidak menjalankan penilaian keberkesanan terhadap Ahli Lembaga Pengarahnya semenjak penubuhan syarikat. Mengikut Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i> yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad, syarikat perlu menjalankan penilaian tahunan terhadap keberkesanan ahli Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan sumbangan setiap ahlinya. Penilaian keberkesanan terhadap ahli Lembaga Pengarah adalah penting untuk memastikan setiap ahli yang dilantik memainkan peranan dan tanggungjawab sepenuhnya bagi mencapai objektif penubuhan syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari Dan 24 Mac 2016</p> <p><i>PICOMS telah mengedarkan borang penilaian prestasi keberkesanan ahli Lembaga Pengarah bagi prestasi sepanjang tahun 2015 kepada semua ahli Lembaga Pengarah. Rumusan penilaian tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan April 2016 untuk dibincangkan dan dimaklumkan kepada MAIWP.</i></p>	<p>Penilaian prestasi Keberkesanan Ahli Lembaga Pengarah telah dibuat dan diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kali Ke-30 (2/2016) pada 28 April 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.4.1.b.i	<p><b>Pengurusan Kewangan - Pengurusan Kawalan Kredit</b></p> <p>Setakat bulan Mei 2015, penghutang adalah berjumlah RM5.81 juta. Jumlah ini telah mengambil kira penerimaan daripada pembiayaan penajaan pelajar sejumlah RM28.92 juta. Ini disebabkan terdapat akaun pelajar yang belum dikemas kini menyebabkan akaun pelajar tersebut berbaki kredit.</p>	<p>Polisi Pengurusan Kredit telah diluluskan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kali Ke-30 (2/2016) pada 28 April 2016.</p>
12.4.4.1.b.ii	<p>Sejumlah RM3.43 juta yuran pelajar adalah termasuk tunggakan yuran 96 pelajar PICOMS yang telah tamat belajar pada bulan Jun 2014 bernilai RM2.99 juta. Manakala sejumlah RM501,616 adalah tunggakan yuran bagi 70 bekas pelajar AUCMS sejak bulan Oktober 2014.</p>	
12.4.4.1.b.iii	<p>Penghutang hemodialisis berjumlah RM1.72 juta adalah terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, PERKESO dan Baitulmal. Sejumlah RM398,003 daripadanya telah melebihi 12 bulan sejak bulan Mac 2014.</p>	
12.4.4.1.b.iv	<p>Penghutang Fisioterapi berjumlah RM7,462 daripada PERKESO telah melebihi 5 bulan</p>	
12.4.4.1.b.v	<p>Penghutang-penghutang lain berjumlah RM561,400 antaranya adalah daripada Sekolah Jenis Kebangsaan (C) On Pong, Sekolah Kebangsaan Bangsar, dan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor yang juga merupakan penghutang Hemodialisis. Sejumlah RM317,740 daripadanya telah melebihi 12 bulan sejak bulan Mac 2014.</p>	
12.4.4.1.c	<p>Semakan Audit mendapati PICOMS tidak menyediakan polisi pengurusan kredit sebagai panduan untuk menguruskan penghutang syarikat seperti menetapkan tempoh kredit dan prosedur kutipan balik tunggakan hutang.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan kredit adalah kurang memuaskan kerana PICOMS tidak menyediakan polisi pengurusan kredit sebagai panduan untuk menguruskan penghutang syarikat dengan berkesan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 24 Mac 2016</p> <p><i>PICOMS telah menyediakan draf polisi pengurusan kredit yang akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan April 2016. PICOMS juga akan melantik pegawai yang bertanggungjawab khusus bagi unit kawalan kredit.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Baki hutang Baitulmal sehingga bulan Mei 2015 adalah sejumlah RM401,924 di mana sejumlah RM331,299 adalah caj bulan semasa (Mei 2015). Jumlah baki terhutang telah diselesaikan pada bulan Ogos 2015.</i></p> <p><i>Sepanjang tahun 2015, Baitulmal telah membuat pembayaran sejumlah RM3,618,744 daripada RM3,807,589 yang telah diinvoiskan bagi caj pesakit dialisis. Baki sejumlah RM188,845 telah diselesaikan pada bulan Januari 2016.</i></p>	
<p><b>12.4.4.2.b</b></p>	<p><b>Prosedur Perolehan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati PICOMS tidak menetapkan kaedah perolehan bagi perolehan melebihi RM2,000. Semakan selanjutnya mendapati 8 perolehan bernilai RM263,272 adalah tidak mengikut kriteria dan syarat pembelian yang ditetapkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari Dan 24 Mac 2016</p> <p><i>Prosedur perolehan tersebut telah disediakan namun tidak dipatuhi secara keseluruhan. PICOMS akan mematuhi prosedur perolehan bagi pembelian yang akan datang dan akan dipantau secara terus oleh bahagian pengurusan tertinggi PICOMS.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.4.2.b</p>
<p><b>12.4.4.3</b></p>	<p><b>Baucar Bayaran</b></p> <p>Semakan Audit ke atas 30 sampel baucar bayaran bagi tahun 2014 mendapati 7 baucar bernilai RM911,749 tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari 2016</p> <p><i>Bahagian Kewangan, PICOMS telah dan akan terus meningkatkan kawalan dalaman dan pemantauan terhadap pematuhan kesemua prosedur kewangan terutama prosedur pembayaran.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.4.3</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.4.4.4	<p><b>Daftar Aset Dan Pemeriksaan Fizikal Aset</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pengurusan aset PICOMS tidak dibuat secara berpusat di mana setiap bahagian menyelenggara Daftar Aset Tetap masing-masing menyebabkan proses pemantauan sukar dilaksanakan. Selain itu, Daftar Aset Tetap tersebut tidak lengkap dan kemas kini. Semakan selanjutnya mendapati terdapat arahan bertulis untuk menjalankan pemeriksaan fizikal aset pada tahun 2014 di Kampus Batu Muda dan Jalan Ipoh. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemeriksaan telah dilaksanakan kerana tiada laporan dikeluarkan.</p> <p>Maklum Balas Daripada PICOMS Diterima Pada 12 Januari Dan 24 Mac 2016</p> <p><i>Kekerapan pusing ganti pegawai yang bertanggungjawab ke atas aset tetap sejak tahun 2013. PICOMS telah melantik pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan aset pada 22 September 2015. PICOMS telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan akan menubuhkan Lembaga Pemeriksaan Aset bagi memantau pengurusan aset di PICOMS mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh PICOMS dan MAIWP.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 12.4.4.4

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA**

**Perenggan 13 : Pengurusan Syarikat KRAF Holdings Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.1.3.a	<p><b>Prestasi Kewangan - Analisis Nisbah Kewangan - Nisbah Semasa</b></p> <p>Nisbah Semasa atau Nisbah Kecairan Aset adalah ukuran bagi menilai kekuatan kewangan sesebuah syarikat. Nisbah ini menunjukkan kemampuan syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa yang baik adalah melebihi 2 iaitu pada bila-bila masa syarikat mampu membayar pemiutangnya. Nisbah Semasa Kraf Holdings bagi 3 tahun kewangan adalah melebihi 10 kecuali bagi tahun 2011 dan 2014 iaitu 8.47 dan 9.79 masing-masing.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.1.3.d
13.4.1.3.b	<p><b>Margin Untung Bersih</b></p> <p>Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan daripada pendapatan yang diperolehi. Pada tahun 2010, Kraf Holdings mencatatkan keuntungan dengan Margin Untung Bersih adalah 10.6%, 5.8% pada 2012 dan 0.1% pada 2013. Pada tahun 2011 dan 2014, Kraf Holdings mengalami kerugian menyebabkan Margin Untung Bersih bernilai negatif.</p>	
13.4.1.3.c	<p><b>Pulangan Atas Aset</b></p> <p>Pulangan Atas Aset adalah untuk mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi peratusan semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Kraf Holdings mencatatkan keuntungan Pulangan Atas Aset sebanyak 7.8% pada tahun 2010, 4% tahun 2012 dan 0.1% tahun 2013. Pada tahun 2011 dan 2014, Kraf Holdings mengalami kerugian menyebabkan Pulangan Atas Aset bernilai negatif.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.1.3.d	<p><b>Pulangan Atas Ekuiti</b></p> <p>Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Kraf Holdings mencatatkan keuntungan Pulangan Atas Ekuiti sebanyak 13.1% pada tahun 2010, 6.1% tahun 2012 dan 0.1% tahun 2013. Pada tahun 2011 dan 2014, Kraf Holdings mengalami kerugian menyebabkan Pulangan Atas Ekuiti bernilai negatif.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Kraf Holdings bagi tahun 2010 sehingga 2014 adalah kurang memuaskan. Kraf Holdings mengalami kerugian sejumlah RM213,075 pada tahun 2011 dan menunjukkan penurunan keuntungan bermula tahun 2012 iaitu daripada RM66,613 kepada RM833 pada tahun 2013. Pada tahun 2014, syarikat kembali mengalami kerugian sejumlah RM428,474. Kesannya, keuntungan terkumpul semakin menurun iaitu dari RM594,367 pada tahun 2010 kepada RM20,264 pada tahun 2014.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Syarikat telah merujuk perkara ini kepada pihak AIJeffry Consulting Sdn. Berhad selaku Juruaudit syarikat untuk meminta pandangan terhadap kedudukan kewangan semasa syarikat di mana Juruaudit berpendapat bahawa syarikat masih boleh meneruskan operasi pada masa hadapan.</i></p>	
13.4.2.1.b	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Prestasi Aktiviti</b></p> <p>Keuntungan bersih bagi jualan batik dan bahan mentah pada tahun 2013 adalah RM176,614 meningkat sejumlah RM15,549 atau 9.6% berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, ia mengalami kerugian sejumlah RM193,667 pada tahun 2014 iaitu penurunan sejumlah RM370,281 atau 209.6%. Kerugian tersebut berlaku kerana penurunan tempahan batik eksklusif oleh KARYANEKA dan KRAFTANGAN serta permintaan yang berkurangan terhadap bahan mentah oleh usahawan kraf.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.2.2.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.2.2.b	<p><b>Jualan Batik</b></p> <p>Pihak Audit tidak dapat mengukur prestasi jualan batik kerana Kraf Holdings tidak membuat penetapan sasaran jualan batik bagi tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun bagi tahun 2014, sasaran keseluruhan merangkumi jualan batik dan bahan mentah adalah berjumlah RM2 juta dan keuntungan kasar RM200,000.</p>	
13.4.2.2.c	<p>Jualan batik bagi tahun 2012 adalah sejumlah RM770,295. Bagaimanapun, jualan telah menurun pada tahun 2013 kepada RM550,475 iaitu penurunan sejumlah RM219,820 atau 28.5%. Pada tahun 2014, jualan semakin merosot kepada RM412,226 iaitu penurunan sejumlah RM138,249 ataupun 25.1% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan yang berterusan tersebut berlaku kerana tempahan yang semakin berkurangan daripada KARYANEKA dan KRAFTANGAN.</p>	
13.4.2.2.d	<p>Semakan Audit mendapati tiada perjanjian atau kontrak disediakan dan dimeterai antara Kraf Holdings dengan KARYANEKA atau KRAFTANGAN bagi menjelaskan terma berkaitan harga jualan, kuantiti tempahan, kaedah bayaran dan sebagainya mengenai hak pengedaran dan jualan batik eksklusif ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi jualan batik bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah kurang memuaskan kerana penurunan yang berterusan yang memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat. Ini adalah kerana syarikat bergantung sepenuhnya kepada permintaan dan tempahan batik daripada KARYANEKA dan KRAFTANGAN. Selain itu, tiada perjanjian atau kontrak disediakan bagi menjamin KARYANEKA dan KRAFTANGAN akan membuat tempahan daripada Kraf Holdings.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Bagi mencapai sasaran jualan seperti mana Pelan Perniagaan tahun 2015, beberapa inisiatif telah digariskan seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Mengukuhkan pasaran melalui KARYANEKA sebagai pemasar produk batik dengan cara memberi hak eksklusif dalam skala yang besar kepada mereka untuk memasarkan produk keluaran syarikat.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>ii. Mengenal pasti dan menjalankan usaha sama dengan saluran pasaran lain seperti kerjasama dengan perniagaan berkaitan kraf selain daripada perniagaan sedia ada atau individu perseorangan yang menjalankan aktiviti pengedaran dan penjualan produk batik.</i></p> <p><i>Bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah syarikat memutuskan tiada perjanjian perlu dibuat dengan KARYANEKA dan Kraftangan berdasarkan keputusan oleh Ahli Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia Bil 01/2015 bertarikh 19 Mei 2015 untuk menutup operasi pengeluaran syarikat. Mulai 31 Oktober 2015, operasi pengeluaran syarikat telah ditutup.</i></p>	
13.4.2.3.b	<p><b>Jualan Bahan Mentah</b></p> <p>Pihak Audit tidak dapat mengukur prestasi jualan bahan mentah kerana Kraf Holdings tidak menetapkan sasaran jualan bahan mentah bagi tahun 2012 dan 2013. Bagi tahun 2014, sasaran keseluruhan merangkumi jualan batik dan bahan mentah adalah berjumlah RM2 juta dan keuntungan kasar RM200,000.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.2.3.c
13.4.2.3.c	<p>Jualan bahan mentah adalah terdiri daripada jualan kain putih, rotan, pewarna kain dan sebagainya. Nilai jualan bahan mentah bagi tahun 2012 adalah sejumlah RM256,040 tetapi telah meningkat sejumlah RM1,045,103 atau 408.2% pada tahun 2013 kepada RM1,301,143 kerana permintaan tinggi bagi rotan. Bagaimanapun, jualan bagi tahun 2014 merosot kepada RM688,316 iaitu penurunan sejumlah RM612,827 atau 47.1% berbanding tahun sebelumnya kerana permintaan yang semakin berkurangan dari KRAFTANGAN dan usahawan kraf. Selain itu, bilangan dan nilai stok kain putih dalam simpanan tidak dapat dipastikan kerana catatan keluar dan masuk tidak teratur.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi jualan bahan mentah bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah kurang memuaskan kerana penurunan yang berterusan dan memberi kesan kepada prestasi kewangan syarikat. Selain itu, kawalan terhadap penyimpanan dan pengeluaran stok kain putih adalah tidak teratur.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Bagi penjualan bahan mentah, syarikat memfokuskan untuk memenuhi sepenuhnya permintaan bekalan bahan mentah berkaitan kraf daripada</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>KRAFTANGAN serta usahawan kraf persendirian.</i>	
13.4.2.4.b	<p><b>Pengeluaran Batik</b></p> <p>Semakan Audit terhadap Laporan Pengeluaran Batik mendapati nilai pengeluaran batik bagi tahun 2012 sehingga 2014 menurun daripada RM460,579 kepada RM172,904.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.2.4.c
13.4.2.4.c	<p>Nilai pengeluaran batik bagi tahun 2012 sejumlah RM460,579 telah menurun sejumlah RM180,248 atau 39.1% kepada RM280,331 pada tahun 2013. Pengeluaran bagi tahun 2014 terus merosot kepada RM172,904 iaitu penurunan sejumlah RM107,427 atau 38.3% berbanding tahun sebelumnya. Prestasi pengeluaran menurun disebabkan kurang permintaan daripada KARYANEKA dan KRAFTANGAN.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran batik adalah kurang memuaskan bagi tahun 2012 sehingga 2014 kerana permintaan batik yang rendah daripada KARYANEKA dan KRAFTANGAN.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Pengurangan prestasi pengeluaran batik dipengaruhi oleh kekurangan pekerja bahagian pengeluaran iaitu seramai 19 orang pada tahun 2012 kepada 16 pada tahun 2013 dan 14 pada tahun 2014. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia Bil. 01/2015 telah memutuskan pemberhentian aktiviti pengeluaran syarikat. Prosedur penutupan aktiviti serta pemberhentian pekerja telah dilakukan dan tarikh kuatkuasa pemberhentian pekerja pada 31 Oktober 2015. Pekerja yang diberhentikan akan diberi peluang untuk menjalankan pengeluaran mereka sendiri dengan mengikuti Program Inkubator Kraf.</i></p>	
13.4.2.5.b	<p><b>Pelan Pemasaran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Kraf Holdings tidak mempunyai plan pemasaran yang khusus kerana telah memberi hak pemasaran kepada KARYANEKA dan KRAFTANGAN untuk memasarkan pengeluarannya. KARYANEKA membuat hebahan mengenai produk Kraf Holdings melalui e-mel, pengedaran risalah, <i>facebook</i> dan <i>blog</i> kepada agensi Kerajaan, badan korporat, badan bukan Kerajaan (NGO) dan sekolah. Kraf Holdings juga ada menyertai promosi yang dianjurkan oleh KRAFTANGAN dan agensi Kerajaan. Bagaimanapun,</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.2.5.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sambutan yang diterima kurang memberangsangkan memandangkan jualan batik dan bahan mentah menurun bagi tahun 2013 dan 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelan pemasaran Kraf Holdings adalah kurang strategik kerana hanya bergantung kepada jualan dan pengedaran batik kepada KARYANEKA dan KRAFTANGAN. Ini menjejaskan pendapatan Kraf Holdings dalam keadaan pasaran batik yang tidak menentu.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Berdasarkan Pelan Perniagaan Tahun 2015, syarikat telah menyasarkan jualan adalah sejumlah RM1.4 juta. Pecahan jualan adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. 80% atau bersamaan RM1.12 juta merupakan jualan batik; dan</i></li> <li><i>ii. 20% atau bersamaan RM280,000 merupakan jualan bahan mentah.</i></li> </ul> <p><i>Bagaimanapun, pelan tersebut tidak dapat dilaksanakan mengikut ketetapan Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia Bil 01/2015 bertarikh 19 Mei 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti Kraf Holdings adalah kurang memuaskan kerana prestasi jualan batik dan bahan mentah serta pengeluaran batik menurun secara berterusan bagi tahun 2012 sehingga 2014. Ini disebabkan pelan pemasaran Kraf Holdings kurang strategik yang hanya bergantung kepada KARYANEKA dan KRAFTANGAN untuk memasarkan pengeluarannya.</p>	
13.4.3.1	<p><b>Tadbir Urus Korporat</b></p> <p>Kraf Holdings tidak menetapkan misi dan visi syarikat serta menyediakan pelan strategi korporat ke arah meningkatkan prestasi dan keuntungan syarikat selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Bagaimanapun, pelan perniagaan jangka pendek yang hanya meliputi sasaran tahunan syarikat bagi pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan ada disediakan bagi tahun 2014 dan 2015.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.3.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.3.2	<p>Kraf Holdings tidak menjalankan penilaian keberkesanan terhadap ahli Lembaga Pengarahnya. Tempoh perkhidmatan Pengurus yang dilantik agak singkat antara 3 hingga 16 bulan menyukarkan perancangan bagi mengurus perjalanan syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia Bil 01/2015 pada 19 Mei 2015 tidak meluluskan Pelan Perniagaan Kraf Holdings Sdn Bhd yang menunjukkan prestasi yang tidak menguntungkan. Pengurus syarikat diminta untuk menyelaraskan urusan penutupan ini bersama Setiausaha Syarikat. Kraftangan Malaysia telah meluluskan pelantikan Y.M. Tengku Azrul Hisham Bin Tengku Abdullah sebagai Pengurus Kraf Holdings secara pinjaman sementara berkuat kuasa pada 16 November 2015.</i></p>	
13.4.4.1	<p><b>Pengurusan Kewangan - Bajet Disediakan Tidak Menyeluruh</b></p> <p>Kraf Holdings tidak menyediakan bajet tahunan bagi tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun bagi tahun 2014, bajet secara menyeluruh tidak disediakan. Kraf Holdings telah memasukkan bajet tahunan dalam Pelan Perniagaan 2014 yang disediakan tetapi lebih tertumpu kepada pendapatan dan perbelanjaan operasi sahaja tanpa mengambil kira aspek pentadbiran. Pelan tersebut telah dibentangkan dan diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 20 Disember 2013. Unjuran pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2015 juga dimasukkan dalam Pelan Perniagaan 2015 dan berfokus kepada aspek operasi sahaja.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Perkara ini diambil maklum dan masih di dalam proses perincian oleh pengurusan syarikat. Berdasarkan Pelan Perniagaan tahun 2015, unjuran perbelanjaan syarikat adalah seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Perbelanjaan pengeluaran: RM1,163,691</i></li> <li><i>ii. Perbelanjaan pentadbiran: RM182,288</i></li> <li><i>iii. Perbelanjaan cukai: RM15,625</i></li> </ul>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.4.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.4.2.a	<p><b>Kelewatan Memasukkan Wang Ke Bank</b></p> <p>Mengikut amalan terbaik, kutipan tunai perlu dibankkan pada hari yang sama atau hari berikutnya. Terimaan Kraf Holdings adalah dalam bentuk tunai dan cek. Pihak Audit mendapati Kraf Holdings tidak menyediakan Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan (SOP) mengenai kemasukan wang hasil kutipannya ke bank.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.4.2.b
13.4.4.2.b	<p>Semakan Audit terhadap slip bank dan resit bagi memasukkan wang ke bank mendapati kelewatan antara 10 hingga 23 hari.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Tempoh kemasukan hasil telah ditetapkan pada setiap hari bekerja terakhir bagi minggu kutipan tersebut. Syarikat akan mematuhi Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan seperti mana ditetapkan.</i></p>	
13.4.4.3.a	<p><b>Pengurusan Kawalan Kredit</b></p> <p>Kraf Holdings tidak menyediakan Polisi Pengurusan Kawalan Kredit bagi menguruskan penghutangnya. Penghutang Kraf Holdings setakat bulan Disember 2014 adalah sejumlah RM422,398. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM59,746 telah diluluskan peruntukan hutang ragu pada bulan Mac 2013.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.4.3.b
13.4.4.3.b	<p>Penghutang yang melebihi 5 bulan adalah berjumlah RM274,030 atau 64.9% daripada jumlah penghutang. Syarikat yang terdiri daripada pengusaha kraf merupakan penghutang tertinggi melebihi 5 bulan iaitu berjumlah RM196,759. Kraf Holdings tidak dapat mengemukakan senarai pengumuran penghutang secara terperinci mengenai penghutang yang melebihi 5 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan kredit Kraf Holdings adalah tidak memuaskan kerana RM274,030 atau 64.9% daripada jumlah hutang adalah melebihi 5 bulan dan tiada senarai pengumuran penghutang secara terperinci disediakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Kraf Holdings telah melaksanakan kerja pengutipan semula hutang daripada</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>senarai penghutang. Kraf Holdings telah dapat mengutip tunggakan hutang dalam tahun 2015 berjumlah RM44,053. Notis pemberitahuan telah dikemukakan kepada penghutang yang telah dikenal pasti dan telah mendapat maklum balas daripada pihak berkaitan. Bagi pelanggan yang aktif dalam transaksi secara kredit, syarikat telah mengenakan syarat berkaitan tempoh bayaran yang perlu dilaksanakan pembayaran dalam tempoh 2 hingga 4 minggu daripada tarikh inbois dikeluarkan. Kraf Holdings juga telah mencadangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat berkaitan cadangan hapus kira hutang berjumlah RM59,745.95 bagi hutang dari tahun 2006 sehingga 2013 yang disebabkan oleh pelarasan kewangan. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2015 bertarikh 20 Januari 2015 memutuskan untuk melantik panel guaman dan perkara ini masih dalam perincian syarikat.</p>	
<p><b>13.4.4.4.b</b></p>	<p><b>Prosedur Perolehan Tidak Teratur</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Manual Pengurusan Kewangan Kraf Holdings tidak menjelaskan kaedah perolehan sama ada secara pembelian terus, sebut harga atau tender. Selain itu, Kraf Holding tidak mendokumenkan proses perolehan yang dibuat kerana tawaran harga (<i>quotation</i>) diterima melalui panggilan telefon dan faks sahaja.</p>	<p>Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.4.4.c</p>
<p><b>13.4.4.4.c</b></p>	<p>Semakan lanjut terhadap lejar am perolehan bahan mentah bagi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2014 yang berjumlah RM771,894 mendapati Kraf Holdings telah melaksanakan perolehan secara pembelian terus dengan 3 pembekal yang jumlah perbelanjaan tahunannya melebihi RM20,000. Mengikut amalan terbaik, perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan dengan jumlah tahunan melebihi RM20,000 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan Kraf Holdings adalah tidak memuaskan kerana kaedah perolehan bagi pembelian terus, sebut harga dan tender tidak ditetapkan dalam Manual Pengurusan Kewangan. Ini menyebabkan semua perolehan dibuat secara pembelian terus tanpa mengira had perolehan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Kraf Holdings akur dan akan mematuhi Tatacara Perolehan yang telah diluluskan seperti mana yang ditetapkan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.4.4.5.a	<p><b>Pengurusan Stok Kain Putih Lama Kurang Memuaskan</b></p> <p>Pihak Audit dimaklumkan bahawa sekitar tahun 2006 dan 2007, Kraf Holdings telah membeli kain putih pelbagai jenis dalam kuantiti yang banyak. Bagaimanapun, dokumen sokongan bagi pembelian tersebut tidak dapat dikesan. Penjualan kain tersebut kurang memberangsangkan kerana tidak menepati kehendak pasaran. Pelbagai usaha telah dibuat untuk melariskan stok tersebut seperti jualan pada harga kos, pemberian diskaun dan penghasilan produk lain, tetapi sambutannya tidak memuaskan. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada 22 Mei 2013, nilai baki bahan mentah berkenaan pada tahun 2012 ialah RM274,382 dan pada 20 Mei 2013 nilainya telah berkurangan kepada RM148,848. Verifikasi stok yang telah dijalankan pada penghujung tahun 2014 pula mendapati nilainya adalah RM228,123.</p>	Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.4.4.5.c
13.4.4.5.b	<p>Stok kain tersebut disimpan di 2 stor berasingan iaitu di stor Kraf Holdings di Rawang dan stor KARYANEKA di Kuala Lumpur. Lawatan Audit ke stor Rawang pada 26 Mac 2015 dan stor Kuala Lumpur pada 1 April 2015 mendapati kain berkenaan tidak disimpan dengan teratur.</p>	
13.4.4.5.c	<p>Semakan selanjutnya mendapati Daftar Stok dan Kad Bin tidak disediakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan terhadap baki stok kain yang tersimpan dalam kedua-dua stor berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan stok kain putih lama adalah kurang memuaskan kerana dokumen perolehan asal tidak dapat dikesan, Daftar Stok dan Kad Bin tidak disediakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Bahagian Audit Dalam KRAFTANGAN telah melakukan pemeriksaan fizikal terhadap stok kain putih dan bahan mentah lain pada 18 dan 19 November 2015. Senarai stok telah dikemas kini berdasarkan baki stok semasa pemeriksaan fizikal dan baki stok tersebut telah disusun dengan teratur.</i></p> <p><i>Kad bin telah disediakan dan diletakkan di setiap lokasi stok tersebut. Bahan yang telah rosak atau tiada nilai akan dikemukakan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan pelupusan. Manakala bahan yang masih ada nilai akan ditawarkan untuk dijual semula kepada pihak-pihak yang berminat.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan kewangan Kraf Holdings adalah kurang memuaskan.</p>	
<p><b>13.5.2</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Kraf Holdings tidak mengemukakan laporan prestasi kewangan dan aktiviti secara berkala kepada KRAFTANGAN. Bagaimanapun, Kraf Holdings telah membentangkan laporan berkenaan setiap kali Lembaga Pengarah KRAF TANGAN bersidang. Semakan selanjutnya mendapati tiada keputusan yang jelas dibuat mengenai hala tuju syarikat pada masa hadapan dan tiada penyelesaian yang kukuh dapat dicapai tentang masalah kewangan dan pemasaran yang dihadapi oleh Kraf Holdings.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan Kraf Holdings adalah kurang memuaskan kerana laporan prestasi kewangan dan aktiviti tidak dikemukakan kepada KRAFTANGAN untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KRAFTANGAN.</p> <p>Maklum Balas Daripada Kraf Holdings Diterima Pada 3 Disember 2015</p> <p><i>Kraf Holdings telah mengemukakan Laporan Prestasi Pengeluaran syarikat pada setiap bulan dengan pembentangan Laporan Pengeluaran Dan Jualan bagi setiap bulan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kraftangan. Hasil penemuan pengauditan beserta maklum balas akan dikemukakan kepada KRAFTANGAN.</i></p>	<p>Maklum balas kekal sama seperti di perenggan 13.5.2</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Perenggan 14 : Pengurusan Syarikat UiTM Hospitality Management Services Sdn. Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.4.2.1.a	<p><b>Prestasi Aktiviti</b></p> <p>Semakan Audit mendapati UHMS tidak menetapkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) bagi aktiviti perniagaannya. Bagaimanapun, UHMS ada menyediakan cadangan bajet tahunan yang merangkumi sasaran pendapatan dan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2013 sehingga 2015 yang dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah UHMS.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.1.d
14.4.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati peratus pencapaian pendapatan sebenar berbanding sasaran bagi aktiviti hotel dan apartmen mengalami penurunan daripada 133.1% kepada 89.3% bagi tahun 2014 dan 74.1% sehingga bulan September 2015 berbanding tahun 2013. Ini disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf apartmen kepada bilik hotel yang menyebabkan penutupan satu blok apartmen memberi kesan kepada bilangan bilik yang boleh dijual bagi 3 tahun tersebut menurun. Selain itu, peratus pencapaian pendapatan sebenar berbanding sasaran bagi jualan makanan &amp; minuman dan katering luar juga mengalami penurunan bagi tahun 2014 sehingga bulan September 2015 berbanding tahun 2013 iaitu melebihi 100 peratus.</p>	
14.4.2.1.c	<p>Semakan selanjutnya mendapati UHMS telah membelanjakan sebanyak 116.4% pada tahun 2013, 89.3% pada tahun 2014 dan 88.4% sehingga bulan September 2015 daripada peruntukan bagi tujuan operasi syarikat.</p>	
14.4.2.1.d	<p>Keuntungan kasar bagi semua aktiviti perniagaan telah melebihi 100% pada tahun 2013 kecuali jualan makanan &amp; minuman iaitu 80%. Pada tahun 2014, keuntungan kasar bagi hotel &amp; apartmen adalah 97.7%. Sehingga bulan September 2015, peratusan keuntungan kasar bagi aktiviti hotel &amp; apartmen, jualan makanan &amp; minuman dan <i>outlet</i> serta katering luar masing-masing sebanyak 68%, 92.5% dan 11.9%.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan aktiviti perniagaan UHMS bagi tahun 2013 sehingga bulan September 2015 adalah baik kerana telah mencapai</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sasaran yang ditetapkan dengan mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, ketiadaan KPI yang ditetapkan bagi prestasi perniagaan menyebabkan keberkesanan dan prestasi pencapaian perniagaan syarikat tidak dapat dinilai bagi tujuan penambahbaikan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Pelan Strategik dilakukan setiap tahun untuk membincangkan KPI dan hala tuju syarikat. Susulan daripada itu, bajet tahunan akan disediakan untuk dibentang dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Input dari setiap jabatan akan digabungkan untuk menyediakan bajet tahunan. Input dari semua jabatan adalah merupakan KPI tahunan untuk jabatan tersebut.</i></p>	
<p><b>14.4.2.2.b.i</b></p>	<p><b>Pengurusan Perhotelan dan Apartment IRCC - Kadar Purata Penginapan IRCC</b></p> <p>Prestasi sesebuah hotel boleh diukur melalui petunjuk kadar purata penginapan yang mengambil kira jumlah bilik yang diduduki berbanding bilangan bilik yang ada di sesebuah hotel bagi sesuatu tempoh. Statistik peratusan kadar purata penginapan bagi Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (KPKM) boleh dijadikan penanda aras.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.2.b.iii</p>
<p><b>14.4.2.2.b.ii</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati UHMS ada menetapkan sasaran kadar peratusan penginapan tahunan bagi IRCC yang perlu dicapai bagi hotel dan apartmen di bawah pengurusannya melalui cadangan bajet yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun 2014. Penetapan peratusan yang disasarkan bagi tahun 2014 hanya digunakan untuk penyediaan bajet dan tidak dibuat perbandingan dengan peratusan kadar purata penginapan hotel dan apartmen yang dikeluarkan oleh KPKM. Peratusan yang disasarkan tahun 2014 adalah lebih rendah iaitu 54.5% berbanding kadar purata yang dikeluarkan oleh KPKM bagi Negeri Selangor dan Malaysia keseluruhan masing-masing sebanyak 68.2% dan 63.6%. Bagaimanapun, pada tahun 2013 tiada peratus sasaran penginapan ditetapkan.</p>	
<p><b>14.4.2.2.b.iii</b></p>	<p>Berdasarkan data jualan bulanan hotel dan apartmen yang dikemukakan mendapati kadar peratusan penginapan bagi Hotel dan Apartmen IRCC mencatatkan peningkatan daripada 44.4% bagi tahun 2013 kepada 57.4% pada tahun 2014 disebabkan peningkatan bilangan apartmen yang terjual. Bagaimanapun, kadar peratusan penginapan pada tahun 2013 dan 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>adalah rendah berbanding dengan kadar peratusan penginapan bagi Negeri Selangor iaitu 67.5% dan 68.2%.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan sasaran yang ditetapkan bagi kadar purata penginapan tahunan yang perlu dicapai bagi hotel dan apartmen di bawah pengurusan UHMS mengakibatkan keberkesanan dan prestasi kadar penginapan tidak dapat dinilai bagi tujuan penambahbaikan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Mulai bulan Julai 2013 sehingga Januari 2015, blok 7 telah melalui proses pengubahsuaian daripada apartmen kepada bilik hotel dan sepanjang tempoh ini UHMS telah mengalami kekurangan 36 bilik atau 30% daripada jumlah bilik untuk dijual. Ini telah menyebabkan peratusan penginapan UHMS adalah lebih rendah berbanding kadar peratusan penginapan Negeri Selangor.</i></p>	
<p><b>14.4.2.2.c.i</b></p>	<p><b>Pengurusan Keselamatan Hotel Dan Apartmen</b></p> <p>Pemeriksaan Audit pada 18 September 2015 mendapati sebanyak 37 daripada 75 kamera CCTV telah rosak sejak bulan Ogos 2015 berpunca daripada kejadian kilat dan dalam proses pembaikan.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.2.c.ii</p>
<p><b>14.4.2.2.c.ii</b></p>	<p>Pada 1 Januari 2015, UHMS telah melantik Syarikat Kawalan Keselamatan Ikhlas Sdn. Berhad bagi melaksanakan kawalan keselamatan di UHMS dengan 12 pengawal keselamatan untuk tempoh 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016 dengan kadar RM7.50 untuk setiap jam (tidak termasuk GST 6%). Syarikat ini telah dipilih daripada 4 syarikat lain yang mengemukakan maklumat syarikat dan telah melalui sesi temuduga. Bagaimanapun, dokumen mengenai keputusan justifikasi penilaian yang dijalankan terhadap syarikat tidak dikemukakan untuk semakan Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan CCTV yang baik merupakan alternatif yang boleh diguna pakai sebagai sistem kawalan keselamatan bagi menjamin keselamatan dan keyakinan pengunjung untuk menginap di hotel dan apartmen. Hampir 50% CCTV sedia ada rosak dan masih belum diperbaiki boleh menjejaskan imej syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari Dan 25 Mac 2016</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Pemilihan syarikat kawalan keselamatan adalah berdasarkan skop kerja dan pengalaman terdahulu yang dinyatakan di dalam profil syarikat semasa sesi temuduga dijalankan. Proses penilaian tender adalah melalui satu jawatankuasa yang terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Operasi, Pengurus Modal Insan dan Pengurus Akaun.</i></p> <p><i>UHMS telah bermesyuarat dengan kontraktor CCTV pada bulan Februari 2016. dan dalam tindakan untuk kontrak penyenggaraan. Punca utama kerosakan CCTV yang dikenal pasti adalah disebabkan panahan kilat. UHMS telah mengambil langkah segera untuk mendapatkan bacaan pbumian (earthing reading) untuk semua 13 blok di kawasan ini.</i></p>	
14.4.2.3.a	<p><b>Pengurusan Makanan dan Minuman - Perjanjian Pembekalan Dan Penghantaran Barangan Keperluan ke Stor Pusat dan Dapur IRCC</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• UHMS telah menandatangani 3 kontrak secara berasingan dengan Syarikat Tee KH Enterprise untuk membekal dan menghantar barangan keperluan memasak, minuman dan makanan kering ke stor pusat IRCC bagi tempoh 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2014. Tempoh kontrak ini telah dilanjutkan dari 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015 dan jumlah keseluruhan RM2.64 juta dengan cagaran deposit berjumlah RM66,000. Kontrak telah ditandatangani oleh Pengurus Besar UHMS dan Pengurus Akaun UHMS.</li> <li>• Semakan Audit mendapati UHMS telah membayar bagi tempoh 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2015 sejumlah RM5.36 juta iaitu melebihi sejumlah RM2.72 juta berbanding nilai kontrak yang telah ditandatangani berjumlah RM2.64 juta</li> <li>• Semakan selanjutnya terhadap pengurusan perolehan tersebut mendapati perkara berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Fail dan dokumen seperti Surat Niat, Surat Setuju Terima, Surat Kelulusan Perolehan dan Jadual Pembayaran yang telah dibuat berkaitan dengan perolehan perkhidmatan tidak diselenggara oleh Bahagian Projek Khas UHMS.</li> <li>ii. Semakan Audit ke atas minit mesyuarat Jawatankuasa Tender mendapati tiada minit berkaitan dengan kelulusan kontrak dan pelanjutan kontrak di atas kecuali surat tawaran penyambungan</li> </ul> </li> </ul>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.3.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kontrak yang telah ditandatangani oleh Pengurus Besar UHMS bertarikh 20 Disember 2014.</p> <p>iii. Laporan prestasi terhadap perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh Syarikat Tee KH Enterprise tidak disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penetapan terma dan syarat kontrak perkhidmatan yang lengkap dapat menjaga kepentingan syarikat dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Pemantauan terhadap kontrak yang dilaksanakan dapat membantu UHMS dalam menilai prestasi dan mengenal pasti masalah pelaksanaan kontrak.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Dokumen berkaitan kontrak diselenggarakan oleh Bahagian Projek Khas UHMS. Manakala dokumen berkaitan pembayaran adalah dikendalikan di bawah Jabatan Akaun. Jadual pembayaran di dalam kontrak adalah hanya anggaran untuk menentukan nilai kontrak dan 'Limit of Authority' (LOA).</i></p> <p><i>Satu pasukan petugas berkaitan kontrak telah ditubuhkan oleh Interim Management Committee. Kontrak yang melibatkan bekalan bahan mentah adalah di antara kontrak yang telah dikenalpasti untuk proses penambahbaikan. Kontrak Tee KH Enterprise telah tamat pada 31 Disember 2015. Bermula Januari 2016, kesemua bahan mentah telah diklasifikasikan kepada 10 kumpulan utama dan melalui pembekal yang berasingan. Harga untuk kesemua bahan mentah akan melalui proses semakan dan perbandingan harga setiap 3 bulan. Ini adalah untuk memastikan harga yang diterima adalah kompetitif mengikut harga pasaran semasa.</i></p>	
14.4.2.3.b.i	<p><b>Pengurusan <i>Housekeeping</i> - Perkhidmatan Penyenggaraan Kawasan Luar Bangunan/Landskap dan Tapak Semaian/Penyediaan Bunga Hiasan Pejabat dan Majlis di IRCC</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>UHMS telah menandatangani kontrak dengan Syarikat Wahizal Enterprise bagi perkhidmatan penyenggaraan kawasan luar bangunan/landskap dan tapak semaian/penyediaan bunga hiasan pejabat dan majlis di IRCC bagi tempoh 1 Februari 2014 sehingga 28 Februari 2015 dan dilanjutkan tempoh sehingga 31 Januari 2016.</li> <li>Semakan Audit mendapati Syarikat Wahizal Enterprise memberi</li> </ul>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.3.b.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perkhidmatan membekalkan tong sampah jenis roro dan kerja melupus sampah bernilai RM300 bagi setiap trip untuk 4 trip sebulan. Perkhidmatan ini tidak dimasukkan dalam skop kerja perkhidmatan penyenggaraan yang dibekalkan oleh kontraktor. Pihak Audit mendapati tiada pengesahan kerja atau penilaian prestasi dan pemantauan dilakukan ke atas kerja Syarikat Wahizal Enterprise menyebabkan keadaan persekitaran IRCC adalah tidak memuaskan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Perkhidmatan pembekalan tong sampah roro tidak dimasukkan di dalam kontrak kerana kutipannya adalah mengikut keperluan sahaja. Pihak UHMS akan mengalami kerugian seandainya menetapkan bilangan kerja melupuskan sampah kerana ia tidak dibuat mengikut keperluan semasa. Kontrak Syarikat Wahizal Enterprise untuk kerja-kerja penyenggaraan kawasan luar/ landskap telah tamat pada 31 Januari 2016.</i></p>	
14.4.2.3.b.ii	<p><b>Kerja-kerja Membersih Bangunan Pejabat, Blok Hotel, Dwelling, Bilik Seminar Dan Dewan Bankuet Serta Keseluruhan Lobi Blok Di IRCC</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurus Besar dan Pengurus Akaun UHMS telah menandatangani kontrak dengan Syarikat Impian Menjadi Enterprise bagi perkhidmatan kerja-kerja membersih bangunan pejabat, Blok dan Dwelling, Bilik Seminar dan Dewan Bankuet serta keseluruhan lobi blok di IRCC bernilai RM246,084 bagi tempoh 1 Februari 2014 sehingga 31 Januari 2015. Kontrak tersebut telah dilanjutkan bagi tempoh 1 Februari 2015 sehingga 31 Januari 2016 melalui surat tawaran.</li> <li>• Semakan Audit mendapati syarikat telah membekalkan bahan-bahan pencuci seperti <i>sysmech handsoap</i>, <i>scolt multi fold handtowel</i> dan bahan-bahan kimia untuk kerja-kerja pencucian yang tidak termasuk dalam terma dan syarat kontrak. Akibatnya, UHMS telah membayar sejumlah RM16,594 untuk bekalan bahan-bahan pencuci tersebut bagi bulan April 2014 sehingga Mei 2015.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, penetapan terma dan syarat kontrak perkhidmatan yang lengkap dapat menjaga kepentingan syarikat dan melicinkan urusan pelaksanaan sesuatu perolehan. Pemantauan terhadap kontrak yang dilaksanakan dapat membantu UHMS dalam menilai prestasi dan mengenal pasti masalah pelaksanaan kontrak.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.3.b.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 10 Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Pembekalan bahan pencucian dan bahan kimia untuk pencucian tidak dimasukkan di dalam kontrak kerana penggunaan bahan-bahan tersebut adalah mengikut keperluan semasa sahaja. Pembekalan berkala itu juga adalah untuk mengawal kegunaan dan kualiti bahan pencucian. Pesanan pembelian dilakukan oleh Jabatan Housekeeping berdasarkan penggunaan dan keperluan.</i></p> <p><i>Kontrak Syarikat Impian Menjadi Enterprise untuk kerja-kerja pembersihan bangunan pejabat telah tamat pada 31 Januari 2016. Syarikat yang baru iaitu Rakan Ikhlas Sdn. Berhad telah dilantik untuk 3 skop kerja yang sebelum ini telah dipecahkan iaitu: pembersihan kawasan awam, kerja-kerja lanskap dan pelupusan sisa buangan. Senarai bahan pencucian telah dimasukkan di dalam kontrak. Skop kerja yang lengkap telah diberikan sebagai garis panduan. Jabatan Housekeeping akan menyelia dan memantau semua kerja di bawah tanggungjawab Rakan Ikhlas Sdn. Berhad.</i></p>	
14.4.2.3.b.iii	<p><b>Kerja-Kerja Perkhidmatan Dobi Di IRCC</b></p> <p>UHMS telah menandatangani kontrak dengan Syarikat Ababil Laundrette bagi perkhidmatan Dobi bernilai RM324,000 untuk tempoh 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2014. Semakan Audit mendapati perkhidmatan dobi ini masih diteruskan walaupun kontrak perkhidmatan telah tamat pada 31 Disember 2014 dan tiada lanjutan tempoh atau perjanjian baru dibuat. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Ogos 2015, sejumlah RM101,381 telah dibayar tanpa sebarang dokumen perjanjian dimeterai.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Kontrak Ababil Laundrette telah tamat tempoh pada 31 Disember 2014. Bagaimanapun, pihak pengurusan masih meneruskan menggunakan perkhidmatan dobi tersebut berdasarkan kepada Klausula 13.1 Lanjutan Masa dan Kelonggaran Syarat, sehingga proses pelantikan kontraktor baru dimuktamadkan. Kesemua kontrak yang ingin diperbaharui telah dibekukan dan ditangguhkan untuk memberi laluan kepada laporan Audit Dalaman yang dijalankan bermula Mac 2015 sehingga Ogos 2015, untuk perkara berkaitan. Proses tersebut juga telah mengambil masa berikutan Program Transformasi</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.3.b.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>syarikat yang telah dilaksanakan bermula Ogos 2015 antaranya adalah untuk memperbaiki proses pengurusan kontrak.</i></p> <p><i>Klausa 13.1 Lanjutan masa dan kelonggaran syarat memperuntuk bahawa UHMS boleh memberikan kepada pembekal lanjutan masa atau kelonggaran apa-apa syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini.</i></p>	
14.4.2.4.a.i	<p><b>Pengurusan Projek Khas - Perolehan Air Mineral</b></p> <p>Sebanyak 4 syarikat telah dipilih untuk membekal dan mengedarkan air mineral mengikut tempoh yang ditetapkan bagi tahun 2010 sehingga 2017. Kontrak bagi Syarikat Fama Corporation Sdn. Berhad dan Syarikat United Marine &amp; Aviation Resources Sdn. Berhad ada disediakan. Bagaimanapun, kontrak tidak disediakan bagi Syarikat FT Synergy International (M) Sdn. Berhad untuk pengurusan bekalan air mineral dan Cresco Marketing Sdn. Berhad untuk khidmat penghantaran. Syarat dan terma hanya dinyatakan sama ada secara ringkas dalam Surat Setuju Terima atau sebut harga yang dikemukakan oleh syarikat.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.4.a.ii
14.4.2.4.a.ii	<p>Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kaedah perolehan yang ditetapkan dalam <i>Standard Operating Procedure For Procurement Policy (SOPP)</i> telah dipatuhi kerana dokumen bagi proses pemilihan kontrak syarikat untuk bekalan air mineral tidak dikemukakan. Berdasarkan <i>Creditor Control Detail Report</i>, UHMS telah membuat bayaran sejumlah RM792,535 bagi tempoh bulan Januari 2014 sehingga Disember 2015 kepada 4 syarikat untuk bekalan dan penghantaran air mineral.</p> <p>Pada pendapat Audit, pematuhan kepada SOPP dan penyelenggaraan kontrak yang teratur dan kemas kini boleh menjaga kepentingan syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Surat tawaran daripada FT Synergy International (M) Sdn. Berhad dan Cresco Marketing Sdn. Berhad diterimapai oleh syarikat sebagai kontrak yang sah setelah mengambil kira dokumen tersebut memenuhi kriteria kontrak:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Produk/Perkhidmatan</i></li> <li>• <i>Harga</i></li> <li>• <i>Tempoh kontrak</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Terma pembayaran</i></li> <li>• <i>Terma penghantaran</i></li> <li>• <i>Kuantiti</i></li> <li>• <i>Kualiti</i></li> <li>• <i>Notis penamatan</i></li> <li>• <i>'Offer and acceptance'</i></li> </ul>	
14.4.2.4.b.i	<p><b>Starter Kit</b></p> <p><i>Starter Kit</i> yang diedarkan kepada semua pelajar baru yang mendaftar adalah terdiri daripada tali leher, skaf, beg, pen dan <i>lanyard</i>. Bayaran yang dikenakan kepada pelajar baru untuk <i>Starter Kit</i> adalah RM34.50 yang termasuk dalam yuran pelajar. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif UiTM pada 11 April 2011 bersetuju UHSB melalui UHMS membekal dan mengedar tali leher dan skaf sahaja bagi siswa dan siswi mulai bulan Mei 2011. Bagaimanapun, tiada keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif UiTM bagi pengurusan membekal dan mengedar <i>Starter Kit</i> oleh UHMS mulai tahun 2013.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.2.4.b.iii
14.4.2.4.b.ii	<p>Bagi tahun 2012, hanya tali leher dan skaf sahaja dibekalkan kepada pelajar baru semasa minggu Destini Siswa. Syarikat yang terlibat bagi bekalan ini adalah Jakel Trading dan Finetransact Sdn. Berhad masing-masing dengan harga kontrak RM8.00 dan RM7.80 sehelai mengikut kuantiti yang dipesan. Mulai tahun 2013 dengan tambahan item untuk pendaftaran pelajar baru iaitu beg, pen dan <i>lanyard</i> selain tali leher dan skaf yang dikenali sebagai <i>Starter Kit</i> dibekalkan oleh Syarikat Empayar Teguh Niaga Sdn. Berhad dengan harga RM8.00 sehelai dan Finetransact Sdn. Berhad dengan harga kontrak RM7.80 sehelai. Pada tahun 2015, bekalan <i>Starter Kit</i> dibuat dengan syarikat Finetransact Sdn.</p>	
14.4.2.4.b.iii	<p>Semakan Audit mendapati kontrak tidak disediakan bagi bekalan <i>Starter Kit</i> antara UHMS dengan Syarikat Finetransact Sdn. Berhad. Syarat dan terma kontrak dinyatakan secara ringkas melalui surat tawaran perkhidmatan membekal dan mengedar tali leher, skaf, beg, pen dan <i>lanyard</i> bertarikh 1 Februari 2014 dan 20 November 2014.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 10 Mac 2016</p> <p><i>Perkhidmatan bekalan starter kit telah dimeterai bersama Syarikat Finetransact Sdn Berhad melalui Surat Tawaran Perkhidmatan. Kontrak</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tersebut akan disediakan sebelum 30 April 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi aktiviti UHMS adalah kurang memuaskan kerana mengalami penurunan keuntungan kasar bagi tahun 2013, 2014 dan sehingga bulan September 2015 iaitu masing-masing sejumlah RM6.77 juta, RM5.21 juta dan RM2.19 juta. Selain itu, pengurusan kontrak bagi perkhidmatan dan pembekalan tidak dilaksanakan secara teratur antaranya pematuhan kepada SOPP, tiada kontrak dimeterai, kontrak tidak terperinci dan penyimpanan dokumen kontrak yang tidak teratur.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 25 Mac 2016</p> <p><i>UHMS telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan untuk keseluruhan prestasi aktiviti sejak tahun 2014. Antaranya adalah seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Pelaksanaan Prosedur Audit Dalaman pada suku ke-4 tahun 2014.</i></li> <li><i>ii. Penubuhan "Interim Management Committee" untuk mengambil alih pengurusan UHMS pada suku ke-3 tahun 2015.</i></li> <li><i>iii. Penubuhan 10 Task Force untuk mengkaji semula proses penambahbaikan pada suku ke-3 tahun 2015.</i></li> <li><i>iv. Penubuhan Jabatan Audit Dalaman Kumpulan yang melaksanakan Audit Perolehan untuk UHMS pada suku ke-4 tahun 2015.</i></li> </ul>	
14.4.3.1	<p><b>Tadbir Urus Korporat</b></p> <p>Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat bagi memastikan kualiti serta integriti organisasi. Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat UHMS adalah memuaskan.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.3.3
14.4.3.2	<p>Mengikut Buku Hijau <i>Enhancing Board Effectiveness</i> yang dikeluarkan oleh Khazanah Nasional Berhad, syarikat perlu menjalankan penilaian tahunan terhadap keberkesanan ahli Lembaga Pengarah Syarikat secara keseluruhan dan sumbangan setiap ahlinya. Semakan Audit mendapati UHMS tidak menjalankan penilaian keberkesanan terhadap ahli Lembaga Pengarahnya sejak penubuhannya.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.4.3.3	<p>UHMS juga tidak mempunyai rancangan korporat jangka panjang bagi merancang dan menentukan hala tuju syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Mesyuarat Lembaga Pengarah UHSB pada 19 Januari 2016 telah meluluskan penubuhan Remuneration Committee berserta Terms Of Reference yang termasuk membuat penilaian ke atas ahli Lembaga Pengarah untuk semua anak syarikat UHSB.</i></p> <p><i>UHMS telah menyediakan perancangan korporat jangka panjang untuk 5 tahun dan telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah UHMS pada 14 Disember 2015.</i></p>	
14.4.4.1	<p><b>Kemasukan Ke Bank</b></p> <p>Mengikut SOP Bahagian Kewangan UHMS pada tahun 2002 menyatakan terimaan tunai dan cek hendaklah dimasukkan ke dalam bank pada hari yang sama. Semakan Audit mendapati 115 serahan yang terdiri daripada kutipan hotel, makanan dan minuman serta <i>outlet</i> berjumlah RM1.04 juta bagi tahun 2014 sehingga bulan Julai 2015 lewat dibankkan antara 5 hingga 17 hari. Selain itu, UHMS juga menggunakan wang hasil kutipan untuk menampung perbelanjaan melalui panjar wang runcit sekiranya tidak mencukupi. Semakan seterusnya terhadap dokumen kutipan harian UHMS mendapati tiada tandatangan dalam ruangan pegawai yang bertanggungjawab sebagai tanda semakan tunai telah dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan terimaan tunai dan cek di UHMS adalah kurang memuaskan. Terimaan tunai yang lewat dimasukkan ke bank boleh menyebabkan wang tunai terdedah kepada risiko kecurian atau disalahgunakan. UHMS juga tidak sewajarnya menggunakan tunai daripada hasil kutipan untuk menampung perbelanjaan panjar wang runcit yang tidak mencukupi. Ini menyebabkan hasil kutipan sebenar yang dibankkan tidak sama dengan rekod hasil kutipan dan boleh menyebabkan hasil terkurang dinyatakan dalam rekod.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>SOP yang baru telah disediakan berkaitan dengan hasil kutipan tunai. UHMS</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.4.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>telah melantik Safeguards G4S Sdn. Berhad untuk proses memasukkan hasil kutipan tunai ke dalam bank. Semua kutipan tunai harian akan dimasukkan setiap minggu pada hari Khamis. Segala risiko berkaitan tunai ini adalah di bawah perlindungan insurans yang disediakan oleh Safeguards G4S Sdn. Berhad. Perbelanjaan yang kerap kali ditampung menggunakan hasil kutipan tunai adalah untuk pembayaran pekerja sambilan yang berlaku setiap minggu. Jabatan Akaun telah menyediakan satu duit 'float' baru khusus untuk pembayaran pekerja sambilan supaya hasil kutipan tunai harian tidak akan digunakan lagi untuk tujuan tersebut.</i></p>	
<p><b>14.4.4.2.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Kawalan Kredit</b></p> <p>Polisi pengurusan kredit perlu disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi membolehkan pegawai yang bertanggungjawab melaksanakan tugasnya dengan lebih teratur. Semakan Audit mendapati UHMS tidak menyediakan polisi pengurusan kredit sebagai panduan untuk menguruskan penghutang syarikat. Semakan Audit mendapati jumlah penghutang UHMS sehingga bulan Jun 2015 adalah RM3.03 juta.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.4.2.d</p>
<p><b>14.4.4.2.b</b></p>	<p>Berdasarkan jadual di atas, tempoh penghutang yang melebihi 60 hari adalah berjumlah RM1.01 juta yang terdiri daripada sektor korporat, kerajaan, individu dan lain-lain penghutang. Penghutang yang tertinggi adalah sejumlah RM1.57 juta yang terdiri daripada UiTM serta cawangannya dan diikuti oleh sektor Kerajaan iaitu sejumlah RM500,498.</p>	
<p><b>14.4.4.2.c</b></p>	<p>Semakan terhadap 59 penghutang yang terdiri daripada sektor korporat, Kerajaan, individu dan lain-lain penghutang mendapati tunggakan yang melebihi 12 bulan sejumlah RM332,425. Tunggakan paling tinggi adalah hasil dari jualan bilik penginapan, seminar dan <i>Starter Kit</i> diikuti sewaan bangunan serta majlis perkahwinan.</p>	
<p><b>14.4.4.2.d</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati UHMS tidak mengeluarkan surat peringatan kepada penghutangnya bagi mengutip tunggakan hutang tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan hutang adalah kurang memuaskan kerana tiada polisi pengurusan kredit disediakan menyebabkan hutang telah tertunggak melebihi 60 hari berjumlah RM1.01 juta. UHMS perlu memastikan penghutang melunaskan bayaran perkhidmatan yang telah diterima dengan segera bagi mengelakkan hutang tersebut menjadi hutang tidak berbayar dan terpaksa dilupuskan kerana telah melampaui jangka waktu yang lama.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari Dan 25 Mac 2016</p> <p><i>Polisi pengurusan kredit dan polisi bil dan kutipan telah disediakan dalam SOP Jabatan Akaun. Jabatan Akaun telah membuat tindakan susulan untuk melunaskan bayaran daripada penghutang dari semasa ke semasa. Surat peringatan dan penyata semasa juga dikeluarkan setiap bulan. Sejumlah RM703,574.21 telah diterima daripada RM1.01 juta untuk penghutang yang melebihi 60 hari.</i></p>	
<b>14.4.4.3.a</b>	<p><b>Prosedur Perolehan</b></p> <p>Perolehan hendaklah diuruskan dengan cekap, teratur dan sempurna mengikut peraturan dan tatacara perolehan. Ini adalah bagi memastikan tidak berlaku pembaziran, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta memberi nilai pulangan yang baik. Perolehan yang teratur, telus dan sempurna dapat menjimatkan perbelanjaan, kualiti bekalan terjamin dan perkhidmatan yang diterima pada tempoh yang ditetapkan. Kaedah dan nilai perolehan yang diguna pakai mengikut SOPP UHMS terbahagi kepada 3 perolehan iaitu perolehan aset/perkhidmatan, bukan aset/perkhidmatan serta <i>Direct Negotiation</i>.</p>	Semua dokumen berkaitan kontrak telah diselenggara dan dikendalikan oleh Jabatan Akaun.
<b>14.4.4.3.b</b>	Semakan Audit mendapati UHMS tidak menyelenggara sebarang dokumen berkaitan dengan perolehan yang dilaksanakan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada perolehan yang dilaksanakan telah mengikut SOPP yang ditetapkan.	
<b>14.4.4.3.c</b>	Mengikut Limit of Authorities (LOA) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah UHMS bagi nilai kontrak melebihi RM250,000 sehingga RM1 juta hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Tender. Semakan Audit mendapati 5 kontrak yang bernilai melebihi RM250,000 telah diluluskan oleh Pengurus Besar UHMS melalui surat tawaran kepada pembekal dan ini adalah bertentangan dengan LOA yang diluluskan.	
<b>14.4.4.3.d</b>	Selain itu, para 1.9 LOA menyatakan setiap transaksi yang tiada dalam LOA atau tidak jelas maksudnya berbanding kehendak SOPP/Garis Panduan syarikat, kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif UHSB perlu diperolehi secara bertulis. Semakan Audit mendapati UHMS tidak mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif UHSB bagi 5 lanjutan kontrak tersebut.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, perolehan UHMS mengikut SOPP yang disediakan dapat memastikan perolehan yang dilakukan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>Draf SOPP yang baru telah disediakan oleh UHSB dan tertakluk kepada kelulusan pada bulan Mei 2016. Pihak pengurusan telah mengambil tindakan tatatertib ke atas Pengurus Besar UHMS terdahulu untuk segala salah laku yang telah dilakukan. Interim Management Committee (IMC) yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif UHSB telah menubuhkan satu pasukan petugas Task Force untuk menyemak dan mengambil tindakan untuk 10 kontrak utama yang terdapat di UHMS. Tindakan pembetulan telah diambil untuk kontrak-kontrak tersebut di mana kontraktor yang terlibat tidak lagi digunakan dan digantikan dengan kontraktor lain. Bermula September 2015, semua pembaharuan kontrak dan pelantikan kontrak yang baru adalah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif UHSB.</i></p>	
<p><b>14.4.4.4.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset</b></p> <p>Daftar aset adalah bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemas kini, memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan keadaan aset diketahui, memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset. Semakan Audit mendapati UHMS tidak menyediakan Prosedur Operasi Standard berkaitan dengan tatacara pengurusan aset tetap.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 14.4.4.4.b</p>
<p><b>14.4.4.4.b</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati UHMS hanya menyediakan senarai aset tetap sehingga tahun 2014 sahaja melalui <i>Detailed Fixed Asset Register</i>. Bagaimanapun senarai aset yang dibeli bagi tahun 2014 tidak diberi nombor siri pendaftaran atau tanda pengenalan pada aset. Kedudukan sebenar aset tetap tidak dapat dikenal pasti dan semakan sukar dilaksanakan bagi tujuan pemantauan selain terdedah kepada risiko kehilangan. UHMS juga tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat sejak tahun 2013.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHMS Diterima Pada 29 Februari 2016</p> <p><i>SOP berkaitan pengendalian aset telah disediakan. Tindakan akan diambil untuk memastikan semua aset tetap diberi nombor siri. Pemeriksaan fizikal</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>berkala akan dijadualkan. UHMS dengan kerjasama daripada Kumpulan Modal Insan akan melantik seorang pegawai untuk menguruskan aset tetap syarikat yang dijangka dapat dipenuhi pada bulan April 2016. Tanggungjawab tersebut akan dipantau di bawah Jabatan Akaun UHMS.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan kewangan UHMS adalah kurang memuaskan kerana terdapatnya isu ketidakpatuhan terhadap SOP, masih terdapat SOP yang tidak dikemaskinikan dan SOP bagi pengurusan kawalan kredit serta pengurusan aset tidak disediakan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2015 SIRI 1**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**Perenggan 15 : Pengurusan Syarikat UNIMAS Holdings Sdn. Berhad**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.4.2.1	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Perjanjian Pengurusan Bagi Program Lepas Siswazah</b></p> <p>UHSB menganjurkan 6 program lepasan siswazah iaitu <i>Master in Business Administration (MBA)</i>, <i>Master of Science Human Resources Development (Msc HRD)</i>, <i>Master of Science in Learning Science (Msc LS)</i>, <i>Master in Engineering (M.Eng.)</i>, <i>Master of Advanced Information Technology (MAIT)</i> dan <i>Master of Environmental Science (Land Use and Water Resource Management) (SLUSE)</i>. Program tersebut dijalankan di Kampus UNIMAS Kuching, Sibul <i>Learning Centre</i> dan Miri <i>Learning Centre</i>. Bagaimanapun, tiada perjanjian pengurusan dimeterai antara UHSB dengan UNIMAS bagi menentukan skop kerja, terma dan syarat serta kos perkhidmatan semenjak UHSB menganjurkan program ini bermula pada tahun 2006.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 26 Februari 2016</p> <p><i>UHSB dalam proses membuat semakan terakhir setelah mendapat maklum balas daripada UNIMAS berkenaan penambahbaikan skop kerja, terma dan syarat sebelum perjanjian pengurusan dapat ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Perjanjian pengurusan tersebut dijangka selesai dalam bulan Mac/April 2016.</i></p>	<p>Perjanjian pengurusan tersebut dijangka selesai pada awal suku ketiga tahun 2016. Perjanjian pengurusan tersebut masih terdapat sedikit perubahan yang perlu dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebelum ditandatangani.</p>
15.4.2.2.b	<p><b>Sewaan Dan Pengurusan Bangunan</b></p> <p>Pendapatan sewa dan pengurusan bangunan telah menurun daripada RM1.84 juta pada tahun 2013 kepada RM1.31 juta pada tahun 2014. Ini disebabkan tempoh sewaan asrama oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS di tingkat 1 bangunan UHSB telah tamat pada bulan Jun 2014 manakala sewaan di tingkat 2 dan 3 tamat pada bulan Januari 2015. Sehingga tarikh pengauditan, tiada perancangan khusus telah dibuat oleh UHSB bagi mengisi kekosongan bangunan yang tidak disewakan.</p>	<p>Tingkat 2 dan 3 telahpun disewa oleh pihak Cosmopoint sebagai tempat kediaman pelajar sejak March 2016 untuk tempoh 2 tahun.</p> <p>Tingkat 1 digunakan sebagai tempat operasi pejabat UHSB. Manakala tingkat bawah akan digunakan sebagai Pusat Neuro Klinik UNIMAS yang dikendalikan oleh Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.4.2.2.c	<p>Bangunan UHSB di tingkat 1 hingga 3 yang disewakan kepada UNIMAS telah diubahsuai mengikut keperluan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS. UHSB telah menanggung kos pengubahsuaian berjumlah RM2.02 juta bagi menyediakan ruang bangunan yang bersesuaian dengan keperluan pensyarah dan asrama pelajar fakulti perubatan. Perjanjian sewaan antara UHSB dan UNIMAS tidak menyatakan kos pengubahsuaian ini perlu ditanggung oleh UHSB. Bagaimanapun, perjanjian tersebut menyatakan UNIMAS hendaklah membaik pulih bangunan yang telah diubahsuai kepada bentuk dan keadaan asal bangunan setelah tamat kontrak sewaan. Lawatan Audit ke Bangunan UHSB pada 19 Januari 2015 mendapati premis masih belum dibaik pulih kepada keadaan asal. Keadaan ini menyukarkan UHSB untuk menyewakan premis tersebut kepada pihak lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bangunan UHSB adalah kurang memuaskan kerana tiada perancangan khusus dibuat terhadap penyewaan ruangan kosong di tingkat 1 hingga 3, Bangunan UHSB. Ini menyebabkan UHSB kehilangan hasil sewaan bagi menampung bayaran pinjaman dan kos pengubahsuaian berjumlah RM2.02 juta. Selain itu, pengubahsuaian bangunan kepada keadaan asal belum dilaksanakan oleh UNIMAS dan menyukarkan UHSB untuk menyewakan ruang bangunan tersebut kepada pihak luar.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>Kolej Cosmopoint berminat untuk menyewa tingkat 2 dan 3 sebagai tempat kediaman pelajar. UHSB dalam proses membuat semakan terakhir setelah mendapat maklum balas daripada Kolej Cosmopoint berkenaan penambahbaikan skop kerja, terma dan syarat sebelum perjanjian dapat ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Perjanjian pengurusan tersebut dijangka selesai pada bulan Mac 2016. Kolej Cosmopoint dijangka akan masuk pada bulan Mac 2016 untuk tempoh 2 tahun.</i></p> <p><i>Tingkat 1 bangunan UHSB akan digunakan sebagai tempat operasi pejabat UHSB. UHSB masih mencari penyewa yang berminat untuk menyewa tingkat bawah bangunan setelah National Kidney Foundation of Malaysia (Kuching Dialysis Centre) tidak lagi berminat untuk menyewa. UHSB telah memanggil beberapa agen hartanah bagi membantu mencari penyewa yang berminat untuk menyewa tingkat bawah tersebut.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.4.2.3.a.ii	<p><b>Pengurusan Syarikat Subsidiari - UNIMAS-MEDIC Sdn. Berhad (UMSB)</b></p> <p>Pada tahun 2013, satu kajian <i>due diligence</i> telah dijalankan oleh UNIMAS bagi mengenal pasti punca kerugian UMSB. Hasil kajian tersebut mencadangkan supaya UMSB meneruskan operasi dengan suntikan tunai atau pendahuluan bulanan daripada UNIMAS, operasi diuruskan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS atau penjualan pelaburan. Mesyuarat Lembaga Pengarah UMSB pula memutuskan untuk menamatkan operasi UMSB pada 30 Jun 2013 hasil daripada <i>due diligence</i> yang dijalankan dan masalah kewangan di mana jumlah pendapatan yang diperoleh tidak dapat menampung kos jualan dan belanja syarikat.</p>	<p>UMSB sedang dalam proses liquidasi syarikat seperti yang dipersetujui oleh ahli Lembaga Pengarah UMSB pada 2 Disember 2015 dan prosesnya dijangka selesai pada tahun 2016.</p>
15.4.2.3.a.iii	<p>Semakan Audit mendapati jumlah liabiliti UMSB bagi tahun 2012 sehingga 2014 adalah melebihi jumlah aset. Liabiliti UMSB terdiri daripada <i>amount due to holding company</i> dan pemiutang perniagaan manakala aset terdiri daripada tunai, penghutang dan aset perubatan. Penurunan jumlah aset pada tahun 2014 adalah disebabkan penurunan nilai aset perubatan, inventori dan <i>deferred tax asset</i>. Pendapatan lain bagi tahun 2014 meningkat disebabkan subsidi yang diterima daripada UNIMAS berjumlah RM2.48 juta. UMSB mengalami kerugian terkumpul bagi 3 tahun berturut-turut melebihi modal berbayar syarikat.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>Pada tahun 2014, UHSB telah berhubung dengan Tancah Sdn. Berhad untuk berkolaborasi dengan UMSB namun tiada keputusan akhir telah dibuat oleh Tancah Sdn. Berhad. Selain itu, pada bulan Jun 2015 Columbia Asia juga bercadang untuk berkolaborasi namun pada bulan Ogos 2015 Columbia Asia menolak peluang kolaborasi tersebut. Lembaga Pengarah UNIMAS-Medic Sdn. Berhad telah mengadakan mesyuarat pada 2 Disember 2015 dan memutuskan supaya syarikat ini ditutup.</i></p>	
15.4.2.3.a.iv	<p>Lawatan Audit pada 19 Januari 2015 mendapati UMSB belum memindahkan peralatan perubatan bernilai RM0.99 juta kepada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS walaupun operasi PPS telah ditamatkan mulai bulan Jun 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan syarikat subsidiari UMSB adalah tidak memuaskan kerana jumlah liabiliti melebihi jumlah aset dan UMSB mengalami kerugian terkumpul bagi 3 tahun berturut-turut. Selain itu, peralatan perubatan</p>	<p>Pihak Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan masih belum mendapat kelulusan peruntukan daripada pihak Bendahari UNIMAS bagi pengubahsuaian tempat di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bagi menempatkan peralatan-peralatan tersebut.</p> <p>Namun, pemindahan tersebut dijangka akan selesai pada suku ketiga tahun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang belum dipindahkan boleh menyebabkan UHSB kehilangan hasil sekiranya terdapat permintaan untuk menyewa premis tersebut. Peralatan yang tidak digunakan juga boleh menyebabkan pembaziran dan objektif pembelian peralatan tidak tercapai.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>Pemindahan akan dibuat secara berperingkat setelah pemeriksaan peralatan perubatan dibuat dan dijangka selesai dalam bulan Disember 2015. UNIMAS dalam proses membuat pengubahsuaian tempat di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan kerana peralatan tersebut memerlukan tempat yang khusus untuk dipindahkan.</i></p>	
15.4.2.3.b.ii	<p><b>UNIMAS Technologies Sdn. Berhad (UTSB)</b></p> <p>UTSB mengalami penurunan pendapatan pada tahun 2012 dan 2013 serta tiada sebarang pendapatan diperolehi pada tahun 2014. Kerugian selepas cukai bagi tahun 2012 berjumlah RM23,896 dan 2014 berjumlah RM3,667 UTSB mengalami kerugian terkumpul bagi 3 tahun berturut-turut dan kerugian terkumpul UTSB setakat 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM44,656.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan syarikat subsidiari adalah tidak memuaskan kerana mengalami kerugian berterusan bagi tempoh 3 tahun. Selain itu, UMSB dan UTSB tidak mempunyai hala tuju yang jelas bagi mencapai objektif penubuhannya.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>UHSB baru menandatangani Memorandum of Understanding dengan Zecon Berhad di mana UTSB akan berfungsi sebagai penggerak bagi Special Purpose Vehicle untuk pembangunan blok komersial untuk UNIMAS Teaching Hospital.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti utama UHSB adalah memuaskan. Pendapatan aktiviti utama UHSB menunjukkan peningkatan untung kasar bagi tahun 2012 sehingga 2014. Bagaimanapun, prestasi pendapatan daripada sewaan dan yuran pengurusan bangunan menunjukkan penurunan pada tahun 2014. Selain itu, pengurusan syarikat subsidiari UHSB iaitu UMSB dan UTSB adalah tidak memuaskan kerana</p>	UTSB akan digunakan untuk membangunkan UNIMAS Teaching Hospital.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	prestasi kewangan syarikat yang lemah dan tiada aktiviti dijalankan.	
15.4.4.1	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Pengurusan Kewangan - Peraturan Kewangan Dan Perakaunan</b></p> <p>UHSB menggunakan draf <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) yang telah dikemas kini pada tahun 2014 bagi pengurusan kewangannya. Bagaimanapun, SOP ini belum mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah UHSB.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>UHSB masih menggunakan SOP yang telah diluluskan pada tahun 2007. Sebarang penambahbaikan ke atas SOP asal akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat untuk mendapat kelulusan. Penambahbaikan ke atas SOP asal sedang dibuat secara berperingkat. Draf SOP yang telah dikemas kini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas pada bulan Disember 2015.</i></p>	Sebarang penambahbaikan ke atas SOP asal akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Syarikat untuk kelulusan secara berperingkat-peringkat.
15.4.4.2.a	<p><b>Pengurusan Kawalan Kredit</b></p> <p>Setakat bulan Disember 2014, UHSB mempunyai 129 penghutang berjumlah RM2.74 juta yang terdiri daripada yuran pelajar sarjana, pelajar tajaan daripada kementerian atau agensi, yuran penyelidikan am dan sewaan. Semakan Audit terhadap 15 sampel akaun penghutang UHSB yang melebihi 90 hari dan jumlah hutang melebihi RM10,000 mendapati tindakan kutipan balik kurang memuaskan. Terdapat akaun penghutang yang tertunggak sehingga 7 tahun berjumlah RM725,439 tetapi tiada tindakan diambil.</p>	UHSB sedang membuat penambahbaikan SOP sedia ada. UHSB akan menyemak balik prosedur pengurusan kredit dan mengutip balik hutang dan membuat penambahbaikan agar hutang tertunggak dapat diuruskan dengan lebih teratur. Daripada RM2.74 juta hutang, UHSB telah pun menerima pembayaran balik hutang sejumlah RM2.2 juta sehingga bulan Julai 2015. Baki hutang sebanyak RM500 ribu telahpun dibayar balik oleh penghutang sehingga bulan December 2015.
15.4.4.2.b	Semakan Audit mendapati sejumlah RM78,918 adalah tunggakan yuran bagi 6 pelajar sarjana yang berhenti, tangguh dan diberhentikan daripada pengajian sejak tahun 2007. Sejumlah RM154,470 adalah tunggakan yuran bagi Penyelidikan Am yang belum dikutip dari 3 syarikat dan telah tertunggak dari tahun 2008. Selain itu, sejumlah RM207,080 adalah tunggakan yuran pelajar yang ditaja oleh Kementerian dan Jabatan bermula dari tahun 2007 tetapi bayaran belum dibuat kepada UHSB. Lain-lain penghutang adalah Kolej Multimedia Kuala Lumpur dan Utara yang merupakan tuntutan bagi bayaran perkhidmatan pensyarah sambilan serta tuntutan royalti pengambilan pelajar ke atas Program Akademik antara UHSB dan Kolej Multimedia yang tertunggak sejak tahun 2007.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.4.4.2.c	<p>Semakan selanjutnya mendapati tiada tindakan daripada UHSB untuk mengutip kembali hutang seperti menghubungi penghutang, menghantar notis peringatan serta mengambil tindakan undang-undang. Fail penghutang juga tidak diselenggara dengan baik di mana salinan invois dan perjanjian program kerjasama tidak difailkan. Maklumat penghutang seperti alamat dan nombor telefon tidak dikemas kini juga antara faktor yang menyukarkan UHSB untuk mengambil tindakan mengutip balik hutang tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan prosedur pengurusan kredit yang disediakan tidak menjelaskan prosedur kutipan hutang secara terperinci.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>UHSB sedang membuat penambahbaikan SOP sedia ada. UHSB akan menyemak balik prosedur pengurusan kredit dan mengutip balik hutang dan membuat penambahbaikan agar hutang tertunggak dapat diuruskan dengan lebih teratur. Daripada RM2.74 juta hutang, UHSB telah pun menerima pembayaran balik hutang sejumlah RM2.2 juta sehingga bulan Julai 2015.</i></p>	
15.4.4.2.d	<p>Semakan Audit terhadap Laporan Penghutang pula mendapati ada penghutang yang berbaki kredit. Semakan lanjut terhadap 18 sampel akaun penghutang berbaki kredit yang tertinggi adalah terdiri daripada penghutang pelajar sarjana serta sewaan kedai di <i>Student Pavilion</i> berjumlah RM43,456.</p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 15.4.4.2.e
15.4.4.2.e	<p>Berdasarkan temu bual dengan pegawai UHSB, akaun penghutang ini berbaki kredit disebabkan penghutang terlebih bayar daripada jumlah hutang sebenar. Bagaimanapun, UHSB masih dalam proses semakan untuk memastikan sama ada penghutang terlebih bayar ataupun kesilapan akaun.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan kredit adalah kurang memuaskan kerana terdapat hutang yang tertunggak berjumlah RM725,439 sejak tahun 2007 dan masih belum dikutip. Selain itu, UHSB juga mempunyai penghutang berbaki kredit yang masih belum diambil tindakan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>Kebanyakan penghutang yang berbaki kredit merupakan lebihan bayaran kepada UHSB. Baki kredit tersebut akan digunakan untuk kontra ke atas invois yang akan dikeluarkan. Sekiranya tiada invois yang akan dikeluarkan, UHSB akan membayar balik lebihan kepada penghutang tersebut. Cara</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>pemantauan UHSB adalah dengan membuat penyelarasan akaun Account Receivable setiap bulan.</i>	
15.4.4.3	<p><b>Daftar Dan Pemeriksaan Fizikal Aset</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2014, UHSB memiliki aset tetap berjumlah RM9.63 juta meliputi bangunan, kenderaan, komputer, peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan serta kos pengubahsuaian. Semakan Audit mendapati UHSB tidak menyediakan Daftar Harta Tetap dan pemeriksaan fizikal aset juga tidak dilakukan. Selain itu, UHSB tidak mempunyai tatacara pengurusan aset bagi menguruskan aset berkaitan. Ini menyebabkan kedudukan aset tidak dapat dikenal pasti dan terdedah kepada risiko kehilangan serta menyukarkan proses pemantauan.</p> <p>Maklum Balas Daripada UHSB Diterima Pada 10 Ogos Dan 3 Disember 2015</p> <p><i>UHSB telah mula menyediakan Daftar Harta Tetap dan akan membuat pemeriksaan aset sekurang-kurangnya sekali setahun. Perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas pada bulan Disember 2015. Pemeriksaan fizikal aset telah dijalankan mulai bulan Jun 2015.</i></p>	Maklum balas adalah kekal sama seperti di perenggan 15.4.4.3



**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2016  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773